


E-Proceeding CIMS 2021

Azlisham Abdul Aziz

Related papers

[Download a PDF Pack](#) of the best related papers 



[Tajdid dan Islah](#)

Mohd Roslan Mohd Nor

[Sumbangan Para Mufassir di Andalus: Ketokohan dan Metodologi Pentafsiran](#)

M.M. Noor

[FIKRAH MURRABI " MEMBANGUN BERSAMA ISLAM " TOK GURU NIK ABDUL AZIZ BIN NIK MAT \(DATO' B...](#)

Nik Raihan Abd Rahman

PROSIDING
PERSIDANGAN
ANTARABANGSA
SOSIOPOLITIK
GERAKAN ISLAM
SEDUNIA

“Ulama Penggerak Sosiopolitik Ummah”

 **CIMS 2021**

**CONFERENCE ON INTERNATIONAL UNION FOR
MUSLIM SCHOLARS IN SOCIO-POLITICS**

المؤتمر للاتحاد العالمي لعلماء المسلمين في السياسة الاجتماعية

24 & 25 FEBRUARI 2021

Penyelenggara:
HAZIYAH HUSSIN (DR)

Anjuran Bersama-sama:





Diterbitkan oleh

YAYASAN DAKWAH ISLAMIAH MALAYSIA

Aras 4, Blok D
Kompleks Islam Putrajaya
No. 3 Jalan Tun Abdul Razak, Presint 3
62100 PUTRAJAYA

Tel.: 03-88703870 Faks.: 05-88703871

www.yadim.com.my

© Yayasan Dakwah Islamiah Malaysia
Cetakan Pertama 2021

Hak cipta terpelihara. Tidak dibenarkan mengeluar ulang mana-mana bahagian daripada terbitan ini atau disimpan dalam apa jenis perolehan kembali termasuk dalam bentuk elektronik, mekanik, fotokopi, rakaman atau dalam cara lain tanpa kebenaran bertulis daripada pihak Yayasan Dakwah Islamiah Malaysia dan Universiti Kebangsaan Malaysia.

Perpustakaan Negara Malaysia Data Pengkatalogan-dalam-Penerbitan
Persidangan Antarabangsa Sosiopolitik Gerakan Islam Sedunia (2021: Dalam talian) PROSIDING
PERSIDANGAN ANTARABANGSA SOSIOPOLITIK GERAKAN ISLAM SEDUNIA "Ulama Penggerak
Sosiopolitik Ummah" = CONFERENCE ON INTERNATIONAL UNION FOR MUSLIM SCHOLARS IN
SOCIO-POLITICS, 24 & 25 FEBRUARI 2021 / Penyelenggara: HAZIYAH HUSSIN
ISBN 978-967-5128-58-5

1. Islam and politics—Congresses.
2. Islam and state—Congresses.
3. Ummah (Islam)—Congresses.
4. Da'wah (Islam).
 - I. Haziyah Hussin, 1974-. II. Judul.
 - II. 297.272

Dicetak oleh
PERNIAGAAN NORMAHS
No. 3,5 & 7, Jalan 12/10, Taman Koperasi Polis Fasa 1
68100 Mukim Batu, Kuala Lumpur.
Tel.: 03-61888940

KANDUNGAN

- Prakata **vi**
Kata Alu-aluan Yang Dipertua Yayasan Dakwah Islamiah Malaysia **vii**
Kata Alu-aluan Naib Canselor Universiti Kebangsaan Malaysia **viii**
Kata Alu-aluan Ketua Pegawai Eksekutif Terengganu Strategic &
Integrity Institute **x**
Kata Alu-aluan Pengarah CIMS 2021 **xi**
1. Peranan Badan Dakwah dan NGO dalam Menanam Kesedaran Politik dalam Kalangan Masyarakat
Nasrudin Hassan **1**
 2. Aplikasi Pendekatan Kaedah Perubahan Hukum dengan Berubahnya Masa dalam Siyasa Syariyyah
Mohd Izzuddin Mohd. Noor & Fatimah Nadirah Mohd. Noor **11**
 3. *Fajar Sarawak* (1930): Gagasan dan Perjuangan Keulamaan dalam Konteks Nasioislamisme dan Dekadensisme Dunia Melayu
Nordi Achie **22**
 4. Ketokohan dan Pemikiran Dakwah-Politik Pak Natsir (1908-1993)
Abdur Razzaq & Badlihisam Mohd. Nasir **40**
 5. Sumbangan dan Sokongan Alumni KIAS Terhadap Dasar Membangun Bersama Islam (MBI) Negeri Kelantan
Rahim Kamarul Zaman, Mohd. Ramizu Abdullah & Mujiburrahman Muhammad Saleh **58**
 6. Tuan Guru Haji Daud Bin Haji Yusof: Sumbangan sebagai Tokoh Ulama di Kelantan
Ahmad Syakir Mohd. Nassuruddin, Mohd Zain Mubarak & Mohd. Fadli Ghani **74**
 7. Politik Islam Menurut Hamka Berdasarkan *Tafsir Al-Azhar*
Mohd. Fadli Ghani **86**
 8. Konsep Keadilan Pemerintahan Menurut Kitab Nasihat Raja-Raja, Terengganu
Wan Sukairi Wan Abdullah & Mohd. Fadli Ghani **107**
 9. Tuan Guru Haji Abdul Hadi Awang: Tokoh Gerakan Islam dan Pentafsir al-Quran di Nusantara
Syamimi Amira Shamsul Baharin & Najah Nadiah Amran **122**

10. Program Pembangunan (Tarbiyah) Mualaf di Negara Brunei Darussalam: Analisis Pelaksanaan Skim Bimbingan Pengenalan Islam
Muhammad Firdaus Rusman 138
11. Prinsip Asas Hubungan Kemasyarakatan antara Agama dalam Konteks Pemahaman Agama Islam dan Agama Kristian
Mirzatul Aqilah Mat Nor & Yusri Mohamad Ramli 149
12. Pendekatan Dakwah Politik Abdul Hadi Awang di Malaysia: Tumpuan Kepada Tafsir Surah Yaasin
Mira Farisha Sadimin, Latifah Abdul Majid & Hamdi Ishak 173
13. Pemikiran Politik Islam Sheikh Abdul Qadir al-Mandili di dalam Kitab Islam: Agama Dan Kedaulatan
Mohamed Sukri Omar & Mohd. Fadli Ghani 187
14. Keberkesanan Modul JERI dalam Kalangan Anggota Angkatan Tentera Malaysia Menggunakan Model Pengukuran Rasch
Azlisham Abdul Aziz, Mohd Nor Mamat & Daud Mohamed Salleh 204
15. Panduan Ulama Islam Berkaitan Amalan Pencegahan Penularan Pandemik: Satu Sorotan
Mohd. Sophian Ismail, Mohd. Arif Nazri & Najah Nadiyah Amran 224
16. Hadis-Hadis Kepimpinan Menurut Tuan Guru Abdul Hadi Awang
Mohd. Luqman Arif Sakri & Latifah Abdul Majid 245
17. Legasi Tuan Guru Nik Abdul Aziz– Kepimpinan Parti dan Pentadbiran Kerajaan
Wan Nik Wan Yussof 260
18. Signifikan Budaya Politik Matang dan Sejahtera (BPMS) dalam Menangani Konflik Kepelbagaian Kaum di Malaysia
Latifah Abdul Majid, Mohd. Nasir Abdul Majid & Wan Siti Norjannah W Sulong 285
19. Wanita Berpolitik Mendepani Cabaran Era Covid-19: Praktis Dewan Muslimat Pas
Nuridah Mohd. Salleh, Wahibah Twahir, F. Hani M.Ali, Hanisah Abdul Rahman, I. Syafiqah & Ziyadatina Abd. Rahman 300
20. Integrasi Dakwah dan Siyasa dalam Pemikiran Tuan Guru Dato' Seri Haji Abdul Hadi Awang
Haziyah Hussin & Najah Nadiyah Amran 320

21. Pendidikan Menurut al-Quran dan Sunnah dalam Membentuk Peradaban Ummah
Abdul Hafiz Mat Tuah 341
22. Hubungan Qasas al-Quran dengan Pendekatan Dakwah: Tumpuan Terhadap Pemikiran Tafsir Tuan Guru Abdul Hadi Awang
Muhammad Khairi Abdul Azib & Haziyah Hussin 353
23. Perspektif Ahlusunah Wal Jamaah Terhadap Seruan Boikot Produk Perancis Sebuah Pendekatan Teologis
Fharis Romanda 367
24. Peranan Wanita dalam Masyarakat Menurut Perspektif Tuan Guru Dato' Seri Haji Abdul Hadi bin Awang
Najah Nadiah Amran 378
25. Political Spectrum in Terengganu, Malaysia: An Analysis of Rabbani Leadership Based on Maqasid al-Shariah ...
Hailan Salamun, Asyraf Ab. Rahman, Firdaus Khairi Abdul Kadir & Rofishah Hj. Rashid 396
26. Tuan Guru Dato' Dr Haron Din: Developing The Ummah Through The Methodology of Islamic Darussyifa' Medicine, Malaysia
Ahmad Zafran Shahrul Azhar & Nur Zahidah Mahmud 410
27. Awareness on Environmental Protection Among The Muslims in Ampara District
Iqbal Saujan & Ahamed Sarjoon Razick 424
28. الشباب ودورهم في بناء حضارة الأمة وتنمية البلاد والحفاظ على أمنها (بروناي دار السلام نموذجاً)
علي سيد عبد الحميد يوسف الشيمي 446

Prakata

ALHAMDULILLAH, setinggi kesyukuran dirafak ke hadrat Allah SWT atas limpah kurnia-Nya memberikan keizinan sehingga Persidangan Antarabangsa Sosiopolitik Gerakan Islam Sedunia ini dapat dianjurkan dengan jayanya.

Persidangan yang dianjurkan oleh Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) dengan kerjasama Terengganu Strategic & Integrity Institute (TSIS) dan Yayasan Dakwah Islamiah Malaysia (YADIM) ini, berhasrat untuk mengetengahkan senario gerakan Islam di peringkat dunia. Persidangan ini juga bertujuan merungkai metode fiqh siyasah yang diaplikasi oleh tokoh-tokoh haraki sedunia dalam menghadapi cabaran politik sepanjang zaman.

Dengan mengangkat tema 'Ulama Penggerak Sosiopolitik Ummah', persidangan ini membentangkan isu-isu berkaitan politik dan gerakan Islam, termasuk hubungan antarabangsa, kemasyarakatan, undang-undang, pengurusan, ekonomi, pendidikan, pembangunan ummah dan tokoh gerakan Islam serta sumbangan mereka.

Kajian serta pendokumentasian isu-isu yang dibincangkan ini merupakan suatu keperluan dan usaha penting dalam merungkai persoalan yang ditimbulkan berkaitan kaedah gerakan Islam dalam fiqh siyasah yang diaplikasi oleh tokoh-tokohnya. Adalah penting strategi dan tindakan politik tokoh-tokoh gerakan Islam ini dapat difahami serta diteladani oleh generasi hari ini dan akan datang. Mengkajinya merupakan suatu keperluan bagi mengingatkan bahawa fiqh siyasah sentiasa mengalami perubahan selari dengan tuntutan zaman. Semoga hasil pembentangan daripada persidangan ini dapat dimanfaatkan dan kaedahnya dapat diaplikasi oleh generasi kini dan masa akan datang demi mencapai kemaslahat umat Islam dan Islam itu sendiri.

Penerbit

Kata Alu-aluan Yang Dipertua Yayasan Dakwah Islamiah Malaysia

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

ALHAMDULILLAH, segala puji dan kesyukuran dirafak ke hadrat Allah SWT atas pelbagai nikmat tidak terhitung yang dikurniakan kepada setiap makhluk. Selawat dan salam ke atas junjungan mulia, Rasulullah SAW, keluarga serta para sahabat Baginda.

Saya ingin mengucapkan tahniah kepada Sektor Penyelidikan, penerbitan dan antarabangsa Yayasan Dakwah Islamiah Malaysia (YADIM) dengan kerjasama Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), Terengganu Strategic dan Integrity Institute (TSIS) dan Pusat Kajian Al-Quran dan Al-Sunnah, Pusat Kajian Usuluddin dan Falsafah dan Pusat Kajian Syariah UKM kerana berjaya menganjurkan program Persidangan Antarabangsa Sosiopolitik Gerakan Islam Sedunia.

Gerakan Islam merupakan suatu usaha yang tersusun bagi membangunkan Islam sebagai suatu cara hidup yang sempurna dari seluruh aspek kehidupan. Bagi mencapai usaha ini, ia mestilah bergerak atas dasar dakwah yang merupakan tugas utama para rasul dan gerakan Islam untuk menyambung tugas mereka. Selain itu, gerakan dakwah juga sebagai aktiviti ummah secara berorganisasi dan bersistematik bagi mengembalikan Islam dalam kepimpinan masyarakat dan bagi memandu seluruh kehidupan manusia. Penganjuran program sebegini perlu dilaksanakan secara lebih tersusun dan bersistematik secara komprehensif selaras dengan perkembangan dunia global yang semakin mencabar bagi menjamin kesejahteraan ummah. Sesungguhnya usaha murni ini menunjukkan komitmen dan kesungguhan badan dakwah dan agensi kerajaan bagi menyebarkan gerakan dakwah agar dapat difahami, diamalkan dan dihayati dalam kehidupan masyarakat secara keseluruhannya.

Marilah kita sama-sama berdoa agar program persidangan ini dapat dilaksanakan dengan sebaiknya dan merungkai metode *fiqh siyasah* yang diaplikasi oleh tokoh-tokoh gerakan Islam sedunia sesuai dengan keperluan zaman dan boleh mencapai matlamat dakwah itu sendiri.

HJ NASARUDIN BIN HASSAN
Yang Dipertua
Yayasan Dakwah Islamiah Malaysia

Kata Alu-aluan
Naib Canselor Universiti Kebangsaan Malaysia

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh dan salam sejahtera

SYUKUR ke hadrat Allah SWT kerana dengan izin-Nya, kita dapat bersama-sama menghadiri Persidangan Antarabangsa Kesatuan Ulama Islam Sedunia dalam Sosiopolitik (CIMS2021) secara dalam talian. Syabas diucapkan kepada penganjur persidangan ini, iaitu kerjasama antara Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia bersama Terengganu Strategic & Integrity Institute (TSIS) dan Yayasan Dakwah Islamiah Malaysia (YADIM).

Melihat kepada tajuk-tajuk kertas kerja yang dibentangkan, ia sejajar dengan tema utama persidangan, iaitu 'Ulama Penggerak Sosiopolitik Ummah'. Justeru, saya berpandangan persidangan ini berjaya mencapai objektifnya, iaitu sebagai platform perkongsian idea dan percambahan minda berkaitan penglibatan, pendekatan strategi dan sumbangan tokoh-tokoh ulama dalam membantu menggerakkan sosiopolitik ummah. Kesemua elemen ini boleh diteladani oleh generasi masa kini dan masa hadapan. Tahniah saya ucapkan kepada semua ahli pasukan penganjur.

Seterusnya, melalui perkongsian dalam persidangan ini juga diharapkan dapat membantu tokoh pimpinan gerakan Islam dalam mendepani isu global dan cabaran semasa, di samping memberi informasi kepada generasi hadapan untuk mengenali sosiopolitik Islam khususnya pada pendekatan sosiopolitik tokoh-tokoh Islam tempatan dan antarabangsa.

Oleh itu, saya berharap melalui CIMS 2021, perkongsian dan jaringan profesional antara para pembentang dari dalam dan luar negara

dapat dipertingkatkan dalam usaha untuk membina jalinan perkongsian ilmu yang holistik dan komprehensif. Saya juga berharap kolaboratif antara Fakulti Pengajian Islam, UKM bersama Terengganu Strategic & Integrity Institute (TSIS) dan Yayasan Dakwah Islamiah Malaysia (YADIM) boleh diteruskan lagi di masa hadapan.

Akhir kalam, semoga penganjuran CIMS 2021 dapat menjadi wadah medan ilmu dan membuka lembaran baharu untuk mengimarahkan budaya ilmu. Ini selaras dengan usaha UKM untuk menambah baik kajian berkaitan sosiopolitik Islam dan sumbangan tokoh gerakan Islam, serta mempertingkat ketamadunannya yang sudah dipasak sekian lamanya. Saya juga berharap agar persidangan dengan tema sebegini, boleh diterapkan sebagai aktiviti tahunan Fakulti Pengajian Islam, UKM. Insya-Allah.

PROF. DATO' TS. DR. MOHD EKHWAN HJ. TORIMAN

Naib Canselor

Universiti Kebangsaan Malaysia

Kata Alu-Aluan
Ketua Pegawai Eksekutif Terengganu Strategic &
Integrity Institute

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

SEGALA puji bagi Allah SWT. Selawat dan salam kepada Nabi Muhammad SAW, ahli keluarga Baginda SAW dan para sahabatnya. Alhamdulillah, Persidangan Antarabangsa Kesatuan Ulama Islam Sedunia dalam Sosiopolitik (CIMS2021) ini berjaya diadakan. Tahniah diucapkan kepada semua yang terlibat menjayakannya. Persidangan ini berjaya dilansungkan melalui anjuran bersama Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia, Terengganu Strategic & Integrity Institute (TSIS) dan Yayasan Dakwah Islamiah Malaysia (YADIM).

Penglibatan Terengganu Strategic & Integrity Institute (TSIS) dalam penganjuran persidangan ini bersesuaian dengan salah satu objektif TSIS untuk bertindak sebagai perantara yang menyatukan pelbagai agensi kerajaan, institusi persendirian dan komuniti untuk mencapai program strategik dalam membantu memacu pertumbuhan dan menjana kemakmuran untuk negara. Di samping itu, TSIS juga mensasarkan untuk menjadi badan pemikir utama dalam menyelidik, merancang dan mengemukakan dasar dan polisi yang cekap dalam isu-isu tempatan, nasional dan antarabangsa bagi tujuan penambahbaikan khususnya yang berkaitan dengan negeri Terengganu. Semoga dengan penganjuran persidangan secara bersama dengan Intitusi Pendidikan Tinggi dan Badan Dakwah sebegini dapat membantu TSIS mencapai objektif penubuhannya.

Akhir kalam, diharapkan persidangan ini telah memberikan sumbangan pemikiran dan ilmu yang bermanfaat kepada semua peserta, pemerhati dan semua pihak yang berkepentingan terutamanya dalam usaha memahami dan meletakkan peranan sebenar para ulamak sebagai *murabbi* dalam pembinaan jati diri masyarakat dan penggerak sosiopolitik ummah. Semoga persidangan sebegini dapat diteruskan lagi pada masa hadapan, insya-Allah.

DR. HAJI WAN MAT BIN SULAIMAN
Ketua Pegawai Eksekutif
Terengganu Strategic & Integrity Institute

Kata Alu-aluan Pengarah CJMS 2021

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

السلام عليكم ورحمة الله تعالى وبركاته والصلاة والسلام على سيدنا وحبينا محمد
صلى الله عليه وسلم وعلى آله واصحابه ومن تبعهم بإحسان الى يوم الدين. أما بعد

SEGALA puji dan syukur kehadiran Allah SWT kerana dengan limpah kurniaan-Nya persidangan yang lama kita rancangkan ini telah dapat dijalankan walaupun secara webinar atau atas talian sepenuhnya. Persidangan ini adalah merupakan rentetan kepada kajian yang sedang dijalankan oleh pasukan daripada Fakulti Pengajian Islam berkaitan dengan fiqh siasah TGHH dan kebetulannya beliau juga adalah bekas naib ketua kesatuan Ulama Sedunia di masa ketuanya Prof. Dr. Yusuf al Qaradawi.

Justeru, maka persidangan ini diadakan bagi tujuan kita mengumpul maklumat maklumat daripada tokoh-tokoh ulamak serantau dan antarabangsa yang terlibat dengan siasah bagaimana mereka mentatbiqkan fiqh siyasi ini dalam kepimpinan mereka di negara negara mereka di samping mendapat maklumat maklumat tentang fiqh siasah drp para intelektual dan juga para pengkaji yang akan membentangkan kertas kertas mereka di persidangan ini nanti.

Tema 'Ulama Penggerak Sosiopolitik Ummah' dipilih sebagai tema persidangan pada kali ini adalah bagi menyatakan bahawa ulama mempunyai tanggungjawab yang besar dalam masyarakat. Mereka bukan hanya sebagai imam bagi memimpin solat, mereka juga bukan hanya pemberi tazkirah atau peringatan kepada masyarakat, dan mereka juga bukan hanya pembaca doa dalam majlis majlis tertentu sahaja tetapi tugas mereka yang lebih besar ialah memandu rakyat dan masyarakat untuk mencapai kebahagiaan yang sebenar di dunia dan juga di akhirat.

Harapan besar kami ialah untuk memastikan persidangan ini nanti berjaya mencapai objektifnya iaitu mendapat sebanyak mana mungkin

input daripada tokoh-tokoh politik, ilmuwan dan cendekiawan daripada ucap-tama-ucap-tama yang akan disampaikan dan juga daripada kertas-kertas yang akan dibentang dan diperdebatkan juga pada waktu yang sama memahamkan para masyarakat awam, mahasiswa ahli politik dan sebagainya tentang betapa pentingnya memahami fiqh siyasah yang berdasarkan al-Quran dan al-Sunnah serta ijmak dan juga qias serta kaedah kaedah fiqh dalam mengurus dan mentadbir sesuatu negara bagi mendapat keredaan Allah SWT sebagaimana yang disebut di dalam ayat-Nya, '*Baladun Tayyibatun Wa Rabbun Ghaffur*'.

PROF. MADYA DR. MAZLAN BIN IBRAHIM

Pengarah

Persidangan Antarabangsa Kesatuan Ulama Islam Sedunia dalam Sosiopolitik

PERANAN BADAN DAKWAH DAN NGO DALAM MENANAM KESEDARAN POLITIK DALAM KALANGAN MASYARAKAT

Nasrudin Hassan
Yayasan Dakwah Islamiah Malaysia
nasrudin@yadim.com.my

Abstrak

Badan Dakwah dan Pertubuhan Bukan Kerajaan atau NGO merupakan antara organisasi yang ditubuhkan untuk memperjuangkan suatu kepentingan awam dan bukannya individu atau komersial. Penubuhan Badan Dakwah dan NGO memberi satu cetusan daripada pengalaman, minat, idea dan semangat perjuangan dalam memberikan penerangan dan pencerahan kepada masyarakat ke arah membina kehidupan yang lebih baik berteraskan ajaran Islam. Selain itu, penubuhan badan dakwah tersebut bermatlamat untuk membentuk masyarakat yang sentiasa taat kepada perintah Allah SWT dengan mengadakan seruan dakwah Islamiah kepada masyarakat Malaysia yang berbilang kaum. Namun, realiti kehidupan kini menunjukkan keadaan politik dalam kalangan masyarakat di negara ini masih terdapat jurang antara bangsa dan kaum. Bahkan fenomena ini semakin berleluasa dan sangat membimbangkan. Terdapat segelintir masyarakat di Malaysia yang memegang teguh kepada prinsip dan asas politik sebagai mana yang dijelaskan oleh al-Quran dan al-Sunnah khususnya kepada umat Islam. Malah sebahagian masyarakat yang lain masih mengikut hawa nafsunya sendiri kerana tiada kesefahaman antara masyarakat dalam berpolitik. Justeru, di sinilah peranan Badan Dakwah dan NGO untuk menyatukan dan memberi fahaman politik yang jelas kepada masyarakat Malaysia.

Kata kunci: Peranan Dakwah, Pertubuhan Bukan Kerajaan (NGO), Kesedaran, Politik, Masyarakat

Pendahuluan

Malaysia merupakan sebuah negara Islam yang maju membangun dan mempunyai masyarakat yang berbilang kaum. Selain itu, Malaysia juga menjadi antara negara yang dicontohi daripada negara-negara Islam dan bukan Islam di seluruh dunia. Ini bermakna kerjasama yang erat hendaklah wujud dalam penyertaan masyarakat terutamanya yang diwakili oleh Badan Dakwah atau Institusi Agama dan Pertubuhan Badan Bukan Kerajaan NGO. Oleh yang demikian, Kerjasama daripada semua pihak terutamanya NGO Islam sangat berperanan penting bagi menanam kesedaran politik dalam masyarakat majmuk di Malaysia.

Definisi NGO

Istilah Badan Bukan Kerajaan atau NGO (*Non-governmental Organization*) digunakan sejak tertubuhnya Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu PBB pada tahun 1945 yang termaktub dalam Piagam PBB Fasal 71 Bab 10 tentang peranan konsultif *non-governmental Organization*. Ia digunakan untuk membezakan antara hak penyertaan badan-badan pemerintah (*intergovernmental agencies*) dan organisasi-organisasi swasta international (*International Private Organizations*). Menurut Bank Dunia, NGO didefinisikan sebagai organisasi swasta yang menjalankan kegiatan untuk meringankan penderitaan, jurang kemiskinan, menyediakan khidmat sosial atau melakukan kegiatan pembangunan masyarakat. (Saliha, 1991).

Menurut Ahmad Nidzamuddin & Wan Idros (2009) menyatakan dalam kamus sains politik pentadbiran awam bahawa NGO ditakrifkan sebagai organisasi yang ditubuhkan bertujuan untuk memelihara atau memperjuangkan sesuatu matlamat atau isu yang mempunyai kepentingan dalam sesebuah masyarakat. NGO pada prinsipnya bertindak secara sukarela, tanpa paksaan daripada mana-mana pihak dan tidak bermotifkan keuntungan atau tujuan politik. Oleh itu, jenis organisasi NGO ini disebut sebagai *civil society organizations* – Pertubuhan Masyarakat Awam. Manakala, menurut perspektif Jabatan Kebajikan Masyarakat (Saliha, 2000), NGO merujuk kepada Pertubuhan Sukarela Kebajikan (PSK) bercorak kebajikan yang mengendalikan program dan menyediakan perkhidmatan untuk kumpulan sasaran.

Sehubungan dengan itu, terdapat 6 gabungan prinsip NGO yang boleh dikatakan unggul ialah (Shinichi, Kasian & Apichart 2004):

- i. *Non-government means that an NGO must carry out its decision-making as an organization independently of the government.*
- ii. *Non-profit making means that its activities must not be driven by profit-making motives, and that whatever profits may arise from its activities must not be divided among its members for personal benefit.*
- iii. *Voluntary means that the only qualification for membership must be the desire of an individual to participate. Participation must not be conditional on belonging to some organization.*
- iv. *A solid and continuing form means that, unlike various forms of voluntary activities carried out on an ad hoc basis, an NGO must be an ongoing entity with a solid organizational form.*

- v. *Altruistic means that the immediate purpose of an NGO is to act the benefit of others*
- vi. *Philanthropic refers to the fact that an NGO is unlikely to receive adequate payments from recipients of its service.*

Kesimpulannya, NGO adalah badan bukan kerajaan atau organisasi swasta yang bertindak secara sukarela, tidak bermotifkan keuntungan atau tujuan politik. Ia ditubuhkan bagi memelihara atau memperjuangkan sesuatu matlamat yang mempunyai kepentingan dalam sesebuah masyarakat atau lebih khusus NGO menjalankan kegiatan untuk pembangunan masyarakat. Sehubungan dengan itu terdapat beberapa NGO Islam yang berperanan besar dalam memahami masyarakat tentang politik yang sedia ada di Malaysia ini terutamanya Majlis Amal Islam Malaysia (MAIM), Nadwah Ulama dan Ilmuan Malaysia (NUIM) dan Majlis Wanita Islam YADIM (MAYA). Kesemua NGO ini diletakkan di bawah Yayasan Dakwah Islamiah Malaysia (YADIM) yang merupakan satu badan dakwah yang utama di Malaysia. NGO ini berperanan untuk menyatupadukan masyarakat majmuk di Malaysia ini yang terdiri daripada pelbagai bangsa dan agama.

Kesedaran Masyarakat Terhadap Politik di Malaysia

Dari aspek politik, Malaysia merupakan negara yang mengamalkan sistem demokrasi berparlimen. Melalui sistem ini, masyarakat akan memilih perwakilan melalui pilihan raya dan mereka ini akan berada di parlimen. (Azali Atan, 1986). Perwakilan ini merupakan agen penting bagi menyalurkan tuntutan dan permintaan rakyat kepada kerajaan. Oleh yang demikian, parti politik adalah elemen penting di dalam sistem demokrasi berparlimen. Memetik kata Leon Epstein di dalam Tunku Mohar (2008):

A political party refers to any group, however loosely organized, seeking to elect governmental officeholders under a given label.

Manakala Huckshorn di dalam Malike Brahim (2012) pula mendefinisikan parti politik,

As an autonomous group of citizens having the purpose of making nominations and contesting elections in the hope of gaining control over governmental power through the capture of public offices and the organization of the government.

Politik juga merupakan cara atau proses membuat keputusan oleh sesuatu kumpulan. Oleh itu, konsep politik dapat dilihat daripada pelbagai sudut. Menurut Shamsul Amri (2012) menyatakan politik merupakan usaha yang dilakukan oleh warga negara bagi mencapai kebaikan bersama. Selain itu, politik turut berkait rapat dengan kaedah pemerintahan sesuatu negara atau sesebuah kerajaan. Namun begitu, politik ini bukan sahaja digunakan oleh kerajaan malah digunakan oleh syarikat, wilayah, korporat, akademik dan institusi-institusi yang lain.

Di Malaysia, parti politik merupakan organisasi yang berdaftar dengan Pendaftaran Pertubuhan Malaysia (ROS). ROS berperanan untuk mengendalikan pertubuhan-pertubuhan bukan kerajaan dan parti politik. Oleh yang demikian, parti-parti politik di Malaysia haruslah berdaftar dengan ROS dan tertakluk kepada Akta Pertubuhan 1966. Sekiranya sesebuah parti politik itu tidak berdaftar, ia dianggap tidak sah dan salah di sisi undang-undang. (Malike Ibrahim, 2012).

Menurut Mohd Foad Sakdan (1999) menyatakan bahawa Malaysia merupakan negara yang stabil dari segi politik, ia tidak pernah mengalami sebarang insiden perbalahan kaum yang serius kecuali pada tahun 1969, yang membawa Malaysia ke dalam lanskap politik yang berbeza. Pada tahun tersebut rusuhan kaum yang terburuk melanda negara dan ia merupakan titik permulaan kepada perubahan politik negara. Namun, mutakhir ini sinario politik semasa turut berubah. Semenjak PRU 2008 dan 2018 senario politik menunjukkan perubahan dan ia dapat dilihat melalui pilihan raya yang diadakan pada tahun tersebut. Ini menunjukkan bahawa masyarakat mempunyai sentiment kepartian yang menyebabkan perpecahan antara kaum.

Kestabilan politik sesebuah negara itu merupakan jaminan kepada kehidupan masyarakat yang aman dan harmoni. Sebaliknya sekiranya politik sesebuah negara itu pincang maka ia pasti akan mengundang pelbagai masalah negatif dalam sesebuah negara seperti berlaku rusuhan, peperangan dan perpecahan dalam kalangan masyarakat. Bagi memastikan kestabilan politik sesebuah negara dikekalkan ia bermula daripada masyarakat itu sendiri. Oleh yang demikian, kesedaran politik dalam kalangan masyarakat harus dibentuk bagi mewujudkan sebuah masyarakat yang cintakan negara. Institusi agama atau badan dakwah dan NGO harus berperanan dalam memberikan kesedaran politik kepada masyarakat Malaysia.

Justeru itu, badan-badan dakwah seperti Yayasan Dakwah Islamiah Malaysia (YADIM) dan NGO merupakan agen yang terbaik dalam membentuk serta melahirkan masyarakat yang mempunyai pendidikan serta pemahaman dalam diri mereka tentang pentingnya kesedaran politik. Oleh itu, institusi di atas perlu memainkan peranan yang amat penting dalam memberikan kesedaran serta pemahaman politik kepada masyarakat.

Peranan Badan Dakwah dan NGO dalam Memberi Kesedaran Politik kepada Masyarakat Malaysia

Badan Dakwah dan NGO merupakan antara organisasi yang ditubuhkan untuk memberi kesedaran politik kepada masyarakat ke arah membina kehidupan yang lebih baik berteraskan ajaran Islam. Selain itu, penubuhan badan dakwah atau institusi agama tersebut bermatlamat untuk membentuk masyarakat yang sentiasa taat kepada perintah Allah SWT dengan mengadakan seruan dakwah Islamiah kepada masyarakat Islam. Namun realiti kehidupan kini menunjukkan masyarakat di negara ini masih lagi kurang faham dengan sistem politik di Malaysia. Bah kan fenomena ini semakin berleluasa dan sangat membimbangkan kerana Malaysia terdiri daripada masyarakat majmuk.

Walaupun badan-badan dakwah telah wujud di seluruh negeri, tetapi masalah sosial kepartian dalam kalangan masyarakat Malaysia di negara ini membimbangkan. Mereka sangat memerlukan didikan dan kefahaman yang jelas secara berterusan dan bersistematik. Sebagai badan dakwah dan NGO Islam dan bukan Islam perlu berperanan dalam mengatur aktiviti dan program secara berkala untuk menjadikan masyarakat memahami dan menghayati politik agar dapat memperbaiki hubungan sesama agama dan bangsa ke arah yang aman dan harmoni. Oleh itu, terdapat beberapa peranan yang penting yang dimainkan oleh badan dakwah atau NGO dalam memberi kefahaman politik kepada masyarakat iaitu:

1. Pendidikan Politik

Menurut Sihabudin Zuhri (2010), pendidikan politik sangat penting dalam memupuk semangat cintakan nergara dan perpaduan dalam kalangan masyarakat. Pendidikan politik juga mampu menyuburkan jati diri dalam masyarakat majmuk terutamanya golongan anak muda. Melalui Pendidikan ini, anak muda juga diasuh menghargai apa sahaja yang mereka perolehi dalam negara ini sama ada nikmat keamanan serta kekayaan hasil bumi. Pelbagai kemewahan yang dikecapi oleh masyarakat

hari ini sedikit sebanyak telah mengurangkan semangat patriotik. Selain itu, kurangnya pengetahuan sejarah dan juga merebaknya unsur-unsur budaya global merupakan salah satu pengaruh yang memberi kesan terhadap masyarakat kurang dalam ilmu politik.

2. Menyemai Adat Ketimuran dalam Kalangan Masyarakat

Pengaruh globalisasi atau pengaruh budaya barat yang kian membanjiri negara kita seperti hiburan, alat elektronik, kegiatan seni serta bahan bacaan dari luar negara juga serba sedikit telah menghapuskan nilai dan adat ketimuran dalam diri masyarakat. Hal ini telah menghakis sikap dan semangat patriotik serta mengurangkan nilai-nilai kemurniaan. Tindakan fahaman nasionalisme yang tinggi dan akhirnya mengakis kembali kesedaran politik dalam kalangan masyarakat. Oleh yang demikian menjadi tanggungjawab badan dakwah dan NGO dalam membentuk jati diri masyarakat terutamanya golongan anak muda kerana mereka merupakan pelapis masa depan negara. (Mahmood Zuhdi, 2006).

3. Mengadakan Kempen Cintakan Negara

Terdapat pelbagai cara yang boleh dilakukan oleh badan dakwah dan NGO dalam memupuk Kembali kesedaran politik dalam kalangan masyarakat dengan mengadakan kempen secara besar-besaran di seluruh negara bukan sahaja di kawasan bandar malah kawasan luar bandar serta pendalaman. Dalam perkara ini, para daie yang dilantik oleh NGO atau badan dakwah haruslah memainkan peranan dengan melakukan pelbagai aktiviti yang menarik minat para masyarakat untuk memahami politik di Malaysia. Malah NGO yang bukan Islam dengan Kerjasama perlu bekerjasama dengan membantu masyarakat setempat bagi menyemai semangat patriotik sambil memberikan pemahaman politik yang sebaiknya kepada masyarakat sekeliling. (Abdul Ghani Samsudin, 2002).

4. Memperbanyakkan Aktiviti-aktiviti Kemasyarakatan

Menurut Ahmad Faisal & Hamdiah Jalani (2010), badan-badan dakwah dan NGO di setiap negeri perlu memperbanyakkan aktiviti-aktiviti kemasyarakatan. Hal ini akan mengajar mereka bagaimana untuk hidup bertoleransi dalam masyarakat majmuk dan menghormati bangsa dan agama yang berada di Malaysia. Selain itu, setiap NGO juga harus menegur sebarang kesilapan serta memperbetulkan sikap prejudis dan etnosentrik yang ada dalam diri masyarakat majmuk terhadap bangsa atau kaum yang lain. Panglibatan aktiviti pelbagai kaum antara Islam, Cina dan India ini pasti akan menyemarakkan lagi semangat cintakan negara.

Walau bagaimanapun, aktiviti kemasyarakatan harus dididik untuk bergaul mesra bukan sahaja dengan bangsa Melayu, malah dengan bangsa dan kaum yang lain.

Seperti yang diketahui, golongan muda lebih berfikiran terbuka. Mereka juga menginterpretasikan idea-idea mereka tentang politik dan demokrasi dengan lebih meluas. (Basri Ibrahim, 2011). Badan Dakwah dan NGO haruslah sentiasa bertukar pendapat serta pengetahuan dan sering berinteraksi dalam membahaskan isu-isu yang berkaitan bidang politik terutamanya tentang isu-isu semasa. Tambahan pula, golongan muda khususnya remaja lebih mempercayai norma-norma politik daripada golongan masyarakat serta generasi yang lebih tua. Mereka ini menerima pandangan politik tanpa memikirkan apakah pandangan mereka benar mahupun terdapat unsur-unsur prejudis atau sikap berat sebelah dalam memberikan pandangan.

Di sinilah badan dakwah dan NGO memainkan peranan dalam memperbetulkan kembali fahaman mereka tentang politik. Mereka seharusnya memperdebatkan masalah ini secara terbuka dengan masyarakat terutama golongan muda agar unsur prejudis dalam diri mereka dapat dihapuskan. Namun begitu, badan dakwah dan NGO harus seimbang dalam membicarakan isu-isu politik dan tidak harus menjurus ke arah mana-mana parti politik atau memihak kepada mana-mana parti dalam membincangkan isu-isu sensitif yang berlaku di negara. Sekiranya terdapat permasalahan isu antara kaum ianya perlu diselesaikan secara akademik yang dapat menjernihkan isu tersebut daripada memiliki fahaman yang salah terhadap sesuatu isu terutamanya isu perkauman yang sering terjadi sejak kebelakangan ini. Hal ini dapat mengelakkan berlakunya sikap prejudis terhadap pelbagai kaum yang lain seterusnya dapat meredakan perpecahan antara kaum terhadap masyarakat. (Mohd Nor Manuty, 2011).

5. Mewujudkan Kesatuan Ummah

Menurut Yusri Mohamad (2010), cabaran besar hari ini adalah perpecahan dan persengketaan sesama umat Islam. Perpecahan yang ketara ialah perpecahan disebabkan politik. Perpecahan ini mempengaruhi fungsi ilmu di masjid dan masyarakat. Makin merungsingkan apabila sesetengah masyarakat taasub kepartian, sesuatu yang datang dari Allah SWT dan Nabi SAW turut dikatakan fakta yang bersifat politik. Sehubungan itu, badan dakwah seperti JAKIM, YADIM, Jabatan Agama Islam Negeri, badan-badan NGO Islam dan bukan Islam perlu mendidik masyarakat sebagaimana berhadapan dengan pendapat yang berbeza.

Perpecahan yang menular memberi kesempatan kepada sebahagian parti dan masyarakat mengambil kesempatan. Institusi Agama dan NGO perlu menjadi agensi *controlled* dan melaksanakan dasar semasa agensi dalam pelbagai perkara yang mengangkut soal keilmuan, kemasyarakatan, dakwah dan *good governance*. Antara agensi yang boleh dilihat berperanan dalam menanamkan semangat perpaduan antara kaum seperti Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM), Yayasan Dakwah Islamiah Malaysia (YADIM), Yayasan Pembangunan Islam Malaysia (YaPIEM), manakala NGO terdiri daripada Pertubuhan Kebajikan Islam Malaysia (PERKIM), *Malaysia Chinese Muslim Association* (MACMA), Persatuan India Muslim Malaysia (PIMM) dan lain-lain. (Mohd Hamdan, 2008).

Aktiviti-aktiviti kepada penyatuan politik dalam kalangan masyarakat perlu dipelbagaikan dengan akar tunjang yang jelas berkaitan dengan elemen-elemen kesedaran politik, seperti berlapang dada dan bersangka baik terhadap sesuatu bangsa dan kaum. Institusi masjid yang kukuh dan dihormati pasti padu dalam menggerakkan agenda Islam dan perpaduan. Ini boleh menarik minat kepada paparan teladan yang baik kepada keseluruhan komuniti Islam dan bukan Islam. Akhirnya hubungan antara agama dan bangsa akan menjadi baik dan ketika itu dakwah sedang berjalan, dapat dijalankan dan diperkasakan. (Makmor Tumin, 1998).

Berdasarkan peranan yang telah dimainkan oleh badan dakwah dan NGO menunjukkan usaha yang baik dengan mewujudkan jaringan NGO yang bukan Islam bersama komuniti atau masyarakat awam. Apa yang diharapkan ialah hubungan NGO Islam, bukan Islam dan Badan Dakwah dengan ejen pelaksana kerajaan adalah saling memerlukan untuk sama-sama bergerak menjalankan fungsi dan amanah yang dipertanggungjawabkan dalam memberi fahaman dan kesedaran politik kepada semua golongan masyarakat.

Kesimpulan

Secara keseluruhannya dapat disimpulkan bahawa bahawa badan dakwah dan NGO Islam dan Bukan Islam turut memainkan peranan mereka dalam menanam kesedaran politik dalam kalangan masyarakat Malaysia. Semua aktiviti pelaksanaan terhadap kesedaran politik yang diusahakan oleh badan dakwah dan NGO adalah dalam bentuk ‘amal jama’iy’ kerana NGO dan badan dakwah khusus yang Islam, ia bergerak secara berterusan dan didukung atas rasa amal bakti kerana Allah SWT untuk mewujudkan kesedaran politik terhadap masyarakat sekitar. Adalah sangat penting kumpulan pemangkin majoriti dapat mempengaruhi minoriti sebagai

multiplier effect dalam mewujudkan perubahan sosiobudaya dalam kalangan masyarakat untuk menuju ke arah perubahan sosiopolitik. Kepelbagaian dan kemajmukan yang dimiliki oleh Malaysia adalah keunikan hidup secara aman dan harmoni. Lantaran Islam menggariskan hak-hak kebebasan berpolitik dan menghormati perbezaan pendapat. Namun nilai-nilai murni universal seperti akhlak dan moral, adat dan norma hidup yang harmoni perlu dipertahankan dan dipelihara menjadi salah satu isu dalam aktiviti badan dakwah dan NGO.

Namun begitu, tugas ini bukan sahaja dipikul oleh Badan Dakwah dan NGO, sebaliknya semua masyarakat harus berganding bahu dalam memberikan pemahaman serta kesedaran politik dalam jiwa anak-anak muda masa kini. Sekiranya kita ambil mudah perkara ini, kelak ia akan membawa kesan negatif kepada negara antaranya sifat cintakan negara akan terhakis, perbalahan antara kaum akan terjadi dengan serius dan kadar jenayah yang tinggi dan sebagainya. Oleh yang demikian, sebagai masyarakat, kita haruslah mengetahui serta mempunyai kesedaran politik agar negara aman dan harmoni.

Rujukan

- Abdul Ghani Samsudin. 2002. Dakwah Islamiah dan cabaran alaf baru. Kertas kerja dibentang dalam Ijtima' Ulama Negeri Pahang, anjuran Persatuan Ulama Malaysia Cawangan Pahang di Hotel Seri Malaysia, Temerloh, Pahang.
- Ahmad Faisal Abdul Hamid & Hamidah Jalani. 2010. Beberapa Pandangan Mengenai Islam dari Perspektif Parti Politik Melayu. *Jurnal Tamadun*.
- Ahmad Nadzamuddin, Wan Idris, Mohd Mahadi. 2009. *Kamus Sains Politik Pentadbiran Awam*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Azali Atan. 1986. Islam, politik dan pentadbiran: satu tinjauan mengenai proses penerapan nilai-nilai Islam di Malaysia. Latihan Ilmiah, Jabatan Sains Politik, Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan. UKM.
- Basri bin Ibrahim. 2011. Perayaan bukan Islam dalam sebuah Negara Islam dlm. Abdul Karim Ali. *Fiqh Masyarakat Bukan Islam di Malaysia*. Shah Alam. Imtiyaz Multimedia & Publications
- Hassan Mohd Noor. 2008. Thunami Politik 2008. *Mingguan Malaysia*.
- Mahmod Zuhdi Ab. Majid. 2006. *Pengaruh timbal balik antara hukum dan budaya dalam Syariat Islam* dlm. Md. Saleh Ahmad (et.al) *Hukum Islam dan Budaya Tempatan*. Kuala Lumpur: Jabatan Fiqh dan Usul, Universiti Malaya.
- Makmor Tumin. 1998. NGO dalam Sistem Demokrasi Malaysia. *Massa*, 16 Mei.
- Mohd Nor Manuty. 2011. Islam dan toleransi budaya dalam masyarakat majmuk di Malaysia dlm. Abdul Karim Ali & Ruzaimi Ahmad (ed.). *Fiqh Masyarakat Bukan Islam di Malaysia*. Shah Alam. Imtiyaz Multimedia & Publications.
- Mohd Hamdan Adnan. 2008. *Perkembangan Perhubungan Awam Kerajaan dan Politik Malaysia*. Shah Alam: Univeriti Teknologi Mara.

- Saliha Hassan. 1991. Organisasi Bukan Kerajaan dalam Politik Malaysia dlm. Hairany Naffis. *Politik Malaysia Dekad 1990-an*. Prosiding Seminar Politik Malaysia ke-IV. Bangi: Jabatan Sains Politik, UKM.
- Saliha Hassan. 2000. NGO, Masyarakat Sivil dan Demokrasi dlm. Abdul Rahman Embong. *Negara, Pasaran dan Pemodenan Malaysia*. Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia
- Shinichi, Kasian & Apichart. 2004. *The NGO Way: Perspectives and Experiences from Thailand*. Japan: Chiba.
- Shamsul Amri Baharuddin. 2012. Malaysia: Kesepaduan dalam kepelbagaian dlm. Shamsul Amri Baharuddin (Penyunting). *Modul Hubungan Etnik*. Bangi: Institut Kajian Etnik, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Malike Brahim. 2012. *Sistem Demokrasi Berpalimen di Malaysia*. Petaling Jaya: IBS Buku.
- Mohd Foad Sakdan. 1999. *Pengetahuan Asas Politik Malaysia*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Yusri Mohamad Ramli. 2010. Dakwah kepada Non-Muslim: pemeraksanaan strategik menghadapi tantangan kontemporari. Kertas Kerja dibentangkan dalam Seminar Antarabangsa Agama dan Pembangunan Malaysia-Indonesia. Alauddin Makassar. Indonesia

APLIKASI PENDEKATAN KAEDAH PERUBAHAN HUKUM DENGAN BERUBAHNYA MASA DALAM SIYASAH SYARIYYAH

Mohd. Izzuddin Mohd. Noor
Fatimah Nadirah Mohd. Noor
Kolej Universiti Islam Malaysia
izzuddin@kuim.edu.my
fatimahnadirah@kuim.edu.my

Abstrak

Sering kali perubahan sesuatu hukum dalam sesuatu ijihad politik dipertikaikan oleh sesetengah golongan masyarakat. Hal ini disebabkan kejahilan mereka terhadap satu kaedah iaitu “Tidak Diingkari Perubahan Hukum Disebabkan Perubahan Masa”. Secara umumnya hukum Islam terdiri daripada dua bahagian iaitu yang kekal tidak berubah selama-lamanya dan juga tidak kekal boleh berubah mengikut kesesuaian zaman. Maka kajian ini dilakukan untuk melihat sejauh mana kaedah perubahan hukum dengan berubahnya masa dapat diaplikasikan dalam pendekatan Siyasah Syariyyah semasa. Kajian ini berbentuk kualitatif di mana pengkaji akan mengumpulkan maklumat daripada kitab-kitab turath dan kontemporari, kajian-kajian ilmiah, fatwa-fatwa semasa berkaitan dengan kaedah perubahan hukum disebabkan perubahan masa dan juga Siyasah Syariyyah. Semua maklumat ini akan dianalisis dan dicernakan untuk mendapatkan gambaran sebenar berkaitan dengan aplikasi kaedah ini dalam politik Islam semasa. Hasil kajian ini menunjukkan bahawa kaedah ini sangat penting untuk diterapkan dalam aspek Siyasah Syariyyah memandangkan perubahan kehidupan akan sentiasa berlaku pada sepanjang zaman.

Kata Kunci: Aplikasi, Perubahan Hukum, Perubahan Masa, Siyasah Syariyyah

Pendahuluan

Islam merupakan ajaran yang bersesuaian untuk diamalkan pada sepanjang zaman. Ianya merupakan agama yang menjaga kemaslahatan Umatnya. Di dalamnya terdapat hukum-hakam yang kekal dan tidak akan menerima sebarang perubahan. Contohnya seperti bilangan rakaat solat sebanyak 5 waktu sehari semalam, penetapan puasa wajib dan zakat fitrah yang hanya dilakukan pada bulan Ramadan. Ianya telah menjadi ijmak yang telah disepakati oleh Umat Islam keseluruhannya. (Ibnu Qudamah, 1968).

Di dalam bahasa Arab, hukum-hakam yang kekal ini dikenali dengan istilah الثوابت (*thawabit*). Ianya membawa maksud hukum-hakam yang ditunjukkan oleh dalil-dalil yang *qatie dilalah*, *qatie thubut*, atau ijmak yang sahih. (Shir Ali, 2006). Ianya juga bermaksud, perkara-perkara dalam syariat, yang tidak boleh lagi diijtihadkan oleh mujtahid. (Raid Nasri, 2004). Secara ringkasnya, *thawabit* ialah merangkumi 5 rukun Islam, 6 rukun iman, akhlak-akhlak yang baik, asas-asas umum hukum kekeluargaan, muamalat, jihad, hubungan antarabangsa, kehakiman dan lain-lain lagi. Selain daripada itu, *thawabit* juga ialah termasuk di dalam المعلوم من الدين بالضرورة (perkara-perkara agama yang wajib diketahui).

Menurut Abdul Aziz (2006), perkara-perkara agama yang wajib diketahui ialah hukum-hakam agama mutawatir sama ada am mahupun khas, yang telah disepakati ulama secara *qatie* seperti kewajipan solat, puasa dan pengharaman riba dan arak. Maka dapatlah difahami di sini, bahawa hukum-hakam yang kekal dan hukum agama yang wajib diketahui ini adalah perkara yang sama. Kedua-dua perkara tersebut tidak boleh dipertikaikan sama sekali. Bahkan mempertikaikan dan mempersoalkan tentang perkara-perkara sebegini boleh menyebabkan seseorang individu Muslim terkeluar daripada agama Islam. (Ibnu Taimiyyah, 1995).

Selain itu, di dalam Islam juga, terdapat hukum-hakam yang boleh berubah mengikut masa, tempat dan keadaan. Istilah bagi hukum-hakam yang boleh berubah ini di dalam bahasa Arab ialah المتغيرات (*mutaghayyirat*). Ianya bermaksud hukum-hakam yang berasaskan kepada dalil *zanni thubut* atau *zanni dilalah*, dan boleh terikat dengan uruf budaya juga masalah yang berubah mengikut zaman. (Shir Ali, 2006). *Mutaghayyirat* merupakan perkara yang boleh diijtihadkan oleh mujtahid mengikut kaedah-kaedah yang telah ditetapkan oleh syarak. (Raid Nasri, 2004). Daripada sinilah, timbulnya banyak perbezaan pandangan di kalangan ulama dalam perkara yang diperselisihkan. Hal ini adalah disebabkan oleh beberapa faktor iaitu seperti perbezaan pandangan dalam menghukumkan sesuatu hadis, perbezaan pandangan dalam memahami nas-nas syarak, perbezaan dalam menerima nas-nas yang tidak disepakati (al-Khafif t.t). Di samping itu juga, terdapatnya dalil-dalil yang kelihatan seperti bercanggah antara satu sama lain, atau tiada nas dalam sesuatu isu yang berbangkit telah menyebabkan berlakunya khilaf di kalangan ulama. (al-Khin, 1982).

Sesuatu yang tidak dapat disangkalkan lagi, bahawa perbezaan pandangan ulama atas faktor-faktor yang dinyatakan ini, memberikan rahmat dan kebaikan yang besar kepada Umat Islam. Menurut Ibnu Qudamah (1968) “telah dijadikan pada zaman salaf Umat ini, imam-imam hebat berilmu yang telah menerangkan kaedah-kaedah agama Islam, dan juga persoalan hukum hakam. Persepakatan mereka adalah hujah yang qat’ie, manakala ikhtilaf mereka adalah rahmat yang luas.” Ini telah menjadikan agama Islam, sebuah agama yang fleksibel dan anjal dalam mendepani tuntutan perubahan zaman.

Tiada sesuatu perkara yang berlaku pada setiap zaman, melainkan Syariah Islam akan memberikan penyelesaian dan jawapan terhadap kemusykilan yang dihadapi Umat Islam. Semua ini sudah semestinya berlaku dalam ruang lingkup hukum yang boleh berubah dan bukannya dalam hukum yang telah kekal buat selama-lamanya.

Kaedah Perubahan Hukum dengan Berubahnya Masa

Kaedah ini merupakan kaedah yang dimasukkan dalam *Majallah al-Ahkam al-‘Adliyyah* dengan menggunakan istilah لا ينكر تغير الأحكام بتغير الأزمان (tidak diingkari perubahan hukum disebabkan perubahan masa) dan ianya bukanlah berasal daripada kata-kata ulama salaf. (al-Ghamidi, 2008). Maksud kaedah ini ialah hukum-hukum yang berubah ialah hukum-hakam yang berasaskan kepada uruf dan adat. Ini adalah kerana perubahan zaman menyebabkan berubahnya keperluan manusia. Dan apabila berubahnya keperluan manusia, maka akan berubah bentuk uruf dan adat. Manakala hukum-hakam yang dibina atas dalil-dalil syarak, bukannya atas uruf dan adat, maka ianya tidak akan berubah sama sekali. (Ali Haidar, 1991).

Uruf ialah apa yang diakui oleh jiwa manusia dengan dibuktikan oleh akal fikiran dan ianya juga diterima oleh tabie’ semulajadi. Adat pula ialah sebarang hukum yang difikir logik oleh akal dan sentiasa dipegang dan menjadi rujukan oleh manusia. (al-Jurjani, 1983). Definisi yang dikemukakan oleh Al-Jurjani ini menunjukkan persamaan antara uruf dan adat iaitu melibatkan perkara yang sememangnya diterima pakai dan diakui oleh majoriti manusia secara umumnya.

Selain itu, terdapat juga kaedah lain yang mempunyai kaitan dengan kaedah ini iaitu *تغيير الفتوى بتغيير الأزمنة والأحوال* (berubah fatwa dengan berubahnya masa dan keadaan. (Ibnu Qayyim, 1991). Walaupun digunakan istilah fatwa, namun ia juga membawa maksud hukum kerana definisi fatwa ialah mengeluarkan hukum syarak yang diambil daripada al-Quran, Sunnah, Ijma', dan Qias. (Abdul Haq Hamish, 2008).

Siyasah Syariyyah

Siyasah Syariyyah bermaksud politik Islam yang merupakan gabungan antara dua perkataan iaitu Siyasah dan Syariyyah. Perkataan siyasah berasal daripada *سوس* yang membawa maksud melaksanakan sesuatu yang memberikan kebaikan. (Ibnu Manzur, 1993). Selain itu ianya juga bermaksud memberi arahan dan larangan kepada rakyat. (al-Fairuzabadi, 2005). Syariyyah pula berasal daripada perkataan *شرع* dan *شريعة* yang membawa makna sumber minuman air. (Ibnu Faris, 1979). Takrif sebenar Syariah terbahagi kepada dua, yang pertama ialah apa-apa yang ditetapkan oleh Allah SWT di dalam kitab-kitab-Nya atas lisan rasul-rasul-Nya. (al-Syaukani, 1993). Kedua, Syariah ialah apa yang didatangkan daripada hukum-hakam taklif, dan perlu mengamalkannya sama ada dalam bentuk suruhan, larangan, sunat, dan harus. (Abu Zahrah, t.t).

Daripada kedua-dua definisi Syariah ini, kita dapat melihat bahawa definisi yang diberikan oleh al-Syaukani lebih umum merangkumi agama secara keseluruhannya berbanding definisi yang dikemukakan oleh Abu Zahrah yang memfokuskan kepada hukum-hakam Fiqh. Maka dalam konteks ini, kedua-dua definisi oleh al-Syaukani dan Abu Zahrah sesuai untuk digandingkan dengan istilah Siyasah. Hal ini kerana secara umumnya Siyasah Syariyyah juga melibatkan urusan penjagaan agama dan juga hukum-hakam Fiqh.

Menurut Ibrahim Abdul Rahim (2006), kefahaman tentang politik Islam melibatkan dua aspek iaitu pertama ialah menggantikan kenabian dalam menjaga urusan agama dan mentadbir dunia dengan agama, keduanya ialah hukum atau keputusan yang dikeluarkan oleh pemerintah. Maka boleh dilihat di sini bahawa skop yang pertama atas dasar penjagaan urusan agama, manakala skop yang kedua terletak di bawah bidang fiqh yang anjal dan fleksibel.

Sebenarnya terdapat ramai ulama yang telah memberikan definisi khusus berkaitan dengan Siyasah Syariyyah sama ada ulama silam mahupun ulama moden. Menurut Ibnu Aqil, Siyasah Syariyyah ialah apa sahaja tindakan yang menyebabkan manusia dekat kepada kebaikan dan jauh daripada keburukan. (Ibnu Qayyim, 1991). Siyasah Syariyyah juga membawa maksud sesuatu tindakan oleh pemerintah berdasarkan kemaslahatan pada pandangannya, walaupun tindakan tersebut tidak mempunyai sebarang dalil. (Ibnu Nujaim t.t).

Ianya merupakan satu ilmu yang membahaskan tentang pentadbiran hal ehwal negara Islam yang terdiri daripada undang-undang dan sistem bertepatan dengan prinsip asas Islam, walaupun urusan pentadbiran tersebut tidak mempunyai sebarang dalil. (Abdul Wahab Khalaf, 1988). Menurut al-Zuhaili (1999), Siyasah Syariyyah ialah hukum-hakam yang menyusun atur fasiliti negara dan mentadbir urusan umat dalam keadaan menepati ruh syarak dan tujuan kemasyarakatan walaupun tiada dalil-dalil daripada al-Quran dan Sunnah yang menunjukkan akan perkara tersebut.

Berdasarkan kepada takrifan yang diberikan oleh ulama-ulama ini, secara mudahnya Siyasah Syariyyah merupakan sebarang bentuk pengurusan dan pentadbiran negara yang dijalankan tidak bercanggah dengan kehendak syarak walaupun tidak dinyatakan dalam dalil-dalil. Semuanya dilakukan untuk kemaslahatan dan kebaikan rakyat keseluruhan. Terdapat satu kaedah yang amat bertepatan dengan perkara ini iaitu;

تصرف الإمام على الرعية منوط بالمصلحة

Terjemahan: Tindakan pemimpin ke atas rakyat mestilah berdasarkan kemaslahatan rakyat.

Menurut al-Zuhaili (2006), kaedah ini menggariskan sempadan dalam pentadbiran am dan Siyasah Syariyyah, di mana pemerintah adalah wakil kepada rakyat sepatutnya melaksanakan sesuatu perkara berasaskan kepada kemaslahatan dan kebaikan untuk kesemua rakyat dengan menegakkan keadilan, menentang kezaliman, memelihara hak dan akhlak, mengekalkan keamanan, menyebarkan ilmu dan sebagainya.

Dari sudut yang berbeza, hal ini menunjukkan bahawa apa sahaja perkara yang tidak bercanggah syarak walaupun ianya datang daripada agama atau fahaman yang berbeza dengan Islam boleh diterima dan diamalkan. Terdapat riwayat hadith masyhur yang menunjukkan akan hal ini iaitu:

الكَلِمَةُ الْحِكْمَةُ ضَالَّةُ الْمُؤْمِنِ، فَحَيْثُ وَجَدَهَا فَهُوَ أَحَقُّ بِهَا

Maksudnya: Kebijakan adalah barang tercipir kepunyaan orang beriman, di mana sahaja dia menjumpainya, dia lebih berhak untuk mendapatkannya. (HR Tirmizi).

Walaupun hadith ini dihukumkan sangat daif (Albani, 1991), namun dari sudut makna ianya benar. Menurut al-Munawi (1935), riwayat ini bermakna segala kebijaksanaan dalam bentuk ilmu dan idea pemikiran yang ditemui perlu diambil sebagaimana seorang lelaki menjumpai barangnya yang hilang. Ilmu dan idea tersebut perlulah diikuti dan dipraktikkan.

Dalam masa yang sama, Siyasa atau politik terbahagi kepada dua iaitu politik adil atau politik zalim. Politik adil ialah sistem politik yang telah diajarkan oleh hukum-hakam syarak. Manakala, politik zalim pula ialah sistem politik yang diharamkan oleh syarak, berasaskan kepada hawa nafsu dan membawa kemudaratan kepada Umat. (al-Khayyat, 1999). Maka dalam naratif ini, jika sekiranya politik zalim bercanggah dengan syarak, yang datangnya daripada amalan Orang Islam, ianya perlu ditolak. Jika sekiranya politik adil tidak bercanggah dengan syarak walaupun datangnya daripada amalan barat, ianya boleh diterima dan diamalkan.

Aplikasi Kaedah

Terdapat beberapa contoh yang telah berlaku pada zaman silam yang menjadi aplikasi kepada kaedah ini iaitu: zaman pemerintahan Khalifah Umar al-Khattab RA. Pada zaman tersebut, beliau telah menghentikan pembahagian asnaf Muallaf, menanggukuhkan pemotongan tangan bagi kes mencuri disebabkan kemarau, melarang perkahwinan dengan perempuan ahli kitab, menambahkan bilangan sebatan bagi kesalahan meminum arak kepada 80 sebatan. Semua ini dilakukan atas pertimbangan Maqasid Syariah yang melatari suasana pada zaman tersebut. (Yusri Ibrahim, 2011).

Faktor Saidina Umar RA menghentikan pembahagian asnaf muallaf ialah kerana beliau berpandangan, pembahagian asnaf tersebut dilakukan sebelumnya disebabkan bilangan Umat Islam yang masih sedikit berbanding dengan jumlah orang kafir dan keadaan Umat Islam yang masih lemah pada waktu itu. (al-Bahisin, 2012). Apabila keadaan telah berubah pada zaman beliau, maka tiada keperluan lagi untuk memberikan zakat kepada golongan muallaf, bukan atas sebab ianya telah dinasakhkan

(Ibnu Taimiyyah, 1995). Penangguhan pemotongan tangan bagi kes pencuri pada zaman kemarau pula disebabkan alasan mencuri untuk memenuhi hajat keperluan sendiri. Mereka mencuri disebabkan keterdesakan untuk makan. (Ibnu Qudamah, 1968). Manakala larangan berkahwin dengan perempuan ahli kitab atas dasar hukum makruh kerana bimbang Umat Islam akan meninggalkan perempuan Muslimah dengan mengutamakan perkahwinan dengan perempuan Ahli Kitab. (al-Baihaqi, 2011).

Saidina Umar RA menambah bilangan hukuman 40 kali sebatan kepada 80 kali sebatan dalam kes kesalahan meminum arak atas dasar takzir pada pandangan beliau sebagai pemerintah pada waktu itu. (al-Nawawi, 1971). Pada zaman Umar bin Abdul Aziz ketika beliau menjadi qadi di Madinah dan Yaman, beliau menerima penyaksian daripada seorang saksi sahaja. Namun apabila beliau di Shams, beliau menerima penyaksian hanya daripada dua orang kerana keadaan masyarakat yang tidak sama antara ketiga-tiga tempat tersebut. (Yusri Ibrahim, 2011).

Sebagaimana perubahan hukum boleh berlaku dalam isu politik Islam pada zaman dahulu, begitu juga ianya boleh berlaku pada zaman sekarang. Apatah lagi pada zaman moden sekarang, kepesatan teknologi dan kerencaman kehidupan seharian, telah menimbulkan banyak persoalan hukum yang baru. Ia telah menyebabkan berlaku perubahan hukum yang agak ketara. Sebagai contohnya sistem pemerintahan sesebuah negara pada hari ini terutamanya di kalangan negara-negara Komenwal banyak menggunakan corak pemerintahan berbentuk demokrasi. (Mohd Azmir & Afi Roshezry, 2019).

Walaupun sistem ini tidak diamalkan pada zaman Rasulullah SAW, Khulafa' Rasyidin, dan pemerintahan umat Islam selepas daripada itu, namun oleh sebab dunia pada hari ini menganggap bahawa demokrasi merupakan sistem yang paling sesuai untuk diamalkan, maka ramai di kalangan ulama moden Gerakan Islam menerima dan mengharuskan penggunaan sistem pemerintahan negara sebegini. Mereka ialah Dr. Yusuf al-Qaradawi, Dr Muhammad Imarah, kebanyakan Ikhwan al-Muslimin, Dr. Hasan Turabi, Dr. Muhammad Salim al-Awa dan lain-lain lagi. (Atiyyah Adlan, 2011). Asas umum yang telah diletakkan oleh politik Islam ialah kepentingan melakukan syura dalam sesebuah pemerintahan. Ini adalah berdasarkan kepada firman Allah SWT seperti dalam Surah Al-Syura ayat 38:

وَأَمْرُهُمْ شُورَى بَيْنَهُمْ

Maksudnya: *“Dan dalam urusan mereka, mereka melaksanakan syura perbincangan sesama mereka.”*

Pelaksanaan syura boleh berubah mengikut peredaran zaman dan keadaan. Dalam dunia pada hari ini, parlimen sebagai salah satu daripada tunjang penting demokrasi. Maka parlimen berfungsi sebagai tempat untuk melakukan syura perbincangan antara pihak kerajaan dan pihak pembangkang. Maka pelaksanaan konsep syura telah berlaku ketika persidangan parlimen berlangsung.

Di samping itu, perbincangan berkenaan dengan pengamalan sistem demokrasi akan membawa kepada tajuk-tajuk seperti kewujudan parti-parti politik, dan sistem pilihan raya untuk memilih pemimpin. Sebagaimana demokrasi itu sendiri, dihukumkan harus oleh kebanyakan ulama moden, begitu juga dengan kewujudan parti-parti politik yang tidak bercanggah dengan dasar syarak diharuskan. Ini merupakan pandangan kebanyakan ulama sekarang iaitu Dr. Yusuf al-Qaradawi, Syeikh Mustafa Mashyur, Sheikh Muhammad Abu Zahrah, dan ramai lagi. (Atiyyah Adlan, 2011). Walaupun tidak dinafikan berlakunya pertembungan sesama parti-parti politik ini dalam agenda meraih sokongan rakyat, namun semua ini tidak lari daripada semangat dan ruh yang dijelaskan oleh al-Quran dalam Surah Al-Baqarah ayat 148:

وَلِكُلِّ وِجْهَةٍ هُوَ مُوَلِّيَهَا فَاسْتَبِقُوا الْخَيْرَاتِ أَيْنَ مَا تَكُونُوا يَأْتِ بِكُمْ اللَّهُ جَمِيعاً إِنَّ اللَّهَ عَلَىٰ كُلِّ شَيْءٍ قَدِيرٌ

Maksudnya: *“Dan bagi tiap-tiap umat ada arah (kiblat) yang masing-masing menujunya; oleh itu berlumba-lumbalah kamu mengerjakan kebaikan; kerana di mana sahaja kamu berada maka Allah tetap akan membawa kamu semua (berhimpun pada hari kiamat untuk menerima balasan); sesungguhnya Allah Maha Berkuasa atas tiap-tiap sesuatu.”*

Sistem pilihan raya yang diamalkan oleh kebanyakan negara pula pada hari ini yang melibatkan penglibatan semua rakyat yang memenuhi syarat-syarat yang telah ditetapkan. Ulama silam telah bersepakat

mbolehkan pilihan raya dilakukan hanya oleh golongan yang dikenali sebagai *Ahli al-Hil wa al-Aqd*. Namun ulama moden zaman sekarang seperti Syeikh Muhammad Rasyid Redha, Syeikh Abu A'la Al-Maududi, Dr. Yusuf al-Qaradawi, Syeikh Abdul Kadir Audah, Dr. Abdul Karim Zaidan dan lain-lain lagi telah mengharuskan pilihan raya yang melibatkan kesemua atau majoriti ahli masyarakat dalam sesebuah negara. Antara hujah yang dikemukakan ialah perlantikan khalifah adalah perkara ijtihad yang tidak dinyatakan caranya secara spesifik oleh nas syarak, kerana ianya berubah mengikut zaman dan tempat. (al-'Ajlani, 2009).

Selain daripada itu, penyertaan wanita dalam politik juga merupakan salah satu daripada contoh aplikasi kaedah perubahan hukum dengan berubahnya masa. Keterlibatan wanita dalam urusan keduniaan sememangnya merupakan fenomena biasa yang berlaku pada hari ini. Ianya merupakan perkara yang tidak dapat dielakkan lagi. Berbeza dengan zaman dahulu apabila wanita begitu sinonim dengan status surirumah yang hanya menjaga hal ehwal rumah tangga, suami, dan anak-anak, namun kini wanita telah memegang jawatan yang penting dalam sektor kerajaan mahupun swasta, menjadi pakar rujuk dalam segenap lapangan kehidupan. Ini termasuk juga dalam urusan politik, apabila wanita telah diberi kepercayaan untuk menjadi pemimpin politik dan wakil rakyat. Secara umumnya, menurut Ibnu Hazm (t.t), telah menjadi ijmak bahawa wanita tidak boleh dilantik sebagai pemimpin tertinggi dalam sesebuah kepimpinan negara. Hal ini bersandarkan kepada hadis nabi SAW iaitu:

لَنْ يُفْلِحَ قَوْمٌ وَلَوْ أَمَرَهُمْ امْرَأَةٌ

Maksudnya: Tidak akan berjaya sesuatu kaum yang diperintah oleh wanita. (Riwayat al-Bukhari)

Menurut al-Syaukani (1993), hadis ini menjadi dalil bahawa wanita bukanlah individu yang dilantik untuk memerintah. Namun dalam urusan politik yang lain, seperti menjadi wakil rakyat, dan menteri, kebanyakan ulama moden telah mengharuskan penglibatan wanita dalam jawatan tersebut. Antara ulama tersebut ialah Syeikh Shaltut, Syeikh Muhammad al-Ghazali, Dr. Abdul Hameed Mutawalli, Dr. Aisyah Abdul Rahman, Dr. Yusuf al-Qaradawi dan lain-lain lagi. (Atiyyah Adlan, 2011). Walaupun dalam beberapa negara umat Islam, perkara sebegini seolah-olahnya masih belum berlaku kerana masih kuat berpegang kepada adat resam tradisi lama tempatan, namun perubahan ini sebenarnya telah

mendominasi umat Islam secara keseluruhannya pada hari ini. Kepimpinan wanita telah diterima apatah lagi apabila berkaitan dengan bidang yang sesuai dengan naluri dan jiwa seorang wanita seperti pendidikan, psikologi, dan kekeluargaan.

Kesimpulan

Sesuatu perkara yang tidak dinafikan bahawa perubahan hukum boleh berlaku disebabkan perubahan masa dan keadaan. Hal ini telah menyebabkan penerusan kegemilangan Siyasah Syariyyah dalam menghadapi tuntutan perubahan zaman sejak dahulu sehinggalah sekarang. Antara contoh bukti yang nyata berkenaan dengan aplikasi kaedah perubahan hukum dengan berubahnya masa dalam Siyasah Syariyyah ialah apa yang telah dilakukan oleh Saidina Umar al-Khattab RA pada zamannya iaitu menghentikan pembahagian asnaf muallaf, menanggukkan pemotongan tangan bagi kes mencuri disebabkan kemarau, melarang perkahwinan dengan perempuan ahli kitab, menambahkan bilangan sebatan bagi kesalahan meminum arak kepada 80 sebatan. Manakala pada zaman sekarang pula contoh aplikasi kaedah perubahan hukum dengan berubahnya masa ialah pengamalan sistem demokrasi, kewujudan parti-parti politik, sistem pilihan raya, dan penglibatan wanita dalam hal ehwal politik semasa.

Rujukan

- Al-'Ajlani, Fahad ibn Soleh. 2009. *Al-Intikhabat wa Ahkamuha fi al-Fiqh al-Islami*. Riyadh: Dar Kunuz Ishbiliya.
- Abdul Aziz bin Muhammad. 2006. *Nawaqid al-Iman al-Qauliyah wa al-Amaliyyah*. Riyadh: Dar al-Watan.
- Abdul Haq Hamish. 2008. *Qadaya Fiqhiyyah Mu'asarah*. UAE: Jamiah Al-Shariqah,
- Abdul Wahab Khalaf. 1988. *Al-Siyasah al-Syariyyah fi al-Syu'un al-Dusturiyyah wa al-Kharijiyyah wa al-Maaliyyah*. t.t: Dar al-Qalam.
- Abu Zahrah, Muhammad bin Ahmad. t.t. *Zahrah al-Tafasir*. Jilid 4. Kaherah: Dar al-Fikr Al-Arabi.
- Al-Albani, Muhammad Nasiruddin. 1991. *Da'if Sunan al-Tirmidhi*. Beirut: al-Maktab al-Islami.
- Ali Haidar. 1991. *Durar al-Hukkam fi Syarh Majallah al-Ahkam*. t.t: Dar al-Jil.
- Atiyyah Adlan. 2011. *Al-Ahkam al-Syariyyah Linnawazil al-Siyasiyyah*. Mesir: Dar Al-Kutub Al-Misriyyah.
- Al-Bahisin, Yaakob ibn Abdul Wahab. 2012. *Qa'idah al-'Adah Muhakkamah Dirasah Nazariyyah Ta'siliyyah Tatbiqiyyah*. Riyadh: Maktabah al-Rusyd.
- Al-Baihaqi, Ahmad ibn Husin. 2011. *Al-Sunan al-Kabir*. Jilid 14. t.t: Markaz Hijr.
- Al-Fairuzabadi, Muhammad ibn Yaakob. 2005. *Al-Qamus Al-Muhit*. Jilid 1. Beirut: Muassasah al-Risalah.

- Al-Ghamidi, Hiza' bin Abdullah. 2008. *Muhawalat al-Tajdid fi al-Usul Fiqh wa Da'watihi Dirasatan Wa Taqwiman*. Jilid 2. Riyadh: Jami'ah al-Imam Muhammad bin Sa'ud al-Islamiah.
- Al-Jurjani, Ali bin Muhammad. 1983. *Al-Ta'rifat*. Beirut: Dar al-Kutub al-'Ilmiah.
- Al-Khafif, Ali. t.t. *Asbab Ikhtilaf Fuqaha'*. Kaherah: Dar Al-Fikr al-Arabi.
- Al-Khayyat, Abdul Aziz Izzat. 1999. *Al-Nizam al-Siyasi fi al-Islam*. Kaherah: Dar al-Salam.
- Al-Khin, Mustafa Said. 1982. *Athar al-Ikhtilaf fi al-Qawa'id al-Usuliyah fi Ikhtilaf al-Fuqaha'*. Beirut: Muassasah al-Risalah.
- Al-Munawi, Muhammad Abdul Rauf bin Taj Al-Arifin. 1935. *Faid al-Qadir Syarh al-Jami' al-Saghir*. Jilid 5. Mesir: al-Maktabah al-Tijariyyah al-Kubra.
- Al-Syaukani, Muhammad bin Ali. 1993. *Fath al-Qadir*. Jilid 1. Beirut: Dar al-Kalam al-Tayyib.
- Al-Syaukani, Muhammad bin Ali. 1993. *Nail al-Autar*. Jilid 8. Mesir: Dar al-Hadith.
- Al-Zuhaili, Muhammad Mustafa. 2006. *Al-Qawaid al-Fiqhiyyah wa Tatbiqatuha fi Mazahib al-Arba'ah*. Damsyik: Dar al-Fikr.
- Al-Zuhaili, Wahbah. 1999. *Al-Zarai' fi al-Siyasah al-Syariyyah wa al-Fiqh al-Islami*. Damsyik: Dar al-Maktabi.
- Ibnu Faris, Ahmad bin Faris. 1979. *Maqayis al-Lughah*. Jilid 3. t.t: Dar Al-Fikr.
- Ibnu Hazm, Ali bin Ahmad. t.t. *Maratib al-Ijma'*. Beirut: Dar Al-Kutub Al-Ilmiah.
- Ibnu Manzur, Muhammad bin Mukarram. 1993. *Lisan al-'Arab*. Jilid 6. Beirut: Dar Sadir.
- Ibnu Nujaim, Zainuddin bin Ibrahim. t.t. *Al-Bahr al-Raiq Syarh Kanz al-Daqaiq*. Jilid 5. t.t: Dar al-Kitab al-Islami.
- Ibnu Qayyim, Muhammad bin Abu Bakar. 1991. *I'lam Al-Muwaqqi'in 'an Rabb al-'Alamin*. Jilid 3. Beirut: Dar al-Kutub al-'Ilmiah.
- Ibnu Qudamah, Abdullah bin Ahmad. 1968. *Al-Mughni*. Jilid 1 & 9. Kaherah: Maktabah Al-Kaherah.
- Ibnu Taimiyyah, Ahmad bin Abdul Halim. 1995. *Majmu' al-Fatawa*. Jilid 12 & 33. Madinah: Majma' al-Malik Fahad.
- Ibrahim Abdul Rahim. 2006. *Al-Siyasah Al-Syariyyah*. Kaherah: Dar al-Nasr.
- Yusri Ibrahim. 2011. *Al-Musyarakat al-Siyasiyyah al-Mu'asarah fi Dau' al-Siyasah al-Syar'iyah*. Kaherah: Dar al-Kutub al-Misriyyah.
- <https://elibrary.mediu.edu.my/books/2015/MEDIU01696.pdf> (diakses pada 15 Januari 2021).
- https://www.researchgate.net/publication/338036652_Demokrasi_Pilihanraya_dan_Cakna_Perlembagaan (diakses pada 26 Januari 2021).
- https://www.riyadhalelm.com/researches/4/296_thwabt_motgirat.pdf (diakses pada 15 Januari 2021).

FAJAR SARAWAK (1930): GAGASAN DAN PERJUANGAN KEULAMAAN DALAM KONTEKS NASIOISLAMISME DAN DEKADENISME DUNIA MELAYU

Nordi Achie
Pusat Penataran Ilmu dan Bahasa
Kampus Antarabangsa Labuan
Universiti Malaysia Sabah
nordi@ums.edu.my

Abstrak

Kertas ini bertujuan mencerahkan peranan kristalistik dan sumbangan vitalistik *Fajar Sarawak* (1930), dalam kancah zaman keangkuhan kolonialisme Barat dan sadisme dunia Melayu-Islam, merentasi garis zaman pancaroba yang besar iaitu Perang Dunia I dan II. Pada zaman inilah justeru munculnya perjuangan keulamaan di Sarawak *Darul Hana* yang bangkit menyanggah terorisme Barat dan memercukan gagasan kemajuan Melayu-Islam, dengan pena dan tinta sebagai senjata perjuangan keulamaan. Persoalannya, mengapakah angkatan *Fajar Sarawak* teguh menggeluti zaman yang penuh berisiko dewasa itu? Menerusi wacana kerdil ini, penulis akan menggarap gagasan dan perjuangan *Fajar Sarawak* (1930) sembari menelusuri garis persamaan dan perbezaan penting (secara menyeluruh) dengan *Utusan ASAS* (1947-1948) dan *Utusan Sarawak* (1949-1950) secara komparatif, dalam konteks inklusiviti perjuangan keulamaan sezaman. Struktur wacana ini dibahagikan kepada tiga tema utama (ikuti pemerihalan selanjutnya). Bagaimanapun, aspek latar belakang masyarakat tidak disentuh di sini kerana ruangan yang terhad, malah keutamaan harus diberikan terhadap aspek pengisiannya. Begitu juga dengan kesan perjuangan akhbar Melayu, topik ini memerlukan kertas berasingan.

Kata Kunci: Akhbar, Ulama dan Politik

Pendahuluan

Bagi memahami perjuangan keulamaan *Utusan ASAS (UA)* dan *Utusan Sarawak (US)*, semua pencitraan *UA* dan *US* harus digabungkan dengan *Fajar Sarawak (FS)*. Terdapat dua asas penting yang mendasari pertimbangan ini. Pertama, perjuangan *UA* dan *US* beruratakarkan perjuangan *FS*. Kedua, peranan *US* sebagai penerus perjuangan *UA* dan pelengkap perjuangan *FS*. Oleh itu, *US* wajar diketengahkan dalam perbincangan ini. Ia bertujuan melihat setakat mana gagasan serta pemikiran *FS* dan *UA* berangkaian atau tersisih daripada arus perjuangan *US*. Begitu juga dengan perkaitan antara *FS* dan *UA*. Perlu dinyatakan, skop penelitian *US* dikhaskan untuk tempoh awal penerbitannya (1949-

1950). Ini merupakan tempoh kritikal pada awal era pemerintahan kolonial British di Sarawak (1946-1950). Persoalannya, apakah perjuangan keulamaan yang terpancar menerusi gagasan Islamik *Fajar Sarawak*?

Rangkuman Gagasan, Rangkaian Gerakan

Sejak awal 1930-an, *FS* telah menghembuskan roh pemikiran antikolonialisme Barat, dan selepas tamatnya era Perang Dunia II, muncul pula *UA* (seterusnya *US*) sebagai pembakar api nasionalisme Sarawak. Lebih sedekad sebelumnya, *FS* telah menyajikan pelbagai pemikiran bernas (baja renungan dan benih pengajaran) untuk menyedarkan puterabumi Sarawak mengenai hak, kepentingan dan masa depan mereka, sebagai pemilik asal dan pemilik tunggal Bumi Kenyalang. Gagasan dan perjuangan akhbar-akhbar ini bermuarakan kepentingan kolektif puterabumi Sarawak yang berbilang agama, bahasa dan budaya, namun hakikatnya mereka serumpun, setanah dan selangit (hidup di bawah payungan langit yang sama).

Kritikan *FS* terhadap ancaman dan bahaya kolonialisme James Brooke tersirat melalui rencana sejarah yang ditulis oleh Rakawi Yusuf. Sekalipun ada kalanya kedengaran memuji Vyner Brooke, ini bukanlah bermakna *FS* bersekongkol dengan regim Brooke kerana Brooke merupakan kolaborator penjajah British. *FS* menyedari puterabumi Sarawak menjadi mangsa politiking regim Brooke (*Fajar Sarawak*, 1 Februari-16 Jun 1930). Walaupun pemikiran antikolonialisme *FS* tidak begitu menonjol (berbanding *UA* dan *US*), tetapi ia menjadi bukti bahawa pemikiran antikolonialisme bukanlah bendasing dalam wacana kepolitikan di Sarawak sejak awal 1930-an. Pemikiran antikolonialisme yang disemai *FS*, disemur *UA* dan disemarak *US*. *UA* berperanan penting menyulut pemikiran antikolonialisme dalam kemelut isu penyerahan Sarawak (*Utusan Asas*, 10 Oktober-15 Disember 1947). Suaranya lantang dan nadanya garang berbanding *FS*. *UA* memperjuangkan gagasan kemerdekaan pasca-Perang Dunia II buat julung kalinya dalam sejarah Sarawak, pada peringkat awalnya (1947-1948). Ini bertepatan dengan kedudukan *UA* sebagai akhbar Melayu pertama yang diterbitkan ketika itu dan peranannya sebagai suara bitara patriot Sarawak.

US merupakan wadah utama yang terus menyalakan pemikiran dan semangat antikolonialisme pasca-*UA*. *US* memperlihatkan komitmennya menentang penjajahan British dan menuntut kemerdekaan tanah air.

Reaksi pembaca terhadap isu penyerahan dan penjajahan Sarawak kian panas. Kritikan mereka semakin berani dan tajam sekali gus memmanifestasikan kebencian memuncak terhadap kolonialisme (*Utusan Sarawak*, 16 Januari 1949-13 November 1950). Biarpun kerajaan kolonial British bersikap egois dan memandang enteng kebangkitan nasionalisme Sarawak (taktik perang saraf terhadap patriot), namun sikap acuh tak acuh pihak penjajah gagal menyejukkan semangat antipenjajahan, malah pengaruh perjuangan kemerdekaan ini semakin merebak ke seluruh negeri (senjata makan tuan).

Pemikiran reformisme Islam turut melebarkan sayap pengaruhnya merentasi dua zaman: sebelum dan selepas Perang Dunia II. Gagasan yang dicetuskan oleh majalah *al-Imam* (suara reformis Islam) di Tanah Melayu sejak 1908, jelas mempengaruhi orientasi perjuangan akhbar Melayu di Sarawak. (Nordi Achie, 2003). Pada prinsipnya, ketiga-tiga akhbar ini merupakan penjana arus pemikiran reformisme Islam di Bumi Kenyalang. Bagaimanapun, isu-isu ranting yang pernah diperdebatkan antara Kaum Muda dengan Kaum Tua di Tanah Melayu, jelas tidak menarik perhatian *FS*, *UA* dan *US* kerana keremehan isu itu sendiri. Pengaruh pemikiran reformisme Islam yang dirintis *FS*, terus meresapi pemikiran dwiakhbar berikutnya (*UA* dan *US*).

FS meniupkan obor pemikiran progresisme (idea progresisme Islamik) demi kemaslahatan puterabumi Sarawak. Ketika itu, mereka masih jauh ketinggalan berbanding gerakan dan perjuangan progresisme di Tanah Melayu dan Indonesia. Atas kesedaran ini, *FS* menentang adat dan amalan anakronistik yang memborgol kehidupan puterabumi Sarawak. *FS* mahu putera Bumi Kenyalang bangkit bersatu membebaskan diri mereka daripada semak-samun kemunduran dengan membasmi putaran ganas kemiskinan hidup. *FS* sedar kemajuan anak watan dan tanah air terletak atas kemandirian pendidikan dan ekonominya sendiri. Kesedaran ini menyebabkan *FS* membela hak dan kepentingan anak negeri kerana nasib dan masa depan watan terkandar di bahu mereka. *FS* menegaskan tindakan positif dan konstruktif harus dilaksanakan segera untuk memperbaiki taraf hidup puterabumi secara holistik, membabitkan tiga pihak serentak iaitu Raja Putih, pembesar puterabumi dan rakyat seluruhnya (*Fajar Sarawak*, 1 Februari-16 Jun 1930).

Islam merupakan wasilah defenitif yang menghunjami gagasan dan perjuangan *FS*, *UA* dan *US*. Walaupun akhbar-akhbar ini tidaklah

mewacani ideologi politik Islam atau teori politik Islam, namun nilai-nilai siasah Islam dipancarkan dengan jelas, malah Islam dijunjung sebagai agama progresif, bukannya agama yang diperagamakan (agama pada nama dan agama sebagai upacara). Umat Islam di Sarawak dewasa itu hanya menganut agama Islam, namun mereka belum mengarifi hakikat Islam itu sendiri. Dalam konteks ini, kembali kepada Islam bermakna kembali menghayati Islam sebagai kunci kemajuan (*ummatan* dan watan), tetapi bukanlah dengan cara berkiblatkan Barat secara membuta tuli (*Fajar Sarawak*, 1 Februari-16 Jun 1930). Islam tidak harus dilihat dalam ruang lingkup kejumudan. Islam mencakupi tridimensi kehidupan: perajutan dengan bumi (manusia dan alam), serta persendian dengan langit (hubungan dengan Tuhan Maha Esa). Inilah keunikan Islam kerana seluruh hidup umatnya merupakan ibadah. Justeru, jihad menentang kemunduran dan jihad menggapai kemajuan merupakan tuntutan Islam.

Dalam konteks perpaduan Melayu-Muslim, Islam dimercukan sebagai teras pemersatuan, berlunaskan al-Quran dan Sunnah Rasulullah. Islam menegah perpecahan dan permusuhan: dikotomisasi mikro (sesama saudara seagama) mahupun makro (sesama saudara semanusia). Dalam Islam, seluruh manusia bersalsilahkan genetik Adam, manakala seluruh Muslim pula dipersaudarakan sebagai bani tauhid. Kedua-dua bani insani ini diikat dengan tali silaturahim manusiawi sejagat. Lantas, *FS* mengajak umat Islam di Sarawak *Darul Hana* bersatu (dalam semua urusan duniawi) tanpa mengira darjat kebangsawanan dan darah keturunan (*Fajar Sarawak*, 1 Februari-16 Jun 1930). *UA* pula menentang perpecahan dalam perjuangan menentang berhala zaman moden iaitu kolonialisme Barat. *UA* sedar seluruh puterabumi perlu berhijrah, dengan membebaskan diri mereka daripada cengkaman kemiskinan ilmu, harta dan jiwa (*Utusan Asas*, 10 Oktober-15 Disember 1947). *US* pula menegaskan kepentingan mendamaikan persengketaan berlarutan sesama Melayu-Muslim akibat permusuhan antara penyokong dan penentang penyerahan Sarawak (*Utusan Sarawak*, 16 Januari 1949-13 November 1950). Kesemuanya berjihad dengan mengibarkan panji perpaduan ummah. Ia ditegakkan dengan kesatuan ukhuwah dan akidah Islamiah. Inilah gagasan politik reformisme Islam yang dicerap *FS*, dicanai *UA* dan dicerakin *US*.

Pada dasarnya, kesemua akhbar ini menekankan kepentingan pendidikan duniawi dan agamawi kerana ilmu merupakan graha kemajuan, malah menuntut ilmu merupakan kewajiban terhadap setiap Muslim; dan justeru kerana itu, setiap Muslim yang sengaja mengabaikan

ilmu, mereka dihukumkan berdosa. Sungguhpun demikian, senario dunia sezaman memperlihatkan keliaran nafsu manusia kolonialis (Nordi Achie, 2013:); bangsa-bangsa Barat menguasai ilmu dan teknologi, tetapi kemajuan itu pula disalahgunakan untuk menjajah bangsa-bangsa Timur. Ini bukanlah konsepsi ilmu insani, sebaliknya konsepsi ilmu haiwani. *FS*, *UA* dan *US* menerima kemajuan ilmu Barat, namun mereka menentang korupsi dan intimidasi ilmu, seperti dilakukan oleh kuasa-kuasa kolonial Barat. Dalam pada itu, Islam mengagaskan emansipasi (pembebasan) wanita daripada segala bentuk penindasan. Buktinya, Islam membela hak dan keadilan wanita dalam semua aspek kehidupan. Hak dan keadilan inilah yang disuarakan oleh *FS*, *UA* dan *US*.

Antara hakikat sezaman yang paling mendukacitakan ialah kemiskinan ekonomi umat Islam. Masalah getir ini pernah disuarakan dengan lantang dan jujur oleh mujahid reformis Islam di Nusantara (menerusi majalah *al-Imam*). Gagasan dan gerakan ini diteruskan oleh *FS*, *UA* dan *US* sekalipun mereka tidak menamakan diri mereka sebagai reformis Islam. Ada apa dengan nama? Yang penting bukanlah gelaran, tetapi pengisian dalam perjuangan. Mereka menampilkan ketercerahan perspektif dalam menggarap gagasan ini. Pertama, mengenal pasti puncanya secara tuntas. Kedua, mengemukakan langkah yang mangkus untuk membasminya. Kemiskinan ekonomi merupakan masalah rumit dan ruwet yang berakar umbi lebih 300 tahun lamanya (sejak kerajaan-kerajaan rumpun Melayu dihancurkan oleh penjajah Barat pada awal abad ke-16), dan penyakit duniawi ini mustahil dapat dirawat dalam sekelip mata. Betapapun sukarnya, semua kejayaan bermula dengan langkah pertama iaitu perubahan dalaman: rakyat, pemimpin dan pemerintah (Nordi Achie, 2013), bukan terperangkap dengan ciri-ciri luaran yang memperdayakan. (Nordi Achie, 2018; 2020).

Walaupun menyedari kekayaan negerinya sedang dibolot oleh bangsa penjajah dan bangsa dagang, tetapi cabaran paling getir yang dihadapi puterabumi Kenyalang ialah wabak putus asa, putus harapan dan putus jalan. *FS*, *UA* dan *US* sangat menginsafi kebenaran pahit ini. Mereka hanya mempunyai satu pilihan iaitu mengubah sikap dan nasib mereka sendiri (*Fajar Sarawak*, 1 Februari-16 Jun 1930); sebaliknya, menyalahkan bangsa penjajah dan bangsa dagang semata-mata, sikap negatif ini tidak akan mengubah apa-apa pun. Jelas, akhbar-akhbar ini berpasak di landasan yang benar, dengan perspektif yang tepat dan suara hati yang jernih. Dengan ini, kejayaan bangsa penjajah dan bangsa dagang

dijadikan sebagai iktibar kemajuan secara kritis dan konstruktif (*Utusan Sarawak*, 16 Januari 1949-13 November 1950); dengan mengambil ingatan, mereka tidak akan berdiam diri apabila melihat hak dan kepentingan puterabumi di tanah air mereka sendiri dinistakan (*Utusan Asas*, 10 Oktober-15 Disember 1947). Ambil yang jernih, buang yang keruh.

Arus dan Arah Perjuangan Islamik

FS dan *UA* diasaskan oleh dua tokoh yang sama: Johari Anang dan Abdul Rahman Kassim. Kedua-duanya merupakan tokoh yang mengasaskan akhbar Melayu dalam dwizaman: pra dan pasca-Perang Dunia II. Ikhwan pula merupakan pengasas dwiakhbar pasca-Perang Dunia II: *UA* dan *US*. Ikhwan dibantu oleh Johari dalam sidang pengarang *UA* dan *US*. Abdul Rahman Kassim, biarpun beliau merupakan antara pengasas *FS* dan *UA*, tetapi beliau bukanlah pengasas *US*. Dalam konteks sejarah penerbitan *FS*, *UA* dan *US*, Johari merupakan pengasas ketiga-tiga akhbar ini. Beliau merupakan tokoh pengasasan akhbar merentasi dwizaman dalam lembaran sejarah akhbar Melayu di Sarawak. Di sinilah terpaterinya ketersohoran Johari. Beliau telah membidani pengasasan dan kemunculan *FS*, *UA* serta *US*.

FS, *UA* dan *US* diterbitkan ketika puterabumi Sarawak miskin dan mundur dalam semua aspek kehidupan. Bangsa dijajah. Nusa dijarah. Hak dan kepentingan mereka kian terancam angkara kebobrokan kolonialisme dan keserakahan kapitalisme. Pemimpin Melayu pula berlepas diri daripada nasib malang yang tertimpa ke atas anak negeri (*Fajar Sarawak*, 1 Februari-16 Jun 1930). Sementara itu, *UA* dan *US* diterbitkan semasa histeria politik melanda Sarawak iaitu ketika isu penyerahan Sarawak sedang memuncak. Ketika itu, patriot Sarawak memerlukan akhbar untuk menyuarakan penentangan mereka terhadap penjajahan. Lantaran itu, tidaklah menghairankan mengapa *UA* dan *US* berani menyelar kerajaan kolonial British dan tali barut penjajah dengan tajam menikam (*Utusan Sarawak*, 16 Januari 1949-13 November 1950).

Pada dasarnya, *UA* merupakan senjata perjuangan Angkatan Semangat Anaknegeri Sarawak (ASAS) dan patriot antipenyerahan Sarawak. Sebagai propagandis ASAS, *UA* bukanlah akhbar bebas dan berkecuali. Ia belum bercitra akhbar kebangsaan Sarawak. Suasana kritikal yang benar-benar mendasari penerbitan *UA* ialah isu politik. Kemudian, pertimbangan ekonomi dan sosial. Betapapun demikian,

kemuncaknya ialah demi membela maruah bangsa dan martabat nusa. Ketika itu, mata dan telinga puterabumi Sarawak, khasnya masyarakat Melayu, terpukau dengan isu penyerahan Sarawak. Ia merupakan isu politik yang paling menggemparkan Sarawak selepas tamatnya era pendudukan tentera imperialis Jepun. Hampir seluruh perhatian, masa dan tenaga *UA* dijuruskan untuk mewacanakan isu politik (*Utusan Asas*, 10 Oktober-15 Disember 1947). Ini bertepatan dengan motto *UA*: “Rakyat yang mengetahui [kebenaran] ialah [benteng] keselamatan negara”. Motto *UA* bercitra kepolitikan – oleh politik, dari politik dan untuk politik (*Utusan Asas*, 10 Oktober-15 Disember 1947).

Meskipun *FS* tidaklah muncul dalam situasi politik kontroversial, namun gagasan dan landasan perjuangan politik akhbar ini terpancar menerusi pelbagai isu politik yang disentuhnya. Ini memancarkan citra politik *FS* sebagai jurubicara nasionalis progresif. Fakta ini sukar disangkal. Sungguhpun motto *FS* bercitra sederhana, “Perkhabaran Am, Pengetahuan, Pengajaran dan Penghiburan”, tetapi *FS* menjujukan gagasan futuristik dalam perjuangannya iaitu gerakan progresisme (kemajuan holistik) puterabumi Sarawak. Sementara itu, motto *US* iaitu “OLEH RA’AYAT UNTOK RA’AYAT” memperlihatkan aspirasi unggul akhbar ini untuk menjadi akhbar kebangsaan Sarawak (*Utusan Sarawak*, 16 Januari 1949-13 November 1950). Cakupan motto *US* lebih luas berbanding motto *UA*, dan motto *US* lebih mendekati motto *FS* iaitu “Perkhabaran Am, Pengetahuan, Pengajaran dan Penghiburan” (*Fajar Sarawak*, 1 Februari-16 Jun 1930). Bagaikan sirih pulang ke gagang.

Sebagai media massa yang memancarkan citra dan menyemarakkan cita perjuangan bersifat kebangsaan Sarawak, *US* bertekad untuk menjadi jurubicara seluruh rakyat Sarawak, tanpa mengira ideologi politik. Hala tuju dan matlamat perjuangannya dipotretkan untuk kepentingan agama, bangsa dan nusa (*Utusan Sarawak*, 16 Januari 1949-13 November 1950). Hakikat inilah yang menjelaskan kenapa *US* mampu bertahan sekalipun gerakan antipenyserahan Sarawak berjaya dilumpuhkan oleh kerajaan kolonial British (dengan kekerasan dan undang-undang) pada 1950. Nyatalah *US* masih dan tetap diperlukan kendatipun era perjuangan antipenyserahan Sarawak sudah berakhir (1946-1950). *US* terus memperjuangkan gagasan kemerdekaan dan progresisme puterabumi Sarawak. Selain isu pencabulan kemerdekaan nusa dan maruah kedaulatan bangsa, *US* sangat prihatin dengan tanggungjawab untuk membela hak, nasib dan masa depan puterabumi Sarawak. Gagasan murni ini merupakan perjuangan lestari dan kritikal *US* merentasi era pascakemerdekaan Sarawak.

Bagaimanapun, akibat suasana politik semasa, berita dan karya (rencana, surat dan sajak) yang tersiar menerusi *US* kelihatan kesemuanya (atau kebanyakannya) hasil daripada sumbangan golongan antipenyerahan Sarawak. Natijahnya, pihak propenyerahan amat jarang menyuarakan fikiran mereka menerusi *US*, dan tidaklah berlaku polemik politik mencolok antara pihak pro dengan antipenyerahan menerusi *US*. Oleh sebab Ikhwan dan rakan-rakannya dalam *US* merupakan penentang tegar penyerahan Sarawak (*Utusan Sarawak*, 16 Januari 1949-13 November 1950), justeru, akhbar ini tidaklah dapat membebaskan diri daripada pengaruh perjuangan antipenyerahan Sarawak dewasa itu. Ini merupakan lumrah persuratkhhabaran secara umumnya.

Pemilihan perkataan “*Fajar*” sejajar dengan kedudukan *FS* sebagai akhbar Melayu perjuangan yang pertama di Sarawak. Kalimah “*Fajar*” dipilih kerana simbolisme kelembutan cahayanya, penanda bermulanya kehidupan (bukan setakat hari) baharu. Justeru, kemunculan *Fajar Sarawak* dilihat sebagai perintis dan penadah harapan baharu buat puterabumi Sarawak. Pemilihan nama *US* jelas memperlihatkan pengaruh *UA*. Hanya sahaja, nama “Asas” (atau ASAS: Angkatan Semangat Anaknegeri Sarawak) digantikan dengan “Sarawak” kerana perjuangan ASAS ialah untuk Sarawak. (Nordi Achie, 2003).

Tempoh penerbitan *US* lebih panjang berbanding *FS* dan *UA*. *US* diterbitkan kira-kira 22 tahun. Dalam tempoh 1949-1950 (misalnya), *US* diterbitkan sebanyak 99 keluaran (26 keluaran tidak dapat dikesani). Dengan sokongan marak daripada pembacanya, *US* diterbitkan sebagai akhbar mingguan dengan empat halaman bercetak. Ini berlaku tidak sampai empat minggu penerbitannya. Pada mulanya, *US* diterbitkan sebagai akhbar dwibulanan, seperti *FS* dan *UA* (*Utusan Sarawak*, 16 Januari 1949-13 November 1950).

Berbanding *FS* dan *UA*, edaran *US* ke negeri-negeri di Tanah Melayu tidak hanya tertumpu di Singapura sahaja. Berdasarkan iklan yang terdapat dalam *US*, edarannya meliputi bahagian utara dan pantai timur Tanah Melayu (namun, tidaklah mustahil *FS* dan *UA* turut diedarkan di negeri-negeri lain). *US* turut diedarkan ke Kalimantan. Ini terbukti melalui hubungan Ariff Press dengan majalah *Internasional* di Kalimantan. Bagi *US*, penyusunannya lebih teratur berbanding *UA*. Walaupun *US* tidak menyediakan halaman khas untuk berita luar negeri (disusun mengikut kesesuaian), tetapi *US* menyediakan ruangan khusus untuk berita dalam

negeri. Namun, *FS* mempunyai ruangan khusus untuk berita dalam dan luar negerinya. *US* tidak menyediakan ruangan cerpen seperti *FS*, walaupun kedua-duanya turut menyediakan ruangan sajak (*Fajar Sarawak*, 1 Februari-16 Jun 1930).

FS dan *UA* memaparkan ungkapan kata-kata hikmah. Ia biasanya diletakkan di ruangan bawah halaman cetakan akhbar. Kata-kata hikmah yang dipilih bertujuan memberikan kesedaran (sajian mindawi) kepada pembaca, bukan semata-mata sebagai perhiasan. Pengolahannya menunjukkan kekreatifan pengarang *FS* dan *UA* untuk memanfaatkan setiap inci ruangan akhbar (*Fajar Sarawak*, 1 Februari-16 Jun 1930 dan *Utusan Asas*, 10 Oktober-15 Disember 1947). Terdapat petikan kata-kata hikmah yang dinyatakan sumbernya (bukanlah kesemuanya), selain petikan ayat al-Quran dan hadis. Sekalipun keunikan ini tidak diteruskan *US*, namun sebagai gantinya, terdapat sedutan kata-kata hikmah yang disisipkan melalui rencana-rencana terbitan *US* (*Utusan Sarawak*, 16 Januari 1949-13 November 1950).

Apabila diperhalusi, kedapatan perkaitan akrab antara *FS* dengan *UA* – yakni, jika kata-kata hikmah dan skop asal *UA* diletakkan dalam perspektif *FS*. Himpunan kata hikmah *UA* kebanyakannya berkait dengan kearifan ekonomi dan sosial: ringkas dan padat dengan rangkuman mesej progresif. Ini dapat memenuhi impian asal *UA* dalam aspek “iktisad dan kebudayaan”, jika direnung sejenak. Pemikiran progresisme dan Islam tetap diselitkan *UA* di sebalik gugusan kata-kata hikmahnya sekali gus membayangkan *UA* tidak pernah mengabaikan kedua-dua aspek ini dalam mandala perjuangannya. Gesaan *UA*, “Banyakkan kerja, sedikitkan berchakap” bertepatan dengan seruan *FS* supaya puterabumi Sarawak menentang segala spesis perangai syaitanisme yang bercanggah dengan gagasan kemajuan. Seajar dengan seruan *FS* agar puterabumi bangkit dengan gigih dan tabah untuk berbakti kepada bangsa dan nusa, ini menepati ungkapan *UA*, “Kerajinan itu membawa kemajuan” dalam semua dimensi kehidupan (*Utusan Asas*, 10 Oktober 1947-1 Mei 1948).

Seterusnya, *FS* memuatkan rencana keagamaan, sejarah dan kesusasteraan. Rencana keagamaan dan sejarah kebanyakannya dipetik oleh *FS* daripada majalah luar negeri, terutamanya dari Indonesia dan Timur Tengah, tetapi tidak terdapat rencana keagamaan dan sejarah dalam *UA*. Begitu juga dengan karya sastera. Seperti dinyatakan tadi, fokus *UA* menjurus kepada isu politik. Dari segi reka bentuk, akhbar yang mewarisi

citra *FS* ialah *US*. *UA* tidak sempat mewacanakan isu ekonomi dan kebudayaan (akibat keterbatasan tempoh penerbitannya). Betapapun demikian, *ASAS* tetap bergagah diri untuk meneruskan penerbitan *UA* biarpun dalam keadaan serba kekurangan. Jika tidak ada rotan, akar pun berguna juga. Jika tidak dapat dikaut semua, jangalah dibuang semua. Keterbatasan ini telah ditebus sebaik-baiknya menerusi penerbitan *US*. Seperti dinyatakan, pengasas kedua-dua akhbar ini ialah Ikhwan. Beliau mengetuai sidang pengarang *UA* dan *US* dalam kesinambungan perjuangannya sebagai intelektual dan patriot Sarawak.

FS menempa pendekatan pragmatik dan selektif, lebih-lebih lagi apabila menegur regim Brooke dan pemimpin Melayu feudal. *FS* merunduk, bukan menanduk. Ada kalanya, teguran bernas *FS* terhadap pemimpin dan orang Melayu kedengaran agak pedih, pedas dan sinis. Berani kerana benar, takut kerana salah. Harapan *FS* jelas: akhbar ini nekad meninggalkan sentuhan yang bermakna terhadap jiwa dan pemikiran pembaca. *FS* mendekati pembacanya dengan manhaj mendidik, bukannya menghukum. Suaranya merayu, nadanya mendayu (*Fajar Sarawak*, 1 Februari-16 Jun 1930). *UA* dan *US* pula bergelut dalam gelanggang perang: dalam suasana zaman dekolonialisasi (pembebasan tanah-tanah jajahan Barat), demokrasi dan hak asasi manusia. Justeru, dwiakhbar Melayu ini menjujukan pendekatan agresif dan radikal. Alang-alang mandi, biarlah basah. Keberanian *UA* dan *US* bukanlah bersifat semberono, sebaliknya dibekali dengan bukti dan hujah konstruktif (*Utusan Asas*, 10 Oktober 1947-1 Mei 1948 dan *Utusan Sarawak*, 16 Januari 1949-13 November 1950).

Kesemua akhbar ini menegaskan kemustahakan perubahan sikap positif dan amalan progresif sebagai miftah kemajuan diri, bangsa dan nusa. Gesaan *FS* terhadap pemimpin Melayu supaya mereka prihatin dengan nasib dan masa depan orang Melayu bertepatan dengan penegasan *UA* tentang keutamaan amalan “tulong dan bantu” sebagai “dasar meninggi mutu”. Malah, seruan perpaduan *FS* senada dengan peringatan *UA*, “Barangsiapa yang tidak mementingkan urusan bangsa, bukanlah dia daripada mereka”. Peringatan *UA*, “Gampang, kesudahannya ruboh” sejajar dengan pendirian *FS* bahawa prakarsa perubahan dan pembaharuan harus dilaksanakan secara tekal. (*Fajar Sarawak*, 1 Februari-16 Jun 1930).

Jika dilihat seimbab lalu, pada zahirnya semacam tidak ada perkaitan antara *FS* dengan *UA*, namun pada hakikatnya, *UA* dan *FS* merupakan

“saudara sedarah sedaging”. Perkaitan ini tidaklah menghairankan. Seperti dinyatakan, *FS* dan *UA* diasaskan oleh dua tokoh pengarang sehati sejiwa iaitu Johari Anang dan Abdul Rahman Kassim. Lantaran itu, perjuangan *UA* sebenarnya merupakan kesinambungan perjuangan *FS*. Kedua-duanya saling melengkapi, biarpun *FS* dan *UA* diterbitkan pada zaman malah dalam suasana politik yang berbeza. Begitu juga dengan perkaitan antara *FS* dengan *US*. Kesemua akhbar Melayu ini berjihad atas landasan reformisme Islam dan nasionalisme progresif.

Duta Kemerdekaan dan Delegasi Kemajuan

Perlu dinyatakan, pemerihalan terhadap sumbangan *FS*, *UA* dan *US* harus mengambil kira empat batasan: tempoh penerbitan akhbar, naskhah yang kekal, keseluruhan inti pati isi kandungannya dan suasana zaman yang melatari penerbitan akhbar. Cakupan sumbangan *FS* lebih meluas berbanding *UA* kerana *FS* menggarap aspek politik, ekonomi dan sosial. Dalam konteks perjuangan akhbar Melayu, *FS* mencetuskan bibit-bibit pemikiran antikolonialisme (*Fajar Sarawak*, 1 Februari-16 Jun 1930). Pemikiran ini diserlahkan *UA*. Menerusi *UA* dan *US* pula, pemikiran antikolonialisme dipancarkan tanpa gusar dan gentar, sejajar dengan arus dekolonialisasi Barat di seluruh dunia (*Utusan Asas*, 10 Oktober 1947-1 Mei 1948 dan *Utusan Sarawak*, 16 Januari 1949-13 November 1950).

Dari aspek ekonomi, *FS* menyedarkan puterabumi Sarawak terhadap bahaya duri kemunduran dan racun kemiskinan. Saranan *FS* agar bangsanya aktif berniaga, saling bantu-membantu dan menubuhkan syarikat perniagaan, bertujuan untuk menyedarkan kelalaian dan kelekaan masyarakat Melayu. Gesaan *FS* agar masyarakat Melayu bersatu padu turut mengesani jiwa dan pemikiran mereka. Ini bermakna *FS* mampu berperanan sebagai agen perubahan dalam masyarakat, dengan menyebarkan idea-idea bernas. Seterusnya, saranan *FS* agar masyarakat Melayu mementingkan pendidikan dan memajukan taraf pendidikan (*Fajar Sarawak*, 1 Februari-16 Jun 1930), mendorong kemunculan dan peningkatan sekolah-sekolah Melayu. Kesannya jelas pada dekad 1930-an dan selepasnya. (Nordi Achie, 2001).

Berbanding *FS*, sumbangan *UA* lebih menyengat dalam aspek politik. *UA* memberikan sumbangan penting dalam menyedarkan rakyat tentang kebobrokan penjajahan. *UA* membongkar putar belit, tipu muslihat dan ugutan British dalam proses penyerahan Sarawak. Ini bertujuan untuk membuka minda dan mata rakyat terhadap niat jahat

tersembunyi pihak penjajah, namun terselindung di sebalik mulut manis dan muka temboknya, bertopengkan umpan pembangunan dan kemajuan. Dalam konteks Perang Dingin, *UA* mencuri perhatian pembacanya agar mereka peka dengan anarki dunia antarabangsa. *UA* menyedarkan rakyat tentang bahaya imperialisme dan komunisme ke atas keamanan dunia sejagat (*Utusan Asas*, 10 Oktober 1947-1 Mei 1948).

Dari segi ini, *UA* membuka lembaran baharu apabila menekuni isu terorisme (kolonialisme dan komunisme) sejagat pasca-Perang Dunia II. Walaupun penerbitan *UA* begitu penting dalam konteks perjuangan politik yang getir ini, tetapi penerbitannya dihentikan kira-kira lima bulan. *ASAS* berhasrat menerbitkan akhbar yang lebih mantap dari aspek pengorganisasian dan perjuangannya. Penutupan *UA* membawa hikmah yang besar terhadap sejarah akhbar Melayu di Sarawak. *ASAS* menerbitkan *Utusan Sarawak* sebagai duta baharu perjuangannya. *US* mampu bertahan selama kira-kira 22 tahun.

Sumbangan *UA* dalam aspek pendidikan agak terbatas kerana fokus isunya ialah politik. *UA* tetap berusaha menyedarkan rakyat (khususnya masyarakat Melayu) terhadap kepentingan pendidikan dan ilmu sebagai obor kemajuan dan benteng maruah bangsa. *UA* menegaskan betapa pentingnya usaha berdikari untuk memajukan pendidikan anak negeri (*Utusan Asas*, 10 Oktober 1947-1 Mei 1948). Oleh itu, *UA* memberikan sokongan sepenuhnya terhadap usaha Barisan 338 menubuhkan sekolah rakyat. *UA* menggesa masyarakat Melayu agar menyokong kemajuan sekolah rakyat agar setanding dengan sekolah kerajaan, sekolah mubaligh dan sekolah Cina. Peningkatan jumlah sekolah rakyat dan sambutan hangat daripada masyarakat Melayu terhadap sekolah rakyat sehingga 1950, sejajar dengan harapan *UA*. Pengasasan sekolah rakyat merupakan sumbangan penting Barisan 338 dalam aspek kemandirian pendidikan puterabumi patriotik dewasa itu. (Nordi Achie, 2001: 8-30).

Sumbangan inklusif *US* merupakan kemuncak rangkaian perjuangan dalam sejarah akhbar Melayu di Sarawak, sejak awal 1930. *FS* bagaikan benih, *UA* bagaikan akar dan *US* bagaikan pohon. Antara sumbangan penting *US* (sekadar menyatakan beberapa contoh): kesediaan kerajaan kolonial British menambahkan bilangan pegawai bumiputera dalam *Senior Service*, menyegerakan pembayaran tunggakan gaji kepada Barisan 338, memperkuat pasukan polis dan memperketatkan kemasukan bangsa asing ke Sarawak untuk menyekat pengaruh komunisme,

memperbaiki kelemahan pentadbiran kolonial dan menjamin keberkesanan Syarikat Kerjasama, menambahkan bantuan kewangan kepada sekolah rakyat dan sekolah Melayu, menurunkan harga beras dan menjual gula secara catuan – inilah antara sumbangan semerta *US*. (Nordi Achie, 2005).

Selain itu, atas kesedaran untuk memperbaiki taraf hidup anak negeri seluruhnya, Persatuan Kebangsaan Melayu Sarawak (PKMS) melancarkan 14 rancangan utama pada 10 Oktober 1949, sempena menyambut ulang tahun ke-10 penubuhannya. Ini merupakan usaha PMKS sebagai menyahut saranan bernas *US*. Senarai rancangan progresif dan inklusif PKMS merangkumi:

- Persatukan Bangsa Melayu lelaki dan perempuan seluruh Sarawak dengan satu tujuan.
- Jaga dan peharakan keselamatan Bangsa Melayu.
- Galak dan tanamkan perasaan kebangsaan didalam hati Bangsa Melayu.
- Tinggikan darjah pelajaran macham2 bagi lelaki dan perempuan.
- Utamakan bahasa Melayu dan jadikan bahasa rasmi.
- Peleharakan dan jagakan perkara2 Igama Islam.
- Perbaiki dan galakkan iktisad atau economy Melayu supaya darjah kehidupan jadi tinggi.
- Hapuskan kebudayaan atau adat2 kuno dan hidupkan kebudayaan yang mendatangkan kemajuan.
- Tentangkan fikiran pembesar2 yang mana tidak disatu oleh fikiran ramai.
- Datangkan fikiran kepada Kerajaan atas jalan mendatangkan muslihat bangsa dan negara.
- Ikhtiarkan sympathy sama sabangsa dan sa-Igama dalam dan luar negeri.
- Jaga dan peharakan nama perdirian Persatuan Kebangsaan Melayu.
- Berbaik2 dan bekerjasama dengan bangsa penduduk Sarawak.
- Jagakan kemerdekaan Sarawak dan perchayakan tidak ada siapa boleh merampasnya (*Utusan Sarawak*, 24 Oktober 1949).

Dalam perkembangan berkaitan, tercerna kesedaran dan kegigihan untuk mengembangkan perniagaan Melayu, meneruskan kegiatan penenunan kain (batik Sarawak) dan pembukaan sekolah rakyat tanpa bantuan kerajaan kolonial British. Dalam pada itu, pengasasan Persatuan

Pemuda Melayu Insaf merupakan hasil saranan *US* terhadap pemuda. Galakan *US* agar pemuda menceburi kegiatan penulisan berhasil apabila majalah *Kesedaran* diterbitkan pada 1950. Kritikan *US* terhadap sikap dan amalan boros, diberikan reaksi positif oleh PKMS. Ini menyebabkan PKMS bertindak tegas mencegah amalan boros (sebagai contohnya) dalam urusan kenduri kematian, bahkan bertambahnya penyertaan anak-anak bumiputera di pelbagai sekolah menunjukkan *US* berjaya menyedarkan pemerintah, pemimpin dan rakyat. (Nordi Achie, 2001).

Bagaimanapun, segala sesuatu ada batasannya. Sehingga 1950, gagasan politik termahal *US* (malah, tidak diabaikan gagasan politik *UA*) iaitu mendakap semula kemerdekaan Sarawak secara keperlembagaan (mengikut lunas keamanan, undang-undang dan prinsip demokrasi) masih belum tercapai. Masalah perpecahan politik Melayu antara golongan anti dan pro penyerahan Sarawak, terus menemui jalan buntu kerana persengkeataan politik ini membabitkan ketegangan dalam urusan umat dan agama (Islam). Desakan *US* agar kerajaan kolonial British memajukan sektor pertanian padi (agar tidak bergantung dengan beras import) dan menghasilkan tanaman makanan sendiri, nyatalah tidak dilaksanakan. Tahap ekonomi dan pendidikan puterabumi di seluruh negeri masih mendukacitakan (*Utusan Sarawak*, 16 Januari 1949-13 November 1950). *US* tidak berputus harapan, jauh sekali berputus asa. *US* terus bersemangat waja untuk menyedarkan rakyat agar memperbaiki diri dan memajukan taraf hidup puterabumi agar setanding dengan bangsa-bangsa asing. Gagasan dan gerakan progresif ini merupakan rantaian perjuangan *FS* dan *UA*.

FS dan *US* memberikan sumbangan penting terhadap pencerahan mengenai tasawur Islam (konsepsi Islamik) secara syumul. Islam mendapat tempat yang istimewa dalam *US* apatah lagi *FS* kerana Haji Muhammad Daud Abdul Ghani, antara pengasas dan pengarang *FS*, merupakan ulama' Sarawak yang tersohor. *FS* dan *US* gigih menyedarkan umat Islam di Sarawak tentang hakikat Islam sebagai acuan dan landasan hidup yang sempurna. *FS* dan *US* menegaskan Islam merupakan perisai kemiskinan dan penebus kehinaan. *FS* dan *US* menggesa agar umat Islam kembali kepada al-Quran dan Sunnah untuk mencapai kejayaan dunia dan kebahagiaan akhirat (*Fajar Sarawak*, 1 Februari-16 Jun 1930 dan *Utusan Sarawak*, 16 Januari 1949-13 November 1950).

Islam ialah agama untuk dunia dan agama untuk akhirat. Sikap perlu diubah, pemikiran harus berubah. Di sinilah terhunjamnya akar-makar perubahan, seperti didakwahkan oleh triakhbar Melayu. Kesemuanya ini menuntut pengorbanan (masa, tenaga, fikiran dan wang). Inilah antara gagasan formulatif dan definitif *FS* yang diteruskan *US*, berneracakan ajaran syumul Islam. Di pihak *UA* pula, perjuangannya menentang penjajahan (perhambaan sesama manusia) menepati ajaran vitalistik Islam (*Utusan Asas*, 10 Oktober-15 Disember 1947), seiring dengan perjuangan *FS* dan *US*: Islam ialah agama keadilan, persaudaraan dan persamaan. Islam merupakan rahmat untuk seluruh alam.

Sumbangan konstruktif *FS* dapat dikesan menerusi seruan keramat *FS*, “Fajar telah tersingsing. Bangkitlah wahai bangsaku” – akhirnya membawa puterabumi Sarawak ke medan perjuangan politik antikolonialisme secara terbuka, bukan lagi di sebalik tabir, bukan pula dengan suara lunak dan madah berlapik. Ini bertepatan dengan motto *UA* iaitu “Raayat Yang Mengetahui Ialah Keselamatan Negara”. Paling menarik, seruan *FS* dan motto *UA* tadi dapat dirangkumkan dengan motto *US*, “OLEH RA’AYAT UNTOK RA’AYAT” kerana perjuangan *FS* dan *UA* turut dijuruskan demi kepentingan seluruh rakyat (puterabumi) Sarawak. Ini merupakan manifestasi ikrar ikhlas *FS*, *UA* dan *US* untuk berbakti dan berbudi kepada agama, bangsa dan nusa. Sehubungan itu, isu dan persoalan yang menggamit perhatian ketiga-tiga akhbar ini jelas berlegar-legar dalam kerangka gagasan Islam dan nasionalisme progresif: bersatu memperislah kemunduran hidup duniawi, bersatu mempersiah penjajahan Barat dan bersatu memperkukuh silaturahim Islam. Berani menebang berani memikul.

Di samping itu, sumbangan penting *US* dan *UA* dapat ditelusuri dalam konteks wacana mengenai gagasan keamanan sejagat. Ini memberikan ruang kepada pembaca kedua-dua akhbar ini untuk memprihatini pergolakan politik dunia semasa secara dekat (*Utusan Asas*, 10 Oktober-15 Disember 1947 dan *Utusan Sarawak*, 16 Januari 1949-13 November 1950). Sebaliknya, *FS* kurang memberikan ulasan (kecuali terhad bilangannya) terhadap perkembangan isu politik antarabangsa kerana fokus *FS* ialah isu dalam negeri. Namun, segmen berita luar negeri dalam *FS* tetap memperlihatkan kepekaannya terhadap perkembangan semasa dunia luar. Oleh itu, *UA* bukanlah akhbar Melayu pertama yang menyalurkan berita dan perkembangan luar negeri. Peranan ini telah dirintis *FS* (*Fajar Sarawak*, 1 Februari-16 Jun 1930).

FS dan *UA* tidaklah mampu memberikan kesan masif dalam perjuangannya kerana tempoh penerbitannya yang singkat, bahkan *US* pun tidak dapat memberikan kesan revolusif, namun ini tidaklah bermakna sesiapa pun berhak meremehkan sumbangan mereka biarpun kecil. Berat mata memandang, berat lagi bahu memikul. Perjuangan ini merupakan amanah yang berat dan gerak kerja yang rumit. Dengan ini, menerusi seruan dan gesaannya, *FS* sentiasa menuntut sokongan daripada semua pihak: Brooke, pemimpin, hartawan, cerdik pandai dan orang Melayu (*Fajar Sarawak*, 1 Februari-16 Jun 1930). Cabaran *UA* dan *US* lebih getir kerana dwiakhbar ini menentang pemerintah: kerajaan kolonial British dan pembesar Melayu propenjajah (*Utusan Asas*, 10 Oktober 1947-1 Mei 1948 dan *Utusan Sarawak*, 16 Januari 1949-13 November 1950).

Dalam pada itu, sumbangan dalam ranah penebusan maruah puterabumi tidaklah harus diabaikan. Hidup ialah maruah. Tanpa maruah, hidup tidaklah bernilai. Sebelum *FS* diterbitkan, puterabumi Sarawak tidak mempunyai akhbar, walhal akhbar Inggeris dan Cina telah diterbitkan jauh lebih awal di Sarawak. Di Tanah Melayu dan Indonesia, perkembangan persuratkhabaran Melayu bermula sejak abad ke-19 lagi (Nordi Achie, 2003: Bab 1). Puterabumi Sarawak semakin ketinggalan dalam arus perjuangan dan kebangkitan Melayu. Oleh itu, apabila *FS* berjaya diterbitkan, ini merupakan suatu penebusan maruah untuk puterabumi Sarawak. Begitu juga dengan penerbitan *UA* dan *US*.

FS dan *US* bersikap kritis terhadap tamadun materialisme dan sekularisme Barat. Mereka menggunakan sejarah dan tamadun Islam sebagai sumber inspirasi kemajuan umat Islam pada zaman moden (*Utusan Sarawak*, 16 Januari 1949-13 November 1950). Malah, *FS* pernah menyentuh peranan dan sumbangan penting tamadun Islam terhadap kemajuan Barat, dan inilah bukti keunggulan peradaban umat Islam ketika menerajui kemajuan duniawi lebih 500 tahun lamanya (*Fajar Sarawak*, 1 Februari-16 Jun 1930). Semangat dan kesedaran inilah yang diterapkan *FS* dan *US*. *FS* merupakan wahana terawal yang membuka mata hati umat Islam di Bumi Kenyalang tentang hakikat kesejarahan ini. Manusia tanpa sejarahnya bagaikan jasad tanpa rohnya.

Seterusnya, hampir keseluruhan pengisian *UA* dan sebahagian besar halaman *US* diolah berpaksikan tema politik. Ini memperlihatkan keazaman politik *UA* dan *US* untuk memantapkan dan memperluas sokongan rakyat melalui ketajaman mata pena. Ia bertepatan dengan

tujuan utama pengasasan ASAS (menentang dasar dan kegiatan penjajahan British). ASAS ibarat nyawa, *UA* menjadi senjatanya. Tanpa *UA* dan *US*, perjuangan antipenyserahan Sarawak dicengkam kebisuan, namun kebisuan ini berjaya ditamatkan dengan penerbitan sulung *UA* dan penerbitan bersejarah *US*. Di sinilah terletaknya kepentingan sumbangan politik *UA* dan *US*, dalam konteks perjuangan kemerdekaan Sarawak sehinggakan murahnyanya tidak dapat dijual, mahalnyanya tidak dapat dibeli.

Seperti dinyatakan tadi, isu penyerahan Sarawak semakin luntur sejak awal 1950-an, khasnya selepas pembunuhan Duncan Stewart di Sibu pada 3 Disember 1949. (Nordi Achie, 2018). Sumbangan politik *US* sebagai jurubicara perjuangan antipenyserahan Sarawak beransur-ansur suram, namun harus diingat, semangat dan cita-cita kemerdekaan terus menyala dalam jiwa dan bersemarak dalam pemikiran patriot Sarawak. Sumbangan *FS*, *UA* dan *US* dalam membangkitkan kesedaran progresif (membasmi bahaya kemunduran, menyemai baja kemajuan) tidaklah dapat dinafikan lagi. *US* bukan sekadar menajamkan gergaji perjuangan *UA*, bahkan *US* menggali semula mutiara perjuangan *FS*. Justeru, selain berperanan sebagai katalis propaganda *UA*, *US* turut berperanan sebagai kabel perjuangan *FS*.

Kesimpulan

Sepanjang dua dekad ini, kegigihan puterabumi Melayu Sarawak menerbitkan *FS*, *UA* dan *US* sebagai semboyan suara hati dan cetusan fikiran bernas, merupakan prakarsa murni yang membanggakan anak watan, khasnya dalam konteks sejarah dan perjuangan keulamaan. Mereka telah mencipta sejarah yang layak ditulis dengan tinta emas, lebih-lebih lagi merentasi zaman dekadensi dunia Melayu-Islam dewasa itu. Kerencaman tema (isu dan persoalan) sezaman yang diwacanakan *FS*, *UA* dan *US* mempunyai perkaitan dan perkalian tertentu, sementelahan menyusuri perkembangan (rangkuman gagasan dan rangkaian gerakan) dalam mandala perjuangan ketiga-tiga akhbar Melayu ini. Patah tumbuh hilang berganti. *FS*, *UA* dan *US* memacu puterabumi Sarawak merentasi dwizaman yang berbeza, berpaksikan gerakan dan gagasan tiga serangkai, dalam atmosfera perjuangan keulamaan secara kohesif, melewati tempoh dua dasawarsa (1930-1950). Dwidasawarsa ini merupakan dekad kritikal dalam lembaran sejarah Sarawak. Inilah zaman pergolakan dan demikianlah zaman perjuangan. Zaman getir ini memberikan kesempatan emas dan cabaran pahit buat seluruh patriot Melayu, untuk mengisi perjuangan bersejarah ini dengan bertanjakkan pena dan bertitipkan tinta,

bahkan dengan semangat reformisme Islam dan nasionalisme progresif, demi kepentingan seluruh putera dan pewaris tanah air Sarawak – nasioislamisme.

Rujukan

Fajar Sarawak. 1 Februari-16 Jun 1930.

Nordi Achie. 2001. Kemunduran Ekonomi Bumiputera Sarawak di Bawah Pemerintahan Kolonial British 1946-1950: Satu Tinjauan Khusus Berdasarkan *Utusan Sarawak* 1949-1950. *Purba*. 20: 49-85.

Nordi Achie. 2001. Kemunduran Pendidikan Masyarakat Melayu di Sarawak Pada Awal Pemerintahan Kolonial British 1946-1950: Satu Tinjauan Dari Perspektif *Utusan Sarawak* 1949-1950. *Malaysia Dari Segi Sejarah*. 29: 8-30.

Nordi Achie. 2001. Masyarakat Melayu-Muslim di Sarawak, 1946-1950: Satu Tinjauan Dari Perspektif Golongan Terpelajar Melayu. *Malaysia Dari Segi Sejarah*. 29: 77-104.

Nordi Achie. 2002. Perpecahan Masyarakat Melayu di Sarawak dalam Konteks Isu Penyerahan, 1946-1950. *Purba*. 21: 46-73.

Nordi Achie. 2003. *Akhbar Melayu Perjuangan di Sarawak*. Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya.

Nordi Achie. 2003. Pemikiran Ikhwan Zaini Terhadap Anarki Politik Antarabangsa, 1946-1950. *Malaysia Dari Segi Sejarah*. 31: 165-188.

Nordi Achie. 2005. Dasar Dan Kesan Pentadbiran Kolonial British di Sarawak 1946-1950: Satu Penelitian Terhadap Kritikan Ikhwan Zaini. *Manu*. 10: 45-69.

Nordi Achie. 2013. *Kolonialisme dan Kristianisasi Melayu di Sarawak, 1850-1950*. Kota Kinabalu: Penerbit Universiti Malaysia Sabah.

Nordi Achie. 2018. Analisis Tipologi Pra-PRU-14 Di Sabah: Karekter Kosmetik dan Komentari Kritis. *Kinabalu*. Edisi Khas Pilihan Raya Umum 14, 223-242. (<https://jurcon.ums.edu.my/ojums/index.php/ejk/issue/view/201>)

Nordi Achie. 2018. *Rosli Dhoby dan Rukun 13*. Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya.

Nordi Achie. 2020. Pemikiran Propagandikal Syiah Imamiah: Resensi Kritis Terhadap *Syiah Sebenar-benarnya Ahlu Sunah Nabi*. *Kinabalu*. 27: 1-15. (<https://jurcon.ums.edu.my/ojums/index.php/ejk>)

Nordi Achie. 2020. Rumas Limas Rumah Pusaka. *Kinabalu*. 26: 205-208. (<https://jurcon.ums.edu.my/ojums/index.php/ejk>)

Utusan Asas. 10 Oktober-15 Disember 1947

Utusan Sarawak. 16 Januari 1949-13 November 1950

KETOKOHAN DAN PEMIKIRAN DAKWAH-POLITIK PAK NATSIR (1908-1993)

Abdur Razzaq, MA
Fakultas Dakwah dan Komunikasi UIN Raden Fatah Palembang
Badlihisam Mohd. Nasir
Akademi Tamadun Islam, FSSH Universiti Teknologi Malaysia

Abstrak

Peranan ulama sebagai tokoh penggerak sosiopolitik ummah telah berlangsung sejak dari zaman Rasulullah saw hinggalah ke hari ini. Sesuai dengan peranan keagamaan mereka di dalam dakwah, politik turut menjadi wadah untuk menonjolkan ketokohan dan pemikiran yang signifikan. Nama Pak Natsir terkenal bukan sahaja sebagai bekas Perdana Menteri era Orde Lama di Indonesia, malah muncul sebagai tokoh dakwah melalui Dewan Dakwah Islamiah Indonesia (DDII) yang didirikannya pada tahun 1967. Selain itu Pak Natsir bahkan pernah menjadi pengurus Rabithah ‘Alam Islami, World Muslim League (Makkah; 1967) dan Vice President World Muslim Congress (1976 di Karachi) dan banyak lagi. Gabungan politik dan dakwah ini jelas terpancar melalui ungkapannya; “Dahulu saya berdakwah lewat politik, kini saya berpolitik lewat dakwah.” Justeru, kertas ini akan menyorot ketokohan beliau dalam politik dan dakwah ketika berkuasa di era Soekarno dan menjadi da’i yang berdikari ketika di dalam DDII. Beberapa gagasan dan himpunan pemikirannya akan dibincangkan khususnya dalam konteks mengambil makna dan hikmat yang berguna kepada kelangsungan peranan ulama dalam menggerakkan sosio-politik ummah. Kajian yang menggunakan kaedah kepustakaan khususnya dalam mencari data-data sejarah dari buku, jurnal dan ucapan tokoh ini diperkuatkan lagi dengan kajian lapangan melalui temubual dengan tokoh-tokoh penggerak DDII yang mengenali Pak Natsir. Dapatan kajian mendapati bahawa Pak Natsir adalah seorang tokoh yang multidimensi. Tokoh yang memanfaatkan semua wasilah untuk kepentingan dan perbaikan ummat. Dakwah melalui politik telah dilakukannya semenjak menjadi Perdana Menteri dan ketika saluran politik disekat dengan dibubarkannya Partai Masyumi, maka beliau tetap berdakwah melalui DDII.

Kata Kunci: Pak Natsir, DDII dan Masyumi

Pendahuluan

Bumi Minangkabau, di Kampung Jambatan Baukia Alahan Panjang, negeri dingin di balik gunung Talang Solok menjadi saksi kelahiran seorang tokoh yang mendapat julukan ‘Pembawa hati nurani umat’. (Razzaq, 2009). “Delapan puluh satu tahun yang lalu, saya dilahirkan dari pasangan suami istri Sutan Sari Pado-Khadajah. Tepatnya pada 17 Juli 1908, di Alahan Panjang, Lembah Gumanti, Kabupaten Solok, Sumatra Barat. Saya dibesarkan dari sebuah keluarga muslim yang taat. Ayah saya, seorang kerani konteler, banyak mendorong saya agar mendalami agama. Kebetulan rumah saya juga dekat dengan masjid”. (Natsir, 1998).

Ditinjau dari asal-usulnya, Mohammad Natsir merupakan keturunan ulama. Datuknya termasuk salah seorang ulama besar di Minangkabau. Keluarga dan familinya kebanyakannya cerdik pandai dan termasuk golongan terpelajar serta banyak yang menjadi pegawai pemerintah pada masa penjajahan Belanda. Dari dua aliran inilah Natsir diasuh sejak kecilnya dan kemudian kedua aliran ini berkumpul dalam dirinya, yaitu ulama dan ilmuwan. Dalam perjalanan hidupnya, ulama dan ilmuwan tertanam dalam jiwanya dan mewarnai keperibadiannya. Keluarganya sangat menginginkan supaya Natsir kelak menjadi orang yang pandai, mendalam ilmunya baik ilmu agama maupun ilmu umum. (Razzaq, 2009).

Pak Natsir pernah aktif di bidang pendidikan Islam (Pendis) di Bandung sebuah bentuk pendidikan Islam modern yang bernafaskan agama. Inilah karier beliau pertama kali iaitu menjadi seorang guru. Selain itu, Natsir pernah menjadi anggota Dewan Kabupaten Bandung pada tahun 1940-1942M, dan kepala Biro Pendidikan Kota Bandung tahun 1942-1945M. Pada tahun 1945M, Mohammad Natsir menjadi anggota Badan Pekerja KNIP, yang jumlah anggotanya mencapai 232 orang. Mohammad Natsir berhenti menjadi anggota KNIP, ketika beliau ditawarkan menjadi Menteri Penerangan selama tiga periode pada era Kabinet Sahrir dan Hatta, pada tahun 1946-1949M. Pada tahun 1950M, peranan Mohammad Natsir sangat menentukan dalam penyelamatan Negara Republik, persatuan bangsa dan kesatuan negara Indonesia, antara lain terkenal dengan nama "*Mosi Integral Natsir*" , sehingga memungkinkan Republik Indonesia yang telah berpecah belah menjadi 17 negara bagian kembali menjadi negara kesatuan yang wilayahnya membentang dari Sabang hingga Merauke. Atas jasanya ini, Bung Karno mengangkat Natsir sebagai Perdana Menteri Pertama Republik Indonesia. Ini adalah jenjang karier politik Natsir tertinggi sepanjang hidupnya. Meskipun bukan akhir pangabdiannya pada bangsa dan Negara. (Razzaq, 2009).

Sejak tahun 1949 Mohammad Natsir dikenal sebagai ketua umum DPP Masyumi, partai terbesar di Indonesia pada saat itu. Jabatan penting tersebut dipegangnya sampai tahun 1958. Dalam kedudukannya, beliau sebagai orang pertama dan juru bicara partai politik Islam. Kerana Mohammad Natsir sebagai Ketua Masyumi, pada tahun 1950, beliau menjadi anggota parlemen R.I. fraksi Masyumi dan pada tahun 1956, Mohammad Natsir menjadi anggota tersebut mempunyai ide yang diperjuangkannya dalam sidang konstituante yaitu memperjuangkan

Islam sebagai dasar negara. Pada tahun berikutnya 1958, (Mohammad Natsir menjadi pemimpin PRRI (Pemerintah Revolusioner Republik Indonesia) di Sumatera yang secara terang-terangan melawan Bung Karno, Kerana Soekarno dianggap oleh Mohammad Natsir melanggar UUD (Undang-undang Dasar) 1945 dan telah memihak kepada PKI (Partai Komunis Indonesia). (Mahendra, 1995).

Pada zaman Orde Lama di bawah pimpinan Bung Karno yang bekerja sama dengan PKI, bersama tokoh-tokoh nasional anti komunis lainnya, Mohammad Natsir dimasukkan dalam rumah tahanan militer pada tahun 1964, dan dikeluarkan pada tahun 1966, tanpa melalui pengadilan, yang terjadi setelah rejim Orde Lama ditumbangkan oleh massa kesatuan-kesatuan aksi. (Saidi, 1993). Sementara masih dalam tahanan, beliau turut berusaha mempermudah jalan bagi pemerintah Soekarno. Semasa dalam tahanan ini, beliau menulis secarik kertas kecil bersifat nota untuk Tunku Abdul Rahman (Perdana Menteri Malaysia) agar bersedia menerima utusan pemerintah Indonesia (yang sudah berada pada pimpinan Soeharto) untuk menghentikan konfrontasi dan menjalankan hubungan persahabatan kembali.

Hanya dengan secarik kertas kecil itu, Tunku terbuka hatinya untuk menerima utusan pemerintah Indonesia. (Noer, 1995). Bantuan kedua yang beliau berikan adalah untuk memperlancar hubungan dan menimbulkan kepercayaan beberapa negara di Timur Tengah, antara lain: Kuwait dan Arab Saudi. Di kedua negara ini Natsir memang dilihat sebagai pemimpin mereka juga, Natsir sudah diakui sebagai pemimpin Islam. (Noer, 1993). Setelah keluar dari tahanan, Mohammad Natsir memilih lapangan perjuangan dalam bidang dakwah Islamiah dan melakukan kunjungan ke negara-negara Timur Tengah atas undangan pemerintah tersebut.

Walaupun di masa tua Natsir tidak ingin lagi melibatkan diri dalam pertarungan politik secara langsung, dia tidak tinggal diam dalam menghadapi berbagai peristiwa politik. Sebagai salah seorang yang dihormati, kadang-kadang ia masih juga menggunakan pengaruh pribadinya untuk menumbuhkan suasana kehidupan politik yang lebih baik dan lebih demokratis, sesuai dengan konstitusi di negeri ini. Maka tidak heran ia ikut serta menandatangani protes yang kemudian lebih populer dengan sebutan “Petisi 50”. (Haryono, 1995). Akibat daripada penandatanganan tersebut, beliau terkena cekal (cegah tangkal) oleh

pemerintahan Soeharto yang berupa larangan untuk keluar negeri, berbicara dan menulis. Tentang hal ini Natsir hanya menanggapi: “Ke luar negeri, ke Singapura tidak boleh, takut kalau saya kesasar, kali” (Natsir t.th). Selain itu akibat dari larangan ini, Natsir gagal hadir untuk memperoleh gelar Doktor Honoris Causa dari dua universitas terkemuka di Malaysia yaitu UKM dalam bidang dakwah dan USM dalam bidang sejarah. (Media Dakwah, 1993).

Sikap politik Pak Natsir yang paling akhir menjelang wafatnya, ialah dukungannya kepada Partai Persatuan Pembangunan (PPP) dalam Pemilihan Umum 1992. Pak Natsir menganggap, partai politik perlu mendapatkan kursi yang lebih banyak di DPR, agar demokrasi tidak tenggelam dalam pemusatan kuasa salah satu kekuatan sosial-politik, yang dapat membuka peluang lumpuhnya fungsi kontrol dari lembaga perwakilan rakyat itu. (Haryono, 1995).

Zaman beredar musim berganti datangnya takdir Allah (s.w.t) pada hari Sabtu 6 Februari 1993 pukul 12.10 Wib, Mohammad Natsir meninggal dunia pada usia 85 tahun di rumah sakit Cipto Mangunkusumo setelah dirawat tiga bulan lamanya, kerana menderita sakit radang paru-paru (Ridwan Saidi 1993). Berita wafatnya menjadi berita utama di berbagai media cetak dan elektronik. Berbagai komentar muncul baik dari kalangan seperjuangan maupun lawan politiknya. Ada yang bersifat pro terhadap kepemimpinannya dan ada pula yang bersifat kontra. Mantan Perdana Menteri Jepang yang diwakili Nakadjima, menyampaikan ucapan dukacita atas kepergian Pak Natsir dengan ungkapan, “Berita wafatnya Pak Natsir terasa lebih dahsyat dari jatuhnya bom atom di Hiroshima” (Luth 1999). Situasi saat beliau meninggal, jutaan kaum muslimin merasa kehilangan atas kepergiannya. Ribuan umat Islam berta'ziah, mensalatkan dan menghantarkan almarhum ke tempat peristirahatan yang terakhir di tempat pemakaman umum (TPU) Karet, Tanah Abang, Jakarta Pusat. (Saidi, 1993).

Banyak ahli menilai bahawa setelah meninggalnya Pak Natsir, sulit untuk mencari tokoh pengganti sepertinya. Kemampuan dan keahliannya sebagai seorang yang multidimensi, yang dapat menggabungkan keahlian seorang negarawan, pemikir dan ahli agama, sangat jarang dimiliki oleh kebanyakan orang. Perannya sebagai pendakwah adalah kemampuannya juga yang khusus serta jarang dimiliki oleh kebanyakan orang.

Pemikiran dan Konsep Dakwah Pak Natsir

Dalam perspektif Pak Natsir tidak ada perbedaan mengenai makna dakwah dengan pendapat para ulama pada umumnya. Thohir Luth (1999) mengungkap pendapat Pak Natsir bahwa dakwah adalah ajakan yang berisi amar ma'ruf nahi mungkar. Menurutnya, ajakan tersebut tidak cukup dengan lisan saja, melainkan juga dengan bahasa, perbuatan dan keperibadian mulia secara nyata. Penulis mengamati bahwa ini merupakan pemikiran ideal yang secara konseptual tidak jauh berbeda dengan pengertian dakwah Islam yang telah dipahami oleh masyarakat secara umum. Hingga saat ini maupun akan datang, masyarakat tetap memahami bahwa yang namanya dakwah Islam itu adalah ajakan amar ma'ruf nahi mungkar yang diwujudkan dengan lisan, perbuatan dan akhlak karimah secara nyata.

Dalam buku monumentalnya yaitu *Fiqhud Da'wah*, Pak Natsir memandang bahwa dakwah dalam arti luas, adalah kewajiban yang harus dipikul oleh tiap-tiap muslim dan muslimah. Tidak boleh seorang muslim dan muslimah menghindarkan diri darinya. (Natsir, 1991). Tentang konsep dakwah ini beliau mengutip beberapa ayat al-Qur'an sebagai panduan yang menguatkan tentang hukum kewajiban berdakwah bagi setiap muslim dan muslimah. Firman Allah SWT:

كُنْتُمْ خَيْرَ أُمَّةٍ أُخْرِجَتْ لِلنَّاسِ تَأْمُرُونَ بِالْمَعْرُوفِ وَتَنْهَوْنَ عَنِ الْمُنْكَرِ وَتُؤْمِنُونَ بِاللَّهِ ۗ وَلَوْ
ءَامَنَ أَهْلُ الْكِتَابِ لَكَانَ خَيْرًا لَهُمْ ۚ مِّنْهُمْ الْمُؤْمِنُونَ وَأَكْثَرُهُمُ الْفَاسِقُونَ

Artinya: “Kamu (wahai umat Muhammad) adalah sebaik-baik umat yang dilahirkan bagi (faedah) umat manusia, (kerana) kamu menyuruh berbuat segala perkara yang baik dan melarang daripada segala perkara yang salah (buruk dan keji), serta kamu pula beriman kepada Allah (dengan sebenar-benar iman). Dan kalaulah Ahli Kitab (Yahudi dan Nasrani) itu beriman (sebagaimana yang semestinya), tentulah (iman) itu menjadi baik bagi mereka. (Tetapi) di antara mereka ada yang beriman dan kebanyakan mereka: orang-orang yang fasik.” (QS Ali Imran 3: 110).

وَالْعَصْرِ ۚ إِنَّ الْإِنْسَانَ لَفِي خُسْرٍ ۖ إِلَّا الَّذِينَ ءَامَنُوا وَعَمِلُوا الصَّالِحَاتِ وَتَوَاصَوْا بِالْحَقِّ وَتَوَاصَوْا بِالصَّبْرِ .

Artinya: “Demi masa, sesungguhnya manusia itu dalam kerugian, kecuali mereka yang beriman dan melakukan amal shalih dan saling menasihati dengan kebangunan dan saling menasihati dengan kesabaran.” (QS Al-Nasr 103: 1-3).

Mengenai tujuan dakwah, beliau menulis pada serial Media Dakwah (1975) yang menyatakan bahawa tujuan dakwah adalah: Memanggil kita kepada syariat, untuk memecahkan persoalan hidup, baik persoalan hidup perseorangan atau persoalan berumah tangga, berjemaah-bermasyarakat, bersuku bangsa, bernegara, berantarnegara. Memanggil kita kepada fungsi hidup kita sebagai hamba Allah di atas dunia yang terbentang luas ini, berisikan manusia berbagai jenis, bermacam pola pendirian dan kepercayaannya, yakni fungsi sebagai *syuhada' ala al-nas*, menjadi pelopor dan pengawas bagi ummat manusia. Memanggil kita kepada tujuan hidup kita yang hakiki, yaitu menyembah Allah. Demikianlah, kita hidup mempunyai fungsi tujuan yang tertentu.

Bila diamati dengan lebih mendalam terhadap tujuan dakwah diatas, dapat diambil pemahaman yang lebih mendalam bahawa tujuan dakwah adalah memanggil manusia kembali kepada syariat atau hukum agama agar dapat menjaga, memelihara dan mengarahkan dirinya sesuai dengan ajaran agama. Di sini Pak Natsir menekankan bahawa Islam bukanlah sekadar suatu sistem kepercayaan sahaja, tetapi merupakan '*way of live*' yang dapat mengatur dan mengarahkan kehidupan manusia sesuai dengan fitrahnya yang mulia.

Pada tujuan dakwah yang kedua, menegaskan fungsi hidup manusia sebagai hamba Allah di muka bumi ini, yaitu mengabdikan kepada Allah SWT sebagaimana firman-Nya,

وَمَا خَلَقْتُ الْجِنَّ وَالْإِنْسَ إِلَّا لِيَعْبُدُونِ

Artinya: "*Dan aku tidak menciptakan jin dan manusia melainkan supaya mereka menyembahku.*" (QS Al-Dzariyat 51: 56)

Menyembah kepada Allah SWT berarti menyerahkan segala hidup dan mati kita hanya untuk Allah semata dengan mengihklaskan segala penghambaan kita kepada-Nya. Pada tujuan ini menuntut para da'i menyampaikan ajaran Islam, agar ummat manusia mengetahui dengan benar hak dan kewajibanya sebagai makhluk dan hamba Allah.

Pada tujuan dakwah yang ketiga adalah memanggil manusia untuk kembali pada tujuan hidup, yaitu mencari keredhaan Ilahi. Pak Natsir berpendapat bahawa tujuan hidup yang sebenarnya adalah mencapai keredhaan Ilahi. (Luth, 1999). Pemahaman tentang keredhaan Ilahi bagi Pak Natsir adalah keridhaan Ilahi yang memungkinkan tercapainya hidup yang sebenarnya, lebih tinggi kualitasnya dari hidup manusia, hidup

immaterial atas kelanjutan dari hidup material, hidup *ukhrawi* yang puncak kebahagiaannya terletak pada pertemuan dengan *khaliq Azza wa Jalla*. Itu penyembah sebagai tujuan hidup. (Natsir, 1995).

Pandangan Pak Natsir mengenai Dakwah sangatlah luas dan komprehensif. Dakwah merupakan salah satu wasilah utama dalam Islam sebagai proses yang bukan hanya berfungsi menyebarkan Islam ke seluruh alam, tetapi yang lebih penting lagi adalah untuk perbaikan ummat Islam, perbaikan sistem dan perbaikan seluruh nilai-nilai kemanusiaan.

Pemikiran Politik Islam Pak Natsir

Politik dalam Islam bagi Pak Natsir adalah suatu kemestian. Konsep-konsep politiknya yang mula-mula diungkapkan pada awal 1930, memperlihatkan ciri-ciri pemikiran Islam modernis (Saefuddin, 1991) di Indonesia. Misi politik Islam yang diperjuangkannya adalah menentang berbagai aliran pemikiran yang berusaha untuk merusak Islam baik dari kaum orientalis Belanda, mahupun pemikiran tokoh-tokoh nasionalis yang mengarah kepada pemikiran sekuler. Menurut Pak Natsir, Islam bukan semata-mata religi, iaitu agama dalam pengertian ruhaniah saja. Islam mengatur hubungan antara manusia dan Allah dan juga antara sesama manusia. Islam merupakan pedoman dan falsafah hidup yang tidak mengenal pemisahan agama dari politik. Pak Natsir berusaha menjelaskan tentang hakikat politik dalam Islam. Bahawa Islam bukanlah sebatas ibadah *mahdhah* saja. Beliau menyatakan dalam sebuah wawancara:

Banyak sekali masalah kontemporer yang dihadapi Islam sebagai kelanjutan dari proses yang telah berlangsung sebelumnya, terutama masalah-masalah yang berlanjutan setelah konstituante. Perlu diketahui bahawa Islam adalah agama mayoritas penduduk di negara kita, tetapi banyak sekali umat Islam yang belum memahami Islam, atau yang memahami Islam dari sudut pandang lain yang dipengaruhi oleh konsep-konsep (pemahaman) Barat. Dalam konteks pemahaman yang sering dilukiskan sebagai kehidupan duniawi dan kehidupan spiritual misalnya, Islam tidak mengenal dikotomi (pemisahan) ini. Islam memandang kehidupan manusiawi di dunia ini secara komprehensif, tidak ada pemisahan kehidupan, termasuk dalam hubungan antara orang sebagai peribadi, sebagai warga masyarakat dan sebagai warga negara. (Natsir, 1989).

Pak Natsir menggunakan istilah pemodernan politik Islam yang mengandungi erti sebagai sikap dan pandangan yang berusaha untuk

melaksanakan ajaran dan nilai-nilai ruhiyah, sosial dan politik Islam yang terkandung di dalam al-Qur'an dan sunnah Nabi dan menyesuaikannya dengan perkembangan-perkembangan terkini dalam sejarah kebudayaan ummat manusia. (Haryono, 1995). Dalam ungkapan yang lebih spesifik lagi mengenai kaitan politik dengan Islam, Pak Natsir menyatakan, "Sebagai seorang muslim, kita tidak boleh melepaskan diri dari politik.

Sebagai seorang politik, kita tidak boleh melepaskan diri dari ideologi kita, yaitu ideologi Islam. Bagi kita, menegakkan Islam itu tidak boleh dilepaskan dari menegakkan masyarakat, menegakkan negara dan menegakkan kemerdekaan. (Natsir, 1958). Bahkan dalam salah satu tulisannya mengatakan bahawa Islam adalah filsafat hidup, satu *levens filosofie* atau satu ideologi. Ideologi ini menjadi pedoman bagi umat Islam dan tak boleh dilepaskan dari politik. Dengan kata lain dalam berpolitik tak boleh melepaskan diri dari ideologi Islam. Sesuai dengan tuntunan Islam maka hidup bermasyarakat, bernegara, menegakkan kemerdekaan tak dapat dilepaskan dari menegakkan Islam. (Natsir, t.th).

Pandangan Pak Natsir mengenai negara, menurut Ahmad Suhelmi ada dua hal yang perlu diperhatikan. Pertama, keadaan sosial politik pada masa terjadinya polemik yang berkaitan dengan pertarungan ideologi antara kumpulan nasionalis Islam dengan nasionalis sekular. Dilihat dari hal ini, timbulnya pemikiran M. Natsir merupakan usaha untuk memperkuat ikatan ideologi diantara kumpulan nasionalis Islam. Kedua, lahirnya pemikiran M. Natsir ini juga dianggap sebagai reaksi terhadap pemikiran sekular Soekarno. (Suhelmi, 1999). Deliar Noer menilai bahawa pertentangan pemikiran keduanya (M. Natsir dan Soekarno) sebagai mewakili pertentangan dua kumpulan penting di Indonesia iaitu kumpulan nasionalis Islam dan kumpulan nasionalis yang tidak berasas agama. (Noer, 1996).

Negara Islam bagi Pak Natsir adalah suatu badan yang merupakan alat untuk melaksanakan syariat Allah. Beliau menulis sebagai, "Negara bagi kita bukan tujuan, tetapi alat. Urusan kenegaraan pada intinya dan pada asasnya adalah satu bahagian yang tak dapat dipisahkan, satu '*intergreerend deel*' dari Islam. Yang menjadi tujuan ialah kesempurnaan berlakunya undang-undang Ilahi, baik yang berkaitan dengan perikehidupan manusia sendiri (sebagai individu), ataupun sebagai anggota masyarakat. Baik yang berkaitan dengan kehidupan dunia yang fana ini, ataupun yang berkaitan dengan kehidupan kelak di alam baka." (Natsir, 1954).

Dalam bahasa yang lain Pak Natsir mengkiaskan bahawa al-Qur'an dan Sunnah Nabi Muhammad SAW yang merupakan petunjuk dan hukum hakam yang telah disyariatkan bagi umat manusia, tidak mempunyai kaki dan tangan untuk menjaga supaya peraturan-peraturan di dalamnya dapat tetap dijalankan oleh manusia. Oleh sebab itu menurutnya, "Untuk menjaga supaya aturan-aturan dan ketetapan-ketetapan itu dapat berlaku dan berjalan sebagaimana mestinya, perlu dan tidak boleh tidak, mesti ada suatu kekuatan dalam pergaulan hidup berupa kekuasaan dalam negara, sebagaimana telah diperingatkan oleh Rasulullah SAW kepada kaum Muslimin sebagai, 'Sesungguhnya Allah memegang dengan kekuasaan penguasa, yang tidak dapat dipelihara dan dipegang oleh al-Qur'an itu'. (H.R. Ibnu Katsir) (Natsir, 1954).

Ada dua alasan mengapa Pak Natsir memperjuangkan untuk menjadikan Islam sebagai asas negara. Pertama, Islam sebagai agama yang dianut majoriti rakyat Indonesia cukup punya akar dalam masyarakat dan kerana itu punya hujjah yang kuat untuk dijadikan asas negara. Kedua, bahawa ajaran Islam bersifat sempurna bagi kehidupan negara dan masyarakat serta boleh menjamin keragaman hidup antara berbagai-bagai kumpulan dalam negara dengan penuh toleransi. (Natsir, 2000). Mengenai Islam sebagai agama toleransi Pak Natsir berpendapat:

Toleransi yang diajarkan oleh Islam itu, dalam kehidupan antar-agama bukanlah suatu toleransi pasif. Ia itu aktif, aktif dalam menghargai dan menghormati keyakinan orang lain. Aktif dan bersedia sentiasa untuk mencari persamaan antara bermacam-macam perbezaan...Kemerdekaan beragama bagi seorang Muslim adalah suatu nilai hidup yang lebih tinggi dari jiwanya sendiri. Apabila kemerdekaan agama terancam dan tartindas, walau kemerdekaan agama bagi bukan orang beragama Islam, maka seorang diwajibkan untuk melindungi kemerdekaan ahli agama tersebut agar manusia umumnya merdeka untuk menyembah Tuhan mengikut agamanya masing-masing, dan dimana perlu dengan mempertahankan jiwanya. (Natsir, 199).

Mengikut Thohir Luth ada tiga alasan mengapa M. Natsir bersama parti politik Islam lainnya mengusulkan Islam sebagai asas negara. Pertama, adanya kenyataan sosiologis, iaitu komuniti masyarakat di Indonesia ini majoriti Muslim. Kedua, adanya kenyataan normatif yang telah memperlihatkan bahawa sebelum Pancasila lahir, umat Islam di

Indonesia telah menjadikan Islam dan mengamalkan Islam dalam kehidupannya sehari-hari. Ketiga, adanya komitmen yang sangat tentang Islam pada diri M. Natsir yang terbukti dengan pernyataannya tentang Islam sebagai pedoman dalam kehidupan bernegara dan bermasyarakat. (Luth, 1999).

Pemikiran M Natsir mengenai negara tidaklah selari dengan pendapat Ibn Khaldun yang mengatakan bahawa adanya negara tidak bergantung kepada ada-tidaknya nabi atau *nubuwwah* (kenabian). Natsir mengakui bahawa Nabi tidak memerintahkan untuk mendirikan negara dan adanya negara tidak bergantung kepada ada-tidaknya Islam. Tetapi, Nabi mengajarkan pedoman khas untuk melaksanakan pemerintahan agar negara menjadi kuat dan sejahtera sehingga rakyatnya mudah memperoleh tujuan hidup ini. (Noer, 2000).

Sistem Demokrasi mengikut M. Natsir adalah baik, akan tetapi sistem kenegaraan Islam tidak menggantungkan semua urusan kepada kerahiman *instelling-instelling* demokrasi. Perjalanan demokrasi, menurutnya, dari abad ke abad telah memperlihatkan beberapa sifatnya yang baik. Akan tetapi lanjutnya ia tidak pula sunyi dari pelbagai sifat yang berbahaya. (Natsir, 1954). Kerananya mengikut Natsir, 'Islam tak usah demokrasi 100%, bukan pada otokrasi 100%, Islam itu...yah Islam'. (Natsir, 1954).

Pernyataan Pak Natsir mengenai sistem demokrasi adalah, 'Islam bersifat demokratis, dengan arti bahawa Islam itu anti *istibdad*, anti absolutisme, anti sewenang-wenang'. (M. Natsir, 1954). Kerananya, 'Pengertian demokrasi dalam Islam memberikan hak kepada rakyat supaya mengeritik, memperbetulkan pemerintahan yang zalim. Kalau tidak memberi hak kepada rakyat untuk menghilangkan kezaliman itu dengan kekuatan dan kekerasan jikalau perlu'. (Natsir, 1954). Lebih jelas lagi mengenai demokrasi, Pak Natsir menyatakan, "...sejauh menyangkut Islam, demokrasi adalah hal yang pertama, sebab Islam hanyalah mungkin berhasil dalam sistem demokratis". (Natsir, 1954). Selain pernyataannya yang menyokong sistem demokrasi, Pak Natsir juga memberikan kritik terhadap sistem demokrasi yang mendasarkan keputusan kepada suara terbanyak. Hal ini, sebagaimana ditulis Yusril, disebabkan kerana politik tidaklah semata-mata harus didasarkan kepada kemauan majoriti ahli parlimen. Keputusan itu tidak dapat melampaui hudud (batas-batas) yang telah ditetapkan oleh Tuhan. (Mahendra, 1994).

Konsep yang diungkapkan oleh Pak Natsir ini lebih mempunyai tujuan untuk menjelaskan bahawa di dalam Islam tidak ada istilah ‘kependetaan,’ iaitu pemisahan antara gereja dengan arti suatu badan yang bekerja sama tetapi berdiri sendiri dan terpisah dari negara atau kerajaan. Pak Natsir memberi penekanan bahawa samaada kehidupan peribadi mahupun hubungkait seseorang dalam masyarakat dan negara dalam Islam tidak boleh dipisahkan dari ke-Islamannya.

Selanjutnya kita bahas bagaimana pandangan Pak Natsir mengenai demokrasi. Yang sangat menarik daripada pendapat Pak Natsir mengenai demokrasi adalah menyetujui sebahagian dari sistem demokrasi, tetapi juga menolak sebahagiannya yang tidak sesuai dengan Islam. Dalam sidang Konstituante tahun 1957, Pak Natsir menyatakan pendapatnya dengan memperkenalkan demokrasi dalam Islam dengan istilah ‘*Theistic Democracy*’, iaitu demokrasi yang diasaskan kepada nilai-nilai ketuhanan. (Kamaruzzaman, 2000; Mahendra, 1994). Maksudnya keputusan majoriti rakyat berpedoman kepada ketuhanan. Keputusan majoriti rakyat berpedoman kepada nilai-nilai ketuhanan itu, mengikut Natsir boleh dianggap sebagai ijma’ kaum muslimin yang mengikat untuk tempat dan zaman tertentu. (Mahendra, 1996; Harjono, 1996).

Dengan pendapatnya ini, boleh dikatakan M. Natsir menerima sebahagian prinsip demokrasi yang sesuai dengan Islam dan menolaknya yang tidak sesuai dengan prinsip Islam. Islam sebagai agama yang lengkap dan sempurna mempunyai sistem politik sendiri seperti prinsip-prinsip *syūrā* (mesyuarat), *hurriyah* (kebebasan), *musāwah* (persamaan), *’adl* (keadilan), *thā’ah* (kepatuhan) dan *amar ma’ruf nahi munkar*. Sistem demokrasi yang nilai-nilainya sesuai dengan prinsip Islam hanyalah sebahagian dari luasnya sistem politik dalam Islam.

Perjuangan Dakwah dan Politik Islam Pak Natsir

Dalam pandangan Pak Natsir, Islam dan politik bukanlah sesuatu yang terpisah. Beliau menyatakan, “Sebagai seorang muslim, kita tidak boleh melepaskan diri dari politik. Sebagai seorang politik, kita tidak boleh melepaskan diri dari ideologi kita, iaitu ideologi Islam. Bagi kita, menegakkan Islam itu tidak boleh dilepaskan dari menegakkan masyarakat, menegakkan negara dan menegakkan kemerdekaan”. (Natsir, 1961). Ungkapan yang menguatkan pandangan Pak Natsir mengenai kaitan urusan dunia dan urusan akhirat menyatakan bahawa sama sekali tidak dikenal dalam Islam adanya pemisahan antara urusan dunia (seperti politik) dan akhirat.

Beliau menulis, “Dalam konteks pemahaman yang sering dilukiskan sebagai kehidupan duniawi dan kehidupan spiritual misalnya, Islam tidak mengenal dikotomi (pemisahan) ini. Islam memandang kehidupan manusiawi di dunia ini secara komprehensif, tidak ada pemisahan kehidupan, termasuk dalam hubungan antara orang sebagai peribadi, sebagai warga masyarakat dan sebagai warga negara.” (Natsir, 1998).

Pak Natsir sebelum terkenal sebagai seorang pemimpin Islam di dunia Islam Antarabangsa, telah lebih dulu dikenali sebagai seorang ahli politik. Keberadaan Pak Natsir dalam Masyumi telah membawa nuansa baru bagi perjuangan umat Islam Indonesia terhadap kepentingan agama, politik, ekonomi dan sosial. Kerana Masyumi merupakan organisasi kesatuan, maka anggota-anggotanya memiliki bermacam-macam pandangan keagamaan, politik, ekonomi dan sosial. (Luth, 1999; Razzaq, 2018).

Dalam Masyumi Pak Natsir banyak memperjuangkan kepentingan Islam melalui parlimen. Contoh yang sangat jelas adalah pembelaannya ketika terjadi perbezaan pendapat yang tajam mengenai Pancasila atau Islam sebagai dasar negara pada tahun 1956. Pada saat itu, Presiden Soekarno lebih terlihat aktif dalam melakukan intervensi politik. Pancasila ditampilkan oleh Soekarno sebagai pengganti konsep Islam. Bahkan sebelumnya pada tahun 1953, Presiden Soekarno menyatakan sikapnya mengenai negara Islam. Ia menyatakan dalam salah satu pidatonya di Amuntai, Kalimantan bahawa apabila kita mendirikan negara berdasarkan Islam maka beberapa daerah yang penduduknya bukan Islam akan memisahkan diri. (Mughni, 1994).

Pak Natsir memberi kritikan yang tajam atas pernyataan tersebut. Dalam sebuah pidato yang bertajuk ‘Islam Sebagai Dasar Negara’, beliau menyatakan bahawa untuk dasar negara, Indonesia hanya mempunyai dua pilihan iaitu sekularisme (*lā dīniyyah*) atau fahaman agama (*dīn*) (Natsir 1957). Bahkan dalam kritikan yang lebih keras lagi Pak Natsir mengatakan, “Pancasila tidak patut dijadikan ideologi negara, kerana sila-sila itu semuanya relatif, samaada sila-sila itu sendiri mahupun hubungan satu dengan lainnya. Berbeza dengan Pancasila, Islam mempunyai hukum hakam yang diberikan kepada manusia oleh Tuhan melalui wahyu yang memberikan ukuran mutlak untuk mengatur persoalan-persoalan manusia.” (Natsir, 1958; Razzaq, 2017).

Sesuatu yang patut dicatat oleh sejarah adalah, sikap M. Natsir yang mengagumkan ketika beliau berusaha mencari jalan tengah dengan mengajak berdamai kepada para penyokong Pancasila (kumpulan nasionalis sekuler) dengan memberikan argumentasi yang kuat apabila mereka menerima Islam sebagai dasar negara. Dalam Sidang Pleno Konstituante tanggal 12 Nopember 1957 beliau menyatakan, “Saya ingin menyampaikan seruan yang sungguh-sungguh kepada saudara-saudara yang menyokong pancasila. Sila-sila yang saudara-saudara maksud ada terdapat dalam Islam. Bukan sebagai ‘*pure concept*’ yang steril tetapi sebagai nilai-nilai hidup yang nyata dan terang. Dengan menerima Islam sebagai falsafah negara, saudara-saudara pembela pancasila tidak dirugikan apa-apa. Samaada sebagai penyokong pancasila atau sebagai orang yang beragama. Malah akan memperoleh satu *state phyloshopy* yang hidup berjiwa, berisi tegas dan mengandung kekuatan. Tak ada satupun dari lima sila yang terumus dalam pancasila itu akan gugur apabila saudara-saudara menerima Islam sebagai dasar negara. (Natsir, 2000; Razzaq, 2015).

George Mc. T. Kahin seorang Profesor dari Universiti Cornell (AS) yang dikenal sebagai Ahli Studi Indonesia, memberikan penilaian positif tentang perjuangan politik M. Natsir selama ini. Beliau menyatakan, “Tetapi menurut pikiran saya sumbangan yang paling besar dari Bung Natsir terhadap tanah airnya adalah discusnyanya mengenai pengaruh aliran reformis dalam Islam dan cara-cara di mana dia dan para pemimpin Islam lainnya berusaha untuk mempergunakan konsep-konsep Islam pada realiti-realiti dari masyarakat Indonesia”. (*Suara Masjid*, 1993). Khususnya mengenai Masyumi, dia menambahkan:

Bertalian dengan peranan politik Mohammad Natsir, ada beberapa hal penting yang saya anggap masih belum jelas kebanyakan para pengamat menilai. Teranglah sudah bahawa salah satu dari sumbangannya yang paling berarti dapat dilihat dalam lamanya masa ia menjadi ketua umum dari parti politik Masyumi. Pengaruhnya dalam kepimpinan parti selalu kuat, dan saya percaya bahawa ia mesti dibanggakan sebagai telah berbuat banyak dalam memajukan cita-cita progresif dalam penentuan arah politik parti. Ia mempunyai pengaruh besar atas pendirian Masyumi dalam soal-soal Luar Negera sebagaimana dalam hal-hal Dalam Negera, dan ini kadangkala adalah bersifat menentukan dalam mempertahankan bantuannya yang terus menerus bagi suatu politik Luar Negera yang bebas dan non-blok (tidak berpihak). (*Suara Masjid*, 1993).

Pak Natsir memimpin Masyumi sebagai ketua umum sejak 1949 sampai 1958, dua tahun sebelum dibubarkan. Sembilan tahun, Pak Natsir memainkan peranannya dalam Masyumi sebagai parti terbesar dalam percaturan politik di Indonesia. Sebagai pemimpin politik Islam, Pak Natsir secara maksimal telah memberikan seluruh tenaga dan buah pemikirannya bagi kepentingan ummat Islam di Indonesia dan seluruh bangsa Indonesia. Hal tersebut secara sederhana dapat dibuktikan melalui apa yang disebut 'Mosi Integral M. Natsir'. (*Suara Masjid*, 1993). Inilah beberapa catatan dan fakta sejarah yang terungkap tentang peranan besar M. Natsir dalam memperjuangkan politik Islam di Indonesia melalui Parti Politik Islam Masyumi. Kepimpinan beliau sampai dibubarkannya Masyumi oleh pemerintahan Orde Lama Soekarno telah membuktikan kegigihannya dalam memperjuangkan asas Islam melalui Parlimen.

Ketika perjuangan Pak Natsir melalui jalur politik disekat oleh pemerintahan Orde Lama Soekarno dan berlanjut pada pemerintahan Orde Baru Soeharto dengan tidak diberikannya izin untuk menghidupkan kembali Masyumi, maka bermulalah era perjuangan Pak Natsir melalui Dewan Dakwah Islamiah Indonesia (DDII). Kalau di dalam Masyumi, Pak Natsir lebih terlihat dalam peranan dan perjuangan politiknya dalam berdakwah dan membela Islam, tetapi tidak dalam Dewan Dakwah Islamiyah Indonesia (DDII) justeru berpolitik melalui jalur dakwah. Jama'ah atau tepatnya disebut gerakan dakwah yang beliau dirikan ini, memang terfokus kepada dakwah dalam berbagai aktivitasnya. Beliau menyatakan, "Politik dan dakwah itu tidak terpisah. Kalau kita berdakwah, baca Qur'an dan Hadis, itu semuanya politik, jadi dulu berdakwah lewat politik dan sekarang berpolitik melalui jalur dakwah. Ya mengaji politik, begitulah. Saya merasa bahawa DDII itu tidak lebih rendah dari politik. Politik tanpa dakwah itu hancur. Lebih dari itu, bagi saya untuk diam itu tidak bisa." (Natsir, 1998; Razzaq, 2009).

Ketika membicarakan DDII sebagai sebuah jama'ah atau gerakan dakwah, maka tidak bisa lepas dari Pak Natsir sebagai salah satu pendiri dan ketua umum sampai akhir hayatnya. Thohir Luth (1999) menyatakan:

Pertumbuhan dan perkembangan DDII tidaklah bisa dipisahkan dari peran M. Natsir didalamnya. Untuk menentukan arah dan kebijakan gerakan dakwah yang dilaksanakan DDII dalam masyarakat, M. Natsir memakai prinsip musyawarah. Ternyata gerakan dakwah yang dilaksanakannya tidak hanya ditujukan

pada masyarakat kota, tetapi juga masyarakat pedesaan. Hal ini bisa dilihat dari berbagai kegiatan yang dilakukan baik langsung ataupun tidak langsung di pedesaan.

Banyak peneliti menilai bahwa DDII merupakan wadah perjuangan Pak Natsir setelah Masyumi. Tidak salah adanya anggapan seperti ini, dan Pak Natsir sendiri tidak pernah menafikan kenyataan ini. Walaupun dibantah oleh Anwar Harjono (1995) dengan menyatakan, “Masyumi itu partai politik, sedangkan Dewan Dakwah ‘cuma’ gerakan dakwah yang ruang lingkungannya serba terbatas. Dewan Dakwah tidak punya anggota, kerana bukan organisasi kemasyarakatan atau organisasi politik. Tetapi simpatisannya banyak sekali.” Namun menurut penulis hakekat ini tidaklah dinafikan. Setelah segala usaha untuk kembali menghidupkan Masyumi menemui kegagalan, maka DDII menjadi mercusuar perjuangan Pak Natsir selanjutnya dan Pak Natsir sendiri-pun tidak pernah menafikan kenyataan ini.

Sejarah berdirinya DDII ditulis oleh Lukman Hakim (1992) sebagai, “Satu majelis silaturahmi digelar di Masjid Al Munawwarah kampung Bali 1 No. 53 Tanah Abang Jakarta Pusat, pada hari Ahad tanggal 26 Februari 1967 (17 Dzulqaidah 1386). Dalam majelis itu hadir beberapa tokoh ummat seperti bapak Mohammad Natsir, Prawoto Mangkusasmito, Muhammad Roem dan lain-lain. Juga tampak beberapa tokoh ulama seperti DR. Muhammad Rasyidi, K.H. Taufiqurrahman, Buya H. Mansur Daud Dt. Palimo Kayo, K.H. Hasan Basri, Al Ustadz H. Agoes Cik dan beberapa orang lainnya. Di antara kesimpulannya dapat dicatat dengan singkat sebab-sebabnya:

- a. Partai-partai Islam belum mendapat dukungan yang memadai dari seluruh umat Islam di negeri ini.
- b. Pemimpin-pemimpin Islam belum punya visi dan misi yang sama dalam gerakan perjuangannya.
- c. Jumlah umat Islam Indonesia memang besar dari segi kuantitas, tetapi kecil dari segi kualitas, baik dalam bidang aqidah, ibadah dan akhlaq, ataupun bidang ilmu pengetahuan, ekonomi dan politik.

Setelah membahas panjang lebar tentang problematika partai-partai, pemimpin-pemimpin dan kualitas umat Islam pada umumnya, dan setelah melihat kenyataan bahwa perjuangan tidak dapat mencapai sasaran yang dituju, jika dilaksanakan hanya melalui politik praktis, tanpa didukung oleh perjuangan untuk meningkatkan kesadaran dan pemahaman umat,

baik dari segi aqidah, ibadah dan akhlaq, maupun dari segi kehidupan sehari-hari dalam bidang ilmu pengetahuan, ekonomi dan politik. Maka Majelis Silaturrahi memutuskan: “Membentuk satu Badan Perjuangan dalam ‘scope’ yang lebih luas dan komprehensif. Badan itu dinamai: “Dewan Dakwah Islamiyah Indonesia” disingkat dengan “Dewan Dakwah”. (Razzaq, 2009).

Dewan Dakwah Islamiyah Indonesia atau lebih dikenal dengan Dewan Dakwah, lahir dari sebuah pemikiran yang memandang perlu ditingkatkannya kualitas yang lebih baik, samada metode maupun hasil yang akan dicapai dalam usaha dakwah. Ini disebabkan kerana para pendiri menyadari bahawa semakin hari tantangan dakwah juga semakin meningkat selari dengan kemajuan ilmu dan teknologi. (*Suara Masjid*, 1993).

Keberadaan M. Natsir di dalam Dewan Dakwah bukan terbatas sebagai salah seorang pendiri, namun lebih tepat dikatakan sebagai penggerak dan penentu setiap dasar yang dilaksanakan. Sampai akhir hayatnya beliau tetap memegang pimpinan selama lebih kurang 26 tahun. Penulis menilai peran beliau sebagai pemimpin dan penggerak yang menentukan arah perjuangan Dewan Dakwah sangatlah besar. Dalam kedudukan yang lain beliau dikenal dengan sebutan ‘Hati Nurani Umat’ kerana benar-benar merasa dimiliki dan menjadi milik ummat. Penulis menilai ada empat hal yang menjadi tumpuan perjuangan Pak Natsir melalui DDII, yaitu koordinasi dakwah, memperkasakan masjid, pengiriman da’i atau pendakwah dan penerbitan atau dakwah melalui media massa.

Kesimpulan

M. Natsir dikenal sebagai seorang tokoh yang multidimensi. Artinya keperibadian, kemampuan serta keahlian yang ada padanya merupakan sesuatu yang jarang dimiliki oleh kebanyakan orang. Kegagalannya berdakwah melalui bidang politik pada masa pemerintahan Soekarno, tidak membuatnya putus asa dan menyerah. Sejarah telah mencatat tentang perjuangan beliau untuk memberikan yang terbaik kepada bangsa dan agamanya. Thohir Luth (1999) menyatakan:

M. Natsir memang sosok pemimpin yang pantang menyerah pada penguasa. Sungguhpun Masyumi telah dibubarkan oleh kekuasaan Soekarno, ia masih berusaha dan masih berharap pada masa orde baru (pemerintahan Soeharto), Masyumi bisa bangkit dan dapat berperan kembali dalam dunia politik. Usaha untuk

menghidupkan kembali Masyumi pada masa pemerintahan Soeharto memang dilakukan secara sungguh-sungguh. Beberapa dialog tingkat tinggi diusahakan untuk mewujudkan keinginan itu, tetapi sulit terwujud. Kemudian M. Natsir memutuskan untuk terjun ke dunia dakwah. Bersama dengan beberapa tokoh Masyumi lainnya, mereka mendirikan Dewan Dakwah Islamiyah Indonesia (DDII).

Yang perlu menjadi perhatian dari tokoh ini adalah, adanya pemikiran dan pemahaman tentang politik bahawa ianya tidaklah terpisah dari Islam. Selain itu Pak Natsir mempunyai misi dan objektif untuk menjelaskan terhadap masyarakat dan seluruh umat Islam mengenai fungsi politik yang bersih dan benar sesuai dengan ajaran Islam. Bahawa politik bukanlah sesuatu yang kotor dan menghinakan sebagaimana ajaran yang diwariskan oleh Machiavelli. Bahkan lebih dari itu bukan hanya setakat mengeluarkan konsep atau teori yang baik tentang politik Islam, tetapi Pak Natsir telah membuktikan dengan menjadi ahli politik yang digeruni oleh lawan dan kawan. Pak Natsir berhasil mempersatukan antara keahlian berpolitik dengan keindahan nilai-nilai akhlak dalam Islam. Pengaruh pemikiran politik Islam Pak Natsir akan lebih terlihat jelas dan banyak tersebar melalui buku-buku yang diterbitkan oleh penerbit Dewan Dakwah, menyebar tidak hanya dalam bentuk buku, tetapi juga majalah, buletin dan akhbar.

Rujukan

- Harjono, Anwar *et al.* (ed). 1996. *Pemikiran dan Perjuangan Muhammad Natsir*. Jakarta: Pustaka Firdaus.
- Haryono, Anwar. 1995. *Indonesia kita: Pemikiran Berwawasan Iman-Islam*. Jakarta: Gema Insani Press.
- Kahin, George T. 1978. Mohammad Natsir. dalam Yusuf Abdullah Puar *et al.* (ed), *Muhammad Natsir 70 tahun: Kenang-kenangan dan Perjuangan*. Jakarta: Pustaka Antara.
- Kamaruzzaman. 2000. Menggagas demokrasi agama di Indonesia (perspektif sistem politik Islam). *Profetika*. 2(1): 40.
- Luth, Thohir. 1999. *M. Natsir: dakwah dan Pemikirannya*. Jakarta: Gema Insani Press.
- Mahendra, Yusril Ihza. 1994. Modernisasi Islam dan Demokrasi: Pandangan Politik Mohammad Natsir. *Islamika*. 3 (Januari-Maret).
- Mahendra, Yusril Ihza. 1996. Mohammad Natsir dan Sayyid Abul A'la Maududi telaah tentang dinamika Islam dan transformasinya ke dalam ideologi sosial dan politik. dalam Anwar Harjono *et al.* (ed), *Pemikiran dan Perjuangan Muhammad Natsir*, Jakarta: Pustaka Firdaus.
- Mughni, Syafiq A. 1994. *Hassan Bandung Pemimpin Islam Radikal*. Surabaya: PT Bina Ilmu.
- Natsir, M. 1954. *Capita Selecta*, J. 1. Jakarta: Bulan Bintang.

- Natsir, M. 1958, *Agama dan Politik Capita Selecta*, J. 2. Jakarta: Pustaka Pendis.
- Natsir, M. 1958. *Islam sebagai Ideologi*. Jakarta Pusat: Aida.
- Natsir, M. 1959. *Tentang Dasar Negara Republik Indonesia dalam Konstituante*, jilid 1. Bandung: Konstituante RI.
- Natsir, M. 1961. *Capita Selecta*. Jil 1&2. Bandung: Penerbit Sumur Bandung.
- Natsir, M. 1989. *Politik melalui Jalur Dakwah*. Jakarta: PT Abadi.
- Natsir, M. 1995. *Toleransi Islam*. dalam Herbert Feith dan Lance Castles *et al.* (ed), *Pemikiran Politik Indonesia 1945-1965*. Jakarta: LP3ES.
- Natsir, M. 1998. *Politik Melalui Jalur Dakwah*, Cetak ulang. Jakarta: PT Abadi.
- Natsir, M. 2000. *Islam sebagai Dasar Negara*. Jakarta: Media Dakwah.
- Natsir, M. t.th.. *Islam Sebagai Ideologie*. Jakarta: Penyiaran Ilmu.
- Noer, Deliar. 1996. *Partai Islam di Pentas Nasional 1945-1965*. Jakarta: Pustaka Utama Grafiti.
- Noer, Deliar. 2000. *Partai Islam di Pentas Nasional: Kisah dan Analisis Perkembangan Politik Indonesia 1945-1965*. Bandung: Mizan.
- Razzaq, Abdur. 2009. Pengaruh pemikiran Hasan al-Banna dan Mohammad Natsir terhadap politik Islam di Indonesia: kajian perbandingan. Tesis PhD., Universiti Malaya.
- Razzaq, Abdur. 2015. Dinamika Dakwah dan Politik Dalam Pemikiran Islam Modernis di Indonesia. *Wardah*. 15(1): 7-15. [<http://jurnal.radenfatah.ac.id/index.php/warda/article/view/202>].
- Razzaq, Abdur. 2017. *Dakwah dan Pemikiran Politik Islam: Kajian Teoritis dan Empiris*. Palembang: Noer Fikri Publisher.
- Razzaq, Abdur. 2018. Islamic Civilization of Malay: Historical Polemic and Modern Challenges (The Thought of Syed Naquib Al-Attas). *Journal of Malay Islamic Studies*. 2(2): 125-32. [<http://jurnal.radenfatah.ac.id/index.php/jmis/article/view/3778>].
- Saefuddin, A.M. 1991. *Pembaharuan pemikiran Islam di Indonesia*. Bandung: Mizan.
- Suara Masjid. 1993. Kiat Menjadi Pemimpin. April: 14, h. 17.
- Suhelmi, Ahmad. 1999. *Polemik Negara Islam: Soekarno versus Natsir*. Jakarta: Teraju.

SUMBANGAN DAN SOKONGAN ALUMNI KIAS TERHADAP DASAR MEMBANGUN BERSAMA ISLAM (MBI) NEGERI KELANTAN

Rahim Kamarul Zaman
Jabatan Usuluddin, Kolej Islam Antarabangsa Sultan Ismail Petra
abdulrahim@kias.edu.my

Mohd. Ramizu Abdullah
Jabatan Syariah, Kolej Islam Antarabangsa Sultan Ismail Petra
dr.ramizu@kias.edu.my

Mujiburrahman Muhammad Saleh
Jabatan Muamalat, Kolej Islam Antarabangsa Sultan Ismail Petra
mujiburrahmanmohdsaleh@gmail.com

Abstrak

Kolej Islam Antarabangsa Sultan Ismail Petra (KIAS) merupakan sebuah institusi pengajian tinggi swasta yang ditubuhkan pada tahun 1999 di bawah pentadbiran kerajaan negeri Kelantan. Asas penubuhannya didasari matlamat menjadikan negeri Kelantan sebagai pusat perkembangan syiar Islam. Tuntasnya, cetusan penubuhan KIAS merupakan sebahagian agenda pembangunan pendidikan di bawah Dasar Membangun Bersama Islam (MBI) yang dimasyhurkan pada tahun 1990. Sehubungan dengan itu, makalah ini dikemukakan bagi membincangkan sumbangan dan sokongan alumni KIAS dalam merealisasikan Dasar MBI. Kajian berbentuk kualitatif ini digarap secara deskriptif dengan menggunakan metode analisis kandungan dalam proses analisis. Hasil kajian ini mendapati majoriti alumni KIAS memberikan sokongan terhadap dasar MBI yang menjadi dasar utama pentadbiran kerajaan negeri Kelantan sehingga kini. Selain itu, sebahagian alumni KIAS terbukti berjaya berfungsi memberikan sumbangan terhadap negeri Kelantan dalam pelbagai sektor. Justeru, dapat disimpulkan bahawa graduan keluaran KIAS berjaya memaparkan bukti signifikan kejayaan agenda pendidikan dasar MBI negeri Kelantan. Oleh demikian, kemandirian KIAS berteraskan dasar MBI wajar dibangunkan sebagai model institusi pengajian tinggi Islam terkemuka di Kelantan.

Kata kunci : Sumbangan, Sokongan, Alumni KIAS, Dasar MBI, Kelantan

Pendahuluan

UDasar Membangun Bersama Islam (MBI) yang dimasyhurkan pada tahun 1990 merupakan manifestasi manifesto PAS Kelantan dalam Pilihanraya Umum ke-8 di Malaysia pada tahun 1990 yang membawa tema “Membangun Bersama Islam”. (Mohamad, S., Adnan, M. A. M., & Hussin, S. A. S. 2011). Berdasarkan takrifannya, dasar MBI

mengutamakan pelaksanaan pembangunan yang menyeluruh dan serasi dengan nilai-nilai Islam, mementingkan aspek kemanusiaan, dimantapkan dengan ketaatan kepada agama dan tidak memudaratkan sosial dan moral manusia, demi mencapai keredaan Allah. (Urusetia Penerangan Kerajaan Negeri Kelantan 1995).

Sepanjang 30 tahun pelaksanaannya, dasar MBI terbukti mendatangkan implikasi positif terhadap lanskap pembangunan insan di negeri Kelantan. (Mohamad. S. & Adnan. M. A., 2016). Pada tahun 1993, dasar MBI telah diperhalusi melalui program pembinaan dasar-dasar khusus di bawah portfolio Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri Kelantan. Agenda pembangunan pendidikan merupakan sebahagian lima aspek utama yang diberikan tumpuan.

Antara perancangan utama di bawah agenda pembangunan pendidikan tersebut adalah pemerkasaan institusi pengajian tinggi Islam di negeri Kelantan. Pada 24 Ogos 1999, Kolej Islam Antarabangsa Sultan Ismail Petra (KIAS) telah dirasmikan penubuhannya oleh KDYMM Sultan Ismail Petra, Sultan Kelantan Darul Naim. Penubuhannya sebagai institusi Pengajian Tinggi Swasta (IPTS) tertakluk di bawah Akta 555 - Akta Institusi Pengajian Tinggi Swasta (1996). Dalam pengoperasiannya, KIAS dikendalikan oleh KIAS Darul Naim Sdn Bhd (KDSB), anak syarikat Akademi Yakin Sdn. Bhd. (AYSB). Gagasan dan idea penubuhan kolej ini adalah inspirasi Kerajaan Negeri yang bercita-cita memusatkan Kelantan sebagai serambi perkembangan ilmu Islam tersohor di rantau ini.

Penubuhan KIAS merupakan kesinambungan dari Yayasan Pengajian Tinggi Islam Kelantan (YPTIK) Nilam Puri yang ditubuhkan pada tahun 1965. Pada 1 April 1981, YPTIK diserapkan ke Universiti Malaya dengan nama Akademi Islam Universiti Malaya (AIUM) yang kemudiannya digabungkan dengan Jabatan Pengajian Islam untuk membentuk Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya (APIUM) pada tahun 1996 (Abdul Halim 1989). Usaha dan kesedaran peri pentingnya pengajian Islam di peringkat tinggi tidak pernah luntur untuk direalisasikan oleh Kerajaan Negeri Kelantan. Melalui Yayasan Islam Kelantan (YIK), Maahad Dakwah Wal Imamah telah ditubuhkan pada tahun 1994 hasil cetusan idea YAB Tuan Guru Dato' Bentara Setia Hj. Nik Abdul Aziz bin Nik Mat, Menteri Besar Kelantan pada ketika itu.

Seiring dengan perkembangan pendidikan kontemporari yang kian pesat, penstrukturan semula Maahad Dakwah Wal Imamah secara dinamik telah dilakukan Kerajaan Negeri Kelantan sehingga membawa kepada

tertubuhnya Kolej Islam Antarabangsa Sultan Ismail Petra (KIAS) [IPTS07010 (JPS) 5195/IPTS/1007] pada 24 Ogos 1999. Sepanjang 20 tahun beroperasi, KIAS telah berjaya melahirkan 5352 graduan berbagai jurusan dalam bidang Pengajian Islam. Graduan berkenaan dilihat membawa imej produk pembangunan modal insan yang telah diusahakan Kerajaan Negeri Kelantan di bawah agenda dasar MBI.


Justeru, makalah ini dikemukakan bagi membicarakan tentang komitmen alumni KIAS dalam mendokong aspirasi dasar MBI. Malah, komitmen tersebut berfungsi sebagai indikator kejayaan dan keberkesanaan agenda pemeraksanaan institusi pengajian tinggi Islam yang telah dirangka sejak tahun 1993.

Kajian Penghayatan Alumni KIAS Terhadap Dasar MBI

Pada Jun 2020 kajian penghayatan Alumni KIAS terhadap dasar MBI Negeri Kelantan telah dilaksanakan Persatuan Alumni KIAS (ALKIAS). Secara konklusif, hasil kajian berkenaan memaparkan bukti signifikan sumbangan dan sokongan alumni KIAS terhadap dasar MBI adalah amat positif. Dalam kajian tersebut, seramai 373 responden mewakili 5352 jumlah keseluruhan graduan telah memberi maklum balas terhadap soal selidik yang dijalankan. Daripada jumlah tersebut, responden lelaki adalah seramai 132 orang (35.4%), manakala responden perempuan berjumlah 241 orang (64.6%).

Dalam konteks berbeza, taburan responden mengikut tahun bergraduasi adalah sebagaimana Carta 1 berikut:

Carta 1: Peratusan Responden Mengikut Tahun Graduasi




Sumber: Kajian Penghayatan Alumni KIAS Terhadap Dasar MBI (ALKIAS 2020)

Berdasarkan carta di atas, responden teramai adalah graduan tahun 2019 seramai 60 orang (16.1%), diikuti tahun 2018 seramai 45 orang (12.1%), tahun 2003 seramai 41 orang (11%), tahun 2017 seramai 26 orang (7%), tahun 2020 berjumlah 24 orang (6.4%), tahun 2007 berjumlah 22 orang (5.9%), tahun 2016 berjumlah 18 orang (4.8%), tahun 2008 berjumlah 17 orang (4.6%), tahun 2009 berjumlah 12 orang (3.2%), tahun 2014 berjumlah 11 orang (2.9%), tahun 2010 berjumlah 10 orang (2.7%), tahun 2015 berjumlah 10 orang (2.7%), tahun 2004 sejumlah 8 orang (2.1%), tahun 2013 sejumlah 7 orang (1.9%), tahun 2002 sejumlah 7 orang (1.9%), tahun 2001 sejumlah 7 orang (1.9%), tahun 2005 sejumlah 6 orang (1.6%), tahun 2011 sejumlah 6 orang (1.6%), tahun 2012 sejumlah 6 orang (1.6%), Tahun 2000 sejumlah 4 orang (1.1%), dan tahun 1999 sejumlah 2 orang (0.5%).

Sementara itu, taburan responden mengikut program pengajian di KIAS pula dapat difahami sebagaimana Carta 2 berikut:

Carta 2: Peratusan Responden Mengikut Program Pengajian di KIAS



Sumber: Kajian Penghayatan Alumni KIAS Terhadap Dasar MBI (ALKIAS 2020)

Carta 2 memaparkan responden teramai terdiri daripada alumni Ijazah Sarjana Muda Syariah KUIN-KIAS (4+0) seramai 75 orang (20.2%), alumni Diploma al-Syariah seramai 57 orang (15.3%), alumni Ijazah Sarjana Muda Usuluddin KUIN-KIAS (4+0) seramai 46 orang (12.4%), Ijazah Sarjan Muda Syariah KIAS-al Azhar (3+1) seramai 37 orang (9.9%), alumni Diploma Usuluddin seramai 35 orang (9.4%), alumni Diploma Dakwal wal Qiyadah seramai 34 orang (9.1%), alumni

Diploma Pendidikan Awal Kanak-kanak seramai 26 orang (7%), alumni Diploma Pengajian Islam seramai 13 orang (3.5%), alumni Diploma Bahasa Arab seramai 11 orang (3%), alumni Diploma Qiraat & Tarannum seramai 5 orang (1.3%), alumni Ijazah Sarjana Muda Syariah KIAS-IAIN ar-Raniry seramai 3 orang (0.8%), alumni Diploma Pengurusan Logistik & Rantaian Bekala seramai 2 orang (0.5%), dan alumni Diploma Kewangan Islam, Diploma Perbankan Islam, Diploma Dakwah dengan Media masing-masing 1 orang (0.3%).

Merujuk kepada fokus kajian yang telah dijalankan ALKIAS, skop utama soal selidik tersebut berkisar tentang tujuan dan keaslian penubuhan KIAS. Seterusnya, fokus persoalan menyentuh aspek relevansi sistem pentarbiahan, persekitaran dan pembudayaan nilai-nilai Islam di kampus KIAS. Secara keseluruhannya, set soal selidik tersebut berlatarkan konsep pentadbiran yang diamalkan Kerajaan Negeri Kelantan meliputi dasar MBI dan agenda “Merakyatkan Membangunkan Bersama Islam” (MMBI) yang sedang dipraktikkan di bawah kepimpinan Menteri Besar Kelantan, Yang Amat Berhormat Dato' Bentara Kanan, Ustaz Dato' Haji Ahmad bin Yakob. Di samping soal selidik yang dijalankan, kajian berkenaan turut memuatkan kompilasi cadangan daripada responden bagi memantapkan kualiti pengoperasian KIAS pada masa hadapan.

Sokongan Positif dan Sumbangan Alumni KIAS Terhadap Dasar MBI
Hasil kajian penghayatan Alumni KIAS terhadap dasar MBI Negeri Kelantan (2020) memaparkan tahap sokongan yang tinggi majoriti alumni KIAS berhubung agenda pemerkasaan institusi pengajian tinggi Islam (1993) di negeri Kelantan. Dalam hal ini, 305 responden (81.8%) sangat bersetuju Kerajaan Negeri Kelantan sentiasa komited terhadap agenda pembangunan pendidikan Islam sebagaimana dasar MBI. Selebihnya, 65 responden (17.4%) hanya bersetuju dan 3 responden (0.8%) kurang bersetuju dengan realiti tersebut.


Sebagai sebuah institusi yang ditubuhkan di bawah agenda dasar MBI, 195 responden (52.3%) sangat bersetuju Kerajaan Negeri Kelantan telah memberikan sepenuh perhatian dan komitmen terhadap perkembangan dan pembangunan pendidikan di KIAS. 153 responden (41%) pula bersetuju dengan kenyataan ini. Sebaliknya, hanya 21 responden (5.6%) kurang setuju dan 4 responden (1.1%) tidak bersetuju. Sehubungan dengan itu, 310 responden (84.5%) sangat bersetuju KIAS berupaya melahirkan generasi yang berilmu dan berakhlak mulia. Selebihnya seramai 62 responden (16.6%) adalah bersetuju dengan kenyataan ini.

Justeru, seramai 328 responden (87.9%) sangat bersetuju KIAS paling sesuai dijadikan institusi pengajian tinggi Islam terunggul di Kelantan. Manakala 44 responden (11.8%) hanya menyatakan bersetuju. Oleh demikian, 304 responden (81.5%) sangat bersetuju KIAS perlu mempertahankan keaslian (*Aṣālah*) penubuhannya. Manakala 68 responden (18.2%) hanya bersetuju.

Menyentuh aspek keperluan alumni istiqamah memberikan sokongan terhadap Kerajaan Negeri Kelantan dan pentadbiran KIAS dalam usaha menjadikan KIAS sebuah institusi pengajian tinggi Islam terunggul di rantau ini, 270 responden (72.4%) sangat setuju 96 responden (25.7%) bersetuju, selebihnya hanya 5 responden (1.3%) kurang setuju dan 2 responden (0.5%) tidak setuju. Sehubungan dengan itu, seramai 272 responden (72.9%) sangat bersetuju alumni KIAS perlu berganding bahu menjayakan agenda “Merakyatkan Membangun Bersama Islam” (MMBI) yang sedang dipraktikkan Kerajaan Negeri Kelantan pada ketika ini. Selebihnya 100 responden (26.8%) bersetuju dengan perkara ini.

Sementara itu, sumbangan alumni KIAS terhadap agenda pembangunan Islam di negeri Kelantan berpaksikan kerangka MBI juga memaparkan bukti signifikan. Daripada 373 responden kajian ALKIAS 2020, seramai 168 responden (45%) alumni KIAS bermastautin dan berkhidmat di negeri Kelantan. Taburan status kerjaya 168 responden tersebut boleh difahami dalam Carta 3.

Carta 3: Peratusan Status Kerjaya Alumni KIAS di Kelantan




Sumber: Kajian Penghayatan Alumni KIAS Terhadap Dasar MBI (ALKIAS 2020)

Berdasarkan Carta 3, seramai 79 orang (47%) daripada kalangan responden pemastautin di Kelantan sedang berkhidmat dalam sektor pendidikan. 30 responden (17.8%) pula berkhidmat dalam sektor swasta. 17 responden (10.1%) sedang melanjutkan pengajian. Seramai 14 responden (8.3%) berkhidmat sebagai pegawai Kerajaan Negeri Kelantan. Selain itu, kerjaya sebagai pensyarah dan Imam mencatatkan kadar (2.3%), dengan masing-masing melibatkan seramai 4 orang responden. Selebihnya seramai 13 responden (7.7%) responden belum berkerjaya dan 7 responden (4.1%) berkhidmat sebagai suri rumah. Secara keseluruhannya, kerjaya perguruan merupakan sektor terbesar melibatkan alumni KIAS.

Dalam konteks lebih khusus, taburan jenis kerjaya perguruan yang disertai alumni KIAS dapat dicerakinkan sebagaimana Carta 4.

Carta 4: Peratusan Jenis Kerjaya Perguruan Alumni KIAS



Sumber: Kajian Penghayatan Alumni KIAS Terhadap Dasar MBI (ALKIAS 2020)

Carta 4 memaparkan sumbangan alumni KIAS yang bermastautin di Kelantan lebih tertumpu kepada sektor pendidikan. 25.3% berkhidmat di bawah Kementerian Pelajaran Malaysia, sama ada sekolah aliran kebangsaan atau Sekolah Agama Bantuan Kerajaan (SABK). 18.9% pula berkhidmat di sekolah-sekolah agama kendalian Yayasan Islam Kelantan (YIK). Manakala 17.7% alumni KIAS berkhidmat di Sekolah Rendah Integrasi Tunas Islam (SRITI). Kadar 17.7% turut dicatatkan bagi kerjaya

perguruan Kelas Al-Quran Dan Fardhu Ain (KAFA) di bawah Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM). Selebihnya, 10.1% alumni berkhidmat di sekolah-sekolah swasta, 8.8% memilih kerjaya guru peringkat pra sekolah, 5% berkhidmat sebagai pensyarah dan 1.2 % berkhidmat di Maahad Tahfiz Al-Quran Wal Qiraat (MAIK).

Metodologi Kajian

Metode pengumpulan data dalam kajian ini menggunakan metode perpustakaan, iaitu rujukan tertumpu kepada artikel jurnal, tesis, buku, prosiding, akhbar dan seumpamanya. Data dan maklumat tentang dasar Membangun Bersama Islam (MBI) diperolehi menerusi penelitian terhadap jurnal, tesis dan dokumen berkaitan. Manakala data berkaitan sumbangan dan sokongan alumni KIAS terhadap dasar MBI diperolehi melalui hasil kajian penghayatan alumni KIAS terhadap dasar MBI dan kompilasi rekod yang diselia Persatuan Alumni KIAS (ALKIAS). Selain itu, penelitian terhadap kitab-kitab *al-tafāsīr* dan *shurūh al-ḥadīth* digunakan sebagai justifikasi kualiti komitmen alumni KIAS terhadap dasar MBI.

Reka bentuk kajian ini menumpukan tentang komitmen alumni KIAS terhadap agenda pembangunan insan yang terkandung dalam dasar MBI. Justeru, kajian ini mengemukakan penilaian terhadap hasil maklum balas responden dalam kajian yang telah dijalankan Persatuan Alumni KIAS (ALKIAS) pada tahun 2020. Untuk tujuan tersebut, kajian penilaian ini, digarap secara deskriptif dengan menggunakan metode analisis kandungan dalam proses analisis. Hasil kajian mendapati sumbangan dan sokongan alumni KIAS terhadap dasar MBI Negeri Kelantan adalah amat positif dan signifikan. Secara keseluruhan, kajian mendapati pendekatan dan impak dasar MBI adalah memenuhi konsep *maqāṣid al-Sharī‘ah*.

Perbincangan

Melalui dasar MBI, kerajaan Negeri Kelantan telah banyak memperkenalkan agenda-agenda pembangunan modal insan bersifat holistik. Keupayaan dasar MBI berkenaan didasari prinsip *‘Ubūdiyyah*, *Masūliyyah* dan *Itqān* (UMI). (Nurul Jannah Nawī, 2018) Prinsip ini merupakan teras penting sehingga menjadi kelaziman Mantan Menteri Besar Kelantan, Yang Amat Berhormat Almarhum Tuan Guru Dato’ Bentara Setia Haji Nik Abdul Aziz Bin Nik Mat menyebutnya apabila membicarakan aspek tadbir urus negeri Kelantan. (Jawatankuasa Induk UMI 2020; Wan Nik Wan Yussof, 2015).

Sehubungan dengan itu, keputusan Mesyuarat Lembaga Yayasan Kelantan Darul Naim (YAKIN) Bil. 1/96 memutuskan penubuhan Kolej Islam Kelantan adalah berorientasikan pendidikan bersepadu melalui pelaksanaan sistem pengajian tinggi Islam yang sistematik bagi melahirkan insan yang bertaqwa dan berketerampilan serta mampu berperanan dalam pembangunan negeri dan negara (Kertas Penubuhan Kolej Islam Kelantan, KIAS/Pol/0.1/98/1). Kemudiannya, keputusan penubuhan Kolej Islam Kelantan tersebut berjaya diterjemahkan dengan tertubuhnya KIAS secara rasminya pada 24 Ogos 1999. Hasrat penubuhan KIAS bagi melahirkan insan yang bertaqwa adalah jelas memaparkan agenda dasar MBI yang berteraskan prinsip UMI. Justeru, KIAS telah menetapkan falsafah penubuhannya adalah bagi melahirkan generasi al-Quran yang unggul dari sudut ilmu dan beriltizam mengamalkannya. (Yaakob, M. N., & Hamat, M. F., 2003).

Setelah 21 tahun beroperasi, graduan yang dilahirkan KIAS telah berjaya membuktikan sokongan positif terhadap dasar MBI. Malah, tahap sumbangan alumni KIAS dalam menjayakan agenda MBI adalah amat memuaskan. Senario ini terhasil melalui perancangan rapi penstrukturan konsep pengoperasian KIAS sejak awal penubuhannya.

1. Manifestasi Dsar MBI Dalam Pembangunan Pendidikan di KIAS
Pada asasnya, manifestasi dasar MBI dan prinsip UMI jelas kelihatan pada corak penawaran program pengajiannya. Sejak awal penubuhannya, konsep penawaran program pengajian di KIAS amat mengutamakan pengajian Islam sebagai teras program. Aspek ini dapat difahami dalam Jadual 1, sebagaimana berikut:

Jadual 1: Program Pengajian di KIAS Mengikut Tahun Penawaran

Bil.	Program Pengajian	Tahun Ditawarkan
1	Diploma Usuluddin	2000
2	Diploma Al-Syariah	2000
3	Diploma Dakwah Wal Qiadah	2000
4	Ijazah Sarjana Muda Usuluddin KIAS-Al-Azhar (3+1)	2001
5	Ijazah Sarjana Muda Syariah KIAS-Al-Azhar (3+1)	2001
6	Diploma Bahasa Arab	2005
7	Sijil Pengajian Islam	2007
8	Ijazah Sarjana Muda Usuluddin KIAS-IAIN Ar-Raniry & IAIN Jambi (3+1)	2008
9	Ijazah Sarjana Muda Syariah KIAS-Ar-Raniry & IAIN Jambi (3+1)	2008
10	Ijazah Sarjana Muda Usuluddin Dengan Keahlian KIAS-KUIN (4+0)	2009
11	Ijazah Sarjana Muda Syariah Dengan Keahlian KIAS-KUIN (4+0)	2009
12	Diploma Tahfiz Al-Quran	2010
13	Diploma Qiraat & Tarannum	2010
14	Diploma Kewangan Islam	2010
15	Diploma Pengajian Islam	2012
16	Diploma Perbankan Islam	2012
17	Diploma Dakwah Dengan Media	2015
18	Diploma Pendidikan Awal Kanak-Kanak Secara Islam	2015
19	Diploma Pengurusan Logistik & Rantaian Bekalan	2015
20	Diploma Kaunseling Islam	2015
21	Diploma Pengurusan Halal	2017
22	Diploma Tahfiz Al-Quran Wal Qiraat	2019
23	Diploma Pengajian Turath	2019

Sumber: Kompilasi Dan Analisis Dokumen Penubuhan Dan Perkembangan KIAS, 2018.

Merujuk Jadual 1, sepanjang 20 tahun beroperasi KIAS telah menawarkan 6 program pengajian peringkat sarjana muda secara kolaborasi dan 17 program pengajian bina sendiri (*homegrown*) peringkat diploma. Sehingga kini hanya program Diploma Dakwah Wal Qiadah dan 4 program sarjana muda secara kolaborasi tidak lagi ditawarkan. Program sarjana muda tersebut adalah; Ijazah Sarjana Muda Usuluddin KIAS-Al-Azhar (3+1), Ijazah Sarjana Muda Syariah KIAS-Al-Azhar (3+1), Ijazah Sarjana Muda Usuluddin KIAS-IAIN Ar-Raniry & IAIN Jambi (3+1) dan Ijazah Sarjana Muda Syariah KIAS-Ar-Raniry & IAIN Jambi (3+1).

Penawaran program kolaborasi dengan Universiti al-Azhar telah dihentikan pada tahun 2008 apabila al-Azhar menamatkan perjanjian

kerjasama dengan semua kolej di Malaysia. Susulan penamatan berkenaan KIAS telah menjalin kerjasama dengan IAIN ar-Raniry dan IAIN Jambi, Indonesia sebagai usaha alternatif memastikan 188 orang pelajar program kolaborasi KIAS-Al-Azhar (3+1) berjaya menyempurnakan pengajian. Kerjasama KIAS dengan kedua-dua IAIN adalah bersifat sementara dan terhenti dengan sendiri apabila kesemua baki pelajar program kerjasama 3+1 KIAS Al-Azhar telah berjaya menamatkan pengajian pada tahun 2012. Implikasi penamatan kerjasama Al-Azhar-KIAS juga membawa kepada kerjasama KIAS dengan Kolej Universiti Insaniah (KUIN) dengan kolaborasi secara 4+0 KIAS-KUIN bermula tahun 2009 sehingga kini dan pada hari ini dikenali sebagai program kerjasama KIAS-UniSHAMS. (Idris Awang et. al, 2018).

Usaha KIAS yang komited dalam memastikan kejayaan para pelajarnya merupakan sebahagian lambang keutuhan pelaksanaan prinsip UMI dalam urus tadbir pendidikan di KIAS. (Nurul Jannah 2018) Hal ini adalah bertepatan dengan hadith yang diriwayatkan Imam al-Bukhārī daripada Ibn ‘Umar RA bahawa Rasulullah SAW telah bersabda:

كُلُّكُمْ رَاعٍ، وَكُلُّكُمْ مَسْئُولٌ عَنْ رَعِيَّتِهِ، الْإِمَامُ رَاعٍ وَمَسْئُولٌ عَنْ رَعِيَّتِهِ، وَالرَّجُلُ رَاعٍ فِي أَهْلِهِ وَهُوَ مَسْئُولٌ عَنْ رَعِيَّتِهِ، وَالْمَرْأَةُ رَاعِيَةٌ فِي بَيْتِ زَوْجِهَا وَمَسْئُولَةٌ عَنْ رَعِيَّتِهَا، وَالْحَادِمُ رَاعٍ فِي مَالِ سَيِّدِهِ وَمَسْئُولٌ عَنْ رَعِيَّتِهِ» قَالَ: وَحَسِبْتُ أَنْ قَدْ قَالَ - «وَالرَّجُلُ رَاعٍ فِي مَالِ أَبِيهِ وَمَسْئُولٌ عَنْ رَعِيَّتِهِ، وَكُلُّكُمْ رَاعٍ وَمَسْئُولٌ عَنْ رَعِيَّتِهِ»

Maksudnya: Ketahuilah setiap kamu adalah pemimpin dan setiap kamu akan ditanya tentang kepemimpinan kamu. Seorang pemimpin yang berkuasa terhadap rakyat akan ditanya tentang kepimpinannya. Seorang lelaki adalah pemimpin ke atas keluarganya. Dia akan ditanya tentang kepimpinannya. Seorang wanita adalah pemimpin rumahtangga suami dan anak-anaknya. Dia akan ditanya tentang kepimpinannya. Seorang hamba adalah pemimpin ke atas harta kekayaan tuannya yang dipercayakan kepadanya. Dia juga akan ditanya tentang kepimpinannya. Ketahuilah setiap kamu adalah pemimpin dan setiap kamu akan ditanya tentang kepemimpinan kamu. (HR al-Bukhārī, no. hadith: 893)

Antara lain, usaha komited KIAS sebagai pemberi pendidikan tinggi (PPT) jelas menepati hadith yang diriwayatkan al-Bayhaqī daripada Ā'ishah RA bahawa Nabi SAW telah bersabda:

إِنَّ اللَّهَ تَبَارَكَ وَتَعَالَى يُحِبُّ إِذَا عَمِلَ أَحَدُكُمْ عَمَلًا أَنْ يُتَّقِنَهُ

Maksudnya: Allah sangat menyukai mana-mana hambaNya yang bila melakukan sesuatu kerja dilakukannya dengan sungguh-sungguh. (HR al-Bayhaqī, no. hadith: 4929)

Berdasarkan Carta 3 “Peratusan Status Kerjaya Alumni KIAS di Kelantan”, jumlah 47% alumni KIAS berkhidmat dalam sektor pendidikan adalah signifikan dengan tujuan penubuhan dan konsep penawaran program pengajian di KIAS. Lazimnya, graduan pengajian Islam lebih cenderung memilih profesion perguruan sebagai kerjaya (Ramli, A. K., Rahim, R. A. A., & Jaafar, S. M. J. S., 2014). Di Kelantan pembangunan sektor pendidikan merupakan menjadi sebahagian keutamaan pentadbiran kerajaan Negeri. Penubuhan KIAS pasca Pilihanraya Umum ke-8 turut merupakan agenda jangka panjang mempertahankan dan pemerkasaan pendidikan Islam di Kelantan. (Yusuff, N. A. & Abdullah, N. K. N., 2007).

2. Manifestasi Dsar MBI Dalam Pembangunan Pelajar di KIAS

Selaras dengan agenda penerapan dasar MBI dalam konsep penawaran program pengajian di KIAS, aspek pembangunan mahasiswa KIAS turut menerima sentuhan dasar MBI secara optimum bermula tahun 1999. Dalam hal ini, usaha pembangunan pelajar KIAS telah dirangka berasaskan matlamat kelestarian pembangunan modal insan yang berupaya memberi manfaat kepada umat. Pada hari ini, pendekatan tersebut turut dikenali sebagai pembangunan modal insan Rabbani. (Norasid, M., & Abdullah, M., 2019)

Persatuan Mahasiswa Kolej Islam Antarabangsa Sultan Ismail Petra (PMKIAS) telah ditubuhkan pada 24 Ogos 1999 serentak dengan penubuhan KIAS. Sehingga kini, PMKIAS kekal sebagai wadah dan tunjang utama pelaksanaan program-program pembangunan modal insan berteraskan dasar MBI. Antara objektif utama penubuhan PMKIAS adalah bagi melahirkan generasi al-Quran yang berkepimpinan, berketerampilan, kreatif, berinovatif dan mempunyai daya saing (Perlembagaan PMKIAS, 2012). Matlamat tersebut adalah selari dengan keputusan Mesyuarat Lembaga Yayasan Kelantan Darul Naim (YAKIN) Bil. 1/96. (Idris Awang et. al., 2018).

Menurut Sa'īd Ḥawwā (1994) pembangunan modal insan yang holistik adalah berasaskan tiga komponen utama; *Thaqāfah* bagi penerapan keilmuan, *Tarbiyah* bagi memantapkan keimanan dan membina jati diri, dan *Da'wah* bagi membina kemahiran berorganisasi dan dakwah. Justeru itu, struktur organisasi PMKIAS telah dibahagikan kepada tiga *Qism* (bahagian); *Qism* Tarbiah, *Qism* Dakwah dan *Qism* Sekretariat. (Perlembagaan PMKIAS, 2012; Idris Awang et. al., 2018).

Sehubungan dengan itu, aktiviti PMKIAS sentiasa disusun bermatlamatkan melahirkan generasi pelajar yang utuh berprinsip UMI. Kem Kepimpinan Organisasi (KPO), Mahasiswa Prihatin, Hari Terbuka KIAS (HITEK), Kem Perkasa Nuqaba' (KPN), program-program pemeraksanaan Buah Solehah dan lain-lain, merupakan sebahagian aktiviti usaha sama PMKIAS dan Bahagian Hal Ehwal Pelajar (HEP) KIAS, manifestasi hasrat dasar MBI dan prinsip UMI. Menurut al-Ghazālī (1999) sifat bertanggungjawab (*mas'ūliyyah*) dan amanah merupakan nilai-nilai penting yang perlu dibina dalam jati diri muslim. Melaluinya akan lahir sikap komited (*itqān*) dalam keperibadian muslim. (Shuhari, M. H., & Hamat, M. F, 2015).

Antara lain, terdapat pelbagai agenda pentarbiyahan pelajar berskala besar berjaya dibangunkan KIAS bagi memenuhi hasrat dasar MBI. Pada tahun 2011 secara rasminya 'Usrah Pelajar' atau *Smart Group* telah digazet sebagai kursus wajib yang menjadi syarat graduasi mahasiswa KIAS. Pada tahun 2012, Kem Citra yang bertujuan membina jatidiri muslim telah dijadikan program tahunan yang wajib diikuti setiap mahasiswa. Kini, Kem Citra telah diperkasakan dan dijenamakan sebagai program MyKIAS.

Secara keseluruhannya, adalah tidak menghairankan majoriti alumni yang dilahirkan KIAS menunjukkan tahap sokongan yang amat positif terhadap dasar MBI Negeri Kelantan. Acuan pembangunan modal insan melalui dasar MBI dan prinsip UMI hasil ijtihad Almarhum Tuan Guru Dato' Bentara Setia Haji Nik Abdul Aziz Bin Nik Mat ini terbukti berjaya melahirkan generasi yang mampu menyumbang dalam usaha pembangunan Islam di Kelantan dan Malaysia amnya. (Mohamad. S. & Adnan. M. A., 2017).

3. KIAS dan Dasar Pendidikan Rabbani Kelantan (DPRK)
Kerajaan Negeri Kelantan diakui sangat mengutamakan konsep pengurusan Islam bagi menaungi perancangan dan pelaksanaan pembangunan negeri. Setelah 24 tahun pelaksanaan dasar MBI, Kerajaan

Negeri Kelantan telah mengukuhkan dasar MBI dengan melancarkan Pelan Strategik Merakyatkan Membangun Bersama Islam (MMBI) pada 6 Mei 2014. Menurut Yang Amat Berhormat Dato' Bentara Kanan, Ustaz Dato' Haji Ahmad bin Yakob (2014), dasar MMBI adalah suatu perancangan program bersepadu untuk memastikan persoalan teras cara hidup warga Kelantan bertambah mantap berpandukan prinsip hidup beragama.

Susulan pelancaran dasar MMBI, beberapa idea baharu telah terhasil. Pada 8 November 2015, Kerajaan Negeri Kelantan telah menubuhkan Institut Latihan Perguruan Kelantan (ILPK). (Yaacob Yusoff, 2017). Melalui ILPK yang berfungsi sebagai urusetia, Pengerusi Jawatankuasa Pembangunan Insan, Pendidikan, Pengajian Tinggi, Sains dan Teknologi, Kerajaan Negeri Kelantan, Yang Berhormat Dato' Dr. Mohamed Fadzli bin Dato' Haji Hassan telah menggagaskan Dasar Pendidikan Rabbani Kelantan (DPRK).

Secara prinsipnya, Dasar Pendidikan Rabbani yang dibina bertujuan meluaskan skop pendidikan meliputi pendidikan Islam dan bidang-bidang lain. Dengan DPRK, Kerajaan Negeri Kelantan berhasrat melebarkan falsafah *Rabbānī* ke seluruh institusi-institusi lain khususnya di Kelantan. DPRK juga digagaskan sebagai agenda merakyatkan dasar MBI yang berorientasikan konsep UMI. (Dokumen Asas, *Dasar Pendidikan Rabbani Kelantan 2019*) Dalam konteks pengajian tinggi, Kerajaan Negeri Kelantan berhasrat menjadikan KIAS sebagai model pelaksanaan DPRK di negeri Kelantan. (Yaacob Yusoff, 2017). Justeru, pada 25 Februari 2018, Yang Amat Berhormat Dato' Bentara Kanan, Ustaz Dato' Haji Ahmad bin Yakob bagi pihak Kerajaan Negeri Kelantan telah mengamanahkan pelaksanaan DPRK kepada KIAS.

Tuntasnya, amanah yang diberikan kepada KIAS, memaparkan keupayaan KIAS dalam menjayakan agenda MBI sehingga berjaya melahirkan graduan berdaya saing yang komited menyokong dan menyumbang kepada usaha pembangunan modal insan di negeri Kelantan.

Kesimpulan

Pasca kemenangan PAS dalam Pilihanraya Umum ke-8 menyaksikan perubahan lanskap pentadbiran Kerajaan Negeri Kelantan. Perubahan berkenaan didasari dasar Membangun Bersama Islam (MBI) yang dimasyhurkan pada tahun 1990. Sejak mula diperkenalkan, keberkesanan

dan kejayaan dasar MBI sering menjadi fokus penilaian pelbagai pihak. Dalam konteks pendidikan tinggi, penubuhan KIAS pada tahun 1999 menjadi indikator prestasi utama kejayaan dasar MBI.

Justeru, makalah ini dikemukakan sebagai usaha memaparkan kejayaan dasar MBI negeri Kelantan dalam konteks pembangunan pengajian tinggi. Kajian mendapati majoriti alumni KIAS menunjukkan sokongan positif terhadap dasar MBI yang menjadi dasar utama pentadbiran kerajaan negeri Kelantan sehingga kini. Malah, majoriti alumni KIAS terbukti berjaya berfungsi memberikan sumbangan terhadap negeri Kelantan dalam pelbagai sektor hasil proses pendidikan komprehensif berpandukan dasar MBI dan prinsip UMI. Oleh demikian, kemandirian KIAS wajar dipertahankan sebagai model institusi pengajian tinggi Islam terkemuka di Kelantan.

Penghargaan

Kajian ini adalah sebahagian usaha sama Penyelidik dengan Persatuan Alumni KIAS (ALKIAS) di bawah rangka penyelidikan pencapaian agenda pembangunan pendidikan berdasarkan dasar Membangun Bersama Islam (MBI) 2020/2021.

Rujukan

- Abdul Halim Mat Diah. 1989. *Pendidikan Islam di Malaysia: Sejarah dan Pemikiran*. Kuala Lumpur: Percetakan Watan Sdn. Bhd.
- Ahmad Yakob. 2014. *Perutusan Menteri Besar Kelantan*. Sambutan Tahun ke-24, Pentadbiran Membangun Bersama Islam Negeri Kelantan, 21 Oktober 2014.
- Al-Bayhaqī, Abū Bakr. 2003. *Shu'ab al-Īmān*. Ed. 'Abd al-'Alī 'Abd al-Ḥamīd. Riyādh: Maktabah al-Rushd.
- Al-Bukhārī, Muḥammad bin Ismā'īl. 2001. *Ṣaḥīḥ al-Bukhārī*. Ed. Muḥammad Zuhayr bin Nāṣir. T.tp: Dār Tawq al-Najāh.
- Al-Ghazālī, Abū Ḥāmid. 1999. *Iḥyā' Ulūm al-Dīn*. Kaherah: Dār al-Fajr Li al-Turāth.
- Dokumen Asas, *Dasar Pendidikan Rabbani Kelantan 2019*. Kota Bharu: Institut Latihan Perguruan Kelantan (ILPK).
- Hawwā, Sa'īd. 1984. *Iḥyā' al-Rabbāniyyah 5. Al-Ijābāt*. Kaherah: Dār al-Salām.
- Idris Awang et. al. 2018. *Kompilasi dan Analisis Dokumen Penubuhan dan Perkembangan KIAS*. Kota Bharu: Kolej Islam Antarabangsa Sultan Ismail Petra.
- Jawatankuasa Induk UMI. 2020. Manual Pelaksanaan Prinsip UMI, *Program UMI*. Kota Bharu: Perbendaharaan Negeri Kelantan.
- KIAS/Pol/0.1/98/1: Kertas Penubuhan Kolej Islam Kelantan, 1998.
- Mohamad, M. D. S., & Adnan, M. A. M. 2016. Tok Guru Nik Aziz pencetus siasah syariyyah dalam sistem politik moden. Makalah Muzakarah Fiqh & International

- Fiqh Conference, Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor, 22 & 23 November 2016.
- Mohamad, S., Adnan, M. A. M., & Hussin, S. A. S. 2011. Analisis pengaruh politik Islam di Negeri Kelantan terhadap gaya hidup masyarakat di Malaysia. Dalam Shukeri Mohamad, Mohamad Azrien Mohamed Adnan, Zamri Ghazali. 33, 1.
- Nawi, N. J. B. M. 2018. Integrasi Dakwah Dan Politik Dalam Pemikiran Serta Aktivitas Tuan Guru Nik Abdul Aziz Nik Mat di Malaysia. Disertasi Sarjana, Fakultas Dakwah dan Ilmu Komunikasi UIN Syarif Hidayatullah Jakarta.
- Norasid, M., & Abdullah, M. 2019. Gagasan Pembangunan modal insan rabbani oleh Sa'īd Ḥawwā dalam al-Asās fī al-Tafsīr: ke arah pemeraksanaan kader dakwah. *Jurnal Usuluddin*. 47: 25-48.
- Perlembagaan Persatuan Mahasiswa Kolej Islam Antarabangsa Sultan Ismail Petra. (Pindaan) 2012.
- Ramli, A. K., Rahim, R. A. A., & Jaafar, S. M. J. S. 2014. Transformasi Pengajian Tinggi Aliran Islam Sebagai Asas Pembangunan Modal Insan: Pengalaman APIUM. *Jurnal Hadhari: An International Journal*. 6(2): 1-14.
- Shuhari, M. H., & Hamat, M. F. 2015. Nilai-nilai penting individu Muslim menurut al-Ghazali. *Jurnal Islam dan Masyarakat Kontemporari*. 9: 41.
- Urusetia Penerangan Kerajaan Negeri Kelantan. 1995. *Buletin UPKNK, Keluaran Khas April 1995*. Kota Bharu: UPKNK.
- Wan Nik Wan Yussof. 2015. *Legasi Tok Guru: Politik dan Dakwah*. Kota Bharu: Pusat Kajian Strategik Negeri Kelantan.
- Yaacob Yusoff. 2017. Dasar Pendidikan Rabbani Kelantan, Proceedings of the International Conference on Islam, Development and Social Harmony in Southeast Asia, Faculty of Islamic Studies, Universiti Kebangsaan Malaysia & Academy of Islamic and Arabic Studies, Princess of Naradiwas University.
- Yaakob, M. N., & Hamat, M. F. 2003. Pengajian Usuluddin di Kolej Islam Antarabangsa Sultan Ismail Petra (KIAS): analisis dari sudut silibus pengajian. *Jurnal Usuluddin*. 18: 37-58.
- Yusuff, N. A., & Abdullah, N. K. N. 2007. Institusi dan sistem pendidikan Islam. suatu analisa tahap perkembangannya di Kelantan. *Journal of al-Tamaddun*. 2(1), 139-160.

TUAN GURU HAJI DAUD BIN HAJI YUSOF: SUMBANGAN SEBAGAI TOKOH ULAMA DI KELANTAN

Ahmad Syakir Mohd. Nassuruddin
Kolej Islam Antarabangsa Sultan Ismail Petra
syakir91mtaq@gmail.com

Mohd. Zain Mubarak
Universiti Malaysia Kelantan
mzain@umk.edu.my

Mohd. Fadli Ghani
Islamic Institute of Independent Research on Democracy (IIIRD)
fadliayman@gmail.com

Abstrak

Kelantan terkenal dengan jolokan Negeri Serambi Makkah dan melahirkan ramai ulama yang alim serta pakar dalam bidang masing-masing. Di antara ulama hebat yang lahir di Pasir Mas adalah Tuan Guru Haji Daud bin Haji Yusof, Walau bagaimanapun, perihal tokoh ini kurang diketahui umum kerana tidak banyak penyelidikan dilaksanakan. Oleh itu, penyelidikan ini bertujuan untuk menjelaskan riwayat hidup dan latar belakang tokoh agar dapat diketahui ramai. Penyelidikan ini berbentuk kajian kualitatif menggunakan metod kepustakaan dan temubual. Artikel ini menjelaskan Tuan Guru Haji Daud bin Haji Yusof adalah tokoh ulama Kelantan yang berasal dari Pasir Mas. Beliau mendapat Pendidikan di Pondok Kubang Bemban dan Pondok Genting sebelum melanjutkan pengajian ke Makkah selama 14 Tahun. Sekembalinya dari Makkah, beliau menyebarkan ilmu ke pelusuk negeri Kelantan. Pernah berkecimpung dalam arena politik dan menjadi wakil rakyat Dun Tumpat Barat selama dua penggal bermula tahun 1959 sehingga 1969. Dalam pada itu, dipilih menjadi Yang Di-Petua PAS Kawasan Pasir Mas bermula 1982 sehingga 1989. Tuan Guru Haji Daud mempunyai sumbangan besar dalam bidang dakwah, pendidikan, kepimpinan dalam politik dan kepimpinan dalam masyarakat.

Kata Kunci: Politik Islam, Ulama Kelantan, Kelantan

Pendahuluan

Ulama memainkan peranan yang besar dalam perkembangan ilmu di Tanah Melayu sejak zaman berzaman, kesungguhan ulama menyebarkan ilmu menatijahkan perubahan yang besar dalam masyarakat dari sudut gaya hidup agar bersesuaian dengan Islam. Tambahan itu, sumbangan ulama turut diiktiraf oleh institusi Diraja. Hal ini boleh dilihat dalam lembaran sejarah pada kurun ke-18 Masihi, salah seorang ulama Kelantan bernama Syeikh Abdul Halim dilantik menjadi penasihat kepada Sultan Muhammad 1 dan dibenar menyampaikan kuliah di masjid-masjid sekitar Kota Bharu. (Luqman, 2011).

Kemunculan tokoh-tokoh Ulama Melayu yang masyhur merencanakan lagi perkembangan Islam di Tanah Melayu antaranya Syeikh Daud al-Fatoni, Tokku Pulau Manis, Tokku Paloh, Tok Janggut, Tok Kenali, Tok Selehong dan Syeikh Idris Al-Marbawi. Mereka mempunyai kepakaran dan alim dalam bidang masing-masing. Kehadiran tokoh-tokoh tersebut adalah merupakan kesinambungan ilmu dan usaha mereka menyebarkan ilmu berjaya meningkatkan tahap kefahaman, sumber rujukan dan panduan terhadap masyarakat. (Ahmad Mujahideen, 2019).

Kelantan yang terkenal dengan jolokan Negeri Serambi Mekah tidak terkecuali dalam melahirkan ramai ulama. Keberadaan mereka disumbangkan oleh faktor masyarakat setempat yang cakna pembelajaran ilmu. Hasilnya, hampir setiap daerah di Kelantan mempunyai institusi pengajian atau dikenali sebagai pondok antaranya Pondok Lubuk Tapah di Pasir Mas, Pondok Pasir Tumboh di Kota Bharu, Pondok Sungai Durian di Kuala Krai dan Pondok Getting di Tumpat. Kesemua pondok telah diasaskan oleh tokoh ulama setempat antaranya Tuan Guru Haji Abdul Aziz, Tuan Guru Haji Abdul Rahman bin Che Wan dan Tuan Guru Haji Abdullah Tahir. (Arbai'iyah, 2008).

Perkembangan institusi pondok turut berlaku di Pasir Mas dengan pembukaan pondok-pondok di Pasir Mas. Pembukaan Pondok Chetok oleh Tok Diman, Pondok Chetok oleh Tok Lebai Nik Man, Pondok Tok Ayah Kubang Bunut serta Pondok Aur Cina oleh Syarif Hassan merencanakan lagi perkembangan pendidikan untuk masyarakat setempat. Selain pimpinan tersebut, muncul ulama disegani ramai iaitu Tuan Guru Haji Daud bin Haji Yusof yang dilahirkan di Kampung Kedondong Pasir Mas Kelantan.

Latar Belakang Keluarga

Haji Daud bin Haji Yusof atau lebih dikenali dengan Tok Guru Haji Daud dilahirkan di Kampung Kedondong, Pasir Mas, Kelantan pada tahun 1920M/1338H. Tok Guru Hajj Daud merupakan anak sulung daripada empat orang adik beradik seibu sebapa. Ayahanda beliau Haji Yusof bin Ibrahim merupakan seorang yang amat dikenali dan disegani di kampung Kampung Kedondong, manakala ibu bernama Khadijah Binti Samah. Hasil perkongsian hidup Haji Yusof bin Ibrahim dan Khadijah binti Samah, mereka dikurniakan empat orang cahaya mata iaitu Daud, Che Minah, Che Limah dan Rokiah. (Mansor, 2020).

Ayahanda kepada Tok Guru Haji Daud iaitu Haji Yusof bin Haji Ibrahim Bin Abdul Rahman berketurunan daripada Arab Yaman merupakan seorang tokoh ulama dizamannya. Beliau mendapat pendidikan agama di Pondok Kuala Bekah, Pattani dan merupakan murid kepada Tok Pulau Ubi dan Tuan Guru Haji Abdul Samad Genting di Tumpat. Dalam pada itu, ayahanda Tok Guru Haji Daud mengusahakan Kebun Getah dan digelar sebagai 'Tok Haji Soh Tokey Getah'. Hal ini kerana beliau merupakan pengurus kebun dan mempunyai 15 orang pekerja. Menurut Abdul Hadi, Tuan Guru Haji Yusuf merupakan orang yang kuat beribadah, beliau akan beriktikaf di masjid seawal jam empat pagi dan bersambung selepas subuh sehingga fajar menyingsing.

Tok Guru Haji Daud mempunyai keluarga yang besar. Beliau mendirikan rumah tangga bersama pasangan Saudah binti Mamat dan Che Limah binti Ahmad. Hasil perkongsian bersama kedua-dua isteri, Tok Guru Hj Daud mempunyai seramai 16 orang anak terdiri 10 orang lelaki dan 6 orang perempuan. Walau bagaimanapun, salah seorang anak lelaki bernama Fathi meninggal dunia semasa kecil. Anak-anak Tok Guru Haji Daud bernama Mansor, Sopian, Mohd Nassuruddin, Maznah, Mohd Anuar, Munawwir, Mohd Bahrain, Mardziah, Mohd Sabri, Mohd Shukri, Mohd Fathi, Mariah dan Mazidah. (Arsyad, 2020).

Pendidikan

Berkenaan pendidikan awal Tok Guru Haji Daud, beliau sejak daripada kecil diasuh dan dibesarkan dalam keadaan sederhana, ayahanda Tok Guru Haji Daud sangat menitikberatkan soal pendidikan anak-anak. Oleh sebab itu, pendidikan beliau bermula bersama ayahandanya sebelum menimba ilmu di Pondok Tuan Guru Haji Ghani di Kubang Bemban dan Pondok Haji Salleh Yusof Pedada di Kampung Bunohan. Di usia muda lagi, beliau telah menunjukkan perwatakan seorang pemimpin pada masa hadapan kerana beliau sangat petah berkata-kata dan berhujah serta mempunyai suara yang cukup lunak apabila membaca al-Quran.

Ketika berumur 14 tahun, Tok Guru Haji Daud dihantar oleh ayahandanya melanjutkan pengajian di Makkah. Antara pesanan yang selalu diingati sebelum berangkat ke Makkah adalah jangan pulang ke Meranti sehingga kamu alim. Malah, Tok Guru Haji Daud tidak sempat bertemu dengan ibundanya apabila meninggal dunia sewaktu melanjutkan pengajian di Mekah. Ketika di sana, Tok Guru Haji Daud tinggal di Rumah Wakaf Malaysia bersama sahabat sepengajian. Pendidikan

pertama yang ditempuhinya di Makkah adalah di Madrasah Dar Ulum Al-Diniyyah Al-Jawiyah, madrasah ini diasaskan oleh Haji Abdul Majid Zainuddin. Tok Guru Haji Daud sempat melalui tiga orang mudir madrasah iaitu Syeikh Zubir bin Ahmad, Syeikh Ahmad Mansuri dan Syeikh Muhammad Yasin Al-Fadani. Sebanyak empat tahap pengajian dilalui oleh Tok Guru Haji Daud bermula peringkat asasi, rendah, menengah dan menengah tinggi. (Redzuan, 2001).

Setelah menyelesaikan pengajian formal di Madrasah Dar Ulum, Tok Guru Haji Daud mengisi masa berbaki pada waktu petang dan malam dengan mengikuti pengajian secara halaqah di perkarangan Masjidil Haram. Antara ulama terkemuka yang sempat berguru adalah Syeikh Ali Al-Maliki, Syeikh Hasan Muhammad Al-Mashhat, Syed Amin Al-Katabi, Syed Alwi Syed Abbas Al-Maliki, Syeikh Muhammad Al-'Arabi, Syeikh Abdul Rahman bin Syeikh Muhammad Al-Khatib al-Melebari, Syeikh Ibrahim Al-Fatani, Syeikh Sulaiman Ambon, Syeikh Hasan al-Yamani, Syeikh Haji Noh al-Kelantani, Syeikh Husin al-Palembani serta Syeikh Abdul Qadir al-Mandili.

Tok Guru Haji Daud berguru secara langsung dengan ulama nusantara yang masyhur ketika waktu tersebut iaitu Syeikh Abdul Qadir al-Mandili. Halaqah pengajian berlangsung di tepi Bab al-Umrah, salah satu pintu utama Masjidil Haram selepas solat asar, maghrib dan subuh. Para ulama nusantara masih dibenarkan berkuliah di dalam Masjidil Haram ketika itu sebelum larangan dikuatkuasakan sehingga ke hari ini. Tok Guru Haji Daud dan rakan sepengajian banyak menghabiskan masa mentelaah kitab di suatu tempat bernama Haut Baqar (Tempat Peliharaan Lembu) berdekatan Aziziyyah dan tidur beralaskan bantal di atas wakaf. Pengajian yang diikuti adalah fiqh, nahu, saraf, balaghah, hadis, mustalah hadis dan tafsir.

Di samping mengikuti halaqah bersama syeikh, beliau juga kerap mengadakan muzakarah dan murajaah mengenali kitab-kitab yang dibahaskan oleh syeikh dalam pengajian. Menurut Abdul Rahim, Tok Guru Haji Daud bersama sahabat seangkatan dengannya akan menelaah kitab di atas sebuah pondok berdekatan dengan tempat bernama Aziziyyah yang tidak jauh daripada Masjidil Haram. Sahabat-sahabat seperjuangan Tok Guru Haji Daud iaitu Dato' Haji Ismail bin Yusof, Syeikh Muhammad Abd Wahab, Ustaz Yamin al-Kelantani, Haji Abdul Rahman Sungai Durian, Haji Salleh Tok Kenali, Baba Li Chaiya, Tuan Guru Haji Hashim Pasir Tumbuh, Dato' Hj. Yusof Othman, Tuan Guru Haji Yusof Rawa serta Ustaz Haji Hassan Idris.

Sepanjang pengajian di Makkah, Tok Guru Haji Daud turut berdepan dengan suasana sukar akibat ketiadaan duit, malah beliau terpaksa bergantung kepada roti pemberian Jemaah yang datang ke Makkah. Walau bagaimanapun, berkat kesabaran dan keazaman Tok Guru Haji. Daud, beliau diberikan kepercayaan untuk mengajar di Masjid al-Haram. Diberikan peluang untuk berkuliah di Masjidil Haram dan gelaran yang diberikan untuk Tok Guru Haji Daud adalah Haji Daud Al-Haithami. Kesungguhan yang ditunjukkan oleh Tok Guru Hj Duad melahirkan keupayaan kepadanya apabila mampu menguasai pelbagai ilmu yang telah dipelajari olehnya. Setelah 14 tahun berada di perantauan untuk menuntut ilmu. Tok Guru Haji Daud pulang ke tanah air demi menabur jasa menyebarkan ilmu kepada masyarakat setempat.

Kegiatan

Sekembalinya Tok Guru Haji Daud dari Makkah pada tahun 1950, beliau mula bergiat sebagai tenaga pengajar agama di Madrasah Kampung Meranti. Pengajian tertumpu kepada pengajian al-Quran, tafsir, fiqh sirah, akidah, tasauf dan sirah nabawiyah. Dalam pada itu, Tok Guru juga telah mengasaskan Sekolah U gama Arab Tarbiah Dini ah Meranti. Tok Guru Haji Daud berkecimpung dalam arena politik serta memenangi pilihanraya dan menjadi wakil rakyat selama dua penggal iaitu bermula tahun 1959 sehingga tahun 1969.

Sepanjang karier sebagai ahli politik dan pendakwah, Tok Guru Haji Daud pernah diberikan kepercayaan sebagai Yang Dipertua PAS Kawasan Pasir Mas pada tahun 1982. Jawatan yang disandang oleh beliau kekal sehingga akhir hayat iaitu pada tahun 1987. Selain pada itu, Tok Guru Haji Daud juga diberikan penghormatan untuk menjawat jawatan sebagai Pegawai Hubungan Serata Tabung Haji sewaktu di awal penubuhan Tabung Haji di Kelantan.

Bidang tugas Tok Guru Haji Daud adalah memberikan penjelasan dan penerangan tentang kebaikan dan kelebihan menabung di dalam tabung haji seluruh Kelantan. Dalam pada itu, kesedaran menabung masih lagi rendah dalam kalangan masyarakat di Kelantan. Menurut Abdul Rahim, Tok Guru Haji Daud pernah mengumpulkan penduduk Kampung Meranti untuk memberikan penerangan tentang kelebihan Tabung Haji. Hasilnya, berpusu-pusu masyarakat sekitar hadir ke pejabat Tabung Haji bagi membuka akaun baharu. Kesannya, ramai yang berjaya melaksanakan haji berkat kesungguhan yang diusahakan oleh Tok Guru Haji Daud.

Kewafatan

Diceritakan oleh Mohd Anuar sewaktu akhir hayatnya, Tok Guru Haji Daud sedang menikmati makan tengah hari di rumah isteri pertama sebelum rebah di meja makan. Tok Guru Haji Daud disolatkan oleh ratusan pengikut dan masyarakat sekitar yang hadir di Madrasah Kampung Meranti pada tahun 1987. Beliau disemadikan di Tanah Perkuburan Kampung Meranti Pasir Mas Kelantan. Hasil usaha dan sumbangan yang diberikan oleh Tok Guru Haji Daud telah dianugerahkan Pingat Setia Mahkota Kelantan (SMK) oleh KDYMM Sultan Yahya Petra Ibni Sultan Sultan Ibrahim ketika upacara menyambut ulang tahun keputeraan Sultan Kelantan. Beliau juga dinobatkan Tokoh Ulama PAS dalam Sambutan Jubli Emas PAS Malaysia yang bertempat di Pusat Tarbiyah Islamiyyah Kelantan (PUTIK). Nama Tok Guru Haji Daud juga diabadikan di dewan Sekolah Menengah Ugama Arab Tarbiah Diniyah Meranti dengan nama Dewan Tuan Guru Haji Daud sebagai mengenang jasa beliau selaku pengasas sekolah. Anugerah yang disampaikan bagi menghargai jasa Tok Guru Haji Daud dalam menyampaikan dakwah melalui wacana politik dan kuliah sepanjang hayatnya.

Sumbangan Tuan Guru Haji Daud

1. Pendakwah

Tok Guru Haji Daud memberikan sumbangan besar dalam bidang dakwah. Sumbangannya boleh dilihat apabila sekembalinya Tok Guru Haji Daud dari Makkah, beliau menginfakkan diri sebagai pendakwah apabila mengajar di masjid-masjid seluruh Kelantan. Hal ini boleh dilihat melalui jadual beliau berkuliah sepanjang minggu bermula hari ahad sehingga hari Sabtu.

Bermula pada malam ahad berkuliah di Masjid Muhammadi, malam Isnin di Masjid Mukim Kota, malam Selasa di Madrasah Kampung Meranti, malam Rabu di Madrasah Seberang Salor, malam Khamis di Masjid Besar Tumpat disusuli kuliah selepas maghrib di Madrasah Kampung Talak sehingga jam 12.00 malam. Manakala malam Jumaat di Masjid Besar Pasir Mas disusuli kuliah selepas isyak di Masjid Kubang Bemban. Kuliah pada hari Jumaat pula bermula dari awal pagi di masjid-masjid jajahan seluruh Kelantan secara bergilir-gilir dengan pengkuliah yang lain. Disambung dengan kuliah selepas Jumaat di Masjid Machang. Tok Guru Haji Daud meneruskan kuliahnya pada hari Jumaat selepas asar di Madrasah Kemuning dan diakhiri dengan kuliah maghrib di Surau Balai Bomba Kota Bharu. Malam yang terakhir iaitu pada malam hari

Sabtu, beliau berkuliah di Madrasah Pondok Tuan Guru Haji Zain Meranti.

Jadual Kuliah Mingguan Tuan Guru Haji Daud Bin Haji Yusof

Bil.	Waktu	Tempat
1.	Ahad	Masjid Mukim Kota
2.	Isnin	Madrasah Kg. Meranti
3.	Selasa	Madrasah Seberang Salor
4.	Rabu	Masjid Besar Tumpat
		Madrasah Kampung Talak
5.	Khamis	Masjid Pasir Mas
		Masjid Kubang Bemban
6.	Jumaat	Masjid Besar Kelantan
		Masjid Machang
		Madrasah Kemuning
		Surau Balai Bomba Kota Bharu
7.	Sabtu	Madrasah Pondok Tuan Guru Haji Zain Meranti

Sumber: Nassuruddin, 2020

2. Pendidikan

Tok Guru Haji Daud berperanan besar dalam bidang pendidikan. Beliau telah mengasaskan institusi pendidikan antaranya Madrasah Haji Daud Meranti, Sekolah Agama Arab Tarbiah Diniyah Meranti dan Pusat Tarbiah Pasir Mas. Setiap institusi pendidikan yang diasaskan mempunyai peranan yang berbeza antara satu sama lain serta saling melengkapi. Pondok Haji Daud adalah institusi pengajian yang menfokuskan pengajian secara tradisional dan turath. Manakala Sekolah Agama Arab Tarbiah Diniyah Meranti ditawarkan pengajian untuk peringkat rendah dan menengah. Pelajar diasuh dan diajar menggunakan silibus agama yang telah ditetapkan oleh pihak kerajaan.

Pusat Tarbiah Pasir Mas pula adalah pusat pengajian berkonsepkan halaqah mensasarkan masyarakat awam setempat. Tok Guru Haji Daud berperanan memberikan kuliah secara mingguan menggunakan Kitab Tafsir Pimpinan Al-Rahman. Walaupun pengajian utamanya adalah tafsir, Tok Guru Haji Daud banyak menyelitkan ilmu-ilmu lain antaranya ilmu akidah, fekah, hadis serta bahasa arab sebagai kepelbagaian dalam bentuk pengajaran.

Tok Guru Haji Daud sangat menguasai ilmu mantiq, diceritakan oleh zulkipli, Tok Guru Haji Daud pernah menjelaskan satu persoalan tentang syaitan dan api apabila ditanya oleh anak muridnya. "Syaitan dijadikan daripada api, adakah syaitan yang dicipta daripada api itu apabila dimasukkan ke dalam api akan merasai sakit? Lalu, Tok Guru mengibaratkan situasi menggumpal seketul tanah dan membaling tanah ke badan muridnya. Muridnya terpinga-pinga kenapa gurunya membaling tanah ke arahnya? Lalu, muridnya bertanya? Kenapa tok guru baling tanah tersebut ke arahnya, lalu tok guru menjawab dengan pertanyaan, "Sakitkah"? Kalau kamu yang dibuat daripada tanah rasa sakit apabila dibaling dengan tanah, maka begitu juga iblis yang dibuat daripada api akan rasa sakit bila dimasukkan ke dalam api" Maka tersenyum sendirian murid yang bertanya soalan itu apabila mendapat jawapan yang tuntas.

3. Kepimpinan Politik

Tok Guru Haji Daud mula terlibat dalam arena politik apabila dipilih salah seorang dalam kalangan golongan agamawan bertanding dalam Pilihanraya Negeri Kelantan pada tahun 1959 mewakili Parti Islam Se-Malaysia (PAS) di Kawasan Tumpat Barat. PAS bertanding sebanyak 30 kerusi dan memenangnya 28 daripada keseluruhan kerusi Dewan Undangan Negeri Kelantan termasuk kawasan yang diwakili oleh Tok Guru Hj, Daud, manakala baki 2 kerusi dimenangi oleh calon Perikatan.

Tok Guru Haji Daud memenangi kerusi yang dipertandingkan pada pilihanraya tahun 1959 mengalahkan calon daripada Perikatan iaitu Othman bin Mohd Uddin serta calon bebas Ibrahim Tunggal di Dewan Undangan Negeri (DUN) Tumpat Barat dengan majoriti 3191. (Laporan Suruhanjaya Pilihanraya tahun 1959). Selain Tok Guru Haji Daud, dua orang lagi agamawan memenangi kerusi masing-masing iaitu Tuan Guru Haji Harun bin Sulong di DUN Lemal dan Tuan Guru Haji Che Hassan bin Ismail di DUN Tendong. Dalam penggal yang pertama, Tok Guru Haji Daud bersama kepimpinan PAS dalam Kerajaan Negeri Kelantan di bawah kepimpinan YAB Dato' Ishak Lutfi bin Omar sebagai Menteri Besar melaksanakan dasar-dasar kebajikan berteraskan Islam untuk rakyat seperti menubuhkan Tabung Basiswa Pendidikan, melantik pegawai Agama setiap Jajahan, melantik guru-guru Agama di sekolah kerajaan menubuhkan Lembaga Kemajuan Tanah Negeri Kelantan (LTKNK). (Salahuddin & Hydselan, 2010).

Dalam Pilihanraya Umum 1964, Tok Guru Haji Daud diberikan kepercayaan sekali lagi untuk menjadi calon PAS bagi mempertahankan kerusi di DUN Tumpat Barat dengan majoriti 2043 mengalahkan calon Perikatan Mohamed Musa (Laporan Suruhanjaya Pilihanraya tahun 1964). Hal ini adalah kesungguhan Tok Guru Haji Daud melaksanakan tanggungjawab sebagai wakil rakyat serta keyakinan masyarakat dalam DUN Tumpat Barat terhadap beliau. Perebutan kerusi di Kelantan agak panas dan mencabar bagi calon-calon PAS Kelantan, pelbagai provokasi dilemparkan antaranya cubaan membakar rumah pimpinan PAS, cubaan merobohkan pintu gerbang serta penangkapan calon-calon PAS dan para agamawan di bawah Akta Keselamatan Dalam Negeri (ISA). (Paridah, 1973).

Antara yang ditangkap adalah Tuan Guru Haji Sulaiman bin Omar, Tuan Guru Haji Omar Daud, Tuan Guru Haji Yaacob Berangan, Tuan Guru Haji Nor Abdullah, YB Tuan Guru Haji Che Hassan dan YB Ustaz Nik Abdullah bin Arshad. Walau bagaimanapun, Tok Guru Haji Daud terselamat daripada ditangkap. Pada waktu tersebut Tok Guru Haji Daud sedang berehat di dalam rumahnya. Pihak polis datang mencari beliau kerana namanya tersenarai salah seorang yang dikehendaki. Namun, tetap tidak berjaya menemuinya dan membuntukan pegawai yang terlibat sewaktu melaksanakan misi mencari dan menangkap Tok Guru Haji Daud. (Nassuruddin, 2020).

Kerajaan PAS Kelantan berjaya dikekalkan untuk penggal yang kedua termasuk kemenangan Tok Guru Haji Daud di DUN Tumpat Barat. Kemenangan bagi penggal yang kedua menyaksikan pelbagai usaha dilaksanakan oleh kepimpinan PAS yang diketuai oleh YAB Dato' Mohamed Asri Muda selaku Menteri Besar Kelantan. Keberadaan tokoh agamawan seperti YB Tuan Guru Haji Daud, YB Tuan Guru Haji Haron dan YB Tuan Guru Haji Che Hassan dalam barisan kepimpinan Kerajaan Negeri Kelantan melaksanakan dasar-dasar islamisasi antaranya transformasi Undang-Undang Kekeluargaan, penubuhan Jabatan Sekolah-Sekolah Agama (JASA), penubuhan Pusat Pengajian Tinggi Islam Kelantan (YPTIK) di Istana Lama Nilam Puri serta penubuhan Maahad Dakwah Wal Imamah di lokasi yang sama. (*Pas Online*, 2020).

Mehnah dan tribulasi sebagai ahli politik Islam tidak dapat dinafikan oleh sesiapa. Malahan, turut berlaku kepada Tok Guru Haji Daud. Dalam era tahun 1950-an dan 1960-an, cukup terkenal dalam masyarakat di

Kelantan iaitu Pemuda Tahan Lasak. Pemuda Tahan Lasak diasaskan oleh Encik Sardon Jubir selaku Ketua Pemuda UMNO Malaysia dan berperanan untuk menarik lebih ramai belia untuk menyokong UMNO. (*UMNO Online*, 2020). Walau bagaimanapun, peranan mereka dimanipulasi oleh sebahagian anggota dan bertindak ganas ketika berhadapan dengan seteru politik terutamanya ahli parti PAS. Diceritakan oleh Abdul Aziz, sewaktu Tok Guru Haji Daud dalam perjalanan untuk menyampaikan ceramah dalam kawasannya di Tumpat Barat.

Ada dalam kalangan pemuda tahan lasak telah membuat halangan jalan bagi menghalang penyokong serta masyarakat hadir ke ceramah beliau. Namun, halangan dibuat berjaya dialihkan oleh penyokong PAS. Malahan, pelaku yang membuat halangan tersebut ditimpa penyakit misteri. Hal itu menyebabkan si pelaku datang berjumpa dengan Tok Guru Haji Daud untuk memohon maaf serta memohon agar didoakan kepada beliau diberikan kesembuhan.

Satu peristiwa telah berlaku ketika pilihanraya kecil di Parlimen Bachok tahun 1964, pilihanraya ini dilaksanakan apabila penyandanginya Profesor Zulkifli bin Muhammad meninggal dunia dalam kejadian kemalangan jalanraya. Pilihanraya kecil ini menyaksikan persaingan sengit di antara calon PAS dan UMNO. Tok Guru Haji Daud diputuskan dalam mesyuarat perhubungan PAS Kelantan untuk menjaga pos PAS dalam kawasan majoriti penyokong UMNO. Diceritakan oleh Dato' Haji Omar Mohamad, ketika beliau dan beberapa orang pemuda bersama Tok Guru Haji Daud di dalam pos PAS, tiba-tiba didatangi sebuah jentolak cuba merobohkan pos. Sebaik sahaja jentolak ingin merempuh bahagian sisi pos, enjin jentolak mati dan pemandu jentolak lari bertempiaran. Sejak daripada itu, pemuda UMNO tidak berani untuk mengganggu terutama bila mendengar nama Tok Guru Haji Daud. Berkat kesabaran dan keikhlasan dalam memperjuangkan agama Allah Taala.

Karier Tok Guru Haji Daud sebagai ahli politik berakhir pada tahun 1969 apabila beliau sendiri memohon pihak pimpinan parti untuk meletakkan calon tempatan dan menggantikan tempatnya di DUN Tumpat Barat. Fokus Tok Guru Haji Daud adalah menyebarkan ilmu-ilmu agama di dalam kuliah yang beliau sampaikan secara mingguan seluruh Kelantan. Walau bagaimanapun, tanggungjawab beliau di dalam parti PAS tetap digalas dengan baik. Sewaktu krisis Dato' Mohamed Asri Muda selaku Presiden PAS pada tahun 1982 yang telah menyebabkan

seluruh Jawatankuasa PAS Kawasan Pasir Mas lumpuh. Saat itu, Tok Guru Haji Daud adalah sosok penting menghidupkan kembali Pas Kawasan Pasir Mas.

Ketika beliau menjawat jawatan sebagai Yang Dipertua Pas Kawasan Pasir Mas, pelbagai usaha dilaksanakan bagi mengembalikan kepercayaan kepada rakyat serta menyusun kembali barisan kepimpinan PAS Kawasan. Hasilnya, sebuah Pusat Tarbiah PAS Pohon Buluh berjaya dibina bagi menyemarakkan budaya ilmu dalam masyarakat. Jawatan Yang Dipertua PAS Kawasan Pasir Mas disandang oleh beliau sehingga beliau meninggal dunia pada tahun 1987. (Suhaimi, 2020).

4. Kepimpinan Masyarakat

Suri teladan yang baik telah ditunjukkan oleh Tok Guru Haji Daud melalui kepimpinan dalam masyarakat. Tok Guru selalu menjadi tempat rujukan sekiranya terdapat permasalahan yang timbul dalam kalangan masyarakat setempat. Kemampuan beliau dalam berkuliah mampu menarik ramai orang datang pada setiap kali beliau berkuliah di masjid. Dalam pada itu, setiap keputusan yang dibuat mengambil kita segenap sudut. Diceritakan oleh Hassan sewaktu dalam mesyuarat pemilihan tapak Masjid Meranti yang baru, setiap ahli mesyuarat yang hadir menawarkan tanah masing-masing untuk dijadikan tapak wakaf masjid yang baru. Ketika itu, bangkit salah seorang ahli yang bernama Tok Jal menawarkan tanahnya sambil merayu agar diterima permintaan beliau. Hal ini kerana beliau tidak mempunyai zuriat dan sekiranya beliau mati, tiada lagi amal kebajikan yang kekal kepada beliau.

Rentetan daripada itu, Tok Guru Haji Daud selaku pengerusi mesyuarat menerima cadangan dan disokong oleh ahli mesyuarat agar tanah Tok Jal dijadikan tapak pembinaan Masjid Meranti yang baru walaupun lokasi tanah tersebut jauh daripada jalan utama. Ini membuktikan kecaknaan Tok Guru Haji Daud selaku orang yang bertanggungjawab mengambil kira pelbagai aspek sebelum keputusan dibuat secara sebulat suara. Bakat kepimpinan yang ada pada Tok Guru Haji Daud disambung legasinya oleh anakanda beliau iaitu YB Dato' Panglima Perang Dato' Haji Mohd Nassuruddin selaku Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Meranti sehingga kini serta Ustaz Haji Mohd Mansor selaku Ahli Jawatankuasa Ulama Negeri Kelantan.

Kesimpulan

Kesimpulannya Tok Guru Haji Daud adalah seorang tokoh ulama dihormati oleh setiap lapisan masyarakat. Jasanya cukup besar dalam memartabatkan ilmu agama melalui kuliah agama yang disampaikan di seluruh Kelantan. Kecaknaan Tok Guru Haji Daud pada sudut pendidikan juga diterjemahkan oleh beliau selaku pengasas kepada Sekolah Ugama Arab Tarbiah Diniyah Meranti. Keilmuan yang ada pada Tok Guru Haji Daud diakui sehingga diberikan kepercayaan bertanding dalam pilihanraya selama dua penggal. Tempoh dua penggal bersamaan 10 tahun adalah merupakan tempoh yang lama berkhidmat untuk rakyatnya di DUN Tumpat Barat. Khidmat beliau kepada masyarakat bukan sahaja semasa menjawat jawatan sebagai wakil rakyat. Malah, beliau selalu menjadi tempat rujukan setiap permasalahan yang timbul dalam masyarakat setempat.

Rujukan

- Abdul Hadi Imar. 2020. Latar belakang Tok Guru Haji Daud. Temu bual pada 20 November.
- Abdul Rahim bin Abdul Rahman. 2020. Latar belakang Tok Guru Haji Daud. Temu bual pada 22 Disember.
- Ahmad Mujahideen et al. 2020. Allahyarham Hassan Bin Mat Saman: Tokoh Ulama Kelantan. *International Research Journal of Shariah, Muamalat and Islam*. 2 (4): 103-113.
- Arba'iyah Mohd Nor. 2008. Perkembangan Pendidikan Islam di Kelantan. *Persatuan Sejarah Malaysia*. 68-83.
- Arsyad Bin Ahmad. 2020. Latar belakang Tok Guru Haji Daud. Temu bual pada 26 November.
- Fadhli Ghani. 2018. Sejarah Parti Islam Se-Malaysia. Laman sesawang Parti Islam Se-Malaysia (PAS). <https://pas.org.my/sejarah-parti-islam-se-malaysia-pas/> [dicapai pada 10 Oktober 2020].
- Luqman Abdullah. 2011. Latest Development of Traditional Islamic Education in Kelantan. *Proceedings of INTED2011 Conference*. 7-9 March 2011. Valencia Spain. 2193-2198.
- Mohammad Redzuan Othman. 2001. Masjid Al-Haram dan peranannya dalam perkembangan awal pendidikan dan intelektualisme masyarakat Melayu. *Jurnal Usuluddin*. 13 (5): 65-80.
- Mohd Masnor bin Daud. 2020. Latar belakang Tok Guru Haji Daud. Temu bual pada 21 November.
- Mohd Nassuruddin bin Daud. 2020. Latar belakang Tok Guru Haji Daud. Temu bual pada 26 Disember.
- Paridah Ali. 1973. Sejarah PAS di Kelantan 1953-1959. *Jebat: Malaysian Journal of History, Politics and Strategic Studies*. 03-04:71-88.
- Salahuddin Bin Abdullah & Hydzlan Bin Hashim. 2010. *Sejarah PAS Kelantan 1959-1978: Langkah-langkah Menuju Mardhatillah*. Kota Bharu: Pustaka Iman.
- Umno Online. 2020. Sejarah Pemuda UMNO. <https://www.pemuda.com.my/sejarah-umno/> [dicapai pada 11 Oktober 2020]
- Suhaimi Daud. 2020. Latar belakang Tok Guru Haji Daud. Temu bual pada 28 Disember.
- Zulkepli Awang. 2020. Latar belakang Tok Guru Haji Daud. Temu bual pada 25 November.

POLITIK ISLAM MENURUT HAMKA BERDASARKAN TAFSIR AL-AZHAR

Mohd. Fadli Ghani
Islamic Institute of Independent Research on Democracy (IIIRD)
fadliayman@gmail.com

Abstrak

Politik merupakan salah satu daripada cabang kehidupan yang dicakupi oleh Islam sebagai sebuah agama yang sempurna. Perbincangan tentang konsep-konsep politik Islam turut diperkatakan oleh ahli-ahli tafsir, selain daripada para ahli fiqh siyasah. Antara ahli tafsir yang membahaskan konsep politik ketika menafsirkan ayat-ayat al-Quran ialah Prof. Dr Hamka di dalam tafsirnya, *Tafsir al-Azhar*. Lebih menarik lagi, kerana Hamka adalah seorang mufassir yang berkecimpung di dalam politik nasional Indonesia semenjak zaman penjajah sehingga terhasilnya *Tafsir al-Azhar* kerana menjadi tahanan politik Sukarno pada dekad 1960-an. Dan perbincangan Hamka tentang konsep-konsep politik ini adalah berdasarkan kefahaman beliau dengan suasana politik semasa pada zaman demokrasi dalam konteks umat Islam di Nusantara. Ketika menafsirkan ayat-ayat tertentu yang boleh dikategorikan sebagai ayat-ayat tentang hukum politik, Hamka akan menghuraikan pandangan beliau tentang konsep-konsep politik Islam berkaitan hal-hal tersebut. Dalam tulisan ini, kajian cuba melihat beberapa konsep penting politik Islam seperti kepemimpinan Islam, syura, negara dan ketua negara, hubungan agama dan negara, perhubungan antarabangsa Islam dan politik bermoral agama yang dijelaskan dan dihuraikan oleh Hamka di dalam tafsir tersebut.

Kata kunci: Tafsir al-Azhar, Hamka, politik Islam, negara Islam, kepemimpinan, syura, hubungan antarabangsa, politik bermoral agama

Pendahuluan

Politik merupakan satu keperluan hidup bagi manusia sebagai makhluk sosial. Disebabkan oleh pergaulan manusia yang sentiasa berhubung dan bermuamalat di antara satu sama lain, manusia memerlukan pemimpin dan peraturan. Dari situlah lahirnya kehidupan politik yang ringkas (*simple*), kemudian menjadi masyarakat lebih kompleks apabila terbentuknya negara-negara kota dan juga negara-negara moden hari ini. Islam pula, sebagai sebuah agama yang sempurna, tidak mengabaikan aspek politik di dalam hukum syariatnya. Menurut Abdul Kadir al-Mandili (1959), Islam bukan hanya mengajarkan tentang agama (ibadat) semata-mata, sebaliknya mengajarkan tentang masyarakat, pergaulan dan kedaulatan. Dan model negara yang dipandu oleh agama ini dibentuk sendiri oleh Nabi Muhammad SAW di Madinah sejak tahun 622 Masihi. Maka, Madinah menjadi model Sunnah Nabi SAW dalam memahami pemikiran politik Islam.

Sebagaimana yang telah disebutkan oleh para ulama, bahawa politik bukan sahaja merupakan satu cabang daripada ilmu Islam, bahkan ilmu politik adalah cabang ilmu yang pertama berkembang selepas kewafatan Nabi SAW di mana peristiwa perdebatan di Tsaqifah Bani Saidah itu adalah diskusi ilmu yang pertama pasca kewafatan Nabi SAW. Dari situlah berkembangnya ilmu politik Islam yang membawa kepada perantukan khalifah, kemudian pada abad kedua Hijriyah para ulama mula menulis pelbagai aspek berkaitan politik Islam melibatkan adab ketatanegaraan, fiqh siyasah, siyasah syar'iyah hingga kepada falsafah politik Islam. Kemunculan tokoh-tokoh pemikir Islam seperti Ibnu Muqaffa', Ibnu Qutaybah, al-Mawardi, al-Farabi, al-Juwaini, Ibnu Taimiyah, Ibnu Qayyim dan Ibnu Khaldun, sekadar menyebut beberapa nama, adalah mewakili kelompok ulama dan pemikir Islam yang mengembangkan ilmu politik Islam.

Sebenarnya seluruh perbincangan tentang ilmu politik Islam adalah bersumberkan al-Quran dan Sunnah. Para ulama menggali ilmu politik Islam daripada al-Quran, sehingga hal ini terbayang dengan jelas di dalam kitab-kitab tafsir, walaupun mufassirin tersebut bukanlah tokoh politik. Ini kerana terdapat ayat-ayat al-Quran yang secara khusus menyebutkan prinsip-prinsip dan juga hukum berkait dengan politik, yang menjadi landasan di dalam pembentukan pemikiran politik Islam. Imam Fakhruddin (2017) menyebutkan bahawa penafsiran para Sahabat RA terhadap ayat-ayat al-Quran pada awal zaman kekhalifahan berlaku untuk memberikan legitimasi terhadap tindakan politik para khalifah seperti tindakan Abu Bakar as-Siddiq menggempur golongan yang tidak membayar zakat dan Umar bin al-Khattab menanggukhkan pelaksanaan hudud pada zaman meleset, yang dilihat begitu progresif di dalam menafsir secara politik pengertian al-Quran.

Pada zaman kontemporari ini, kita dapat melihat bagaimana Syed Qutb telah menjelaskan konsep jahiliyyah ketika menafsirkan ayat 50 Surah Al-Maidah dan menjelaskan peranan aqidah terhadap kehidupan bermasyarakat dan bernegara ketika membahaskan kisah kejayaan Nabi Musa menghancurkan Firaun. Selain memberikan pengertian dalam menafsirkan ayat-ayat al-Quran, Abdul Wahid (2016) mengatakan terdapat juga ulama yang membuat penafsiran politik Islam berdasarkan ayat-ayat politik, dan beliau memberi contoh bagaimana Hamka sendiri memberikan tafsiran terhadap ayat 56 Surah Al-Nisa' yang berkaitan dengan penyerahan amanah kepemimpinan dan perintah Allah supaya

berlaku adil di dalam pemerintahan. Maka, penafsiran ayat-ayat politik ini akan memberikan konotasi khusus tentang politik Islam dari sudut pandangan seseorang mufassir, termasuk Hamka.

Dalam konteks Alam Melayu, Hamka adalah antara ulama tafsir yang terkemuka dengan *Tafsir al-Azharnya*. Sebagai seorang aktivis politik dan gerakan Islam sejak muda, Hamka mempunyai pandangan tersendiri dalam memahami ayat-ayat politik yang terdapat di dalam al-Quran. Perbincangan dan penafsiran ayat-ayat politik yang dibuat oleh Hamka di dalam tafsirnya telah memberikan pengertian-pengertian tertentu terhadap makna politik Islam, kerana tafsir beliau adalah kontemporari dan berwajah Nusantara, yang secara kebetulan Hamka sendiri adalah seorang tokoh politik Islam yang aktif. Maka, dalam konteks ini, untuk melihat beberapa aspek tentang politik Islam dari sudut pandang Hamka di dalam *Tafsir al-Azhar* mempunyai signifikansi yang tersendiri. Hamka menyentuh aspek-aspek penting politik di dalam tafsirnya seperti konsep kepemimpinan, syura, negara Islam, hubungan antarabangsa dan sebagainya.

Penulisan ini mempunyai objektif untuk melihat secara khusus tentang konsep-konsep politik Islam yang dikemukakan oleh Hamka di dalam *Tafsir al-Azhar*, selain untuk melihat pemikiran Hamka sebagai seorang mufassir dalam menanggapi persoalan politik Islam. Kedua-dua objektif ini dapat dicapai apabila kita menganalisis ayat-ayat politik di dalam al-Quran dan melihat bagaimana Hamka memberikan komentar dan pandangannya terhadap konsep politik Islam yang wujud di dalam ayat-ayat politik tersebut. Dengan menggunakan metodologi kepustakaan dan menjadi *Tafsir al-Azhar* itu sendiri sebagai sumber primernya, di samping sumber-sumber sekunder yang lain. Data-data yang dikutip telah dianalisis menggunakan pendekatan hermeneutik bagi membolehkan kajian ini memahami teks dan konteks dalam menanggapi pemikiran Hamka terhadap ayat-ayat politik tersebut.

Hamka dan Pengaruh Politik terhadap Pemikirannya

Profesor Dr Haji Abdul Malik bin Abdul Karim Amrullah atau lebih terkenal dengan gelaran Hamka adalah seorang ulama terkemuka di Nusantara pada abad ke-20. Menurut Hamka (2007: 45-77), ayahnya, Haji Rasul atau Haji Abdul Karim bin Amrullah adalah berasal dari keturunan Sheikh Haji Abdullah Arif yang lebih terkenal sebagai Tuanku Pariaman atau Tuanku Nan Tuo di Kota Tua Ampat Kota. Bapa kepada Sheikh Haji

Amrullah pula ialah Sheikh Haji Abdullah Salleh yang terkenal dengan gelaran Tuanku Gagak Katur yang berkahwin dengan cucu Tuanku Pariaman, Hajah Saerah. Sheikh Haji Amrullah sendiri dikenali sebagai Tuanku Kisai, sedangkan anaknya, Sheikh Haji Abdul Karim dikenali sebagai Haji Rasul atau Haka (Haji Abdul Karim Amrullah). Ibu Hamka, Siti Safiyah pula adalah anak kepada Gelanggang yang bergelar Bagindo Nan Batuah, seorang tokoh masyarakat yang meminati seni.

Dengan campuran darah ulama dan seniman inilah, Hamka dilahirkan pada 15 Februari 1908/14 Muharram 1326 di Kampung Molek, Sungai Batang, di pinggir Tasik Maninjau, Sumatera Barat. Beliau mendapat pendidikan asas dari keluarganya serta belajar mengaji, bersilat dan tidur di surau seperti adat Minangkabau sewaktu kecil. Pada usia lapan tahun, beliau memasuki Sekolah Desa di Guguk Melintang, Padang Panjang di sebelah pagi dan Sekolah Diiniyah di Pasar Usang di sebelah petang sehingga Kelas Dua, kemudian pada 1918, beliau belajar di Sumatera Thawalib di sebelah petang dan Sekolah Diiniyah sebelah pagi. Pada 1920, beliau dihantar ke Parabek untuk belajar dengan Sheikh Ibrahim Musa Parabek dan belajar di Kelas VI Kuliah Diiniyah. Setahun kemudian, beliau kembali ke Sumatera Thawalib, tetapi sebelum memasuki Kelas VII, beliau pergi ke Jawa untuk belajar di sana.

Hamka menamatkan pengajian formalnya di Kelas VI Sumatera Thawalib pada 1921, selepas itu beliau tidak lagi memasuki mana-mana institusi pendidikan formal. Sebelum ke Jawa, beliau lebih berminat belajar silat, adat Minangkabau dan mendengar 'kaba,' sejenis lipur lara Minang, selain tekun membaca buku. Di Jawa, beliau mengikuti kursus-kursus politik Islam anjuran Sarekat Islam, kemudian berguru dengan iparnya, Ahmad Rasyid Sutan Mansur dalam ilmu al-Quran dan juga belajar *Tafsir Baidhawi* dengan Kiyai Bagus Hadikusomo. Sepanjang dua tahun di Jawa, Hamka telah menyertai Sarekat Islam dan juga pergerakan Muhammadiyah, di mana iparnya adalah pemimpin Muhammadiyah Pekalongan (Kiyai Haji Ahmad Rashid Sutan Mansor kemudiannya pernah menjadi Ketua Umum Muhammadiyah antara 1953 hingga 1956). Pada 1926, beliau mula bergiat sebagai aktivis Muhammadiyah di Malinjaw, tetapi beliau gagal untuk menjadi guru sekolah kerana tidak lulus Kelas VII untuk mendapat diploma.

Pada Februari 1927, Hamka telah pergi ke Makkah untuk menunaikan haji. Di sana beliau telah memperdalamkan kebolehan bahasa

Arabnya selain membaca karya-karya sastra Arab yang tinggi. Pembelajaran *otodidak* yang dilalui oleh Hamka sejak 1924 di Jawa diteruskan di Makkah, kemudian setelah pulang dari Makkah, beliau terus mempelajari ilmu agama, falsafah barat, sejarah dan lain-lain dengan membaca buku-buku atau belajar secara langsung dengan mana-mana ulama menerusi diskusi dan menadah. Beliau berguru dengan ayahnya dalam ilmu mantiq dan usul fiqh pada 1935, selain menadahi kitab Imam Ghazali, *al-Mustashfa* untuk menguasai ilmu ijmak dan qias di dalam berijtihad. Dalam ilmu tafsir, Hamka menyebutkan bahawa beliau belajar *Tafsir al-Manar* di Sumatera Thawalib, *Tafsir al-Baidhawi* dengan Kiyai Bagus Hadikusomo dan belajar ilmu-ilmu al-Quran dengan AR Sutan Mansor, selain berdiskusi dengan A. Hassan Bandung, penulis *Tafsir al-Furqan*.

Penglibatan Hamka dalam dunia politik telah bermula sejak beliau menyertai Sarekat Islam dan Muhammadiyah pada 1924, tetapi secara umumnya beliau lebih aktif di dalam Muhammadiyah. Selain menjadi aktivis tabligh Muhammadiyah di Sumatera Barat pada 1926 dan pengarang lidah Muhammadiyah, *Kemahuan Zaman* di Padang (1927), beliau juga dilantik sebagai muballigh dan Pengurus Besar Muhammadiyah di Makasar (1931-1934). Selepas setahun mengasaskan Kuliah Muballighin di Padang Panjang dan menjadi guru di situ, Hamka ke Medan pada 1935 hingga 1945. Di sana, Hamka dilantik sebagai Konsul Muhammadiyah Sumatera Utara. Pada zaman Jepun, Hamka dilantik pula untuk memegang beberapa jawatan politik dalam pentadbiran Jepun seperti anggota *Syu Sang Kai* (Perwakilan Daerah) dan *Tyou Sangi In* (Dewan Perwakilan Rakyat), di samping menjadi Penasihat *Syumuhan* (Pejabat Agama).

Kemunculan Hamka dalam politik sebenarnya lebih dikenali melalui peranan beliau sebagai pengarang akhbar dan penulis. Selain menulis novel-novel roman dan buku-buku agama, Hamka telah menjadi wartawan dan memimpin beberapa akhbar dan majalah seperti *Pelita Andalas*, *Kemahuan Zaman*, *al-Mahdi*, *Tantera*, *Pedoman Masyarakat* dan *Semangat Islam*, di samping turut menulis untuk beberapa akhbar lain termasuk *Suara Muhammadiyah*. Nama Hamka boleh dikatakan terkenal kerana kemasyhuran majalah *Pedoman Masyarakat* yang dipimpinnya sejak 1936 hingga 1942 itu. Selepas Perang Dunia Kedua berakhir, Hamka kembali ke Sumatera Barat dan dilantik sebagai Ketua Front Pertahanan Nasional (FPN) Sumatera Barat dan Ketua Sekretariat

Bersama Badan Pengawal Negeri dan Kota (BPNK) pada 1948. Perjuangan kemerdekaan ini telah membawa Hamka menjadi tokoh politik nasional Indonesia.

Pada 1950, Hamka telah berhijrah ke Jakarta untuk menjadi pegawai kerajaan di Kementerian Agama, di samping menjadi penyarah di beberapa universiti. Hamka kemudiannya memimpin sebuah jawatankuasa untuk membina Masjid Agung Kebayoran Baru yang kemudiannya dikenali sebagai Masjid Agung al-Azhar, iaitu tempat beliau mengasaskan pengajian tafsir al-Quran yang dikenali *Tafsir al-Azhar*. Hamka juga, sejak 1953 telah dipilih menduduki kepemimpinan Pusat Muhammadiyah (1953-1971) dan dipilih mewakili Parti Masyumi di dalam Pemilihan Umum (Pemilu) Indonesia 1955 bagi kawasan Jawa Tengah dan menduduki Dewan Konstituante (1955-1959), di mana Hamka telah memperjuangkan supaya Islam menjadi dasar negara di dalam pembentukan Perlembagaan (Undang-undang Dasar) Indonesia. Ketegasan Hamka telah menyebabkan beliau diserang secara politik oleh pendukung Komunis.

Tekanan yang lebih besar diterima oleh Hamka apabila kerajaan mengarahkannya untuk memilih sama ada aktif dalam politik atau menjadi pegawai kerajaan, lalu beliau bersara dari jawatannya di Kementerian Agama pada 1959. Beliau akhirnya memberikan tumpuan untuk menggerakkan program di Masjid Agung al-Azhar, memimpin Muhammadiyah dan menguruskan *Panji Masyarakat*, sebuah majalah yang terkenal ketika itu. Dalam tahun 1958, Hamka telah dianugerahkan gelar *Doktor Honoris Causa* oleh Universiti al-Azhar, Mesir yang menyebabkan namanya dan *Panji Masyarakat* semakin terkenal. Akibatnya, Presiden Sukarno bukan sahaja membubarkan Dewan Konstituante, tetapi menutup penerbitan *Panji Masyarakat* dan mengharamkan juga Partai Masyumi pada 1960, ekoran kritikan keras mereka terhadap dasar demokrasi terpimpin Sukarno.

Hamka yang dilantik sebagai profesor di Universitas Prof Dr Mustopo Beragama, Jakarta pada 1960 terus mengajar di beberapa universiti, di samping mengajar di Masjid Agung al-Azhar antara 1960 hingga 1964. Beliau menubuhkan majalah *Gema Islam* pada 1962 untuk berdakwah dan menyiarkan tafsirnya secara bersiri. Pada awal 1964, dengan tuduhan merancang pembunuhan seorang menteri, Hamka telah ditahan tanpa bicara sebagai tahanan politik dan ditahan selama 28 bulan

sehingga Mei 1966. Ketika berada di dalam tahanan setelah menghadapi tekanan politik yang panjang, Hamka telah berjaya menulis keseluruhan tafsirnya, yang kemudian dinamakan sebagai *Tafsir al-Azhar*. Setelah dibebaskan, Orde Baru di bawah Presiden Suharto yang mengizinkan semula penerbitan *Panji Masyarakat* yang dipimpin oleh Hamka, selain terus menjadi pemimpin Muhammadiyah dan Masjid Agung al-Azhar.

Keadaan kesihatan Hamka mulai merosot pada awal 1970, dan beliau mulai melepaskan jawatan-jawatan yang ditanggungnya, tetapi pada 1975, Kerajaan Indonesia telah melantik beliau sebagai Ketua Umum Majelis Ulama Indonesia (MUI) dan Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) pula menganugerahkan ijazah kehormat Doktor Persuratan kepada beliau pada 1974. Tetapi tumpuan beliau sejak dibebaskan dari tahanan ialah untuk menyemak semula *Tafsir al-Azhar* yang disiapkan pada 1967 dan berhasil menyiapkan semakan ini pada 1979. Pada 1981, kerana bercanggah pendapat dengan pemerintah dalam isu sambutan Hari Natal, beliau telah bertindak meletakkan jawatan sebagai Ketua Umum MUI. Dalam bulan Ramadhan pada tahun tersebut, Hamka telah jatuh sakit dan akhirnya meninggal dunia pada 24 Julai 1981 di Jakarta setelah lebih 55 tahun berkhidmat untuk agama, negara dan bangsanya.

Tafsir al-Azhar: Magnum Opus Hamka

Latar belakang pendidikan Hamka secara umumnya adalah berbentuk *otodidak* atau belajar sendiri secara tidak formal. Beliau mempelajari Bahasa Arab di Sumatera Thawalib, kemudian mengukuhkannya ketika berada di Mekah, sedangkan ilmu tafsir dipelajari seketika di Sumatera Thawalib menggunakan *Tafsir al-Manar*. Pembelajaran secara serius ilmu tafsir ini beliau tekuni ketika berada di Pekalongan, Jawa di mana beliau mempelajari *Tafsir Badhawi* di bawah bimbingan Kiyai Bagus Hadikusomo, seorang ulama Muhammadiyah. Di samping, guru utama ilmu al-Quran beliau ialah iparnya sendiri Ahmad Rasyid Sutan Mansor. Hamka sendiri memperakui bahawa tokoh utama yang mempengaruhinya dalam mempelajari dan menghayati al-Quran adalah iparnya itu dengan menggunakan kitab *Fathur Rahman*. Dengan ilmu tafsir yang dipelajarinya dan juga ilmu-ilmu lain, termasuk yang dipelajari secara *otodidak*, Hamka telah menghasilkan *Tafsir al-Azhar*.

Tafsir ini dinamakan *Tafsir al-Azhar* adalah bersempena nama Masjid Agung al-Azhar, tempat beliau memulakan pengajaran tafsir ini

pada akhir 1958. (Muhammad Yusry, 2019). Masjid ini ketika mula dibina pada 1953 dinamakan sebagai Masjid Agung Kebayoran Baru, tetapi ketika lawatan Sheikhul Azhar, Sheikh Dr Mahmud Shaltut ke masjid tersebut pada 1960, beliau telah memberikan nama baru kepada masjid ini sebagai Masjid Agung al-Azhar. (Hamka, 1982). Nama ini diberikan sempena nama Universiti al-Azhar dengan harapan ia dapat berperanan seperti universiti itu. Apabila masjid ini dinamakan Masjid al-Azhar, ruang tafsir di dalam *Gema Islam* telah dinamakan oleh Hamka sebagai *Tafsir al-Azhar*. Tafsir beliau yang diterbitkan kemudiannya oleh Penerbit Pembimbing Masa pada 1968 telah dinamakan dengan *Tafsir al-Azhar*. Edisi lengkap *Tafsir al-Azhar* pertama kali diterbitkan pada 1982 di Singapura.

Sebenarnya *Tafsir al-Azhar* ini dimulakan melalui Kuliah Subuh setiap pagi di Masjid Agung al-Azhar sejak akhir 1958 dan terhenti kerana penahanannya pada 27 Januari 1964. Rakaman kuliah tafsir beliau di Masjid Agung al-Azhar ini telah ditranskripsi pada Februari 1962 oleh Haji Yusof Ahmad dan mula disiarkan secara bersiri di dalam majalah *Gema Islam*. Dalam tahun 1963, Hamka telah mula menulis tafsir ini secara serius, tetapi dari tempoh itu hingga awal 1964, Hamka hanya berjaya menafsirkan sekitar dua juzuk sahaja. Selepas ditahan dan melalui proses penyiasatan, Hamka mula menulis secara serius tafsir tersebut di dalam tahanan tersebut dan berhasil menyiapkan keseluruhan tafsir ini selepas beliau dibebaskan sepenuhnya dalam bulan Mei 1966. Selepas dibebaskan, Hamka mengambil masa selama 13 tahun lagi untuk menyemak semula tafsir tersebut dan berjaya menyiapkan semakan pada juzuk terakhir, iaitu juzuk ke-29 dalam tahun 1979.

Menurut Muhammad Yusry (2019), penulisan Tafsir al-Azhar berlaku sebanyak tiga peringkat masa, iaitu:

- i. Peringkat pertama pada 1963. Tafsir ini mula dimuatkan di dalam majalah *Gema Islam* mulai 1 Februari 1962 di atas usaha Haji Yusof Ahmad berdasarkan kuliah tafsir di Masjid Agung Kebayoran Baru. Mulai 1963, Hamka telah menulis secara sepenuhnya tafsir ini.
- ii. Peringkat kedua di antara 1964 hingga 1966. Hamka telah mengarang secara intensif selama 28 bulan ketika berada di dalam tahanan, di mana tafsir tersebut belum siap sepenuhnya.

- iii. Peringkat ketiga pada 1967. Hamka telah selesai mengarang keseluruhan tafsir ini dan cetakan pertama telah bermula pada tahun ini juga.

Hamka mengarang tafsir ini dua bahagian. Bahagian pertama bermula dengan Juzuk 18, iaitu Surah Al-Mu'minin sehingga tamat Juzuk Amma (Juzuk 30). Setelah itu, barulah beliau memulakan tafsir bahagian kedua bermula di Juzuk 1, Surah Al-Baqarah dan berakhir di Juzuk 17, Surah Al-Anbiya'. Setelah selesai menulis kesemuanya, baharulah berlaku usaha mencetak dan menerbitkannya pada 1967, di mana Juzuk 1-4 telah diterbitkan oleh Penerbit Pembimbing Masa dalam tahun 1968. Juzuk 15 hingga 30 pula diterbitkan dalam tahun 1973 oleh Pustaka Islam, Surabaya dan diikuti oleh Juzuk 5-14 yang diterbitkan oleh Yayasan Nurul Islam, Jakarta dalam tahun 1975. Penerbitan lengkap Tafsir al-Azhar yang dilakukan oleh Pustaka Nasional Singapura dengan diterbitkan di dalam 10 jilid pada 1982, sebelum ia diterbitkan pula oleh Penerbit Pustaka Panjimas, Jakarta dalam sembilan jilid secara berperingkat di antara 1982 hingga 1988.

Secara umumnya, para sarjana yang mengkaji tafsir ini mengatakan bahawa *Tafsir al-Azhar* menggunakan metode *tahlili*, iaitu satu bentuk tafsiran mengikut urutan ayat-ayat dalam al-Quran dan menjelaskannya secara analitik (Mulkan, 2009). Metode ini juga disebutkan oleh Shihab (1992) sebagai metode *tajzi'i*, iaitu pendekatan penafsir yang berupaya untuk menjelaskan kandungan ayat-ayat al-Quran dari pelbagai sisi dengan memerhatikan urutan ayat-ayat al-Quran seperti mana yang terkandung di dalam mushaf. Mashitah Ibrahim (2000) pula menyatakan Hamka menggunakan dua cara dalam menghuraikan tafsirnya, iaitu metode tafsir *athari* dan metode tafsir *ilmi*. Bagi pendekatan *athari*, ayat al-Quran ditafsirkan dengan al-Quran dan hadis untuk menguatkan maknanya, sedangkan di dalam metode tafsir *ilmi*, Hamka telah merujuk kepada pandangan ilmiah dari para cendekiawan Islam dan bukan Islam untuk menafsirkan makna ayat al-Quran.

Kedudukan Tafsir al-Azhar ini diakui oleh para sarjana sebagai salah sebuah tafsir yang terbaik di Alam Melayu. Perakuan tentang kualitinya disebut oleh Mashitah Ibrahim (2000) yang mengatakan bahawa tafsir ini memperlihatkan keluasan pengetahuan Hamka dalam hampir semua disiplin ilmu yang tercakup oleh bidang ilmu Islam dan ditambah dengan pengetahuan non-keagamaan yang begitu kaya dengan informasi. Menurut

Muhammad Yusry (2019), Hamka telah menggunakan metodologi penafsiran yang menarik, termasuk menggunakan contoh dan isu tempatan dalam penafsiran sehingga masyarakat Islam Nusantara mudah memahami kehendak al-Quran. Bahkan, menurut Wan Sabri Wan Yusof (2008), Tafsir al-Azhar ini adalah sebuah tafsir yang dapat menggambarkan perubahan sosial yang sedang berlaku di Indonesia pada abad ke-20, kerana ia adalah natijah daripada realiti yang berlaku di Indonesia ketika itu di dalam konteks sosio-budayanya.

Politik Islam dalam Tafsir al-Azhar

Tafsir al-Azhar sebagai sebuah ensiklopedia yang mengandungi pelbagai cabang ilmu, terutama ilmu-ilmu Islam, telah turut memperkatakan persoalan berkaitan dengan politik Islam. Ketika tafsir ini ditulis pada dekad 1960-an, masyarakat Islam di Alam Melayu baru mencapai kemerdekaan selepas hampir 400 tahun dijajah. Keadaan masyarakat Islam sendiri adalah sebuah bangsa yang tidak mempunyai pemimpin setelah kejatuhan Khilafah Othmaniyah pada 1924 dan rata-rata umat Islam sebagai anak jajahan menganut fahaman sekular yang memisahkan agama dengan politik. Latar belakang ini sebenar merupakan satu pertembungan pemikiran di antara para ulama dengan masyarakat awam Islam. Kerana itu, ketika masyarakat Islam mendukung gerakan nasionalis-sekular dalam membina negara baharu umat Islam di Nusantara, para ulama telah menubuhkan parti-parti politik Islam bagi memperjuangkan tertegaknya negara Islam di atas tinggalan penjajah itu.

Hamka telah bangkit sebagai salah seorang ulama yang bergerak menerusi Sarekat Islam, Muhammadiyah dan juga Partai Masyumi di dalam rangka untuk mengembalikan sistem politik Islam. Beliau berhadapan dengan dua aliran besar di Indonesia iaitu nasionalis dan komunis, dan kerana pertembungan inilah membawanya ke kem tahanan pada 1964-1966. Apabila Hamka menulis *Tafsir al-Azhar* dalam dekad pertembungan ini, Hamka telah membawa ke tengah seluruh kerangka pemikiran, prinsip dan hukum politik Islam untuk diperkatakan di dalam tafsirnya ini. Hamka mempunyai sudut pandang yang tersendiri terhadap aspek-aspek politik tersebut, yang berbeza dengan para mufassirin pada zaman klasik. Faktornya adalah kerana suasana umat Islam yang telah berubah dan abad ke-20 merupakan abad pertama umat Islam tidak berkerajaan serta menganut fahaman yang memisahkan politik dari agama. Lewat tafsir ini, Hamka mengemukakan pandangan-pandangan beliau tentang politik Islam.

Bagi membataskan kajian ini dalam melihat politik Islam menurut pandangan Hamka berdasarkan *Tafsir al-Azhar*, kajian hanya memilih beberapa tema sahaja tentang politik Islam untuk ditinjau. Ini bukan bermakna hanya aspek yang diperkatakan ini sahaja yang termasuk dalam pemikiran Hamka, sebaliknya ada banyak lagi aspek politik lain yang tidak dianalisis di dalam ruang yang sempit ini. Tema-tema politik Islam yang dipilih untuk ditinjau dalam kajian ini adalah enam perkara iaitu tentang kepemimpinan Islam, amalan syura, kedudukan negara dan ketua negara, hubungan di antara negara dan agama, perhubungan antarabangsa Islam dan amal politik bermoral dalam Islam. Sekurang-kurangnya dengan melihat enam tema ini, kita dapat mencerap pandangan Hamka dalam *Tafsir al-Azhar* terhadap beberapa aspek yang prinsip-prinsip penting dalam amalan politik Islam.

1. Kepemimpinan Islam

Persoalan tentang kepemimpinan adalah sangat penting di dalam Islam. Menurut Hamka (1999), pemimpin ialah orang yang diikuti oleh orang lain, maka seseorang yang tidak mempunyai pemimpin untuk diikuti akan menjadikannya buta hati di dunia dan mendapat nasib yang gelap di akhirat. Bahkan, bagi yang tidak beriman, dia akan memilih pemimpin yang berterusan sesat sepanjang hidupnya di dunia. Hamka pada asasnya menyentuh enam istilah dari al-Quran berkait dengan kepemimpinan iaitu *khalifah* (al-Baqarah, 2: 30), *imam* (al-Baqarah, 2: 124), *auliya* (Ali Imran, 3: 28), *malik* (Ali Imran, 3: 26), *qawwam* (Al-Nisa': 34) dan *ulil amri* (Al-Nisa': 59) (Imron al-Faruq & Suharjiyanto, 2019). Walau bagaimanapun, dalam penggunaan biasa, kata pemimpin selalunya dirujuk kepada perkataan-perkataan yang dijabarkan dari kata khalifah dan imam. (Zulkifli & Abdul Hafiz, 2013; Ahmad Munif, 2015).

Ketika membahaskan Surah Al-Baqarah (2: 30) tentang rencana Allah untuk mencipta manusia sebagai khalifah di atas muka bumi, Hamka (1982) menjelaskan bahawa Allah menyerahkan hukum dan peraturan-Nya kepada manusia sebagai khalifah untuk mengatur bumi ini, mengeluarkan rahsia yang terpendam di dalamnya, menganugerahkan akal untuk berfikir sehingga manusia dapat menguasai bumi di laut dan daratan. Allah memberitahu hal ini kepada malaikat kerana mereka akan dibebani dengan tugas untuk menyempurnakan peranan manusia sebagai khalifah, termasuk mencatat amalnya, memeliharanya dan membimbingnya. Sebagai khalifah, manusia diberikan amanah untuk dilaksanakan (Al-Shad, 38: 26), sebagaimana Allah memerintahkan Nabi

Daud sebagai khalifah untuk memimpin dan memerintah manusia. Dalam memerintah manusia, khalifah mestilah menghukum dengan adil dan tidak mengikuti hawa nafsu.

Kedudukan sebagai pengganti yang menanggung amanah digambarkan oleh Hamka ketika menafsirkan ayat Al-A'raf (7: 69) iaitu kedudukan umat Nabi Nuh sebagai pengganti kaum yang dimusnahkan dalam peristiwa banjir besar itu. Sebagai pengganti, menurut Hamka (1982), manusia telah diberikan nikmat oleh Allah dengan amanah untuk memakmurkan bumi, kerana itu Kaum Luth ditanyakan tentang nikmat yang mereka perolehi dari amanah itu setelah kaum sebelumnya dimusnah di dalam banjir tersebut. Kemudian nikmat itu akan diuji oleh Allah sama ada manusia bersyukur atau tidak. Bagi mereka yang bersyukur, Allah akan menjadikan mereka penguasa (khalifah) dengan beberapa darjat kemuliaan (Al-An'am, 6: 165). Hamka (1982) menyebutkan bahawa umat Muhammad SAW menjadi penerus tugas umat-umat terdahulu untuk memakmurkan bumi ini.

Adapun imam pula memberi maksud ikutan yang diteladani. (Hamka, 1982). Ketika menafsirkan Surah Al-Furqan (25: 74), Hamka menyebutkan bahawa tidak salah untuk seseorang memohon kepada untuk menjadi pemimpin, iaitu orang yang diteladani ketaqwaannya kepada Allah. Kerana ibu bapa perlu berdoa supaya pasangan dan zuriat mereka dijadikan sebagai pemimpin kepada orang yang bertaqwa. Bagi manusia yang hidup di bumi tanpa pemimpin, mereka akan mengalami kebutaan hati dan sesat yang berterusan, melainkan mereka pengikut nabi-nabi AS sebagai pemimpin yang dipilih oleh Allah. Hamka (1982) mengatakan imam-imam itu diikuti oleh orang yang banyak dalam melakukan kebaikan, sebagaimana disebut oleh Al-Quran (Al-Anbiya', 21: 73), bahawa Allah menjadi imam-imam (yakni nabi-nabi) sebagai ikutan yang diberikan petunjuk dengan perintah Allah dan diwahyukan supaya membuat kebaikan.

Hamka (1982) juga menyebutkan bagaimana Nabi Ibrahim (Al-Baqarah, 2: 124) dijadikan imam bagi seluruh manusia. Jawatan atau tugas sebagai imam atau pemimpin ikutan adalah wajar diberikan kepada Nabi Ibrahim dan pengikut atau zuriatnya yang taat, tetapi kepemimpinan tidak boleh diberikan kepada sembarangan orang. Ia bukan persoalan pangkat sebagai raja atau ketua semata-mata, tetapi tentang ketaatan kepada Allah sehingga layak menjadi ikutan bagi manusia. Begitu juga

sebahagian pengikut Nabi Musa yang diangkat oleh Allah sebagai pemimpin, mereka diberikan petunjuk oleh Allah supaya mematuhi perintah Allah, lalu mereka diuji sehingga mereka dapat bersabar dan meyakini hukum-hukum Allah (Al-Sajadah, 32: 24). Menurut Hamka (1988), seseorang yang hendak menjadi pemimpin mestilah memiliki kesabaran dalam menghadapi dugaan kepemimpinannya.

Berdasarkan konsep khalifah dan imam yang disebutkan oleh Hamka di dalam *Tafsir al-Azhar* berpandukan ayat-ayat di atas, Hamka menjelaskan bahawa tugas khalifah adalah untuk memakmurkan bumi berdasarkan hukum-hukum Allah dan menggunakan kebolehan akal, kemahiran, ilmu dan lain-lain yang dianugerahkan oleh Allah untuk memanfaatkan bumi ini, kemudian manusia mesti bersyukur di atas nikmat yang dikurniakan oleh Allah. Sedangkan sebagai imam, Hamka menyebutkan tentang fungsi utama manusia sebagai pemimpin adalah untuk memberikan teladan-teladan yang baik kepada manusia lain, mentaati seluruh perintah Allah, melakukan kebaikan-kebaikan dalam kehidupan di dunia dan sentiasa bersabar dalam menghadapi ujian Allah. Dengan sifat-sifat mulia yang dimiliki oleh seseorang pemimpin, maka mereka bukan sahaja dapat menjalankan peranannya, tetapi diikuti pula contoh-contohnya.

2. Syura

Syura atau mesyuarat adalah satu proses perundingan dalam menyelesaikan isu-isu bersama. Ramai pengkaji mengaitkan amalan syura dalam Islam sama seperti sistem demokrasi di barat. Hamka telah membahaskan konsep syura ini ketika menafsirkan Surah Ali Imran (3: 159) dan Surah Al-Syura (42: 38). Hamka (1983) menyifatkan amalan syura adalah inti bagi kepemimpinan sebagai mana perintah Allah supaya mengajak manusia bermesyuarat di dalam urusan mereka (Ali Imran, 3: 159). Hamka menyebutkan bahawa dalam sejarah Islam, Nabi SAW sebagai penguasa Madinah mempunyai dua tugas iaitu urusan agama dan urusan dunia. Bagi urusan agama seperti ibadat, syariat dan undang-undang dasar, ia adalah dari Allah dan semua pihak mesti tunduk. Adapun dalam urusan dunia seperti perang, ekonomi, pertanian, penternakan, pergaulan manusia dan lain-lain hendaklah dimesyuaratkan. Menurut Hamka (1983), Nabi SAW telah mengamalkan syura ini sejak sebelum turunnya ayat ini.

Syura atau mesyuarat, menurut Hamka (1983) adalah perkara asas dalam pembangunan masyarakat dan negara Islam. “Inilah dasar politik pemerintahan dan pimpinan negara, masyarakat dalam perang dan damai, ketika aman atau ketika terancam bahaya.” Dengan membawakan contoh-contoh syura yang dilakukan oleh Nabi SAW ketika menghadapi berperangan, Hamka menegaskan bahawa amalan syura tidak pernah ditinggalkan di dalam politik Islam walaupun keadaan sedang terdesak. Hal ini timbul, menurut Hamka (1983) kerana manusia yang hidup berjemaah atau bermasyarakat, mereka perlu berunding dalam urusan-urusan mereka, selaras dengan kehendak Surah Al-Syura (42: 38). Dalam hal ini, kata Hamka, syura telah tumbuh dalam sistem politik Islam seperti mana tumbuhnya amalan demokrasi di kota-kota Yunani satu masa dahulu, di mana semua orang berhak menghadiri pertemuan dan memberikan pendapat.

Dalam konteks kehidupan bermasyarakat atau berjemaah yang memerlukan syura ini, Hamka (1982) menyatakan kedua-dua urusan – agama dan dunia – bagi orang beriman adalah dilakukan secara berjemaah. Kerana itu dalam Surah Al-Syura (42: 38), Allah menyifatkan orang yang beriman itu mendirikan solat dan dan bermesyuarat. Apabila mereka bersolat untuk urusan ibadat, mereka solat berjemaah dan solat Jumaat, apabila mereka menguruskan urusan dunia mereka bermesyuarat. Dengan amalan seperti ini Allah menganugerahkan rezeki kepada mereka, kerana hidup bermasyarakat adalah saling bantu-membantu untuk sama menjinjing yang ringan dan sama memikul yang berat, melalui amalan solat berjemaah dan bermesyuarat. Solat berjemaah adalah dasar hidup bermasyarakat sama ada di desa, di kota bahkan bernegara, sehingga timbul urusan bersama, lalu disebut demokrasi atau gotong-royong. Hamka turut menjelaskan bahawa prinsip syura di dalam Islam tidak mengekang teknik bersyura, bahkan ia boleh diamalkan mengikut kesesuaian, keadaan dan zaman.

3. Negara dan Ketua Negara

Perbincangan Hamka tentang negara secara khusus di dalam tafsir ini tidak berlaku, tetapi ketika beliau membahaskan beberapa ayat al-Quran beliau mengemukakan teori-teori pembentukan negara sebagai mana yang digambarkan oleh Plato, al-Farabi, al-Mawardi, Ibnu Khaldun dan lain-lain yang berasaskan pergaulan masyarakat. Ketika membahaskan Surah Al-Hujurat (49: 13), Hamka (1982) mengatakan Allah telah menjadikan manusia daripada Adam dan Hawa, kemudian berkembang membentuk

keluarga, suku-suku dan bangsa-bangsa. Suku-suku dan bangsa-bangsa yang terbentuk ini menjadi nukleus kepada pembentukan negara, kerana setiap kumpulan manusia memerlukan pemimpin dan peraturan. Di dalam pandangan Islam berdasar Surah Al-Hujurat (49: 13) ini, Hamka berkata, sifat bersuku dan berbangsa ini bukan bertujuan untuk melebihi mana-mana keturunan, sebaliknya untuk mereka berkenalan, bekerjasama dan bersatu padu membina sebuah masyarakat yang bertaqwa.

Islam memandang bahawa sifat bertaqwa itu akan melahirkan umat yang terbaik. Ini tergambar daripada Surahb Ali Imran (3: 110) yang menyebutkan sifat umat terbaik (khair ummah) adalah menyuruh kepada yang makruf, mencegah kemungkaran dan beriman kepada Allah dalam kehidupan bermasyarakat mereka. Menurut Hamka (1983), sifat takut kepada Allah bagi sesuatu kaum yang beriman akan menyebabkan mereka tidak takut kepada selain daripada Allah, lalu mereka menjadi bebas dan merdeka daripada kongkongan makhluk. Bebas di sini menurut Hamka ialah bebas untuk menyatakan fikiran-fikiran yang baik dalam membina kemajuan negara dan berani pula untuk menolak kemungkaran dan menyatakan yang makruf. Masyarakat dan negara akan mencapai taraf tertinggi apabila mereka memiliki kebebasan dan kemerdekaan. Mereka bebas untuk membawa cita-cita memajukan negara masing-masing menjadi lebih baik dari sebelumnya, bukannya statik dan kaku.

Anggota masyarakat yang terbentuk di dalam sesebuah negara sepatutnya mendukung setiap tanggungjawab yang diamanahkan, termasuk penguasa yang memimpin negara. Di antara tanggungjawab tersebut ialah untuk menyatakan kebenaran dan menolak kesesatan. Dalam soal amar makruf dan nahi mungkar ini, menurut Hamka, masyarakat sebenarnya terdedah kepada perilaku manusia yang buas dan pelbagai, maka di sini timbullah keperluan kepada pemimpin dan juga peraturan (syariat). Ketika semua manusia berkepentingan, maka peraturan siapakah yang wajar diikuti. Perisytiharan Allah di dalam Surah Al-Mulk (61: 1) bahawa kerajaan sebenar adalah milik Allah, maka kata Hamka (1983) bahawa kerajaan yang dipegang oleh manusia adalah tidak kekal, seperti mana runtuhnya penjajah Belanda yang berkuasa selama 350 tahun apabila diserang oleh Jepun pada 1942. Manusia memerlukan perakuan untuk berkuasa, sedangkan Allah berkuasa sejak azali dan kekal abadi.

Kerana itu, manusia di dalam membentuk sistem masyarakat atau negara perlu mematahui peraturan syariat Allah dan melantik pemimpin yang beriman kepada Allah. Ketika Allah menyuruh supaya amanah kepemimpinan diserahkan kepada ahlinya (Al-Nisa', 4: 58), Hamka (1983) menyatakan bahawa orang kafir tidak boleh dilantik sebagai pemimpin negara untuk memimpin orang Islam seperti mana yang dilarang oleh Allah dalam Surah Ali Imran (3: 28). Hal ini tergambar ketika Hamka (1983) membahaskan tentang tatacara pemilihan pemimpin yang berlaku di kalangan Bani Israel yang dirakamkan oleh Surah Al-Baqarah (2: 247) tentang perlantik Talut untuk memimpin orang beriman. Perlantikan ini tidak berasas keturunan atau harta benda, tetapi berdasar ilmu dan kekuatan tubuhnya. Percaturan yang tepat dalam memilih pemimpin tertinggi ini disebut oleh Hamka sebagai *siyasah syar'iyah*.

4. Hubungan Agama dan Negara

Salah satu isu besar yang dihadapi oleh umat Islam pada abad ke-20 ialah sekularisasi, iaitu fahaman memisahkan agama daripada politik. Ketika menafsirkan ayat Surah Al-Baqarah (2: 282) tentang peraturan berhutang, Hamka (1983) telah mengaitkan proses menguruskan hutang mengikut peraturan Islam sebagai sebahagian daripada kesyumulan Islam. Menurut Hamka, dalam kehidupan sesebuah masyarakat yang kompleks, akan berlaku pergaulan dan mualamat, sehingga berlakulah transaksi seperti pinjam-meminjam, sewa-menyewa, gadai-menggadai, upah-mengupah dan pelbagai transaksi lain. Kemudian timbul pula masalah riba, ihtikar, halal-haram, kontrak dan perjanjian dan sebagainya yang disebutkan sebagai hukum perdata atau undang-undang sivil. Di dalam menghuraikan hukum berhutang dan kontrak berkaitan dengannya dalam Surah Al-Baqarah (2: 282) ini, Hamka (1983) menyatakan wujudnya pihak-pihak seperti penghutang, pemuitang, penulis, wali dan saksi dalam mengikat satu kontrak atau perjanjian.

Hamka menjadikan contoh kewujudan hukum kontrak dan perjanjian berkait dengan hutang piutang ini sebagai satu bukti bahawa hukum Islam bukan hanya terhad dalam soal akidah dan ibadat semata-mata, tetapi meliputi soal pergaulan masyarakat dan juga negara. Menurut Hamka, sebelum negara-negara moden memperkenalkan notaris (peguamcara) bagi menulis kontrak dan perjanjian, al-Quran telah lama menetapkan hukum berkait undang-undang sivil. Al-Quran juga menetapkan undang-undang keluarga, undang-undang jenayah dan undang-undang antarabangsa. Perkara ini menunjukkan bahawa urusan

kenegaraan tidak terpisah daripada agama dalam ajaran Islam. Hamka memberikan komen tentang hubungan antara agama dan negara berdasarkan ayat Surah Al-Baqarah (2: 282) itu:

(Ini) menunjukkan dengan tegas bahawa agama Islam bukanlah semata-mata menguruskan soal-soal ibadat dan puasa sahaja. Kalau soal-soal urusan muamalat atau kegiatan hubungan di antara manusia dengan manusia yang juga dinamai sebagai 'hukum perdata' sampai begitu jelas disebut di dalam ayat yang paling panjang dalam al-Quran, maka dapatlah kita mengatakan dengan pasti bahawa soal-soal beginipun termasuk agama juga. Dalam Islam tidak ada pemisahan antara urusan negara dari dalam agama" (Hamka, 1983).

5. Perhubungan Antarabangsa

Pada asasnya, hubungan antarabangsa Islam adalah hubungan di antara darul Islam (negara Islam) dengan darul harbi (negara kafir yang memerangi) dan darul ahdi (negara-negara mempunyai perjanjian atau hubungan diplomatik). Ia adalah termasuk dalam hukum perang dan damai seperti yang diperkata oleh as-Syaibani, di mana beliau membahagikan negara kepada tiga jenis iaitu Darul Islam, Darul Harbi dan Darul Ahdi (negara yang berdamai dengan darul Islam). Hamka (1985) menyatakan bahawa bukan semua orang kafir sama ada Yahudi, Nasrani atau musyrikin perlu dikerasi, bahkan Allah tidak melarang orang Islam bergaul, berbuat baik dan berlaku adil kepada mereka sekiranya mereka tidak memusuhi orang Islam kerana agamanya dan tidak pula mengusir orang Islam dari negeri mereka. Ketika menafsirkan Surah Al-Mumtahanah (60: 8-9), Hamka menjelaskan bahawa Allah tidak melarang orang Islam berbaik, berbuat baik, bergaul secara yang baik, berlaku adil, jujur dan berdamai orang kafir yang tidak memusuhi mereka.

Walau bagaimanapun, bagi negara kafir yang memerangi negara Islam atau membantu negara kafir lain yang memerangi negara Islam, adalah dianggap memusuhi Islam yang mesti diperangi dan tidak boleh dijadikan kawan. Mereka yang tidak ikut serta berperang dengan negara Islam, tetapi memberi bantuan kepada musuh juga tidak boleh diadakan hubungan diplomatik atau berkawan dengan mereka. Hamka menghuraikan hukum hubungan antarabangsa Islam ini dengan mengambil beberapa contoh sikap Nabi SAW terhadap orang kafir yang

memerangi Islam dan orang Quraisy yang membantu orang kafir memerangi Islam untuk menunjukkan hukum perhubungan antara negara Islam dengan negara kafir yang memusuhi Islam. Sedangkan contoh-contoh sikap baik, layanan mesra dan berlaku adil (*al-qisth*) yang ditunjukkan oleh Nabi SAW terhadap orang kafir yang tidak memusuhi Islam dijadikan asas untuk negara Islam bekerjasama dengan negara-negara yang tidak memusuhi dan menghalau orang Islam.

6. Politik Bermoral Agama

Menurut Thalbah (2006), politik bermoral agama pada pandangan Hamka berdasarkan buku-buku falsafahnya ialah politik yang konsisten dengan pengetahuannya, iaitu amalan politik selari dengan pengetahuannya. Pada asasnya, orang Islam mempunyai pengetahuan tentang Allah serta perintah dan larangannya. Jika mereka sudah mengetahui persoalan ini, maka mereka mesti menjadi hamba Allah yang taat, iaitu melaksanakan seluruh perintah Allah dan meninggalkan larangan Allah. Kegagalan mentaati perintah Allah di dalam kehidupan, termasuk kehidupan politik akan mewujudkan suasana politik yang tidak bermoral di dalam masyarakat. Sama ada ahli politik, iaitu para pemimpin atau rakyat, kehidupan mereka menjadi tidak bermoral pada pandangan agama apabila mereka tidak mematuhi perintah Allah. Persoalan politik bermoral agama ini dapat kita lihat dalam pemikiran Hamka ketika beliau memperkatakan dua perkara:

- i. Perintah dan larangan Allah dalam prinsip-prinsip politik Islam, seperti perintah menyerahkan amanah kepimpinan kepada ahlinya, perintah berlaku adil, perintah berhukum dengan hukum Allah, perintah mentaati ulil amri serta larangan berbuat zalim, larangan melakukan kerosakan, larangan memakan rasuah dan membeli hakim, larangan menyerahkan kepimpinan kepada orang kafir dan lain-lain; dan
- ii. Perintah dan larangan Allah terhadap persoalan kehidupan biasa seperti perintah mentaati ibu bapa, perintah solat dan ibadat lain, perintah mencatat hutang, perintah menutup aurat, perintah membaca serta larangan berzina, larangan memakan riba, larangan berbuat khianat, larangan memakan harta anak yatim dan sebagainya.

Kedua-dua kumpulan perintah dan larangan Allah ini adalah gambaran terhadap moral dalam kehidupan masyarakat dan negara. Pertama, bagi perintah dan larangan Allah yang berkait dengan prinsip-prinsip politik Islam, apakala dilanggar secara langsung akan merosakkan

moral politik. Pelanggaran terhadap prinsip dan hukum-hukum akan memberikan buruk kepada moral politik, seperti pemimpin berbuat zalim ketika Allah memerintahkan supaya berlaku adil, maka berlakulah kezaliman. Kedua, pelanggaran terhadap hukum-hukum Islam yang lain, sama ada oleh pemimpin politik atau rakyat biasa, ia akan merosakkan moral masyarakat, sekali gus memberikan gambaran bahawa para pemimpin negara tersebut bersikap tidak bertanggungjawab terhadap agama dan akhlak rakyatnya. Pandangan-pandangan Hamka ini wujud secara berselerak di dalam Tafsir al-Azhar ketika menafsirkan ayat-ayat berkaitan larangan dan perintah Allah tersebut.

Sebagai contohnya, ketika Hamka (1983), ketika menafsirkan larangan menyogok hakim di dalam Surah Al-Baqarah (2: 188), Hamka menggambarkan rangkaian hukum-hukum Islam yang menyeluruh bermula perintah memakan makanan halal, qisas bagi pembunuhan, kecurangan dalam wasiat, mendamaikan orang yang berselisih dalam wasiat, perintah berpuasa dan larangan memakan makanan haram seperti sogokan dan rasuah, yang menurut Hamka bahawa perbuatan kotor seperti curang dalam wasiat dan menerima sogokan akan merugikan semua manusia, bahkan ekonomi masyarakat menjadi kacau. Beliau menyenaraikan beberapa kegiatan tidak bermoral dalam masyarakat yang berasaskan memakan harta tidak halal seperti orang kaya mengambil zakat, menjual azimat, mengambil upah menunggu kubur dan menyogok hakim untuk memakan harta orang lain. Membendung kegiatan mungkar seperti ini adalah tanggungjawab negara melalui pelaksanaan undang-undang sivil.

Sedangkan dalam menyatakan prinsip-prinsip politik Islam, Hamka (1983) menyatakan bahawa Allah telah memerintahkan supaya berhukum secara adil terhadap manusia (Al-Nisa', 4: 58), di mana semua pihak diadili dengan hukum yang sama seperti mana Nabi SAW bertegas untuk memotong tangan Fatimah jika anaknya itu mencuri. Kata Hamka, qadhi wajib bersikap sama berat terhadap dua orang yang bertelagah, tidak boleh melebihkan seseorang ke atas seorang yang lain. Dalam hal perintah berlaku adil bagi pemerintah ini, Hamka menjelaskan apabila pemerintah melaksanakan amanah dan berlaku adil, keamanan, keadilan dan kemakmuran negara akan tercapai. Suasana inilah yang dikatakan oleh Hamka bahawa apabila seseorang itu konsisten di antara amalan dan pengetahuannya, ia akan mewujudkan suasana bermoral. Maka, jika pemimpin politik dan anggota masyarakat mematuhi perintah dan larangan Allah secara menyeluruh, lahirlah politik yang bermoral agama.

Kesimpulan

Sebagai seorang ulama tafsir yang terkemuka di rantau Nusantara pada abad ke-20, Hamka telah mengemukakan *Tafsir al-Azhar* sebagai *magnum opus*nya. Dengan latar belakang keilmuan dan penglibatan beliau di dalam pergerakan politik Islam, Hamka telah berhasil mengemukakan sebuah tafsir al-Quran yang dianggap terbaik untuk rantau ini. Di dalam tafsir ini, selain membahaskan pelbagai isu yang terdapat di dalam al-Quran, Hamka juga telah menyentuh perkara berkait politik Islam. Hal ini diperkatakan oleh Hamka berdasarkan sudut pandanginya ketika menafsirkan secara khusus berkait dengan ayat-ayat politik dan juga ayat-ayat hukum. Pandangan Hamka mungkin mempunyai perbezaan dengan tafsiran ulama lain dalam memahami politik Islam kerana Hamka hidup pada zaman ketiadaan khalifah, bumi Islam baru terlepas dari penjajahan, umat Islam terjerat dalam pemikiran sekular dan tidak lagi mempedulikan peraturan syariat di dalam hubungan dengan orang kafir, termasuk melantik orang kafir sebagai pemimpin.

Maka kajian ini mendapati bahawa Hamka telah memberikan pandangan-pandangan beliau terhadap beberapa aspek berkaitan politik Islam di dalam *Tafsir al-Azhar*. Enam aspek yang ditinjau dalam kajian ini untuk melihat pandangan Hamka iaitu kedudukan kepemimpinan dalam Islam, amalan syura, kedudukan negara dan ketua negara Islam, hubungan di antara negara dan agama, hubungan antarabangsa Islam dan juga amalan politik bermoral agama dalam Islam. Dengan melihat secara umum daripada tinjauan ini, kita dapat mengatakan bahawa *Tafsir al-Azhar* telah mempunyai pandangan yang tersendiri tentang politik Islam, dan tafsir ini menegaskan bahawa persoalan politik adalah termasuk di dalam urusan agama. Kerana itu, Hamka mengemukakan pandangan-pandangan Islam tentang prinsip dan hukum politik ketika menafsirkan ayat-ayat al-Quran yang berkaitan dengan politik sehingga jelas tentang kedudukan politik dalam Islam.

Rujukan

- Abdul Hadi Awang. 1995. *Sistem Pemerintahan Negara Islam*. Kepala Batas: Dewan Muslimat Sdn Bhd.
- Abdul Qadir Abdul Mutalib al-Mandili. 1959. *Islam: Agama dan Kedaulatan*. Mesir: Matbaah al-Anwar.
- Abdul Wahid. 2016. Sosial Politik Dalam Tafsir Hamka, dlm Proceeding Seminar ARICIS 1, Banda Aceh: UIN ar-Raniry.

- Ahmad Munif Sabtiawan Elha. 2015. Penafsiran Hamka Tentang Kepemimpinan Dalam Tafsir al-Azhar. Skripsi S1 Sarjana Ilmu Tafsir Hadis, Universitas Islam Negeri Walisongo, Semarang.
- Ali Abdul Mu'ti Muhammad. *Filsafat Politik Antara Barat dan Islam*. Terj. Rosihon Anwar. Bandung: CV Pustaka Setia.
- Deddy Ismatullah. 2007. *Ilmu Negara Dalam Multi Perspektif: Kekuasaan, Masyarakat, Hukum dan Agama*. Bandung: CV Pustaka Setia.
- Hamka. 1982. *Kenang-kenangan Hidup*. Kuala Lumpur: Penerbitan Pustaka Antara.
- Hamka. 1982-1988. *Tafsir al-Azhar* Juzuk 1-30. Jakarta: Pustaka Panjimas.
- Hamka. 1999. *Tafsir al-Azhar*. Juzuk 1-30. Singapura: Pustaka Nasional Pte Ltd.
- Hamka. 2020. *Negara Islam*. Bandar Baru Bangi: Jejak Tarbiah Publication.
- Imam Fachruddin. 2017. Pengaruh Politik Terhadap Tafsir: Merentas Sejarah Tafsir Dalam Perspektif Politik Pada Masa Sahabat. *Jurnal at-Tasyree*. IV (Julai-Dis).
- Imron al-Faruq dan Suharjianto. 2019. Kepemimpinan Non-Muslim Dalam Tafsir al-Azhar Karya Buya Hamka. *Jurnal Suhur*. 13(1): 72-85.
- Leo Tolstoy. 2014. *Al-Harbu wa as-Silmu*, Jld. 1-3. Terj. Jihad Nazim. Beirut: Dar al-Haraf al-Arabi.
- Malkan. 2009. Tafsir al-Azhar: Suatu Tinjauan Biografis dan Metodologis. *Jurnal Hunafa*. 6(3): 359-376.
- Mashitah Ibrahim. 2000. *Metodologi Hamka di Dalam Tafsir al-Azhar*. Kuala Terengganu: Yayasan Islam Terengganu.
- Muhammad Yusry Affandy. 2019. *Hamka Pertama Tafsir Bumi Nusantara*. Batu Caves: PTS Publishing House.
- Panji Masyarakat. 1981. *Perjalanan Terakhir Buya Hamka*. Jakarta: Panji Masyarakat.
- Rusydi Hamka. 2010. *Hamka Pujangga Islam Kebanggaan Rumpun Melayu: Menatap Peribadi dan Martabatnya*. Shah Alam: Pustaka Dini.
- Sartiman Setiawan. 2008. Penafsiran Hamka Tentang Politik Dalam Tafsir al-Azhar. Skripsi Sarjana Theologi Islam, Universitas Islam Negeri Sunan Kalijaga, Jogjakarta.
- Sidek Baba (penyunting). 2008. *Pemikiran Hamka*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Shihab, Quraish. 1992. *Membumikan al-Quran: Fungsi dan Peran Wahyu Dalam Kehidupan Masyarakat*, Cet. 2. Bandung: Penerbit Mizan.
- Wan Sabri Wan Yusof. 2008. Tafsir al-Azhar: Suatu Gambaran Perubahan Sosial di Indonesia Pada Abad Ke-20, dlm. Sidek Baba (penyunting). *Pemikiran Hamka*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Zulkifli Yusof dan Abdul Hafiz Abdullah. 2013. Pemimpin Menurut Pandangan Hamka: Satu Tinjauan Dalam Tafsir al-Azhar. *Jurnal at-Tamadun*. 8(1): 17-38.

KONSEP KEADILAN PEMERINTAHAN MENURUT KITAB NASIHAT RAJA-RAJA, TERENGGANU

Wan Sukairi Wan Abdullah
Ahli Exco Kerajaan Negeri Terengganu
gongbenjok13@gmail.com

Mohd. Fadli Ghani
Islamic Institute of Independent Research on Democracy
fadliayman@gmail.com

Abstrak

Keadilan merupakan matlamat utama politik Islam. Di negeri-negeri Melayu yang mempunyai tradisi politik berasaskan Hindu-Buddha yang mendewakan raja-raja melalui konsep *devaraja*, para raja dianggap pihak berkuasa mutlak ke atas rakyat. Disebabkan hal demikian, begitu banyak berlakunya kezaliman dan penindasan ke atas rakyat di dalam sejarah kerajaan-kerajaan ini dan ia terbawa-bawa pada zaman Islam. Di Terengganu, pada akhir abad ke-19, Sultan Terengganu yang terkenal, Sultan Zainal Abidin III dikatakan telah memerintah dengan sangat adil dan suka mendengar nasihat para ulamak. Salah seorang daripada ulamak yang menjadi penasihat baginda ialah Sheikh Wan Abdullah bin Mohamad Amin (m. 1889) yang lebih dikenali sebagai Tok Sheikh Duyung dan menjadi Mufti Terengganu sejak 1853. Beliau telah menulis sebuah buku untuk menasihati Sultan Terengganu supaya menerapkan konsep keadilan Islam di dalam pemerintahannya, iaitu *Kitab Nasihat Raja-raja*. Kitab ini pada asasnya mempunyai persamaan dari segi mesej dengan kitab *Taj as-Salatin* dan *Bustan as-Salatin* yang dihasilkan pada abad ke-17. Kitab ini telah menasihati Sultan Terengganu supaya memerintah negeri berdasarkan ilmu, melaksanakan hukum-hukum syarak dan menghapuskan kemungkaran. Kitab ini memberikan penekanan terhadap konsep keadilan Islam, dan juga makna kezaliman di dalam pemerintahan negeri. Kajian ini memberikan fokus terhadap konsep keadilan pemerintahan yang diterapkan oleh para ulama Melayu kepada pemerintah di Terengganu seperti yang terkandung di dalam kitab tersebut.

Kata Kunci: Terengganu, Sultan Zainal Abidin III, Tok Sheikh Duyung, adab ketatanegaraan, nasihat raja-raja, adil, zalim

Pendahuluan

Islam meletakkan keadilan sebagai prinsip amali terpenting di dalam sistem politik dan kenegaraannya. (Abdul Hadi, 1995). Bahkan, al-Quran telah mempertegaskan prinsip ini beberapa kali seperti mana Allah memerintahkan supaya manusia berlaku adil dan berbuat ehsan (Al-Nahl: 90), di mana berlaku adil dianggap sangat dekat dengan ketaqwaan (Al-Ma'idah: 8). Para pemerintah secara khusus diperintah oleh al-Quran

supaya memerintah di kalangan manusia dengan adil. (Al-Nisa': 58). Maka, keadilan pemerintahan menjadi isu utama dalam sistem kenegaraan sejak zaman dahulu, di mana para pemikir termasuk ahli-ahli falsafah Yunani cuba membuat rumusan bagaimanakah cara untuk mewujudkan sebuah pemerintahan yang adil. Di dalam teori-teori politik sama ada yang beraliran liberal-demokrasi mahupun sosialis-komunis, kedua-duanya cuba mengangkat tema keadilan di dalam teori ideologi mereka.

Islam telah tampil sebagai penyelesaian terhadap masalah manusia, termasuk masalah keadilan di dalam masyarakat dan negara. Ketika Nabi Muhammad SAW mendirikan kerajaan pertama di Madinah, konsep keadilan yang sebenar telah berjaya diterapkan sehingga para khalifah yang memerintah kemudiannya telah berhasil mewujudkan keadilan di dalam kehidupan bernegara, bahkan telah diperakui di Eropah sendiri bahawa zaman pemerintahan Islam di Andalusia adalah zaman keemasan bagi kemanusiaan. Maka dalam hal ini, para ilmuan Islam telah menulis cabang-cabang ilmu politik Islam, termasuk untuk melahirkan seorang raja yang adil. Secara kronologi, hal ini mula berlaku pada awal zaman Daulah Abbasiyah sekitar abad kelapan Masihi. Perkembangan ilmu yang disebut sebagai adab ketatanegaraan atau *mirrors for rulers* ini adalah seiringan dengan perkembangan ilmu-ilmu fekah politik yang lain.

Apabila Islam berkembang di Alam Melayu, bermula pada akhir awal ketujuh, dengan pengaruh Parsi, mula muncul penulisan-penulisan yang membahaskan adab ketatanegaraan yang mengangkat tema keadilan dalam pemerintahan. Karya terawal yang muncul ialah *Taj as-Salatin* dan *Bustan as-Salatin* di Aceh. Kemudian ia berkembang ke Johor-Riau dan juga Semenanjung Tanah Melayu. Di Tanah Melayu, karya terawal dalam genre ini dikesan wujud di Terengganu pada hujung abad ke-19. Antara karya adab ketatanegaraan yang membahaskan konsep keadilan pemerintahan ialah *Sahibul Kitab Sultan Zainal Abidin (Nasihat Segala Raja-raja)* dan *Kitab Nasihat Raja-raja*. Kitab-kitab ini telah membahaskan tentang peri penting raja-raja berlaku adil di dalam pemerintahan mereka supaya dapat menatijahkan kebaikan kepada rakyat dan juga negara mereka.

Kitab Nasihat Raja-raja yang ditulis oleh Tok Sheikh Duyong di antara 1881 hingga 1889 adalah di antara kitab yang memberi nasihat, panduan dan cerminan kepada Sultan Terengganu, Sultan Zainal Abidin III yang memerintah sejak 1881. Di dalam kitab ini dinyatakan panduan-

panduan yang perlu diikuti oleh seseorang raja supaya mereka dapat berlaku adil kepada rakyat. Ia turut menjelas hakikat bahawa terdapatnya raja-raja yang jahat dan zalim sehingga dibenci oleh rakyat, di samping kitab ini juga turut memberikan dorongan yang kuat kepada Sultan Terengganu itu supaya berlaku adil. Konsep keadilan dalam pemerintahan yang diketengahkan oleh *Kitab Nasihat Raja-raja* ini merupakan satu bentuk pemikiran politik Melayu yang berasaskan Islam dan berkembang di rantau ini pada abad ke-19. Penilitian terhadap gagasan keadilan pemerintahan ini penting dalam memahami kerangka pemikiran kenegaraan Melayu.

Kajian ini bertujuan untuk mengkaji dan melihat kandungan *Kitab Nasihat Raja-raja* ini dari sudut pemaparan konsep keadilan dalam pemerintahan sesebuah kerajaan Islam di Alam Melayu, sekali gus dapat melihat peranan para ulama dalam menasihati raja-raja supaya memerintah dengan adil. Kedua-dua aspek ini menjadi objektif bagi penulisan kertas ini, di mana peranan karya tulis dan juga para ulama sebagai penasihat raja-raja dapat diketengahkan. Sudut pandang ini agak penting kerana sebelum ini ulama-ulama Melayu hanya dilihat peranan mereka dalam konteks pendidikan dan dakwah sahaja, tidak dalam bidang politik dan kenegaraan. Dengan menggunakan metode kepustakaan, kajian ini menganalisis data-data yang terdapat di dalam kitab tersebut untuk mengenal pasti konsep keadilan pemerintahan yang dikemukakan oleh penulis kitab tersebut.

Pemikiran Ketatanegaraan Berkonsepkan Cerminan Raja-raja di Alam Melayu

Salah satu bentuk pemikiran politik Islam yang terawal berkembang di Alam Melayu ialah pemikiran ketatanegaraan yang berkonsepkan cerminan raja-raja atau *mirrors for princes /rulers*. Menurut Jelani Harun (2003), genre sastera adab ketatanegaraan adalah berkaitan dengan panduan atau nasihat pemerintahan kepada seseorang raja. Dankoff (1983) mengatakan karya *mirrors for rulers* boleh diertikan sebagai *advice on how to rule*. Sedangkan dalam kalangan ulama Melayu, biasanya mereka menyebutnya sebagai *nasihat as-salatin* (nasihat kepada raja-raja). Karya genre ini banyak dipengaruhi oleh sastera Parsi dan Arab, iaitu pusat kerajaan Islam yang terawal, di mana Parsi mempunyai tamadun kekerajaan yang lama sebelum zaman Islam. Dari wilayah inilah munculnya pengaruh ilmu adab raja-raja dan kemudiannya berkembang dalam pemikiran politik Islam.

Menurut Jelani Harun (2003), kitab genre ini lebih sesuai disebut sebagai adab ketatanegaraan berbanding ketatanegaraan kerana ia tidak membincangkan tentang sistem pemerintahan negara, sebaliknya ia lebih menjurus kepada unsur-unsur adab pemerintahan. Sebagaimana *kitab Taj as-Salatin* dan *Bustan as-Sulatin* adalah lebih memberikan perhatian kepada memberi nasihat dan panduan kepada pemimpin negeri, sehingga aspek panduan dan nasihat ini sering kali lebih ketara dan memainkan peranan utama. Pengarang-pengarang genre ini berperanan untuk membentuk adab keperibadian pemimpin negara agar pemerintahan mereka selaras dengan nilai-nilai agama. Biasanya pengarang kitab genre ini adalah seorang ilmuan yang rapat dengan istana dan menjadi penasihat yang bertanggungjawab menasihati raja-raja dan para pembesar tentang urusan pentadbiran negara.

Karangan Ibnu Muqaffa' (m. 756) tentang *Adab as-Saghir*, *Adab al-Kabir* dan terjemahan *Kalilah wa Dimmah* serta karya Ibnu Qutaybah berjudul *Uyun al-Akhbar* adalah antara karya adab ketatanegaraan terawal dalam sejarah Islam sebelum munculnya *Qubusnama*, *Nasihah al-Muluk*, *Siyar al-Muluk* dan lain-lain di negeri Parsi. Dengan pengaruh kitab-kitab adab ketatanegaraan dari Parsi ini, telah muncul kitab *Taj as-Salatin* oleh Bukhari al-Jauhari dan *Bustan as-Salatin* oleh Nuruddin ar-Raniri di Aceh pada abad ke-17. Ia boleh dianggap lanjutan kepada karya adab ketatanegaraan Hindu seperti *Pancatantra* (Hindu), *Pararaton* (Jawa) dan *Negarakertagama* (Majapahit). Elemen 'cermin' ini turut terdapat di dalam beberapa hikayat seperti *Hikayat Bayan Budiman* dan *Hikayat Bakhtiar* (Jelani Harun, 2003), selain *Hikayat Isma Yatim* dan *Hikayat Lukman al-Hakim*. (Siti Hawa, 1997).

Di samping *Taj as-Salatin* dan *Bustan as-Salatin* sebagai karya asli, kecenderungan cendekiawan Melayu terhadap penulisan genre adab ketatanegaraan ini bermula dengan penterjemahan karya adab ketatanegaraan yang ditulis oleh Hussain Wa'iz al-Kashifi dan Imam Ghazali, di mana kedua-dua karya ini dinamakan sebagai *Nasihah al-Muluk*. *Nasihah al-Muluk* (oleh Hussain Wa'iz) dianggarkan bertarikh tahun 1604, manakala *Nasihah al-Muluk* (Imam al-Ghazali) pula dianggarkan diterjemahkan ke bahasa Melayu sekitar tahun 1700. Di Aceh juga, pada zaman Sultan Alauddin Riayat Shah (1727-1735), sebuah kitan berjudul *Safinat al-Hukkam fi Taqlis al-Qasmim* telah ditulis di atas permintaan Sultan Aceh itu oleh Sheikh Kamaluddin anak Kadhi Baginda Khatib. Isi kitab *Safinat al-Hukkam* turut membicarakan sifat-sifat dan tugas raja-raja dan pembesar negara, khususnya untuk Kesultanan Aceh.

Pada abad ke-19, penulisan adab ketatanegaraan kembali rancak apabila Mufti Kedah, Sheikh Haji Muhammad Taib as-Mas'udi al-Banjari telah menulis sebuah kitab berjudul *Lizaq al-Ghafilin wa Nasihat as-Salatin* (1863). (Mohd Fadli 2005). Karya Mufti Kedah ini boleh dianggap yang terawal dalam genre ini di Tanah Melayu dan ditulis dalam suasana politik Kedah baru merdeka daripada penjajahan Siam. Di Riau, pemikir Melayu terkenal, Raja Ali Haji (m. 1873) telah menghasilkan dua buah karya iaitu *Muqaddimah fi Intizam Waza'if al-Malik* dan *Thammarat al-Muhimmah Diyafah li Umara' wa al-Kubara' li Ahl Mahkamah* dalam tahun 1857 untuk menjelaskan tugas-tugas pemerintah dan para pembesar, serta memperingatkan tentang sifat-sifat buruk yang mesti ditinggalkan oleh mereka yang berkuasa sebagai “peringatan kepada raja (Mukarram Yang Dipertuan Muda Raja Ali)”. (Khalif Muammar, 2016).

Menjelang akhir abad ke-19, di Terengganu telah muncul seorang ulama Pattani iaitu Sheikh Wan Abdullah Muhammad Amin (m. 1889) yang lebih terkenal dengan gelaran Tok Sheikh Duyung dan dilantik menjadi Mufti Terengganu oleh Sultan Zainal Abidin III. Beliau telah menghasilkan sebuah karya adab ketatanegaraan iaitu *Kitab Nasihat Raja-raja* untuk menasihati Sultan Terengganu itu. Dan kitab yang terakhir di dalam genre ini ialah karya Raja Haji Ali Kelana bin Mohd Yunus Riau, *Kitab Kumpulan Ringkas Berbetulan Lekas* yang dihasilkan pada 1910. Kelompok karya-karya adab ketatanegaraan ini merupakan sebahagian daripada karya-karya pemikiran politik Islam yang terdapat di Alam Melayu dan ia terkenal di dalam kerajaan-kerajaan Melayu Islam seperti Kerajaan Aceh dan Johor-Riau. Tentang fungsi karya adab ketatanegaraan ini, tergambar pada ungkap Abdullah Munsyi terhadap *Taj as-Salatin*:

Adapun apabila seorang dijadikan Allah ia raja, bukannya sebab hendak memuaskan nafsunya dan berbini sepuluh dua puluh atau mencari harta dan membunuh orang dengan aniayanya, melainkan sebab disuruh Allah memelihara manusia, supaya tiada dianiaya oleh seorang akan seorang, itulah gunanya. Maka segala itu, patutlah segala raja-raja itu menaruh kitab *Taj as-Salatin* (ertinya, Mahkota Raja-raja) dan menilik akan dia pada tiap-tiap hari dan mencari orang yang tahu dan belajar daripadanya dan menerima segala nasihat orang yang alim supaya boleh tengku ketahui hal segala raja-raja yang adil dan yang zalim. (Kassim Ahmad, 1981).

Kitab Nasihat Raja-raja Terengganu

Kitab Nasihat Raja-raja, Terengganu adalah salah sebuah karya politik Islam di dalam genre adab ketatanegaraan yang dihasilkan pada hujung abad ke-19. Kitab ini dikatakan sebagai hasil karya Sheikh Wan Abdullah Wan Muhammad Amin atau Tok Sheikh Duyong (1802-1889) berdasarkan koleksi 82 buah manuskrip milik beliau yang terdapat di Arkib Negara Malaysia Cawangan Terengganu, termasuk 19 manuskrip berbahasa Melayu. Tarikh sebenar manuskrip ini tidak diketahui, tetapi berdasarkan peranan Tok Sheikh Duyong selaku Penasihat Agama Sultan Zainal Abidin III dan Mufti Terengganu semenjak Sultan Terengganu itu menaiki takhta pada 1881, maka dipercayai manuskrip ini ditulis di antara 1881 hingga 1889. Tujuan utama manuskrip ini ditulis adalah untuk memberi nasihat dan panduan kepada Sultan Zainal Abidin III yang memerintah Terengganu menggantikan Sultan Baginda Omar.

Menurut Jelani Harun (2017), di dalam koleksi Tok Sheikh Duyong di Arkib Negara Malaysia terdapat sebuah manuskrip tentang adat ketatanegaraan yang dipercayai ditulis oleh Tok Sheikh Duyong atau sekurang-kurangnya disalin oleh beliau ketika menjadi Mufti Terengganu pada zaman Sultan Zainal Abidin III. Walau bagaimanapun, manuskrip ini tidak mencatatkan tajuk dan nama pengarangnya, tetapi nama tersebut diberikan oleh bekas Pengarah Bahagian Manuskrip Melayu, Perpustakaan Negara Malaysia, Siti Mariani S.M Omar berdasarkan isi kandungannya dengan tajuk '*Kitab Nasihat Raja-raja*.' Kitab ini boleh dianggap beriringan dengan naskah *Sahibul Kitab Sultan Zainal Abidin* atau kitab *Nasihat Segala Raja-raja* yang ditulis pada 1883 dan menjadi koleksi Muzium Negeri Terengganu, yang turut disenaraikan oleh Jelani Harun (t.thn) dan Shafie Abu Bakar (2013) sebagai karya adab ketatanegaraan.

Kumpulan manuskrip yang mempunyai sebanyak 82 naskah ini pada asalnya tersimpan di Arkib Negara Malaysia Cawangan Pahang-Terengganu di Kuantan setelah diserahkan oleh waris Tok Sheikh Duyong, tetapi setelah Arkib Negara Malaysia Cawangan Terengganu diwujudkan, ia kini berada di Terengganu. Jelani Harun (2017) mengatakan bahawa kitab ini terletak di bawah nombor katalog MS ANM/Ter. (SD 8) dan berbalut dengan sekeping kulit kayu yang dilipat dalam bentuk folio, terdiri daripada 12 helaian kertas yang berukuran 20 cm x 16 cm. Pada setiap halamannya terdiri daripada 23 baris ayat yang bertulisan Jawi yang kemas dan mudah dibaca. Manuskrip ini ditulis

menggunakan dakwah berwarna hitam, tetapi petikan-petikan ayat al-Quran ditulis dengan dakwat merah. Manuskrip juga telah mengalami kerosakan pada sebahagian besar bahagian tepinya.

Tok Sheikh Duyong dan Hubungannya dengan Istana Terengganu

Tok Sheikh Duyong atau Sheikh Wan Abdullah bin Wan Muhammad Amin adalah anak kepada Tok Sheikh Qadhi, iaitu seorang ulama Pattani yang berhijrah ke Terengganu setelah negeri mereka diserang oleh Siam pada 1832-1838 (Mohamad Abu Bakar 1991). Ayahnya dilantik sebagai qadhi oleh Sultan Terengganu selepas meninggalkan negeri Pattani. Tok Sheikh Duyong yang dikatakan berasal dari keturunan Fakeh Ali di Pattani dan bekeluarga dengan beberapa ulama besar seperti Sheikh Daud Abdullah al-Fathani, Sheikh Abdul Qadir Bukit Bayar, Sheikh Nik Dir al-Fathani dan Sheikh Nik Mat Kechik al-Fathani. Beliau dilahirkan di Kampung Chabang Tiga, Pattani dalam tahun 1802 dan berhijrah bersama ayahnya ke Terengganu dan tinggal di Kampung Paya Bunga. Selain menjadi qadhi, Tok Sheikh Qadhi (Sheikh Wan Muhammad Amin) juga membuka pondok di Kampung Paya Bunga itu.

Tok Sheikh Duyong mendapat pendidikan awal dari ayahnya di Pattani dan Paya Bunga, sebelum berguru dengan Sheikh Abdul Qadir di Bukit Bayas. Beliau juga dikatakan pernah dihantar ke Pattani untuk melanjutkan pelajaran dan akhirnya naik ke Makkah di antara 1832 hingga 1846. Selain Sheikh Daud dan beberapa ulama Pattani yang lain, Mohamad Abu Bakar (1991) mendakwa beliau turut belajar dengan beberapa ulama Arab seperti Syed Ahmad Zaini Dahlan, Syed Ibrahim Kurdi dan Sheikh Mohammad Ramli. Ketika berada di Mekah, selain belajar, beliau turut menterjemah kitab-kitab Arab dan membuat salinan kitab-kitab Mazhab Shafie. Ketika berada di Mekah ini, ayahnya, Tok Sheikh Qadhi telah meninggal dunia dalam tahun 1834 yang menyebabkan pusat pengajiannya di Paya Bunga tergendala. Pada 1846, Tok Sheikh Duyong menamatkan pengajiannya dan kembali ke Terengganu.

Ketika berada di Terengganu, Tok Sheikh Duyong telah berpindah dari Paya Bunga ke Duyong Kecil dan memulakan kuliah agamanya secara menadah mengikut sistem pondok di sana. Pondok beliau mendapat sambutan hangat daripada masyarakat Islam yang dekat dan jauh. Murid-muridnya ada yang datang dari Pattani, Kelantan, Sumatera, Brunei, Pahang dan lain-lain, selain penduduk sekitarnya. Di antara murid-murid

beliau yang ternama itu termasuklah Sultan Baginda Omar dan Sultan Zainal Abidin III. Kemasyhuran Pondok Duyong ini telah membolehkan Terengganu menjadi pusat pengajian Islam yang baru menggantikan Pattani yang dijajah Siam kerana ketika ini muncul pondok-pondok terkemuka di Paloh, Losong dan juga Bukit Bayas. Ia sekali gus menyambung peranan ulamak Pattani sebelumnya seperti Sheikh Abdul Qadir Bukit Bayas, Tok Sheikh Qadhi dan juga Tuan Hussein Besut.

Ketika namanya mulai masyhur, Sultan Baginda Omar telah menjemput Tok Sheikh Duyong untuk mengajar di Istana Terengganu, sekali gus mulai berperanan sebagai penasihat agama kepada sultan. Pada 1853, ekoran kematian Sheikh Abdul Qadir Bukit Bayas, Sultan Baginda Omar telah berkenan melantik Tok Sheikh Duyong sebagai Mufti Terengganu yang baru. Beliau kemudiannya berganding dengan muridnya, Syed Abdul Rahman (Tokku Paloh) bin Tokku Tuan Besar sebagai penasihat agama kepada sultan, di mana Tokku Paloh dilantik sebagai Sheikhul Islam Terengganu. Sebagai penasihat sultan, beliau turut terlibat dalam perundingan-perundingan melibatkan Perang Besut dan Perang Saudara di Pahang. Beliau kekal dalam jawatan mufti ini sehingga meninggal dunia pada 12 Jamadil Akhir 1306 bersamaan 13 Februari 1889 dan dikebumikan di Perkuburan Sheikh Ibrahim, Kuala Terengganu.

Selain menjadi mufti, Tok Sheikh Duyong juga telah dijadikan pembesar negeri oleh Sultan Baginda Omar dengan memberinya gelaran sebagai Orangkaya Duyong. Setelah Baginda Omar mangkat pada 1881, baginda digantikan oleh Sultan Zainal Abidin III yang baru berusia 16 tahun. Dalam konteks ini, Tok Sheikh Duyong dan Tokku Paloh telah memainkan peranan terbesar sebagai Penasihat Sultan. Dalam rangka menasihati Sultan Terengganu inilah terhasil dua karya adab ketatanegaraan iaitu kitab *Nasihah Bagi Segala Raja-raja* atau *Sahibul Kitab Sultan Zainal Abidin* yang ditulis pada 1883 dan *Kitab Nasihat Raja-raja* yang ditulis kemudiannya. Jelani Harun (t.thn) menjangkakan kitab yang ditulis pada 1883 itu adalah atas usaha Tok Sheikh Duyong dan Tokku Paloh sama ada dengan menulis atau menyalinnya, sedangkan kebanyakan pengkaji mengatakan kitab kedua adalah karya Tok Sheikh Duyong.

Konsep Keadilan Pemerintahan di dalam Kitab Nasihat Raja-raja

Keadilan merupakan isu terbesar yang diketengahkan oleh para cendekiawan dan ulama Melayu di dalam karya-karya adab ketatanegaraan

mereka. Hal ini berlaku kerana keadilan adalah prinsip terpenting dalam pemerintahan Islam dan Islam menentang sekeras-kerasnya segala bentuk kezaliman. (Abdul Hadi Awang, 1995). Setiap pemerintah mempunyai kewajiban untuk mengamalkan prinsip keadilan ini dan Islam menganggap adil adalah sangat dekat dengan taqwa dan mendapat balasan syurga. Menurut Jelani Harun (2006: xxvii), bahawa ciri-ciri keadilan yang berasaskan ajaran Islam yang menjadi intipati pemerintahan Islam telah menjadi tema terbesar atau tema dasar dalam karya-karya adab ketatanegaraan termasuk di Parsi. Bahkan, penulisan kitab *Nasihat al-Muluk* oleh Imam al-Ghazali juga menurut Jelani Harun (2006) adalah bertolak dari tema keadilan ini.

Isu tentang sifat adil seorang raja atau pemerintah ini turut menunjangi pemikiran politik Islam sehingga ahli-ahli fekah siyasi seperti al-Mawardi, Ibnu Taimiyah dan Ibnu Khaldun; ahli falsafah politik Islam seperti al-Farabi dan Ibnu Sina; ahli fekah ijtimaiie seperti al-Juawaini dan ahli fekah tasawuf seperti al-Ghazali telah meletakkan adil sebagai sifat atau syarat utama kepemimpinan di dalam Islam. Seperti yang dipertegaskan oleh al-Mawardi di dalam *Ahkam Sultaniyah*, Ibnu Khaldun di dalam *Muqaddimah Kitab Ibar* dan al-Farabi di dalam *Ara Ahlu Madinah*, al-Ghazali juga menyebutnya di dalam *Nasihat al-Muluk*. Ini adalah gambaran penekanan para ulama terhadap keadilan di dalam pemerintahan. Ibnu Taimiyah (2005: 16) menegaskan bahawa raja perlu memiliki kekuatan ilmu tentang keadilan berpandukan wahyu. Menurut al-Ghazali dalam *Nasihat al-Muluk*, seorang pemimpin atau raja yang adil itu mempunyai 10 ciri, iaitu:

- i. Mengetahui kadar kerajaan dan mengetahui akan bahayanya,
- ii. Sentiasa rindu melihat segala ulama,
- iii. Jangan suka mengangkat tangan daripada aniaya,
- iv. Bahawasanya raja-raja itu ghalibnya membesarkan diri,
- v. Segala yang tidak berkenan pada dirinya, maka jangan berkenan ia bagi rakyat.
- vi. Jangan menghina orang yang berhajat,
- vii. Jangan adatkan diri dengan syahwat,
- viii. Mengerjakan semua urusan dengan perlahan dan berlemah lembut,
- ix. Bersungguh-sungguh gemarkan rakyat dengan muafakat, dan
- x. Jangan menuntut akan kesukaan seseorang manusia yang bersalahan dengan syarak.

Prinsip keadilan dalam pemerintahan yang telah dibahas panjang oleh para ulama di dalam kitab-kitab mereka sebenar telah mendapat perhatian daripada para ulama yang menulis karya-karya adab ketatanegaraan di Alam Melayu. Di dalam terjemahan *Nasihah al-Muluk* telah ditegaskan dengan nasihat oleh pengarangnya supaya raja berlaku adil dan jangan melebihi seseorang kerana kaya-miskin mereka. *Bustan as-Salatin* pada bab ketiga pula meletakkan syarat bagi segala khalifah dan raja-raja adalah berlaku adil, sedangkan *Taj as-Salatin* pada fasal keenam menyatakan sifat adil dan ehsan itu adalah amat baik bagi semua manusia dan sifat terbaik apabila ia ada pada raja-raja. Dalam konteks negeri Terengganu sendiri, kitab *Sahibul Kitab Sultan Zainal Abidin* (hal. 10) turut menjelaskan bahawa sifat adil adalah menjadi syarat utama seseorang raja.

Jadual 1: Kandungan Kitab Nasihat Raja-raja

Muka surat	Perkara
1-4	Pendahuluan dalam Bahasa Arab <ul style="list-style-type: none"> - Menyatakan puji-pujian kepada Sultan Terengganu - Menyatakan tujuan kitab ditulis - Menyatakan ciri-ciri raja yang adil
5-8	Menyatakan pengertian hukum had dan takzir
9-10	Menyatakan sifat raja yang jahat
11-13	Menyatakan sifat-sifat manusia akhir zaman
14-20	Menyatakan pengertian tentang raja-raja yang adil dan kelebihanannya

Bertolak dari hal keadilan inilah, *Kitab Nasihat Raja-raja* karangan Tok Sheikh Duyong telah membahaskan konsep keadilan dalam pemerintahan, sebagai satu nasihat kepada Sultan Zainal Abidin III selaku seorang raja yang masih berusia muda. Menerusi kitab ini, Tok Sheikh Duyong memulakan penulisannya pada bahagian muqaddimah dengan mempersembahkan tulisan ini sambil memohon ampunan perkenan daripada Sultan Terengganu itu. Selain memuji Sultan Terengganu, seperti mana tradisi karya-karya dalam genre ini, penulis telah mengangkat kedudukan sultan sebagai bayangan atau wakil Allah untuk memerintah bumi ini dan menganggap dengan keadilan pemerintahan baginda sultan, kelak akan berada di sisi kanan Rasulullah SAW. Penulis juga mengharapkan supaya sultan dapat mengambil manfaat dari nasihat yang diberikan dalam menjalankan tanggungjawab yang diamanahkan Allah.

Bagi mewujudkan keadilan di dalam pemerintahan, *Kitab Nasihat Raja-raja* (hal. 2-4) telah menjelaskan beberapa ciri yang penting mesti dimiliki oleh seseorang raja.

Pertama, raja mestilah berilmu kerana ilmu adalah alat utama untuk mengenal Allah dan mengetahui perkara yang benar dan salah. Raja diminta supaya sentiasa mendalami ilmu dunia dan akhirat supaya mendapat petunjuk di dalam pemerintahan. Dengan “ilmu dan pengetahuan yang terang” dan “sukakan makrifat dan iman,” raja akan mendapat panduan di dalam melaksanakan tugas-tugas pemerintahan (*Kitab Nasihat Raja-raja*, hal. 2). Sebaliknya, pemerintahan yang tidak berbekalkan ilmu dan iman, akan mengakibatkan berlakunya pemerintahan secara “jahil dan kelam yang mempusakakan kesesatan.” Dalam hal ini, keilmuan yang dimiliki oleh seseorang raja atau para ulama yang menasihatinya akan membantu mewujudkan keadilan.

Kedua, raja sebagai pemerintah mesti melaksanakan tugas-tugas yang diamanahkan ke atasnya seperti yang ditetapkan oleh agama. Di mana *Kitab Nasihat Raja-raja* (hal. 3) ditekankan supaya Sultan Terengganu itu melaksanakan hukum-hukum Islam di dalam pemerintahannya. Berkait perkara ini, tiga aspek yang ditekankan iaitu:

- i. Menyuruh rakyat mentaati perintah-perintah Allah dan Rasul-Nya seperti menyuruh rakyat beribadat, mendirikan solat, menunaikan zakat, menutup aurat dan lain-lain yang disuruh oleh agama (hal. 3);
- ii. Menguatkuasakan undang-undang berasaskan syariat bagi mencegah berlakunya perkara-perkara mungkar seperti berjudi, mencuri, berzina, menyabung ayam dan kerbau serta semua perbuatan mungkar lain yang diharamkan oleh Allah dan Rasul-Nya daripada berkembang dan melalaikan masyarakat (hal. 3); dan
- iii. Melaksanakan undang-undang jenayah syariah untuk menghukum orang-orang yang melakukan kesalahan jenayah. Melaksanakan undang-undang jenayah seperti ‘had’ atau hudud dan ‘takzir’ adalah kewajipan pemerintah ke atas pelaku-pelaku kesalahan mengikut jenis-jenis kesalahan mereka (hal. 5-8).

Dalam menyatakan kewajiban-kewajiban raja untuk menyuruh kepada yang makruf, mencegah kemungkaran dan melaksanakan perundangan syariat ini, *Kitab Nasihat Raja-raja* (hal. 9-10) mengingatkan kepada raja supaya tidak terpedaya dengan kepentingan dunia lalu mengabaikan hukum-hukum Allah dan membiarkan berlakunya kezaliman. Seorang raja yang adil tidak akan menukarkan mana-mana hukum Allah dengan apa jua habuan dunia, termasuk tidak menukar hukum Allah dengan hukum yang dibuat oleh manusia. Dalam hal ini, sering kali terjadi kezaliman di atas dunia ini apabila rajanya mengambil keuntungan harta benda dunia seperti rasuah atau perasaan kekerabatan. Keadilan kepada rakyat dalam pelbagai aspek tidak akan dapat dicapai apabila pemerintah menukar hukum Allah dengan hukum manusia atau menukarkannya dengan harta dunia.

Agak menarik pendekatan yang digunakan oleh *Kitab Nasihat Raja-raja* (hal. 9-10) kerana penulis telah menggunakan pendekatan soal jawab dalam menjelaskan perbuatan rakyat yang dikirakan sebagai jahat dan zalim. Dalam soal jawab ini, ditanyakan siapakah sejahat-jahat raja? Lalu dijawab bahawa sejahat-jahat raja ialah raja menukar agama dengan dunia dirinya. Apabila ditanya lagi, terdapatkah raja yang lebih jahat dari raja tersebut? Lalu dijawab, bahawa yang lebih jahat ialah raja yang menukar agama dengan menghasilkan dunia untuk dirinya. Di dalam analogi ini, penulis menggambarkan bahawa raja yang tidak melaksanakan hukum Allah atau menggunakan hukum selain hukum Allah adalah raja yang jahat dan mementingkan diri sendiri. Maka kerana itu, seorang raja atau pemerintah tidak mempunyai sebarang pilihan melainkan mereka terpaksa memerintah menggunakan hukum-hukum Allah supaya berlaku keadilan.

Penggunaan hukum Allah sebagai sumber perundangan akan melahirkan keadilan kepada masyarakat yang pelbagai. *Kitab Nasihat Raja-raja* (hal. 11-13) telah menghuraikan kepelbagaian sifat manusia pada akhir zaman, di mana secara umumnya manusia itu ada dua sifat iaitu baik dan buruk. Sifat ini juga dimiliki oleh raja-raja. Maka, jika raja yang memerintah itu baik dan adil, orang kaya pula pemurah dan semua urusan rakyat dilaksanakan dengan musyawarah, maka ialah akan melahirkan sebaik-baik natijah. Sedangkan jika raja yang memerintah itu jahat atau zalim, orang kaya pula bakhil dan semua urusan terhenti tanpa perundingan, maka ia akan menatijahkan seburuk-buruk keadaan. Dalam kata lain, penulis cuba menyampaikan mesej supaya raja berlaku adil dan sentiasa bermesyuarat dalam urusan rakyat supaya semua pihak dapat menikmati keadilan di dalam sesebuah negeri.

Bagi mencapai keadilan di dalam pemerintahan, *Kitab Nasihat Raja-raja* (hal. 14-15) telah mengemukakan beberapa asas yang menjadi prinsip keadilan, iaitu raja mesti berlaku adil mengikut lunas-lunas al-Quran dan Sunnah Nabi SAW, selain mengambil iktibar daripada kisah-kisah yang berlaku dalam sejarah Islam. Dalam hal ini, pengarang telah membawa dalil-dalil al-Quran, hadis dan kata-kata ulama tentang kepentingan dan faedah seseorang raja bersifat adil. Bagi mendorong raja supaya berlaku adil, *Kitab Nasihat Raja-raja* (hal. 15) telah menyatakan kelebihan bahawa berlaku adilnya seseorang raja itu akan melepaskan baginda daripada rantai dan belenggu pada hari kiamat, serta akan menjauhkan baginda daripada neraka dan memasukkan baginda ke dalam syurga. Pendekatan yang digunakan ini sebenarnya satu nasihat yang tegas tetapi secara halus kepada raja supaya berlaku adil.

Adapun memerintah dengan zalim akan membawa akibat sebaliknya, iaitu akan menerima kesan buruk di dunia dan akhirat. Menurut *Kitab Nasihat Raja-raja* (hal. 18-19), seseorang raja yang zalim akan menyebabkan para wazir (pembesar) akan turut melakukan kezaliman sehingga rakyat tertindas, dan akhirnya rakyat sendiri akan bertindak balas dengan mendoakan kejatuhan kerajaan tersebut. Bagi menjelaskan keadaan ini, *Kitab Nasihat Raja-raja* (hal. 19) telah membawa analogi bahawa raja adalah seperti harimau, sedangkan wazirnya seperti harimau akar, manakala kadhinya seperti anjing, sedangkan sekalian hamba rakyat adalah seperti kambing. Setiap kali kambing masuk ke hutan, ia dimakan harimau; setiap kali ia berada di tepi hutan, diterkam oleh harimau akar; dan jika ia masuk ke negeri digigit pula oleh anjing. Begitulah gambaran bagaimana rakyat akan hidup tertindas apabila diperintah oleh raja yang zalim.

Secara umumnya, konsep keadilan yang dikemukakan oleh *Kitab Nasihat Raja-raja* ini adalah sejalan dengan kitab-kitab adab ketatanegaraan yang ditulis di Asia Barat dan juga Alam Melayu yang lain sebelumnya. Penulis telah meletakkan dua perkara yang menjadi syarat wujudnya keadilan iaitu i) raja yang berilmu dan ii) raja yang melaksanakan tanggungjawab agama untuk menyuruh kepada yang makruf, mencegah kemungkar dan melaksanakan hukum-hukum Allah. Dalam konteks ini, raja tidak boleh mengambil hukum yang lain selain hukum Allah dan tidak boleh juga menukar hukum Allah dengan kepentingan dunia. Maka atas asas ini, raja-raja yang memerintah akan terbahagi dua, iaitu raja yang adil dan raja yang zalim. Raja yang adil akan

membawa kebaikan kepada negaranya dan mendapat balasan syurga di akhirat, sedangkan raja yang zalim akan membawa keburukan, dibenci oleh rakyatnya dan akan dilaknat oleh Allah.

Kesimpulan

Konsep keadilan dalam pemerintahan yang diangkat oleh *Kitab Nasihat Raja-raja* telah menunjukkan bahawa para ulama seperti Tok Sheikh Duyong (Mufti Terengganu) dan Tokku Paloh (Sheikhul Islam Terengganu) selaku Penasihat Sultan Terengganu, telah berperanan besar di dalam bidang politik dan pentadbiran negara. Tok Sheikh Duyong secara khusus, ternyata bukan sahaja seorang ulama yang mengajar dan mengeluarkan fatwa, tetapi menjadi tenaga penasihat yang penting dalam mempengaruhi Istana Terengganu supaya sentiasa mengamalkan prinsip keadilan di dalam pemerintahan, sehingga Sultan Zainal Abidin III terkenal dengan sifat adil dalam pemerintahannya. Penulisan *Kitab Nasihat Raja-raja* ini sendiri membuktikan betapa Tok Sheikh Duyong menggunakan segala ruang bagi mempengaruhi raja agar berada di atas landasan syarak dalam pemerintahannya.

Kitab Nasihat Raja-raja pula telah membawa satu konsep penting dalam politik kenegaraan Islam, iaitu memberi nasihat dan panduan kepada raja-raja supaya memerintah dengan adil. Sarjana seperti Jelani Harun (2017) telah meletakkan kitab ini sebagai sebuah kitab penting di dalam genre adab ketatanegaraan Melayu. Lewat kitab ini, penulisnya telah mengemukakan perhikal kepentingan berlaku adil di dalam pemerintahan bagi seorang raja ke atas rakyat. Perbuatan adil seorang raja akan memberikan faedah yang besar terhadap kemajuan rakyat dan negaranya. Kerana itu, kitab ini telah menyebutkan bahawa seorang pemerintah mestilah berilmu sehingga dia mengenali Tuhannya dan mengetahui erti adil di dalam pemerintahan sesebuah kerajaan. Dengan mengamalkan amar makruf, nahi mungkar dan melaksanakan syariat berdasarkan al-Quran dan Sunnah, keadilan dapat ditegakkan dalam sesebuah pemerintahan.

Rujukan

- Abdul Hadi Awang. 1995. *Sistem Pemerintahan Negara Islam*. Pulau Pinang: Dewan Muslimat Sdn. Bhd.
- Al-Ghazali. 2006. *Nasihat al-Muluk: Nasihat Kepada Raja-raja*. Jelani Harun (penyelenggara). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Dankoff, Robert. 1983. *Wisdom of Royal Glory: A Turko-Islamic Mirror for Princes*. Chicago: University of Chicago Press.

- Ibnu Taimiyah. 2005. *Siyasah Syar'iyah: Etika Politik Islam*. Terj. Rofi' Munawwar. Surabaya: Risalah Gusti.
- Jelani Harun. 2001. Kitab Kumpulan Ringkas Berbetulan Lekas: Karya Ketatanegaraan Melayu yang terakhir. *Jurnal SARI*. 19: 133-158.
- Jelani Harun. 2003. *Pemikiran Adab Ketatanegaraan Kesultanan Melayu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Jelani Harun. 2006. Sahibul Kitab Sultan Zainal Abidin: Adab Ketatanegaraan Kesultanan Terengganu, dlm. Rogayah A Hamid dan Mariyam Salim (penyelenggara). *Kesultanan Melayu Terengganu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Jelani Harun. 2017. *Zainal Abidin III: Biografi Sultan Yang Adil dan Alim*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Jelani Harun. T.thn. Cermin Adab Politik Melayu Berdasarkan Naskah Undang-undang dan Ketatanegaraan. pnm.gov.my/pnm/resources/pdf/PKMM
- Kassim Ahmad (penyunting). 1981. *Kisah Pelayaran Abdullah*. Kuala Lumpur: Penerbit Fajar Bakti.
- Khalid M Hussain (penyelenggara). 1992. *Taj us-Salatin*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Khalif Muammar A. Harris. 2016. *Ilmu Ketatanegaraan Melayu Raja Ali Haji*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Mohamad Abu Bakar. 1991. *Ulama Terengganu: Suatu Sorotan*. Kuala Lumpur: Utusan Publications and Distributors.
- Mohd Fadli Ghani. 2005. Prof Zulkifli Muhammad (1927-1964): Pelopor Pemikiran Politik Islam di Malaysia, dlm. Zulkifli Muhammad. *Pegangan Hidup Umat Islam*. Cet. 2, ed. Rumi. Ipoh: Pustaka Muda dan Lajnah Penerangan Badan Perhubungan PAS Perak.
- Rogayah A Hamid dan Mariyam Salim (penyelenggara). 2006. *Kesultanan Melayu Terengganu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Shafie Abu Bakar. 2013. Nasihat Segala Raja-raja: Naskah dan Kepengarangan. Drshafie.blogspot.com/2013/10/nasihat-segala-raja-raja-naskah-dan.html?m=1
- Siti Hawa Salleh. 1997. *Kesusasteraan Melayu Abad Kesembilan Belas*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Wan Abdullah Wan Mohammad Amin. t.thn. *Kitab Nasihat Raja-raja*. Arkib Negara Malaysia, MS ANM/Ter. (SD 8).
- Zulkifli Muhammad. 2005. *Pegangan Hidup Umat Islam*. Cet. 2, ed. Rumi. Ipoh: Pustaka Muda dan Lajnah Penerangan Badan Perhubungan PAS Perak.

TUAN GURU HAJI ABDUL HADI AWANG TOKOH GERAKAN ISLAM DAN PENTAFSIR AL-QURAN DI NUSANTARA

Syamimi Amira Shamsul Baharin
Program Sarjana Pengajian Islam Universiti Kebangsaan Malaysia
P101638@siswa.ukm.edu.my

Najah Nadiyah Amran
Pusat Kajian al-Quran dan al-Sunnah
Fakulti Pengajian Islam UKM
najah@ukm.edu.my

Abstrak

Antara cara efektif bagi mengukur sumbangan dan ketokohan adalah melalui kajian biografi. Kajian ketokohan menyentuh profil, personaliti, kepimpinan, kepakaran, pengurusan, hadiah dan anugerah. Justeru, makalah ini membincangkan sumbangan dan ketokohan salah seorang ulama iaitu Tuan Guru Haji Abdul Hadi Awang seorang pemimpin parti politik di Malaysia dan tokoh ulama yang menyumbang dalam bidang politik, pentafsiran al-Quran dan dakwah. Objektif kajian ini adalah untuk membincangkan ketokohan dan sumbangan Tuan Guru Haji Abdul Hadi Awang dalam kepimpinan gerakan dakwah menerusi parti politik dan bidang pentafsiran ayat al-Quran. Kajian dilakukan menggunakan pendekatan kualitatif deskriptif serta analisis dokumen. Hasil kajian, mendapati bahawa Tuan Guru Haji Abdul Hadi Awang telah khatam pentafsiran ayat al-Quran bagi 30 juzuk ayat al-Quran sebanyak tiga kali sepanjang pengajaran beliau dari minbar masjid Rusila. Terdapat metodologi atau pendekatan pentafsiran yang digunakan oleh beliau dalam usaha melakukan pentafsiran ayat al-Quran. Penglibatan beliau dalam parti politik yang dipimpin oleh beliau juga menunjukkan bahawa beliau seorang tokoh ulama yang melibatkan diri dalam bidang politik dengan tujuan untuk menegakkan syiar Islam dan membangunkan negara serta masyarakat Islam. Tuan Guru Haji Abdul Hadi Awang ialah seorang guru dan pemimpin bagi gerakan Islam dalam usaha untuk membangunkan masyarakat Islam serta telah banyak sumbangan yang beliau berikan sebagai seorang tokoh Gerakan Islam dan pentafsir ayat al-Quran di Nusantara.

Kata Kunci: Tuan Guru Haji Abdul Hadi Awang, tokoh gerakan Islam, pentafsir ayat al-Quran

Pendahuluan

Malaysia antara negara di benua Nusantara yang melahirkan ramai tokoh pemimpin, ilmuwan dan ulama tersohor di persada dunia. Mereka tidak hanya menumpu dalam menegakkan syiar dan dakwah Islam malah mereka turut membina masyarakat. Mereka terlibat dalam pelbagai bidang seperti politik, pentafsiran al-Quran, hadith, fiqh dan kesusasteraan Melayu.

Abdul Hadi Awang merupakan seorang tokoh gerakan Islam di Malaysia. Beliau berkecimpung dalam bidang dakwah dan politik sejak muda. Antara faktor pendorong penglibatan beliau dalam gerakan Islam adalah disebabkan oleh latar belakang keluarga. Datuk beliau merupakan seorang pemimpin masyarakat di Terengganu yang telah menubuhkan Sarekat Islam iaitu cawangan organisasi Islam terawal di Tanah Melayu yang terlibat dalam gerakan dakwah dan pembebasan tanahair dari penjajah Inggeris.

Beliau telah menyambung pengajian di Madinah dan Mesir dan sekembalinya beliau ke tanah air pada tahun 1976, Abdul Hadi terlibat secara aktif dalam Parti Islam Se-Malaysia (PAS) dan Angkatan Belia Islam Malaysia (ABIM). Beliau mempunyai kemahiran pidato yang baik bahkan dengan ilmu agama yang mendalam Abdul Hadi berkebolehan menyampaikan tazkirah, khutbah dan ceramah dengan baik lagi jelas. Selain itu beliau juga menulis. Antara tulisan beliau yang terawal dapat dikesan ialah kertas kerja berkaitan al-dakwah yang bertajuk *Uslub Dakwah* (1986) terbitan GG Edar, Kuala Lumpur dan *Kebangkitan Umat Islam: Satu Gagasan* (1981) terbitan Media Islam, Kuala Lumpur.

Media Islam juga turut menerbitkan karya Abdul Hadi Awang pada tahun 1982 yang bertajuk *Islam: Penyelesaian Masalah Umat dan Negara*. (Fadlan, 2018). Kuliah tafsir beliau di Masjid Rusila bermula pada tahun 1976. Sejak itu, beliau menjadikan setiap pagi hari Jumaat sebagai rutin mingguan bagi mengajar dan menyampaikan didikan tafsir al-Quran kepada masyarakat setempat. Pada mulanya kuliah tersebut dihadiri oleh masyarakat kampung Rusila. Lama kelamaan kuliah tafsir itu menjadi tarikan khususnya ahli dan penyokong Parti PAS di Terengganu dan negeri lain.

Makalah ini akan membincangkan berkenaan sumbangan dan ketokohan Abdul Hadi dalam gerakan Islam melalui politik dan bidang pentafsiran al-Quran. Latar belakang beliau juga akan dinyatakan secara ringkas dalam makalah ini.

Latar Belakang Abdul Hadi Awang

Abdul Hadi Awang dilahirkan di Rusila, Terengganu dan telah dibesarkan dengan didikan agama yang baik sedari kecil lagi oleh keluarganya. Abdul Hadi berminat dalam bidang dakwah dan politik sejak dari kecil. Bapa dan datuknya merupakan guru dakwah dan gerakan Islam pertama beliau.

Beliau telah mengikut jejak langkah mereka melibatkan diri dalam bidang politik kerana mereka merupakan aktivis Sarekat Islam dan Hizbul Muslimin di Negeri Terengganu. (Riduan, 2009). Abdul Hadi bin Awang Mohamad merupakan nama penuhnya dan beliau mendapat gelaran “Tuan Guru” daripada masyarakat yang mengikuti kuliah tafsirnya dan perjuangan gerakan Islamnya.

Beliau lahir pada tanggal 20 Oktober 1947 bersamaan dengan 6 Zulhijjah 1366H. (Abdul Ghani, 1997). Abdul Hadi mempunyai sembilan orang adik beradik dan beliau merupakan anak kelima. (Riduan, 2009). Bapanya bernama Haji Awang Mohamad bin Abd Rahman merupakan seorang ulama tempatan dan aktivis politik. Ibu beliau bernama Hajah Aminah Yusuf juga menjadi tempat rujukan masyarakat terutamanya hal-hal berkenaan politik. (Mohammad Hafiz, 2018).

Abdul Hadi memulakan pendidikan di Rusila, kemudian menyambung persekolahan di Kuala Terengganu. Setelah itu, beliau menyambung pelajaran peringkat ijazah pertama dalam bidang Syariah Islam di Universiti Islam Madinah dengan tajaan pelajaran daripada Kerajaan Arab Saudi. Kemudian, beliau menyambung pelajaran ke peringkat Sarjana dalam bidang Sains Politik di Universiti Al-Azhar Mesir. Setelah tamat pengajian, beliau pulang ke Malaysia dan mengambil alih pengajian kuliah tafsir oleh bapanya di Masjid Rusila. Setelah bapanya meninggal dunia, Abdul Hadi merasa bertanggungjawab untuk meneruskan tugas bapanya dalam menyampaikan kuliah dan mengajar agama di Masjid Rusila. Bermula daripada di Masjid Rusila, kini TGHH telah mengadakan kuliah dan ceramah di seluruh Malaysia. (Zahid, 2017).

Abdul Hadi merupakan seorang pendidik, pendakwah dan pengasas bagi pusat pengajian ilmu-ilmu Islam di Marang, Terengganu. Beliau juga terlibat dalam bidang pentafsiran al-Quran dan sering melakukan pentafsiran ayat al-Quran melalui kuliah tafsir. Beliau juga dikenali juga sebagai tokoh ilmuan agama kerana beliau banyak memberi sumbangan dalam perkembangan idea dan isu-isu semasa. (Zahid, 2017).

Penglibatan Abdul Hadi Awang dalam Gerakan Islam

Gerakan dakwah melalui penglibatan politik merupakan bidang yang telah diceburi oleh Tuan Guru Haji Abdul Hadi Awang lebih dari separuh abad. Antara faktor yang mendorong beliau untuk terlibat adalah daripada pengaruh persekitaran dan mereka yang dekat khususnya keluarga. Kini

beliau menerajui parti PAS sebagai presiden dan pada masa yang sama merupakan Duta Khas Perdana Menteri ke Timur Tengah bertaraf menteri. (Bernama, 2020).

Selain itu, beliau juga terlibat di pentas gerakan dakwah di peringkat antarabangsa dalam menangani pelbagai isu umat. Beliau pernah dilantik menjadi ahli jawatankuasa penyelarass gabungan parti-parti politik Islam bagi menangani isu Palestin yang berpusat di Amman, Jordan pada tahun 1990. (Riduan, 2009). Selain itu, beliau juga pernah dilantik menjadi Ahli Jawatankuasa Penyelarass Gerakan Islam di Turki pada tahun 1994 dan sering dijemput untuk menghadiri perjumpaan atau *ijtima'* oleh Parti Islam Pakistan serta Gerakan Islam di Indonesia. (Zahid, 2017). Ini menunjukkan beliau mendapat tempat yang baik dalam gerakan Islam dunia dan diberi kepercayaan oleh gerakan Islam lain. Jasa dan sumbangan beliau banyak dilakukan dalam isu-isu berkaitan umat sama ada di Malaysia atau antarabangsa dan beliau juga banyak mengupas isu dan topik mengenai Islam dan dunia Islam. (Zahid, 2017).

Kehebatan dan kewibawaan Abdul Hadi dalam memimpin gerakan Islam, menjadikan beliau seorang tokoh Gerakan Islam yang dikenali di nusantara. Di samping itu, beliau sering dijadikan sebagai mentor dalam gerakan Islam seluruh dunia terutamanya dalam isu berkaitan penyatuan gerakan-gerakan Islam di sesebuah negara.

Faktor kedua yang menjadi dorongan penglibatan beliau dalam bidang dakwah politik berkaitan dengan tarbiyah dan pendidikan yang beliau perolehi semasa di Tanah Melayu dan semasa beliau belajar di Arab Saudi dan Mesir. Semasa di sana beliau mendapat pendedahan dan ilmu agama serta politik khususnya daripada tokoh-tokoh pimpinan gerakan Islam Ikhwanul Muslimin seperti Said Hawwa, Muhammad al-Wakeel, Mahmud Sowwab dan lain-lain lagi. (Haziyah, 2014). Sebahagian besar Mursyidul Am Ikhwanul Muslimin sempat ditemui oleh beliau seperti Umar Tilmisani, Ma'mun Hudaibi, Mustafa Mashyur, Mehdi 'Akif dan Ahmad Badie' untuk mendapat didikan berkenaan gerakan Islam dan kepimpinan politik.

Faktor seterusnya yang membina pemikiran dan penglibatan beliau dalam gerakan dakwah dan politik adalah hasil dari ilmu di Pusat Pengajian dan juga pengaruh dari tulisan-tulisan tokoh Islam. Selain itu, dalam menimba ilmu berkaitan gerakan Islam dan politik ini, Abdul Hadi

turut membaca karya-karya Hasan Hudaibi kerana beliau banyak menulis karya berkaitan seni berdakwah dalam politik. (Nuur Farhana, 2016). Tokoh politik antarabangsa dari Turki juga banyak membentuk fikiran politik beliau iaitu Prof. Najmuddin Erbakan. Melihat kepada didikan dan pemikiran yang diterima, ia menunjukkan bahawa peranan tokoh dan ilmuan islam serta penulisan mereka dalam melahirkan seorang tokoh ulama yang lain. Usaha tokoh-tokoh tersebut seperti menulis dan menyampaikan ilmu diteruskan oleh beliau sehingga ke hari ini.

Penglibatan Tuan Guru Haji Abdul Hadi Awang dalam Bidang Pentafsiran al-Quran

Seperti yang dijelaskan, penglibatan Abdul Hadi dalam gerakan dakwah dan politik telah bermula sejak beliau pulang ke tanah air. Setelah pulang, beliau aktif dalam menyampaikan ilmu dan terlibat sebagai pimpinan ABIM. Abdul Hadi mempunyai kemahiran menyampaikan pidato dengan berkesan. Malah kemampuan beliau yang disokong dengan kedalaman ilmu pengetahuan agama dan isu semasa menjadikan Kuliah dan ceramah beliau didekati dan diterima di peringkat lokal. Selain itu, beliau menggantikan bapanya dalam menyampaikan kuliah dan ceramah di Masjid Rusila.

Pengasas kepada kuliah tafsir di masjid Rusila ialah bapa beliau sendiri. Setelah kematian bapanya pada tahun 1976, Abdul Hadi menyambung usaha tersebut sehinggalah ke hari ini. Sehingga penulisan makalah ini melaporkan, Abdul Hadi telah terlibat dengan menyampaikan kuliah tafsir di Masjid Rusila selama 45 Tahun. Jika suatu ketika dahulu kuliah tersebut dijalankan secara bersemuka dan hanya mereka yang tinggal berdekatan sahaja yang dapat hadir untuk mendengar kuliah tersebut, pada hari ini dengan kemajuan teknologi dan media khususnya media elektronik dan sosial, kuliah tafsir tersebut dapat diikuti secara langsung atau rakaman secara dalam talian. (Syamimi Amira & Najah Nadiah, 2020).

Kuliah tafsir yang dikendalikan oleh Abdul Hadi itu telah khatam 30 juzuk al-Quran sebanyak dua kali. Proses pengajaran kuliah tafsir beliau ini bukanlah satu proses yang mudah kerana pada awal pengajian dahulu, hanya sekitar 200 orang sahaja yang berminat untuk mengikuti majlis ilmu tersebut. Namun, bilangan itu semakin bertambah dari semasa ke semasa. Antara faktornya adalah kerana ketokohan pada diri Abdul Hadi yang padat dengan ilmu disamping, fasih membaca ayat-ayat al-Quran

dan hadith Nabi SAW telah berjaya dalam menarik orang ramai untuk mengikuti kuliah dan majlis ilmu beliau. (Haziyah, 2017). Kepetahannya dalam berpidato juga menarik minat hadirin dan memukau hadirin yang turut serta dalam kuliah beliau. (Awatif, 2018). Setelah itu, nama beliau semakin dikenali dan beliau menjadi semakin terkenal khususnya dalam kalangan pengikutnya dan masyarakat di Masjid Rusila. (Haziyah, 2017). Dalam penyampaian tafsir tersebut, beliau menggunakan pendekatan dan metodologi pentafsiran al-Quran secara *bi mathur* dan *bi ra'yi*.

Kini pengajaran tafsir beliau telah dirakam secara audio dan video. Sebahagian kecil dari surah-surah tersebut telah dijadikan buku untuk bacaan dan menambah khazanah penulisan tafsir di nusantara. Tafsiran daripada Abdul Hadi dikumpulkan di bawah satu siri yang dinamakan *Tafsir al-Tibyan*. *Tafsir al-Tibyan* ini menggabungkan metode tahlili dan maudhui kerana dapat dilihat dalam tafsiran, beliau membahas secara surah dan juga memberi penafsiran ayat demi ayat secara terperinci. (Zahid, 2017). Menurut Tuan Guru Haji Abdul Hadi Awang sendiri, sumber penafsiran bagi tafsir ini secara dominannya adalah kepada Tafsir bi Mathur. Terdapat sembilan surah yang telah diterbitkan dalam siri *Tafsir al-Tibyan* iaitu surah Al-Baqarah, Al-Saff, Al-Hujurat, Al-Kahfi, Yaasin, Al-Hasyr, Luqman, Al-Asr dan Al-Fill. Kini usaha pembukuan tafsir beliau untuk keseluruhan 30 juzuk sedang diusahakan oleh sekumpulan penyelidik dari Universiti Kebangsaan Malaysia dengan geran penyelidikan daripada Terengganu Strategic and Integrity Institute (TSIS). Ia dijangka selesai menjelang tahun 2022.

Sumbangan dalam Bidang Tafsir

Pada permulaan penglibatan Tuan Guru Haji Abdul Hadi Awang dalam bidang tafsir adalah untuk menyambung tugas bapanya dalam menyampaikan kuliah tafsir di Masjid Rusila. Kuliah tafsir tersebut menjadi platform untuk beliau berdakwah sejurus kembali di tanah air pada tahun 1976. (Mustaffa, 2009). Sumbangan Abdul Hadi dalam bidang tafsir ini boleh dilihat pada pendekatan pentafsiran yang dilakukan oleh beliau. Beliau telah melakukan pentafsiran secara lisan dan bertulis. Hal ini kerana, tafsiran daripada beliau kebanyakannya adalah melalui kuliahnya dan secara bertulis pula diterbitkan dalam buku di bawah siri at-Tibyan serta di ruangan tafsir akhbar Harakah. (Haziyah, 2017).

Selain itu, dengan bantuan perkembangan teknologi terkini Abdul Hadi telah menggunakan pelbagai platform dan medium untuk beliau sampaikan pentafsiran al-Quran tersebut. Antaranya adalah secara langsung melalui kuliah tafsir beliau, melalui laman youtube dan media

sosial yang lain serta melalui karya penulisan beliau berkaitan tafsir. (Syamimi Amira & Najah Nadiah, 2020). Sumbangan Abdul Hadi dalam bidang pentafsiran ini juga adalah dengan menghasilkan karya yang berkaitan dengan al-Quran dan tafsirannya. Abdul Hadi menghasilkan penulisan berkaitan al-Quran dalam bentuk buku agar masyarakat dapat mengenali dan memahami kalamullah itu dengan lebih mudah dan santai. Kebanyakan karya Abdul Hadi akan dihasilkan dengan bahasa yang mudah dan disertakan dengan topik atau tema untuk mudah masyarakat memahami intipati buku tersebut.

Karya penulisan Abdul Hadi dalam bidang tafsir adalah sebanyak 24 buah karya terbitan termasuk dengan edisi yang pelbagai. (Mohd Fadhli, 2018). Bilangan karya berkaitan tafsir yang telah dihasilkan kini adalah lebih banyak lagi dan antara karya penulisan Abdul Hadi dalam bidang tafsir ini adalah seperti berikut:

Jadual Karya Penulisan Tafsir Oleh Abdul Hadi Awang

Bil.	Tahun	Nama Karya Tafsir	Penerbit
1.	tt	At-Tibyan Fi Tafsir al-Quran Surah al-Kahfi	Lajnah Tarbiyah dan Latihan Kepemimpinan PAS Pusat, Batu Caves
2.	1993	At-Tibyan Fi Tafsir al-Quran Surah al-Hasyr	Lajnah Tarbiyah dan Latihan Kepemimpinan PAS Pusat, Batu Caves
3.	1993	At-Tibyan Fi Tafsir al-Quran Surah as-Saff	Lajnah Tarbiyah dan Latihan Kepemimpinan PAS Pusat, Batu Caves
4.	1998	Kuliyah Tuan Guru Abdul Hadi Awang Tafsir Surah al-Baqarah: Siri 1 dan 2	Dewan Muslimat Sdn. Bhd.
5.	1999	Kuliyah Tuan Guru Abdul Hadi Awang Tafsir Surah al-Baqarah: Siri 3	Dewan Muslimat Sdn. Bhd.
		Kuliyah Tuan Guru Abdul Hadi Awang Tafsir Surah al-Baqarah: Siri 4	Dewan Muslimat Sdn. Bhd.

6.	1999	Tafsir Surah Yasiin: Menyelami Lubuk Hati al-Quran	Penerbit Muttaqin, Kuala Lumpur
7.	2000	Kuliyah Tuan Guru Abdul Hadi Awang Tafsir Surah al-Baqarah: Siri 5	Dewan Muslimat Sdn. Bhd.
		Kuliyah Tuan Guru Abdul Hadi Awang Tafsir Surah al-Baqarah: Siri 6	Dewan Muslimat Sdn. Bhd.
8.	2002	At-Tibyan Dalam Menafsirkan al-Quran Surah al-Fill dan Surah al-Hasyr	as-Syabab Media, Bangi
9.	2002	At-Tibyan Dalam Menafsirkan al-Quran Surah al-Hujurat	as-Syabab Media, Bangi
10	2002	At-Tibyan Dalam Menafsirkan al-Quran Surah Luqman	as-Syabab Media, Bangi
11.	2002	Tafsir Surah Yaasin: Penawar Hati Insan	Penerbit Muttaqin, Kuala Lumpur
12.	2004	At-Tibyan Dalam Menafsirkan al-Quran Surah al-Baqarah, Ayat 1-162	Nufair Street
13.	2004	Tafsir Surah Yaasin: Penawar Hati Insan	Nufair Street
14.	2009	Tafsir At Tibyan Surah Yasin	Nufair Street
15.	2010	At-Tibyan Dalam Menafsirkan al-Quran Surah al-Hujurat	Jundi Resources
16.	2011	At Tibyan Dalam Mentafsirkan Al-Quran: Surah As-Saff	Jundi Resources
17.	2013	Tafsir at-Tibyan Tafsir Surah Yasiin	Galeri Buku Harakah, Kuala Lumpur
18.	2013	Tafsir Surah Al-Kahfi	Aisyah Humaira Publications

19.	2014	Tafsir at-Tibyan: Tafsir Surah al-Baqarah Ayat 1-82	Penerbitan Harakah
20.	2014	Tafsir at-Tibyan: Tafsir Surah al-Baqarah Ayat 83-160	Penerbitan Harakah
21.	2014	Tafsir at-Tibyan Surah al-‘Asr: Ke Arah Memahami Intipatinya	Lajnah Tarbiyah Dan Perkaderan PAS, Kuala Lumpur
22.	2020	Celupan Jarum Kecil Dalam Lautan Ilmu Al-Quran	Pustaka Permata Ummah

Sumber: Mohd Fadhli (2018); Haziyah (2017)

Selain, mengajar dan menulis, Abdul Hadi menyumbang secara langsung dalam bidang tafsir melalui penggunaan dan penggabungan antara metode pentafsiran *bi mathur* dan *bi ra'yi*. (Abd. Ghani, 1997). Pentafsiran secara *bi mathur* itu meliputi tafsir al-Quran dengan al-Quran, tafsir al-Quran dengan hadith, tafsir al-Quran dengan kata-kata sahabat dan tafsir al-Quran dengan pandangan ulama. Metode pentafsiran Abdul Hadi ini bertepatan dengan disiplin tafsir al-mathur yang telah digariskan oleh ulama *mufasssir*. Penggunaan metode *bi ra'yi* pula, adalah untuk melihat pada pandangan dan isu semasa. Pendekatan yang dibawa oleh beliau adalah dengan mengaitkan isu-isu semasa dalam tafsir beliau dan ianya bertujuan untuk meningkatkan kepekaan umat terhadap peranan mereka sebagai umat Islam. (Abdul Hadi, 2013). Pendekatan pentafsiran Abdul Hadi juga adalah dengan menggabungkan metode *maudhui* dan *tahlili*. Gabungan dua pendekatan ini dapat dilihat pada tafsir at-Tibyan beliau. Penggunaan metode *maudhui* dapat dilihat pada perbahasan satu surah kepada satu surah yang dikenali sebagai metode *maudhui* secara surah. Metode *tahlili* pula dilihat pada penjelasan untuk pentafsiran ayat secara terperinci pada setiap ayat dalam al-Quran. (Zahid, 2017).

Selain itu, menurut kajian oleh Muhammad Hafiz (2018), terdapat beberapa langkah yang digunakan oleh beliau dalam mentafsir. Pertama beliau menghuraikan maksud setiap ayat. Kedua, beliau memberikan keterangan mengenai ayat yang hendak ditafsirkan dan cara tersebut adalah cara yang sering dilakukan oleh Abdul Hadi setiap kali beliau melakukan pentafsiran dalam kuliah tafsirnya. Ketiga, menghuraikan secara lebih terperinci terhadap setiap ayat ataupun perkataan yang hendak beliau sampaikan dalam kuliah tafsirnya Keempat, beliau juga

mengemukakan keterangan umum berkaitan surah tersebut. Kelima, beliau akan mengemukakan pandangan ulama tafsir dan menghuraikannya. Keenam, dalam menjelaskan Kaitan ayat dengan masyarakat, beliau akan menyentuh dan memberikan contoh dengan mengaitkan dengan isu yang pernah berlaku dalam sirah dan sejarah dan juga isu semasa.

Contoh metode pentafsiran ayat al-Quran yang dilakukan oleh Abdul Hadi adalah pada surah Al-Saf. Beliau memulakan pentafsiran dengan pengenalan surah. Pada bahagian pengenalan dinyatakan perkara seperti madaniyyah surah, sebab penurunan, sebab penamaan surah dan penerangan mengenai sinopsis surah secara umum dan ringkas. (Sahlawati, 2018). Ini adalah contoh metode pentafsiran secara maudhui oleh Abdul Hadi. Cara pentafsiran ayat al-Quran oleh Abdul Hadi juga adalah dengan membahaskan isi kandungan surah tersebut. Setelah itu, beliau akan cuba melihat kaitan antara isi kandungan surah itu dengan realiti kini dengan tujuan untuk memudahkan masyarakat memahami isi kandungan al-Quran. Secara ringkasnya, metode pentafsiran ayat al-Quran oleh Abdul Hadi adalah mengikut disiplin ilmu yang telah digariskan oleh ulama tafsir. Beliau memulakan tafsiran dengan membaca ayat al-Quran tersebut dan seterusnya memberi terjemahan secara umum.

Setelah itu, beliau akan memberi tafsiran setiap ayat dan jika terdapat isu yang berkaitan dengan hal semasa, beliau akan huraikan juga dalam tafsirannya. Pendekatan beliau dalam pentafsiran kebiasaannya, adalah dengan meletakkan tajuk atau tema pada kandungan surah yang akan ditafsirkan. Beliau juga menggunakan bahasa yang mudah dan santai agar mudah masyarakat memahaminya. (Sahlawati, 2018).

Terdapat beberapa corak penafsiran al-Quran. Antaranya corak penafsiran secara fiqhi, falsafi, ilmi, adabi ijtimai, dan lughawi. Melalui kajian Zahid Mat Dui (2017), corak pentafsiran Abdul Hadi cenderung kepada corak penafsiran secara *adabi ijtimai* iaitu pentafsirannya adalah berkaitan dengan hal sosial kemasyarakatan. Abdul Hadi sendiri mengakui bahawa beliau lebih tertumpu pada sosial kemasyarakatan dalam melakukan pentafsiran ayat al-Quran. Isu berkaitan sosial kemasyarakatan yang dihuraikan oleh Abdul Hadi dalam pentafsirannya banyak berkisar berkenaan dengan isu-isu politik dan masyarakat. Ini kerana sebagai pemimpin bagi gerakan Islam PAS, beliau mengangkat isu politik dalam penyampaian dan pengajaran tafsir agar masyarakat dapat memahami politik Islam dan bersama dalam membangunkan syiar Islam. Perbincangan berkaitan gerakan dakwah Islam juga antara isu yang sering

dihuraikan oleh beliau dalam tafsirannya. Isu-isu berkaitan gerakan dakwah Islam sama ada bersifat individual atau amal jemaah ditekankan contohnya tafsiran beliau dalam surah Al-Kahfi.

Tafsiran bercorak di atas juga dikenali sebagai tafsir bercorak haraki iaitu satu corak aliran tafsir yang fokus kepada aspek dakwah, harakah, tarbiah, tazkiyah, jihad dan perjuangan, mengajak umat Islam untuk beramal dengan al-Quran serta mengetengahkan pengajaran dalam berdakwah. (Haziyah, 2017).


Sumbangan Tuan Guru Haji Abdul Hadi dalam Gerakan Dakwah Melalui Penglibatan Politik

Penglibatan Tuan Guru Haji Abdul Hadi Awang dalam bidang politik adalah sejak beliau kecil lagi. Kepimpinan Abdul Hadi dalam dunia politik Islam dikenali sehingga ke peringkat antarabangsa. Banyak jasa dan sumbangan Abdul Hadi dalam gerakan Islam khususnya gerakan Islam yang dipimpin oleh beliau kini iaitu Parti Islam Se-Malaysia (PAS). Kepimpinan adalah sesuatu yang penting bagi seorang pemimpin dalam mentadbir dan mengurus organisasi atau gerakannya. Berikut merupakan gambarajah penglibatan dan perlantikan beliau sebagai kepimpinan dalam gerakan.

Gambarajah: Penglibatan dan Kepimpinan Tuan Guru Haji Abdul Hadi Awang dalam Gerakan Islam

Tahun	
1976	Ketua Pemuda PAS Terengganu dan Exco Dewan Pemuda PAS Pusat
1977-1978	- Pegawai Yayasan Islam Terengganu - Ketua Angkatan Belia Islam Malaysia (ABIM) cawangan Terengganu
1978	Penyertaan secara rasmi dalam bidang politik (dipilih sebagai calon PAS di DUN Marang
1989	Menjadi Timbalan Presiden PAS
1999-2004	Menteri Besar Terengganu
2003	Memangku jawatan Presiden PAS yang ketujuh
2005	Lantikan sepenuhnya bagi jawatan Presiden PAS
2014	Naib Pengerusi Kesatuan Ulama Sedunia
2016	Terserai antara 500 Muslim berpengaruh di dunia (Kategori Pendakwah dan Pembimbing Rohani)
2020	Duta Khas Perdana Menteri ke Timur Tengah bertaraf Menteri

Penglibatan dan Kepimpinan Tuan Guru Haji Abdul Hadi Awang dalam Gerakan Islam



Sumber: thepatriots.asia 2019

Berasaskan kepada ayat 30 Surah Al-Baqarah mengenai tanggungjawab dan peranan seorang manusia sebagai khalifah, Abdul Hadi berpendirian bawa pentingnya kepimpinan Islam itu memimpin masyarakat.

وَإِذْ قَالَ رَبُّكَ لِلْمَلَائِكَةِ إِنِّي جَاعِلٌ فِي الْأَرْضِ خَلِيفَةً قَالُوا أَتَجْعَلُ فِيهَا مَن يُفْسِدُ فِيهَا وَيَسْفِكُ
الْدِمَاءَ وَنَحْنُ نُسَبِّحُ بِحَمْدِكَ وَنُقَدِّسُ لَكَ قَالَ إِنِّي أَعْلَمُ مَا لَا تَعْلَمُونَ (٣٠)

Maksudnya: *“Dan (ingatlah) ketika Tuhanmu berfirman kepada malaikat, ‘Sesungguhnya Aku hendak menjadikan seorang khalifah di bumi.’ Mereka bertanya (tentang hikmat ketetapan Tuhan itu dengan berkata), ‘Adakah Engkau (ya Tuhan kami) hendak menjadikan di bumi itu orang yang akan membuat bencana dan menumpahkan darah (berbunuh-bunuhan), padahal kami sentiasa bertasbih dengan memuji-Mu dan mensucikan-Mu?’ Tuhan berfirman, ‘Sesungguhnya Aku mengetahui akan apa yang kamu tidak mengetahuinya.”* (Al-Baqarah: 30)

Beliau melibatkan diri dalam bidang politik dan kini merupakan seorang pemimpin bagi parti politik di Malaysia iaitu Parti Islam Se-Malaysia (PAS). Beliau merupakan seorang pemimpin politik yang berwibawa serta mempunyai pemikiran yang tajam serta mampu melahirkan idea yang bernas dan bertepatan dengan perjuangan parti beliau iaitu meletakkan Islam sebagai tunggak perjuangan utama. (Marziana, 2018). Pelbagai idea dan pemikiran daripada Abdul Hadi yang telah beliau sumbangkan dalam usaha membentuk sebuah negara Islam dan usaha untuk membawa masyarakat mengamalkan cara hidup Islam secara menyeluruh. Antara sumbangan pemikiran dan idea Abdul Hadi terhadap bidang politik termasuk mengurus gerakan Islam iaitu PAS adalah seperti berikut:

1. Menubuhkan kadet perkaderan dan pentarbiahan dalam usaha pendekatan dakwah politik Islam ini kepada masyarakat. PAS mengadakan medium perkaderan dan pentarbiahan dengan tujuan melahirkan pendakwah-pendakwah yang mampu menunjukkan contoh teladan yang baik kepada masyarakat. (Abdul Hadi Awang, 2013). Di samping itu, ia dapat melahirkan individu yang memiliki pengetahuan Islam dan memahami permasalahan semasa. (Abdul Hadi Awang, 2013). Penubuhan sektor ini membantu dalam membangunkan gerakan Islam Di

Malaysia dan menunjukkan usaha Abdul Hadi dan ahli jemaah PAS dalam menegakkan syiar Islam.

2. Menjadi mentor kepada gerakan Islam dalam dan luar negara.
Penglibatan Abdul Hadi yang telah lama dalam bidang politik ini diiringi dengan sumbangan dan penglibatan beliau dalam politik dan gerakan Islam iaitu beliau sering kali dijadikan sebagai mentor dalam gerakan Islam seluruh dunia terutamanya dalam isu penyatuan gerakan-gerakan Islam di dalam negara mahupun di peringkat antarabangsa. Abdul Hadi terlibat secara aktif memberi sumbangan sehingga ke peringkat antarabangsa bersama-sama dengan gerakan Islam yang lain dari pelbagai negara menangani pelbagai isu ummah. Selain itu, beliau juga telah mewakili PAS ke Muktamar Pertubuhan-Pertubuhan Islam Sedunia ke-5 di Istanbul pada tahun 1996. Beliau juga pernah muncul di kaca layar TV seperti stesen TV 'al-Manar', 'al-Jazira' dan sebagainya mengupas pelbagai isu dan topik mengenai Islam dan dunia Islam. Selaku Naib Ketua Kesatuan Ulama Islam Sedunia, Abdul Hadi hadir ke Persidangan Lembaga Pemegang Amanah Kesatuan Ulama Islam Sedunia (International Union of Muslim Scholars) pada 3 Ogos hingga 6 Ogos 2016 di Konya, Turki. (Anon, 2016). Beliau banyak melibatkan diri dalam isu ummah atau masyarakat dan beliau juga tersenarai antara 500 orang Muslim yang berpengaruh di dunia bagi kategori pendakwah dan pembimbing rohani pada tahun 2016.
3. Memimpin dan Mengendalikan Gerakan Dakwah dan Politik yang Mengangkat Perlaksanaan Tahaluf Siyasi dan Berkerjasama Demi Kesejahteraan Massa.
Pemikiran fiqh siyasi Abdul Hadi dalam melaksanakan tahaluf siyasi (kerjasama gerakan Islam dengan pergerakan lain yang tidak bermatlamatkan Islam di dalam perjuangannya. (Ahmad Fadhli, 2008). Idea Abdul Hadi dalam melaksanakan tahaluf siyasi tersebut bukan untuk mengambil kesempatan ke atas gerakan lain demi mencapai kemenangan Islam, tetapi adalah untuk menunjukkan rahmat dan keindahan Islam sekaligus bersedia bersama dalam perkara kebaikan dan kemanusiaan. Usaha yang telah beliau lakukan ini mendapat reaksi pelbagai sama ada dalam bentuk positif atau negatif dalam kalangan masyarakat, pemimpin dan pihak pembangkang. (Awatif, 2018). Perkara yang dilakukan

oleh Abdul Hadi ini memberi peluang yang baik dalam gerakan Islam pimpinan beliau dalam menjalinkan hubungan baik sesama gerakan parti bukan Islam serta merupakan cara dakwah beliau dalam menunjukkan kepimpinan dalam Islam disertai dengan keindahan Islam.

Sehubungan itu juga Abdul Hadi melancarkan model pemerintahan negara yang dinamakan sebagai Wawasan Induk Negara Sejahtera (WINS 2051). WINS 2051 telah diuar-uarkan dalam muktamar 2017 oleh Presiden PAS iaitu TGHH. WINS 2051 menepati konsep Budaya Politik Matang Sejahtera dan antara kriterianya adalah 'politik berasaskan penyelesaian Islam'. Kemajuan yang ingin dibawa dalam perancangan WINS 2051 ini adalah selari antara material, mental dan spiritual. Kemajuan yang bersuluhkan visi akhirat, tidak terbatas pada kemajuan duniawi sahaja. (Awatif, 2018).

Sumbangan Abdul Hadi dalam gerakan Islam terutamanya melalui gerakan parti politik, jelas menunjukkan kepimpinan dan ketokohan beliau dalam gerakan Islam. Ianya juga menunjukkan penglibatan Abdul Hadi yang tidak pernah jemu dan berhenti dalam membantu masyarakat Islam dan menyebarkan dakwah Islam.

Kesimpulan

Makalah ini telah menghuraikan mengenai ketokohan dan sumbangan seorang ulama dalam gerakan Islam dan bidang tafsir iaitu Abdul Hadi Awang. Beliau merupakan pemimpin Parti PAS dan merupakan Duta Khas Perdana Menteri ke Timur Tengah bertaraf Menteri. Makalah ini telah meneroka penglibatan awal beliau dan usaha beliau dalam penyampaian kuliah tafsir yang bermula di masjid Kampung Rusila, Terengganu. Berdasarkan perbincangan, usaha pengajaran tafsir beliau telah mencecah hampir 50 tahun dan beliau telah khatam sebanyak dua kali. Selain menyampaikan tafsir, beliau menyumbang kepada agama dengan menulis tafsir dan buku-buku. Sebagai pemimpin parti politik di Malaysia, Abdul Hadi menunjukkan ketokohan dan sumbangan kepada masyarakat. Antara sumbangan kepimpinan beliau yang dibincangkan dalam makalah ini meliputi aspek pembinaan pendakwah dan juga kerjasama politik demi kesejahteraan dan kemaslahatan masyarakat. Kepimpinan Abdul Hadi dalam gerakan Islam dapat dilihat dengan jelas melalui penglibatan beliau dan sumbangan beliau dalam gerakan Islam yang telah dinyatakan dalam makalah ini. Sumbangan beliau sebagai

pentafsir juga jelas dilihat melalui pentafsiran ayat al-Quran yang dilakukan melalui kuliah tafsir beliau dan juga karya penulisan beliau. Segala jasa dan sumbangan Abdul Hadi sebagai tokoh ulama dan pentafsir di Nusantara ianya adalah demi menegakkan syiar Islam dan menyebarkan Islam ke serata dunia.

Penghargaan

Makalah ini adalah sebahagian hasil kajian di bawah geran penyelidikan kod PP-2020-005.

Rujukan

- 'Awatif 'Iffah Binti Ismail. 2018. Pemikiran Fiqh Siyasi Tuan Guru Haji Abdul Hadi Awang. Latihan Ilmiah Ijazah Sarjana Muda. Fakulti Pengajian Islam. Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia
- Abdul Ghani. 1997. Metodologi Tuan Guru Haji Abdul Hadi Awang dalam Tafsir al-Quran. Latihan Ilmiah Ijazah Sarjana Muda Akademi Pengajian Islam. Kuala Lumpur: Universiti Malaya.
- Abdul Hadi Awang. 2013. *Tafsir Surah al-Kahfi*. Aisyah Humaira Publications. Kuala Lumpur.
- Ahmad Fadhli bin Shaari. 2008. Hukum Tahaluf Siyasi Dalam Konteks Gerakan Islam Masakini. <http://kias.edu.my/tahalufsiasi08.htm>.
- Anon. 2016. 10 salah faham usul RUU Akta Mahkamah Syariah. <http://www.sinarharian.com.my/wawancara/10-salah-faham-usul-ruu-akta-mahkamah-syariah-1.527384>.
- Bername. April 2020. Astro Awani. Pelantikan Abdul Hadi sebagai Duta Khas Perkuuk Hubungan Diplomatik- Tuan Ibrahim. <https://www.astroawani.com/berita-malaysia/>
- Haziyah Hussin. 2014. Al-Manhaj al-Haraki fi Tafsir al-Syaykh Sa'id Hawwa Dirasah Tahliliyyah. Unpublished PhD. Thesis. International Islamic University Malaysia.
- Haziyah Hussin. 2017. Sumbangan Tuan Guru Dato' Seri Haji Abdul Hadi Awang dalam Peradaban Tafsir di Malaysia. Kertas kerja Persidangan Antarabangsa Islam dan Tokoh.
- Marziana bt Othman@Osman. 2018. Sumbangan Pemikiran Tuan Guru Haji Abdul Hadi Awang Terhadap Pembangunan Politik Kontemporari Di Malaysia. Latihan Ilmiah Ijazah Sarjana Muda Dengan Kepujian. Fakulti Pengajian Islam. Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia
- Mohammad Hafiz b. Mohd Taip. 2018. Pemikiran Tuan Guru Haji Abdul Hadi Awang dalam Pentafsiran Surah ali-Imran. Latihan Ilmiah Ijazah Sarjana Muda. Fakulti Pengajian Islam. Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia
- Mohd Fadli Ghani. 2018. *Koleksi Karya Tuan Guru Abdul Hadi*. harakahdaily.net. November. <https://harakahdaily.net/index.php/2018/11/01/koleksi-karya-tuan-guru-abdul-hadi/>
- Moustapha Abbas. 2019. Datuk Seri Abdul Hadi Awang: Ahli Siasah Islam. <https://www.thepatriots.asia/datuk-seri-abdul-hadi-awang-ahli-siasah-islam/>
- Mustaffa Abdullah. 2009. *Khazanah Tafsir di Malaysia*. Kuala Lumpur: Akademi Pengajian Islam.

- Nuur Farhana. 2016. Sumbangan Tuan Guru Haji Abdul Hadi Awang Kepada Penubuhan dan Perkembangan Maahad Darul Quran. Tesis Sarjana. Fakulti Pengajian Islam. Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Riduan Mohamad Nor. 2009. *Abdul Hadi Awang: Murabbi, Ideologi, Pemimpin*. Selangor: Jundi Resources.
- Sahlawati Abu Bakar. 2018. Metodologi Tuan Guru Abdul Hadi Awang dalam Kitab al-Tibyan dalam mentafsirkan al-Quran (Surah al-Saf). Proceeding of The International Conference on Contemporary Issues in al-Quran and Hadith. Bangi: ILIM
- Syamimi Amira Shamsul Baharin & Najah Nadiyah Amran. 2020. Dakwah Tanpa Sempadan Tuan Guru Haji Abdul Hadi Awang di Era Pandemik COVID-19. e-prosiding Bicara Dakwah Kali ke-21: Dakwah Dalam Talian Semasa Pandemik. Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Zahid bin Mat Dui. 2017. Karakteristik Tafsir Kontemporari di Malaysia (Studi Tafsir al-Tibyan Karya Tuan Guru Haji Hadi Awang). Skripsi Sarjana Fakultas Ushuluddin. Raden Intan Lampung: Universitas Agama Islam Negeri

PROGRAM PEMBANGUNAN (TARBIYAH) MUALAF DI NEGARA BRUNEI DARUSSALAM: ANALISIS PELAKSANAAN SKIM BIMBINGAN PENGENALAN ISLAM

Muhammad Firdaus Rusman
Program Doktor Falsafah Perguruan Ugama (Pendidikan Islam)
Kolej Universiti Perguruan Ugama Seri Begawan
ace_1311@live.com / 19pp002@kampus.edu.bn

Abstrak

Di Negara Brunei Darussalam, tanggungjawab bagi membimbing dan mentarbiyah golongan mualaf tentang agama Islam dipegang oleh Pusat Dakwah Islamiah menerusi Bahagian Pembangunan (Tarbiyah) Mualaf. Kajian ini bertujuan bagi mengetahui pelaksanaan salah sebuah program yang dikendalikan oleh Bahagian Pembangunan Mualaf iaitu Skim Bimbingan Pengenalan Islam. Kajian ini dijalankan dengan menggunakan kaedah analisis kandungan terhadap kurikulum skim yang digunakan. Kajian telah mendapati bahawa skim Bimbingan Pengenalan Islam ini diadakan selama 10 hari setelah golongan mualaf mengucapkan dua kalimah syahadah dan mendaftar sebagai seorang Muslim di Negara Brunei Darussalam. Pendekatan pengajaran bagi skim ini diadakan secara individu bagi memudahkan lagi golongan mualaf berinteraksi bersama tenaga pengajar bagi mengenali agama Islam secara lebih dekat khususnya meliputi pelajaran tauhid dan fiqh. Dapatan kajian turut mendapati beberapa kekurangan dari aspek pelaksanaan skim ini antaranya penggunaan sumber buku pengajaran yang agak ringkas, sebagai contoh pelajaran tauhid hanya memfokuskan terhadap rukun Iman dan rukun Islam secara ringkas tanpa huraian rukun tersebut secara terperinci. Sementara bagi pelajaran fiqh, kekurangan didapati terhadap aspek kandungan antaranya penyediaan gambar bagi tatacara pengambilan air wudhu dan solat yang kurang jelas. Di samping itu, tatacara menunaikan solat bagi golongan yang tidak mampu menunaikan solat secara normal juga tidak disediakan. Selain itu, kajian turut mendapati bahawa skim bimbingan ini tidak menyediakan bentuk penilaian yang khusus. Hal ini boleh mendatangkan kesan yang negatif terhadap sistem pengendalian aktiviti pengajaran dan pembelajaran jikalau setiap tenaga pengajar tidak diberikan format dan panduan pendekatan penilaian yang tertentu. Cadangan bagi kajian ini antaranya menunjukkan satu keperluan terhadap penilaian kurikulum bagi program-program yang dijalankan oleh Bahagian Pembangunan Mualaf agar dilaksanakan bagi mengenal pasti keberkesanan skim ini dijalankan.

Kata Kunci: Mualaf, Pembangunan Mualaf, Pusat Dakwah Islamiah, Bimbingan Pengenalan Islam

Pendahuluan

Pendidikan Mualaf merupakan satu aspek yang perlu diambil berat oleh masyarakat Islam. Apabila golongan ini selesai mengucapkan dua

kalimah syahadah, mereka ini perlu diperkenalkan serta dibimbing untuk mengenali syariat agama Islam dengan sebaiknya. Golongan ini memerlukan terhadap bimbingan yang jelas dan efektif bagi memastikan peralihan cara kehidupan mereka kepada cara kehidupan Islam boleh dicapai dengan baik. (Ahmad Yunus Kasim, 2020). Hal ini kerana, proses peralihan terhadap tatacara kehidupan yang baharu adalah mengambil masa. Oleh sebab itu, golongan ini perlu dididik serta dipupuk mengenai asas-asas agama Islam yang meliputi akidah tauhid, fiqh dan akhlak.

Di Negara Brunei Darussalam, tanggungjawab bagi membimbing golongan mualaf dipegang oleh Pusat Dakwah Islamiah menerusi bahagian Pembangunan (Tarbiyah) Mualaf. Menerusi bahagian ini, golongan-golongan mualaf telah didedahkan serta dibimbing untuk mengenal agama Islam berpandukan akidah Ahli Sunnah Waljama'ah dengan bermazhabkan Imam Syafi'i. Hal ini sesuai dengan titah pemasyhuran kemerdekaan Negara Brunei Darussalam yang dilafazkan oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkia Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam:

Mulai 1 Januari 1984 Negara Brunei Darussalam adalah dengan izin serta limpah kurnia Allah Subhanahu Wata'ala akan untuk selamanya kekal menjadi sebuah Negara Melayu Islam Beraja yang merdeka, berdaulat dan demokratik bersendikan ajaran-ajaran Islam menurut Ahli Sunah Waljama'ah dan dengan berasaskan keadilan, amanah dan kebebasan dan dengan petunjuk serta keredaan Allah Subhanahu Wata'ala juga akan sentiasa berusaha pada memperoleh ketenteraman dan keselamatan, kebajikan serta kebahagiaan bagi rakyat dan demikian juga pemeliharaan perhubungan persahabatan di kalangan antarabangsa atas dasar saling menghormati terhadap kemerdekaan, kedaulatan, persamaan dan keutuhan wilayah bagi semua negara yang bebas dari campur tangan asing. (Titah Baginda Sempena Pemasyhuran Kemerdekaan Negara Brunei Darussalam, Tahun 1404 Hijrah/1984 Masihi).

Salah satu usaha dari pihak bahagian Pembangunan Mualaf adalah dengan memperkenalkan beberapa program khas bagi bimbingan agama Islam khususnya bagi para mualaf; untuk mendapatkan ilmu pengetahuan, kefahaman, pengamalan dan penghayatan terhadap ajaran

agama Islam. Maka dalam penulisan ini, pengkaji akan memfokuskan terhadap aspek pelaksanaan program yang ditawarkan oleh bahagian Pembangunan Mualaf terhadap golongan mualaf. Antara bentuk program yang dijalankan oleh pihak bahagian pembangunan tersebut adalah Skim Bimbingan Pengenalan Islam, Skim Bimbingan Asas Agama Islam, Skim Bimbingan Lanjutan I, Skim Bimbingan Lanjutan II, Bimbingan Bergerak, dan Kelas Bimbingan Mualaf. Adapun dalam penulisan ini hanya memfokuskan terhadap pelaksanaan program pengenalan asas sahaja iaitu Skim Bimbingan Pengenalan Islam.

Program Dakwah Mualaf di Negara Brunei Darussalam

Sebelum pengkaji membincangkan aspek pelaksanaan program skim Bimbingan Pengenalan Islam yang diadakan di Negara Brunei Darussalam terhadap golongan mualaf, pengkaji akan membincangkan maksud mualaf secara ringkas.

1. Definisi Mualaf

Perkataan mualaf berasal daripada kata ‘allafa’ yang antaranya disebutkan di dalam al-Quran iaitu dalam surah Al-Anfal ayat 63:

وَأَلَّفَ بَيْنَ قُلُوبِهِمْ لَوْ أَنْفَقْتَ مَا فِي الْأَرْضِ جَمِيعًا مَا أَلَّفْتَ بَيْنَ قُلُوبِهِمْ وَلَكِنَّ اللَّهَ أَلَّفَ بَيْنَهُمْ إِنَّهُ عَزِيزٌ حَكِيمٌ

Tafsirnya: “Dan (Dialah) yang menyatu-padukan di antara hati mereka (yang beriman itu). Kalaulah engkau belanjakan segala (harta benda) yang ada di bumi, nescaya engkau tidak dapat juga menyatu-padukan di antara hati mereka, akan tetapi Allah telah menyatu-padukan di antara (hati) mereka. Sesungguhnya Dia Maha Kuasa, lagi Maha Bijaksana.”

(Al-Anfal: 63)

Melalui ayat *allafa* (أَلَّفَ) adalah bermaksud memadukan atau mempersatukan. (Al-Mahalli & As-Suyuthi, 2010). Hal ini bermaksud, Allah Subhanahu Wata’ala telah menyatukan hati mereka (golongan suku Aus dan suku Khazraj sehingga menjadi Islam) dan menjadi pendokong Rasulullah Sallallahu ‘Alaihi Wasallam. (Quraish Shihab, 2002; Salahuddin Abdullah & Omar Khalid, 2009).

Sementara definisi mualaf seperti yang dipetik dalam Al-Quran iaitu surah Al-Tawbah ayat 60, menurut Al-Maraghiy (2001) pula adalah bermaksud “Orang yang dikehendaki supaya hatinya cenderung atau tetap kepada Islam”. Dusuki Ahmad (2012) menjelaskan lagi, agar hati mereka untuk dijinakkan terhadap agama Islam kerana iman mereka belum lagi teguh.

2. Latar Belakang Skim Bimbingan Pengenalan Islam

Di Negara Brunei Darussalam, setelah golongan mualaf selesai mengucapkan dua kalimah syahadah dan mendaftar sebagai seorang Muslim, mereka dikehendaki untuk mengikuti kursus bimbingan asas mengenai agama Islam iaitu berupa skim Bimbingan Pengenalan Islam yang diadakan selama 10 hari. Hal ini selaras dengan peruntukan Akta Majlis Ugama Islam serta Mahkamah-Mahkamah Qadhi tahun 1984 part VIII bil: 167 (3):

Setiap orang yang memeluk ugama Islam adalah dikehendaki untuk mengikuti bimbingan agama Islam bagi membolehkannya menguasai perkara-perkara yang bersangkutan paut dengan aqidah, amal ibadat dan cara hidup Islam.

Keunikan program ini juga tertumpu kepada teknik pelaksanaan program tersebut iaitu dengan menerapkan pendekatan pengajaran secara individu (perseorangan). Setiap pelajar mualaf akan dibimbing oleh seorang ahli tenaga pengajar bagi menjalani pengajaran dan pembelajaran secara bertalaqqi. Hal ini bagi memudahkan lagi pelajar mualaf untuk berinteraksi bersama tenaga pengajar bagi mengenali agama Islam secara lebih dekat.

Dalam skim ini juga, pelajar-pelajar mualaf diberikan pilihan bagi mengikuti kursus program dalam bahasa melayu ataupun bahasa inggeris mengikut keinginan pelajar mualaf masing-masing. Fokus kurikulum bagi program skim peringkat pengenalan ini adalah memfokuskan terhadap bimbingan asas berkaitan dengan pelajaran tauhid dan fiqh meliputi aspek teori dan praktikal.

3. Objektif bagi Skim Bimbingan Pengenalan Islam

Objektif bagi skim Bimbingan Pengenalan Islam berdasarkan sumber buku teks yang digunakan dalam skim ini adalah “Mempelajari dan memahami seterusnya memudahkan mualaf mengamalkan ajaran agama Islam”. (Pusat Da’wah Islamiah, 2019).

4. Sukatan Pelajaran bagi Skim Bimbingan Pengenalan Islam

Skim bagi peringkat pengenalan ini memfokuskan terhadap perkara-perkara asas mengenai agama Islam meliputi aspek tauhid dan fiqh (ibadah). Berikut merupakan kandungan pelajaran yang diajarkan dalam skim peringkat pengenalan ini sepertimana yang telah dinyatakan dalam sukatan pelajaran dan sumber buku teks yang telah disediakan oleh bahagian Pembangunan Mualaf:

Jadual 1: Kandungan Pelajaran Bagi Peringkat Pengenalan

Mata Pelajaran	Tajuk
Tauhid	Rukun Iman (<i>Pillar of Faith</i>) Rukun Islam (<i>Pillar of Islam</i>)
	Hukum-Hukum Islam (<i>Islamic code of Judgement</i>) Hadas (<i>Impurity</i>) Mandi (<i>Bath</i>) Berkhatan (<i>Circumcision</i>) Wudhu (<i>Ablution</i>) Sembahyang (<i>Prayer</i>) Sembahyang Jumaat (<i>Friday Prayer</i>)
Fiqh	Azan dan Iqamah (<i>Azan and Iqamah</i>) Bacaan-Bacaan Dalam Sembahyang (<i>Recitation In The Prayer</i>) Cara Mengerjakan Sembahyang (<i>Methods Of Performing The Five Daily Obligatory Prayers</i>) Sembahyang Sunat (<i>Optional Prayer</i>) Wirid Selepas Sembahyang (<i>Wirid After Prayer</i>) Doa Selepas Sembahyang (<i>Supplication After Prayer</i>)

Sumber: Sukatan Pelajaran Bimbingan Pengenalan Islam 10 Hari (t.t.)

5. Proses Pengajaran dan Pembelajaran bagi Skim Bimbingan Pengenalan Islam

Bimbingan bagi peringkat pengenalan ini diadakan selama sepuluh hari dengan menggunakan teknik perseorangan atau talaqqi bersama tenaga pengajar yang dilantik oleh bahagian Pembangunan Muallaf, Pusat Dakwah Islamiah, Negara Brunei Darussalam. Bimbingan ini diadakan selama dua jam bagi setiap sesi perjumpaan dan diadakan di seluruh daerah di Negara Brunei Darussalam. Program ini berlangsung selama sepanjang tahun. (*phamplet* Bimbingan Agama Islam Sepanjang Tahun, t.t).

Di samping itu, proses pengajaran dan pembelajaran bagi skim peringkat ini diadakan dengan tahap kebolehan dan keperluan para pelajar bagi mencapai objektif pelajaran yang diharapkan. Akan tetapi, sesuai dengan kandungan pelajaran pada peringkat ini kebiasaannya kaedah yang sesuai digunakan antaranya kaedah penerangan, kaedah ceramah, kaedah soal jawab, kaedah talaqqi, kaedah simulasi dan kaedah demonstrasi.

6. Bentuk Penilaian bagi Skim Bimbingan Pengenalan Islam
Bagi peringkat ini, tiada proses penilaian berbentuk formal diadakan. Proses bagi memastikan pelajar mualaf selesai menjalani pengajaran ini adalah dengan menyelesaikan pengajaran selama 10 hari. Apabila pelajar mualaf didapati belum mahir untuk melaksanakan ibadah-ibadah asas agama Islam, maka pengajaran bagi skim ini akan ditambah sehingga mereka mahir dan mencapai objektif pengajaran dan pembelajaran.

Analisis Program Pelaksanaan Skim Bimbingan Pengenalan Islam

Pengkaji menjalankan penganalisan bagi kurikulum yang digunakan dalam skim peringkat ini. Dapatan bagi setiap analisis dan seterusnya perbincangan bagi setiap komponen kandungan kurikulum adalah seperti berikut.

1. Latar Belakang Program bagi Skim Bimbingan Pengenalan Islam
Golongan mualaf perlu diberikan bimbingan semenjak mereka memeluk agama Islam bermula pada peringkat asas lagi. Hal ini kerana, golongan mualaf ini memiliki latar belakang serta pegangan agama yang berbeza sebelum mereka memeluk agama Islam. Terdapat sebilangan mualaf sudah mempelajari dan mengenali mengenai agama Islam secara asas sebelum mereka mengucapkan dua kalimah syahadah lagi. Tidak kurang juga sebilangannya masih belum mengetahui tentang agama Islam secara asas. (Azman Ab. Rahman, et al., 2020). Oleh itu pelaksanaan program dakwah berbentuk skim Bimbingan Pengenalan Islam selama 10 hari yang dilakukan oleh pihak Bahagian Pembangunan Mualaf, Pusat Dakwah Islamiah, di Negara Brunei Darussalam merupakan satu pendekatan yang relevan dan baik. Usaha sebegini perlu dilakukan bagi memastikan kefahaman yang jelas dalam membantu golongan ini kekal bersama agama Islam sehingga akhir hayat mereka.

Keunikan skim peringkat pengenalan ini diadakan di Negara Brunei Darussalam dalam memberikan pengajaran dan pembelajaran secara talaqqi antara tenaga pengajar dan pelajar mualaf merupakan satu pendekatan yang baik untuk dijalankan. Hal ini kerana banyak kebaikan yang boleh diperolehi melalui pendekatan ini antaranya dapat memberikan tempoh masa bagi pelajar mualaf untuk menyesuaikan diri dengan kehidupan baru sebagai seorang Muslim. Melalui pendekatan ini, aktiviti pengajaran dan pembelajaran juga boleh dijalankan dengan menerapkan teknik kompetensi (*mastery learning*) bagi para pelajar mualaf (sesuai dengan kebolehan dan keupayaan pelajar).

Tenaga pengajar dan pelajar muallaf boleh menghabiskan sukatan pelajaran mengikut kebolehan muallaf masing-masing tanpa terikat mana-mana sistem atau kekangan aspek masa yang diperuntukkan. Apabila kita melihat pendekatan kaedah talaqqi dan teknik kompetensi ini, kedua-dua pendekatan ini sering dilakukan oleh pendidik-pendidik Islam yang lalu antaranya seperti Ibnu Sahnun yang mementingkan kesediaan seseorang pelajar untuk menerima pelajaran yang lain sebelum mereka menguasai pelajaran yang sebelumnya. Hal ini ada disebutkan dalam kitab beliau yang bertajuk *Adab Al-Mu'allimin*:

Guru tidak boleh memindahkan mereka dari sebuah surah kepada surah yang lain, sampai mereka benar-benar menghafalnya dengan I'rabnya dan tatacara penulisannya, kecuali jika orangtua mereka memberi kelonggaran dalam masalah ini. (Ibn Sahnun, 1981).

2. Objektif bagi Skim Bimbingan Pengenalan Islam

Objektif bagi skim Bimbingan Pengenalan Islam yang berbunyi "Mempelajari dan memahami seterusnya memudahkan muallaf mengamalkan ajaran agama Islam" merupakan satu objektif yang relevan dan boleh dicapai kerana sesuai dengan peringkat asas (bagi pelajar muallaf). Golongan ini tidak boleh diberikan bebanan untuk mempelajari pengajaran dan pembelajaran mengenai agama Islam dengan pendekatan yang tinggi. Mereka perlu mengetahui dan memahami agama Islam secara bertahap iaitu bermula dengan pengetahuan dan kefahaman asas mengenai akidah Islam iaitu rukun Iman dan rukun Islam. Pada peringkat ini, golongan muallaf elok diberikan pendedahan dan bimbingan terhadap perkara-perkara asas berkaitan akidah tauhid dan ibadah solat fardhu lima waktu dengan baik.


3. Sukatan Pelajaran dan proses pelaksanaan Skim Bimbingan Pengenalan Islam

Berkenaan dengan sukatan pelajaran yang digunakan dalam skim peringkat pengenalan ini, secara keseluruhannya dilihat agak sesuai dengan kebolehan dan kesediaan golongan muallaf. Walaubagaimanapun, analisis secara ringkas turut dilakukan dalam meneliti sumber buku teks yang digunakan sebagai rujukan utama dalam menjalankan aktiviti pengajaran dan pembelajaran bagi skim, yang mana terdapat beberapa kekurangan dari aspek kandungan pelajaran. Contohnya, pelajaran tauhid di dalam buku teks tersebut hanya membincangkan secara ringkas berkaitan dengan rukun Iman dan rukun Islam.

Di dalam buku teks berbahasa Melayu, konsep rukun Iman dan rukun Islam hanya dibincangkan sebanyak dua muka surat. Sementara dalam buku teks berbahasa inggeris hanya membincangkan rukun Iman dan rukun Islam dalam satu muka surat secara ringkas sahaja tanpa penghuraianya secara terperinci. Hal ini memerlukan terhadap penguasaan dan kesungguhan seseorang tenaga pengajar bagi menambah dan mengayakan sumber pengajaran bagi memastikan pelajar muafaf dapat memahami rukun Iman dan rukun Islam dengan baik. Sementara dalam buku teks bahasa inggeris tidak dibincangkan dengan konsep serta definisi agama Islam.

Sementara bagi pelajaran fiqh, kekurangan turut didapati terhadap aspek kandungan antaranya penyediaan gambar bagi tatacara pengambilan air wudhu dan solat yang kurang jelas dan kurang menarik. Beberapa contoh bagi kandungan pembelajaran bagi tatacara pengambilan air wudhu dan solat adalah seperti rajah di bawah:

Rajah 1: Contoh kandungan gambar yang digunakan dalam buku teks



Sumber: Buku Teks Bimbingan Asas Fardhu 'Ain: Siri Pengenalan Islam, 2019.

Di samping itu, tatacara menunaikan solat bagi golongan yang tidak mampu menunaikan solat secara biasa (*normal*) juga tidak disediakan. Hal ini perlu diketengahkan dalam pengajaran dan pembelajaran pada peringkat ini. Keadaan umur bagi golongan muafaf yang memeluk agama Islam tiada batasan umur. Terdapat sebilangan golongan ini berumur dalam kategori warga emas. Oleh yang demikian, tatacara menunaikan solat bagi golongan muafaf berumur kategori ini

perlu diambil kira, kerana terdapat sebilangan daripada mereka tidak dapat menunaikan solat seperti dilakukan oleh masyarakat muslim yang biasa (*normal*).

Apabila kita meneliti kandungan kursus yang memuatkan sebanyak lima belas tajuk termasuk pelajaran tauhid dan fiqh, adalah wajar jika pendekatan yang digunakan dalam pengajaran dan pembelajaran berbentuk secara talaqqi dan berdasarkan kompetensi bagi setiap individu mualaf, bagi memastikan mereka betul-betul menguasai peringkat pelajaran asas bagi agama Islam. Di samping itu, para tenaga pengajar perlu bijak dalam mengendalikan pelbagai bentuk kaedah pengajaran dan pembelajaran sesuai dengan setiap individu pelajar-pelajar mualaf. Sebagaimana dengan firman Allah Subhanahu Wata'ala dalam surah Al-Nahl ayat 125:

أَدْعُ إِلَى سَبِيلِ رَبِّكَ بِالْحُكْمَةِ وَالْمَوْعِظَةِ الْحَسَنَةِ ۗ وَجِدْ لَهُم بِأَتَىٰ هِيَ أَحْسَنُ ۚ إِنَّ رَبَّكَ هُوَ أَعْلَمُ بِمَن ضَلَّ
عَن سَبِيلِهِ ۗ وَهُوَ أَعْلَمُ بِالْمُهْتَدِينَ

Tafsirnya: “*Serulah ke jalan Tuhanmu (wahai Muhammad) dengan hikmat kebijaksanaan dan nasihat pengajaran yang baik, dan berbahaslah dengan mereka (yang engkau serukan itu) dengan cara yang lebih baik; sesungguhnya Tuhanmu Dia lah jua yang lebih mengetahui akan orang yang sesat dari jalanNya, dan Dia lah jua yang lebih mengetahui akan orang-orang yang mendapat hidayah petunjuk.*” (Al-Nahl: 125)

Melalui ayat dalam surah tersebut, tiga bentuk pendekatan yang boleh digunakan dalam memberikan tarbiyah ataupun dakwah terhadap seseorang iaitu dengan jalan hikmah kebijaksanaan, nasihat pengajaran yang baik, dan teknik perbincangan yang baik. Ketiga-tiga pendekatan ini perlulah dipraktikkan dengan sebaik-baiknya oleh kesemua tenaga pengajar bagi memastikan objektif pengajaran dan pembelajaran bagi skim peringkat pengenalan ini dapat dicapai dengan berkesan.

4. Bentuk Penilaian bagi Skim Bimbingan Pengenalan Islam
Program skim Bimbingan Pengenalan Islam pada peringkat ini, pengkaji mendapati tiada proses penilaian berbentuk formal telah disediakan. Proses bagi memastikan pelajar mualaf selesai menjalani pengajaran ini adalah dengan menyelesaikan pengajaran selama 10 hari. Apabila pelajar mualaf didapati belum mahir bagi melaksanakan ibadah-ibadah asas

agama Islam, maka pengajaran bagi skim ini akan ditambah sehingga mereka mahir dan mencapai objektif pengajaran dan pembelajaran. Perkara ini akan menimbulkan sedikit kesan negatif khususnya terhadap aspek sistem pelaksanaan penilaian. Bagi memastikan bentuk penilaian dapat dijalankan dengan efisien adalah baik jikalau format penilaian yang khusus disediakan bagi rujukan para tenaga pengajar. Hal ini turut untuk memastikan, teknik penilaian dapat dijalankan secara konsisten.

Cadangan

Berikut merupakan beberapa cadangan bagi penambahbaikan pelaksanaan program Skim Bimbingan Pengenalan Islam yang diadakan di Pusat Dakwah Islamiah, Negara Brunei Darussalam:

- i) Menjalankan penyelidikan berbentuk penilaian kurikulum secara holistik yang melibatkan tenaga pengajar dan pelajar mualaf yang pernah mengikuti program tersebut. Hal ini bagi mendapatkan lagi input data dalam mengesan sejauhmanakah keberkesanan program ini diadakan, di samping usaha bagi memantapkan lagi keberkesanan program skim tersebut.
- ii) Jangka masa waktu yang diberikan bagi program skim peringkat ini sebanyak sepuluh hari adalah diharapkan mencukupi dan memadai. Hal ini kerana, dengan jumlah pelajaran sebanyak lima belas tajuk dilihat agak berat untuk diselesaikan selama sepuluh hari (satu sesi dua jam). Keprihatinan dan tanggungjawab daripada pihak tenaga pengajar amat diperlukan bagi mengenal pasti sama ada pelajar mualaf betul-betul tahu dan memahami keseluruhan tajuk pelajaran yang telah disediakan.
- iii) Modul khusus bagi menjalankan aktiviti pengajaran dan pembelajaran bagi skim peringkat pengenalan ini perlu disediakan bagi rujukan tenaga pengajar agar dapat menjalankan aktiviti pengajaran dan pembelajaran yang berkesan dengan menggunakan teknik dan pendekatan terkini termasuk penggunaan multimedia dalam aktiviti pengajaran dan pembelajaran. Tenaga pengajar perlu peka akan perubahan zaman dan bersedia bagi menerima pelajar mualaf yang memiliki latar belakang moden (mahir menggunakan media teknologi dan komunikasi).

Kesimpulan

Perkataan mualaf berasal daripada kata '*allafa*' yang antaranya disebutkan di dalam al-Quran melalui surah al-Anfal ayat 63 yang bermaksud memadukan atau mempersatukan. Sementara definisi mualaf

menurut al-Maraghiy pula bermaksud sebagai orang yang dikehendaki supaya hatinya cenderung atau tetap kepada Islam kerana hati mereka belum teguh lagi.

Di Negara Brunei Darussalam, pendidikan mualaf dijalankan menerusi bahagian Pembangunan (Tarbiyah) Mualaf, Pusat Dakwah Islamiah. Program asas yang dijalankan bagi mualaf setelah mereka memeluk agama Islam adalah skim Bimbingan Pengenalan Islam selama 10 hari; yang diadakan menggunakan kaedah talaqqi secara individu. Melalui skim ini, pelajar mualaf diberikan pengenalan dan bimbingan mengenai perkara-perkara asas bagi ajaran agama Islam meliputi aspek tauhid dan fiqh (ibadah solat). Setiap pelajar mualaf dikehendaki menghabiskan pembelajaran selama sepuluh hari sehingga betul-betul mahir sebelum beralih kepada pembelajaran peringkat seterusnya.

Rujukan

- Ahmad Yunus Kasim. 2020. *Pendidikan Akidah Muallaf*. Bandar Seri Begawan, Brunei Darussalam: Kolej Universiti Perguruan Ugama Seri Begawan.
- Al-Mahalli, A.I., & As-Suyuthi, A.I. 2010. *Tafsir Jalalain: Jilid 1 (Terj. Najib Junaidi)*. Surabaya: Pustaka eLBA.
- Al-Maraghiy, S. 2001. *Tafsir Al-Maraghiy (Terj. Muhammad Thalib)*. Malaysia: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Azman Ab. Rahman, Nurul Shazwani Nordin, Muhammad Faiz Abd. Shakor, Mohamad Anwar Zakaria, Nur Ain Syafiqah, & Mohammad Naqib Hamdan. 2020. Kaedah Pengukuran Penentuan Status Mualaf kepada Mukalaf dalam Konteks Malaysia. *International Journal of Islamic and Civilizational Studies*. 7(2): 41-49.
- Dusuki Haji Ahmad, H. 2012. *Kamus Pengetahuan Islam*. Kuala Lumpur: Utusan Publications & Distributors Sdn Bhd.
- Ibnu Sahnun. 1981. *Kitab Adab Al-Mu'allimin* (Pentahqiq: Dr Mahmud Abd Al-Maula). Syarikat Negara Untuk Penerbitan dan Penedaran.
- Pusat Da'wah Islamiah. 2019. *Bimbingan Asas Fardhu 'Ain: Siri Pengenalan Islam*. Brunei Darussalam: Pusat Da'wah Islamiah.
- Quraish Shihab, M. 2002. *Tafsir Al-Mishbah: Pesan, Kesan dan Keserasian Al-Qur'an (Jilid 4)*. Jakarta: Lentera Hati.
- Salahuddin Abdullah, & Omar Khalid. 2009. *Tafsir Mubin: Juzuk 6-10*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

PRINSIP ASAS HUBUNGAN KEMASYARAKATAN ANTARA AGAMA DALAM KONTEKS PEMAHAMAN AGAMA ISLAM DAN AGAMA KRISTIAN

Mirzatul Aqilah Mat Nor
Program Sarjana Pengajian Islam (Usuluddin & Falsafah)
Fakulti Pengajian Islam UKM
P98351@siswa.ukm.edu.my

Yusri Mohamad Ramli
Pusat Kajian Usuluddin & Falsafah
Fakulti Pengajian Islam UKM
yusri_mr@ukm.edu.my

Abstrak

Kepelbagaian agama merupakan suatu keunikan dalam masyarakat dan membawa kepada berlakunya proses interaksi dan proses sosial dalam kalangan masyarakat. Dalam sesebuah negara sangat memerlukan hubungan harmoni antara pelbagai masyarakat antara agama agar sesebuah negara tersebut akan terus maju dan mampu bersaing dengan negara lain. Keharmonian sesebuah negara bergantung kepada bagaimana masyarakat bekerjasama dan menghormati antara satu sama lain. Hubungan masyarakat antara agama memerlukan satu asas atau prinsip yang kukuh agar menjadi panduan kepada semua masyarakat supaya hubungan sosial terbentuk secara harmoni. Justeru, penjelasan dalam konteks pemahaman keagamaan perlu dijadikan asas agar dapat memberikan kefahaman lebih baik kepada setiap penganut agama masing-masing dan juga untuk memastikan wujudnya perpaduan serta kehidupan yang harmoni dalam kalangan masyarakat berbeza agama ini. Kajian ini bertujuan untuk meneliti kajian lepas berkaitan hubungan kemasyarakatan antara agama dalam konteks pemahaman agama Islam dan agama Kristian. Oleh itu, analisis kajian lepas dilakukan adalah untuk mengenal pasti prinsip asas yang telah ditetapkan dalam agama Islam dan juga agama Kristian mengenai hubungan kemasyarakatan antara agama. Selain itu, kajian ini juga dilakukan untuk mengkaji faktor-faktor pencetus kepada konflik hubungan kemasyarakatan antara agama ini. Kaedah kajian kualitatif digunakan dalam kajian ini dengan menelaah kajian lepas atau dikenali juga dengan kaedah pengumpulan data. Kemudian data yang dikumpulkan dan dianalisis dengan merujuk kepada sumber berkaitan hubungan kemasyarakatan antara agama ini. Hasil bagi kajian lepas dapat menjelaskan prinsip-prinsip asas menurut agama Islam dan Kristian, faktor teretus konflik dan langkah mengatasi konflik hubungan kemasyarakatan antara agama ini.

Kata Kunci: Prinsip, Hubungan Kemasyarakatan, Keharmonian, Konflik

Pendahuluan

Secara fitrahnya, manusia memerlukan kepada interaksi dengan manusia lain kerana setiap manusia tidak mampu hidup bersendirian tanpa

berinteraksi dengan orang sekelilingnya. Kehidupan masyarakat yang harmoni sangat mempengaruhi perkembangan dan kemajuan sesebuah negara walaupun mempunyai pelbagai latar belakang agama, budaya dan bangsa. Justeru, kehidupan masyarakat pelbagai agama, keharmonian dan perpaduan perlu diwujudkan untuk mengelakkan daripada berlaku perkara yang tidak diinginkan seperti salah faham dan prejudis mengenai agama, budaya dan kaum masing-masing sehingga menyentuh isu sensitif dalam agama. Oleh itu, dalam kepelbagaian ini setiap perbezaan yang wujud haruslah ditangani dengan cara yang baik agar dapat membentuk masyarakat yang harmoni dan saling hormat menghormati walaupun berbeza dari pelbagai aspek.

Kepelbagaian masyarakat bermaksud sebuah masyarakat hidup bersama disesuatu tempat dan terdiri daripada pelbagai kaum, suku, bangsa, agama dan juga latar belakang. Auguste Comte, Herbert Spencer dan Emile Durheim menyatakan bahawa masyarakat ini seperti satu organisma dan setiap organisma itu mempunyai organ tertentu. Setiap organ tersebut mempunyai peranan tersendiri, sekiranya setiap organ saling bekerjasama maka sistem dalam organisma akan berjalan dengan lancar. Oleh itu, begitulah juga dengan masyarakat perlunya hidup dalam keadaan bekerjasama bagi mewujudkan keharmonian dan keamanan dalam kehidupan walaupun berbeza latar belakang. (Zakiah, 2001). Selain itu, menurut Abu Zahrah yang merupakan seorang pakar perundangan Islam berpandangan bahawa hubungan masyarakat beragama Islam dan bukan beragama Islam atau sebaliknya adalah terbentuk atas dasar kebaikan, kepentingan bersama, bantu membantu, penghormatan antara satu sama lain dan sebagainya agar tidak menimbulkan konflik yang boleh menggugat dan merosakkan hubungan dalam masyarakat. (Muhammad Abu Zahrah, 1987).

Dalam setiap agama mempunyai panduan yang tersendiri berkaitan dengan cara bagaimana untuk berinteraksi dengan masyarakat berbeza agama, budaya dan latar belakang ini. Disamping itu, penulisan ini membincangkan prinsip asas dalam agama berkaitan dengan hubungan antara masyarakat berbeza agama, namun lebih menfokuskan skop perbincangan bagi agama Islam dan agama Kristian. Umum diketahui bahawa agama Islam dan agama Kristian merupakan agama yang mempunyai pengaruh yang sangat tinggi dan majoriti penganut agama di dunia adalah penganut agama Islam dan agama Kristian serta kedua agama ini juga mempunyai kitab agama yang tersendiri yang dikenali sebagai al-Quran dan hadis bagi agama Islam manakala Kitab Bible bagi agama Kristian. Kitab-kitab tersebut dijadikan sebagai panduan dalam

kehidupan seharian penganut termasuklah hal berkaitan dengan kehidupan dengan masyarakat berlainan agama. Sekiranya nilai-nilai yang diajarkan oleh agama ini diamati dan dipraktikkan dalam kehidupan seharian akan membentuk individu dan masyarakat berkeperibadian mulia.

Selain prinsip-prinsip asas yang dikaji, penulisan ini juga meneliti faktor-faktor yang mencetuskan konflik hubungan kemasyarakatan antara agama. Faktor-faktor ini diteliti berdasarkan kajian-kajian lepas yang akan dibincangkan dalam bahagian kedua dalam penulisan. Seterusnya, apabila kajian terhadap faktor yang mencetuskan konflik hubungan kemasyarakatan dikaji maka serba sedikit dapat membuka mata masyarakat agar lebih berhati-hati dan mengelakkan daripada perkara-perkara yang boleh mencetuskan konflik tersebut. Hal ini kerana percampuran hubungan antara agama ini bukan hanya wujud disesebuah tempat sahaja malah wujud hampir diseluruh pelusuk dunia. Oleh itu, kepekaan dan sifat berhati-hati dalam kalangan masyarakat ini sangat penting dalam menjaga dan membentuk keharmonian dalam kehidupan.

Prinsip Asas Hubungan Kemasyarakatan Antara Agama

Secara logiknya, setiap agama di dunia mengajarkan nilai-nilai moral dalam kehidupan para penganutnya. Tidak ada satupun agama yang mendorong penganut untuk menjadi seseorang yang tidak bermoral. Setiap manusia yang patuh dan berpegang kepada agama akan terpandu dan terdidik menjadi manusia yang baik dan bermoral. Segala perkara yang diajarkan oleh agama dijadikan sebagai panduan dalam kehidupan seharian. Penulisan ini lebih mengfokuskan kepada prinsip asas hubungan kemasyarakatan antara agama dalam konteks pemahaman agama Islam dan agama Kristian. Bagi masyarakat Islam, terdapat banyak petikan ayat daripada al-Quran dan hadith Rasulullah SAW berkaitan dengan prinsip-prinsip asas atau panduan hubungan kemasyarakatan sesama agama mahupun antara agama.

Dalam memupuk keharmonian antara masyarakat berbeza agama, Islam telah menyediakan beberapa prinsip asas sebagai panduan dalam menjaga hubungan kemasyarakatan antara agama ini, antaranya ialah:

1. Medium komunikasi diselaraskan

Komunikasi merupakan satu medium yang sangat diperlukan dalam kehidupan bermasyarakat, sebagaimana dijelaskan oleh Cragan dan Shields (1998), komunikasi dalam sesebuah masyarakat amat penting untuk menjelaskan sesuatu perkara yang disampaikan kepada seseorang dengan maksud yang jelas dan baik serta dapat memberi impak yang

positif diantara satu sama lain. Teori komunikasi ini juga merupakan satu kenyataan yang mengandungi suatu konsep dan dapat membantu memberi secara terperinci sesuatu maklumat, keterangan, penjelasan dan membolehkan seseorang memahakami, menjelaskan dan menilai sendiri apa yang disampaikan. Oleh itu, apabila sesuatu maklumat disampaikan dengan jelas dan terperinci, dapat mengelakkan daripada berlakunya perbalahan dalam kalangan masyarakat. Di samping itu, tanpa komunikasi sesebuah masyarakat tidak akan terbentuk dan tanpa masyarakat juga manusia tidak akan dapat mengembangkan proses komunikasi. Komunikasi ini akan berhasil apabila wujudnya persefahaman antara penerima dan pemberi isyarat dalam komunikasi sehinggalah tujuan asal komunikasi dapat dicapai. (Schramm, 1988).

Berkaitan dengan komunikasi, Islam turut menunjukkan beberapa kaedah komunikasi yang bersesuaian untuk dipraktikkan dalam membentuk interaksi yang berkesan dalam masyarakat, sebagaimana firman Allah dalam Surah Al-Nahl ayat 125:

أَدْعُ إِلَى سَبِيلِ رَبِّكَ بِالْحُكْمَةِ وَالْمَوْعِظَةِ الْحَسَنَةِ وَجِدْهُمْ بِالَّتِي هِيَ أَحْسَنُ

Maksudnya: *“Serulah kepada jalan Tuhanmu dengan hikmah kebijaksanaan dan nasihat, pengajaran yang baik serta berbahaslah dengan mereka menggunakan cara terbaik.”*

Berdasarkan ayat al-Quran di atas, komunikasi secara berhikmah memerlukan kepada penelitian dan pemerhatian terhadap realiti dan keadaan semasa kelompok yang disasar barulah diteliti apakah teknik komunikasi bersesuaian dan berkesan untuk digunapakaikan. Manakala kaedah nasihat pula digunakan melalui komunikasi secara lemah-lembut dan sampai terus kehati pendengar, bukannya komunikasi secara tegahan mahupun ancaman yang jelas boleh mengaibkan mereka diatas tindakan ataupun kesalahan yang dilakukan malah berkemungkinan akan menolak terus apa yang disampaikan kerana tersalah dari segi teknik komunikasi.

Menurut al-Razi (1981), beliau menjelaskan bahawa ketiga-tiga teknik dalam ayat tersebut merupakan satu garis panduan yang sangat penting dalam membina sebuah komunikasi yang baik dan berkesan. Oleh itu, suatu komunikasi hendaklah diselaraskan mengikut kesesuaian dan latar belakang pihak yang mendengar dan menerima maklumat. Pihak

pendengar dan penerima maklumat terbahagi kepada tiga kategori utama iaitu golongan intelektual, golongan awam dan juga golongan antagonis. Antara penjelasan mengenai tiga golongan ini adalah seperti berikut:

a. Golongan Intelektual

Golongan intelektual merupakan golongan yang memerlukan kepada fakta dan hujah yang benar serta mampu mencapai akal mereka untuk berfikir berkaitan dengan kebenaran hujah yang disampaikan. Hal ini kerana golongan intelektual memiliki tahap pemikiran yang tinggi dan kelebihan dalam menganalisis sesuatu perkara sebelum menerima sesuatu yang didengar oleh mereka. Oleh itu, kaedah komunikasi ini dikenali sebagai komunikasi secara teliti dan bijaksana (الحكمة).

b. Golongan Awam

Golongan Awam merupakan golongan yang mempunyai kasar pemikiran bersifat sederhana dan golongan ini haruslah didedahkan dengan pelaksanaan nilai-nilai agama seperti akhlak dan moral secara umum sama ada secara perkataan ataupun perbuatan. Hal ini kerana golongan awa mini sangat mudah terpengaruh dan terkesan dengan setiap perkongsian prinsip-prinsip umum dalam kehidupan. Setiap perkara tidak perlu diperjelaskan secara terperinci namun hanya penjelasan yang mencapai tahap kefahaman golongan awam sahaja dan mudah untuk diamalkan serta memberi kebaikan kepada mereka. Oleh itu, kaedah ini dikenali sebagai komunikasi secara teladan atau nasihat (الموعظة الحسن).

c. Golongan Antagonis

Golongan antagonis merupakan golongan yang sukakan cabaran dan perdebatan. Kebanyakan hujah yang disampaikan oleh mereka bersifat cubaan untuk mencabar sesuatu doktrin tanpa menilai terlebih dahulu sesuatu kebenaran dan kesepakatan daripada pihak penyampai. Golongan antagonis ini kebiasaan perlu ditangani dengan perdebatan kerana hanya perdebatan mampu mematahkan hujah dan argumentasi daripada mereka. Tambahan pula dengan cara perdebatan sahaja dapat mengukuhkan kedudukan hujah yang disampaikan namun hujah tersebut haruslah paling tepat, bersesuaian dan berasas. Oleh itu, kaedah ini dikenali sebagai kaedah komunikasi secara berhujah (الجدال).

Di samping itu, penggunaan pendekatan atau kaedah komunikasi yang tidak bersesuaian dengan keadaan dan situasi pihak kedua akan menjejaskan keberhasilan matlamat komunikasi tersebut. Oleh itu, jelas menunjukkan bahawa penyelarasan medium komunikasi ini amat penting dalam masyarakat agar dapat menyampaikan sesuatu perkara dengan berkesan dan baik tanpa wujudnya salah faham antara satu sama lain.

2. Pembentukan Persefahaman

Dalam kehidupan bermasyarakat yang berlainan latar belakang agama dan budaya, pembentukan persefahaman amat penting dan menjadi asas dalam menghasilkan hubungan harmoni dan bertoleransi. Sifat saling menghormati antara satu sama lain sekiranya dapat dibentuk dalam jiwa setiap individu akan menghasilkan sebuah masyarakat yang saling menghormati antara satu sama lain. Walau bagaimanapun, untuk merealisasikan persefahaman ini sangat memerlukan kepada komitmen dan kerjasama daripada semua pihak. Komitmen dan kerjasama dari semua pihak akan memudahkan langkah untuk saling mengenali dan berkongsi maklumat serta pengetahuan berkaitan dengan latar belakang agama dan budaya masing-masing. Melalui proses mengenali dan mendalami sendiri asas kehidupan masyarakat lain akan mengelakkan dari bersangka buruk dan mewujudkan kefahaman dalam diri tanpa menilai seseorang mengikut penilaian yang tidak berasas. Sebagaimana yang dinyatakan dalam Surah Al-Hujurat ayat 13:

يَا أَيُّهَا النَّاسُ إِنَّا خَلَقْنَاكُمْ مِنْ ذَكَرٍ وَأُنْثَىٰ وَجَعَلْنَاكُمْ شُعُوبًا وَقَبَائِلَ لِتَعَارَفُوا ۗ إِنَّ أَكْرَمَكُمْ عِنْدَ اللَّهِ أَتَقْوَاهُ ۗ إِنَّ اللَّهَ عَلِيمٌ خَبِيرٌ

Maksudnya: “Wahai umat manusia! Sesungguhnya Kami telah menciptakan kamu dari lelaki dan perempuan, dan Kami telah menjadikan kamu berbagai bangsa dan suku puak, supaya kamu saling berkenalan. Sesungguhnya semulia-mulia kamu di sisi Allah ialah orang yang paling takwa di antaramu. Sesungguhnya Allah Maha Mengetahui, lagi Maha Mendalam Pengetahuan-Nya.”

Ayat 13 dalam Surah Al-Hujurat ini diturunkan ketika berlakunya peristiwa pembukaan kota Makkah. Ketika Rasulullah saw memerintahkan Bilāl bin Rabāh untuk melaungkan azan di bahagian atas Kaabah, maka berkatalah 'Attab bin Asīd, “Segala puji bagi Allah yang telah mematikan bapaku tanpa menyaksikan peristiwa ini.” Al-Hārith bin Hisyām pula mengatakan bahawa Muhammad telah ketandusan pengikut

sehingga terpaksa melantik “gagak hitam” sebagai pelaung azan. Walau bagaimanapun celaan-celaan berunsurkan kekastaan dan warna kulit telah ditegur oleh Allah melalui ayat yang dinyatakan tersebut (al-Qurtubi 2006).

Selain itu, dalam ayat ini juga menjelaskan bahawa setiap perbezaan yang wujud dalam agama dan budaya bukanlah dijadikan sebagai modal untuk mewujudkan permusuhan dan perpecahan malah dijadikan sebagai satu kelebihan untuk mewujudkan interaksi harmoni dan mengenali serta bekerjasama antara satu sama lain. Langkah utama yang harus dibentuk adalah dengan memulakan proses pertukaran maklumat berkaitan dengan asas-asas dalam sesuatu agama. Melalui langkah ini dapat mewujudkan dan memudahkan untuk masing-masing memahami agama dan budaya lain seterusnya menghasilkan hubungan kemasyarakatan yang erat. Tambahan pula, melalui asas kefahaman dapat mengelakkan masyarakat lain memandang dengan pandangan negatif dan berprasangka buruk. (Khairul Azhar, Ahmad Faqih & Muhammad Hilmi, 2018).

Pelbagai kekeliruan yang timbul sekiranya tiada kefahaman antara satu sama lain. Dalam proses pembentukan kefahaman ini dapat membantu individu ataupun sesebuah masyarakat mengurangkan kekeliruan yang wujud berkaitan dengan doktrin sesebuah agama dan juga para penganutnya agar tidak mudah berprasangka tanpa asas dan menyalahkan mana-mana agama atas pemerhatian yang dilakukan secara tidak berasas. Seeloknya sesuatu perkara berkaitan dengan doktrin atau ajaran agama dan budaya lain hendaklah diteliti dan difahami oleh orang yang benar-benar arif berkaitan dengannya bukan dinilai dengan perasaan sendiri atau merujuk seseorang bukan pakar dalam bidang tersebut sebagaimana dalam ayat al-Quran dalam Surah Al-Nahl ayat 43 (Mohd Nor, 2011):

فَسْأَلُوا أَهْلَ الذِّكْرِ إِنْ كُنْتُمْ لَا تَعْلَمُونَ

Maksudnya: “...Maka bertanyalah kepada orang yang mempunyai pengetahuan jika kamu tidak mengetahui.” (Al-Nahl: 43)

3. Memupuk Toleransi

Kewujudan kepelbagaian agama bukanlah suatu bentuk penguasaan terhadap sesuatu agama lain namun kepelbagaian ini merupakan satu

proses untuk memupuk toleransi dan pergaulan antara satu sama lain. Oleh itu, al-Qardawi (1992) mengemukakan empat prinsip asas dalam Islam untuk mewujudkan toleransi yang bersifat praktikal, sebagaimana berikut:

- a) Setiap Muslim harus mengakui dan mengiktiraf asas kemuliaan setiap manusia tanpa membezakan latar belakang agama, bangsa dan warna kulit.
- b) Setiap Muslim harus menerima perbezaan agama yang wujud adalah sebahagian daripada aturan dan perancangan yang telah ditetapkan oleh Allah bagi membolehkan manusia untuk membuat pilihan sama ada menerima sesuatu kepercayaan atau meninggalkan sesuatu kepercayaan berdasarkan kepada kefahaman dan keyakinan masing-masing.
- c) Setiap Muslim tidak digalakkan untuk bermusuhan dengan golongan bukan Islam disebabkan kekufuran tersebut dan perlu berpegang teguh kepada prinsip kebebasan beragama.
- d) Setiap Muslim harus berlaku adil dan menunaikan tanggungjawab dan hak sesama manusia walaupun mempunyai perbezaan agama dan budaya, ianya merupakan sebahagian daripada perintah Allah yang wajib dilaksanakan.

Bagi mewujudkan masyarakat yang boleh menerima dan meraikan kepelbagaian yang wujud serta bersama-sama ingin mewujudkan keharmonian ini terlebih dahulu perlu memahami dan mempraktikkan prinsip-prinsip sebagaimana yang dibincangkan oleh al-Qadrawi. Bentuk toleransi yang disarankan dalam Islam adalah dengan tidak mengganggu kepercayaan dan pengamalan penganut agama lain walaupun terdapat kepincangan dalam pandangan Islam. Penganut agama lain diberikan kebebasan tanpa sebarang paksaan mahupun kekerasan agar dapat memalingkan mereka daripada kepercayaan tersebut dan melihat keindahan Islam yang sebenar. Berkaitan dengan toleransi ini pula, al-Qardawi (1992) telah mengelaskan tahap toleransi kepada tiga pengkelasan sebagaimana berikut:

- a) Toleransi Tahap Rendah
Kebebasan pemilihan beragama diberikan namun tetap ada batasan dalam aspek pengalaman agama, sebagai contoh penganut agama lain yang dibenarkan memilih agama selain Islam namun perlu mengamalkan ajaran agama tersebut secara tertutup dan tersembunyi dari pengetahuan umat Islam.

- b) Toleransi Tahap Pertengahan
Kebebasan pemilihan beragama dan pengamalan agama secara umum selagimana perkara tersebut masih dalam ruang lingkup keharusan dalam Islam, sebagai contoh penganut agama Kristian mengkhususkan amalan ibadah bagi agama mereka setiap hari ahad di gereja tidak dihalang daripada meneruskan aktiviti keagamaan tersebut.
- c) Toleransi Tahap Tinggi
Kebebasan pemilihan beragama dan pengamalan agama walaupun bercanggah dengan prinsip umum agama Islam, sebagai contoh penganut agama lain dibenarkan untuk minum minuman memabukkan seperti arak namun perkara tersebut diharamkan dalam agama Islam.

Di samping itu, dalam kehidupan kepelbagaian agama setiap penganut perlu mengelakkan diri dari bersifat eksklusif dalam beragama kerana sifat ini cenderung untuk menentang dan menolak ajaran agama lain serta merasakan bahawa kebenaran hanya wujud dalam agama yang dianutinya sahaja. Oleh itu, sifat eksklusif perlu dielakkan dan ditukarkan kepada sifat inklusif, hal ini kerana dengan sifat inklusif ini mampu memelihara keharmonian diantara penganut agama. Menurut pandangan Mohd Anuar dan Mohd Aizat (2012) menyatakan bahawa sifat insklusif ini bukan bermaksud mewujudkan pluralisme agama dengan menggabungkan doktrin-doktrin agama menjadi satu unsur sahaja (sinkritisme agama) namun sebagai suatu kaedah dalam mendamaikan hubungan antara penganut pelbagai agama ini.

4. Membentuk Keadilan

Agama Islam sangat menekankan konsep keadilan dalam setiap urusan kehidupan, sebagaimana yang dijelaskan dalam Surah Al-Nisa' ayat 58:

﴿ إِنَّ اللَّهَ يَأْمُرُكُمْ أَنْ تُؤَدُّوا الْأَمَانَاتِ إِلَىٰ أَهْلِهَا وَإِذَا حَكَمْتُمْ بَيْنَ النَّاسِ أَنْ تَحْكُمُوا بِالْعَدْلِ ۗ ﴾

Maksudnya: “*Sesungguhnya Allah memerintahkan kamu supaya menyerahkan sesuatu amanah itu kepada ahlinya. Dan jika kamu menjalankan sebarang keputusan sesama manusia, maka putuskanlah secara adil.*”

Berdasarkan terjemahan ayat tersebut jelas menunjukkan bahawa pentingnya mengaplikasikan konsep keadilan sesama manusia walaupun

berbeza agama dan budaya. Islam juga menolak sebarang bentuk kezaliman sesama manusia terutamanya apabila melibatkan agama. Walau bagaimanapun, pelaksanaan keadilan ini bukanlah bersifat teori semata-mata namun hendaklah dilakukan secara praktikal dan diamalkan. Konsep keadilan ini juga bukanlah sesuatu yang baru namun telah lama diaplikasi sejak zaman Rasulullah dan para sahabat lagi, jelas menunjukkan bahawa konsep ini membawa banyak manfaat untuk sekalian manusia. Kaedah pelaksanaan konsep keadilan ini juga telah lama digunakan sejak zaman Rasulullah dan para sahabat lagi dan boleh dijadikan contoh teladan dalam kehidupan bermasyarakat.

Sebagai contoh kisah seorang sahabat Rasulullah SAW, Abd Allah bin Rawahah. Ketika beliau diutuskan ke Khaibar untuk menguruskan urusan perjanjian berkaitan pembahagian hasil penjualan buah buahan. Kemudian Abd Allah berkata, “Wahai orang Yahudi, kamulah orang yang paling aku benci. Kamu telah membunuh para nabi serta melakukan pendustaan kepada Allah. Namun begitu, kebencianku kepada kamu tidak sedikit pun mendorong aku untuk berlaku zalim kepada kamu. Aku menaksirkan pembahagiannya untuk kamu sebanyak 20, 000 wasaq kurma. Jika kamu bersetuju, ia menjadi hak kamu dan jika kamu membantah, maka ia menjadi hak aku. Lalu kaum Yahudi tersebut berkata, “Dengan keadilan seperti inilah tertegaknya langit dan bumi. Kami menerimanya, maka beredarlah engkau dari tempat kami.” (al-Sirjani, 2010).

Berdasarkan kisah salah seorang sahabat Rasulullah tersebut, jelas kelihatan bagaimana kejahatan dan kekejaman yang dirancang oleh bangsa Yahudi terhadap masyarakat Islam. Walau bagaimanapun, Rasulullah telah mengajarkan para sahabat untuk melakukan keadilan dalam setiap urusan dan melarang melakukan sebarang bentuk kezaliman terhadap orang lain. Hal ini kerana rintihan dan pengaduan orang-orang yang dizalimi bukan sahaja didengari oleh makhluk namun juga didengari oleh Allah, Tuhan yang mencipta sekalian makhluk. Konsep keadilan ini telah meresap dan sehati dalam jiwa para sahabat sehingga mereka tetap mengaplikasikan konsep ini walaupun Rasulullah telah wafat. (Ahmad, 1997).

5. Kebajikan Sosial

Dalam agama Islam, kebajikan sosial antara sesama manusia sangatlah dituntut walaupun berbeza dari segi agama dan budaya. Hubungan kemasyarakatan umat Islam dan masyarakat agama lain bukan untuk keharmonian dan kedamaian semata-mata, namun turut melibatkan hal-hal kebajikan sosial terhadap mereka. (Mohd Hafiz, 2013).

Menurut Yusuf al-Qardawi, konsep kebajikan dalam Islam ialah dengan mempamerkan sikap kelembutan terhadap orang yang lemah dalam kalangan orang bukan Islam, memberikan bantuan kepada fakir miskin, menghulurkan makanan, minuman dan pakaian kepada golongan yang susah, bergaul dengan mereka secara berakhlak dan beradab, mendoakan mereka agar diberikan petunjuk dan hidayah, menasihati mereka dalam urusan keduniaan, memelihara maruah dan harta mereka daripada sebarang bentuk ancaman dan juga membantu dan melindungi mereka daripada unsur kezaliman. (al-Qardawi, 1992). Hal ini juga disebut dalam al-Quran Surah Al-Mumtahanah ayat 8, sebagaimana berikut:

لَا يَنْهَىٰ اللَّهُ عَنِ الَّذِينَ لَمْ يُقْتُلُوا فِي الدِّينِ وَلَمْ يُخْرِجُوا مِنْ دِينِكُمْ أَنْ تَبَرُّوهُمْ وَتُقْسِطُوا إِلَيْهِمْ ۗ إِنَّ اللَّهَ يُحِبُّ الْمُقْسِطِينَ

Maksudnya: *“Allah tidak melarang kamu daripada melakukan kebaikan dan keadilan kepada mereka yang tidak memerangi kamu dalam agama dan mengeluarkan kamu daripada negeri kamu...”* (Al-Mumtahanah: 8)

Selain itu, terdapat juga kisah Asma binti Abu Bakar berkaitan dengan layanan terhadap ibunya yang belum memeluk Islam. Rasulullah memerintahkan agar Asma untuk melakukan kebajikan dan memberikan layanan baik terhadap ibunya walaupun belum memeluk Islam. Hal ini dapat dijadikan contoh teladan dan juga dapat membuka mata dan minda masyarakat agar menjadikan perbezaan agama dan budaya bukanlah penghalang untuk melakukan kebajikan sosial dalam kepelbagaian masyarakat. Disamping itu, penekanan terhadap bantuan kebajikan kepada jiran juga sangat dititikberatkan dalam Islam.

Hal ini telah diriwayatkan daripada salah seorang sahabat Rasulullah bernama Abd Allāh bin ‘Amru pernah menyembelih seekor kambing lalu bertanya kepada pembantunya sama ada daging yang disembelih tersebut telah diberikan kepada jiran mereka yang berbangsa Yahudi. Pertanyaan tersebut telah diulang sebanyak dua kali, lalu beliau menyatakan pesanan Rasulullah SAW menerusi hadis berikut: (Khairul Azhar Ahmad Faqih & Muhammad Hilmi, 2018).

ما زال جبريل يوصيني بالجار حتى ظننت أنه سيورثه

Maksudnya: Jibril sering berpesan kepadaku berkaitan jiran sehingga aku menyangka bahawa mereka itu boleh mewarisi (Riwayat al-Bukhārī 1989).

6. Larangan Menghina Agama

Sebarang bentuk penghinaan dan cercaan terhadap amalan dan doktrin agama lain sangat dilarang dalam agama Islam, hal ini kerana penghinaan dan cercaan yang dilakukan akan mengundang banyak kesan buruk dan tindak balas ekstrem sehingga berlakunya permusuhan antara agama. Sebagaimana firman Allah dalam ayat suci al-Quran Surah Al-An'am ayat 108:

وَلَا تَسُبُّوا الَّذِينَ يَدْعُونَ مِنْ دُونِ اللَّهِ فَيَسُبُّوا اللَّهَ عَدْوًا بِغَيْرِ عِلْمٍ كَذَلِكَ زَيْنًا لِكُلِّ أُمَّةٍ عَمَلُهُمْ ثُمَّ
إِلَىٰ رَبِّهِمْ مَرْجِعُهُمْ فَيُنَبِّئُهُمْ بِمَا كَانُوا يَعْمَلُونَ

Maksudnya: “*Dan janganlah kamu mencerca sembahhan-sembahhan mereka selain Allah kerana kelak mereka akan mencerca Allah secara melampaui batas tanpa pengetahuan...*” (Al-An'am: 108)

Berdasarkan potongan ayat al-Quran tersebut, Ibn Kathir (1999) menyatakan bahawa ayat tersebut diturunkan adalah kerana berkaitan dengan peristiwa Tindakan sebahagian umat Islam menghina dan mencerca sembahhan kaum Musyrikin di Makkah. Penghinaan dan cercaan yang dilakukan telah mengundang kepada serangan balas daripada kaum Musyirikkinn dengan mengugut Rasulullah SAW dan turut menghina dan mencerca Allah sebagai sembahhan umat Islam. Kemudian Allah menurunkan ayat berkaitan larangan melakukan penghinaan tersebut dan larangan ini juga adalah untuk membentuk nilai moral umat Islam dalam interaksi sosial dengan masyarakat pelbagai agama. Oleh itu, umat Islam dilarang untuk memulakan sebarang bentuk penghinaan terhadap agama lain walaupun bersebab, hal ini adalah untuk mengelakkan daripada sesuatu yang tidak diingini.

Manakala dalam agama Kristian juga menyediakan beberapa prinsip asas untuk dijadikan panduan dalam menjaga hubungan kemasyarakatan antara agama ini. Menurut pemahaman agama Kristian, apabila berbicara mengenai hubungan dengan masyarakat luar daripada komuniti, mereka mengistilahkan sebuah misi (dakwah). Misi ini ialah sebuah tindakan yang dilakukan secara bertujuan atau dalam erti lain untuk menyampaikan ajaran agama yang dianuti kepada komuniti agama lain namun tidaklah terlalu memaksa. Bagi mereka melalui hubungan kemasyarakatan antara agama dapat memberikan pendedahan kepada orang lain berkaitan dengan fahaman yang mereka amalkan malah mereka juga dapat didedahkan dengan fahaman komuniti agama lain.

Dari pemahaman dan pendedahan yang diterima hasil perhubungan positif ini, sedikit sebanyak memupuk sifat hormat menghormati antara satu sama lain. Pendedahan berkaitan dengan agama lain dapat membuka mata komuniti Kristian untuk melihat apakah persamaan yang terdapat dan setiap agama dan juga apakah yang membezakan agama mereka dengan ajaran yang ada dalam agama lain. Dari aspek ini mereka dan komuniti lain dapat membina hubungan yang baik dan saling menghargai antara satu sama lain tanpa membezakan atau menindas antara komuniti lain (Canon Guy Wilkinson, t.t).

Secara logiknya, hubungan kemasyarakatan antara agama ini bukanlah sesuatu perkara yang membawa keburukan kepada sesebuah komuniti agama malah ianya dapat memberikan nilai tambah kepada individu, masyarakat dan agama. Hal ini dapat memupuk nilai keharmonian dan hormat menghormati dalam diri walaupun berbeza dari pelbagai sudut. Perbezaan yang ada bukanlah faktor utama untuk bermusuh-musuhan antara satu sama lain namun menjadi satu titik kebersamaan untuk saling memahami dan menghormati antara satu sama lain. Justeru, galakan untuk menjaga keharmonian hubungan antara komuniti agama ini bukan hanya perkara direka oleh seseorang namun ianya jelas terkandung dalam kitab Bible.

Terdapat banyak petikan ayat yang membincangkan hubungan kemasyarakatan antara agama dan menjadi panduan kepada komuniti agama Kristian dalam berinteraksi dengan komuniti agama lain. Berikut adalah beberapa petikan ayat daripada kitab Bible yang membincangkan hal berkaitan dengan hubungan kemasyarakatan antara agama ini:

Lukas 10 (ayat 25-37):

25. Kemudian seorang guru taurat datang untuk memerangkap Yesus. Dia bertanya, “Guru apakah yang harus saya lakukan supaya mendapat hidup sejati dan kekal?”

26. Yesus menjawab, “Apakah yang tertulis di dalam Al Kitab? Bagaimana tafsiranmu?”

27. Orang itu, menjawab, “Kasihilah Tuhan Allahmu dengan sepenuh hatimu, dengan segenap jiwamu, dengan segala kekuatanmu dengan seluruh akalmu dan Kasihilah sesama manusia seperti kamu mengasihi dirimu sendiri”.

28. Yesus berkata kepadanya, “Jawabmu itu benar. Berbuatlah demikian dan kamu akan mendapat hidup yang sejati dan kekal”.

29. Tetapi guru Taurat itu hendak membela diri, lalu bertanya, "Siapakah sesama saya?"
30. Yesus menjawab, Seorang lelaki turun dari Yerusalem dan pergi ke Yerikho. Di tengah perjalanan, dia diserang penyamun. Mereka merompak dan memukul dia setengah mati, lalu meninggalkannya di tepi jalan.
31. Kebetulan pada masa itu seorang imam lalu disitu. Apabila dia melihat orang itu, dia menyeberang jalan dan meneruskan perjalanan.
32. Demikian juga seorang Dewa lalu disitu. Dia mendekati orang itu untuk melihatnya, lalu menyeberang jalan dan meneruskan perjalanan.
33. Tetapi seorang Samaria yang sedang lalu disitu, tiba di tempat orang itu terbaring. Ketika melihat orang itu, hatinya penuh belas kasihan.
34. Maka dia mendekatinya lalu membersihkan luka-lukanya dengan wain dan mengubatnya dengan minyak. Selepas itu, dia membalut luka-lukanya dan menaikkan orang itu keatas haiwan tunggangannya sendiri. Dia membawa orang itu ke rumah tumpangan dan merawat dia disitu.
35. Keesokan harinya orang samaria itu memberikan dua keping wang perak kepada tuan rumah tumpangan itu dan berkata kepadanya, "Rawatlah dia, dan sekiranya wang ini tidak cukup, saya akan membayarnya apabila saya kembali kesini".
36. Lalu Yesus mengakhiri ceritanya dengan bertanya, "Menurut pendapatmu, di antara ketiga-tiga orang itu, siapakah yang menjadi sesama orang yang di rompak itu".
37. Guru Taurat itu menjawab, "Orang yang menunjukkan belas kasihan kepadanya". Yesus berkata pula, "Pergilah dan berbuatlah demikian!.

Markus 12 (ayat 29-31):

- 29 .Jawab Yesus: "Hukum yang terutama ialah: Dengarlah, hai orang Israel, Tuhan Allah kita, Tuhan itu esa.
30. Kasihilah Tuhan, Allahmu, dengan segenap hatimu dan dengan segenap jiwamu dan dengan segenap akal budimu dan dengan segenap kekuatanmu.
31. Dan hukum yang kedua ialah: Kasihilah sesamamu manusia seperti dirimu sendiri. Tidak ada hukum lain yang lebih utama dari pada kedua hukum ini."

Imamat 19 (ayat 33-34):

33. Jangan tinds orang asing yang tinggal di negeri kamu.

34. Perlakukanlah mereka seperti kamu memperlakukan orang kamu sendiri, dan kasihilah mereka seperti kamu mengasihi diri kamu sendiri. Ingatlah bahawa kamu pun pernah hidup sebagai orang asing di negeri Mesir. Akulah Tuhan, Allah kamu.

Berdasarkan petikan ayat daripada Lukas 10 (ayat 25-37) dan Markus 12 (ayat 29-31) dapatlah difahami bahawa dalam agama Kristian memerintahkan supaya para ahlinya mengikuti apa yang terkandung dalam kitab termasuklah tuntutan untuk mengasihi Tuhan dan mengasihi sesama manusia. Kedua-duanya merupakan hukum daripada Yesus untuk diikuti oleh para ahlinya. Dalam petikan ayat ini juga Yesus menceritakan kisah golongan Samaritan yang membantu orang sakit yang tidak dikenali latar belakangnya sehingga sembuh. Baginya berbuat belas kasihan kepada orang lain merupakan satu keutamaan dalam dirinya walaupun terpaksa mengorbankan harta semata-mata hendak mendapat belas kasihan daripada Tuhan. Mereka percaya bahawa setiap kebaikan yang dilakukan akan dibalas dengan kebaikan yang berganda.

Seterusnya bagi petikan ayat daripada Imamat 19 (ayat 33-34) dapat dirumuskan bahawa mereka dilarang melakukan penindasan terhadap masyarakat lain. Mereka disarankan menghormati masyarakat lain sebagai mana mereka menghormati masyarakat mereka sendiri. Hal ini jelas menunjukkan bahawa agama Kristian juga mengutamakan etika dan nilai kemasyarakatan sesama manusia. Bagi agama Kristian, hubungan kemasyarakatan yang terjalin antara manusia adalah sebagai penghargaan sesama manusia dan juga menyedari bahawa mereka ini sama iaitu makhluk ciptaan Tuhan.

Beberapa petikan yang diambil daripada kitab Bible, menunjukkan bahawa adanya tuntutan untuk menjalinkan hubungan kemasyarakatan antara agama namun terdapat juga sesetengah kelompok yang anti terhadap agama lain sehinggakan timbulnya bibit-bibit permusuhan antara agama. Bagi yang betul-betul mengamalkan ajaran agama Kristian mereka akan berpegang teguh dengan apa yang diajarkan namun bagi yang anti teks atau mempunyai fahaman yang tersendiri mereka tidak mengendahkan apa yang diajarkan oleh agama.

Sumber utama bagi agama Kristian adalah kitab suci Bible, mengandungi “Old Testament” dan “New Testament”. Kedua-dua lembaran Bible ini mengandungi nilai dan etika berkaitan dengan kehidupan manusia. Nilai dan etika ini dikenali sebagai *The Ten Commandments* dalam *Old Testament* manakala dalam *New Testament* dikenali sebagai akhlak kehidupan seharian. Oleh itu, ringkasannya dapat diklasifikasikan *The Ten Commandments* di dalam lembaran *Old Testament* merupakan sepuluh nilai moral yang harus diamalkan serta dihayati oleh penganut Kristian sebagaimana berikut (Ahmad Bashir Aziz, 2004):

- i. Mempercayai konsep Trinity (Konsep anak Tuhan (*Son of God*), Bapa Tuhan (*Father of God*) dan Ruhul Qudus (*The Holy*)
- ii. Tidak menyembah patung atau berhala yang menyerupai objek di langit dan di bumi;
- iii. Tidak menyebut nama Tuhan secara sebarangan
- iv. Tetaplah ingat dan mensucikan hari Sabath
- v. Menghormati ayah dan ibu
- vi. Jangan membunuh
- vii. Jangan berzina dan melakukan maksiat
- viii. Jangan mencuri
- ix. Jangan berdusta
- x. Jaga hak jiran dan Hak orang lain.

Manakala akhlak kehidupan seharian yang terkandung dalam lembaran *New Testament* pula adalah seperti berikut (Ahmad Bashir Aziz 2004):

- i. Mengutamakan etika
- ii. Jesus sebagai teladan
- iii. Mencari keredaan Tuhan
- iv. Menjelaskan kebenaran
- v. Bersifat lemah lembut dan rendah diri
- vi. Menjauhi 7 perkara haram iaitu keseombongan, pembohongan, pembunuhan, komplot, kejahatan, berlumba melakukan kesalahan, menjadi saksi palsu dan pencetus kepada pertikaian.
- vii. Jangan menipu
- viii. Jangan menghina orang lain
- ix. Jangan tamak
- x. Mencintai orang lain seperti diri sendiri
- xi. Mencintai jiran

Menurut Darell Jodock, penganut agama Kristian haruslah mempraktikkan keramahan dalam hubungan antara agama. Hal ini kerana prinsip keramahan merupakan prinsip Bible menyatakan bahawa setiap manusia diciptakan dengan imej Tuhan. Imej Tuhan bermaksud setiap manusia layak untuk dihormati dan setiap manusia perlu hormat menghormati antara satu sama lain walaupun berbeza agama. Di samping itu, seseorang merasai keramahan Tuhan mereka akan terpenggil untuk melakukan keramahannya terhadap manusia lain kerana mereka dapat merasai indahnya sebuah keramahan dan tenangnya bila melakukan segala perintah Tuhannya. (Darell Jodock, 2016). Manakala dalam penulisan Khadijah Mohd Hambali bertajuk ‘Konsep Penciptaan Manusia Menurut Bible: Satu Huraian Awal’, menyatakan bahawa melalui konsep *Salvation* (keselamatan) dalam Kristian turut menekankan kepada setiap individu agar menampilkan imej Tuhan dalam kehidupan seharian dengan membuat kebaikan terhadap masyarakat lain. Hal ini sangat dituntut kerana mencerminkan imej Tuhan yang penyayang, suci dan kudus. (Khadijah, 1999).

Dalam beberapa petikan ayat dalam Bible juga mengajak penganutnya untuk berfikir berkaitan dengan pemahaman dan pandangan terhadap penganut bagi agama lain. Golongan Samaritan banyak menjadi contoh teladan dan merupakan dari golongan yang baik walaupun bukan berasal daripada agama Kristian sebagaimana petikan teks Bible bahagian Lukas 10 (ayat 25-37) yang menyatakan bahawa perbezaan agama tidak akan menghalang seseorang untuk melakukan kebaikan. Petikan ayat tersebut menceritakan tentang perumpamaan orang Samaritan yang murah hati atau dikenali “*The Good Samaritan*”. Kisah ini diangkat tinggi kerana kandungannya mengandungi nilai murni dan nilai tersebut haruslah dicontohi oleh semua agama khususnya agama Kristian. (Darell Jodock, 2016).

Berdasarkan perbincangan prinsip asas hubungan kemasyarakatan antara agama menurut kedua-dua agama dapat dilihat bahawasanya kedua agama menerima hubungan antara agama dengan baik sebagaimana yang terkandung dalam kitab agama masing-masing. Prinsip-prinsip yang terkandung dalam kitab-kitab agama tersebut sedikit sebanyak dapat membuka mata dan minda para penganut serta dapat dijadikan ikutan dalam masyarakat agar dapat membentuk kehidupan yang harmoni tanpa sebarang ancaman dan permusuhan. Oleh itu, kefahaman yang jitu dalam agama amat penting agar seseorang itu tidak mudah terpengaruh dengan anasir luar yang mana bukan sahaja boleh merosakkan hubungan antara agama malah akan merosakkan nama baik sesebuah agama.

Faktor Tercetus Konflik Hubungan Kemasyarakatan Antara Agama

Perkataan konflik ini berasal daripada bahasa Inggeris iaitu *conflict* bermaksud pertelingkahan, pertikaian dan perbalahan. Manakala menurut *Kamus Dewan Edisi Keempat* (1990), konflik bermaksud sebuah perselisihan atau pertentangan sama ada antara individu, idea, kepentingan dan sebagainya. Selain itu, konflik juga merupakan suatu cetusan awal kepada aktiviti tidak sihat sehingga boleh membawa kepada kesan-kesan buruk. Dalam sejarah manusia, konflik telah terjadi sejak zaman terdahulu, selagi mana masih wujudnya masyarakat maka perbezaan pandangan dan pendapat akan terus berlaku namun yang membezakannya adalah ia bersifat sederhana ataupun terlalu ekstrem sehingga boleh memecah belahkan masyarakat dan mengganggu keharmonian masyarakat.

Umumnya, tercetusnya suatu konflik dalam kalangan masyarakat adalah disebabkan beberapa faktor antaranya ialah:

1. Sikap Penganut Agama

Agama dalam sesebuah masyarakat mempunyai dua kecenderungan sama ada membawa kepada konflik atau membawa keharmonian dalam masyarakat. Namun, konflik yang tercetus bukanlah disebabkan oleh agama tapi disebabkan oleh pemahaman penganut agama tersebut. Hal ini kerana tidak ada satupun agama yang menyeru penganutnya untuk mencetuskan konflik atau melakukan kejahatan, agama semestinya menjadi asas dalam membentuk keharmonian dalam kehidupan bagi orang yang benar-benar mengamalkan ajaran dalam agama. Punca utama berlakunya konflik antara agama ini adalah disebabkan oleh perbezaan pandangan antara penganut agama itu sendiri. (Abdul Mustaqim, 2014). Dalam kepelbagaian masyarakat beragama terdapat pelbagai sikap masyarakat yang wujud antaranya ialah fanatik (taksuf), ekstrem, prejudis.

Menurut *Kamus Dewan*, istilah fanatik bererti berlebihan dalam sesuatu kepercayaan atau keyakinan dalam sesuatu ajaran sehingga melampaui batas. Fanatik ini kebiasaannya merujuk kepada seseorang yang keterlaluan terhadap sesuatu pegangan atau pendirian terutamanya berkaitan hal keagamaan. Selain itu, fanatik ini juga seerti dengan kalimah taksuf dan eksklusif, kedua perkataan ini membawa maksud yang sama. Kemudian, bagi istilah fanatisme ini pula merujuk kepada satu fahaman atau perilaku yang menunjukkan kepada sikap berlebihan dalam

sesuatu perkara. Menurut George Santayana (1905), beliau mendefinisikan fanatisme sebagai melipatgandakan usaha sehingga terlupe tujuan asal dan apa yang sepatutnya.

Sikap fanatik terhadap agama ini merupakan sikap seseorang atau kelompok yang memandang hanya kelompoknya sahaja yang paling benar. Walau bagaimanapun seeloknya setiap penganut perlu bersifat kritis, tidak boleh terlalu mengikut sesuatu pandangan tanpa dikaji asas atau dasar sesuatu perkara. Tambahan pula, dalam memahami agama perlu selari dengan apa yang dituntut dalam agama bukanlah mengikut apa yang dirasakan benar mengikut kefahaman masing-masing. (Abdul Mustaqim, 2014). Menurut Muhammad Kamil Abdul Majid (2003), beliau memetik pandangan daripada al-Qaradawi yang menyatakan sikap fanatik dan taksib kepada pandangan dan pegangan sendiri atau kepada guru dan kelompok masing-masing merupakan salah satu daripada gejala yang melampau.

Sikap yang digambarkan ini menunjukkan bahawa seseorang itu tidak berkemampuan membuka perbincangan untuk membandingkan pendapatnya dengan pendapat orang lain dan mengambil langkah untuk berpegang dengan apa yang diyakini benar baginya bukan benar disisi agama.

Keduanya, sifat ekstremis bermaksud terlalu ekstrem dalam beragama dan mendorong seseorang untuk melakukan kekerasan, anti toleransi dan juga anti perdamaian. Golongan ekstrem kebiasaannya lebih dikenali sebagai golongan melampau dan keterlaluan dalam memahami dan mengambil sesuatu tindakan. Manakala keterlampauan dalam agama adalah sikap yang melampaui batas-batas agama yang telah ditetapkan dalam agama dan juga menambah sesuatu hukum atau perkara yang tidak ada dalam agama. (Yusuf al-Qaradraw,i 1990). Tambahan pula, kelompok ekstrem beragama juga sanggup melakukan kekerasan dan kezaliman terhadap kelompok yang menentang atau berbeza pandangan dengan mereka, dan mereka juga yakin bahawa apa yang dibawa oleh fahaman mereka adalah benar serta apa yang dilakukan oleh mereka adalah bertujuan untuk memperjuangkan kesucian agama mereka. (Horgan, 2005). Walhal ianya bertentangan dengan apa yang diajarkan dalam agama-agama dunia. Secara logiknya, tidak ada agama yang mendorong ahlinya untuk melakukan kekerasan dan kezaliman dalam memperjuangkan agama.

Di samping itu, ekstremisme agama ini juga menjadi isu yang penting bagi dalam setiap negara kerana perlu ditangani dengan baik agar perpaduan dan keselamatan negara terkawal. Hal ini kerana kebanyakan agama utama dunia seperti Kristian, Yahudi, Hindu, Sikh, Islam dan Buddha mempunyai sejarah hitam berkaitan dengan hal tersebut. (Juergensmeyer, 2017). Terdapat beberapa tahap keganasan moden yang dibahagikan kepada beberapa gelombang iaitu tiga gelombang pertamanya adalah berpaksikan politik iaitu berkaitan dengan penciptaan doktrin, determinisme kebangsaan dan internasionalisme. Manakala gelombang yang keempat adalah berpaksikan kepada agama, yang dikenali sebagai ISIS. (Rapoport, 2004).

ISIS merupakan sebuah organisasi ekstremisme yang menjadi satu ancaman dalam sesebuah negara kerana pelbagai peristiwa hitam yang berlaku seperti kes pengeboman di tempat awam, perbuatan meletupkan diri sendiri yang membahayakan nyawa orang lain, penganiayaan mental dan fizikal terhadap golongan yang tidak sehaluan dan, merekrut golongan kanak-kanak dan belia yang masih muda. (Gorawantschy, Gunaratna, Sarmah & Rueppel, 2016). Kegiatan ekstremis ini kebiasaannya dikaitkan dengan kelompok agama Islam yang memperjuangkan agama namun hakikatnya tidak menggambarkan kemuliaan agama Islam sendiri kerana agama Islam adalah agama yang menengakkan kebenaran dan mencegah daripada sebarang bentuk kezaliman.

Secara umumnya, perkataan seperti fanatik, taksub, eksklusif dan ekstrem ini merupakan suatu perkara atau kepercayaan yang mempunyai maksud sama yang menunjukkan kepada perlakuan atau sikap yang tidak baik dan berlebihan dalam sesuatu perkara sehingga boleh mencetuskan permusuhan dan pergaduhan antara satu sama lain.

2. Ekonomi

Hubungan antara masyarakat beragama ini juga tidak dapat lari daripada berlakunya konflik dalam bidang ekonomi. Dalam kehidupan masyarakat pelbagai agama ini, apabila satu kumpulan agama (terutamanya kumpulan minoriti) berjaya dalam bidang ekonomi, kebiasaannya kumpulan ini akan terkedepan dan merasakan diri lebih hebat dari kelompok lain. Hal ini akan menyebabkan mereka sukar untuk bertoleransi dengan kelompok lain yang kurang berjaya dalam ekonomi (selalunya kumpulan minoriti). Kebanyakan daripada mereka masing-masing berusaha untuk bersaing

bagi merebut kekayaan dalam bidang ekonomi. Dari segi ekonomi, golongan daripada kelompok yang kurang bernasib baik kebiasaannya akan ditindas dan dizalimi atas dasar kepercayaan agama sebagai contoh peranan sistem kasta Hindu yang banyak dipertikaikan.

Sistem kasta ini membezakan lapisan masyarakat mengikut taraf hidup masing-masing dan diberikan kelebihan berdasarkan kasta tersebut. Sistem ini banyak menimbulkan ketegangan dalam kehidupan bermasyarakat terutamanya masyarakat Hindu. (Francis-Vincent Anthony, Chris A.M. Hermans and Carl Sterkens t.t). Walau bagaimanapun, sepatutnya agamalah dapat memotivasikan penganut agama untuk mengubah keadaan sosio-ekonomi kearah yang lebih telus dan adil sebagai contoh dalam bidang pekerjaan dan perkhidmatan diberikan sama untuk semua tanpa mengira latar belakang agama seseorang itu.

3. Pertentangan Ideologi

Ideologi diertikan sebagai suatu fahaman atau landasan idea yang dipegang oleh seseorang individu atau sekumpulan masyarakat bagi tujuan tertentu yang hendak dicapai. Menurut Alexander Groth , beliau menyatakan bahawa idea-idea tersebut tidak perlu diatur, sistematik ataupun rasional kerana ideologi itu mungkin bersifat sederhana, berpecah-pecah, ataupun bersifat kompleks dan padu. Ideologi ini juga melibatkan dengan unsur politik, ekonomi, agama, moral ataupun hal-hal yang lebih khusus sebagai contoh dalam pendidikan, harta dan kebudayaan harian. Apa yang penting ideologi mesti berterusan dan mempunyai pengaruh yang luas.

Walaupun bagaimanapun, pertentangan ideologi meninggalkan kesan dan persoalan-persoalan seperti siapa yang harus memimpin dan berada di tampuk pimpinan teratas, bagaimana seseorang pemimpin dilantik, apakah prinsip-prinsip yang mendasari pemerintahan dalam menentukan pentadbiran dan sebagainya. Ideologi juga sangat berkait rapat dengan kekuasaan politik. Dengan ideologi juga boleh mengubah dan menentukan bagaimana manusia harus berfikir dan berkelakuan, hal ini kerana ia meninggalkan kesan keatas hakikat dan sifat manusia, masyarakat dan juga alam. (Che Abdullah Che Ya, 2016).

Selain itu, ideologi juga mampu mempertahankan sesuatu nilai dan juga mampu mempertikaikan nilai-nilai yang lain. Oleh itu, melalui ideologi ini juga munculnya bibit-bibit permusuhan dan pertelingkahan

diantara penganut ideologi yang pelbagai ini. Hal ini disebabkan ideologi dipandu oleh sistem kepercayaan yang mutlak mengikut kepercayaan masing-masing. (Syed Ahmad Hussain, 1994).

Oleh itu, berdasarkan ketiga-tiga faktor umum yang mencetuskan konflik dalam hubungan masyarakat pelbagai agama ini jelas menunjukkan bahawa pemahaman agama dan sikap hormat menghormati antara satu sama lain amat penting dalam menjamin keharmonian hubungan masyarakat yang pelbagai. Di samping itu, kerjasama daripada semua pihak juga amat diperlukan bagi mewujudkan keharmonian dalam kepelbagaian masyarakat ini. Secara logiknya keharmonian tidak akan wujud sekiranya hanya sebelah pihak sahaja yang berusaha mendamaikan namun sebelah pihak yang lain sebaliknya. Keharmonian yang wujud tidak akan merugikan mana-mana pihak malah menguntungkan semua pihak walaupun berbeza latar belakang, budaya dan agama.

Kesimpulan

Setiap manusia diciptakan oleh Pencipta dengan akal dan naluri yang sempurna untuk menguruskan alam dan kehidupan agar memberi manfaat kepada seluruh isinya. Walaupun mempunyai akal, manusia secara fitrahnya memerlukan kepada agama untuk dijadikan landasan dalam kehidupan dunia dan selepasnya. Hal ini jelas menunjukkan sekiranya manusia menolak kehidupan beragama mereka juga tetap akan berpegang kepada agama budaya yang diasaskan individu tertentu. Oleh itu, keinginan manusia untuk menjalani kehidupan aman dan damai serta bencikan permusuhan merupakan asas kepada nilai-nilai moral yang dipupuk dalam agama-agama. Kehidupan bermasyarakat menjadi satu tuntutan naluri dan keperluan manusia, tidak ada seorangpun boleh menjalani kehidupan tanpa ditemani oleh orang lain. Kehidupan bermasyarakat ialah kehidupan bersama jiran tetangga, berorganisasi, bersaudara dan berkasih sayang, tolong menolong, hormat menghormati dan seumpamanya.

Bagi agama Kristian dapat difahami bahawa hubungan kemasyarakatan antara agama ini berpandukan melalui konsep persaudaraan sejati yang bersumberkan daripada ajaran asal Yesus yang sangat menekankan kasih yang murni atau dikenali sebagai cinta kasih. Kasih diertikan sebagai sumber asal daripada Allah dan haruslah disebarikan kasih kepada semua lapisan masyarakat. Oleh itu, konsep ini merupakan satu konsep yang menghargai dan menghormati masyarakat

beragama lain. Walau bagaimanapun, dalam menjalani hubungan kemasyarakatan ini tidak dapat lari daripada berlakunya konflik namun dapat diatasi sekiranya kedua-dua belah pihak mengambil inisiatif atau melakukan perundingan yang baik agar dapat menyelesaikan segala bentuk konflik. Apa yang penting dalam hubungan kemasyarakatan antara agama ini adalah saling memahami dan menghormati antara satu sama lain, keganasan bukan suatu pilihan dalam mengurus kepelbagaian dalam masyarakat.

Rujukan

- Ahmad Bashir Aziz. 2004. *Nilai dan Etika Pengurusan: Analisa dari Perspektif Agama-Agama di Malaysia*. Kedah: Universiti Utara Malaysia
- Ahmad bin Muhammad bin 'Ali al-Fayyūmi. 1987. *Miṣbāh al-Munīr*. Beirut: Maktabah Lubnan.
- al Kitab Berita Baik*. Selangor. The Bible Society of Malaysia.
- al-Sirjānī, Rāghib. 2010. *Fann al-Ta'āmul al-Nabawī ma'a Ghayr al-Muslimīn*. Qahirah: Dār Aqlam.
- Canon Guy Wilkinson t.t. *Living with others faiths: A Presence and Engagement Resource*. Contextual Theology Centre.
- Che Abdullah Che Ya. 2016. Gambaran konflik politik dalam kalangan masyarakat Sabah. *Malaysia Journal of Society and Space*. 12(11): 16-28.
- Cragan, J. F., & Shields, D. C. 1998. *Understanding Communication Theory: The Communicative Forces for Human Action*. MA: Allyn & Bacon.
- Darell Jodock. 2016. *A Christian View of Inter-religious Relations: A Modified Excerpt from Engaging Others, Knowing Ourselves*. Collegeville Institute.
- Francis-Vincent Anthony, Chris A.M. Hermans and Carl Sterkens. t.t. *Religion and Conflict Attribution*: BRILL
- Gorawantschy, B., Gunaratna, R., Sarmah, M & Rueppel, P. (Eds.). 2016. *Countering Daesh Extremism: European and Asian Responses*. Singapore: Konrad Adenauer Stiftung.
- Hogan, J. 2005. *The Psychology Of Terrorism*. London: Routledge.
- Juergensmeyer, M. 2017. *Terror in the mind of God: The Global Rise Of Religious Violence*. 4th ed. California: University of California Press.
- Kamus Dewan Edisi Keempat*. 2010. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Kamus Dwibahasa*. 1990. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Kamus Dwibahasa Oxford Fajar*. 2001. Kuala Lumpur: Penerbit Fajar Bakti.
- Kamus Pelajar Bahasa Malaysia*. 2001. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Khadijah binti Mohd Khambali Hambali. 1999. Konsep Penciptaan Manusia Menurut Bible: Satu Huraian Awal. *Jurnal Fikrah*. 2.
- Khairul Azhar Ahmad Faqih & Muhammad Hilmi. 2018. Prinsip Asas Interaksi Inter-Agama di Malaysia Menurut Perspektif Islam. Prosiding Kolokium Penyelidikan Kebangsaan 2018, anjuran Kolej Universiti Islam Melaka.
- Mohamad Kamil Ab. Majid. 2003. Fanatik dan Taksud dalam Islam: Analisis Pandangan al-Qaradawi. *Jurnal Usuluddin*. 18.: 25-36
- Mohd Anuar Ramli dan Mohammad Aizat Jamaludin. 2011. 'Uruf Majmuk: Konsep dan Amalannya dalam Masyarakat Majmuk di Malaysia. *Jurnal Fiqh*. 8

- Mohd Anuar Ramli. 2003. *Asas Hukum dalam Budaya: Kajian Terhadap Beberapa Aspek Hubungan Sosial dalam Kebudayaan Malaysia*. Disertasi Sarjana, Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya.
- Mohd Nor Manuty. 2011. *Islam dan Toleransi Budaya dalam Masyarakat Majmuk di Malaysia* Dlm. Abdul Karim Ali & Rumaizi Ahmad al-Mustapha (ed.), *Fiqh Masyarakat Bukan Islam di Malaysia Shah Alam*: Imtiyaz Multimedia & Publications.
- Muhammad Abu Zahrah 1987. *Penyusunan Masyarakat dalam Islam*. Terj Osman Khalid. Kuala Lumpur: Bahagian Hal Ehwal Islam, Jabatan Perdana Menteri.
- Rapoport, D. C. 2004. *Modern terror: The four waves*. In S. Mahan & P. L. Griset (eds.), *Terrorism in Perspective*. 3rd ed. pp. 111-127. Thousand Oak, CA: Sage Publications
- Santayana, George. 1905. *Life of Reason: Reason in Common Sense*. New York: Charles Scribner's Sons
- Schramm, W. 1949. The Effects Of Mass Communcations: A Review. *Journalism Quaterly*. 26 (4): 397–410.
- Syed Ahmad Hussein. 1994. *Pengantar Sains Politik*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Yusuf al-Qaradawi. 1990. *Zhahirah al-Ghuluw fi al-Ta'fikir*. Cairo: Maktabah Wahbah
- Yūsuf al-Qarḍāwī. 1992. *Ghayr al-Muslimīn fi al-Mujtama' al-Islāmi*. Qahirah: Maktabah Wahbah.
- Zakiyah Jamaluddin. 2001. *Dimensi-Dimensi Pembangunan Sosial*. Sintok: Universiti Utara Malaysia.

PENDEKATAN DAKWAH POLITIK ABDUL HADI AWANG DI MALAYSIA: TUMPUAN KEPADA TAFSIR SURAH YAASIN

Mira Farisha Sadimin
Program Sarjana Pengajian Islam (Pengajian al-Quran dan al-Sunnah)
Fakulti Pengajian Islam UKM
p101647@siswa.ukm.edu.my

Latifah Abdul Majid
Hamdi Ishak
Pusat Kajian al-Quran dan al-Sunnah
Fakulti Pengajian Islam UKM

Abstrak

Abdul Hadi Awang merupakan seorang tokoh gerakan Islam yang berdakwah di arena politik Malaysia melalui wadah Parti Islam Se-Malaysia (PAS). Namun, cuaca politik Malaysia yang berubah-ubah telah memaksa beliau melakar strategi politik yang ampuh, seimbang dengan situasi rakyat Malaysia yang terdiri daripada masyarakat majmuk antaranya Budaya Politik Matang dan Sejahtera (BPMS), Kerajaan Perpaduan dan lain-lain. Di samping itu, beliau dilihat aktif berdakwah melalui medium penulisan dan pengisian kuliah tafsir di Masjid Rusila sebagai salah satu pendekatan dakwah kepada masyarakat. Kewujudan elemen dakwah politik yang diketengahkan dalam penulisan karya tafsir beliau perlu dikaji bagi memantapkan kefahaman masyarakat. Justeru, kajian ini akan berfokus kepada pendekatan dakwah politik Abdul Hadi dalam salah satu karya tafsir beliau dalam siri *Tafsir Al-Tibyan* iaitu Tafsir Surah Yaasin. Tafsir Surah Yaasin dipilih kerana surah ini merupakan surah lazim yang menjadi amalan masyarakat Melayu. Selain itu, kajian ini menonjolkan ketokohan dan prinsip utama beliau sebagai pemimpin gerakan Islam dan ulama yang proaktif mengangkat martabat Islam kepada masyarakat. Kajian ini menggunakan kaedah kualitatif dengan reka bentuk analisis kandungan kemudian dianalisis menggunakan kaedah deskriptif. Implikasi kajian, pendekatan Abdul Hadi Awang memberi impak kepada landskap pemikiran politik di Malaysia dengan menerapkan konsep politik yang matang, mengutamakan perpaduan rakyat dan berlandaskan al-Quran dan Al-Sunnah.

Kata kunci: dakwah politik, Abdul Hadi Awang, Politik Islam, Surah Yaasin, Siasah Syari'yyah

Pendahuluan

Dakwah dan politik merupakan dua gabungan elemen penting dalam perkembangan ajaran Islam ke santero dunia. Sesuai dengan dakwah Islam yang bersifat syumul, integrasi elemen dakwah dan politik membantu penyebaran Islam dengan lebih meluas dan berkesan di bawah pimpinan seorang ketua yang mengamalkan nilai-nilai Islam. Razaleigh

(2014a) menyatakan sejarah kepemimpinan Rasulullah SAW telah membuktikan bahawa pengaruh dakwah Islam tersebar lebih luas dan kukuh di dalam dan luar Madinah melalui kuasa Islam Madinah. Secara tidak langsung fakta sejarah ini menafikan fahaman sekularisme yang mengasingkan agama dalam urusan kehidupan seharian yang jelas bercanggah dengan ajaran Islam.

Di Malaysia, nama-nama seperti Abdul Hadi Awang, Nik Abdul Aziz, Fadzil Mohd. Noor bukanlah asing apabila menyebut berkenaan tokoh gerakan Islam yang berdakwah di arena politik Malaysia melalui wadah PAS. PAS telah ditubuhkan sejak 1951 dan menjadikan Islam berlandaskan al-Quran dan al-Sunnah sebagai paksi dan matlamat perjuangan. Parti yang memperjuangkan Islam ini telah melahirkan ramai tokoh dalam pelbagai bidang termasuklah politik, ekonomi dan sosial antaranya Abdul Hadi Awang. (Latifah & Nasir, 2020). Abdul Hadi Awang merupakan Presiden PAS sejak tahun 2002, ahli parlimen Marang dan Duta Khas YAB Perdana Menteri ke Timur Tengah.

Di peringkat antarabangsa, beliau pernah memikul tanggungjawab sebagai Timbalan Ketua Kesatuan Ulama Islam Sedunia di bawah pimpinan Dr. Yusuf Al-Qaradawi. Kepakaran beliau dalam bidang siyasah syariyyah telah melakar pelbagai strategi politik yang mapan sesuai dengan iklim masyarakat majmuk di Malaysia.

Konsep Dakwah Politik

Perkataan dakwah berasal daripada perkataan dalam bahasa Arab, *masdar* (kata terbitan) daripada *fi'il* (kata kerja) يدعو دعا. Dari segi istilah memanggil ataupun mengajak. (Amran Kasimin, 1985). Yusuf al-Qaradawi mendefinisikan dakwah sebagai satu usaha yang mengajak orang lain kepada Islam supaya mentaati ajaran agama, mengkhususkan segala bentuk perhambaan diri dan taat kepada perintah Allah semata-mata. Membebaskan diri daripada segala kongkongan selain daripada Allah (*taghut*) yang terpaksa dipatuhi, menunaikan hak Allah, menyeru kepada kebaikan dan mencegah kemungkaran dan berjihad pada jalannya. (Yusuf Al-Qaradawi, 2009). Konsep dakwah meliputi usaha amar makruf nahi mungkar yang bersifat syumul meliputi keseluruhan aspek politik, ekonomi, sosial, kebudayaan, pendidikan dan lain-lain.

Manakala istilah politik berasal daripada perkataan Yunani iaitu *politikus* atau bahasa Latin iaitu *Politica* yang diambil daripada kata akar

Polis bererti kota atau negara kota, yang telah digunakan sejak abad kelima sebelum masihi lagi. Perkataan *Polis* juga memberi definisi sesuatu organisasi yang bertujuan untuk memberikan negaranya satu kehidupan yang baik. (Abdul Hadi Awang, 2007). Dalam bahasa Arab, politik disebut sebagai siyasah yang membawa maksud menguruskan sesuatu urusan dan memperbaikinya. Menurut Muhammad Abdullah, sistem politik dalam Islam merujuk kepada peraturan-peraturan yang mengatur pentadbiran dan pengurusan negara berlandaskan Islam. Secara khususnya, sistem politik Islam merujuk kepada prinsip pemerintahan yang berpandukan kepada al-Quran dan al-Sunnah sebagai sumber utama dalam urusan mentadbir negara untuk menjamin kepentingan, kebajikan dan menjaga urusan rakyat. (Muhammad ^cAbdullah al-^cArabi, 1968).

Gabungan istilah dakwah politik atau dakwah siyasah merupakan kegiatan dakwah yang menjadikan kekuasaan, kekuatan politik, birokrasi sebagai salah satu wasilah dan strategi memperjuangkan Islam. Gerakan dakwah yang berusaha menegakkan kekuasaan Islam di medan politik membawa misi Islam dalam perjuangan iaitu menjadikan ideologi negara selari dengan ajaran Islam, mencorakkan pemerintahan negara dengan nilai-nilai Islam sehingga ajaran Islam menjadi panduan dan manual kehidupan bagi rakyat. (Iyatna et.al, 2016). Hasan al-Banna menyatakan antara kewajipan menegakkan kuasa Islam ialah melalui pelaksanaan hukum-hukum Islam dan sistem sosial Islam secara menyeluruh dan memastikan dakwah Islam tersebar meluas dalam seluruh negara. (Said Hawwa, 1981).

Menurut Mujar Ibn Syarif, konsep dakwah politik merujuk kepada penggabungan pengertian menyeluruh dakwah dan politik iaitu menyampaikan dakwah dan mesej-mesej Islam melalui lapangan politik. Dakwah yang disokong oleh kuasa politik membolehkan usaha menyebarkan dakwah dapat dilaksanakan dengan lebih efektif dan strategik. Pemimpin negara yang berkuasa sesebuah negara lebih berautoriti untuk melaksanakan tuntutan agama dan menjauhi unsur-unsur kemungkaratan dalam pentadbiran seperti bersikap tidak adil, salah guna kuasa, rasuah dan sebagainya berbanding orang yang menyampaikan dakwah dalam lingkungan yang lebih kecil di tempat-tempat ibadah seperti masjid atau surau. (Suhaimi Latip, 2015).

Dakwah politik melibatkan kegiatan dakwah yang memperhatikan isu-isu politik semasa dalam negara. Pelbagai strategi dakwah perlu

dilakar bagi menjayakan misi Islam di medan politik mengikut kesesuaian dan situasi semasa negara dan masyarakat. Hakikatnya, pemimpin dan rakyat saling memainkan peranan penting dalam menjayakan misi dakwah di arena politik. Zulkiple dan Muhd Syukri (2005) menyatakan tugas utama pemimpin Islam yang berdakwah di medan politik ialah melaksanakan amar makruf nahi mungkar dalam pentadbiran, menyampaikan risalah Islam dan memelihara agama, membasmi ajaran sesat dan fitnah agama, menyediakan tempat dan kemudahan untuk mengembangkan dakwah Islam serta melaksanakan sistem Islam dalam perundangan. Manakala tugas rakyat di bawah pemerintah pula bertanggungjawab memberi nasihat kepada pemimpin, wajib menjayakan usaha amar makruf nahi mungkar pemerintah dan membantu pemimpin mempertahankan negara dari ancaman musuh. (Razaleigh 2014b).

Latar Belakang Abdul Hadi Awang

Abdul Hadi bin Awang dilahirkan di Kampung Rusila, sebuah perkampungan berhampiran Marang, Terengganu pada 20 Oktober 1947 bersamaan 6 Zulhijah 1366H. Beliau dibesarkan dalam keluarga yang kuat agama daripada ayahnya sendiri, Tuan Guru Haji Awang yang merupakan guru agama dan aktivis politik. Minat yang mendalam terhadap politik dan pengaruh ayahnya telah mendorong Abdul Hadi untuk terlibat aktif di kancah politik. Haji Awang menyemai dalam diri anak-anaknya semangat cinta akan perjuangan Islam dan mempertahankan tanah air dari penjajah. (Riduan, 2009). Hasil didikan keluarga yang baik pada agama telah membentuk Abdul Hadi menjadi seorang pemuda yang berkepimpinan, hebat berpidato dan berakhlak mulia. Bakat kepemimpinannya dapat dikesan sejak di bangku sekolah lagi apabila beliau dilantik menjadi Setiausaha Ranting (kini cawangan) PAS Rusila pada tahun 1964. (Riduan, 2009).

Selain mempunyai bakat kepemimpinan, Abdul Hadi turut cemerlang dalam akademik dan mempunyai semangat cinta akan ilmu yang tinggi. Beliau telah mendapat tawaran untuk menyambung pengajian syariah di Universiti Islam Madinah dengan biasiswa penuh kerajaan Arab Saudi pada tahun 1969-1973. (Riduan, 2009). Sewaktu pengajian di Madinah, beliau tidak melepaskan peluang untuk mendalami ilmu agama daripada ulama-ulama besar di Masjid Nabawi dan pensyarah Universiti Islam Madinah antaranya Dr Abdul Sattar Al-Khudsi, Muhammad Al-Wakeel dan Sheikh Abu Bakr Jabir Al-Jazair. (Abdul Ghani, 1997). Abdul Hadi turut menerima pendedahan fikrah Ikhwanul Muslimin secara serius

daripada Sheikh Said Hawwa dan Prof. Dr. Muhammad Al-Wakeel yang memainkan peranan mereka sebagai murabbi politik Islam beliau. (Riduan, 2009).

Di samping itu, Abdul Hadi turut melibatkan diri dalam organisasi persatuan mahasiswa Madinah. Beliau telah dilantik menjadi Ketua Pelajar Malaysia Universiti Islam Madinah selain menggalas tanggungjawab sebagai Setiausaha Agung Gabungan Pelajar-pelajar Asia Tenggara di Madinah. (Riduan, 2009).

Pada tahun 1974-1976, Abdul Hadi berpeluang menyambung pengajian Sarjana di Universiti Al-Azhar dalam bidang siyasah syari'yyah, Mesir. Beliau sekali lagi menerima pendedahan fikrah Ikhwanul Muslimin secara langsung dan kepintaran beliau dalam akademik mendapat perhatian dari tokoh-tokoh pemikir Ikhwanul Muslimin. (Riduan, 2009).

Pengaruh didikan ayah dan mentor politik Islam Abdul Hadi di Timur Tengah memberi kesan besar dalam pembentukan fikrah Islam beliau sebagai seorang pemimpin gerakan Islam di Malaysia. Sepanjang bergiat aktif berdakwah di medan politik, beliau telah memperkenalkan beberapa pendekatan dan strategi politik antaranya Budaya Politik Matang dan Sejahtera (BPMS), demokrasi Islam, Kerajaan Perpaduan dan tahaluf siyasi bertaawun bersama UMNO. (Latifah & Nasir, 2020). Strategi politik yang diketengahkan Abdul Hadi mengutamakan perpaduan rakyat, sesuai dengan situasi masyarakat Malaysia yang terdiri dari masyarakat majmuk.

Tafsir Surah Yaasin oleh Abdul Hadi Awang

Karya Tafsir Surah Yaasin merupakan salah satu daripada hasil karya *Tafsir Al-Tibyan* Abdul Hadi Awang. Buku tafsir ini dihasilkan bagi membantu masyarakat memahami dan menghayati intisari Surah Yaasin sebagai pedoman dan manual kehidupan, bukan sekadar menjadi bahan bacaan lazim umat Islam pada malam Jumaat. (Abdul Hadi, 2013) Justeru, karya tafsir ini menggunakan laras bahasa yang santai dan tidak memuatkan banyak perselisihan pendapat untuk memudahkan kefahaman masyarakat.

Abdul Hadi mengaitkan tafsir ini dengan isu-isu semasa di Malaysia sebagai pendekatan, sesuai dengan sasaran pembaca yang terdiri daripada

masyarakat awam. Pendekatan ini membantu masyarakat menjadi umat yang cakna dan peka dengan isu umat Islam selain memupuk kesedaran kewajipan *amar makruf nahi mungkar*. (Abdul Hadi, 2013).

Karya tafsir Abdul Hadi ini disusun dengan pembahagian enam bab utama. Setiap bab utama dibahagikan kepada beberapa ayat mengikut pembahagian tema surah seperti kebenaran Nabi Muhammad SAW, sebagai utusan Allah, hujah al-Quran, kejadian siang malam dan lain-lain. Kemudian, tema-tema ini dipecahkan lagi kepada beberapa subtopik untuk menghuraikan intisari ayat. Abdul Hadi menghuraikan intisari ayat dengan mendahulukan terjemahan setiap ayat mengikut pembahagian tema, memudahkan pembaca memahami ayat al-Quran secara berperingkat dan tersusun. Selain menghuraikan intisari ayat, beliau membahaskan ilmu Tajwid secara ringkas khususnya pada bacaan huruf-huruf permulaan Surah Yaasin dan bacaan *saktah*.

Setelah diteliti, Abdul Hadi menggunakan beberapa kitab tafsir utama sebagai rujukan karya *Tafsir Surah Yaasin*, antaranya kitab tafsir al-ma'thur iaitu *Tafsir al-Tabari* dan *Tafsir al-Qurtubi*. Selain itu, beliau turut merujuk beberapa kitab tafsir al-ra'yi yang masyhur menurut ulama *mufasssir* iaitu Tafsir al-Baidawi dan Tafsir Abu Saud pada pentafsiran sebahagian ayat.

Pendekatan Dakwah Politik dalam Tafsir Surah Yaasin

Terdapat beberapa pendekatan dakwah politik yang ditonjolkan oleh Abdul Hadi di dalam *Tafsir Surah Yaasin*. Isu-isu yang diketengahkan ialah aspek-aspek yang menjurus ke arah perbahasan yang berkaitan dengan dakwah di medan politik dan kepimpinan dalam berpolitik (Political Leadership). Berikut merupakan beberapa tafsiran dan perbahasan Abdul Hadi yang melibatkan pendekatan dakwah di medan politik di dalam karya beliau Tafsir Surah Yaasin.

1. Melaksanakan Dakwah berlandaskan al-Quran dan al-Sunnah Islam merupakan agama wahyu daripada Allah SWT kepada manusia. Sumber kepada *manhaj* Islam ialah wahyu Allah yang telah disampaikan oleh Rasulullah SAW kepada umatnya. (Mohamad & Zulkefli, 2018). Tidak terkecuali dalam usaha menyampaikan dakwah kepada masyarakat, dakwah yang disampaikan perlu bermanhaj Rabbani; bersumberkan al-Quran dan hadis.

Menurut al-Qaradawi (1983), *Rabbaniyah al-Manhaj* bermaksud setiap sistem, peraturan, prinsip dan undang-undang bagi menyempurnakan kehidupan fitrah manusia adalah berteras dan bersumberkan wahyu Allah SWT dan hadis. *Manhaj* ini dilaksanakan mengikut kehendak Allah SWT, bukan kerana kepentingan individu tertentu atau sebab tertentu bahkan merupakan sesuatu ketetapan buat manusia. Firman Allah SWT:

تَنْزِيلَ الْعَزِيزِ الرَّحِيمِ

Maksudnya: “*Al-Quran itu diturunkan oleh Allah SWT yang Maha Kuasa lagi Maha Mengasihani.*” (Yaasin: 5)

Dalam menghuraikan tafsir ayat kelima Surah Yaasin, Abdul Hadi menyatakan al-Quran merupakan sumber hidayah dan panduan hidup bagi segala aspek kehidupan manusia. Beliau membahaskan terdapat segolongan manusia yang beriman kepada al-Quran tetapi menolak hadis Nabi SAW. Mereka mengatakan bahawa hadis Nabi SAW tidak perlu dijadikan panduan asas dalam kehidupan dan undang-undang, cukup sekadar al-Quran. Pada hakikatnya pendapat ini merupakan pendapat yang tertolak dan tersesat dari landasan Islam yang sebenar. (Abdul Hadi, 2013). Bahkan, dalam usaha menyebarkan dakwah, kata-kata dan tindakan Rasulullah SAW merupakan panduan dan rujukan utama bagi para pendakwah.

Tambahan pula, beriman kepada Allah adalah berkait rapat dengan beriman kepada Rasulullah kerana Allah melantik Rasulullah SAW sebagai utusannya di muka bumi. Abdul Hadi turut merumuskan sekiranya umat Islam tidak percayakan Nabi SAW, maka bermakna mereka juga tidak mempercayai Allah SWT. Justeru, al-Quran dan al-Hadis merupakan dua elemen utama dan asas kukuh yang menjadi pegangan umat Islam dalam menyebarkan dakwah dan segala aspek kehidupan secara menyeluruh.

2. Kewajiban Menegakkan Hukum-hukum Allah

Dalam menghuraikan tafsir ayat kelima Surah Yaasin, Abdul Hadi turut menyentuh berkenaan kewajipan menegakkan hukum-hukum Allah pada huraian sifat Allah Yang Maha Kuasa lagi Maha Mengasihani. Beliau mengetengahkan persoalan masyarakat berkenaan sifat Maha Mengasihani Allah yang telah menetapkan hukuman mencuri dengan

memotong tangan dan kaitannya dengan kasih sayang Allah kepada hambanya. Abdul Hadi menghuraikan, pada hakikatnya hukuman itu adalah simbol dan manifestasi kasih sayang Allah SWT kepada manusia. Apabila Allah menghukum seorang pencuri, maka Allah SWT telah menyelamatkan ribuan orang lain daripada dicuri dan teraniaya. Secara tidak langsung, hukuman tersebut mendidik seluruh manusia agar insaf dan takut untuk mencuri. Pencuri yang dihukum di dunia akan terlepas hukuman Allah di akhirat kelak. Maka inilah nilai kasih sayang Allah SWT yang abadi. (Abdul Hadi, 2013).

Kemudian, Abdul Hadi turut menekankan kewajiban menegakkan hukum-hukum Allah dalam sistem undang-undang. Beliau menolak pandangan yang mengatakan hukuman Allah bersifat zalim dan tidak berperikemanusiaan, bahkan, hukuman Allah adalah hukuman yang adil dan bersifat penyayang. Pada hakikatnya, pelaksanaan hukuman Islam akan menghasilkan keamanan dan keselamatan rakyat dari penganiayaan dan kezaliman terus berleluasa. (Abdul Hadi, 2013).

Selain itu, Abdul Hadi turut menekankan kewajiban menegakkan hukum-hukum Allah dalam huraian tafsir ayat ke-19 Surah Yaasin. Firman Allah SWT:

قَالُوا طَائِرُكُمْ مَعَكُمْ أَإِن ذُكِّرْتُمْ بَلْ أَنْتُمْ قَوْمٌ مُّسْرِفُونَ

Maksudnya: “*Rasul-rasul itu menjawab, ‘Nahas dan malang kamu itu adalah disebabkan (kekufuran yang ada pada kamu). Patutkah kerana kamu diberi peringatan dan nasihat pengajaran (maka kamu mengancam dengan apa yang kamu katakan itu)? (Kamu bukanlah orang-orang yang mahu insaf) bahkan kamu adalah pelampau.’*” (Yaasin:19)

Abdul Hadi menghuraikan kisah para penentang Islam pada zaman nabi yang meletakkan sifat malang kepada nabi dan pengikutnya. Mereka beranggapan kehadiran nabi sebagai pembawa risalah telah menyebabkan masyarakat berpecah dan ditimpa malang. Realitinya, perkara tersebut itu merupakan kejahilan dan kekebalan mereka dari menerima hidayah. Kemudian, Abdul Hadi mengaitkan kisah ini dengan keadaan realiti di Malaysia apabila golongan yang memperjuangkan hak Allah SWT untuk memastikan pelaksanaan hukum dan syariat Islam terlaksana dilabel sebagai golongan ekstremis, fanatik, radikal dan anti-pembangunan yang

memecah belah masyarakat. Hakikatnya, sistem pelaksanaan hukum dan syariat Islam perlu direalisasikan bagi menaik taraf institusi kehakiman dan menjamin keamanan dan kesejahteraan rakyat sejagat.

3. Pendekatan Nasihat untuk Islah Masyarakat

Abdul Hadi menggunakan pendekatan nasihat untuk mengislah masyarakat awam seperti dalam Surah Yaasin ayat kelapan, berkenaan sifat cinta akan dunia secara berlebihan. Firman Allah SWT:

إِنَّا جَعَلْنَا فِيّ أَعْنَاقِهِمْ أَغْلَالًا فَهِيَ إِلَى الْأَذْقَانِ فَهُمْ مُّقْمَحُونَ

Maksudnya: “*Sesungguhnya Kami jadikan (kesombongan dan keengganan mereka tunduk kepada kebenaran) sebagai belunggu yang membekas kedua tangan mereka ke belakang leher mereka; (lebarinya belunggu itu) sehingga (meningkatkan) dagu mereka lalu menjadilah mereka terdongak.*” (Yaasin: 8)

Dalam mentafsirkan ayat, Abdul Hadi menyatakan bahawa Allah membuat analogi antara golongan musyrikin dan golongan kafir yang tidak beriman kepada Allah dan rasul seperti orang yang diletakkan belunggu di leher mereka. Kemudian belunggu itu disangkutkan pada dagu mereka dan diikat dengan kemas sehingga mereka menjadi terdongak dan tidak nampak jalan di hadapan mereka. Beliau menghuraikan belunggu tersebut ialah kepentingan pangkat, harta benda, dunia dan kedudukan sehingga mereka menjadi degil dan mempertahankan kebatilan dengan penuh takabbur sehingga tidak nampak jalan sebenar. (Abdul Hadi, 2013).

Abdul Hadi menyatakan belunggu tersebut juga wujud dalam zaman ini bukan sahaja berlaku pada zaman Nabi Muhammad SAW. Manusia tidak akan nampak kebenaran selagi mereka tidak membuang belunggu yang ada pada dagu dan leher mereka. Belunggu itu ialah segala perasan cinta akan dunia (*hubb al-dunya*) yang ada dalam hati manusia. Iaitu meletakkan kepentingan duniawi lebih daripada kepentingan dan kebenaran Hari Akhirat. (Abdul Hadi, 2013).

Pendekatan nasihat yang diketengahkan Abdul Hadi dilihat sebagai satu usaha untuk mengislah masyarakat untuk membina kefahaman Islam yang sempurna melalui penerapan konsep amar makruf nahi mungkar dalam karya tafsirnya. Selain menekankan galakan untuk bangkit berdakwah, beliau turut menengahkan aspek kerohanian dengan mencegah sifat kecintaan terhadap dunia yang telah menghanyutkan manusia jauh dari matlamat akhirat.

4. Jihad Berdakwah kepada Pemimpin dan Rakyat

Berdasarkan tafsiran ayat 13-14, Abdul Hadi menonjolkan kisah Ashabul Qaryah yang menceritakan kisah raja dan suatu kaum sebuah negeri yang menolak dan mendustakan para utusan yang diutuskan oleh Allah untuk berdakwah kepada mereka:

وَأَضْرَبَ لَهُمْ مَثَلًا أَصْحَابَ الْقَرْيَةِ إِذْ جَاءَهَا الْمُرْسَلُونَ إِذْ أَرْسَلْنَا إِلَيْهِمُ اثْنَيْنِ فَكَذَّبُوهُمَا فَعَزَّزْنَا بِثَالِثٍ فَقَالُوا إِنَّا إِلَيْكُمْ مُّرْسَلُونَ

Maksudnya: “Dan buatlah suatu perumpamaan bagi mereka, iaitu penduduk suatu negeri, ketika utusan-utusan datang kepada mereka; (iaitu) ketika Kami mengutus kepada mereka dua orang utusan, lalu mereka mendustakan keduanya; kemudian Kami kuatkan dengan (utusan) yang ketiga, maka ketiga utusan itu berkata, "Sungguh, Kami adalah orang-orang yang diutus kepadamu.” (Yaasin: 13-14)

Kisah Ashabul Qaryah memberi satu mesej buat para umat Islam hari ini betapa pentingnya jihad menyampaikan dakwah kepada pemimpin dan rakyatnya secara terbuka walaupun dakwah mereka ditolak bahkan para utusan Allah SWT diejek dan dipersendakan. Meskipun mengalami kepayahan berdakwah, dizalimi, diseksa hingga mati oleh pemimpin dan penduduk negeri tersebut para utusan yang menyampaikan dakwah tetap beriman kepada Allah dan sabar menghadapi mehnah dan tribulasi dakwah. Pada hakikatnya, penyeksaan terhadap para utusan itu tidak kekal kerana Allah telah menganugerahkan mereka satu nikmat yang agung iaitu syahid di jalan Allah SWT dan terus dimasukkan ke syurga-Nya yang sememangnya telah sedia menanti mereka.

Dalam menghuraikan kisah Ashabul Qaryah, Abdul Hadi (2013) turut menekankan kewajipan menegakkan Islam dalam pentadbiran negara dan mengajak kepada pelaksanaan Islam yang syumul. Bagi merealisasikan matlamat ini, dakwah di medan politik tidak boleh dipandang enteng. Bahkan apabila usaha dakwah disokong politik atau pemimpin yang lebih berautoriti, dakwah Islam dapat disebarkan dengan lebih efektif dan meluas. Pelaksanaan sistem Islam secara menyeluruh dalam sesebuah pentadbiran lebih mudah tercapai.

Sejarah perjuangan dakwah Nabi SAW telah membuktikan dakwah di medan politik pada zaman Rasulullah melalui pembinaan model kerajaan Islam Madinah dan pembentukan Piagam Madinah telah berjaya mengukuhkan Islam, menyatu padukan masyarakat majmuk dan

melaksanakan pentadbiran Islam yang sistematik. (Razaleigh, 2014a) Selain itu, Rasulullah SAW turut menyampaikan dakwah kepada para pemimpin negeri di luar kekuasaan Islam dengan membina hubungan diplomasi melalui medium surat sebagai salah satu usaha dakwah melalui politik. Baginda SAW telah menghantar surat kepada Raja Muqauqis, Raja Najasyi dan lain-lain berisi ajakan memeluk Islam, khabar gembira (tabsyir), peringatan (tanzir) dan ayat al-Quran. (Agusti Alfi, 2019). Justeru, sirah perjuangan Rasulullah SAW menjadi panduan kepada umat Islam hari ini berkenaan kepentingan menegakkan pentadbiran Islam di medan politik, termasuk usaha menyampaikan dakwah kepada pemimpin dan rakyatnya.

5. Pendekatan Hikmah dalam Berdakwah

Dalam menghuraikan tafsir ayat 78 hingga 79, Abdul Hadi ada membincangkan berkenaan pendekatan hikmah dalam menyampaikan dakwah:

وَضَرَبَ لَنَا مَثَلًا وَنَسِيَ خَلْقَهُ قَالَ مَنْ يُحْيِي الْعِظْمَ وَهِيَ رَمِيمٌ ۗ ۷۸ قُلْ يُحْيِيهَا الَّذِي أَنشَأَهَا أَوَّلَ مَرَّةٍ
وَهُوَ بِكُلِّ خَلْقٍ عَلِيمٌ ۗ ۷۹

Maksudnya: “Dan dia (yang derhaka itu) membuat bagi Kami satu perumpamaan; sedangkan dia melupakan kejadian (diri)nya; dia berkata, ‘Siapakah yang dapat menghidupkan tulang belulang, padahal ia telah hancur luluh?’ Katakanlah (Nabi Muhammad SAW), ‘Ia akan dihidupkan oleh Yang Menciptakannya pada kali pertama. Dan Dia Maha Mengetahui segala ciptaan.’ (Yaasin: 78-79)

Menurut Abdul Hadi (2013), ulama tafsir telah menerangkan bahawa ayat ini diturunkan bersempena dengan seorang pemimpin kafir Makkah bernama Ubay bin Khalaf. Dia telah datang untuk mempersendakan Nabi SAW, lalu mempersoal kekuasaan Allah untuk menghidupkan tulang yang telah mati di akhirat kelak sambil memecah-mecahkan tulang yang reput. Nabi SAW lantas menjawab dengan tegas dan keras bahawa Allah akan membangkitkannya dan memasukkannya ke dalam neraka.

Nabi SAW merupakan seorang yang lemah lembut tetapi menjawab persoalan Ubay bin Khalaf dengan tegas. Hakikatnya, Nabi SAW menjawab sesuai dengan hujah yang dikemukakan mad^cunya. Sememangnya itu adalah hujah yang tegas, sesuai dengan perlakuan biadap Ubay bin Khalaf. Jika diperhatikan, ramai yang suka membahaskan konsep hikmah

(bijaksana) sebagai pendekatan yang sentiasa berlembut. Realitinya, persepsi sedemikian adalah salah di sisi Islam. Bijaksana itu memerlukan kita berlembut pada tempat yang lembut, namun kita terpaksa bertegas pada tempat yang tegas. Abd Aziz (2001) merumuskan gaya dan bentuk hikmah dalam berdakwah merangkumi aspek yang luas meliputi teknik lembut, rahmat, kasih sayang dan ketegasan mengikut kesesuaian keadaan semasa.

Kesimpulan

Pendekatan dakwah politik yang ditonjolkan Abdul Hadi di dalam karya *Tafsir Surah Yaasin* merupakan perkara asas yang sepatutnya difahami dan dihayati oleh masyarakat awam dan para pendakwah. Garapan isu yang diketengahkan merupakan isu-isu semasa berkaitan dakwah dalam arena politik dan kepimpinan Islam dalam berpolitik (Political Leadership). Karya *Tafsir Surah Yaasin* yang dihasilkan oleh Abdul Hadi mengandungi pendekatan soal peranan al-Quran dan al-Sunnah yang merupakan sumber rujukan utama bagi umat Islam khususnya dalam berdakwah kepada masyarakat. Matlamat dan pendekatan dakwah perlu selari dengan al-Quran dan hadis. Praktikaliti al-Quran dan hadis menangani permasalahan semasa masyarakat menjadi bukti kedua-dua sumber ini menjadi solusi dan panduan kehidupan manusia sepanjang zaman.

Dari aspek kepimpinan Islam dalam berpolitik, Abdul Hadi menegaskan kepentingan menegakkan hukum-hukum Allah bagi merealisasikan pelaksanaan sistem Islam yang syumul dalam pentadbiran negara. Bagi mencapai matlamat ini, dakwah kepada pemimpin dan rakyat perlu konsisten dan mempunyai strategi yang kukuh bukan sahaja berdakwah untuk menegakkan kekuasaan Islam di medan politik bahkan berdakwah memberi kefahaman Islam kepada masyarakat. Selain itu, Abdul Hadi turut mengetengahkan pendekatan hikmah dan nasihat untuk mengislah masyarakat dalam *Tafsir Surah Yaasin*. Kedua-dua elemen ini merupakan salah satu asas dalam metodologi dakwah dalam al-Quran. Pendekatan ini membantu para pendakwah untuk mengaplikasikan pelaksanaan metode dakwah yang sesuai dengan keadaan masyarakat Malaysia yang terdiri dari masyarakat majmuk.

Usaha Abdul Hadi menghuraikan tafsir al-Quran dari sudut pandang dakwah dan politik merupakan satu keperluan masyarakat masa kini. Usaha ini merupakan kesan daripada latar belakang beliau yang banyak

dipengaruhi oleh didikan tokoh-tokoh gerakan Islam semasa zaman pengajiannya di Timur Tengah di samping penglibatan beliau yang konsisten dalam gerakan Islam di Malaysia mahupun peringkat antarabangsa. Pendekatan Abdul Hadi berdakwah di medan politik menunjukkan beliau sebagai pemimpin gerakan Islam yang proaktif memartabatkan Islam kepada masyarakat majmuk di Malaysia dengan menerapkan konsep politik yang mengutamakan perpaduan, matang, sejahtera dan bersumberkan al-Quran dan al-Sunnah.

Penghargaan

Makalah ini adalah sebahagian hasil penyelidikan kod PP-2019-010 Pendekatan Fiqh Siasah Tuan Guru Abdul Hadi dalam Bidang Ekonomi, Perundangan dan Hubungan Antarabangsa dan PP-2020-005 Pembukuan Tafsir Tuan Guru Abdul Hadi Awang, tajaan Terengganu Strategic & Integrity Institute (TSIS).

Rujukan

- Abdul Ghani. 1997. Metodologi Tuan Guru Abdul Hadi Awang dalam Tafsir Al-Quran. Latihan Ilmiah Ijazah Sarjana Muda Akademi Pengajian Islam. Universiti Malaya.
- Abdul Hadi Awang. 2007. *Islam dan Demokrasi*. PTS Islamika Publications and Distributors. Batu Caves. Selangor.
- Abdul Hadi Awang. 2013. *Tafsir Al-Tibyan: Tafsir Surah Yaasin*. Galeri Buku Harakah. Kuala Lumpur.
- Agusti Alfi Nurul Insani. 2019. Dakwah Politik Nabi Muhammad kepada Raja Heraklius, Kisra Abrawaiz, Muqauqis dan Najasyi. *Islamic Communication Journal*. 4 (1) Jan-Jun.
- Amran Kasimin. 1985. *Saudara Baru Cina di Wilayah dan Selangor*. Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Iyatna Supriatna, Muliaty Amin & Usman Jasad. 2016. Dakwah Siyasah (Strategi Dakwah Partai Keadilan Sejahtera (PKS) dalam Perjuangan Aspirasi Umat Islam. *Jurnal Diskursus Islam*. 4(1).
- Latifah Abdul Majid & Mohd Nasir Abdul Majid. 2020. Reformasi Pendekatan Politik Islam Abdul Hadi di Malaysia. *Tinta Artikulasi Membina Ummah (TAMU)*. 6(1).
- Mohamad Zulkifli Abdul Ghani, Zulkefli Aini. 2018. Ciri-ciri Wasatiyyah Dakwah. *Jurnal Hal Ehwal Islam dan Warisan Selangor*. 2(1).
- Muhammad Akmal Mukhtar & Haziyah Hussin. 2015. Elemen Haraki di dalam Tafsir Surah Al-Kahfi oleh Abdul Hadi Awang. Prosiding Kolokium Antarabangsa Jejak Warisan Ilmu Islam (JEWARIS 2015) Malaysia-Brunei.
- Muhammad °Abdullah al-°Arabi. 1968. *Nizam Hukum fi Al-Islam*. Beirut: Dar Al-Fikr. Beirut.
- Razaleigh Muhamat. 2014a. *Perlaksanaan Dakwah dan Politik Islam Zaman Rasulullah*. https://www.researchgate.net/publication/301887081_PELAKSANAAN_DAKWAH_DAN_POLITIK_ISLAM_ZAMAN_RASULULLAH.

- Razaleigh Muhamat. 2014b. *Perlaksanaan Dakwah dalam Politik Islam*.
https://www.researchgate.net/publication/301887264_PERLAKSANAAN_DAKWAH_DALAM_POLITIK_ISLAM
- Riduan Mohd Noor. 2009. *Abdul Hadi Awang, Murabbi, Ideologi, Pemimpin*. Jundi Resources. Kuala Lumpur.
- Said Hawwa. 1981. *Fi Afaq al-Taa'lim*. Amman, Jordan: Dar Ammar Publishing and Distribution.
- Suhaimi Latip. 2015. Sumbangan Fadzil Mohd Noor dalam dakwah politik. Tesis Sarjana, Universiti Malaya.
- Yusuf Al-Qardawi. 1983. *Al-Khasais al-Ammah li al-Islam*. Beirut: Muassasah al-Risalah.
- Yusuf Al-Qardawi. 2009. *Thaqafah Al-Da'iyah*. Kaherah; Maktabah Wahbah.
- Zulkiple Abd. Ghani, Mohd. Syukri Yeoh Abdullah. 2005. *Dakwah dan Etika Politik di Malaysia*. Kuala Lumpur: Utusan Publications & Distributors.

PEMIKIRAN POLITIK ISLAM SHEIKH ABDUL QADIR AL-MANDILI DI DALAM KITAB ISLAM: AGAMA DAN KEDAULATAN

Mohamed Sukri Omar
Universiti Teknologi Malaysia
sukriomar@gmail.com

Mohd. Fadli Ghani
Islamic Institute of Independent Research on Democracy (IIIRD)
fadliayman@gmail.com

Abstrak

Sheikh Abdul Qadir bin Abdul Mutalib al-Mandili (m. 1965) adalah seorang ulama Melayu yang terkemuka di negara ini dan karya-karya beliau terutama *Penawar Bagi Hati* sangat popular di kalangan orang Melayu. Namun begitu, al-Mandili juga turut menghasilkan karya-karya tentang politik Islam, salah satu daripadanya ialah kitab *Islam: Agama dan Kedaulatan*. Kitab yang dihasilkan pada 1959 ini merupakan reaksi beliau terhadap perkembangan politik di Tanah Melayu ketika menghadapi proses kemerdekaan pada dekad 1950-an. Di dalam kitab ini, al-Mandili telah memberikan penekanan tentang kedudukan politik dan sistem kenegaraan Islam yang perlu diterapkan di Alam Melayu setelah keruntuhan penjajah. Antara perkara yang dijelaskan oleh beliau ialah tentang hakimiyah Allah SWT, kedudukan Islam sebuah agama yang lengkap dengan hukum dan peraturan serta tanggungjawab dan sifat bagi sebuah kerajaan Islam. Turut diperkatakan oleh al-Mandili dengan tegas ialah berkaitan hukum mengangkat orang kafir sebagai pemimpin orang Islam. Kajian ini bertujuan untuk melihat pandangan dan pemikiran al-Mandili dari sudut pemikiran politik Islam terhadap hal-hal yang tersebut itu.

Kata Kunci: Sheikh Abdul Qadir al-Mandili, Islam: Agama dan Kedaulatan, pemikiran, politik Islam

Pendahuluan

Perkembangan politik Islam di Malaysia telah melalui beberapa tahap, khususnya sejak kemasukan Islam ke Alam Melayu pada abad yang ketujuh Maslhi. A. Hasjmy (1981) mengatakan bahawa kerajaan Islam yang pertama berdiri di Nusantara ialah Perlak iaitu pada 225H/840M. Setelah itu, munculnya kerajaan-kerajaan Islam di Tanah Melayu seperti di Kelantan, Kedah dan Terengganu, sebelum kebangkitan Melaka sebagai pusat penyebaran Islam pada abad ke-15. (Abdul Rahman Abdullah, 1989). Sehingga kedatangan penjajah Barat pada 1511, boleh dikatakan Islam telah menjadi sistem politik di negara ini. Sejak

kedatangan Portugis pada awal abad ke-16 itu, umat Islam di negara ini memasuki tahap baru dalam politik di mana mereka berhadapan dengan kemaraan penjajah walaupun pada asasnya beberapa kerajaan seperti Kerajaan Johor-Riau, Kerajaan Pattani dan Kerajaan Aceh masih berkuasa.

Bermula dengan Perjanjian Pangkor pada 1874, proses untuk mengasingkan kuasa pentadbiran agama dengan kuasa politik telah berlaku di mana Sultan Perak telah diberikan kuasa berkaitan agama dan adat istiadat Melayu, sedangkan Residen British berkuasa dalam hal politik dan pentadbiran negeri. Model ini telah berkembang secara berperingkat-peringkat di negeri-negeri sehingga akhirnya Kelantan (1911), Johor (1914), Terengganu (1919), Kedah (1923), dan Perlis (1930) telah turut menerima Penasihat British. Perkembangan ini boleh dianggap sebagai bentuk sekularisasi secara rasmi dan akhirnya mempengaruhi bentuk pentadbiran politik negara ini yang memisahkan politik dari agama. Ketika Tanah Melayu mencapai kemerdekaan pada 1957, model pentadbiran politik seperti inilah yang diterapkan di negara ini, bahkan Kerajaan Perikatan pada peringkat awal secara terbuka mengakui negara ini adalah negara sekular. (Perikatan 1956).

Perubahan inilah yang menyebabkan beberapa ulama telah mula memperkatakan tentang masalah kenegaraan Islam selepas Perang Dunia Kedua. Antara mereka termasuklah Jaafar Albar yang menulis *Dasar Demokrat Dalam Islam* (1947), Maulana Abdullah Nuh dengan *Semangat Perajurit-perajurit Muslimin* (1947), Ahmad Maher Ismail dengan *Pedoman Kebangsaan dan Perlembagaan Negeri* (1949), Sheikh Abdul Qadir al-Mandili (SAQM) dengan *Islam: Agama dan Kedaulatan* (1959) dan Budiman Radhi dengan *Tatanegara Islam* (1963). Tulisan-tulisan mereka ini pada asasnya adalah reaksi terhadap sistem politik negara ini yang tidak berteraskan Islam selepas dijajah oleh kuasa-kuasa Barat. Lewat bukunya itu, SAQM telah membawa semula pemikiran politik Islam, khususnya dalam hal kenegaraan Islam kepada masyarakat bagi menjawab persoalan-persoalan politik negara menurut pandangan Islam selepas merdeka.

Kemunculan buku *Islam: Agama dan Kedaulatan* pada dekad 1960-an telah menimbulkan konflik di dalam masyarakat Melayu termasuk timbulnya isu kafir-mengkafir. Pemikiran SAQM yang tersebar dalam masyarakat Melayu dikatakan menjadi punca pergolakan tersebut,

khususnya disebabkan oleh pandangan-pandangan beliau yang agak keras di dalam beberapa perkara berkait politik Islam. Kajian ini mempunyai objektif untuk melihatkan latar belakang SAQM sebagai salah seorang tokoh ulamak yang membawa pemikiran politik Islam di negara ini dan juga untuk mengkaji apakah kerangka-kerangka fikiran beliau tentang politik Islam seperti mana yang terkandung di dalam buku *Islam: Agama dan Kedaulatan*. Bagi maksud kajian ini, metodologi kepustakaan digunakan dengan menganalisis kandungan buku tersebut untuk melihatkan butir-butir fikiran beliau tentang politik Islam.

Sheikh Abdul Qadir al-Mandili: Ulama Melayu di Makkah

SAQM atau nama sebenarnya Abdul Qadir bin Abdul Mutalib bin Hassan al-Indonesi al-Tapanuli al-Mandili telah dilahirkan dalam tahun 1910 di sebuah kampung bernama Sigalanggung, Padang Sidempuan, Tapanuli Selatan, Sumatera Utara. Beliau berketurunan Batak Mandailing, sebab itu namanya dilaqabkan dengan gelaran al-Mandili. Mandailing adalah satu suku Sumatera yang tinggal di kawasan Sumatera Utara. (Ramli Awang, 2008).

Tarikh sebenar kelahirannya tidak dapat dipastikan, tetapi ketika ketibaan beliau di Kedah pada 1924, usianya sudah 14 tahun, maka kerana itu beliau dianggarkan lahir dalam tahun 1910. (Ishamuddin Abd Rahim, 1987). Beliau mempunyai seorang abang yang bernama Palan dan dua adik lelaki, iaitu Ibrahim dan Burhan. Beliau membesar di kampung kelahirannya tetapi berhijrah ke Kedah ketika berusia 14 tahun dan akhirnya ke Makkah.

Pendidikan awal telah diterima oleh SAQM dari keluarganya, sebelum memasuki Sekolah Belanda sehingga Darjah Lima. Selepas itu, beliau mula belajar agama di Kedah mulai tahun 1924. Walaupun Ramli Awang (2008) mengatakan beliau dihantar belajar ke Kedah kerana beliau seorang pelajar yang nakal di Sekolah Belanda, tetapi adalah sangat jelas dalam tradisi orang-orang Sumatera akan menghantar anak-anak mereka belajar di luar pulau itu seperti ke Tanah Melayu atau Mekah ketika anak-anak lelaki mereka mula berusia 15 tahun. Ini kerana, di dalam sistem pentadbiran Belanda yang mengamalkan kerja paksa (rudi), ia akan dikenakan ke terhadap remaja berusia 15 tahun ke atas. Di atas faktor ini, beliau dihantar ke Kedah dan belajar di Pondok Panjang Rong, Tobiar, Pendang dengan Tuan Guru Haji Abu Bakar. Selepas itu, beliau belajar pula di Pondok Air Hitam, Alor Setar dengan Tuan Guru Haji Idris Yusof.

Setelah menguasai ilmu-ilmu asas Islam, SAQM mulai menyambung pengajian dengan seorang ulama besar, Sheikh Wan Ibrahim Wan Abdul Qadir yang masyhur dengan gelaran Pak Chu Him Gajah Mati di Pondok Gajah Mati, Pendang. Bakat SAQM sebagai seorang ulama telah dikesan oleh gurunya dan dengan ilmu yang dikuasainya, beliau telah dilantik sebagai tenaga pengajar di Pondok Gajah Mati pada usia 20-an. Beliau dikatakan mengajar hampir semua madah (subjek) di pondok itu termasuk mantik. Selepas 10 tahun belajar di Kedah, pada 1936, SAQM telah pergi ke Mekah untuk melanjutkan pengajian di Masjidil Haram. Antara guru-guru beliau di Makkah ialah Sheikh Wan Ismail Abdul Qadir (Pakda Eil al-Fathani), Sheikh Ali al-Maliki, Sheikh Hassan Muhammad al-Mashat, Sheikh Muhammad al-Arabi al-Maghribi, Sheikh Syed al-Alawi al-Maliki, Sheikh Muhammad Ahyad dan beberapa guru lain.

Dengan keilmuan yang dimilikinya, SAQM telah diberikan kebenaran untuk mengajar di Masjidil Haram menjelang Perang Dunia Kedua. Beliau mengajar di Masjidil Haram sehingga akhir hayatnya. Ketika mengajar di Mekah, SAQM telah mula menghasilkan karya-karya tulis yang jumlah keseluruhannya sebanyak 24 buah. Menurut Ramli Awang (2008), kumpulan karya beliau boleh dibahagikan kepada beberapa bidang iaitu usuluddin (tiga buah), fiqh (14 buah), politik Islam (dua buah), hadis (dua buah), pendidikan (sebuah), perundangan Islam (sebuah) dan akhlak (sebuah). Kebanyakan buku beliau ditulis dalam Bahasa Melayu, kecuali dua buah dalam Bahasa Arab, di mana beliau turut menterjemahkan beberapa buah buku tulisan gurunya. Karya beliau yang paling terkenal ialah kitab *Penawar Bagi Hati*, iaitu sebuah kitab tasawuf yang masih digunakan pakai di pondok, sekolah agama dan masjid hingga sekarang.

SAQM telah memulakan kehidupan berkeluarganya ketika masih berada di Kedah, di mana beliau telah mengahwini isteri pertamanya, Khadijah Hanafiah dari Pendang. Ketika berada di Mekah, beliau mengahwini pula isteri kedua dan ketiganya iaitu masing-masing Zabedah Awang dari Baling dan Aisyah Abdullah dari Pattani. Beliau kemudiannya dikurniakan enam anak dari isteri pertama, seorang anak dengan isteri kedua dan dua orang anak dengan isteri ketiga. Salah seorang anak beliau, Sheikh Muhammad al-Mandili juga merupakan guru di Masjidil Haram, manakala menantu beliau, Ustaz Ahmad Osman yang berkhidmat dengan Majlis Ugama Islam Sabah (MUIS) pernah dilantik

sebagai Timbalan Mufti Sabah. Beliau memperolehi lima anak lelaki dan empat anak perempuan. Setelah berkhidmat di Masjidil Haram selama hampir 30 tahun, pada 18 Rabiul Akhir 1385 bersamaan 16 Ogos 1965 beliau telah meninggal dunia.

‘Islam: Agama dan Kedaulatan’ – Sebuah Kitab Politik Islam

SAQM sebenarnya telah menghasilkan beberapa karya yang boleh dikelompokkan sebagai penulisan tentang politik Islam, antaranya ialah *Pendirian Agama Islam* (1956), iaitu sebuah karya terjemahan tentang ideologi-ideologi moden; *Islam: Agama dan Kedaulatan* (1959) tentang kenegaraan Islam; *Beberapa Mutiara Yang Bagus Lagi Indah* (1962) yang mempunyai fatwa-fatwa tentang siasah dan *Kebagusan Undang-undang Islam dan Kecelaan Undang-undang Manusia* (1971) tentang pelaksanaan undang-undang Islam. Melalui buku-buku ini, pemikiran politik Islam SAQM dapat ditelaah, namun begitu bagi penelitian yang bermaksud untuk melihat secara khusus tentang pemikiran politik kenegaraan Islam, pemikiran tersebut terkandung di dalam buku *Islam: Agama dan Kedaulatan*. Buku yang diterbitkan pada 1959 ini secara khusus membahaskan tentang isu-isu politik kenegaraan.

Buku yang disiapkan pada 19 Rabiul Awal 1379 bersamaan 22 September 1959 di Mekah ini sebenarnya merupakan reaksi SAQM terhadap perkembangan politik Tanah Melayu ketika itu, di mana beliau bukan sahaja membesar di Tanah Melayu (Kedah), tetapi isteri-isterinya juga berasal dari Tanah Melayu. Faktor sebenar yang mendorong beliau menuliskan buku ini ialah kerana banyaknya pertanyaan daripada murid-murid beliau dari Tanah Melayu berkait dengan perkembangan politik selepas Tanah Melayu mencapai kemerdekaan pada 31 Ogos 1957. Sebahagian daripada pertanyaan umat Islam dari Tanah Melayu itu beserta jawapan beliau turut dimasukkan ke dalam buku tersebut. SAQM sebenarnya memberi reaksi kekecewaan di atas kegagalan orang Melayu menegakkan negara Islam selepas mendapat kemerdekaan. Bahkan, beliau turut memberi reaksi terhadap tindakan yang melantik orang kafir sebagai pemimpin.

Melalui kitab ini, SAQM telah menghuraikan kaedah-kaedah hukum yang menetapkan keperluan berdirinya pemerintahan Islam, penjelasan tentang hak hakimiyah Allah, tugas-tugas kerajaan Islam, ciri-ciri kerajaan Islam, kewajiban kerajaan melaksanakan hukum Allah, masalah pemisahan politik dari agama dan masalah melantik orang kafir sebagai pemimpin orang Islam. Selain itu, beliau turut menjawab beberapa isu

yang timbul berkaitan dengan negara Islam dan juga isu-isu semasa politik Islam, termasuk polemik beliau dalam Warta Negara dengan Haji Ghazali Lebai Yunus, Imam Masjid Bidong, Kedah. Ternyata kandungan buku ini bertujuan untuk menolak kekeliruan yang berlaku dalam pemikiran orang Melayu tentang konsep asas negara Islam, dan juga persoalan berkaitan pemikiran politik orang Melayu yang telah tercemar dengan pemikiran sekular setelah lama dijajah oleh British.

Kitab yang ditulis di Makkah ini telah dicetak sebanyak dua kali, iaitu kali pertama diterbitkan di Mesir, manakala kali kedua diterbitkan di Pulau Pinang. Cetakan pertama dibuat di Mesir pada Syawal 1379 oleh Matba'ah al-Anwar.ⁱ Oleh kerana buku ini telah mendapat sambutan yang baik dalam kalangan orang-orang Melayu, maka ia dicetak kali yang kedua di Tanah Melayu pada 1963.ⁱⁱ Gurunya, Pak Chu Him Gajah Mati mempunyai pandangan bahawa tajuk kenegaraan Islam yang diangkat oleh SAQM ini sebagai persoalan yang sangat penting kepada orang Melayu yang baru merdeka. Sebab itu, cetakan kedua telah dibuat di Pulau Pinang dengan diterbitkan oleh The United Press di bawah selenggaraan oleh gurunya, Pak Chu Him Gajah Mati, tetapi tidak dicatatkan tahun penerbitan untuk cetakan kedua ini. Pada cetakan kedua ini, Pak Chu Him Gajah Mati telah membuat beberapa tambahan.

Berbeza dengan edisi pertama yang diterbitkan di Mesir, buku edisi kedua terbitan The United Press, Pulau Pinang ini telah membuat tambahan berkenaan soal jawab politik Islam dan jawapan-jawapan SAQM termasuk isu menceraikan politik dari agama atau sekular dan isu menyokong dan mengangotai parti politik Islam, iaitu lampiran yang dipetik daripada buku *Beberapa Mutiara Yang Bagus Lagi Indah*. Menurut SAQM (1971), beberapa fatwa di dalam buku berkait isu haram berkongsi kuasa dengan orang kafir, haram menceraikan agama dari kedaulatan dan siasah, haram loteri dan wajib bagi setiap mukalaf menyokong parti yang memperjuangkan Islam telah menyebabkan ada pihak yang menuduh buku-buku tersebut sebagai karut. Pihak tersebut kemudiannya pada 10 November 1961 telah mendesak Majlis Raja-raja mengharamkan buku tersebut. (Ramli Awang, 2008).

Penerbitan buku ini pada akhir 1950-an sebenarnya memberi kesan yang agak besar kepada masyarakat kerana SAQM telah mengaitkan beberapa isu politik dengan aqidah. Hal ini sangat tidak disenangi oleh penyokong parti pemerintah dewasa itu. Keadaan ini dapat dilihat apabila,

sejak 10 November 1961, timbul desakan-desakan yang mahukan buku-buku beliau yang mengandungi fatwa-fatwa yang dikatakan 'karut' itu supaya diharamkan, termasuk buku *Beberapa Mutiara Yang Bagus Lagi Indah*. Ketika timbul isu kafir-mengkafir di Kelantan pada 1963, iaitu isu yang ditimbulkan oleh murid beliau, Tuan Guru Haji Omar Daud, isu kafir mengkafir ini turut dikaitkan dengan fatwa-fatwa SAQM juga. Buku-buku ini adalah di antara karya-karya SAQM yang telah disenaraihitamkan untuk diharamkan, atas alasan ia mengandungi fatwa yang tidak menguntungkan parti yang memerintah.

Pemikiran Politik Sheikh Abdul Qadir al-Mandili

Walaupun SAQM mempunyai beberapa karya tentang politik Islam, namun kajian ini memberikan perhatian khusus tentang pemikiran beliau yang terdapat di dalam buku *Islam: Agama dan Kedaulatan*, iaitu pada kedua-dua edisi cetakan buku tersebut (1959 dan 1963). Berdasar buku-buku ini, pada umumpunya pemikiran politik SAQM boleh dilihat pada lima aspek iaitu kedudukan politik dalam Islam, tanggungjawab dan ciri-ciri kerajaan Islam, pemisahan agama daripada politik, masalah mengangkat orang kafir sebagai pemimpin dan berkongsi kuasa dengan mereka serta juga masalah menyokong parti yang memperjuangkan Islam. Kelima-lima perkara ini merupakan pemikiran yang diangkat oleh SAQM tentang politik Islam di dalam buku tersebut, supaya umat Islam yang dihadapi oleh beliau selepas Perang Dunia Kedua memahami aspek yang paling asas tentang politik Islam.

Dalam menganalisis pemikiran SAQM ini, didapati bahawa beliau tidak menyentuh langsung tentang sistem pemerintahan, perundangan dan kehakiman di dalam negara Islam. Sebaliknya beliau memberikan tumpuan untuk merombak pemikiran umat Islam yang telah dicemari oleh fahaman-fahaman Barat seperti menganggap Islam hanyalah agama ibadat, memisahkan agama dari kehidupan seperti yang dilakukan oleh masyarakat Eropah yang sekular dan mereka menganggap semua jenis sistem kenegaraan adalah sama. Dalam menghadapi masyarakat seperti ini, SAQM telah menolak semua fahaman yang salah ini supaya umat Islam memiliki kafahaman tentang kesyumulan Islam dan kewajipan untuk menegakkan pemerintahan Islam yang melaksanakan hukum-hukum Allah. Bagi mencapai tujuan tersebut, SAQM telah menyatakan wasilahnya, iaitu dengan mewajibkan umat Islam mendukung perjuangan politik Islam.

Secara umum, kita dapat memahami perbezaan pendekatan SAQM dengan beberapa penulis lain seperti Budiman Radhi (1963), tetapi beliau mempunyai persama dengan pendekatan Maulana Abdullah Nuh (1947). Perbezaan ini adalah didorong oleh kefahaman mereka terhadap situasi masyarakat, sebagaimana pendekatan Hamka (1946) di Indonesia dan al-Maududi (1980 dan 1987) di Pakistan. SAQM (1959), Maulana Abdullah Nuh (1947) dan Hamka (1946) menulis karya-karya politik Islam mereka ketika umat Islam tidak mempunyai kefahaman dan kesedaran tentang politik Islam, sedangkan Budiman Radhi (1963) dan al-Maududi (1980 dan 1987) pula mempunyai sasaran untuk memperkenalkan konsep dan sistem pemerintahan sebuah negara Islam. Maka dalam hal ini, kita dapati bahawa SAQM (1959) telah mencerakin beberapa aspek penting tentang politik Islam seperti berikut:

1. Kedudukan politik dalam Islam

Persoalan tentang adanya politik dalam pemikiran Islam telah dijelaskan oleh SAQM dengan menimbulkan isu kesesatan pemikiran umat Islam yang menceraikan agama daripada pemerintahan, menjauhkan agama daripada urusan kehidupan dan menyempitkan agama di antara hati dan tempat ibadat sahaja (SAQM 1959). Menurut pandangan beliau, hal ini berlaku kerana kejahilan mereka terhadap Islam, termasuk tidak mengkaji dan tidak memahami Islam yang sebenar. Bahkan, beliau menganggap bahawa orang-orang yang mengatakan tidak ada politik di dalam Islam adalah satu perbuatan menzalimi diri sendiri, bahkan berbuat zalim juga terhadap pengetahuannya tentang agama Islam. Dalam menyentuh tentang kesyumulan Islam yang tidak memisahkan hal politik dan kehidupan dunia dengan agama ini, SAQM telah menjelaskan:

Bahawasanya Islam itu agama dan masyarakat; dan masjid dan kedaulatan; dan dunia dan akhirat; dan bahawasanya Islam itu menerangkan akan dia segala pekerjaan dunia lebih banyak daripada segala pekerjaan yang bangsa ibadat; dan bahawasanya agama (ibadat) itu juzuk daripada Islam; dan bahawasanya Islam itu mengatur ia akan pekerjaan agama seperti ia mengatur akan pekerjaan dunia. Dan kita sekalian orang Islam dituntut daripada kita akan mendirikan agama kita dan dunia kita atas dasar Islam (SAQM 1959).

Bagi menjelaskan kedudukan politik dan pemerintahan di dalam Islam ini, SAQM mengatakan bahawa pemerintahan di dalam Islam

berdiri di atas tiga kaedah iaitu i) bahawa semua pegawai, termasuk para pentadbir negara akan ditanya oleh Allah pada hari kiamat; ii) bahawa bersatu sekalian umat, di mana umat Islam adalah bersaudara dan saling memberi nasihat; dan iii) bahawa Islam memuliakan kehendak umat, iaitu kewajipan pemerintahan mendengar fikiran rakyat dan berunding dengan rakyat urusan mereka (SQAM 1959). Ketiga-tiga kaedah ini dibina di dalam politik Islam berdasarkan dalil-dalil syarak, sehingga persoalan politik yang sering disalah faham sebagai terpisah dari agama sebenarnya merupakan sebahagian dari agama. Menurut SAQM (1959), apabila perbuatan sesebuah pemerintahan, yakni raja atau kerajaan yang memerintah, sama ada berlaku adil atau zalim, akan dipertanggungjawab di akhirat kelak.

Dalam hal ini, bertolak daripada kaedah-kaedah tersebut, SAQM (1959) berpendapat bahawa Islam bukanlah semata-mata agama, yakni ibadat sahaja, tetapi ia adalah sebuah kedaulatan. Hal ini adalah berasaskan hakikat bahawa nas-nas yang terang di dalam al-Quran dan Hadis telah mewajibkan manusia berhukum dengan hukum yang diturunkan oleh Allah. Sedangkan untuk melaksanakan semua hukum Islam seperti perintah mewujudkan perpaduan umat, berlaku adil, mengharamkan ihtikar, riba, rasuah, bermesyuarat dan lain-lain tidak dapat tidak, perlu berdiri sebuah kerajaan atau pemerintahan Islam. Menurut SAQM (1959), sebahagian besar perintah Allah adalah untuk perhubungan di antara rakyat dengan kerajaan dan sebaliknya, di mana tiada sebarang kuasa untuk menanggung semua perintah tersebut melainkan dengan adanya kerajaan dan kedaulatan.

Dalam menjelaskan hakikat bahawa politik termasuk di dalam perkara agama, SAQM (1959) menjelaskan dengan panjang lebar, pertama, tentang persoalan hakimiyah Allah di mana menurut beliau “tiada ada hakim melainkan bagi Allah Taala.” Menuruti beliau juga, bahawa hanya Allah SWT sahaja yang berhak menentukan segala hukum dan Allah SWT mewajibkan setiap orang beriman menerima dan mengikuti hukum yang diwahyukan kepada mereka (al-Quran, Al-An’am: 106), di mana orang yang tidak berhukum dengan hukum Allah akan dikira fasik, zalim atau kafir. Kedua, SAQM (1959) turut mempertegaskan bahawa menghukum itu sendiri merupakan sebahagian daripada tabiat Islam, di mana umat Islam wajib mengetahui hukum-hukum yang terkandung di dalam perundangan Islam dan wajib pula beramal dengannya. Atas dua asas inilah, Islam memerlukan kepada kerajaan dan kedaulatan.

2. Tanggungjawab dan Ciri-ciri Kerajaan Islam

Pada asasnya, menurut SAQM (1959), sebuah kerajaan yang dianggap sebagai kerajaan Islam ialah kerajaan yang melulus dan melaksanakan segala perintah Allah dan Rasul-Nya. Terbentuknya kerajaan adalah kerana semua manusia berhajat kepadanya dalam memenuhi keperluan hidup mereka, sedangkan setiap kerajaan yang dibangunkan mempunyai sifat-sifat khusus. Sebagai contoh, kerajaan sosialis akan memenuhi dasar, ciri-ciri dan undang-undang sosialis pada kerajaannya, begitu juga demokrasi atau autokrasi. Lalu, tidak masuk akal apabila sesebuah kerajaan itu mengakui atau diakui sebagai kerajaan Islam, sedangkan ia tidak memenuhi ciri-ciri kerajaan Islam. Dalam hal ini, secara akal kita dapat memahami bahawa Kerajaan Islam perlu berdiri di atas dasar, ciri-ciri dan undang-undang Islam. Jika ada pihak yang hendak melaksanakan Islam di negara bukan Islam atau sebaliknya, ia tidak masuk akal.

Bagi mencapai ciri-ciri atau sifat negara Islam, yang pertama mereka mestilah terdiri daripada orang Islam dan mereka berhubung dengan hukum Islam, di mana mereka meletakkan al-Quran dan Sunnah sebagai perlembagaan untuk dipatuhi oleh kerajaan (yang menghukum) dan rakyat (yang dihukum). Yang menjadi masalah sekarang ini ialah tidak wujud keadaan demikian di mana-mana negeri Islam, bahkan orang Islam yang menjadi pemerintah tidak memahami Islam, lalu mereka bukan sahaja meninggalkan hukum Islam, bahkan memusuhi pelaksanaan hukum Islam. Di kebanyakan daripada negeri umat Islam hari ini, pemerintah telah menghalalkan perkara yang haram dan sebaliknya, melakukan maksiat dan meninggalkan Islam sehingga mereka mundur dan hilang kekuatan. Dalam hal ini, hanya orang-orang Islam yang yakin dengan Islam sahaja boleh diberikan amanah kepemimpinan.

Kedua, kerajaan Islam adalah kerajaan yang menjalankan tanggungjawab melaksanakan perintah Allah. Antara perintah Allah yang menjadi tanggungjawab besar kerajaan ialah menghapuskan syirik, menegakkan hukum Islam, menggalakkan rakyatnya bersolat, mengutip zakat dari rakyat, menyuruh supaya mengerjakan kebaikan, melarang daripada segala maksiat dan mengaturkan semua urusan rakyat mengikut hukum-hukum Islam. Apabila kerajaan telah melaksanakan tanggungjawab ini, maka wajib bagi rakyat untuk memberikan ketaatan kepada pemerintah selagi tidak memerintahkan maksiat kepada Allah. Jika pihak kerajaan melakukan kesilapan, maka ia mesti ditegur oleh rakyat

dan mereka mesti kembali kepada Allah dan Rasul-Nya. Asas bagi ketaatan rakyat kepada kerajaan adalah apabila pemerintah mentaati Allah dan Rasul-Nya, jika tidak, luputlah hak ditaati itu (SAQM 1959).

Dalam pada itu juga, SAQM (1959) telah menggariskan beberapa sifat atau ciri kerajaan Islam supaya ia berbeza dengan kerajaan-kerajaan bukan Islam yang wujud di dunia dewasa itu. Sifat utama bagi sebuah kerajaan adalah tiga, iaitu i) keadaan kerajaan yang berdasarkan al-Quran. Kerajaan Islam adalah kerajaan yang tunduk dan menjunjung al-Quran, yakni mematuhi segala perintah dan larangan al-Quran. ii) Kerajaan yang berunding (bermusyawarah), yakni kerajaan yang sentiasa berunding dan bermesyuarat dalam menguruskan hal ehwal rakyat; dan, iii) Kerajaan yang berketuakan khalifah. Kerajaan Islam mesti diperintah oleh pemimpin tertinggi yang dikenali sebagai khalifah, di mana khalifah memainkan peranan untuk melaksanakan perintah Allah dan meninggalkan larangan-Nya serta sentiasa bermesyuarat dengan wazir dan rakyat dalam melaksanakan masalah mereka.

Di samping itu juga, SAQM (1959) bertegas bahawa sesebuah pemerintah Islam mesti meninggalkan semua bentuk dan sistem pemerintahan yang ada di atas muka bumi, yang selain daripada sistem pemerintahan Islam. Ini kerana kerajaan Islam sama sekali tidak menyerupai mana-mana sistem pemerintahan sama ada beraja, demokrasi, diktator, jumburiyah (republik) dan lain-lainnya. Menurut SAQM (1959), semua sistem pemerintahan yang ada pada hari ini adalah bersalahan dengan sistem kerajaan Islam yang berasaskan khalifah, walaupun mungkin ada persamaan pada aspek-aspek tertentu. Sebagai contoh, Kerajaan Islam berdiri di atas dasar bai'ah dan syura, tetapi kerajaan diktator tidak demikian. Pemimpin Islam dan republik dipilih, tetapi republik menetapkan tempoh berkuasa seseorang pemimpin. Ketika Islam mencegah rakyat dan kerajaan mengikuti hawa nafsu, demokrasi membenarkannya dengan suara teramai.

3. Pemisahan agama dan politik

Perbincangan tentang hukum memisahkan agama dengan politik telah disebutkan oleh SAQM di dalam buku *Beberapa Mutiara Yang Bagus Lagi Indah* (1962), kemudian dijadikan lampiran di dalam cetakan kedua buku *Islam: Agama dan Kedaulatan* (1963). Tiga isu utama yang ditimbulkan iaitu tentang kedudukan Islam sebagai agama (ibadat) sahaja atau termasuk padanya kedaulatan; kedua, hukum menceraikan agama

daripada kedaulatan; dan ketiga, pengertian menceraikan agama daripada siasah dan hukumnya. Ketiga-tiga topik ini telah menjelaskan pemikiran SAQM tentang sekularisme atau pemisahan agama daripada politik dan kenegaraan. Isu sekularisme ini menjadi isu yang sangat penting dalam memahami pergolakan politik umat Islam di negara ini selepas Perang Dunia Kedua di mana parti-parti politik Melayu terpecah di antara parti yang mendukung sekular dan parti yang memperjuangkan politik Islam.

Tentang kedudukan Islam sebagai agama sahaja atau termasuk kedaulatan, SAQM (1963) telah menegaskan bahawa Islam adalah sebuah agama yang melibatkan persoalan iman, ibadat, akhlak (perangai baik) dan undang-undang pergaulan (masyarakat), yang melibatkan urusan dunia dan akhirat. Islam bukanlah semata-mata agama, tetapi juga kedaulatan, masjid dan masyarakat, berjuang dan memerintah, ibadat dan tolong-menolong serta dunia dan akhirat. Dalam kata lain, Islam adalah sebuah agama syumul yang melibatkan seluruh urusan kehidupan manusia, bukan terhad kepada soal ibadat sahaja. Islam turut mengatur persoalan mualamat (pergaulan) dan juga kepemimpinan, siasah, undang-undang dan kenegaraan atau disebut sebagai kedaulatan, kerana semua hukum dan undang-undang Islam dijalankan oleh kedaulatan yang dimiliki oleh kerajaan.

SAQM (1963) menjelaskan bahawa perbuatan menceraikan agama daripada kedaulatan adalah haram secara ijmak, dan tiada seorang pun ulamak yang membolehkannya. Bahkan, memetik pandangan Sheikh Munir Lutfi, SAQM (1963) mengatakan bahawa orang menghalalkan perbuatan menceraikan agama dari kedaulatan (sekular) adalah murtad, sama seperti menghalalkan riba yang diharamkan Allah. Perbuatan ini boleh dianggap merosakkan iman atau tidak beriman berdasarkan firman Allah di dalam Surah Al-Nisa'. Beliau juga mengatakan bahawa Sheikh Muhammad Zahid al-Kautsari berpegang bahawa perbuatan tersebut adalah kafir sehingga menyebabkan tidak sah berkahwin dengannya dan tidak halal sembelihannya. SAQM (1963) membawa empat sebab mengapa perbuatan menceraikan agama dari kedaulatan adalah haram, iaitu:

- i. Kerana Islam dan kedaulatan sentiasa bersatu dan tidak bercerai sejak zaman Nabi SAW dan ia diterima secara ijmak,
- ii. Kerana orang yang menceraikan agama dengan kedaulatan dianggap tidak beriman atau kafir / murtad,

- iii. Kerana tidak dapat melaksanakan hukum-hukum Islam apabila bercerai agama dari kedaulatan, dan
- iv. Kerana pada menceraikan agama daripada kedaulatan adalah perbuatan zalim yang tidak berkesudahan yang menyebabkan semua hak-hak tidak dapat disempurnakan.

Kemudian, tentang makna menceraikan agama daripada politik dan hukumnya, SAQM (1963) mengatakan bahawa perbuatan itu bermaksud kerajaan tidak terikat pada segala undang-undang dengan kaedah-kaedah Islam. Beliau sependapat dengan Sheikh Mustafa Sobri, bekas Sheikhl Islam Othmaniyah dalam hal ini, dan berkata bahawa perbuatan ini adalah haram kerana seolah-olah menganggap kerajaan (hukumah) tidak perlukan agama, bahkan memadai agama itu dianuti oleh rakyat sahaja. Pandangan ini memberi bermaksud bahawa agama 'tidak mengerasi (terpakai) atas kerajaan' dan agama tidak memantau urusan kerajaan, sebaliknya hukum-hukumkan terpakai ke atas rakyat jelata dan mengawasi dengan dosa pahala untuk urusan rakyat sahaja. Maka, kerana itulah, kerajaan secara bebas melakukan perbuatan mungkar seperti menghalalkan arak dan judi.

4. Mengangkat pemimpin kafir dan berkongsi kuasa dengan orang kafir

Perbincangan tentang isu mengangkat orang kafir sebagai pemimpin dan juga berkongsi kuasa orang dengan kafir untuk memerintah orang Islam telah menjadi isu hangat kerana berlakunya polemik di akhbar *Warta Negara* tentang hal tersebut di antara SAQM dengan dua orang ulama Perikatan iaitu Tuan Guru Haji Abdul Rahman Merbuk dan Haji Ghazali Lebai Yasin, Imam Masjid Bidong, Kedah dalam bulan September 1959. SAQM (1959) telah menegaskan bahawa umat Islam tidak boleh berkongsi dengan orang kafir dalam memerintah orang Islam, dan perbuatan ini dianggap haram dalam Islam. Bahkan, menjadi kewajipan untuk orang Islam membentuk pemerintahan negeri Islam yang terdiri daripada orang Islam sahaja. Dengan mengambil dalil dari beberapa ayat al-Quran dan Hadis, SAQM menegaskan jika al-Quran melarang umat Islam mengambil Ahli Kitab sebagai pemimpin, apatah lagi penyembah berhala.

Ketika mengambil tafsiran Ibnu Abbas dan al-Zamakhshari (Tasfir al-Kasyaf) terhadap ayat 51 Surah Al-Mai'dah, SAQM (1959) mengatakan bahawa al-Quran secara keras mewajibkan umat Islam menjauhi orang kafir dalam pemerintahan negara dan sesiapa yang mengambil orang kafir

sebagai pemerintah, maka dia termasuk orang di kalangan orang kafir atau “bahawasanya adalah dia daripada mereka itu pada hukum kafir.” Beliau juga membawakan satu dalil dari Hadis yang berbunyi “Jangan menutup cahaya kamu dengan api orang-orang musyrik” dan membawa tafsiran Hassan al-Basri bahawa hadis ini bermaksud larangan Nabi SAW supaya orang Islam jangan bertukar fikiran dalam semua urusan dengan orang kafir. Beliau menganggap orang yang bersekutu dengan orang kafir adalah sama seperti orang kafir berdasar hadis “Barang siapa yang berhimpun dengan orang musyrik atau tinggal bersama mereka, maka ia sepertinya.”

SAQM (1959) turut mempertegaskan kedudukan orang kafir yang menyembah berhala (*al-wathani*) yang terdapat di negara ini yang juga tidak boleh dianggap sebagai kafir zimmi, tidak seperti orang Yahudi, Nasrani dan Majusi yang merupakan Ahli Kitab. Maka dengan kedudukan itu, mereka tidak boleh dijadikan pemerintah ke atas orang Islam, termasuk menjadi wakil rakyat dan juga ahli parlimen. SAQM juga telah mempertahankan pandangannya bahawa tidak boleh umat Islam berkongsi pemerintahan dengan orang kafir ketika berlaku polemik dengan dua orang ulama Perikatan itu. Di dalam polemik tersebut SAQM (1959) berhujah dengan pandangan Abu Hayyan al-Andalusi bahawa orang kafir tidak berhak mencampuri urusan orang Islam dalam pemerintahan dan orang Islam tidak boleh meminta pertolongan dari orang kafir zimmi untuk berkhidmat dalam pentadbiran kerajaan Islam.

5. Mendukung parti yang memperjuangkan Islam

Dalam konteks politik moden bagi sebuah negara yang baru merdeka seperti Tanah Melayu, kemunculan parti-parti politik adalah satu fenomena baru selepas kejatuhan khalifah pada 1924. Di Tanah Melayu sendiri telah muncul pelbagai parti politik yang membawa ideologi masing-masing termasuk parti kebangsaan, parti buruh, parti rakyat, parti komunis, parti Islam dan lain-lain. Setiap parti ini mempunyai tujuan yang berbeza-beza, termasuk parti Islam yang mempunyai tujuan untuk memajukan agama Islam, menegakkan yang makruf dan mencegah kemungkaran, mendirikan pemerintahan yang berdasarkan Islam serta melaksanakan hukum-hukum yang diperintahkan oleh Allah dan Rasul-Nya. Dalam hal ini, SAQM (1963) mengatakan wajib ke atas setiap orang Islam, khususnya para ulama untuk menyokong mana-mana parti Islam yang mempunyai tujuan dan matlamat seperti yang tersebut itu.

Asas kepada kewajiban ini ialah kerana Allah telah memerintah supaya orang Islam bertolong-tolongan dalam perkara kebajikan dan taqwa, di mana setiap orang beriman, lelaki dan perempuan sentiasa tolong-menolong di dalam menyuruh kepada yang makruf dan mencegah kemungkaran. Nabi SAW sendiri mewajibkan sesiapa sahaja yang mengetahui kemungkaran, maka hendaklah ia mencegahnya sama ada dengan kuasa, teguran atau ingkar di hati. Lalu, para ulama telah berijmak tentang kewajiban menghalang kemungkaran. Jika dengan menyertai sebuah parti Islam yang mempunyai tujuan amar makruf dan nahi mungkar yang dapat melaksanakan kewajipan tersebut, maka menyertai parti Islam itu wajib mengikut kaedah fekah. Dalam konteks semasa ini, kewajiban untuk menegakkan kerajaan Islam dan melaksanakan hukum-hukum Allah hanya boleh dicapai dengan menubuhkan parti politik Islam.

Menurut SAQM (1963), penglibatan parti Islam di dalam pilihan raya dan penguasaannya ke atas majoriti di Parlimen membolehkan kerajaan Islam ditegakkan dan hukum-hukum Islam dilaksanakan, maka menjadi kewajiban bagi semua rakyat, khususnya orang Islam untuk memilih (mengundi) wakil mereka ke Parlimen daripada mereka (calon parti) yang mendukung tujuan tersebut supaya tercapai tujuan dan maksud tersebut. Bahkan, haram hukumnya untuk umat Islam menyertai atau menyokong akan parti-parti lain yang tidak bertujuan untuk menegakkan Islam, terutama parti komunis. Hukum haram ini adalah berlandaskan larangan Allah supaya jangan bertolong-tolongan dalam perkara dosa dan permusuhan, maka mana-mana parti yang hanya mempunyai tujuan dunia atau hawa nafsu adalah haram disokong. Sesiapa berkecuali, terutama para ulama daripada menyokong parti Islam, adalah umpama syaitan bisu.

Daripada perbincangan ini, dapat dirumuskan beberapa perkara tentang pemikiran politik Islam SAQM berdasarkan buku *Islam: Agama dan Kedaulatan*, seperti berikut:

- i. Kedudukan politik dalam Islam: SAQM berpandangan bahawa politik adalah sebahagian daripada agama, dan Islam adalah agama yang syumul di mana hukumnya meliputi seluruh aspek kehidupan termasuk politik;
- ii. Kewajiban kerajaan dan ciri-ciri kerajaan Islam: Kerajaan Islam ialah kerajaan yang terdiri daripada orang Islam dan melaksanakan semua hukum Islam seperti yang terdapat di dalam al-Quran dan Sunnah. Tiga ciri negara Islam ialah negara berdasarkan al-Quran, mengamalkan syura dan dipimpin oleh khalifah;

- iii. Memisahkan politik dari agama: SAQM berpandangan perbuatan adalah haram dan boleh membawa kepada kekufuran atau murtad. Sesiapa menceraikan politik dari agama adalah murtad, tidak boleh berkahwin dengannya dan tidak halal sembelihannya;
- iv. Melantik pemimpin dan berkongsi kuasa dengan orang kafir: SAQM berpandangan bahawa perbuatan ini adalah haram. Orang Islam wajib mengambil orang Islam sahaja sebagai pemimpin dan sebarang perbuatan bersekutu dengan orang kafir adalah sama seperti orang kafir itu juga; dan
- v. Menyokong parti yang memperjuangkan Islam: SAQM berpandangan adalah wajib bagi umat Islam menyokong parti Islam yang berjuang untuk menegakkan Islam, dan jika pilihan raya menjadi jalan untuk menegakkan Islam, maka wajib orang Islam mengundi calon dari parti Islam itu dan haram mengundi calon mana-mana parti yang bertujuan keduniaan.

Kesimpulan

Sebagai seorang ulama dan pemikir Islam, SAQM merupakan seorang tokoh yang begitu prihatin terhadap perkembangan semasa umat Islam, termasuk dalam bidang politik, terutama ketika umat Islam di Tanah Melayu sedang dalam proses membina sebuah negara-bangsa. Beliau bukan sahaja prihatin dengan perkembangan politik tersebut, tetapi beliau memahami di manakah tidak permasalahan yang dihadapi oleh umat Islam di dalam menghadapi perubahan politik dunia pasca perang itu. Ternyata isu kejahilan umat terhadap konsep dan pemikiran politik Islam telah membuatkan umat Islam di negara ini menerima ideologi-ideologi moden sebagai landasan untuk mereka membina sebuah negara baru. Atas dasar itu, SAQM telah mengemukakan buah fikiran beliau tentang politik Islam, yang sama sekali bertentangan dengan apa yang terungkap dalam pemikiran umat Islam tentang agama mereka sendiri.

Lantaran itu, pemikiran SAQM dianggap 'karut' oleh orang-orang Melayu di negara ini ketika itu. Mereka bukan sahaja menolak apa yang dikemukakan oleh SAQM, bahkan mereka mendesak supaya karya-karya yang membawa pemikiran politik Islam seperti ini diharamkan. Namun begitu, kita dapat melihat bagaimana SAQM telah mengemukakan lima isu utama dalam merombak kesesatan pemikiran politik orang Melayu iaitu dengan menjelaskan tentang kedudukan politik dalam Islam, peranan dan ciri-ciri kerajaan Islam, masalah pemisahan agama dan politik, masalah berkongsi kuasa dengan orang kafir dan kewajipan orang Islam mendukung perjuangan parti politik Islam. Jika kelima-lima aspek ini

boleh difahami dengan baik oleh umat Islam, maka umat Islam akan dapat dibawa semula kepada sebuah kekuatan politik dan usaha untuk mengembalikan sistem pemerintahan Islam akan berjaya.

Rujukan

- A. Hasjmy. 1981. Adakah Kerajaan Islam Perlak Negara Islam Pertama di Asia Tenggara, dlm. A. Hasjmy (peny.). *Sejarah Masuk dan Berkembangnya Islam di Indonesia*. Bandung: PT Maarif.
- Abdul Qadir Abdul Mutalib al-Mandili. 1957. *Pendirian Agama Islam*. Pulau Pinang: The United Press.
- Abdul Qadir Abdul Mutalib al-Mandili. 1959. *Islam: Agama dan Kedaulatan*. Cet. 1. Mesir: Matba'ah al-Anwar.
- Abdul Qadir Abdul Mutalib al-Mandili. 1963. *Islam: Agama dan Kedaulatan*. Cet. 2. Pulau Pinang: The United Press.
- Abdul Qadir Abdul Mutalib al-Mandili. 1962. *Beberapa Mutiara Yang Bagus Lagi Indah*. Mesir: Matba'ah al-Anwar.
- Abdul Qadir Abdul Mutalib al-Mandili. 1381 (1971). *Kebagusan Undang-undang Islam dan Kecelakaan Undang-undang Manusia*. Mesir: Matba'ah al-Anwar.
- Abdul Rahman Abdullah. 1989. *Islam Dalam Sejarah Asia Tenggara Tradisional*. Kuala Lumpur: Penerbit Pena Sdn. Bhd.
- Abul A'la al-Maududi, Syed. 1987. *Prinsip-prinsip Utama Negara Islam*. Terj. Abdul Rahman Rukaini. Kuala Lumpur: Penerbitan Hizbi.
- Abul A'la al-Maududi, Syed. 1980. *Political Theory of Islam*. Terj. Khurshid Ahmad. Lahore: Islamic Publication Ltd.
- Ahmad Maher Ismail. 1949. *Pedoman Kebangsaan dan Perlembagaan Negeri*. Kota Bharu: Yaakub Haji Hassan.
- Budiman Radhi. 1963. *Tatanegara Islam*. Penang: Maktabah Haji Mohd Ali bin Haji Mohamad Rawa.
- Hamka. 1946. *Negara Islam*. Padang Panjang: Anwar Rasjid.
- Ishamuddin Abd Rahim. 1987. *Tokoh Ulama al-Syeikh Abdul Qadir al-Mandili: Tinjauan Pemikirannya Dari Aspek Politik*. Latihan ilmiah UKM.
- Jaafar Albar, Syed. 1947. *Dasar Demokrat Dalam Islam*. Penang: Persama Press.
- Maulana Abdullah Nuh. 1947. *Semangat Perajurit-perajurit Muslimin*. Kota Bharu: Matba'ah Ismailiah.
- Perikatan. 1956. *Memorandum Perikatan Kepada Suruhanjaya Perlembagaan Reid*. Arkib Negara Malaysia.
- Ramli Awang. 2008. *Syeikh Abdul Qadir al-Mandili (1910-1965): Biografi & Pendidikan Akhlak*. Skudai: Penerbit UTM.

Nota Hujung

ⁱ Cetakan pertama oleh Matba'ah al-Anwar, Mesir, ini diterbitkan oleh Madrasah Darul Atfal, Cunong (Cumpong, Thailand?). Tidak diketahui di manakah letaknya tempat yang bernama Cunong ini.

ⁱⁱ Sebenarnya cetakan kedua buku ini – di Pulau Pinang – tidak mencatatkan tahun penerbitan, tetapi berdasarkan lampiran yang dipetik daripada buku *Beberapa Mutiara Yang Bagus Lagi Indah* yang diterbitkan di Mesir pada 1962 (cet. 2), sedangkan isu berkaitan buku ini telah hangat diperkatakan sejak 1961 lagi, maka dipercayai cetakan kedua buku *Islam: Agama dan Kedaulatan* diterbitkan sekitar 1963.

KEBERKESANAN MODUL JERI DALAM KALANGAN ANGGOTA TENTERA MALAYSIA MENGGUNAKAN MODEL PENGUKURAN RASCH

Azlisham Abdul Aziz
Mohd. Nor Mamat
Daud Mohamed Salleh

Academy of Contemporary Islamic Studies
Universiti Teknologi MARA
sham72aziz@gmail.com

Abstrak

Modul Jasmani, Emosi, Rohani dan Intelek (JERI) yang dilaksanakan oleh Kor Agama Angkatan Tentera (KAGAT) dalam Angkatan Tentera Malaysia (ATM) bertujuan untuk melahirkan anggota tentera yang teguh kekuatan rohani disamping kekuatan fizikal, emosi dan intelek. Instrumen keberkesanan modul JERI yang ditadbir perlu mempunyai kesahan, kebolehpercayaan dan kesepadanan item yang tinggi. Objektif kajian ini dijalankan bertujuan untuk menganalisis instrumen keberkesanan modul JERI dalam menentukan aras pencapaian instrumen oleh responden dengan menggunakan Model Pengukuran Rasch. Kajian ini dijalankan melibatkan 306 orang responden anggota Tentera Darat Malaysia. Hasil kajian dianalisis berasaskan Model Pengukuran Rasch di mana hasil kajian secara keseluruhannya melibatkan seramai 306 responden telah diuji dan 40 instrumen telah digunakan dalam ujian ini menunjukkan skor kesahan item yang sangat tinggi iaitu 0.97 dengan nilai Cronbach Alpha (KR-20) 0.92. Kesahan responden juga menunjukkan nilai skor yang tinggi iaitu 0.81 bagi keseluruhan 306 responden. Analisis 306 responden telah menghasilkan keputusan setaraf dengan 11440 set data dan ini memperkukuhkan lagi hasil kajian yang dijalankan. Dapatan kajian ini merumuskan signifikan keberkesanan pelaksanaan modul JERI dalam Angkatan Tentera Malaysia terhadap kepentingan kehidupan dunia dengan akhirat dan nilai murni, doa serta solat dalam kehidupan, diikuti dengan motivasi, kerjaya, nilai hubungan sesama manusia dan kesedaran alam akhirat.

Kata kunci: Modul JERI, Tentera Darat Malaysia, Model Pengukuran Rasch

Pendahuluan

Tunjang yang menjadi teras kepada pembinaan tamadun umat manusia adalah melalui keamanan dan kekuatan ummah. Bagi mencapai matlamat tersebut, kunci kepada kekuatan dan keamanan ummah adalah melalui institusi ketenteraan sesebuah negara bangsa. Untuk itu setiap negara perlu membuat persiapan dan membentuk kekuatan bagi mempertahankan agama, bangsa dan negara. Bidang ketenteraan merupakan suatu aspek penting dalam Islam kerana ianya mempunyai kaitan yang begitu rapat

dengan aspek pertahanan negara dan kelangsungan ketahanan tamadun ummah. Sesebuah negara akan terus utuh, kukuh, dihormati dan disegani apabila mempunyai angkatan tentera yang kuat dari segi persenjataan. (Jamil Khir Baharom 2008).

Anggota tentera yang berkualiti memerlukan satu pengisian yang holistik dan bersepadu dari aspek rohani selain fizikal, mental dan intelek. Kekuatan rohani menjamin wujudnya daya tempur rohani (spiritual combat power) operasi dan latihan dan ia sekali gus menjadi benteng yang amat kukuh dan padu. Manakala kekuatan fizikal akan menjamin daya mobiliti dan kepantasan bertindak semasa operasi dan peperangan serta kekuatan mental pula menjadi faktor penentu ketahanan seseorang anggota menghadapi ujian semasa mengharungi situasi gawat dan getir (combat stress).

Dalam konteks Angkatan Tentera Malaysia (ATM), Kor Agama Angkatan Tentera (KAGAT) yang ditubuhkan pada 16 April 1985 telah berperanan sebagai fungsi pembangunan aspek kerohanian Islam dalam memenuhi keperluan dan harapan sebagai “Pemangkin Kerohanian Angkatan Tentera Malaysia (ATM)”. Justeru, KAGAT adalah sebuah organisasi yang bertanggungjawab secara langsung menerapkan pembentukan kerohanian dalam ATM. Bagi memastikan anggota tentera menjadi aset dan memiliki modal insan yang berwibawa kepada ATM satu Modul Program Jasmani, Emosi, Rohani dan Intelek (JERI) bagi menyokong dan sebagai nilai tambah kepada Pendidikan Islam Fardu Ain (PIFA) yang sedia ada dalam ATM dimana ianya telah diperkenalkan bagi menjana pengetahuan dan pendidikan Islam kepada anggota tentera. Modul ini disediakan bertujuan untuk memastikan anggota tentera mengetahui dengan jelas syariat Islam berdasarkan kepada ilmu teras pendidikan Islam di kalangan anggota tentera sehingga mampu menjadi benteng pertahanan diri dan negara ini. (KAGAT, 2009).

Objektif

Kajian ini dijalankan bertujuan untuk menganalisis instrumen keberkesanan modul JERI dalam kalangan anggota Angkatan Tentera Malaysia menggunakan Model Pengukuran Rasch.

Metodologi Penyelidikan

Kajian ini dijalankan menggunakan kaedah kuantitatif dan menggunakan reka bentuk tinjauan. Kajian kes digunakan untuk menganalisis kesepadanan dan kesukaran item dalam instrumen keberkesanan modul JERI. Penyelidik telah mentadbir kajian tinjauan ini ke atas anggota muslim Tentera Darat Malaysia (TDM) yang mendominasi ketumbuhan populasi kekuatan pertahanan dalam ATM sebanyak 87% (JRP 2020).

Kajian Literatur

1. Modul Jasmani, Emosi, Rohani dan Intelekt

Modul Jasmani, Emosi, Rohani dan Intelekt (JERI) adalah merupakan satu bentuk modul pembentukan modal insan pertahanan negara. Ianya dilaksanakan di Pusat Latihan Tentera Darat Malaysia (TDM) sebagaimana arahan pelaksanaan yang dikeluarkan oleh Jabatan Arah KAGAT setiap tahun. (Jabatan Arah KAGAT, 2019). Modul JERI adalah merupakan modul untuk melatih dan melahirkan anggota TDM yang mampan serta digarap menerusi latihan bersepadu meliputi empat unsur fitrah kejadian manusia iaitu jasmani, emosi, rohani dan intelek secara seimbang bagi merealisasikan aspirasi TDM dalam membina kekuatan rohani tempur “*spiritual combat power*” (SCP) dan ketahanan jati diri modal insan. Modul JERI adalah mengandungi empat elemen pembangunan iaitu; Pembangunan jasmani untuk memberi kesedaran terhadap kelemahan diri dalam mengubah daripada sikap negatif kepada sikap positif, Pembangunan Emosi di mana ia bertujuan menimbulkan kesedaran agar bersikap lebih beramanah, bertanggungjawab dan berkasih sayang terhadap Allah dan sesama makhluk, Pembangunan Rohaniah di mana aspek ini pula menekankan keluhuran rohani agar dapat membentuk karekter yang unggul menepati kehendak Islam dan Pembangunan Mental bertujuan mengembalikan pemikiran manusia kepada fitrah kesempurnaan kejadian berasaskan akidah, ibadah dan akhlak mulia. (Buku Modul JERI 651, 2009).

2. Tentera Darat Malaysia (TDM)

Berdasarkan kepada sumber *Kamus Dewan Edisi Keempat* (2005) telah mendefinisikan tentera sebagai pasukan yang terdiri daripada askar dan lain-lain yang dilatih untuk berperang bagi menjaga keselamatan. Tentera sebagai kelompok kumpulan profesional yang dipercayai oleh sesebuah negara yang umumnya yang terdiri daripada kalangan orang-orang yang berada dalam organisasi yang penuh dengan disiplin untuk melakukan pertempuran yang tentunya berbeza dengan kelompok masyarakat awam yang lain (Ammus Permuter 1984). Menurut Fine S. E (1962), tentera bermaksud mereka yang terpilih dan diberi gaji oleh kerajaan serta dipersiapkan dengan latihan dan kemahiran untuk berperang dalam mempertahankan agama dan juga kedaulatan negara. Justeru, tentera adalah kelompok golongan manusia yang mempunyai kemahiran dan juga kepakaran tertentu yang dipersiapkan oleh kerajaan untuk menentang musuh dan mempertahankan negara.

Dalam konteks kajian ini, TDM yang bermula dengan pengambilan 25 orang pemuda Melayu sebagai skuad percubaan Rejimen Askar Melayu pada 1 Mac 1933. Rejimen ini terus berkembang menjadi satu batalion penuh yang dikenali sebagai Batalion Pertama Rejimen Askar Melayu pada 1 Januari 1938. Batalion kedua pula ditubuhkan pada 1 Disember 1941 iaitu enam hari sebelum Perang Dunia Kedua bermula di Malaya. Kedua-dua batalion ini telah menunjukkan kebolehan mereka dalam peperangan menentang tentera Jepun. Setelah negara mencapai kemerdekaan pada tahun 1957, TDM telah berkembang maju dan lengkap untuk melawan insurgensi. Pada masa kini TDM sedang pesat dimodenkan sebagai satu pasukan tentera konvensional yang mampu menghadapi cabaran masa depan. (Kementerian Pertahanan, 2020).

3. Model Pengukuran Rasch

Kesahan dan kebolehpercayaan item ujian dapat ditentukan menggunakan teori pengujian klasik (CTT) dan teori respon item (IRT). Teori pengujian klasik adalah bergantung pada kebolehan responden (Blunch 2008). Sekiranya instrumen soal selidik ditadbir kepada kumpulan responden lemah, maka nilai indeks kesukaran dan indeks diskriminasi adalah rendah sebaliknya jika ujian ditadbir kepada kumpulan yang mempunyai kebolehan tinggi maka nilai indeks kesukaran dan diskriminasi adalah tinggi. (Zeller & Carmines, 1980). Sebaliknya, teori respon item satu parameter menggunakan model pengukuran Rasch meramalkan kebarangkalian seseorang untuk menjawab sesuatu item ujian betul atau salah bergantung pada kebolehan individu dan kesukaran item. (Bond dan Fox, 2007; Chang, 2010; Demars, 2010).

Model Pengukuran Rasch mempunyai kelebihan kerana menepati keperluan pengukuran yang mana ia mampu mengubah skor mentah yang dipengaruhi oleh item dan ciri-ciri sampel kepada ukuran linear yang mempunyai interval yang sama. (Wright & Stone, 2004). Ini bererti, model pengukuran Rasch boleh menukar skala ordinal ke bentuk skala interval berdasarkan nilai logit. Skala interval lebih baik daripada skala ordinal kerana sela antara nombor-nombor adalah sama. Bagi skala interval, saiz atau lebar sela di antara angka-angka adalah diketahui dan perbezaan di antara nombor-nombor turutan adalah sama sepanjang skala ini.

Berbeza dengan skala ordinal, sela di antara angka-angka itu tidak semestinya sama. (Siti Rahayah, 2008). Menurut Bambang dan Wahyu

(2015), skor data mentah bukanlah hasil pengukuran kerana ia merupakan maklum balas yang ditanda responden daripada instrumen yang ditadbir. Skor mentah sekadar maklumat awal yang tidak lain hanyalah ringkasan data berupa angka tetapi tidak memberikan data dari sudut pengukuran. Maka ia tidak bersifat linear. Oleh kerana itu, pendekatan selain penggunaan analisis skor mentah sangat diperlukan dalam konteks penilaian pendidikan dan sains sosial. Selain itu, hal ini juga diperlukan bagi mendapatkan maklumat tambahan iaitu dari segi kebolehan yang dimiliki responden dan pada masa yang sama untuk menentukan kualiti item yang diberi.

Maka, dengan mengaplikasi model pengukuran Rasch, data mentah hasil ujian ditukar ke bentuk linear berdasarkan nilai logit dengan mempunyai interval yang sama. Selepas proses ini, data siap untuk ditafsir kerana telah memiliki maklumat yang wajar terhadap kebolehan responden dan kualiti item. Pelbagai kaedah boleh digunakan dalam analisis item. Analisis item menggunakan model pengukuran Rasch menyenaraikan beberapa langkah penentuan psikometrik untuk mengesahkan kualiti item yang dikaji. Antaranya keserasian (*fit*) item yang ditentukan berdasarkan nilai infit MNSQ dan outfit MNSQ. MNSQ (*mean square*) adalah statistik kesesuaian min kuasa dua. Statistik keserasian item menunjukkan sejauh mana sesuatu data adalah berpadanan dengan model pengukuran Rasch. Item yang tidak fit menunjukkan ia tidak mengukur konstruk yang serupa dan merupakan item yang lemah. (Siti Rahayah, 2008).

Menurut Bond & Fox (2015) nilai outfit item yang rendah mencadangkan respons sampel sangat boleh diramalkan apabila kebolehan sampel tersebut jauh daripada item. Nilai infit item yang rendah pula mencadangkan respons item sangat mudah diramal apabila kebolehan sampel dekat dengan item. Manakala, nilai outfit item yang tinggi mencadangkan respons luar biasa apabila kebolehan sampel jauh daripada item. Nilai infit item yang tinggi pula mencadangkan terdapat respons luar biasa apabila kebolehan sampel mendekati item. Langkah seterusnya dalam penentuan kesahan item ialah analisis polariti item atau keselarian item. Ukuran keselarian bernilai positif menunjukkan semua item dalam instrumen itu berfungsi ke arah selari untuk mengukur konstruk dalam instrumen berkenaan.

Sekiranya terdapat indeks yang bernilai negatif maka, pengkaji perlu menyemak semula data sama ada perlu diubah suai atau digugurkan. Indikator negatif menunjukkan terdapat item yang bercanggah dengan pemboleh ubah yang dikaji. (Linacre, 2012). Korelasi titik pusat ukuran (PTMEA) adalah juga merupakan pengesanan awal kepada kesahan konstruk. (Bond & Fox, 2015). Item yang dianalisis oleh model pengukuran Rasch tidak boleh bersandar antara satu sama lain. Ini bermakna, maklum balas boleh atau kurang boleh pada satu item membawa maksud yang bermakna dalam aspek kebolehan iaitu trait terpendam yang dikaji, bukan sebaliknya.

Sehubungan dengan itu, tidak boleh ada korelasi antara dua item. Jika terdapat korelasi maka wujud ketidaktepatan pada kualiti item. Item yang bersandar boleh mengganggu kebolehpercayaan instrumen. Interkorelasi antara item adalah bertujuan mengukur homogeniti item-item melalui pengujian instrumen bagi membantu mengukuhkan kesahan konstruk. Nilai korelasi antara ukuran item-item sepatutnya rendah iaitu kurang daripada 0.70. (Linacre, 2012) menunjukkan kebebasan setempat. Ini bermakna tiada perkaitan wujud antara item.

Perbincangan

1. Penyediaan Instrumen

Penyelidik telah membina satu instrumen dalam bentuk instrumen soal selidik sebanyak 40 item bagi mendapatkan pengesanan dan kebolehpercayaan. Penyelidik telah membina kerangka konstruk dan sub konstruk bagi instrumen yang dipandu oleh pakar dalam bidang pengurusan, pengoperasian tentera dan ahli akademik yang terlibat secara langsung dengan modul dan latihan. Selepas itu, penyelidik telah menjalankan proses penentuan dan penyusunan item bagi setiap sub konstruk yang telah dibina. Terdapat 2 konstruk utama dalam instrumen ini iaitu; pertamanya kesesuaian modul dan keduanya adalah kesan modul. Terdapat 7 sub konstruk dalam instrumen ini iaitu; kesesuaian sukatan modul, kesesuaian modul dalam melahirkan anggota tentera seimbang dunia dan akhirat, kesan modul terhadap nilai hubungan sesama manusia, kesan modul terhadap motivasi diri dan kerjaya, kesan modul terhadap kepentingan kehidupan dunia dengan akhirat, kesan modul terhadap kesedaran alam akhirat dan kesan modul terhadap nilai murni, doa dan solat asas dalam kehidupan.

2. Kesahan Instrumen Kajian dan Kesahan Kandungan Melalui Pakar Rujuk

Instrumen yang mempunyai kesahan yang tinggi merupakan instrumen yang dapat mengukur apa yang sepatutnya diukur. (Creswell, 2007). Hujahan ini turut disokong oleh Ghazali & Sufean (2016) yang menyatakan sesuatu instrumen mempunyai kesahan yang tinggi jika darjah kebolehan mengukur apa yang sepatutnya diukur adalah tinggi. Dalam konteks kajian ini, kesahan instrumen merujuk kepada kesahan instrumen dari segi kesahan muka, kesahan kandungan dan kesahan konstruk. Kesahan merujuk kepada tahap ketepatan atau *level of trueness* bagi sesuatu kajian iaitu sama ada data yang dikumpulkan dapat mewakili dan menggambarkan fenomena sebenar. Bagi penentuan kesahan kandungan instrumen soal selidik, sebuah panel rujukan dibentuk untuk menentukan kesahan kandungan dan kesesuaian item-item yang digunakan dalam instrumen kajian ini.

Panel rujukan kesahan kandungan instrumen terdiri daripada pakar yang mempunyai kepakaran dan pengalaman luas dalam bidang latihan pembangunan modal insan dan sumber manusia pertahanan negara serta pembangunan modul latihan dan bidang dakwah dalam KAGAT. Proses kesahan yang melibatkan cadangan dan teguran dari aspek kandungan, penggunaan bahasa dan kejelasan maksud item ini adalah bagi menghasilkan instrumen kajian yang lebih mantap. Kesemua panel rujukan pakar adalah sebagai pengadil untuk menentukan perkaitan di antara item-item instrumen dengan perkara yang hendak diukur. Setelah mendapat komentar dari panel rujukan, penyelidik telah membuat pengubahsuaian dari aspek istilah dan struktur ayat pada beberapa pernyataan dalam instrumen soal selidik dan temu bual. Apabila item-item ini telah dipersetujui oleh kesemua pakar maka instrumen tersebut diakui telah mempunyai kesahan yang tinggi. (Abu Bakar, 1986). Kaedah analisis faktor dilaksanakan bagi memastikan kesahan bagi setiap konstruk dalam kajian ini.

Kesahan kandungan dilakukan melalui sekumpulan pakar rujuk atau *expert judgment*. (Ghazali & Sufean, 2016). Dalam konteks kajian ini, pembinaan soal selidik yang digunakan telah diuji melalui kesahan kandungan dengan merujuk kepada 4 orang pakar dalam bidang tertentu iaitu bidang dakwah dan latihan pembangunan modal insan pertahanan negara ATM serta bidang kajian dan pembangunan kurikulum KAGAT. Jumlah 4 pakar ini telah bertepatan dengan hujahan Creswell (2007),

informan yang ideal adalah dalam lingkungan 3 sehingga 10 orang. Setiap komen dan teguran yang diterima daripada pakar-pakar ini diambil kira dan diguna pakai bagi memantapkan lagi maksud, bahasa dan kandungan item soal selidik yang digunakan. Setelah item soal selidik mendapat persetujuan dan pengesahan pakar serta membuat penambahbaikan, penyelidik mengedarkan instrumen soal selidik kepada responden. Setelah melalui proses tersebut, maka akhirnya instrumen kajian selidik akan melalui kajian tinjauan.

3. Kesahan Instrumen Melalui Analisis Konstruk

Ujian ke atas data yang dikumpulkan telah dibuat menggunakan Perisian Bond & Fox Steps untuk melihat skor kesahan instrumen dan kesahan maklumbalas daripada responden. Seramai 306 responden diuji dan 40 item soal selidik telah digunakan dalam ujian ini menunjukkan skor kesahan item yang sangat tinggi iaitu 0.97 dengan nilai *Cronbach Alpha* (KR-20) ialah 0.92. Kesahan responden juga menunjukkan nilai skor yang tinggi iaitu 0.81 bagi keseluruhan 306 responden dengan catatan 20 responden yang dikira sebagai *ekstrem maximum*. Kesahan responden ini sedikit meningkat lebih tinggi iaitu 0.82 sekiranya 20 responden yang dikira sebagai *ekstrem maximum* disisihkan daripada keseluruhan responden. Oleh kerana selisih nilainya yang sangat sedikit, keseluruhan 306 responden diambilkira dalam analisis kajian ini.

Berdasarkan kepada Rajah 1 di bawah, analisis 306 responden ini menghasilkan keputusan setaraf dengan 11440 set data dan ini memperkukuhkan lagi hasil kajian yang dijalankan. Hujahan ini menunjukkan instrumen yang digunakan dalam kajian ini adalah sah dan boleh dipercayai untuk digunakan bagi mengukur objektif kajian yang telah ditetapkan. Dapatan ini juga menunjukkan tahap kebolehpercayaan maklumbalas responden juga adalah tinggi dan sah untuk digunapakai dalam merumuskan dapatan untuk objektif kajian ini.

Rajah 1: Ringkasan Statistik

INPUT: 306 Persons 40 Items MEASURED: 306 Persons 40 Items 4 CATS 1.0.0

```

-----
SUMMARY OF 286 MEASURED (NON-EXTREME) Persons
-----+-----+-----+-----+-----+-----+-----+-----+
|          RAW          MODEL          INFIT          OUTFIT          |
|          SCORE        COUNT        MEASURE        ERROR        MNSQ        ZSTD        MNSQ        ZSTD        |
|-----+-----+-----+-----+-----+-----+-----+-----+
| MEAN          149.8          40.0          4.85          .55          1.04          .3          .79          -.1          |
| S.D.           8.5           .0           1.54          .26          .37          .9          .48          .8          |
| MAX.          159.0          40.0          7.67          1.19          2.01          3.8          4.56          2.4          |
| MIN.          112.0          40.0          .55          .29          .28          -2.7          .03          -2.3          |
|-----+-----+-----+-----+-----+-----+-----+
| REAL RMSE      .65      ADJ.SD      1.40      SEPARATION      2.14      Person RELIABILITY      .82 |
| MODEL RMSE     .61      ADJ.SD      1.42      SEPARATION      2.34      Person RELIABILITY      .85 |
| S.E. OF Person MEAN = .09
-----

```

MAXIMUM EXTREME SCORE: 20 Persons

```

-----
SUMMARY OF 306 MEASURED (EXTREME AND NON-EXTREME) Persons
-----+-----+-----+-----+-----+-----+-----+-----+
|          RAW          MODEL          INFIT          OUTFIT          |
|          SCORE        COUNT        MEASURE        ERROR        MNSQ        ZSTD        MNSQ        ZSTD        |
|-----+-----+-----+-----+-----+-----+-----+-----+
| MEAN          150.5          40.0          5.13          .64          .37          .9          .48          .8          |
| S.D.           8.6           .0           1.84          .43          .37          .9          .48          .8          |
| MAX.          160.0          40.0          9.21          1.96          2.01          3.8          4.56          2.4          |
| MIN.          112.0          40.0          .55          .29          .28          -2.7          .03          -2.3          |
|-----+-----+-----+-----+-----+-----+-----+
| REAL RMSE      .81      ADJ.SD      1.65      SEPARATION      2.05      Person RELIABILITY      .81 |
| MODEL RMSE     .77      ADJ.SD      1.67      SEPARATION      2.17      Person RELIABILITY      .82 |
| S.E. OF Person MEAN = .11
-----

```

Person RAW SCORE-TO-MEASURE CORRELATION = .90
CRONBACH ALPHA (KR-20) Person RAW SCORE RELIABILITY = .92

```

-----
SUMMARY OF 40 MEASURED (NON-EXTREME) Items
-----+-----+-----+-----+-----+-----+-----+-----+
|          RAW          MODEL          INFIT          OUTFIT          |
|          SCORE        COUNT        MEASURE        ERROR        MNSQ        ZSTD        MNSQ        ZSTD        |
|-----+-----+-----+-----+-----+-----+-----+-----+
| MEAN          1071.4          286.0          .00          .17          .97          -.6          .79          -.7          |
| S.D.           61.0           .0           1.05          .03          .38          2.5          .46          2.3          |
| MAX.          1120.0          286.0          4.83          .23          2.95          9.9          3.09          9.9          |
| MIN.          735.0           286.0          -1.39          .10          .77          -2.8          .43          -2.3          |
|-----+-----+-----+-----+-----+-----+-----+
| REAL RMSE      .17      ADJ.SD      1.03      SEPARATION      6.06      Item RELIABILITY      .97 |
| MODEL RMSE     .17      ADJ.SD      1.04      SEPARATION      6.16      Item RELIABILITY      .97 |
| S.E. OF Item MEAN = .17
-----

```

UMEAN=.000 USCALE=1.000
 Item RAW SCORE-TO-MEASURE CORRELATION = -.96
11440 DATA POINTS. APPROXIMATE LOG-LIKELIHOOD CHI-SQUARE: 9576.30

4. Analisis Item Instrumen

Secara keseluruhannya, terdapat 1 item yang paling sukar dan kedua paling sukar dicapai dalam modul JERI. Manakala, terdapat 6 item yang tidak dicapai sepenuhnya. Manakala item-item yang lain dicapai sepenuhnya oleh majoriti responden. Ianya seperti Rajah 2 berikut:

Rajah 2: Analisis Item

```

INPUT: 306 Persons  40 Items  MEASURED: 306 Persons  40 Items  4 CATS          1.0.0
-----
Persons MAP OF Items
<more>|<rare>
8      .##### T+
      ##### |
      ##### |
7      ##### |
      ##### S|
6      .##### +
      .##### |
      ##### |
5      .#### +
      ### M | I0039
      .##### |
      .##### |
4      .##### +
      .##### |
      ##### S|
3      ##### +
      .## |
      .# |
      .# |
2      .+T | I0028
      .T |
      . |
1      .+S |
      . | I0001 I0005
      . | I0002 I0007 I0012 I0015
      . | I0006 I0011 I0014 I0018 I0019
      . | I0008 I0017 I0038
0      +M | I0009 I0010 I0013 I0016 I0027
      . | I0026 I0030 I0031 I0034
      . | I0004 I0029 I0032
      . | I0020 I0033
      . | I0036 I0037
-1     +S | I0003 I0023 I0024 I0025 I0035
      . | I0022 I0040
      . | I0021
-2     +T |
<less>|<frequ>

```

Secara keseluruhannya, majoriti responden telah mencapai objektif semua item dalam modul JERI dengan mean pencapaian pada 4.85 logit. Seramai 20 responden mencapai skor logit tertinggi iaitu 9.21 logit. Manakala terdapat seramai 159 responden atau 52% yang tidak mencapai 1 item. Manakala, terdapat 17 responden atau 5.5% tidak mencapai 2 item. Terdapat seorang responden atau 0.3% tidak mencapai 8 item. Manakala, seramai 147 responden iaitu 48% telah bersetuju dengan pencapaian objektif pelaksanaan modul JERI. Ianya sebagaimana Rajah 3 berikut:

Rajah 3: Skor Mean Modul

```
SUMMARY OF 306 MEASURED (EXTREME AND NON-EXTREME) Persons
+-----+
|          RAW          MODEL          INFIT          OUTFIT          |
|          SCORE        COUNT        MEASURE        ERROR        MNSQ        ZSTD        MNSQ        ZSTD        |
+-----+-----+-----+-----+-----+-----+-----+-----+
| MEAN          150.5          40.0          4.85          .64          |
| S.D.           8.6           .0           1.84          .43          |
| MAX.          160.0          40.0          9.21          1.96          |
| MIN.          112.0          40.0          .55           .29          |
+-----+-----+-----+-----+-----+-----+-----+-----+
| REAL RMSE     .81     ADJ.SD     1.65     SEPARATION     2.05     Person RELIABILITY     .81 |
| MODEL RMSE    .77     ADJ.SD     1.67     SEPARATION     2.17     Person RELIABILITY     .82 |
| S.E. OF Person MEAN = .11 |
+-----+-----+-----+-----+-----+-----+-----+-----+

INPUT: 306 Persons  40 Items  MEASURED: 306 Persons  40 Items  4 CATS          1.0.0
+-----+-----+-----+-----+-----+-----+-----+-----+
```

Analisis dan Perbincangan Dapatan Skop Spesifik Setiap Dimensi

Penyelidik hanya akan menganalisis perbincangan konstruk kesan modul JERI terhadap responden dan turut menganalisis dapatan kajian berdasarkan kepada skop dimensi setiap item iaitu berkaitan skop untuk pencapaian item-item dalam kategori dimensi kesesuaian sukatan Modul JERI yang terdapat 3 item dimana hanya terdapat 1 responden daripada 306 responden iaitu 0.3% yang tidak bersetuju dengan kesesuaian sukatan Modul JERI ini. Ini menunjukkan satu rumusan yang signifikan bahawa kesesuaian modul JERI ini pada persepsi responden adalah sangat tinggi iaitu 99.7% sebagaimana dijelaskan melalui Rajah 4 di bawah:

Rajah 4: Kesesuaian Sukatan Modul JERI

INPUT: 306 Persons 40 Items MEASURED: 306 Persons 40 Items 4 CATS 1.0.0

Persons MAP OF Items

```
<more>|<rare>
8      .##### T+
      ##### |
      |      |
7      |      |
      ##### |
      |      |
6      .##### +
      .##### |
      .##### |
5      .#### +
      .### M |
      .##### |
      .### |
4      .##### +
      .### |
      .##### |
      .### S |
      ##### |
3      .### +
      .## |
      .# |
      .# |
2      . +T
      . T |
      . |
1      . +S
      . |
      . I0001
      . I0002
      . I0006
0      +M
      |
-1     +S
      |
-2     +T
<less>|<frequ>
```

INPUT: 306 Persons 40 Items MEASURED: 306 Persons 40 Items 4 CATS
1.0.0


Manakala, dalam skop pencapaian item-item dalam kategori dimensi kesesuaian modul JERI dalam melahirkan anggota tentera yang seimbang dunia dan akhirat, terdapat 7 item di mana hanya 1 responden daripada 306 tidak mencapai objektif dimensi 2 item ini iaitu hanya 0.3% sahaja. Ini menunjukkan satu rumusan signifikan yang menunjukkan kesesuaian modul ini dalam melahirkan anggota tentera yang seimbang dunia dan akhirat dalam menjayakan agenda pembangunan spiritual ATM pada persepsi responden adalah sangat tinggi iaitu 99.7%. Manakala 306 responden iaitu 100% telah mencapai objektif 5 item. Ini menunjukkan satu rumusan yang signifikan bahawa kesesuaian modul JERI ini dalam konteks melahirkan anggota tentera yang mempunyai keseimbangan kehidupan dunia dengan akhirat pada persepsi responden adalah sangat tinggi iaitu 100%. Ianya dapat dirumuskan melalui Rajah 6 berikut.

Rajah 6: Kesesuaian Modul JERI dalam Melahirkan Anggota Tentera yang Seimbang Dunia dan Akhirat




Begitu juga dalam skop pencapaian item-item dalam kategori dimensi kesan modul JERI terhadap motivasi diri dan kerjaya sebanyak 3 item. Seramai 305 responden iaitu 99.7% telah mencapai objektif maksima 1 item dan seramai 306 responden iaitu 100% telah mencapai objektif 2 item. Ini menunjukkan satu rumusan yang signifikan dimana kesesuaian modul ini dalam menyuntik motivasi anggota tentera dalam melaksanakan tugas mereka pada persepsi peserta adalah sangat tinggi iaitu 99.7%. Manakala, dalam konteks melahirkan anggota tentera yang mempunyai pegangan agama yang kukuh dan menghargai perkhidmatan tentera pada persepsi peserta adalah sangat tinggi iaitu 100% seperti dalam Rajah 8.

Rajah 8: Kesan JERI Terhadap Motivasi Diri dan Kerjaya




Manakala, dalam skop untuk pencapaian item-item dalam kategori dimensi kesan modul JERI terhadap kepentingan kehidupan dunia dengan akhirat yang mempunyai 4 item. Seramai 306 responden atau 100% telah mencapai objektif maksima dimensi 4 item tersebut. Ini menunjukkan bahawa modul JERI ini mempunyai signifikan dalam melahirkan anggota tentera yang menyedari kedudukan sebagai hamba Allah di dunia ini dan sentiasa diperhati oleh Allah serta kembali kepada Allah iaitu dengan bertaubat boleh membawa keselamatan di dunia dan di akhirat sebagaimana Rajah 9 di bawah.

Rajah 9: Kesan JERI Terhadap Kepentingan Kehidupan Dunia dengan Akhirat



Melalui skop pencapaian item-item dalam kategori dimensi kesan modul JERI terhadap kesedaran alam akhirat pula ialah 3 item. Seramai 7 responden dari 306 responden atau 2.3% yang tidak mencapai 1 item. Manakala, seramai 306 responden iaitu 100% telah mencapai objektif kesan 2 item. Ini menunjukkan satu rumusan yang signifikan dimana kesesuaian modul JERI ini dalam memberi kesedaran dan keyakinan kepada peserta bahawa kematian akan datang secara tiba-tiba pada persepsi peserta adalah tinggi iaitu 97.7%. Manakala dalam konteks kemampuan modul JERI ini dalam memberi keyakinan untuk memahami kedudukan alam akhirat dan kematian serta sentiasa ingat kepada kematian adalah sangat tinggi iaitu 100% sebagaimana rujuk Rajah 10 berikutnya.

Rajah 10: Kesan JERI Terhadap Kesedaran Alam Akhirat



Akhirnya, dalam skop pencapaian item-item dalam kategori dimensi kesan modul JERI terhadap nilai murni, doa dan solat sebagai asas dalam kehidupan iaitu sebanyak 17 item. Kesemua 306 responden atau 100% telah mencapai maksima objektif 16 item .Manakala 1 responden iaitu 0.3% tidak mencapai 1 item. Ini menunjukkan bahawa modul JERI mampu memberi kesan kepada peserta tentang kepentingan nilai murni, doa dan solat sebagai asas dalam kehidupan dengan pencapaian 100% atau 306 responden telah mencapai objekif 16 item dalam dimensi ini sebagaimana Rajah 11 di bawah:

Rajah 11: Kesan JERI Terhadap Nilai Murni, Doa dan Solat Asas dalam Kehidupan



Kesimpulan

Aplikasi Model Pengukuran Rasch dalam menentukan kesahan, kebolehpercayaan dan kesepadanan item merupakan alternatif kepada teori pengujian klasik. Kesahan dan kebolehpercayaan merupakan elemen penting dalam penyediaan item soalan. Instrumen soalan selidik dalam mengukur keberkesanan modul JERI adalah tinggi berdasarkan kepada ketentuan kesahan, kebolehpercayaan dan kesepadanan item yang akhirnya dapat memberikan keputusan yang tuntas dalam merumuskan signifikan keberkesanan pelaksanaan modul JERI dalam Angkatan Tentera Malaysia terhadap kepentingan kehidupan dunia dengan akhirat dan nilai murni, doa serta solat dalam kehidupan, diikuti dengan motivasi, kerjaya, nilai hubungan sesama manusia dan kesedaran alam akhirat.

Penghargaan

Penghargaan penulisan artikel ini saya dedikasikan buat Penyelia Utama saya di Academy of Contemporary Islamic Studies (ACIS) Universiti Teknologi MARA (UiTM), Prof Madya Ts Dr Mohd Nor Mamat dan Penyelia Bersama saya di Universiti Pertahanan Nasional Malaysia (UPNM), Lt Kol (B) Dr Daud Mohamed Salleh di atas buah minda dalam menjayakan penulisan artikel ini. Begitu juga tidak dikesampingkan kepada Jabatan Arah KAGAT dan TDM kerana menyokong dan seterusnya menaja pengajian pascasiswazah saya di ACIS UiTM.

Rujukan

- Abu Bakar Nordin. 1986. *Asas Penilaian Pendidikan*. Kuala Lumpur: Heineman Sdn Bhd.
- Amus Permuter. 1984. *Militer dan politik*. Cet. Ke-2. Jakarta: PT Rajawali Press.
- Bambang Sumintono & Wahyu Widhiarso. 2015. *Aplikasi Pemodelan Rasch pada Assessment Pendidikan*. Cimahi: Trim Komunikata Publishing House.
- Blunch, N.J. 2008. *Introduction to Structural Equation Modelling using SPSS and AMOS*. London: Sage Publications Ltd.
- Bond, T. G. & Fox, C. M. 2015. *Applying the Rasch Model Fundamental Measurement in the Human Sciences*. 3rd ed. New Jersey: Lawrence Erlbaum Associates.
- Creswell, J. W. 2007. *Qualitative Inquiry and Research Design*. New Delhi: SAGE Publications India.
- Demars, C. 2010. *Item Response Theory Understanding Statistics Measurement*. New York: Oxford University Press.
- Finer, S. E. 1962. *The men on the horseback: the rule of the military in the politics*. New York: Ny Frederivck A. Preager.
- Fraenkel, Jack R., & Norman E. Wallen. 2006. *How to Design and Evaluate Research in Education* (6th ed.). New York: McGraw-Hill.
- Ghazali Darusalam, & Sufean Hussin. 2016. *Metodologi Penyelidikan Dalam Pendidikan: Amalan dan Analisis Kajian*. Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya.

- Hambleton, R. K. , & Swaminathan, H. 1985. *Item Response Theory: Principles and Applications*. Boston: Kluwer. [Google Scholar](#), [Crossref](#).
- Jabatan Arah Kor Agama Angkatan Tentera. 2019. *Arahan Pelaksanaan Modul JERI*. Kuala Lumpur: Kementerian Pertahanan.
- Jabatan Arah Rekod dan Pencen. 2020. *Penyata 2020*. Kuala Lumpur: Kementerian Pertahanan.
- Jamil Khir Baharom. 2008. *Panduan Kehidupan Ketenteraan*. Kuala Lumpur: Kor Agama AngkatanTentera. Kementerian Pertahanan.
- Kamus Dewan. 2015. *Kamus Dewan*. Edisi Keempat. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Kementerian Pertahanan Malaysia. 2020. Malaysia: Kuala Lumpur.
- Kor Agama Angkatan Tentera. 2009. *Modul Jasmani, Emosi, Rohani dan Intelek 651*. Kuala Lumpur: Markas Angkatan Tentera Malaysia.
- Linacre, J.M. 2012. *A user's guide to WINSTEPS: Rasch model computer programs*. Chicago: MESA Press.
- Mohamad Nor Mohamad Taib. 2000. *Modul Guru Sebagai Penyelidik: Asas-Asas Menjalankan Kajian di Sekolah*. Kuala Lumpur: Bahagian Perancangan dan Penyelidikan Dasar Pendidikan.
- Rasch G. 1980. *Probabilistic Models For Some Intelligence and Attainment Tests*. Chicago: The University of Chicago Press.
- Schumacker R.E. 2005. *Item Response Theory*. Applied Measurement Associates. [http://www.appliedmeasurementassociates.com/white%20papers/item%20response%20 theory.pdf](http://www.appliedmeasurementassociates.com/white%20papers/item%20response%20theory.pdf) (10 Sept. 2009).
- Siti Rahayah Ariffin. 2008. *Inovasi dalam Pengukuran dan Penilaian Pendidikan*. Bangi: Fakulti Pendidikan UKM.
- Zeller, R.A dan Carmines, E.G. 1980. *Measurement in the Social Sciences: The link between theory and data*. United State of America: Cambridge University Press.

PANDUAN ULAMA ISLAM BERKAITAN AMALAN PENCEGAHAN PENULARAN PANDEMIK: SATU SOROTAN

Mohd. Sophian Ismail
Program Doktor Falsafah, Fakulti Pengajian Islam UKM

Mohd. Arif Nazri
Najah Nadiyah Amran
Pusat Kajian al-Quran dan al-Sunnah
Fakulti Pengajian Islam UKM

Abstrak

Penularan pandemik COVID-19 menimbulkan kebimbangan dalam kalangan rakyat. Antara ancaman dalam menghadapi pandemik mendadak ini ialah melindungi masyarakat yang sihat dari mendapat jangkitan, merawat pesakit yang disahkan berpenyakit dan melindungi kakitangan perubatan dari terdedah kepada bahaya jangkitan dan penularannya. Penularan pandemik ini menyebabkan masyarakat berhadapan dengan kuman yang sangat bahaya serta mudah berjangkit. Mereka terdedah kepada risiko wabak penyakit yang boleh membawa maut. Ini merupakan satu tekanan yang sangat besar kepada masyarakat. Untuk itu, khusus bagi umat Islam mereka perlu sentiasa disiapsiagakan secara berterusan mengenai pencegahan penularan pandemik seperti yang telah ditetapkan di dalam al-Quran dan al-Sunnah. Artikel ini bertujuan menyoroti kajian lepas tentang panduan ulama Islam berkaitan amalan pencegahan penularan pandemik menurut al-Quran dan al-Sunnah. Di samping menganalisis pendapat para sarjana Islam berkaitan pencegahan penularan pandemik supaya dapat dilihat secara ilmiah dan amalan ini dapat dipraktikkan oleh masyarakat muslim. Kajian ini dilaksanakan dengan menggunakan metodologi kaedah kualitatif, di mana hasil dapatan kajian diperolehi menerusi kajian kepustakaan iaitu menganalisis dokumen dengan merujuk kepada rujukan primer dan sekunder menerusi pembacaan buku, tesis, jurnal dan lain-lain. Hasil penganalisan mendapati tiga fokus utama kajian telah dilakukan oleh para sarjana Islam iaitu amalan pencegahan secara fizikal, mental dan rohani. Bagaimanapun aspek pencegahan pandemik secara khusus berpandukan al-Quran dan al-Sunnah dikaji dengan tidak menyeluruh. Justeru, diharapkan kajian ini boleh dijadikan bahan bacaan dan rujukan ahli ilmu, para perawat, pesakit dan masyarakat muslim agar tidak terkena jangkitan wabak ini.

Katakunci: al-Quran, COVID-19, kaedah pencegahan penyakit, pandemik, al-Sunnah, wabak

Pendahuluan

Pandemik merupakan wabak penyakit yang tiba-tiba merebak secara mengejut di dalam suatu kawasan yang amat membimbangkan di kawasan

tersebut. Sebagai contoh wabak *Novel Coronavirus* (COVID-19), ia merujuk kepada spesies baru yang belum pernah ditemui oleh manusia. Ia merupakan virus baru dalam keluarga Coronavirus yang pernah menyebabkan Sindrom Pernafasan Akut Yang Teruk (SARS) pada tahun 2002 dan Sindrom Pernafasan Timur Tengah (MERS) pada tahun 2014. (Kementerian Kesihatan Malaysia, 2020). Ia muncul buat pertama kalinya pada tahun 2019 di Wilayah Wuhan, China dan telah diisytihar sebagai pandemik pada 11 Mac 2020 di mana telah meragut 2,231,140 nyawa di seluruh dunia sehingga 31 Januari 2021. (World Health Organization, 2021). Keadaan ini telah menimbulkan suasana tidak tenteram dalam kalangan masyarakat global ekoran penularan pandemik ini yang semakin pantas dan sukar dikawal. Kemunculan pandemik yang baharu ini telah mendapat publisiti besar dalam media tempatan mahupun antarabangsa.

Sememangnya penularan pandemik COVID-19 ini telah menimbulkan kebimbangan dalam kalangan rakyat. Antara ancaman dalam menghadapi wabak mendadak ini ialah melindungi masyarakat yang sihat dari mendapat jangkitan, merawat pesakit yang disahkan berpenyakit dan melindungi kakitangan perubatan dari terdedah kepada bahaya jangkitan dan penularannya. Penularan pandemik ini menyebabkan masyarakat berhadapan dengan kuman yang sangat bahaya serta mudah berjangkit. Mereka terdedah kepada risiko wabak penyakit yang boleh membawa maut. Ini merupakan satu tekanan yang sangat besar kepada masyarakat. (Malina, 2020). Untuk itu, mereka perlu sentiasa disiapsiagakan secara berterusan mengenai pencegahan penularan pandemik seperti yang telah ditetapkan di dalam al-Quran dan al-Sunnah.

Dari perspektif Islam pencegahan itu lebih baik daripada pengubatan. (Danial, 1988). Menurut al-Quran dan al-Sunnah, dalam bidang perubatan, Islam berpegang kepada konsep pencegahan lebih baik daripada pengubatan. Segala perkara yang membawa kepada kerosakan perlulah dicegah dari awal-awal lagi. Inilah kelebihan agama Islam yang Allah SWT turunkan al-Quran sebagai panduan dan sumber rujukan pertama dan juga hadith Nabi Muhammad SAW sebagai rujukan kedua untuk umat akhir zaman. Ini kerana agama Islam yang dibawa oleh baginda SAW merupakan agama yang sempurna dan lengkap. (Yousuf, 2018).

Al-Quran dan al-Sunnah mengajar seseorang itu memelihara kesihatan dalam kehidupan. Ini menunjukkan bahawa Islam adalah agama yang mempromosikan cara hidup yang sihat bukan sahaja dari sudut

fizikal, bahkan mental dan rohani. Begitu juga dari sudut pencegahan daripada penularan wabak dan rawatannya dalam kehidupan manusia (Anita 2014). Banyak wabak telah merebak ke seluruh dunia termasuk Malaysia dan telah menyebabkan berlaku kematian kepada manusia yang dijangkitinya. (Hilmi, 2013). Jumlah kematian di Malaysia setakat 31 Januari 2021 ialah sebanyak 760 nyawa (KKM, 2021). Menurut Abdullah (2019), al-Quran dan al-Sunnah telah menyediakan langkah-langkah pencegahan awal daripada wabak dan penyakit berjangkit untuk diamalkan oleh setiap muslim. Firman Allah SWT di dalam al-Quran:

وَنَزَّلْنَا مِنَ الْقُرْآنِ مَا هُوَ شِفَاءٌ وَرَحْمَةٌ لِّلْمُؤْمِنِينَ وَلَا يَزِيدُ الظَّالِمِينَ إِلَّا خَسَارًا

Maksudnya: “Dan Kami turunkan dengan beransur-ansur dari al-Quran ayat-ayat suci yang menjadi ubat penawar dan rahmat bagi orang-orang yang beriman kepadanya, dan (sebaliknya) al-Quran itu tidak menambahkan orang-orang yang zalim (disebabkan keingkaran mereka) melainkan kerugian jua.” (Al-Isra’: 82)

Artikel ini bertujuan menyoroti kajian lepas tentang panduan ulama Islam berkaitan amalan pencegahan penularan pandemik menurut al-Quran dan al-Sunnah. Di samping menganalisis pendapat para sarjana Islam berkaitan pencegahan penularan pandemik supaya dapat dilihat secara ilmiah sejauhmanakah amalan ini dapat dipraktik oleh masyarakat muslim khususnya di Malaysia yang sedang menghadapi ancaman pandemik COVID-19 ini.

Metodologi Kajian

Kajian ini dilaksanakan dengan menggunakan metodologi kaedah kualitatif, di mana hasil dapatan kajian diperolehi menerusi kajian kepustakaan iaitu menganalisis dokumen dengan merujuk kepada rujukan primer dan sekunder menerusi pembacaan buku, tesis, jurnal dan lain-lain. Segala sumber di atas dipilih oleh pengkaji bagi menentukan dokumen yang ingin dikaji adalah yang berkaitan dengan pandemik atau wabak penyakit berjangkit.

Pengkaji telah merujuk jurnal-jurnal dan kajian-kajian lepas dan terkini seperti tesis, disertasi, jurnal, prosiding, kertas kerja seminar dan laman web yang berautoriti samada dalam Bahasa Melayu, Bahasa Inggeris dan Bahasa Arab untuk mencari maklumat tentang pandemik dan langkah-langkah pencegahan penularannya menurut al-Quran dan al-

Sunnah. Semua data yang diperoleh, diproses, dikelaskan mengikut keutamaan dan dianalisis berdasarkan pendekatan diskriptif kemudian dibuat kesimpulan.

Dapatan Kajian

Kajian awal sorotan literatur tentang panduan ulama Islam berkaitan amalan pencegahan penularan pandemik ini adalah masih baharu. Menurut al-Maq'adi (2020), tidak terdapat satu kajian ilmiah yang menerangkan *manhaj* al-Quran dan al-Sunnah dalam menghadapi wabak dan penyakit melainkan hanya beberapa artikel yang berkaitan tentang aspek kesedaran, aspek pemikiran dan aspek kesihatan sahaja. Perlunya *tadabur* ayat-ayat al-Quran kerana ia adalah satu cara untuk mendapatkan intipati dan pengajarannya. Di samping mengambil berat tentang kajian Sunnah Nabawiyah dengan merujuk kitab-kitab syarah hadith dan mengaplikasikannya kepada situasi semasa kerana di dalamnya terdapat keselamatan dan penyelesaian masalah kehidupan.

Di antara hasil penyelidikan para sarjana Islam dalam bahagian ini adalah seperti "*Badhlu al-Ma'un fi Fadl al-Ta'un*" (Ibn Hajar, 1986), "*History of Contagious Diseases Outbreaks During Early Muslim Empire: Understanding the Impact of Islamic Principles*" (Musferah et. al., 2020), "*Muslims Responses to Pandemics: Lessons from the Best Generation*" (Che Anuar, 2020), "*Pandemic and Islamic Point of View Based on Hadith Plague*" (Irfan et. al., 2020), "Penggunaan Bahan Herbal dan Pendekatan Spritual untuk Mencegah Stress Selama Karantina COVID-19" (Anggita et. al., 2020), "COVID-19 dan Pencegahan Transmisi Infeksi di Tingkat Individu" (Siska 2020), "*Mu'alajah al-Amrad fi Daw' al-Quran al-Karim: Dirasah Mawdu'iyah*" (Abdul 'Aali, 2020), "*Manhaj al-Islam Fi al-Ta'amul Ma'a al-Awbi'ah*" (al-Bayumi, 2020), "*Al-Manhaj al-Qurani fi al-Ta'amul Ma'a al-Amrad wa al-Awbi'ah*" (al-Ka'bi, 2020), "*Manhaj al-Qurani al-Karim fi al-Ta'amul ma'a al-Marad*" (al-Khatib, 2020), "*Manhaj al-Quran wa al-Sunnah fi al-Ta'amul ma'a al-Awbi'ah wa al-Amrad*" (al-Maq'adi, 2020), "*Manhaj al-Sunnah al-Nabawiyah fi al-Ta'amul ma'a al-Amrad wa al-Awbi'ah*" (al-Minawi, 2020), "*Manhaj al-Sunnah fi al-Ta'amul ma'a al-Awbi'ah*" (Muhammad, 2020), "*Manhaj al-Quran al-Karim fi al-Ta'amul ma'a al-Awbi'ah wa al-Amrad*" (Rifa'I, 2020), "*Manhaj al-Sunnah al-Nabawiyah fi al-Ta'amul ma'a al-Awbi'ah wa al-Amrad*" "*al-Hijr al-Sihhy Namuzajan*" (al-Sa'dawi, 2020), "*Qawa'id al-Ta'amul ma'a al-Awbi'ah min Khilal al-Sunnah al-Nabawiyah*" (Yusuf, 2020), "Analisis Hadith

Mengenai Haiwan Fasiq dalam al-Kutub al-Sittah: kajian terhadap persepsi masyarakat Melayu di Daerah Pengkalan Hulu, Perak” (Farhan, 2015), “Isu Keselamatan Makanan Menurut Perspektif al-Hadith: Analisis Terhadap Perusahaan Kecil dan Sederhana di Lembah Klang” (Farhan, 2019), “Anjing Pembawa Virus Rabies: Signifikan dan Metode Interaksi Berasaskan Fiqh al-Hadith: (Farhan, 2015), “*Lizard as Spreader of Salmonella Bacteria: Significant and Interaction Methods According to Fiqh al-Hadith*” (Farhan, 2016), “Leptospirosis Wabak Maut dari Tikus: Analisis Berasaskan Fiqh al-Hadith” (Farhan, 2018), “Vektor Zika dan Teknik Kawalan Haiwan Perosak Menurut Perspektif Hadis” (Farhan, 2018), “40 Hadis tentang Wabak Penyakit” (Sanusi, 2020), “Fiqh COVID-19” (JPM, 2020), “Inilah Doaku” (Zulkifli, 2020), dan “Manual Islam & HIV/AIDS” (JAKIM, 2009).

Beberapa kajian dari Malaysia tentang pencegahan pandemik menurut perspektif Islam adalah “Sorotan Literatur Terhadap Isu Penerimaan dan Penolakan Vaksin Menurut Perspektif Islam” (Nurul, 2017), “Bagaimana Mendepani Wabak Mengikut Perspektif Usul Fiqh” (Pejabat Mufti WP, 2020), “Penggunaan Air Banjir Ketika Bencana Banjir: Kajian Menurut Perspektif Halal Haram” (Habibah, 2015), “Islam Tuntut Umat Hindari Kemudaratan” (Asri, 2020), “*Healing Through Complementary Therapy: the Qur’anic and the Sunnah Approach*” (Suriati, 2009), “*Medical and Islamic Perspectives on Human Immunodeficiency Virus Infection and Its Prevention*” (Abdullah et al., 2019), “*Infection Control in Islam*” (Aisya, 2009), “*Du‘Aa’s And Adhkaar for Protection Against Diseases and Epidemics*” (Islamqa.info, 2020), “*Critical Review of Religion in Coping Against the COVID-19 Pandemic by Former COVID-19 Muslim Patients in Malaysia*” (Ab Rahman et al., 2020) dan “*A Review of the Islamic Approach in Public Health Practices*” (Anita et al., 2014).

Di samping itu, terdapat kajian dari luar negara yang berkisar tentang pencegahan pandemik menurut perspektif Islam yang bertajuk “Higienitas Perspektif Hadis (Kajian Hadis-Hadis Tentang Kebersihan Makanan, Sumber Air, Rumah dan Jalanan)” (Erwan, 2008), “Relasi Pandemi Terhadap Iklim Bumi Dan Pandangan Teks Suci” (Aruny, 2020), “*Prophetic Medicine, Islamic Medicine, Traditional Arabic and Islamic Medicine (TAIM): Revisiting Concepts and Definitions*” (Asim et al., 2019), “*The Cleanliness for a Healthy Life: a Preventive Remedy in Tibbin Nabawi*” (Hedayatul Islam et al., 2019), “Masalah dalam

Vaksinasi: Analisis Fatwa Malaysia dan Indonesia” (Norhidayah et al., 2017), “Implementasi Pendidikan Agama Islam di Masa Pandemi COVID-19” (Yusuf et al., 2020), “Evolusi SARS-CoV-2 dalam Perspektif Wahyu Memandu Ilmu” (Ateng et al., 2020), “Sikap Keberagaman Masyarakat Muslim Menghadapi COVID-19” (Dadang, 2020), “*Public Health Risks Related to Communicable Diseases During the Hajj 2019, Saudi Arabia, 9–14 August 2019*” (European Centre for Disease Prevention and Control, 2019), “*Improving Health Care Delivery Through Islamization of Medical Practice*” (Yousuf et al., 2018), “*The Effect of Quran Recitation to Pain and Comfort Feeling on Patients with Reduced Consciousness in UNS Hospital*” (Hanafi et al., 2019), “*Analysis of Circumspections of COVID-19 in the Light of Islam*” (Qurratul, 2020), “*Islamic Healing in Ghana: a Study of the Salwat Health Restoration Hospital*” (Fadalulai, 2018), “*Islamic Psychotherapy in the Pandemic of COVID-19*” (Sabrida, 2020), “*Fighting Pandemics: Inspiration from Islam*” (Hamid et al., 2020), “*al-Mausu’ah al-Tibbiyyah al-Fiqhiyyah*” (Kan’an, 2000), “Merekonstruksi Alam dalam Kajian Sains dan Agama Studi Kasus pada Masa Pembatasan Sosial Berskala Besar (PSBB) Dampak COVID-19” (Hariman et al., 2020), “*Mujāhadah al-Nafs Among COVID-19 Patients in Quarantine*” (Zaki et al., 2020), “*A Practical Journey in Implementing a Shari’ah Compliant Hospital: An Nur Specialist Hospital’s Experience*” (Shaharom et al., 2018), “*Mafhum al-Tibb al-Wiqa’i*” (Islam, 2016), “*Mafhum al-Wiqayah Al-Sihhiyyah fi al-Islam*” (Talal, 2016), “*Mafhum al-Hajr al-Sihhy*” (Sana’, 2016), “*Mafhum al-Tibb al-Nabawi*” (Isra’, 2016), “*Kaifa U’alij Nafsi min al-Ikti’ab Bi al-Quran*” (Marwan, 2018), “*Kaifa ‘Alaj al-Rasul al-Ikta’ab*” (Talal, 2018), “*Al-Tibb al-‘Ilaji*” (Sarah, 2018), “*Al-Tibb al-Wiqa’i fi al-Sunnah al-Nabawiyyah al-Syarifah*” (Islam, 2016), “*Al-Hawi fi al-Tibb*” (al-Razi, 2000), “*Al-Tibb al-Nabawi*” (Ibnu Qayyim, 2000), “*Min Ilmi al-Tibb al-Qur’ani: al-Thawabit al-Ilmiyyah fi al-Qur’an al-Karim*” (Adnan, 2001), “Keajaiban Sains” (Yusof, 2015), “Konsep Perubatan Islam” (Danial, 1988), “*Critical Review of Reciting al-Quran in Restoring the Resilience and Mental Health Among Quarantined Covid-19 Patients*” (Ab Rahman et al., 2020), “*Religion as a Social Determinant of Health in Muslim Countries: The Implementation of Positive Health Promotion*” (Perri, 2016), dan “*Critical Review of Positive Behavior and Resilience in Islamic Perspective During the COVID-19 Pandemic*” (Ab Rahman et al., 2020).

Pengkaji mendapati bahawa terdapat tiga fokus utama kajian yang dibawa oleh para sarjana Islam di atas berkaitan panduan amalan pencegahan penularan pandemik ini, iaitu dari sudut fizikal, emosi dan rohani.

1. Fizikal

Dari aspek fizikal, cara hidup Nabi Muhammad SAW di abad ke-21 ini adalah sangat relevan kerana baginda telah mengajar umatnya cara penjagaan dan pencegahan diri sejak 1400 tahun yang lalu (Aisha, 2009). Menurut Danial (1988), amalan hidup yang sihat amat penting agar seseorang itu dapat menyelamatkan diri daripada terkena sebarang penyakit. Antara amalan tersebut ialah menutup bekas makanan pada waktu malam untuk mengelak daripada dihinggapi wabak sebagaimana sabda Rasulullah SAW dalam sebuah hadith yang diriwayatkan Imam Muslim daripada Jabir RA yang bermaksud:

Tutuplah bejana dan tutuplah tempayan kerana pada suatu malam dalam setahun penyakit menular berjangkit. Setiap bejana atau tempayan yang didapatinya tidak tertutup, nescaya benih penyakit itu akan hinggap ke dalam bejana itu. (Riwayat Muslim)

Selain daripada itu ialah perintah kawalan pergerakan. Menurut Pejabat Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Hal Ehwal Agama) (2020), umat Islam negara ini tidak digalakkan mengunjungi negara China susulan penularan wabak COVID-19 ini. Mereka yang tinggal di dalam penempatan terkena musibah juga dilarang keluar daripada kawasan terbabit. Terdapat beberapa hikmah mengapa Rasulullah SAW menyarankan agar kawalan pergerakan ini dilaksanakan iaitu menjauhi sebab-sebab yang boleh membinasakan manusia, mengutamakan kesihatan (kesejahteraan) yang mana ia adalah asas dalam kehidupan manusia, larangan menjauhi udara yang telah dicemari kerana dibimbangi akan menyebabkan lebih ramai yang sakit, menjarakkan diri dari orang yang telah terkena penyakit sekaligus menjadi langkah pencegahan dari penyebaran wabak dan menyelamatkan diri dari kebergantungan kepada kepercayaan yang salah. Berdasarkan sabda Nabi SAW yang bermaksud:

Sekiranya kamu mendengar tentang (penyebaran) wabak di sesuatu tempat, maka janganlah kamu masuk. Dan sekiranya kamu sudah berada dalam kawasan (penularan wabak) tersebut, maka janganlah kamu keluar darinya. (Riwayat al-Bukhari)

Menurut Ahmad (2020), Nabi SAW memberikan nasihat agar muslim mesti menjauhi mereka yang dijangkiti pesakit kusta sepertimana mereka melarikan diri dari singa. Ini sebagai langkah pencegahan bagi mengelakkan manusia daripada ditimpa penyakit. Berdasarkan sabda Nabi SAW yang bermaksud:

Tidak ada jangkitan penyakit, tiada ramalan buruk, tiada sial burung hantu dan tiada sial bulan Safar, dan larilah daripada pesakit kusta sebagaimana kamu lari daripada singa. (Riwayat al-Bukhari)

Menurut Sana' (2016) kuarantin perlu dilaksanakan di tempat berlakunya sesuatu wabak agar ia tidak tersebar dengan lebih luas ke kawasan lain melalui percampuran di antara mangsa dan orang yang sihat. Menurut Musferah et. Al. (2020), hadith yang menjadi asas kepada kaedah pengasingan atau kuarantin orang yang sakit daripada orang yang sihat ialah pada asasnya hadis ini merujuk kepada arahan mengasingkan binatang yang sakit daripada mendekati binatang yang sihat. Berdasarkan sabda Nabi SAW yang bermaksud:

Janganlah didatangkan yang sakit kepada yang sihat. (Riwayat al-Bukhari)

Menurut Ahmad (2020), ada dalam kalangan manusia yang tidak berusaha untuk mengelakkan diri daripada ditimpa wabak penyakit, bahkan ada di antara mereka yang melanggar perintah kerajaan. Mereka kemudiannya mendakwa, "kami adalah orang yang bertawakal." Mereka sebenarnya telah melakukan kesalahan dalam bertawakal kerana seseorang itu seharusnya berusaha dahulu sebelum mengakui dirinya telah bertawakal kepada Allah. Berdasarkan sabda Nabi SAW yang bermaksud:

Sesungguhnya ahli Yaman datang menunaikan haji dan mereka tidak membawa sebarang bekalan. Lalu mereka berkata, "Kami adalah orang-orang yang bertawakal." Kemudian, apabila mereka tiba di Makkah, mereka meminta-minta daripada manusia di sana. Lalu, Allah menurunkan ayat: "*Dan sediakanlah bekalan maka sebaik-baik bekalan adalah takwa.*" (Riwayat al-Bukhari)

Menurut Ahmad (2020), keperluan rawatan dan proses pengubatan itu adalah harus dan tidaklah wajib, mengabaikannya pula adalah dikeji melainkan buat mereka yang mempunyai keazaman yang tinggi. Berdasarkan sabda Nabi SAW yang bermaksud:

Berubatlah wahai hamba Allah, kerana sesungguhnya Allah tidak akan menurunkan satu penyakit melainkan disertakan padanya penawar (buat penyakit tersebut). (Riwayat Ibn Hibban)

Menurut Yousuf (2018), menyatakan amalan menjaga kebersihan sangat penting untuk mencegah diri daripada dihinggapi penyakit seperti kerap membasuh tangan. Berdasarkan hadith Nabi SAW yang bermaksud:

Kebersihan itu adalah sebahagian daripada iman. (Riwayat Muslim)

Mukhlas (2013) dan Anita (2014) pula menyatakan bahawa amalan pemakanan yang halal dan baik dapat mencegah seseorang muslim itu daripada penyakit. Sebagai contoh, menurut al-Ka'bi (2020), Allah SWT melarang manusia daripada makan darah dan bangkai kerana terdapat hikmah yang sungguh hebat. Dihalalkan hamba-Nya memakan makanan yang baik untuk menjaga roh dan jasad. Ini kerana dalam makanan yang kotor terdapat banyak bakteria yang boleh merosakkan diri manusia dan boleh menyebabkan penyakit yang berbahaya. Berdasarkan firman Allah SWT yang bermaksud:

“Wahai manusia, makanlah apa-apa yang di atas muka bumi yang halal dan yang baik.” (Al-Baqarah:168)

Menurut Zulkifli (2020), umat Islam digalakkan untuk mengamalkan kurma ‘ajwa untuk mencegah daripada penyakit. Berdasarkan hadith Nabi SAW yang bermaksud:

Sesiapa yang memakan tujuh biji kurma ajwah pada waktu pagi, tidak akan memberi mudarat sebarang racun mahupun sihir kepadanya pada hari tersebut. (Riwayat al-Bukhari)

Menurut Fadalulai (2018), Nabi SAW telah mengajar umatnya supaya memakan biji habbatus sauda' untuk menyembuhkan sebarang penyakit. Berdasarkan hadith Nabi SAW yang bermaksud:

Habbatus sauda boleh menyembuhkan semua penyakit kecuali *al-sam*. Aishah bertanya, “Apakah itu *al-sam*?” Jawab Baginda SAW, “Mati”. (Riwayat al-Bukhari)

Begitu juga dengan mengamalkan madu kerana ia banyak khasiatnya. Menurut al-Imam Ibnu al-Qayyim al-Jawziyyah (2000), madu mempunyai faedah yang sangat hebat. Berdasarkan firman Allah SWT yang bermaksud:

“Daripada perut lebah itu keluar minuman (madu) yang pelbagai jenis warnanya, di dalamnya terdapat ubat yang menyembuhkan bagi manusia.” (Al-Nahl: 69)

Menurut Zulkifli (2020), mengamalkan minum air zam-zam juga dapat mencegah dan menyembuhkan penyakit. Berdasarkan hadits Nabi SAW yang bermaksud:

Air zamzam adalah bergantung kepada siapa yang meminumnya. (Riwayat Ibnu Majah).

2. Mental

Menurut Pejabat Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Hal Ehwal Agama) (2020) berdasarkan firman Allah SWT yang bermaksud:

“Demi sesungguhnya Kami akan menguji kamu dengan sedikit perasaan takut (kepada musuh) dan (dengan merasai) kelaparan dan (dengan berlakunya) kekurangan dari harta benda dan jiwa serta hasil tanaman. Dan berilah khabar gembira kepada orang-orang yang sabar – (iaitu) orang-orang yang apabila mereka ditimpa oleh sesuatu musibah (kesusahan) mereka mengucapkan, ‘Sesungguhnya kami adalah kepunyaan Allah dan kepada Allah jualah kami kembali.’” (Al-Baqarah: 155-156)

Pada ayat ini, Allah SWT memberi khabar bahawa Dia menguji hamba-hamba-Nya yang beriman dengan beberapa ujian di saat mereka berada dalam keadaan suka dan duka, dan kesemua mereka akan mendapat pahala jika mereka bersabar terhadapnya. Mereka kemudiannya mengucapkan lafaz *istirja*’ (إنا لله وإنا إليه راجعون) bukti sebagai seorang yang sabar dan syukur.

Menurut Ahmad (2020), ujian penularan wabak penyakit adalah azab buat manusia. Namun di sisi muslim, ia boleh dianggap sebagai rahmat buat mereka yang menghadapinya dengan penuh muhasabah dan kesabaran. Hal ini berdasarkan sabda Nabi SAW yang bermaksud:

Ia adalah azab yang diutuskan oleh Allah SWT kepada sesiapa yang Dia kehendaki dan Allah SWT menjadikannya sebagai rahmat buat orang-orang yang beriman. Tidak ada seorang pun yang ditimpa wabak taun ini sedangkan dia duduk di dalam negeri tempatnya dengan penuh kesabaran dan bermuhasabah, dan dia faham bahawa tiada sesuatu yang menyimpannya melainkan semuanya telah ditentukan oleh Allah SWT, melainkan dia akan mendapat pahala seperti pahala syahid. (Riwayat al-Bukhari)

Menurut al-Imam Ibn Hajar (1997), hadis ini menekankan dari aspek disiplin seorang Muslim dalam menghadapi suasana wabak. Muslim seharusnya mengimani bahawa wabak yang melanda ini adalah ketentuan dari Allah, mereka seharusnya mampu mengawal diri mereka di rumah, bersabar atas segala ujian yang menimpa mereka serta meyakini bahawa tidak ada sesuatu pun yang berlaku melainkan atas ketentuan Allah. Andai sekiranya semua ciri-ciri ini dimiliki oleh seorang muslim, maka beliau berhak mendapat ganjaran seperti pahala syahid, seperti yang disebutkan di dalam hadith.

Menurut Ahmad (2020), salah satu ujian yang akan diberikan kepada umat ini adalah kemunculan wabak-wabak serta penyakit-penyakit baharu yang tidak pernah berlaku kepada umat terdahulu. Wabak penyakit ini datang adalah disebabkan kerana maksiat serta kerosakan yang dilakukan oleh manusia sendiri secara terang-terangan. Disebabkan terlalu banyak kerosakan, maksiat serta kemungkaran yang dilakukan oleh manusia, Allah datangkan satu penyakit yang tidak pernah wujud sebelum ini. Berdasarkan sabda Nabi SAW yang bermaksud:

Tidak akan terzahir sesuatu kejahatan sesuatu kaum sehinggalah mereka menzahirkannya (melakukan kejahatan maksiat secara terang-terangan) melainkan akan tersebar kepada mereka wabak penyakit taun, dan penyakit-penyakit yang tidak pernah datang kepada umat terdahulu. (Riwayat Ibnu Majah).

Menurut Zulkifli (2020), sekiranya menyelamatkan nyawa binatang sahaja pun telah diampunkan dosa, dipuji oleh Allah dan dianugerahkan syurga, apatah lagi pahala mereka yang menyelamatkan nyawa manusia. Maka, beruntunglah petugas barisan hadapan (petugas kesihatan dan keselamatan). Berdasarkan sabda Nabi SAW yang bermaksud:

Ketika seorang lelaki berjalan, dia merasa sangat dahaga. Lalu dia masuk ke dalam sebuah perigi dan meminum air daripadanya. Kemudian dia keluar dari perigi itu. Tiba-tiba dia terlihat seekor anjing sedang menjelir-jelir dan menjilat tanah kerana dahaga. Lalu dia berkata, “Anjing ini telah merasai apa yang telah aku rasai sebentar tadi.” Lalu, dia turun ke dalam perigi dan memenuhkan air di dalam kasutnya (stokin kulitnya/khuf), kemudian dia memegangnya (menggigit khuf) dengan mulutnya dan memanjat semula. Lantas, dia memberi anjing tersebut minum. Allah berterima

kasih kepada lelaki tersebut dan mengampuninya. Para sahabat RA berkata, “Wahai Rasulullah, sekiranya kami berbuat baik kepada haiwan, adakah kami akan mendapat balasan kebaikan?” Rasulullah SAW bersabda, “Pada setiap hati yang basah (hidup), pastinya mendapat pahala.” (Riwayat al-Bukhari).

3. Rohani

Menurut Pejabat Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Hal Ehwal Agama) (2020) dalam keadaan penularan wabak yang sangat kritikal seperti hari ini, umat Islam diberikan kelonggaran untuk menunaikan solat berjemaah di rumah sahaja. Ini bagi mengawal penularan penyakit dari lebih mudah tersebar ketika perhimpunan manusia di masjid berlaku. Berdasarkan sabda Nabi SAW yang bermaksud:

Setelah engkau mengucapkan “*Asyhadu An La Ilaha Illallah wa Asyhadu Anna Muhammadan Rasulullah,*” maka janganlah engkau sebutkan “*Hayya ‘Ala Solat*” tetapi ucapkanlah “*Sollu Fi Buyutikum.*” Para pendengar ketika itu seakan terkejut dan membantah. Lalu, Abdullah ibn Abbas RA berkata, “Apakah kamu terkejut? Sesungguhnya perkara ini pernah dilakukan oleh orang yang lebih baik dariku (iaitu Rasulullah). Sesungguhnya solat Jumaat merupakan suatu kewajiban, dan aku tidak suka untuk menyusahkan kamu apabila terpaksa keluar berjalan dalam lumpur dan licin.” (Riwayat al-Bukhari).

Dalam perihal solat Jumaat pula, Pejabat Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Hal Ehwal Agama) (2020) menegaskan bahawa mereka yang bimbang akan keselamatan diri mereka diberikan keuzuran untuk tidak hadir masjid untuk menunaikan solat Jumaat. Berdasarkan sabda Nabi SAW yang bermaksud:

Barang siapa yang mendengar orang yang melaungkan azan dan tidak ada sebarang keuzuran yang menghalangnya (dari menunaikan solat berjemaah, maka hendaklah dia menunaikan solat secara berjemaah). Para sahabat bertanya, “Apa keuzuran (yang dibenarkan wahai Rasulullah)?” Jawab Rasulullah SAW, “Ketakutan atau sakit. (Jika tiada kedua keuzuran ini) maka, solatnya tidak diterima.” (Riwayat Abu Dawud).

Di samping itu, terdapat kelonggaran dalam kaedah menunaikan solat. Menurut Ahmad (2020), seseorang perlu menutup mulut mereka bagi mengelakkan daripada virus menjangkiti melalui ruang pernafasan dan mulut. Maka, dalam situasi sebegini, solat sambil memakai topeng penutup muka adalah diharuskan. Berdasarkan sabda Nabi SAW yang bermaksud:

Bahawasanya apabila Nabi SAW bersin, Baginda menutup wajah dengan tangannya atau kainnya sambil merendahkan suaranya. (Riwayat al-Tirmidhi).

Petugas kesihatan juga diharuskan menjamakkan solat. Kelonggaran ini telah dipersetujui oleh Pejabat Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Hal Ehwal Agama) (2020) yang melihat keharusan pelaksanaan jamak solat bagi petugas barisan hadapan yang menghadapi kesempitan dalam mendapatkan senggang waktu untuk solat. Berdasarkan sabda Nabi SAW yang bermaksud:

Daripada Ibn Abbas RA berkata bahawa Rasulullah SAW pernah menjamakkan solat di antara solat zuhur dengan asar dan di antara solat maghrib dengan isyak di Madinah tanpa ada sebarang perkara yang menakutkan atau hujan (iaitu situasi yang sukar buat muslim menunaikan solat). Lalu, Ibn Abbas RA ditanya, “Apa tujuan Nabi SAW buat sedemikian?” Ibnu Abbas RA menjawab, “Baginda tidak ingin menyusahkan umatnya.” (Riwayat Muslim)

Kita juga perlu saling membantu sesama muslim. Menurut Ahmad (2020), sekatan serta kawalan pergerakan telah banyak menyekat beberapa saudara muslim daripada keluar berniaga. Ini menyebabkan pendapatan harian mereka terjejas. Justeru, sebagai saudara sesama muslim, adalah menjadi kewajipan kita membantu saudara muslim kita yang ditimpa kesusahan. Berdasarkan sabda Nabi SAW yang bermaksud:

Daripada Abdullah bin Umar RA berkata, Rasulullah SAW bersabda, “Barang siapa (yang memenuhi) keperluan saudaranya, maka Allah akan bersamanya (membantu) keperluan dirinya; barang siapa yang melapangkan urusan kesusahan seorang muslim, maka Allah akan melapangkan kesusahan daripada kesusahannya di akhirat kelak. Barang siapa yang menutup aib saudaranya, maka Allah akan menutup aibnya di akhirat kelak.” (Riwayat al-Bukhari)

Amalan bersedekah juga amat penting di waktu ini. Menurut Zulkifli (2020), Rasulullah SAW memerintahkan muslim agar menunaikan solat, berdoa, beristighfar dan bersedekah ketika berlaku gerhana atau insiden yang membimbangkan. Berdasarkan sabda Nabi SAW yang bermaksud:

Daripada Aisyah RA, beliau menceritakan tentang khutbah Nabi SAW setelah selesai Baginda menunaikan solat gerhana. Sabda Rasulullah SAW, “Sesungguhnya matahari dan bulan adalah bukti kebesaran Allah. Tidaklah berlaku sesuatu gerhana itu disebabkan oleh kematian seseorang mahupun disebabkan kelahiran seseorang. Apabila kamu menyaksikan gerhana maka hendaklah kamu berdoa kepada Allah, bertakbir kepada-Nya, menunaikan solat dan bersedekah.” (Riwayat Muslim).

Begitu juga digalakkan menghidupkan rumah dengan aktiviti solat jemaah. Berdasarkan sabda Nabi SAW yang bermaksud:

Daripada Ibn Umar RA, daripada Nabi SAW, “Hidupkanlah rumah-rumah kamu dengan solat kamu. Dan janganlah jadikan rumah kamu seperti kubur.” (Riwayat Muslim).

Selain itu, banyakkann bersabar dan reda atas segala ketentuan, sentiasa berwuduk, berzikir, berselawat, membaca al-Quran, beristighfar, amalkan solat fardu di awal waktu, pelihara solat sunat rawatib, solat duha, solat tahajjud dan solat witr serta sentiasa berdoa ialah antara amalan yang sangat penting bagi seorang muslim untuk sentiasa mendapat perlindungan daripada Allah SWT, dan dapat mencegah daripada terkena sebarang penyakit sepertimana yang disarankan oleh Baginda Nabi SAW. (Zulkifli, 2020). Berdasarkan sabda Nabi SAW yang bermaksud:

Daripada Anas RA, Rasulullah SAW bersabda, “Sesungguhnya besarnya ganjaran pahala seseorang itu datang bersama besarnya ujian bala terhadapnya. Dan sesungguhnya sekiranya Allah menyayangi seseorang kaum, maka, Dia akan menimpakan kaum itu dengan ujian. Andainya mereka reda dengan ujian tersebut, maka, dia akan mendapat keredaan Allah. Namun, sekiranya dia marah dengan ujian bala tersebut, maka dia akan ditimpa kemarahan daripada Tuhan.” (Riwayat Ahmad)

Menurut Tazkiyah (2020), mukmin yang solat fardu subuh di awal waktu akan berada dalam perlindungan Allah SWT berdasarkan hadits Nabi SAW yang bermaksud:

Barang siapa yang solat fardu subuh, maka dia berada dalam perlindungan Allah. (Riwayat Muslim)

Seterusnya menurut Zulkifli (2020), seorang muslim mestilah mengamalkan doa-doa seperti yang dibaca oleh Nabi SAW. Antara doa tersebut ialah berdasarkan hadits yang bermaksud:

Barang siapa yang membaca:

بِسْمِ اللَّهِ الَّذِي لَا يَضُرُّ مَعَ اسْمِهِ شَيْءٌ فِي الْأَرْضِ وَلَا فِي السَّمَاءِ وَهُوَ السَّمِيعُ الْعَلِيمُ
sebanyak tiga kali (pada waktu pagi dan petang), maka dia tidak akan ditimpa sebarang bala secara mengejut sehinggalah ke waktu pagi. Dan barang siapa yang membacakan zikir ini pada waktu pagi, maka dia tidak akan ditimpa sebarang bala secara mengejut sehinggalah petang. (Riwayat Abu Dawud).

Daripada Anas RA, sesungguhnya Nabi SAW berdoa:

اللَّهُمَّ إِنِّي أَعُوذُ بِكَ مِنَ الْبَرَصِ وَالْجُنُونِ وَالْجَذَامِ، وَمِنْ سَيِّئِ الْأَسْقَامِ
Ya Allah aku berlindung dengan-Mu daripada penyakit sopak, gila, kusta dan penyakit-penyakit yang buruk. (Riwayat Abu Dawud)

Daripada Ibn Umar RA berkata bahawa Rasulullah SAW tidak pernah meninggalkan doa ini setiap pagi dan petang, iaitu:

اللَّهُمَّ إِنِّي أَسْأَلُكَ الْعَافِيَةَ فِي الدُّنْيَا وَالْآخِرَةِ اللَّهُمَّ إِنِّي أَسْأَلُكَ الْعَفْوَ
وَالْعَافِيَةَ فِي دِينِي وَدُنْيَايَ وَأَهْلِي وَمَالِي اللَّهُمَّ اسْتُرْ عَوْرَاتِي

Wahai Tuhanku, aku memohon daripada-Mu keselamatan di dunia dan akhirat. Wahai Tuhanku, aku memohon daripada-Mu keamanan dan kesejahteraan pada urusan agamaku dan urusan duniaku, (kurniakanlah kesejahteraan) buat ahli keluargaku dan hartaku. Wahai Tuhanku, tutuplah auratku. (Riwayat Abu Dawud)

Menurut Tazkiyah (2020) juga, amalan membaca doa pelindung sewaktu keluar rumah akan menjamin peliharaan Allah SWT berdasarkan hadith Nabi SAW yang bermaksud:

Sesiapa yang membaca doa sewaktu keluar rumah:

بِسْمِ اللَّهِ تَوَكَّلْتُ عَلَى اللَّهِ وَلَا حَوْلَ وَلَا قُوَّةَ إِلَّا بِاللَّهِ

“Dengan Nama Allah, saya bertawakal kepada Allah, dan tidak ada kekuatan untuk melakukannya baik atau kekuatan untuk menentang kejahatan kecuali dengan (Pertolongan Allah).” Kamu telah mendapat petunjuk, dicukupkan keperluanmu (iaitu keperluanmu telah dijaga), kamu telah dilindungi. (Riwayat Abu Dawud)

Menurut al-Sa’dawi (2020), tidak ramai yang mengetahui tentang sunnah Nabi SAW dan sirahnya. Amalan kuarantin telah diamalkan sejak zaman Baginda Nabi SAW, maka amat perlunya kajian tentang sunnah Nabi SAW dan sirahnya serta mengambil pengajaran daripadanya. Yusof (2020) menasihati para pengkaji agar mengkaji hadith-hadith yang berkaitan tentang rawatan pencegahan dalam sunnah Nabi SAW dan mengeluarkan kaedah-kaedah yang diamalkan oleh Rasulullah SAW untuk mengelakkan jangkitan penyakit. Di samping membuat perbandingan tindakan Rasulullah SAW sebelum berlaku sesuatu wabak dan selepas tersebarnyanya wabak itu untuk menjelaskan kemukjizatan Baginda Nabi SAW dalam mendahului dunia perubatan moden hari ini. Bagaimanapun aspek pencegahan pandemik secara khusus berpandukan al-Quran dan al-Sunnah dikaji dengan tidak menyeluruh.

Justeru, satu penyelidikan tentang panduan ulama Islam berkaitan amalan pencegahan penularan pandemik mengikut cara al-Quran dan hadith Nabi SAW sesuai dan wajar dilaksanakan untuk menjawab persoalan di atas agar suasana cemas (panic) dan bimbang dalam kalangan masyarakat muslim dapat dikurangkan dan agar penyakit atau pandemik tidak mudah dijangkiti kepada mereka.

Kajian ini diharapkan agar dapat menyumbang kepada masyarakat Malaysia khususnya masyarakat muslim tentang cara yang paling baik untuk menghindari daripada serangan pandemik pada setiap masa, tidak kira di mana sahaja mereka berada melalui panduan ulama Islam tentang amalan pencegahan penularan pandemik sepertimana yang difirmankan oleh Allah SWT di dalam al-Quran dan sebagaimana yang disabdakan oleh baginda Nabi Muhammad SAW dalam hadithnya. Secara tidak

langsung, kajian ini dapat mendekatkan umat Islam kepada cara hidup seorang mukmin yang sejati dan bertakwa berlandaskan al-Quran dan al-Sunnah demi mencapai keredhaan Allah SWT sebagaimana sabda Nabi Muhammad SAW:

بَلِّغُوا عَنِّي وَلَوْ آيَةً

Sampaikanlah daripadaku walaupun satu ayat (Riwayat al-Bukhari)

Kesimpulan

Daripada perbincangan di atas dapat disimpulkan bahawa terdapat banyak kajian tentang pandemik telah dilakukan oleh para sarjana sebelum ini iaitu dari aspek pencegahan fizikal, mental dan rohani. Walau bagaimanapun amalan berkaitan pencegahan pandemik secara khusus berpandukan al-Quran dan al-Sunnah di Malaysia khususnya dan di luar negara amnya dikaji dengan tidak menyeluruh. Ini kerana pandemik ini masih baharu dan masih tiada vaksin yang boleh menyembuhkannya melainkan dengan cara penjagaan dan pencegahan yang rapi daripada setiap individu itu sendiri pada setiap masa. Sehingga Allah SWT mengangkat virus COVID-19 ini dan menghapuskannya daripada muka bumi ini. Walaupun cara pencegahan penularan pandemik ini telah melalui jangka waktu yang lama iaitu lebih 1400 tahun yang lalu, namun ia masih tetap relevan dan akan terus diamalkan oleh umat Islam sejak dulu, kini dan selamanya untuk menangani masalah pandemik.

Justeru, diharapkan kajian ini boleh dijadikan bahan bacaan dan rujukan ahli ilmu, para perawat, pesakit dan masyarakat muslim khususnya agar tidak terkena jangkitan wabak ini, di samping boleh dibuat bahan kajian seterusnya dari sudut yang lain. Amalan para sarjana Islam dalam mencegah penularan pandemik dan menghilangkan kemudaratan pada sesama Islam dari segenap lapisan masyarakat muslim adalah dalam ruang lingkup *amar ma'ruf*, manakala membiarkan diri terdedah dengan pandemik tanpa sebarang pencegahan merupakan perkara *nahy mungkar*. Bayangkan jika pandemik itu dibiarkan bebas berjangkit tanpa kawalan, nescaya hidup manusia tidak akan pernah tenteram.

Oleh itu, jelas apa yang diwahyukan oleh Allah SWT dan apa yang diucapkan Rasullullah SAW itu benar, tepat dan praktikal sepanjang zaman. Hal ini kerana segala yang dianjurkan itu berkait rapat dengan kesejahteraan manusia dan turut memelihara keutuhan jasmani, emosi, dan rohani masyarakat muslim dari sebarang ancaman. Hasilnya dapat mewujudkan persekitaran yang lebih selamat dan harmoni serta bebas daripada penularan pandemik.

Rujukan

- Abdullah bin Muhammad Basmieh. 2011. *Tafsir Pimpinan al-Rahman Kepada Pengertian al-Quran 30 Juzuk*. Kuala Lumpur: Darul Fikir.
- Ensiklopedia Hadith al-Kutub al-Sittah (Sahih al-Bukhari)*. 1431H/2011. Edisi 1. Jakarta: Almahira.
- Ensiklopedia Hadith al-Kutub al-Sittah (Sahih Muslim)*. 1432H/2012. Edisi 1. Jakarta: Almahira.
- Abdullah F. 2019. Medical and Islamic Perspectives on Human Immunodeficiency Virus Infection and its Prevention. *IMJM*. 18(2):
- Abdul ‘Aali, Bay Zakub. 2020. *Mu’alajah al-Amrad Fi Daw’ al-Quran al-Karim: Dirasah Mawdu’iyyah*. The 3rd International Conference on Contemporary Islamic Studies and Emerging Issues. Faculty of Islamic Sciences, Al-Madinah International University and Faculty of Islamic Studies, The National University of Malaysia. 29 - 30 September 2020.
- Abu Dawud, Sulayman bin al-Ash^{ath}. 1419H/1999. *Sunan Abi Dawud*. al-Sayyid Muhammad Sayyid, ‘Abd al-Qadir ‘Abd al-Khayr, Sayyid Ibrahim (pnyt.). al-Qahirah: Dar al-Hadith.
- Abu Saufi Abdullah. 1999. *Perubatan Dengan Kemukjizatan Al-Quran*. Batu Caves: Penerbitan Darul Iman Sdn. Bhd.
- Ahmad bin Hanbal. 1996. *Musnad Ahmad*. Bayrut: Mu’assasah al-Risalah.
- Ahmad, Yusuf al-Hajj. 2010. *The Islamic Guideline on Medicine*. Riyadh: Darussalam.
- Ahmad, Yusuf al-Hajj. 2015. *Keajaiban Sains dalam al-Quran dan Hadis*. Kuala Lumpur: Seif Solution.
- Amina Haji Noor. 2000. *Hikmah Menjaga Kesihatan Diri*. Batu Caves: Penerbitan Darul Iman Sdn. Bhd.
- Anita Abdul Rahman. 2014. A Review of the Islamic Approach in Public Health Practices. *International Journal of Public Health and Clinical Sciences*. 1(2).
- Al-‘Asqalani, Ahmad bin Ali bin Hajar. 1997. *Fath al-Bari Sharh Sahih al-Bukhari*. Al-Riyadh: Maktabah Dar al-Salam.
- Al-Bankani, Abu Anas Majid. 2004. *Sahih al-Tibb al-Nabawi*. Al-Abdaly: Dar al-Nafa’is.
- Basri bin Ibrahim. 2004. *Rawatan Dalam Islam*. Johor Bahru: Perniagaan Jahabersa.
- Al-Bayumi, Ibrahim Muhammad. 2020. *Manhaj al-Islam Fi al-Ta’amul Ma’a al-Awbi’ah*. The 3rd International Conference on Contemporary Islamic Studies and Emerging Issues. Faculty of Islamic Sciences, Al-Madinah International University and Faculty of Islamic Studies, The National University of Malaysia, 29 - 30 September 2020.
- al-Bukhari, Muhammad bin Isma^{‘il}. 1413H/1993. *Sahih al-Bukhari*. Mustafa Dib al-Bugha (pnyt.). Damshiq: Dar al-‘Ulum al-Insaniyyah.
- Danial Zainal Abidin. 1988. *Konsep Perubatan Islam*. Pulau Pinang: Pustaka Nahnu.
- Danial Zainal Abidin. 2015. *Perubatan Islam dan Bukti Sains Moden*. Batu Caves: PTS Millennia Sdn. Bhd.
- European Centre For Disease Prevention. 2019. *Public health risks related to communicable diseases during the hajj 2019*. Stockholm.
- Hafiz Firdaus Abdullah. 2012. *Kaedah Memahami Hadis Musykil*. Johor Bahru: Perniagaan Jahabersa.

- Al-Hamawy, A'Ti bin Abd al-Karim. 2003. *Al-Ahkam al-Nabawiyah Fi al-Sina'ah al-Tibbiyyah*. Bayrut: Dar Ibn Hazm.
- Ibn Majah, Abu Abdullah Muhammad bin Yazid. 1997. *Sunan Ibnu Majah*. al-Riyadh: Maktabah al-Ma'arif.
- Ibn Manzur. 2003. *Lisan al-Arab*. Al-Qahirah: Dar al-Ma'arif.
- Ibn Qayyim al-Jawziyah, Muhammad ibn Abi Bakr. 2000. *Sistem Perubatan Nabi: Kesihatan dan Perubatan Menurut Petunjuk Nabi Muhammad SAW*. Kuala Lumpur: ALBAZ Publishing.
- Idrus H. Alkaf. 1995. *Cara Rawatan Diri dan Pengubatan*. Kuala Lumpur: Darul Nu'man.
- Al-Ka'bi, Latifah Munadi. 2020. Al-Manhaj al-Qur'ani fi al-Ta'amul Ma'a al-Amrad wa al-Awbi'ah. The 3rd International Conference on Contemporary Islamic Studies and Emerging Issues. Faculty of Islamic Sciences, Al-Madinah International University and Faculty of Islamic Studies, The National University of Malaysia. 29 - 30 September 2020.
- Al-Khatib, Huwaida Ahmad Qasim. 2020. Manhaj al-Qur'an al-Karim fi al-Ta'amul Ma'a al-Marad. The 3rd International Conference on Contemporary Islamic Studies and Emerging Issues. Faculty of Islamic Sciences, Al-Madinah International University and Faculty of Islamic Studies, The National University of Malaysia. 29 - 30 September 2020.
- Al-Maq'adi, Ali bin Hasan bin Abdah al-Shuhti. 2020. Manhaj al-Qur'an Wa al-Sunnah Fi al-Ta'amul Ma'a al-Awbi'ah Wa al-Amrad. The 3rd International Conference On Contemporary Islamic Studies and Emerging Issues. Faculty of Islamic Sciences, Al-Madinah International University and Faculty of Islamic Studies, The National University of Malaysia. 29 - 30 September 2020.
- Al-Minawi, Nazirah. 2020. Manhaj al-Sunnah al-Nabawiyah Fi al-Ta'amul Ma'a al-Amrad Wa al-Awbi'ah (Corona COVID-19 Namudhajan). The 3rd International Conference on Contemporary Islamic Studies and Emerging Issues. Faculty of Islamic Sciences, Al-Madinah International University and Faculty of Islamic Studies, The National University of Malaysia. 29 - 30 September 2020.
- Mohd Arip bin Kasmu. 2013. *Mukjizat Sainifik Dalam Sunnah Nabawiyah*. Seremban: Itqans Enterprise.
- Mohd Asri Zainul Abidin. 2020. *Islam Tuntut Umat Hindari Kemudaratan*. Harian Metro bertarikh 27/1/2020.
- Mohd Farhan Md Ariffin et al. 2015. Anjing Pembawa Virus Rabies: Signifikan dan Metode Interaksi Berasaskan Fiqh Al-Hadith. *Jurnal Intelek*. 10(1): 55-66.
- Mohd Farhan Md Ariffin et al. 2016. Cicak Penyebar Bakteria Salmonella: Signifikan dan Kaedah Interaksi Menurut Fiqh Al-Hadith. *Jurnal Intelek*. 10(2): 44-55.
- Mohd Farhan Md Ariffin et al. 2018. Leptospirosis Wabak Maut Dari Tikus: Analisis Berasaskan Fiqh al-Hadith. *Jurnal Islam dan Masyarakat Kontemporari*. 18(1).
- Mohd Farhan Md Ariffin et al. 2018. Vektor Zika dan Teknik Kawalan Haiwan Perosak Menurut Perspektif Hadis. *Journal of Ma'alim al-Quran wa al-Sunnah*. 14(1): 1-10.
- Mohd Farhan Md Ariffin. 2019. Isu Keselamatan Makanan Menurut Perspektif al-Hadith: Analisis Terhadap Perusahaan Kecil Dan Sederhana Di Lembah Klang. Tesis Doktor Falsafah, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya.

- Mohd Hilmi Mahmud et al. 2013. Kempen Pencegahan H1N1: Kajian Tentang Pengetahuan, Sikap dan Amalan Penduduk di Timur Laut Pulau Pinang. *Jurnal Komunikasi Malaysian Journal of Communication*. 29(1): 127-140.
- Mohammad Yousuf Rathor. 2018. Improving Health Care Delivery through Islamization of Medical Practice. *IMJM*. 17 (Special Issue 2).
- Muhammad, Abdul Qadir Sulaiman. 2020. Manhaj al-Sunnah Fi al-Ta'amul Ma'a al-Awbi'ah. The 3rd International Conference on Contemporary Islamic Studies and Emerging Issues. Faculty of Islamic Sciences, Al-Madinah International University and Faculty of Islamic Studies, The National University of Malaysia. 29 - 30 September 2020.
- Mukhlas Asy-Syarkani Al-Falahi. 2013. *Allah Doktorku; Wahyu Ubat Penyakitku*. Kuala Lumpur: Telaga Biru Sdn. Bhd.
- Muslim, Muslim bin al-Hajjaj. 1430H/2010. *Sahih Muslim*. Muhammad Fu'ad 'Abd al-Baqi (pnyt.). al-Qahirah: Dar al-Hadith.
- Norhidayah Pauzi. 2017. Masalah Dalam Vaksinasi: Analisis Fatwa Malaysia dan Indonesia. *Jurnal Fiqh*. 14: 27-50.
- Nurul Hidayah Sultan Ahmadi et al. 2017. Sorotan Literatur Terhadap Isu Penerimaan dan Penolakan Vaksin Menurut Perspektif Islam. *Al-Qanatir International Journal of Islamic Studies*. 8(2).
- Rifa'i, Atif Ibrahim. 2020. Manhaj al-Quran al-Karim fi al-Ta'amul Ma'a al-Awbi'ah wa al-Amrad. The 3rd International Conference on Contemporary Islamic Studies and Emerging Issues. Faculty of Islamic Sciences, Al-Madinah International University and Faculty of Islamic Studies, The National University of Malaysia. 29 - 30 September 2020.
- Al-Sa'dawi Sa'id Abd al-Jalil Mansur. 2020. Manhaj al-Sunnah al-Nabawiyah fi al-Ta'amul Ma'a al-Awbi'ah wa al-Amrad (al-Hijr al-Sihhi Namdhajan). The 3rd International Conference on Contemporary Islamic Studies and Emerging Issues. Faculty of Islamic Sciences, Al-Madinah International University and Faculty of Islamic Studies, The National University of Malaysia. 29 - 30 September 2020.
- al-Tirmidhi, Abu 'Isa Muhammad bin 'Isa. 1430H/2010. *al-Jami' al-Kabir (Sunan al-Tirmidhi)*. Shu'ayb al-Arna'ut et.al. (pnyt.). Damshiq: Dar al-Risalah al-'Alamiyyah.
- World Health Organization (WHO). 2018. *Managing Epidemics*. Geneva.
- Yusuf, Mansur Muhammad Ahmad. 2020. Qawa'id al-Ta'ammul Ma'a al-Awbi'ah Min Khilal al-Sunnah al-Nabawiyah. The 3rd International Conference on Contemporary Islamic Studies and Emerging Issues. Faculty of Islamic Sciences, Al-Madinah International University and Faculty of Islamic Studies, The National University of Malaysia. 29 - 30 September 2020.
- Kamus Dewan Edisi Keempat*. 2012. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Kamus Inggeris-Melayu Dewan*. 2002. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- <https://www.who.int/emergencies/diseases/novel-coronavirus-2019/situation-reports/>.
- <http://journalarticle.ukm.my/11466/1/16756-47169-1-SM.pdf>.
- <https://www.islamreligion.com/articles/2534/infection-control-in-islam/AishaStacey>. 2009.
- <https://www.alukah.net>
- <https://www.nytimes.com/2020>
- <https://www.cdc.gov/coronavirus/2019>
- https://mawdoo3.com/الوباء_ما_هو

https://mawdoo3.com/مفهوم_الطب_الوقائي. Islam Al-Zabun. 2016.
https://mawdoo3.com/الصحية_في_الاسلام_الوقاية_مفهوم. Talal Masy'al. 2016.
https://mawdoo3.com/من_الامراض_الوقاية_كيفية.
https://mawdoo3.com/مفهوم_الطب_النوي.Isra' Abd. Qadir. 2016.
https://mawdoo3.com/مفهوم_الحجر_الصحي. Sana' al-Duwaikat. 2016.
https://mawdoo3.com/كيف_علاج_الرسول_الاكتئاب. Talal Masy'al. 2018.
https://mawdoo3.com/كيف_أعالج_نفسي_من_الاكتئاب_بالقرآن. Muhammad Marwan. 2018.
[www.Kementerian Kesehatan Malaysia](http://www.Kementerian_Kesehatan_Malaysia).2020.
www.muftiwp.gov.my./7Februari 2020.

HADIS-HADIS KEPIMPINAN MENURUT TUAN GURU ABDUL HADI AWANG

Mohd. Luqman Arif Sakri
Program Sarjana Pengajian Islam (Pengajian al-Quran dan al-Sunnah)
Fakulti Pengajian Islam UKM
luqmansakri@yahoo.com

Latifah Abdul Majid
Pusat Kajian al-Quran dan al-Sunnah
Fakulti Pengajian Islam UKM

Abstrak

Tuan Guru Abdul Hadi Awang merupakan sosok yang terkenal dengan ketokohnya dalam bidang agama dan juga politik. Pendekatan politik yang dibawa sering memberi impak dan pengaruh yang besar terhadap lanskap politik tanah air. Sebagai seorang tokoh agama dan juga selaku presiden sebuah parti Islam, maka setiap apa yang dilakukan bersandarkan kepada al-Quran dan hadis. Oleh itu, kajian ini dilakukan bertujuan untuk mengkaji pemikiran Tuan Guru terhadap hadis-hadis kepimpinan. Metode yang digunakan dalam kajian ini adalah berbentuk kualitatif. Segala data yang diperolehi adalah berdasarkan analisis dokumen daripada karya-karya penulisan Tuan Guru terutamanya dalam bahasa Melayu. Manakala hadis yang dipilih adalah berdasarkan yang sering digunakan dalam penulisan beliau. Hal ini bertujuan untuk memberi tumpuan sepenuhnya terhadap pemikiran yang ingin diteliti. Dapatan menunjukkan bahawa setiap hadis yang diuraikan oleh Tuan Guru tidak terlepas daripada perbincangan mengenai pelaksanaan hukum Islam dan pemerintahan cara Islam serta nilai-nilai yang terdapat dalam ajaran Islam. Perkara ini menjadikan Tuan Guru dilihat sebagai seorang yang berpendirian teguh terhadap ajaran Islam dan juga sebagai seorang yang konsisten dalam perjuangan Islam.

Kata Kunci: Hadis *Siyasah*, Hadis Kepimpinan, Hadis Politik

Pendahuluan

Tuan Guru Abdul Hadi Awang merupakan seorang ulama tanah air yang terkenal dengan ketokohnya dalam bidang agama dan politik. Ini menjadikan beliau seorang yang sangat disegani dan dihormati sama ada di dalam mahupun luar negara. Penglibatan beliau dalam dunia politik telah memberi impak yang besar terhadap sistem pentadbiran di Malaysia terutama dalam perkara yang melibatkan kepimpinan. Selaku sosok yang berpegang teguh dengan ajaran agama Islam, beliau sering mempraktikkan tindakan politiknya berdasarkan apa yang diajarkan oleh Nabi Saw melalui sumber hukum kedua Islam iaitu hadis. Oleh yang demikian, penelitian mengenai hadis-hadis kepimpinan menurut pandangan Tuan Guru Abdul Hadi Awang wajar diketengahkan.

Definisi Kepimpinan

Kepimpinan menurut Block (1993), adalah sebuah tindakan yang dilakukan oleh individu dalam memberi arahan terhadap aktiviti berkumpulan demi mencapai tujuan yang dikongsi secara bersama. Abdullah & Ainon (2003) menyatakan, akauntabiliti dan tanggungjawab yang tepat sangat diperlukan dalam kepimpinan bagi memimpin seorang individu atau kumpulan atau organisasi atau masyarakat bahkan lebih besar iaitu negara. Muhammad Nasri & Ab. Aziz (2005) menyebutkan, perkara asas yang perlu ada dalam sebuah komuniti tidak kira ianya kecil atau besar adalah seorang pemimpin. Bahkan dalam Islam, konsep kepimpinan telah lama wujud sejak pertama kali manusia diciptakan.

Manakala, Ahmad Zabidi (2005) pula menyatakan, kepimpinan dalam Islam lebih tertumpu kepada aktiviti mengarahkan ahli organisasi secara sukarela dan bersifat terbuka malah memberi tumpuan terhadap konsep persaudaraan serta hubungan kemanusiaan demi mencapai matlamat organisasi. Menurut Dubrin et. al (2006), kepimpinan adalah sebuah usaha yang dilakukan untuk mempengaruhi orang lain melaksanakan sesuatu perkara bagi mencapai objektif yang telah ditetapkan. Kepimpinan yang dibawa oleh Nabi SAW telah membawa kepada kejayaan yang besar sehingga baginda dijadikan sebagai contoh teladan dalam dunia kepimpinan Islam serta menjadi mercu tanda sejarah ketamadunan manusia. Jika dilihat dari sudut konteks Islam, model kepimpinan yang paling sempurna adalah Nabi Muhammad SAW. Ketokohan baginda SAW dalam kepimpinan bukan sahaja dirasai oleh masyarakat Islam, tetapi turut dirasai oleh masyarakat bukan Islam bahkan mendapat pengakuan dan pengiktirafan di seluruh dunia. (Siti Khadijah & Ahmad Marzuki, 2017).

Menurut Hasan Al-Banna Mohamed (2018), kepimpinan adalah sifat yang terlahir daripada diri seorang pemimpin. Setiap manusia yang dilahirkan mempunyai sifat atau kemahiran untuk memimpin tetapi sifat atau kemahiran tersebut hanya dapat ditonjolkan setelah melalui proses gilapan dan latihan. Namun, terdapat sebahagian sarjana menafikan bahawa seseorang dapat dibentuk menjadi pemimpin. Menjadi khalifah atau pemimpin di atas muka bumi merupakan satu amanah yang dikurniakan Allah Swt ke atas umat manusia sebelum diciptakan lagi. Bahkan, ianya juga merupakan kewajipan yang kedua setelah kewajipan beribadat kepada Allah SWT. Hal ini telah diumumkan di hadapan para malaikat sepertimana yang terdapat dalam surah Al-Baqarah ayat 30 iaitu:

وَإِذْ قَالَ رَبُّكَ لِلْمَلَائِكَةِ إِنِّي جَاعِلٌ فِي الْأَرْضِ خَلِيفَةً قَالُوا أَتَجْعَلُ فِيهَا مَن يُفْسِدُ فِيهَا وَيَسْفِكُ الدِّمَاءَ وَنَحْنُ نُسَبِّحُ بِحَمْدِكَ وَنُقَدِّسُ لَكَ قَالَ إِنِّي أَعْلَمُ مَا لَا تَعْلَمُونَ

Maksudnya: “Dan (ingatlah) ketika Tuhanmu berkata kepada malaikat, sesungguhnya Aku mahu menjadikan seorang khalifah di bumi. Mereka bertanya (tentang hikmat ketetapan Tuhan itu dnegan berkata), adakah Engkau (Tuhan kami) hendak menjadikan di bumi itu orang yang akan membuat bencana dan menumpahkan darah (berbunuh-bunuhan), sedangkan kami sentiasa bertasbih dengan memuji-Mu dan mensucikan-Mu? Tuhan berkata, sesungguhnya Aku mengetahui apa yang kamu tidak mengetahuinya.”

Ayat al-Quran ini secara terang dan jelas menyebutkan bahawa manusia dijadikan sebagai khalifah atau dapat diertikan sebagai pemimpin yang menguruskan di atas muka bumi ini. Terdapat juga hadis Nabi SAW yang menyebutkan secara terperinci mengenai kepemimpinan, di mana setiap orang adalah pemimpin bagi orang lain mengikut tahap dan kemampuan masing-masing. Nabi SAW bersabda:

عن عبد الله بن عمر رضي الله عنهما أن رسول الله صلى الله عليه وسلم قال: ألا كلكم راع، وكلكم مسئول عن رعيته، فالإمام الذي على الناس راع وهو مسئول عن رعيته، والرجل راع على أهل بيته وهو مسئول عن رعيته، والمرأة راعية على أهل بيت زوجها وولده وهي مسئولة عنهم، وعبد الرجل راع على مال سيده وهو مسئول عنه، ألا فكلكم مسئول عن رعيته.

Daripada Abdullah bin Umar RA bahawa Rasulullah SAW bersabda, “Ketahuilah setiap kalian adalah pemimpin, dan setiap kalian akan dimintai pertanggungjawaban atas yang dipimpin, penguasa yang memimpin manusia dia akan dimintai pertanggungjawaban atas yang dipimpinnya, seorang lelaki (kepala keluarga) adalah pemimpin keluarganya dan dia dimintai pertanggungjawaban atas yang dipimpinnya, dan seorang perempuan (isteri) adalah pemimpin terhadap keluarga rumah suaminya dan juga anak-anaknya dan dia akan dimintai pertanggungjawaban atas kepemimpinannya, dan budak juga pemimpin terhadap harta tuannya dan akan dimintai pertanggungjawaban terhadapnya. Ketahuilah, setiap kalian adalah bertanggung jawab atas yang dipimpinnya.” (Riwayat al Bukhari, Sahih al-Bukhari, Kitab *al-Ahkam*, hadis no. 7138)

Hadis ini secara umumnya menunjukkan bahawa setiap orang itu merupakan pemimpin bagi setiap kalangan mereka. Ruang lingkup pemimpin itu berbeza mengikut situasi dan keadaan sepertimana perdana menteri adalah pemimpin negara, seorang ayah pemimpin bagi keluarganya dan seterusnya. Bukan itu sahaja, setiap apa yang dilakukan oleh pemimpin itu juga akan dipersoalkan oleh Allah SWT pada Hari Akhirat. Ini menjadi satu petunjuk yang jelas bahawa setiap urusan yang melibatkan pentadbiran mahupun pemerintahan termasuk dalam perkara ibadah kerana setiap dosa dan pahala akan dinilai. Oleh yang demikian, perbincangan mengenai hadis kepimpinan ini dilihat sangat penting dan wajar diketengahkan.

Metodologi Kajian

Kajian yang dilakukan ini adalah berbentuk kualitatif dengan menggunakan pendekatan kajian kes dan kajian kepustakaan. Kajian kes dalam penelitian ini tertumpu kepada pemikiran seorang tokoh iaitu Tuan Guru Abdul Hadi Awang. Pengkaji juga mengumpulkan data dan maklumat yang berkaitan berdasarkan kajian kepustakaan. yang membolehkan penulis mendapatkan sumber primer dan sekunder melibatkan kitab-kitab hadis, dokumen-dokumen bertulis yang berkaitan dengan tajuk kajian seperti buku, jurnal, akhbar, majalah, laporan, tesis-tesis, dan lain-lain.

Biografi Ringkas Tuan Guru Abdul Hadi Awang

Tuan Guru Abdul Hadi Awang atau nama panggilan mesranya iaitu ‘Ayah Chik’ dilahirkan pada tanggal 20 Oktober tahun 1947 di Kampung Rusila, daerah Marang, negeri Terengganu. Pada awal usianya, beliau sudah mendapat didikan agama daripada ayahnya sebelum dimasukkan ke Sekolah Rendah Rusila pada tahun 1955. Ketika usianya meningkat dewasa, beliau melanjutkan pelajaran ke Sekolah Arab Marang pada tahun 1961 dan juga Sekolah Menengah Ugama Sultan Zainal Abidin pada tahun 1965. Beliau juga telah mengambil Sijil Tinggi Agama Malaysia (STAM) pada tahun 1967 di sekolah yang sama. Selanjutnya beliau meneruskan pengajian dalam bidang Syariah di Universiti Islam Madinah pada tahun 1969 dengan mendapat tajaan biasiswa kerajaan Arab Saudi. Seterusnya beliau melanjutkan pengajiannya di peringkat sarjana (MA) pada tahun 1974 di Universiti Al-Azhar di Mesir.

Pada akhir tahun 70-an, Tuan Guru Abdul Hadi Awang mula berkecimpung dalam arena politik negara. Nama beliau sebaris dengan

tokoh-tokoh gerakan Islam abad moden sepertimana Fathi Yakan, Mehdi Aqif, Racep Tayyeb Erdogan dan tokoh-tokoh besar yang lain di seluruh dunia. Sebagai seorang agamawan dan juga tokoh politik, pengaruh yang ada pada dirinya telah memberikan kesan yang besar terhadap landskap politik negara sehingga membentuk fenomenanya yang tersendiri (Abdul Hadi, 2011). Tuan Guru Abdul Hadi Awang merupakan Ahli Dewan Undangan Negeri Rhu Rendang pada tahun 1986-2018. Beliau juga merupakan Ahli Parlimen Malaysia pada tahun 1990-2004 dan juga pada tahun 2008 sehingga sekarang. Pengaruh beliau mula terserlah apabila diberi kepercayaan memegang jawatan-jawatan penting seperti Menteri Besar Terengganu pada tahun 1999-2004, Presiden Parti Islam Se-Malaysia pada tahun 2002 sehingga sekarang, Ketua Pembangkang Parlimen Malaysia pada tahun 2003-2004 dan juga Mantan Timbalan Presiden Kesatuan Ulama Islam Sedunia pada tahun 2014-2018 (Abdul Hadi, 2019).

Perbahasan

Penulis sedaya upaya akan membahaskan tentang hadis-hadis yang berkaitan kepimpinan menurut pandangan Tuan Guru berdasarkan hadis-hadis yang terdapat dalam penulisan beliau. Terdapat banyak hadis yang dikaitkan dengan kepimpinan. Namun penulis hanya memilih hadis-hadis yang sering digunakan oleh Tuan Guru dalam perbahasan atau penulisan karya beliau sahaja bagi memberi tumpuan sepenuhnya terhadap pemikiran yang ingin diteliti.

1. Hadis tentang kewajiban melaksanakan *baiiah* terhadap pemimpin

كَانَتْ بَنُو إِسْرَائِيلَ تَسُوسُهُمُ الْأَنْبِيَاءُ كُلَّمَا هَلَكَ نَبِيٌّ خَلَفَهُ نَبِيٌّ وَإِنَّهُ لَا نَبِيَّ بَعْدِي
 وَسَيَكُونُ خُلَفَاءُ فَيُكْتَرُونَ قَالُوا: فَمَا تَأْمُرُنَا؟ قَالَ: فُؤَابِيْعَةَ الْأَوَّلِ فَلَاوَّلِ أَعْطُوهُمْ
 حَقَّهُمْ فَإِنَّ اللَّهَ سَائِلُهُمْ عَمَّا اسْتَرَعَاهُمْ

“Kaum Bani Israel dipimpin oleh para nabi. Setiap kali wafatnya seorang nabi, akan diganti oleh nabi selepasnya. Sesungguhnya tiada lagi nabi selepasku melainkan adanya para khalifah dan jumlah mereka ramai. Lalu, mereka berkata (bertanya), ‘Apakah perintah kamu kepada kami (kalau berada di zaman itu)?’ abi SAW menjawab, ‘Tunaikan baiiah kepada yang pertama itu adalah lebih utama. Berilah kepada mereka hak-hak mereka (ketaatan dalam

perkara menegakkan agama dan menentang fitnah dan kejahatan). Sesungguhnya Allah akan menyoal mereka tentang apa yang mereka lakukan.” (Riwayat al-Bukhari, *Sahih al-Bukhari*, Kitab *Ahadith al-Anbiya'*, no. hadis 3455)

Menurut Tuan Guru, politik di dalam bahasa arab disebut sebagai *siyasah* dan secara maksudnya *siyasah* adalah memerintah, mentadbir atau memimpin. Berdasarkan hadis yang dinyatakan, Nabi Saw menyebutkan secara jelas perkataan *siyasah* iaitu politik. Ini membuktikan bahawa urusan politik termasuk dalam sebahagian daripada kewajipan yang dilaksanakan oleh para rasul bermulanya daripada Nabi Adam AS sehinggalah kepada Nabi Muhammad SAW. Kewajipan ini telah dilaksanakan oleh Nabi SAW dengan penuh kesungguhan dan susah payah. Ini dibuktikan apabila Nabi SAW menolak tawaran lumayan yang diberikan oleh pemimpin Quraisy agar meninggalkan Islam yang dibawa oleh baginda bahkan sanggup mengorkan harta dan jiwa serta berhijrah bersama sahabatnya ke Madinah bagi menjadikan Islam sebagai agama memerintah.

Tuan Guru menyatakan, politik yang dibawakan oleh para rasul bukan sekadar dalam urusan pentadbiran semata-mata tetapi untuk mengajak manusia terhadap Islam secara menyeluruh dari sudut akidah, syariat, akhlak dan pemerintahan yang mendaulatkan agama Islam. Mereka turut mengajak raja-raja dan pemimpin pada zaman masing-masing supaya menerima Islam dan memerintah dengan cara Islam. Terdapat juga sebahagian daripada mereka yang sempat menjadi khalifah atau raja. (Abdul Hadi 2007, 2010). Tuan Guru menjelaskan, ketika Nabi SAW wafat, para sahabat daripada kalangan Muhajirin dan Ansar mengadakan mesyuarat bagi memilih pemimpin untuk menyambung urusan politik Islam sehinggakan sebahagian daripada mereka tidak hadir pengebumian jasad Nabi SAW. Ini menunjukkan urusan politik dalam mentadbir negara adalah perkara penting dalam Islam.

Tambah beliau, seluruh sarjana Islam secara ijmak, para sahabat, para tabiin dan imam-imam mujtahid bersetuju meletakkan politik sebahagian daripada Islam. Sekiranya ada yang mengatakan bahawa politik tidak ada dalam Islam maka pendapat itu dikira sesat dan menyeleweng daripada ajaran al-Quran dan sunnah. Meskipun politik termasuk dalam perkara *furu'* atau cabang syariat, tetapi Imam al-Ghazali meletakkannya dalam kitab akidah. Ini kerana syarat kesempurnaan dan syarat sah setiap perkara dalam Islam adalah berkaitan dengan akidah

termasuklah dalam amalan sunat. Oleh yang demikian, setiap perkara dalam Islam baik syariat mahupun akhlak, tidak boleh diingkari oleh seseorang yang beriman apatah lagi dalam hal berkaitan akidah (Abdul Hadi, 2007).

Menurut Tuan Guru, perkataan *siyasah* tidak di sebut dalam al-Quran tetapi maksudnya termasuk dalam perkara yang dinaskan secara nyata dan para ulama menegaskan ianya termasuk dalam maksud perkataan khilafah Para ulama seperti al-Mawardi, Ibnu Khaldun dan Abu Ya'la meletakkan *siyasah* dalam kewajipan khilafah dan imamah. Tugas imamah diwujudkan adalah untuk menjalankan kewajipan khilafah yang pernah dilakukan oleh para nabi. Manakala melaksanakannya adalah wajib mengikut hukum yang disepakati oleh para ulama (Abdul Hadi, 2011).

Hadis ini juga turut menyentuh berkenaan baiah yang perlu dilakukan oleh rakyat kepada pemimpin. Menurut Tuan Guru, baiah yang disebutkan dalam hadis merupakan sebuah perjanjian yang dilakukan secara dua hala antara pemimpin dan juga rakyat. Selaku pemimpin, janji yang perlu diberikan adalah berlaku adil kepada rakyat dengan berpandukan hukum Islam manakala rakyat pula perlu berjanji memberikan ketaatan dan membantu dalam perkara yang tidak bercanggah dengan syariat. Selain itu, rakyat juga perlu berjanji memberikan pertolongan untuk menyebarkan dan mempertahankan Islam dengan sikap bersedia dalam menghadapi musuh dan apa jua cabaran yang mendatang (Abdul Hadi, 2010).

Berdasarkan apa yang dinyatakan, menunjukkan bahawa politik merupakan sebuah kewajipan bagi setiap manusia tidak kira pangkat atau darjat bahkan ianya termasuk sebahagian dalam Islam. Perkara ini perlu ditekankan supaya umat Islam pada harini memainkan peranan yang penting dalam mengendalikan urusan politik berteraskan ajaran Islam yang sebenar dengan menjadikan al-Quran dan hadis sebagai sumber utama dalam pemerintahan. Selain itu, perlu wujud hubungan dua hala antara pemimpin dan rakyat bagi mengukuhkan serta menstabilkan kekuatan sesebuah kerajaan dengan menunaikan hak masing-masing.

Sepertimana di Malaysia, undang-undang yang digunapakai masih lagi mengekalkan undang-undang jajahan British. Perundangan syariah turut dilaksanakan tetapi hanya terbatas dalam permasalahan perkahwinan sahaja. Hal ini harus ditekankan agar perundangan syariah dapat dilaksanakan secara total dan menyeluruh. Ini kerana Malaysia merupakan sebuah negara yang meletakkan Islam sebagai agama rasmi persekutuan. Bagi rakyat pula, kewajipan yang harus ditunaikan adalah melaksanakan

tugas sebagai pengundi ketika pilihanraya diadakan. Ini kerana Malaysia mengamalkan sistem demokrasi di mana pemimpin atau perwakilan rakyat dipilih melalui proses pengundian.

2. Hadis tentang ancaman menyerahkan urusan pada bukan ahli

عَنْ أَبِي ذَرٍّ، قَالَ: قُلْتُ: يَا رَسُولَ اللَّهِ، أَلَا تَسْتَعْمِلُنِي؟ قَالَ: فَضْرَبَ بِيَدِهِ عَلَيَّ مِنْكِبِي، ثُمَّ قَالَ: يَا أَبَا ذَرٍّ، إِنَّكَ ضَعِيفٌ، وَإِنَّمَا أَمَانَةٌ، وَإِنَّمَا يَوْمَ الْقِيَامَةِ خِزْيٌ وَنَدَامَةٌ، إِلَّا مَنْ أَخَذَهَا بِحَوْفِهَا، وَأَدَّى الَّذِي عَلَيْهِ فِيهَا.

Dari Abi Zar katanya, “Aku berkata, ‘Wahai Rasulullah, mengapa tidak melantik saya? Lalu, dia menepuk bahu saya dengan tangannya kemudian dia bersabda, ‘Wahai Abu Zar! Awak seorang yang lemah. Ianya adalah amanah dan di akhirat nanti ia akan membawa kehinaan dan penyesalan, kecuali orang-orang yang mengambilnya dengan sebenar dan menunaikan kewajiban yang diamanahkan kepadanya.” (Riwayat Muslim, *Sahih Muslim*, Kitab al-Imarat, no. hadis 1825)

Manakala hadis yang berkaitan juga ada disebutkan melalui riwayat Imam Bukhari, iaitu:

عَنْ أَبِي هُرَيْرَةَ قَالَ: بَيْنَمَا النَّبِيُّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ فِي مَجْلِسٍ يُحَدِّثُ الْقَوْمَ، جَاءَهُ أَعْرَابِيٌّ فَقَالَ: مَتَى السَّاعَةُ؟ فَمَضَى رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ يُحَدِّثُ، فَقَالَ بَعْضُ الْقَوْمِ: سَمِعَ مَا قَالَ فَكَّرَهُ مَا قَالَ. وَقَالَ بَعْضُهُمْ: بَلْ لَمْ يَسْمَعْ، حَتَّى إِذَا قَضَى حَدِيثَهُ قَالَ: أَيْنَ أَرَاهُ السَّائِلُ عَنِ السَّاعَةِ قَالَ: هَا أَنَا يَا رَسُولَ اللَّهِ، قَالَ: فَإِذَا ضُيِّعَتِ الْأَمَانَةُ فَانْتَظِرِ السَّاعَةَ، قَالَ: كَيْفَ إِضَاعَتُهَا؟ قَالَ: إِذَا وُسِّدَ الْأَمْرُ إِلَى غَيْرِ أَهْلِهِ فَانْتَظِرِ السَّاعَةَ.

Abu Hurairah berkata, “Apabila Nabi SAW berada dalam sebuah majlis dan bercakap kepada mereka yang berada di situ, tiba-tiba datang seorang Badwi lalu bertanya, ‘Benarkah berlakunya kiamat?’ Nabi SAW meneruskan percakapannya. Maka, orang-orang yang hadir memberi pelbagai tanggapan. Ada yang berpendapat Nabi SAW mendengar soalnya tetapi tida suka dengan caranya. Ada

pula yang berpendapat Nabi SAW tidak mendengar apa yang ditanyakan oleh orang badwi tersebut. Tiba-tiba Nabi SAW berkata, 'Di manakah orang yang bertanya mengenai Hari Kiamat?' Jawabnya, 'Ini dia! Saya, wahai Rasulullah.' Nabi SAW berkata, 'Apabila dihilangkan amanah, maka ketika itu tunggulah berlakunya kiamat.' Dia bertanya lagi, 'Bagaimanakah cara hilangnya?' Nabi SAW berkata, 'Apabila diserahkan urusan kepada orang yang bukan ahlinya, maka tunggulah berlakunya kiamat.' (Riwayat al-Bukhari, *Sahih al-Bukhari*, Kitab al-Ilmi, no. hadis 59)

Tuan Guru menyatakan bahawa, para ulama ketika membahaskan hadis ini telah mewajibkan kepada pemerintah Islam untuk melantik orang yang mempunyai kelayakan berdasarkan syarat dan sifat kepimpinan menurut hukum Islam. Urusan pemerintahan pula perlu dijalankan secara Islam kerana ianya merupakan satu amanah dan tanggungjawab yang perlu dilaksanakan oleh mana-mana pemerintah tidak kira sama ada dipilih mengikut kehendak rakyat ataupun tidak. Menjadi sebuah kewajiban terhadap pemerintah memberikan tugas kepada orang bawahan mengikut kemampuan dan kesesuaian menurut hukum Islam. Kewajiban inilah yang membezakan sama ada pemerintah itu adil ataupun zalim. Ukuran keadilan itu dilihat berdasarkan sesuatu perkara yang diletakkan pada tempatnya mengikut hukum Islam dan begitulah sebaliknya.

Tuan Guru juga berpendapat bahawa, kemuncak matlamat yang diinginkan adalah menegakkan masyarakat yang sempurna supaya masyarakat selamat daripada menjadi mangsa kezaliman dan mangsa daripada perbuatan yang melampaui batas. Namun tidak dapat dinafikan akan kewajiban untuk menegakkan negara Islam kerana tanpa negara Islam, maka masyarakat yang sempurna tidak dapat direalisasikan. Berdasarkan sejarah Islam, terdapat golongan yang menerima dan bersetuju dengan dasar ini. Oleh itu, umat Islam wajib memberi kesetiaan kepada pemimpin yang dilantik dan mengekalkan kepimpinan tersebut tanpa mengira siapa, di mana dan bila. Sekiranya berlaku kezaliman, maka perlu ditentang meskipun ianya berlaku di Makkah, bahkan sebangsa dan sekeluarga dengan Nabi SAW. (Abdul Hadi, 1995).

Amanah paling besar yang disebutkan dalam hadis berdasarkan pandangan Tuan Guru adalah amanah memimpin negara dan mengendalikan urusan rakyat. Amanah ini perlu diberikan kepada orang yang iltizam hubungannya dengan Allah SWT melalui ibadah solat yang didirikan. Bahkan, orang yang menunaikan kewajiban harta, menyuruh kebaikan dan melarang kemungkarannya juga termasuk dalam kalangan

orang yang iltizam hubungannya dengan Allah SWT. Amanah memimpin tidak boleh diserahkan kepada mereka yang tidak menghormati waktu solat apatah lagi yang tidak mendirikannya. Selain itu, urusan kepimpinan juga tidak boleh diserahkan kepada orang yang membiarkan kemungkaran berlaku di hadapan matanya sedangkan dia mempunyai kuasa apatah lagi kuasa tersebut diperolehi melalui politik wang dan politik penipuan ke atas rakyat. (Abdul Hadi, 2005).

Islam memposisikan politik atau kewajiban memimpin dan mentadbir sebagai suatu amanah yang besar dalam pertimbangan dosa dan pahala serta tanggungjawab yang diperhitungkan di dunia hinggalah ke akhirat. Menjadikan politik Islam berbeza dengan politik sekular yang berlandaskan keduniaan dan kebendaan. (Abdul Hadi, 2007). Selain itu, beliau juga berpendapat bahawa pemimpin negara mestilah mempunyai ilmu dalam perkara berkaitan akidah, syariah dan akhlak yang bersumberkan daripada al-Quran, sunnah, ijmak ulama, qias dan sumber-sumber yang disepakati. Tambahan beliau, pemimpin juga perlu memahami dengan baik masalah yang timbul supaya dapat ditangani dan diselesaikan dengan cara Islam. Amaran keras diberikan oleh Nabi Saw kepada mereka yang menyerahkan kepimpinan kepada orang yang bukan ahlinya atau orang jahil. Ini kerana perbuatan tersebut merupakan petanda hampirnya kiamat. (Abdul Hadi 2009, 2011).

Secara umumnya dapat dikatakan bahawa, syarat utama seseorang untuk menjadi pemimpin adalah beragama Islam. Ini kerana syarat mahupun sifat kepimpinan itu sendiri perlu mengikut apa yang ditetapkan oleh hukum Islam bahkan pemerintahan juga perlu dijalankan secara Islam. Namun, perkara ini perlu diperhalusi dan dipertimbangkan dengan lebih dalam memandangkan Malaysia merupakan sebuah negara yang berbilang kaum, bangsa dan agama. Selain itu, para pemimpin khususnya menteri perlu dipilih berdasarkan kelayakan yang ada dan bukannya dipilih kerana ada hubungan kekeluargaan mahupun kepentingan peribadi. Harus diperhatikan terlebih dahulu latar belakang supaya tugas dapat diserahkan mengikut kepakaran masing-masing. Hal ini bukan sekadar melancarkan urusan pentadbiran, malah dapat melahirkan pemimpin yang berdaya saing.

3. Hadis tentang ketaatan rakyat terhadap pemimpin

عَنْ عَبْدِ اللَّهِ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُ، عَنِ النَّبِيِّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ، قَالَ: السَّمْعُ وَالطَّاعَةُ عَلَى الْمَرْءِ الْمُسْلِمِ فِيمَا أَحَبَّ وَكَرِهَ، مَا لَمْ يُؤْمَرْ بِمَعْصِيَةٍ، فَإِذَا أُمِرَ بِمَعْصِيَةٍ فَلَا سَمْعَ وَلَا طَاعَةَ.

Mendengar dan mentaati itu adalah benar (wajib) selagi tidak disuruh perkara maksiat. Apabila disuruh perkara maksiat maka tidak dibenarkan dengar dan taat lagi. (Riwayat al-Bukhari, *Sahih al-Bukhari*, Kitab al-Ahkam, no. hadis 7144)

Tuan Guru menjelaskan, wajib taat kepada Allah dan rasul secara mutlak manakala pemimpin tidak mutlak. Ketaatan terhadap pemimpin adalah wajib selagimana pemimpin tersebut berpegang teguh ajaran Islam. Sekiranya hak pemimpin ke atas rakyat adalah ketaatan, maka hak rakyat ke atas pemimpin adalah bersikap adil. Selain itu, kewajiban untuk taat kepada pemimpin juga diletakkan jaminan kebaikan terhadap negara dan rakyat iaitu dalam perkara yang tidak maksiat. Sekiranya perkara tersebut bukan perkara maksiat, maka wajib mentaatinya meskipun pemimpin tersebut adalah fasik. (Abdul Hadi, 1995). Tambahan beliau, meskipun pemimpin tidak mempunyai kuasa mutlak, tetapi pemimpin mempunyai kuasa mentadbir dan memikul amanah untuk melaksanakan hukum Allah SWT. (Abdul Hadi, 2006; 2007).

Mengikut apa yang dinyatakan oleh Tuan Guru, perkara maksiat yang disebutkan dalam hadis tidak terbatas pada kejahatan peribadi tetapi ianya merangkum di dalamnya amalan politik dan pentadbiran yang haram. Tuan Guru menukilkan pandangan Muhammad Asad Rahimahullah yang menyatakan, rakyat wajib memberi ketaatan kepada pemimpin yang memerintah secara sah mengikut Islam tanpa mengira sama ada pelantikannya dipersetujui ataupun tidak selagimana polisi dan caranya tidak melanggar perintah Allah SWT. Sekiranya pemimpin memerintah untuk melakukan maksiat, maka gugurlah ketaatan dan perintah itu tidak boleh dipatuhi.

Bahkan, seandainya pemimpin itu terbukti dengan nyata terbatal iman, maka pemimpin itu hendaklah dipecat dengan cara yang tidak menimbulkan fitnah lebih besar. (Abdul Hadi, 2007). Selain itu, rakyat juga wajib menyokong dan menolong pemimpin apabila negara sedang menghadapi sebarang ancaman dan gangguan dari luar mahupun dari dalam negara. Sokongan dan pertolongan hanya wajib diberikan sekiranya pemerintah melaksanakan kewajibannya mengikut Islam. Rakyat juga wajib memberikan pertolongan dalam setiap usaha kebaikan yang dilakukan oleh pemimpin sekaligus membantu untuk mencegah kemungkaran. (Abdul Hadi, 2009).

Bagi mencapai keharmonian sesebuah masyarakat mahupun negara, maka kerjasama antara pemimpin dan rakyat sangat diperlukan. Berdasarkan kenyataan yang dikemukakan, jelas menunjukkan kerajaan terdahulu baik Barisan Nasional mahupun Pakatan Harapan serta Perikatan Nasional, dilihat belum layak untuk mendapat ketaatan secara sempurna daripada rakyat disebabkan beberapa perkara antaranya adalah tidak melaksanakan hukum Islam dan pemerintahan cara Islam. Ini penting kerana kewajipan terhadap pemimpin tidak akan gugur selagimana pemimpin tersebut berpegang teguh dengan ajaran Islam, melaksanakan hukum Allah dan memerintahkan dalam perkara bukan maksiat. Selain itu, kerajaan hari ini juga terpalit pelbagai isu seperti rasuah, korupsi dan pelbagai lagi skandal politik. Ini secara tidak langsung telah menggugurkan ketaatan yang wajib diberikan.

4. Hadis tentang hak menasihati pemimpin

عَنْ تَمِيمِ الدَّارِيِّ أَنَّ النَّبِيَّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ، قَالَ: الدِّينُ النَّصِيحَةُ قُلْنَا: لِمَنْ؟
قَالَ: لِلَّهِ وَلِكِتَابِهِ وَلِرَسُولِهِ وَلِأُمَّةِ الْمُسْلِمِينَ وَعَامَّتِهِمْ.

Dari Tamim ad-Dari sesungguhnya Nabi SAW bersabda, “Agama itu nasihat.” Kami bertanya, “Bagi siapa?” Jawabnya, “Bagi Allah, rasul-Nya, pemimpin umat Islam dan orang ramai.” (Riwayat Muslim, *Sahih Muslim*, Kitab al-Iman, bab *bayan anna addin al-nasihah*, no. hadis 55)

Tuan Guru menjelaskan, nasihat yang diberikan mestilah berpandukan ajaran Allah Swt dan Nabi Saw serta perlu diberikan kepada semua peringkat masyarakat tanpa sebarang pengecualian termasuklah pemimpin. Nasihat atau teguran harus diberikan kepada pemimpin agar kelemahan yang ada dapat ditampung dan sebarang penyelewengan kuasa dapat dihindarkan. Islam juga meletakkan nasihat ini sebagai perkara penting yang perlu dilaksanakan sekaligus menjadikannya sebagai kewajipan terhadap masyarakat dalam negeri Islam. Para sahabat juga mengamalkan sikap memberi dan menerima nasihat. Ini dapat dilihat berdasarkan ucapan yang dilakukan oleh Abu Bakar dan Umar al-Khattab sewaktu mereka dilantik menjadi khalifah. (Abdul Hadi, 2009). Abu Bakar dalam ucapan sulungnya menyebutkan:

أَيُّهَا النَّاسُ، فَإِنِّي قَدْ وُئِيتُ عَلَيْكُمْ، وَلَسْتُ بِخَيْرِكُمْ، فَإِن أَحْسَنْتُ فَأَعِينُونِي، وَإِن أَسَأْتُ
فَقَوِّمُونِي

Wahai manusia! Sesungguhnya aku telah dipilih menjadi ketua kamu, padahal aku bukanlah orang yang paling baik di kalangan kamu. Oleh itu, sekiranya aku betul, maka tolonglah aku dan sekiranya aku terpesong maka perbetulkanlah aku.

Umar al-Khattab juga turut menegaskan dalam ucapannya ketika menjadi khalifah dengan berkata:

إذا رأيتم في اعوجاجا فليقومه.

Apabila kamu nampak aku melakukan penyelewengan, maka perbetulkanlah aku.

Sikap yang ditunjukkan oleh para sahabat terutama Khulafa ar-Rasyidin menunjukkan mereka sentiasa bersedia untuk mendengar nasihat tanpa memarahi orang yang menegur dan memberi nasihat meskipun ianya datang daripada seorang rakyat biasa. Kebebasan yang diberikan dalam memberi nasihat secara tidak langsung memberi jaminan tertegaknya keadilan dengan sebaik-baiknya dan dapat mengatasi kelemahan yang ada pada manusia. Selain itu, amalan ini juga dapat mengeratkan lagi hubungan antara pemimpin dan rakyat sekali gus menjadi penyumbang kepada kekuatan sesebuah kerajaan. Pemimpin yang tidak membenarkan dan tidak bersedia menerima nasihat serta memberi tekanan kepada mereka yang memberi nasihat merupakan pemimpin yang zalim. Pemerintahan negara akan mengalami banyak kelemahan sekiranya kebebasan menyampaikan nasihat disekat bahkan pemimpin juga akan bebas melakukan apa sahaja meskipun bercanggah dengan ajaran Islam.

Selain itu, beliau juga menegaskan bahawa manusia tidak lari daripada melakukan kesalahan kerana setiap manusia mempunyai kelemahan. Perkara ini juga membuktikan bahawa Islam telah lama mendahului demokrasi ciptaan barat di mana semua pihak tidak kira sama ada berpangkat tinggi atau rakyat biasa mempunyai hak untuk memantau pemimpin bagi memastikan tidak ada sebarang kesalahan dan tidak berlaku sebarang bentuk kezaliman ketika melaksanakan tugas. Konsep ini diajarkan oleh Nabi SAW dalam perkara selain daripada wahyu dan

Allah SWT memberi kebenaran khusus kepada baginda. Pada masa yang sama, wujudnya keterbukaan dalam urusan pentadbiran yang memerlukan kepada kebijaksanaan akal fikiran dan pengalaman hidup serta semua pihak wajib menegur sekiranya berlaku kesilapan dan kelemahan. (Abdul Hadi, 2010).

Mengkritik, menasihati atau memberi teguran kepada kerajaan perlu dilaksanakan secara terbuka tanpa ada sebarang sekatan. Ini bertujuan untuk mewujudkan konsep *amar ma'ruf* dan *nahi mungkar* sepertimana yang dianjurkan oleh Nabi SAW. Perkara ini bukan sahaja dapat menutupi kelemahan yang ada pada pemimpin tetapi dapat membantu memperbaiki kesilapan yang telah berlaku dan menghindarkan kesilapan tersebut berulang kembali di kemudian hari. Kepentingan amalan ini juga dapat menghindarkan pemimpin daripada penyalahgunaan kuasa. Sepertimana di Malaysia, wujudnya pembangkang adalah sebagai *check and balance* setiap tindak tanduk yang dilakukan oleh kerajaan. Ini bagi memastikan kestabilan politik terjamin dan terhindar daripada sebarang kekacauan. Jika kekacauan tetap berlaku, maka di sini pentingnya peranan institusi raja-raja melayu dalam menasihati pemimpin-pemimpin baik di pihak kerajaan mahupun di pihak pembangkang.

Kesimpulan

Setiap hadis yang dihuraikan oleh Tuan Guru tidak terlepas daripada perbincangan mengenai pelaksanaan hukum Islam dan pemerintahan cara Islam serta nilai-nilai yang terdapat dalam ajaran Islam. Perkara ini menjadikan Tuan Guru dilihat sebagai seorang yang berpendirian teguh terhadap ajaran Islam dan juga sebagai seorang yang konsisten dalam perjuangan Islam. Bahkan, membuktikan lagi kredibiliti beliau sebagai seorang tokoh agama dan juga tokoh politik tanah air.

Rujukan

- Abdul Hadi Awang 1995. *Sistem Pemerintahan Negara Islam*. Pulau Pinang: Dewan Muslimat Sdn. Bhd.
- Abdul Hadi Awang 2005. *Hadhrah Islamiyyah Bukan Islam Hadhari*. Kuala Lumpur: Nufair Street Sdn. Bhd.
- Abdul Hadi Awang 2006. *Muqaddimah Aqidah Muslimin*. Kuala Lumpur: Sarjana Media.
- Abdul Hadi Awang 2007. *Inilah Akidah Muslim*. Selangor: PTS Islamika.
- Abdul Hadi Awang 2007. *Islam dan Demokrasi*. Selangor: PTS Publications and Distributions Sdn. Bhd.
- Abdul Hadi Awang 2009. *Bagaimana Islam Memerintah Negara*. Selangor: PTS Islamika Sdn. Bhd.

- Abdul Hadi Awang 2009. *Fiqh al-Harakah 3 dari Sirah Nabawiyah*. Kuala Lumpur: Nufair Street Sdn. Bhd.
- Abdul Hadi Awang 2010. *Taktik dan Strategi Berpolitik Gaya Khulafa ar-Rasyidin*. Selangor: PTS Islamika Sdn. Bhd.
- Abdul Hadi Awang 2011. *Politik dan Agama Mengikut Perspektif Islam*. Kuala Lumpur: Mutiara Print.
- Abdul Hadi Awang. 2019. *Islam Memimpin*. Kuala Lumpur: Pejabat Presiden PAS.
- Abdullah b. Hassan & Ainon bt Abdullah. 2003. *Teori & Teknik Kepimpinan: Panduan Aplikasi di Tempat Kerja*. Kuala Lumpur: PTS Millennia Sdn. Bhd.
- Ahmad Zabidi Abdul Razak. 2005. *Pembangunan Organisasi Pendidikan yang Cemerlang Berasaskan Ciri-ciri Kepimpinan Islam*. Kuala Lumpur: Universiti Malaya.
- Al-Bukhari 2002. *Sahih al-Bukhari*. Beirut: Dar Ibnu Kathir.
- Block, P. 1993. *Stewardship: Choosing Service Over Self-interest*. San Francisco: Berrett-Koehler Publisher.
- Dubrin, A. J., Dalgish, C. & Miller, P. 2006. *Leadership*. Australia: John Wiley & Sons Ltd.
- Hasan Al-Banna Mohamed. 2018. Islam dan pembentukan kepimpinan berkualiti. *Zulfaqar International Journal of Defence Management Social Science & Humanities* 1(1): 11-29.
- Muhamad Alihanfiah et. al. 2011. Kecenderungan tokoh-tokoh dakwah dalam penghuraian al-Quran dan hadis dari aspek haraki. Seminar Antarabangsa Sunnah Nabawiah Realiti dan Cabaran Semasa (MUSNAD).
- Muhammad Nasri Md Hussain & Ab. Aziz Yusof. 2005. *Pengurusan Sumber Manusia dari Perspektif Islam*. Selangor: Prentice-Hall Pearson Malaysia Sdn. Bhd.
- Muslim. 2010. *Sahih Muslim*. Beirut: Dar Toibah
- Siti Khadijah & Ahmad Marzuki. 2017. Elemen kerohanian melalui kepimpinan Islam dalam organisasi pendidikan menjana pembangunan ummah. Prosiding Persidangan Antarabangsa Kelestarian Insan 2017 (INSAN2017). Ayer Keroh, Melaka, 1-2 November.

LEGASI TUAN GURU NIK ABDUL AZIZ: KEPIMPINAN PARTI DAN PENTADBIRAN KERAJAAN

Wan Nik Wan Yussof
Pusat Kajian Strategik Negeri Kelantan
wannikwyn@gmail.com

Abstrak

Latar belakang pendidikan Siasah Syar'iyah Tuan Guru Nik Abdul Aziz dimantapkan dengan bidang pengajian Ilmu Hadis cukup kuat menguasai visi dan misinya selaku pemimpin sebuah gerakan Islam. Ia dibuktikan dengan keupayaannya menerapkan gaya kepimpinan yang mantap, sehingga berjaya memimpin PAS mencapai kemenangan pada Pilihan Raya Umum 1990 di Kelantan. Kemudiannya dilantikan sebagai Menteri Besar yang julung kali membawa gaya 'Kepimpinan Ulamak' dalam pentadbiran kerajaan. Sepanjang mengetuai Kerajaan Negeri Kelantan, peluang yang ada telah diisi dengan pelaksanaan sistem pentadbiran Islam dengan mengisytiharkan dasar Membangun Bersama Islam sebagai panduan. Teras utama pentadbirannya adalah 'Ubudiyah, Mas'uliyah dan Itqan telah membawa impak kepada pengisian tadbir urus Kerajaan Negeri Kelantan. Munculnya nilai-nilai pembaharuan, ketelusan, kelainan, keupayaan dan kekuatan yang memaknai prinsip bekerja kerana Allah, kebertanggungjawaban dan kesungguhan yang menepati kualiti. Sepanjang khidmatnya juga telah mendapat pengiktirafan meletakkan tadbir urus yang mendahului perubahan, mencetus kesedaran, mempamerkan ketelusan dan keterbukaan serta komited sebagai pemimpin bergelar 'murabbi ummah' telah melahirkan legasi kepimpinan yang semestinya diwarisi. Penulisan ini memaparkan hasil pengalaman dan penelitian penulis berkhidmat bersama kepimpinan Tuan Guru Nik Abdul Aziz sepanjang memimpin Parti Islam Se-Malaysia dan berjaya membawa 'Kepimpinan Ulamak' ketika mengetuai Kerajaan Negeri Kelantan. Kesan daripada legasinya, kepimpinan parti dan pentadbiran Kerajaan Negeri Kelantan didapati berintegriti dalam mendepani cabaran dan berupaya menguruskan misi parti dan sekaligus pembangunan negeri dengan keupayaan tersendiri sehingga dikenali sebagai Negeri yang ditadbir berpandukan Syariah. Ia mencetuskan legasi yang memandukan kepimpinan penggantinya secara terarah dan dianggap berkesan dalam memantapkan prestasi parti dan Kerajaan Negeri Kelantan.

Kata Kunci: Legasi, Kepimpinan, Parti, Pentadbiran, Kerajaan

Pendahuluan

Pilihan raya umum 1990 merupakan satu sejarah dalam politik Kelantan apabila buat kali pertamanya Barisan Nasional tewas kesemua kerusi Parlimen dan Dun. Ia membawa kemenangan besar Parti Islam Se-Malaysia (PAS) di Kelantan yang bekerjasama dengan Angkatan Perpaduan Ummah (Angkatan) semenjak tahun 1989. Sementara Angkatan adalah bentuk kerjasama di antara Parti Semangat 46, Hizbul

Muslimin Malaysia (Hamim) dan Barisan Jemaah Islamiyah Malaysia (Berjasa) yang dibentuk selepas perpecahan UMNO tahun 1987. Kerjasama politik (PAS dengan Angkatan) telah menggabungkan kekuatan penyokong Tengku Razaleigh Hamzah dengan penyokong PAS di seluruh Semenanjung. Di sebalik kerjasama itu, ia menggambarkan kelincahan kepimpinan Tuan Guru Nik Abdul Aziz Nik Mat (Tuan Guru) selaku Pesuruhjaya PAS Kelantan yang menerima baik kumpulan Angkatan, khususnya pengikut Tengku Razaleigh.

Malahan, Tuan Guru menggesa untuk membantu ‘bahtera’ Tengku Razaleigh agar tidak kelemasan di samudera. Syaratnya kerjasama itu hendaklah menerima ‘Islam sebagai Ad-Din’ sebagai pokok perjuangan. Realiti daripada kemenangan mutlak itu, kepada PAS berjaya membentuk kerajaan dan membuktikan kepimpinan Tuan Guru berjaya membawa kebangkitan semula PAS di Kelantan sebagai parti kerajaan. Maka Tuan Guru selaku Pesuruhjaya PAS Kelantan merangkap Ketua Ulamak PAS Pusat memikul tanggungjawab sebagai pemimpin parti, sekaligus memimpin kerajaan negeri.

Falsafah Kepimpinan

Kejayaan merampas kembali Kelantan telah disambut dengan penuh kegembiraan dan kesyukuran oleh semua warga PAS dan pelbagai lapisan rakyat. Ia suatu kejayaan atas usaha yang dilakukan selama 12 tahun membawa kebangkitan semula PAS di persada kerajaan negeri. Kemenangan yang menobatkan Tuan Guru sebagai Menteri Besar Kelantan yang dianggap suatu keputusan tepat kerana kewibawaan dan kepimpinan beliau yang mampu membawa misi Kepimpinan Ulamak dalam pentadbiran Kerajaan Negeri Kelantan.

Hal ini telah dibuktikan oleh Tuan Guru seawal dilantik sebagai Menteri Besar telah menegaskan bahawa asas pentadbiran kerajaan negeri adalah Islam setia dengan ikatan kerjasama politik dengan Angkatan, Islam diterima sebagai *ad-Deen* dalam erti kata kesemua urusan pentadbiran dipandu oleh Syarak- al-Quran, al-Hadith, Ijmak dan Qias. Justeru itu, apa jua bidang pembangunan yang dirancang mestilah berpaksikan kepada ajaran Islam. Inilah prinsip dan falsafah Tuan Guru yang memimpin kemenangan bertekad untuk mengisi kemenangan itu dengan meletakkan amalan agama dan politik tidak boleh berpisah-pisah. Dalam maksud sebenar, pentadbiran hendaklah berpandukan agama dalam menguruskan semua aspek kerajaan dan rakyat.

Menelusuri prinsip dan falsafah kepimpinan Tuan Guru sedemikian, maka Kelantan diserasikan dengan satu visi dan misi yang jelas iaitu bergerak menjayakan perjuangan Islam dalam pentadbiran negeri. Ia dijemakan dengan penerimaan dasar Membangun Bersama Islam yang berpaksikan tiga teras—‘Ubudiah, Mas’uliyah dan Itqan. Dasar ini telah dikongsikan dengan matlamat Kerajaan Negeri melaksanakan pembangunan negeri berpandukan Islam. Apa yang pasti Tuan Guru merupakan seorang pemimpin yang berupaya membawa Kelantan berada dalam keamanan dan kemakmuran.

Meskipun sepanjang perjalanannya, Tuan Guru dan kuasa politiknya sentiasa berhadapan dengan pelbagai mehnah dan tribulasi. Namun, akhirnya ramai pihak mula memahami erti perjuangan Islam setelah kepimpinan praktikal Tuan Guru yang banyak mencetuskan asas-asas reformasi dan kebaktian yang sebenar. Ternyata kepimpinannya telah dihiasi dengan nilai-nilai karismatik dalam melaksanakan tugas Menteri Besar sekaligus sebagai pemimpin Parti Islam.

Sorotan Kepimpinan Tuan Guru

Selama 32 tahun memimpin PAS Kelantan (1981-2013) dan 23 tahun sebagai Menteri Besar Kelantan (1990-2013), kepimpinan Tuan Guru dan kesannya kepada pentadbiran parti dan kerajaan negeri telah menjadi bahan kajian oleh pelbagai pihak, khususnya dalam kalangan ilmuwan Islam. Di antaranya, Shahrir (2011) telah meneliti teori kepimpinan Alam Melayu dipadu dengan teori kepimpinan oleh tokoh-tokoh Islam (al-Mawardi, al-Ghazali dan Bukhary al-Jawhary) dalam menilai kepimpinan Tuan Guru. Beliau mendapati aksiom kepimpinan yang dibahaskan oleh tokoh-tokoh Islam itu sedia ada pada gaya kepimpinan Tuan Guru. Rumusan aksiom tersebut adalah bijaksana, berilmu, sabar, sederhana, berpegang teguh pada agama, berani, cergas, terbuka, berkeabajikan, mengutamakan rakyat dan membawa bayangan Allah sepanjang memimpin.

Sementara itu banyak peneliti berminat menilai kesan kepimpinan Tuan Guru terhadap pentadbiran kerajaan negeri dan mengukur tahap kejayaan di sebalik dasar Islam yang dilaksanakan. Di antaranya, Timothy P. Daniels (2012) yang meneliti kekuatan Membangun Bersama Islam yang membawa kesan pembangunan ekonomi dan etika masyarakat Kelantan dalam kesederhanaan. Menurutnya, penghayatan skema etika Islam (‘Ubudiyah, Mas’uliyah, Itqan) menunjukkan bahawa etika keagamaan telah merangsang pembangunan komersial dan pengagihan sumber yang lebih saksama). Ini membuktikan praktikaliti dasar

pentadbiran dan pembangunan Negeri Kelantan (Membangun Bersama Islam) memberi impak positif kepada kemajuan masyarakat Kelantan semenjak 1990.

Sebelum itu, Abd. Rahim dan Azizah (2001) bahawa kesan pelaksanaan Membangun Bersama Islam terhadap hasil Negeri didapati telah memberikan kesan positif kepada hasil Negeri- hasil Negeri meningkat. Menurut hasil kajian tersebut: “Pembolehubah ISLAM didapati signifikan dalam mempengaruhi HASIL negeri Kelantan dalam jangka panjang. Kenyataan ini disokong oleh nilai statistik tau (τ) yang signifikan pada aras keertian 10 peratus yang bermaksud terdapat keseimbangan dalam jangka panjang bagi model tersebut. Penemuan yang agak menyakinkan model ini turut diteliti oleh Surtahman Kastin dan Norfadzilah (2004) terhadap pemikiran Tuan Guru mengenai ekonomi. Tuan Guru dilihat mempunyai definisi tersendiri di dalam pentadbiran dan pembangunan ekonomi Kelantan, khususnya berkaitan komitmen pengurusan kewangan tanpa riba yang telah bank riba kepada sistem kewangan Islam dan mewujudkan pajak gadai sistem ar-Rahn serta membersihkan akaun kerajaan daripada riba. Ia dilihat ekonomi itu dikaitkan dengan aspek pahala atau dosa kepada manusia sebagai khalifah.

Begitu juga, pengaruh pemikiran dakwah Tuan Guru turut diteliti oleh Muhammad Yusuf dan Ahmad A'toa' (2019) yang mendapati kesan kepimpinan berkonsepkan dakwah telah berjaya membuktikan keperibadian Tuan Guru sebagai contoh teladan, terutamanya dalam aspek kepimpinannya yang berasaskan ilmu agama berjaya diterjemahkan dalam mentadbir negeri. Demikian pula, penulis sendiri (Wan Nik 2011, 2013; 2015; 2016) meneliti kepimpinan Tuan Guru bersandarkan pengalaman dan pengamatan sepanjang berkhidmat (1990-2013) bersamanya, mendapati Tuan Guru merupakan ulamak yang berjaya menampilkan legasi kontemporari yang memiliki pengalaman kepimpinan tuntas dalam parti dan kerajaan serta banyak meninggalkan kesan (baca, kejayaan) kepada generasi penerus legasinya.

Ia mencakupi kepimpinan ‘murabbi’, sekali gus berpengalaman dalam bidang politik dakwah dan politik pentadbiran. Justeru itu, penulisan ini memaparkan rangkuman analisis pengalaman yang dimantapkan dengan beberapa penelitian dan hasil kajian pelbagai pihak yang berkaitan legasi kepimpinan Tuan Guru selama terlibat dalam kepimpinan parti dan pentadbiran kerajaan negeri Kelantan.

Tuan Guru Ketua Ulama

Kepimpinan Tuan Guru terserlah selepas setahun beliau menyertai PAS (tahun 1967). Pada tahun 1968, beliau telah diamanahkan sebagai Ketua Ulamak PAS Pusat bagi menggantikan Ketua Ulamak sebelumnya, iaitu Ahli Parlimen Pasir Puteh, Tuan Guru Haji Hussein Rahimi yang telah meninggal dunia. Tuan Guru Haji Hussein adalah seorang yang rapat dengan Pondok Bunut Payong, Kota Bharu. Beliau merupakan seorang yang warak dan berkebolehan dalam memperjuangkan Islam merupakan suatu kehilangan besar bagi perjuangan Islam. Namun, ketokohnya sedia berganti dengan kehadiran Tuan Guru Nik Abdul Aziz dalam saf kepimpinan PAS. Suatu penggantian yang telah berjaya membawa misi perjuangan PAS terus mara ke hadapan, kerana seorang pengganti yang layak, sesuai dengan tarafnya sebagai seorang inteligensia Islam yang mengutamakan nilai-nilai tajdid sepanjang kepimpinannya. Keupayaannya sebagai Ketua Dewan Ulamak, Tuan Guru telah banyak kali mempengerusikan sesi mesyuarat yang kontroversi, antaranya mengenai penyertaan PAS di dalam BN pada tahun 1974.

Pengalaman sebagai Ketua Dewan Ulamak tersebut, membolehkan Tuan Guru menjadi Menteri Besar yang berkesan dan berjaya menguruskan tugas yang lebih mencabar dalam menjaga hubungan baik dengan Kerajaan Pusat dan dengan rakan-rakan pimpinan politik. Apa yang berjaya dibuktikan oleh Tuan Guru ialah seorang Ketua Ulamak yang sememangnya layak menjadi Menteri Besar.

Tuan Guru Al-Mursyidul Am

Bermula daripada tarikh Tuan Guru menjadi Ketua Dewan Ulamak PAS Pusat, jawatan itu kekal sehingga dilantik sebagai Al-Mursyidul Am PAS menggantikan Almarhum Tuan Guru Haji Yusof Rawa yang meninggal dunia pada tahun 1995. Pelantikan Tuan Guru memegang jawatan Al-Mursyidul Am sekaligus meletakkan beliau sebagai pemimpin tertinggi PAS dan kekal menduduki kerusi Menteri Besar. Ia telah menyerlahkan pemimpin gerakan Islam yang memimpin parti dan kerajaan. Atas sifat pimpinan tertinggi PAS, sudah tentu memerlukan perjuangan yang tegas dan komited dengan Islam. Hal ini dibuktikan dengan sikap Tuan Guru yang proaktif mendesak Kerajaan Pusat berikutan dikriminasi terhadap Negeri Kelantan. Misalnya, dalam menuntut bayaran pampasan Empangan Pergau, menuntut royalti minyak, menuntut geran

pembangunan bekalan air bersih, berusaha ke arah pelaksanaan Kanun Jenayah Syariah (Hudud dan Qisas) dan menuntut lebuh raya sehingga membawa kepada pembinaan Lebuh Raya Rakyat Kota Bharu–Kuala Krai. Walaupun di sebaliknya ada nilai kekangan dan tidak ditunaikan oleh kuasa Pusat.

Demikian pula, Al-Mursyidul Am sebagai pengerusi Majlis Syura Ulamak dianggap cukup berkesan dalam menterjemahkan pendekatan Pakatan Rakyat yang dianggotai bersama-sama PAS, PKR dan DAP selepas pilihan raya umum 2008. Meskipun di sebaliknya ada beberapa persoalan dasar Islam yang tidak dipersetujui oleh PKR dan DAP. Misalnya dalam isu pelaksanaan Kanun Jenayah Syariah, pendirian Tuan Guru sentiasa bertegas untuk memastikan suatu hari nanti Kanun Jenayah Syariah pasti tertegak di Kelantan. Begitu juga, tanggungjawabnya untuk memutuskan melalui Majlis Syura Ulamak apa-apa pertikaian di peringkat PAS Pusat agar sentiasa mengikut landasan Islam. Sebagaimana dibuktikan dalam isu Menteri Besar Selangor, pendirian Majlis Syura Ulamak di bawah pimpinan Tuan Guru tetap bertegas atas prinsip keadilan Islam dalam memutuskan alasan yang selayaknya untuk menukar Menteri Besar Selangor.

Tuan Guru Pesuruhjaya

Kekalahan teruk PAS dalam pilihan raya umum 1978 menyebabkan ramai para penyokong PAS Kelantan mendesak supaya kepimpinan disusun semula di semua peringkat demi menyelamatkan parti. Keputusan pilihan raya tersebut menyaksikan PAS hanya memenangi 2 kerusi parlimen daripada 12 kerusi, iaitu di Pengkalan Chepa dan Bachok. Sementara bagi kerusi DUN pula, PAS hanya memenangi 2 kerusi daripada 36 kerusi, iaitu di Sering dan Manek Urai.

Para penyokong PAS mahukan PAS dipimpin dan ditadbir oleh individu-individu daripada golongan pertengahan (bebas daripada masalah dalaman). Sementara itu ada pula yang berpandangan agar diwujudkan peralihan kepimpinan kepada mereka yang berpendidikan agama. Menyedari hakikat ini, Haji Mohd Amin Yaacob, sebagai seorang pemimpin PAS Kelantan yang berpengalaman dilantik mengetuai peralihan tersebut bersikap mementingkan *survival* parti bersedia memimpin untuk seketika Jemaah Pesuruhjaya (baca: Majlis Pesuruhjaya) bagi memastikan peralihan berlaku secara terbaik. Beliau telah berjaya ‘memujuk’ Tuan Guru agar menerima jawatan Pesuruhjaya PAS

Kelantan. Usaha memujuk itu dibuat demi untuk melihat perjuangan parti Islam harus dipimpin oleh tokoh yang berwibawa dan berkaliber. Meraikan pujukan itu, maka Tuan Guru bersetuju dilantik sebagai Pesuruhjaya pada 1 Mac 1981. Ia berlaku ketika arus kebangkitan Islam sedang melanda kepimpinan PAS dan mendapat sokongan kepimpinan peringkat Dewan Pemuda PAS Kelantan yang diketuai Ustaz Abdul Halim Abdul Rahman, iaitu selaku pimpinan baru PAS Kelantan.

Namun begitu, berdasarkan sumber saf kepimpinan yang pernah terlibat dalam memujuk, termasuk Ustaz Abdul Halim dan Haji Omar Mohamed, ternyata peringkat awalnya Tuan Guru agak keberatan untuk menerima perlantikan Pesuruhjaya PAS Kelantan. Namun beberapa pimpinan yang menemui Tuan Guru, mereka telah berkongsi kefahaman atas maksud hadis Nabi SAW: “Iaitu apabila seseorang itu telah dipilih sebagai pemimpin, sedang ia mempunyai kelebihan atas yang lain, adalah tidak wajar ia menolak pemilihan itu”. Maka dengan rasa rendah diri dan penuh rasa tanggungjawab (baca, berat hati) Tuan Guru meraikan pujukan itu dan menerima perlantikan Pesuruhjaya PAS Kelantan. Pemilihan Tuan Guru dianggap menepati bagi mengembalikan keutuhan (kekuatan) PAS Kelantan dalam situasi PAS ketika itu yang memerlukan tokoh yang bertaraf ulama untuk mengendali perjuangan Islam yang semakin kompleks. Apa yang pasti kepimpinan Tuan Guru dilihat sebagai salah satu faktor kebangkitan sokongan baru menjayakan misi pemulihan PAS Kelantan mengatasi kelemahan akibat kekalahan teruk tahun 1978.

Sebagai Pesuruhjaya PAS Kelantan yang baharu, Tuan Guru dikatakan telah berjaya menggabungkan saf kepimpinan yang merupakan gandingan di antara ulamak, veteran dan golongan muda yang berpendidikan membentuk satu saf yang kukuh dan padu. Tidak kurang pula ada yang berpendapat, kejayaan Tuan Guru menggandingkan saf kepimpinan tersebut adalah tindakan bijak oleh seorang ulamak inteligensia, sehingga berjaya membangkitkan semangat kerjasama antara ahli parti dan para penyokong PAS. Ia bermulanya momentum reformasi kepimpinan di dalam PAS yang mencetuskan gelombang ulamak menyertai saf kepimpinan. Terbukti, pada Muktamar PAS tahun 1982 telah menobatkan kepimpinan baharu dikenali sebagai ‘Era Kepimpinan Ulama’. Ini memberi kelebihan kepada PAS di Negeri Kelantan terutama dalam usaha ‘bangkit selepas tersungkur’ bagi menggerakkan misi menawan semula pentadbiran Negeri Kelantan daripada Barisan Nasional. Segala-galanya dilaksana dengan baik oleh Tuan Guru selaku Pesuruhjaya PAS Kelantan.

Tuan Guru Menteri Besar

Pada tahun 2008, Gerakan Rakyat Anti-Korupsi (GERAK) menganugerahkan kepada Tuan Guru sebagai Menteri Besar yang paling bersih di Malaysia. Rekod ini selari dengan penilaian antarabangsa (Royal Islamic Strategic Studies Centre) telah meletakkan Tuan Guru di tangga ke-42 daripada 500 orang pemimpin Islam berpengaruh di dunia pada tahun 2009. Sememangnya Tuan Guru seorang yang tegas memerangi rasuah di dalam pentadbiran kerajaan. Ketika Tuan Guru diseret dalam isu rasuah membabitkan jawatan Ketua Pegawai Eksekutif Perbadanan Menteri Besar Kelantan (PMBK) yang disandang oleh menantunya, terserlah pendirian tegasnya dan berlapang dada untuk sedia disiasat oleh Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM). Dalam kes ini, Tuan Guru telah mengeluarkan kenyataan: “Sedia buka pintu, 24 jam untuk SPRM”.

Berpandukan pengalaman rekod kejayaan selaku seorang Menteri Besar dan pemimpin gerakan Islam (pendakwah dan politikus) membuktikan Tuan Guru seorang yang bertaraf ulamak kontemporari. Tuan Guru sentiasa mempraktikkan pendekatan kepimpinan berorientasikan tajdid di sepanjang legasinya memimpin PAS dan Kerajaan Negeri. Misalnya, Tuan Guru sepanjang memimpin masyarakat Kelantan keutamaannya ialah sentiasa menitip nilai-nilai yang menyuburkan perjuangan Islam dalam kerangka Islam sebagai cara hidup (*ad-din; Islam as the way of life*). Maka Tuan Guru memulakan dengan dirinya (hidup bersederhana) sebagai seorang suri teladan beramalkan sunnah. Tepatlah dengan maksud “Ulama adalah pewaris Nabi”.

Kelangsungan ciri-ciri ‘pewaris nabi’ turut membuahkan aura dan nilai kepimpinan yang karismatik. Lantaran itu, sokongan rakyat terhadap kepimpinan Tuan Guru dijelmakan secara praktikal dengan sokongan majoriti dalam setiap kali pilihan raya. Malah atas nama masyarakat, termasuk semua kaum (di seluruh Kelantan dan negara) turut menaruh keyakinan kepada gaya kepimpinannya yang mesra dan harmoni. Lebih-lebih lagi setiap kali penampilan sebagai Al-Mursyidul Am, mahupun sebagai Menteri Besar Kelantan, Tuan Guru seringkali dihormati oleh rakan dan khalayak awam. Ini menepati aksiom kepimpinan yang dianalisis oleh Sharir (2010, 2011). Demikianlah Tuan Guru yang telah meninggalkan legasi tuntas sepanjang zaman.

Legasi Politik dan Pentadbiran

Semenjak dilantik sebagai Menteri Besar atau ketua pentadbiran Kerajaan Negeri Kelantan, Tuan Guru Haji Nik Abdul Aziz sentiasa menjadi tumpuan utama pengkaji politik, golongan intelektual dan pencinta gerakan Islam. Ini kerana Tuan Guru sememangnya memiliki kesan daripada gaya kepimpinan yang unik sehingga boleh mencetuskan rasa ingin tahu dan menyaksikan sendiri nilai-nilai keunikan itu. Sehingga ada pihak yang mengaitkan salah satu punca bertambahnya kehadiran pelancong domestik datang ke Kelantan adalah faktor kepimpinan Tuan Guru. Sebagai contoh, data pelancongan membuktikan kehadiran pelancong domestik bagi penggal pertama kepimpinannya pada 1990 berjumlah 557,255 telah meningkat kepada 1,209,170 tahun 1995.

Begitu juga, kejayaan merekodkan KDNK yang baik mengatasi paras nasional dalam tempoh tiga tahun—2006 (5.9% lawan 5.8%), 2007 (7.5% lawan 6.5%) dan 2008 (5.1% lawan 4.1%). Walaupun begitu, peningkatan itu ada kaitan juga dengan suasana sosiopolitik yang berbeza dengan negeri lain, antaranya kerana sistem pentadbiran Negeri Kelantan yang berasaskan Islam.

Perubahan demi perubahan terus dilakukan oleh Tuan Guru daripada segi pengurusan kewangan tanpa riba, menutup punca maksiat, aktiviti haram seperti judi dan menyusun premis arak serta menguatkuasakan aktiviti hiburan. Diikuti dengan memperkenalkan peraturan pentadbiran berteraskan syariah dalam Kerajaan Negeri Kelantan. Kesemua perubahan itu adalah berpandukan dasar Membangun Bersama Islam yang berdiri di atas tiga teras—‘Ubudiyah, Mas’uliyah dan Itqan. Teras pentadbiran Islam ini adalah sentiasa proaktif terhadap kemajuan, sebagaimana pada zaman Rasulullah SAW, berlakunya hijrah adalah suatu dorongan kemajuan yang bersifat menyeluruh merangkumi semua segi politik, ekonomi dan sosial. Pendekatan proaktif sebegini menjadi misi Tuan Guru tatkala memegang jawatan sebagai Menteri Besar Kelantan.

Dorongan Tuan Guru sebagai pemimpin adalah untuk memastikan kemantapan sesebuah organisasi, termasuklah PAS sebagai sebuah parti politik Islam. Ia bergantung kepada kecekapan pentadbiran dan kemahiran pengurusan sumber yang ada demi mencapai matlamatnya. Hal ini selaras dengan kehendak Islam, sebagaimana Allah SWT berfirman yang bermaksud:

“Sesungguhnya Allah mengasihi orang-orang yang berperang untuk membela agama-Nya dalam saf (barisan) yang tersusun rapi, seolah-olah mereka sebuah bangunan yang tersusun kukuh.” (Al-Saff: 4)

Atas semangat ini, perjuangan Islam yang dibawa oleh PAS tetap berpaksikan matlamat pelaksanaan pentadbiran yang bersistem (tersusun) demi mencapai keredaan Allah SWT. Sebagaimana termaktub dalam Fasal 5(1) Perlembagaan PAS: “Memperjuangkan wujudnya di dalam negara ini sebuah masyarakat dan pemerintahan yang terlaksana di dalamnya nilai hidup Islam dan hukum-hukumnya menuju keredhaan Allah”. Demi merealisasikan misi perjuangan ini, maka Tuan Guru telah mengisytiharkan bahawa pentadbiran dan undang-undang di Negeri Kelantan adalah berasaskan Islam. Oleh sebab itu, tanggungjawab Tuan Guru ialah memastikan situasi pelaksanaan pentadbiran hendaklah memenuhi matlamat politik dan dakwah mencapai keredaan Allah, iaitu menyeru umat manusia kepada syariat Allah dan sunnah Rasul-Nya. Hal ini selari dengan tuntutan Fasal 6(1) Perlembagaan PAS.

Justeru, Tuan Guru dilihat secara tersiratnya mempraktikkan dasar PAS di dalam pentadbiran Kerajaan Negeri tatkala mengungkapkan sumber al-Quran dan al-hadis sebagai rujukan pentadbiran. Demikian juga Tuan Guru turut mengambil pendekatan syura sebagai amalan permesyuaratan dalam menyempurnakan urusan kerajaan. Ini dikira penting ke arah mewujudkan gaya pentadbiran yang berintegriti. Bagi mempraktikkan pendekatan ini, Tuan Guru turut mengutamakan ‘dasar parti menguasai kerajaan’ di dalam mentadbir parti dan kerajaan. Hal ini dapat difahami melalui pendekatan yang diambil oleh Tuan Guru iaitu setiap perkara hendaklah terlebih dahulu mendapat keputusan parti. Maka Tuan Guru sentiasa komited mengadakan Mesyuarat Jawatankuasa Harian atau Mesyuarat Perhubungan PAS Negeri bagi mendapat keputusan parti sebelum ia dibawa untuk pelaksanaan di peringkat Kerajaan Negeri. Ini selari dengan amalan syura yang memerlukan setiap persoalan dasar haruslah disepakati dan mendapat konsesus pimpinan parti, terutama yang melibatkan dasar atau agenda utama untuk dilaksanakan dalam pentadbiran Kerajaan Negeri. Komitmen Tuan Guru sebegini sekaligus telah mengharmonikan kuasa politik dengan pentadbiran Kerajaan Negeri.

Berdasarkan penilaian umum pula, semenjak memegang tampuk pentadbiran Negeri Kelantan pada Oktober 1990, Tuan Guru sentiasa

memberi peringatan agar perkara yang bersangkutan-paut hal pentadbiran kerajaan itu dapat diserasikan dengan dasar-dasar Islam yang diputuskan. Kesemuanya ini perlu diserasikan di dalam apa jua program, aktiviti dan aturan di peringkat jabatan atau agensi di bawah Kerajaan Negeri. Boleh dikatakan kesemua amalan pentadbiran Islam ini telah membawa perubahan besar terhadap politik dan pentadbiran Negeri Kelantan. Antaranya Tuan Guru telah mengungkapkan bahawa apabila kita melakukan sesuatu biarlah ada ikatan dengan Allah. Misalnya teras ‘Ubudiah telah dihayati dan dijadikan peraturan dalam majlis rasmi kerajaan, iaitu memulakan majlis dengan bacaan surah al-Fatihah dan ditutup atau ditempokkan dengan doa tasbih Kafarah dan bacaan surah al-Asri. Objektif utama amalan ini adalah bagi mengingatkan kakitangan awam akan pentingnya nilai-nilai pengabdian kepada Allah ketika menjalankan tugas atau aktiviti serta meniatkan ia adalah satu amal ibadah.

Begitu pula, teras Mas’uliyah diamalkan peringkat pentadbiran Kerajaan Negeri, tatkala pada awal pembentukan Kerajaan Negeri, Tuan Guru bersetuju mewujudkan dua jawatan Timbalan Menteri Besar di atas hasrat untuk membuktikan pendekatan kebertanggungjawaban bersama dalam mengutuhkan kerjasama PAS-Angkatan di peringkat parti dan kerajaan- Ustaz Abdul Halim Abdul Rahman sebagai Timbalan Menteri Besar I (PAS) dan Haji Rozali Ishak sebagai Timbalan Menteri Besar II (Angkatan-Semangat 46)- telah melenyapkan nilai-nilai pertelingkahan yang cuba dicituskan oleh pihak yang tidak bertanggungjawab. Di sebalik perlantikan dua orang Timbalan Menteri Besar itu telah mewujudkan satu suasana kondusif seni pentadbiran yang lebih berkesan dan sekaligus memenuhi teras *itqan* (berkualiti) yang telah mengutuhkan lagi perjalanan pentadbiran Kerajaan Negeri.

Demikian pula, ketulusan dan komitmen memartabatkan hukum Allah di dalam pentadbiran dan perundangan Islam turut diusahakan oleh Tuan Guru menerusi penggubalan Kanun Jenayah Syariah (II) yang melibatkan hukum hudud dan qisas. Ia dimulakan dengan penubuhan sebuah jawatankuasa penggubal Enakmen Kanun Jenayah Syariah peringkat negeri yang keahliannya terdiri daripada ahli undang-undang sivil dan syarak yang akhirnya mendapat kelulusan Dewan Undangan Negeri Kelantan pada 25 November 1993. Langkah memperkenalkan undang-undang ini bagi Tuan Guru adalah sejajar dengan kehendak Islam yang menuntut agar hukum Islam hendaklah dilaksanakan apabila berkuasa. Sebagaimana firman Allah bermaksud:

“Hendaklah engkau menjalankan hukuman di antara mereka dengan apa yang diturunkan Allah.” (Al-Ma’idah: 49)

Walau bagaimanapun, undang-undang jenayah syariah yang telah diluluskan itu tidak dapat dilaksanakan kerana mendapat halangan Perlembagaan Persekutuan, di samping ia turut memerlukan kelulusan daripada Parlimen atau Kerajaan Pusat. Berhubung dengan pelaksanaan hukum Islam ini, Tuan Guru menyedari hakikat bahawa bidang kuasa Kerajaan Negeri adalah terhad. Atas keterhadan kuasa ini Tuan Guru menganggapkan seumpama suatu perjalanan yang belum sampai ke destinasi, namun enjin kereta tidak boleh dimatikan kerana terpaksa berhenti ketika lampu isyarat menyala merah dan kenalah menunggu sehingga lampu isyarat bertukar hijau.

Berdasarkan kiasan Tuan Guru itu, umumnya memahami hukum jenayah Islam itu tidak mungkin dapat dilaksanakan selagi tidak ada kelulusan daripada Kerajaan Pusat. Ini kerana dalam sesetengah bidang kuasa yang ada pada Kerajaan Negeri sifatnya adalah terhad dan terikat serta memerlukan sokongan daripada agensi penguatkuasa Kerajaan Pusat seperti polis dan penjara. Selain adanya halangan perundangan yang sedia ada seperti Akta 355 yang menetapkan kadar hukuman oleh Mahkamah Syariah pada had tiga tahun penjara, lima ribu ringgit denda dan enam sebatan rotan.

Justeru, tujuan dan tumpuan Tuan Guru sementara sistem perundangan Islam dapat dilaksanakan sepenuhnya, maka tumpuannya ialah menjalankan tadbir urus terbaik (*good governance practice*) yang mengutamakan amalan prinsip jimat cermat di dalam pengurusan belanjawan dan peraksanaan projek pembangunan. Keutamaan Tuan Guru ialah meningkatkan kebajikan dan kesejahteraan rakyat. Walaupun pendapatan hasil tahunan Kerajaan Negeri Kelantan adalah rendah iaitu dalam sekitar RM 130 juta setahun (sekitar 1990-an) dan meningkat sekitar RM400 juta (sekitar tahun 2000), namun kerajaan masih mampu melaksanakan pengurusan pentadbiran dan pembangunan dengan baik. Tambahan pula, Tuan Guru turut mengamalkan prinsip mengurangkan pergantungan dengan tidak meminjam daripada Kerajaan Pusat. Hasilnya hutang yang ditinggalkan oleh Kerajaan Barisan Nasional sebelum 1990 sekitar RM600 juta dapat dibayar oleh Kerajaan Negeri mengikut jadualnya sebanyak RM25 juta dalam tempoh 1991-1998.

Kerohanian mengukuh pentadbiran

Realiti Tuan Guru amat istiqamah dalam menampilkan gaya kesederhanaan yang tersendiri dan bersifat unik. Gaya kesederhanaan itulah yang telah mencorakkan pendekatan tadbir urus kerajaan negeri. Ini terjadi mungkin ada keberkatan dan asbabnya adalah kerana Tuan Guru memiliki amalan kerohanian yang bersistematik dalam menghubungkan dirinya dengan Allah SWT pada sepanjang hari. Amalan kerohanian itu dapat diamati dan dihayati tatkala mengikuti rutin hidup Tuan Guru sama ada di dalam dan luar pejabat, di masjid atau ketika menjalankan urusan kerajaan mahupun tugas sebagai pemimpin jemaah (PAS).

Jika di Pejabat Menteri Besar, sebelum memulakan tugas Tuan Guru akan solat sunat duha terlebih dahulu. Sementara waktu Zohor dan Asar, acap kali Tuan Guru menunaikan solat berjemaah bersama-sama staf di pejabat. Begitu pula, selepas solat berjemaah, Tuan Guru istiqamah beristighfar, kemudian membaca Al-Fatihah dan ayat Al-Kursi, dan tatkala berdoa, Tuan Guru sentiasa mendoakan agar ahli keluarga tergolong dalam kalangan yang istiqamah menunaikan solat dan menjadi orang yang muttaqin diikuti dengan memohon kebaikan di dunia dan kebahagiaan di akhirat. Dalam hal ini, seorang akan pernah bertanya, apakah amalan rutin Tuan Guru sebagai menguatkan kerohanian diri. Jawabnya, “Jangan tinggal bacaan Fatihah dan ayat Kursi setiap kali lepas sembahyang.”

Sementara sudut ibadat di masjidnya di Pulau Melaka, Tuan Guru sentiasa melaksanakan kehidupannya sebagai murabbi, iaitu pada setiap hari Khamis dan Jumaat diadakan kuliah (bermula Maghrib sehingga Isya’). Sementara setiap pagi Jumaat sebaik selepas solat subuh Tuan Guru mengamalkan bacaan wirid dan zikirnya tersendiri, diikuti dengan penyampaian kuliah Subuh kepada ahli jemaah. Selepas itu, Tuan Guru akan meraikan majlis tahnik bayi-bayi yang dibawa khusus oleh ibu bapa masing-masing. Hal ini merupakan suatu petunjuk penerimaan masyarakat atas sifat murabbi Tuan Guru sebelum dan selama masa menjawat menteri besar.

Sesungguhnya hari Jumaat merupakan kesibukan bagi Tuan Guru sebagaimana juga sibuknya pada hari-hari berkerja di pejabat. Justeru Tuan Guru sendiri pernah mengumumkan hari Jumaat sebagai hari ilmu. Maksud hari ilmu itu boleh difahami apabila mengikuti perjalanan hidup Tuan Guru pada sepanjang hari. Didapati Tuan Guru mengutamakan pendekatan murabbi kepada masyarakat.

Di sebalik pendekatan murabbi itu pula, Tuan Guru mempunyai jadual kuliah yang tersusun; pertama pada sesi Subuh di masjidnya, kedua pada jam 9.30 pagi menyampaikan kuliah Jumaat di Medan Ilmu Kota Bharu dan ketiganya akan hadir jemputan berkhotbah Solat Jumaat di mana-mana masjid di dalam kawasan Dun Chempaka yang diwakilinya. Ada kalanya pula, pihak pejabat parti turut menyusun jadual untuk Tuan Guru menyampaikan ceramah di sebelah malamnya di serata pelusuk negeri dan sekali dalam sebulan (atas kapasitinya selaku Al-Muridyul Am PAS) mengadakan aktiviti ceramah di luar Kelantan. Kesemuanya disusun sebegitu kerana kehendak Tuan Guru sendiri yang sentiasa memikirkan ruang dan masa untuk menyampaikan apa jua ilmu dan isu kepada masyarakat.

Ia menepati prinsip murabbi Tuan Guru, beristiqamah bagi mendidik masyarakat. Maka selayaknya Tuan Guru bergelar *Murabbi Ummah* kerana sifatnya yang gigih menyampaikan ilmu dan dakwah yang selari dengan sunnah Nabi Muhammad SAW. Seorang ‘pengasuh ummah’ yang dilahirkan oleh Allah. Sifat pengasuh itu boleh dilihat padanya dari pelbagai sudut, sehingga ada yang menulis, merakam dan menjadi sebutan orang (perbincangan) atas apa yang Tuan Guru sampaikan di dalam kuliahnya.

Pembangunan dan Perancang Ekonomi

Pembangunan ekonomi merupakan satu elemen penting yang menentukan maju mundurnya sesebuah kerajaan. Setiap pemimpin negara akan cuba untuk menstabil dan mengukuhkan institusi ekonomi agar masyarakat boleh terus membangun dan maju di dalam pelbagai bidang pekerjaan dan perkhidmatan. Tuan Guru menyedari sumber kekayaan negeri perlu diurus dengan cermat demi meningkatkan perkembangan ekonomi negeri. Meskipun Kelantan belum mencapai kedudukan ekonomi yang kukuh, namun keazaman Tuan Guru untuk menjadikan Kelantan mencapai pembangunan yang seimbang—berkualiti di dunia dan menjamin kesejahteraan di akhirat. Keazaman sebegini memerlukan perancangan yang seimbang, sebagaimana firman Allah yang bermaksud:

“Manusia itu tidak akan mendapat apa-apa, kecuali apa yang diusahakannya.” (Al-Najm: 39)

Bagi Tuan Guru merancang pembangunan negeri hendaklah dilakukan secara bersungguh-sungguh dan bukan secara sambil lewa.

Sesungguhnya Allah itu amat menyukai orang yang melakukan sesuatu perkara itu dengan jujur dan bersungguh-sungguh selari dengan sabda Rasulullah SAW yang bermaksud: “Sesungguhnya Allah sangat kasih apabila seseorang kamu melakukan pekerjaan, dilakukannya dengan penuh tekun dan cemerlang”.

Justeru, pembangunan ekonomi hendaklah berteraskan Islam, maka Tuan Guru turut mempraktikkan pendekatan ekonomi yang mengutamakan aspek halal dan haram. Semasa pembentangan Belanjawan Negeri Kelantan 1991, iaitu pada sidang pertama Dewan Undangan Negeri Kelantan selepas pilihan raya umum 1990, Tuan Guru telah menggariskan pendekatan ekonomi dan kewangan yang berteraskan sumber hasil yang halal dan tidak akan diambil hasil melalui aktiviti haram. Maka premis jualan tiket Sport TOTO tidak dibenarkan. Keputusan itu diambil atas dasar judi ini bukan sahaja dilihat dari sudut agama semata-mata, malah dilihat juga dari aspek kerosakan ekonomi dan sosial kerana akibat berjudi boleh mendatangkan budaya malas dan berhutang serta perbalahan dalam rumah tangga. Sebaliknya Tuan Guru telah menyarankan agar mereka (penjudi) dapat mengubah nasib mereka dengan bekerja keras dan produktif, bukannya mengharapkan rezeki melalui nasib (perjudian).

Tuan Guru seterusnya melaksanakan pengurusan kewangan negeri yang mesra syariah. Antaranya keputusan memindahkan semua wang Kerajaan Negeri daripada bank riba kepada Bank Islam. Diikuti dengan pelaksanaan sistem pajak gadai Islam bagi menggantikan sistem yang dahulunya adalah sistem konvensional yang mengenakan riba. Pada pertimbangan Tuan Guru, tanggungjawab menyelamatkan masyarakat daripada tekanan riba (khususnya orang Islam) perlu diutamakan, maka sistem itu digantikan dengan sistem pajak gadai Islam (*al-Rahn*). Melalui sistem *al-Rahn* ini, Kerajaan Negeri telah membuka kedai pajak gadai yang dikelolai oleh syarikat berkaitan Kerajaan Negeri (GLC) melalui Binaraya atas nama Pajak Gadai Ar-Rahn. Kewujudan Ar-Rahn ini telah menolong membebaskan rakyat daripada cengkaman ribawi dan sekaligus memenuhi tuntutan agama di samping memenuhi keperluan ekonomi (pinjaman segera).

Seterusnya, Tuan Guru turut melaksanakan perancangan ekonomi bersifat jangka panjang. Ia penting bagi negeri Kelantan ke arah memajukan ekonomi negeri dan meningkatkan taraf ekonomi rakyat.

Antara usaha yang diputuskan oleh Tuan Guru ialah mengenalpasti beberapa kawasan untuk dimajukan, seperti pelabuhan perikanan (Tok Bali) Pasir Putih seluas 50 ekar sebagai projek usahasama antara Perbadanan Kemajuan Iktisad Negeri Kelantan (PKINK) dengan pelabur-pelabur. Hingga ke hari ini (sejak tahun 1995) kawasan Tok Bali dinaik taraf sebagai Perbadanan Pembangunan Tok Bali bertujuan untuk melaksanakan pakej pembangunan yang sempurna.

Demikian pula, Tuan Guru sentiasa bersikap terbuka dalam memastikan masa hadapan kemajuan ekonomi negeri setanding dengan negeri-negeri lain. Justeru atas prinsip keterbukaan di bawah semangat federalisme Tuan Guru bersetuju untuk bersama-sama memajukan Negeri Kelantan di bawah rancangan Koridor Ekonomi Pantai Timur (ECER). Komitmen Kerajaan Negeri (selain Kelantan, ialah Terengganu dan Pahang) adalah menyediakan dan meluluskan kawasan (tanah) untuk dibangunkan pelbagai projek pembangunan, sementara Kerajaan Pusat menyalurkan peruntukan kewangan serta kepakaran. Atas prinsip keterbukaan ini juga, banyak tanah-tanah milik Kerajaan Negeri telah diserahkan kepada Kerajaan Pusat demi merencanakan pembangunan sosioekonomi Negeri Kelantan.

Justeru, sepanjang kepimpinan Tuan Guru selaku Ketua Pentadbir Negeri Kelantan, kadar pertumbuhan ekonominya tidak seteruk yang dimomokkan oleh media massa. Misalnya bagi tahun 2006-2008, peningkatan KDNK perkapita melonjak naik dari 6.7% (2006) kepada 14.1% (2007) dan merosot sedikit kepada 13.0% (2008). Kesemuanya menggambarkan peratusan yang setanding atau mengatasi peratus nasional.

Apa yang pasti pendekatan pembangunan yang diambil oleh Tuan Guru turut melibatkan aspek perancangan kewangan, seperti menubuhkan Tabung Serambi Mekah yang membolehkan Kerajaan Negeri menerima sumbangan awam yang diberi pelepasan cukai pendapatan. Sumbangan awam (termasuk individu) adalah diterima daripada sumber halal dan haram (duit riba). Pembiayaan tabung ini adalah meliputi usaha menampung kewangan dalam bentuk bantuan dan pertolongan kepada golongan fakir miskin, mangsa malapetaka, bencana alam serta melaksanakan aktiviti-aktiviti kebajikan dan projek-projek pembangunan prasarana. Pelancaran Tabung Serambi Mekah disempurnakan oleh Tuan Guru pada 6 April 1991, di Balai Islam Lundang dan pada hari

pelancarannya sebanyak RM194,666.02 diterima daripada sumbangan orang ramai dan agensi/syarikat dan empat hari kemudian jumlahnya telah meningkat kepada RM490,290.32. Hari ini, Tabung Serambi Mekah kekal popular sebagai Tabung Amanah Kerajaan Negeri untuk membantu (berkebajikan) kepada rakyat.

Pembangunan Insan

Sebagaimana dinyatakan sebelum ini, Tuan Guru amat komited dalam mengilmukan ahli masyarakat. Malah menjadi keutamaan bagi memastikan sistem sosial adalah berpandukan sistem/cara hidup Islamik. Bagi merealisasikan komitmen ini, Tuan Guru sendiri mengambil langkah ‘bertazkirah’ pada setiap kali perjumpaan rasmi, termasuklah semasa perbahasan dan penggulungan pada setiap kali sidang Dewan Negeri Kelantan.

Hal ini terus dipraktikkan dalam bentuk dasar dan peraturan pentadbiran Islam peringkat jabatan Kerajaan Negeri. Antaranya Tuan Guru mewajibkan semua pegawai dan kakitangan Kerajaan dan semua peniaga atau pekerja wanita yang beragama Islam menutup aurat semasa bertugas. Berusaha meningkatkan lagi syiar Islam pada setiap bulan Ramadhan diadakan program Ihya’ Ramadhan (Tadarus Al-Quran di semua masjid, madrasah/surau dan jabatan Kerajaan Negeri). Majlis Perbandaran Kota Bharu (MPKB) pula menganjurkan solat tarawih di tempat terbuka dikenali sebagai Qariah Ramadhan bertujuan bagi memudahkan umat Islam yang bermusafir dapat mengerjakan solat tarawih secara berjemaah.

Bagi Tuan Guru, sistem sosial hendaklah mendorong kepada pembangunan insan agar muncul cara hidup yang berakhlak. Maka dilaksanakan usaha membendung punca penyakit sosial seperti budaya lepak di kalangan remaja dan muda-mudi dengan menutup punca maksiat. Termasuklah menutup semua pusat-pusat permainan video (*video games*), biliard dan snooker, meskipun tindakan ini telah mengurangkan pendapatan hasil kerajaan. Sebaliknya Tuan Guru turut menggesa setiap hiburan atau permainan tradisi menjaga nilai-nilai akidah Islam. Maka permainan tradisi, seperti wayang kulit, dikir barat dan makyong perlu diperbetulkan agar tidak bercanggah dengan hukum Islam. Hakikatnya Islam tidak menghalang permainan tradisi rakyat Kelantan namun ia hendaklah tidak melalaikan dan merosakkan agama itu sendiri.

Demikian lagi, Tuan Guru selaku ketua eksekutif kerajaan sekaligus murabbi masyarakat adalah amat jujur bertindak ke arah mewujudkan suasana persekitaran kondusif untuk penghayatan Islam. Atas tujuan dan fikrah sebegini Tuan Guru mengarahkan supaya setiap Majlis Daerah, khusus Majlis Perbandaran Kota Bharu (MPKB) dipasang dengan papan tanda/sepanduk-sepanduk bernilai mendidik untuk mengajak rakyat supaya mendekati diri kepada Islam. Antara yang dipaparkan ialah papan tanda ditulis kalimah suci “*Subhanallah, Alhamdulillah, Allahuakbar*” dan seruan “jauhilah kamu daripada perbuatan maksiat”. Sasaran utama ialah di tempat-tempat strategik seperti di simpang jalan utama perhentian bas ataupun teksi, kompleks membeli-belah, pusat rekreasi dan juga di pantai perkelahan. Bagi menzahirkan hasrat ini, setiap Majlis Daerah diarah mengambil inisiatif melaksanakan pendekatan pendidikan melalui pemasangan syiar Islam, di samping menubuhkan Unit Pembangunan Islam.

Selain itu, Tuan Guru turut menitikberatkan aspek pembangunan insan kepada pelbagai lapisan masyarakat. Hal ini membawa kepada penubuhan Tabung Amanah Tok Kenali (TATOK) pada tahun 1993 bertujuan untuk menyuburkan lagi tradisi keilmuan di Negeri Kelantan. Sumber kewangan TATOK asalnya daripada hasil pampasan pembinaan Empangan Pergau Tenaga Nasional Berhad (TNB) sebanyak RM2 juta setiap tahun berperanan untuk manfaat seluruh warga Kelantan, TATOK juga turut membantu mereka yang ingin melanjutkan pengajian ke peringkat sarjana dan kedoktoran. Apa yang penting, tekad Tuan Guru ialah untuk menyebarkan nilai-nilai estatika budaya ilmu sejak awal reformasi keilmuan di Kelantan era Tok Kenali kekal subur sehingga kini. Seterusnya melangsungkan kesinambungan sistem pendidikan Islam berkembang pesat, maka selayaknya Kelantan kekal dan diperkasakan dengan nama jolokan Negeri Tadahan Wahyu, Tanah Serendah Serambi Mekah.

Pembangunan Pendidikan

Keutuhan dan kestabilan politik sesebuah kerajaan adalah berkait rapat dengan tahap pendidikan rakyatnya. Kemajuan pendidikan bukan sahaja mencerminkan kejayaan seseorang individu semata-mata, tetapi sebenarnya turut mencerminkan keupayaan seseorang dapat memanfaatkan ilmu pengetahuan menguasai cabaran kehidupan dan masa depannya. Hal ini menjadi matlamat Tuan Guru sepanjang khidmatnya sebagai Menteri Besar Kelantan.

Sehubungan itu, tanggungjawab Tuan Guru adalah mengutamakan pendidikan Islam sebagai penggerak kemajuan Negeri Kelantan. Peranan ini terletak di bawah Yayasan Islam Kelantan (YIK) yang pada awal pentadbiran Tuan Guru telah peruntukan sebanyak RM18 juta setahun. Jumlah itu kemudiannya telah bertambah kepada RM60 juta. Yayasan Islam Kelantan yang bertindak sebagai badan induk di dalam melaksanakan dasar pendidikan Islam yang berkonsepkan “pendidikan sepadu” antara ‘diniyah’ dengan ‘sains’ dan ‘tahfiz’. Selain itu, Kerajaan Negeri turut memberi perhatian kepada pembinaan bangunan baru sekolah-sekolah YIK bagi menampung lebih ramai lagi mengikuti pendidikan Islam. Misalnya pada tahun 2010, seramai 36,842 orang murid belajar di semua peringkat pusat pengajian dan sekolah YIK. Jumlah ini dikatakan meningkat mencecah 40 ribu orang selepas era kepimpinan Tuan Guru berikutan akan siapnya pembinaan beberapa buah sekolah baru, termasuk pembinaan Kolej Tahfiz Tok Guru di Pengkalan Chepa.

Tuan Guru juga mahukan Yayasan Islam Kelantan turut mempelbagaikan kegiatan ko-kurikulum agar memenuhi konsep pendidikan Islam yang menyediakan pelajar berketrampilan dari segi kepimpinan, berakhlak mulia, bermotivasi dan dapat menyesuaikan diri dengan kehidupan masyarakat Islam. Begitu juga dengan guru-guru YIK selain diberikan jawatan tetap, turut digesa berusaha keras bagi meningkatkan prestasi dalam memastikan kecemerlangan pendidikan Islam. Justeru di sepanjang perkhidmatannya Tuan Guru adalah Pengerusi Yayasan Islam Kelantan (1990-2013) yang begitu proaktif membawa kemajuan pendidikan Islam ke tahap sekarang.

Walaupun begitu, Tuan Guru bertekad untuk memastikan Kelantan terus menjadi pusat pendidikan pondok, demi penerusan ‘lahirnya’ ulamak berkepimpinan haraki. Oleh itu, Kerajaan Negeri menyokong penubuhan Pusat Pembangunan Pondok Berhad pada 2 April 1995 bagi membantu Pusat Pengajian Pondok (peringkat awal 20 buah pondok yang berdaftar) bagi mengembangkan lagi pusat pengajian pondok di seluruh Negeri Kelantan. Di antara pondok yang terkenal dan berkembang pesat di Kelantan ialah Madrasah Muhammadiyah Sungai Durian, Madrasah Diniyah Al-Bakriah Pasir Tumboh dan Madrasah Rahmaniah Lubok Tapah. Di samping itu, Kerajaan Negeri turut memberi elaun kepada guru-guru pondok sebagai mengenang jasa mereka di dalam mengembangkan ilmu pengajian Islam melalui pusat-pusat pengajian pondok. Hakikatnya Tuan Guru sendiri amat memahami besarnya peranan dan manfaatnya pondok

kepada masyarakat kerana beliau sendiri pernah mendapat ilmu dari didikan guru-guru pondok. Justeru, berkembangnya sistem pendidikan Islam melalui pusat-pusat pengajian pondok, ia turut menjadikan Negeri Kelantan kekal terkenal bukan sahaja di seluruh negara, malah turut terkenal dengan jolokan ‘Negeri Serambi Mekah’.

Demikian pula, pada awal pentadbiran kerajaan PAS-Angkatan Tuan Guru memastikan perkembangan pendidikan Islam seawal usia menerusi sekolah-sekolah asuhan kanak-kanak seperti Pusat Asuhan Tunas-tunas Islam (PASTI). Ini dilakukan demi menjayakan matlamat kerajaan untuk melahirkan generasi yang bertakwa dan berakhlak mulia. Begitu pula, turut diberi keutamaan ialah sistem pendidikan tahfiz al-Quran dan sambutanannya begitu baik bukan sahaja dalam kalangan masyarakat Kelantan, malah daripada masyarakat luar Kelantan. Misalnya, Maahad Tahfiz Al-Quran di Pulau Chondong, Maahad Tahfiz Sains di Tanah Merah dan Maahad Muhammadi Lelaki dan Perempuan di Kota Bharu turut memperuntukkan sekitar 8 peratus peluang belajar untuk pelajar daripada luar Kelantan. Justeru kemajuan bidang pendidikan Islam telah menjadi mercu tanda kejayaan Tuan Guru dalam memastikan pendidikan Islam terus berkembang di bawah YIK.

Keharmonian antara Kaum

Negeri Kelantan mempunyai komposisi penduduknya 95% adalah Melayu-Islam. Selebihnya lagi adalah Cina, India, Siam dan Orang Asli. Mengikut Banci Penduduk, pada tahun 1980 penduduk Kelantan berjumlah 950 ribu, kemudian terus meningkat pada tahun-tahun berikutnya—tahun 1990 (1.3 juta), 2000 (1.38 juta) dan tahun 2010 (1.47 juta). Meskipun begitu, kesan peningkatan tersebut tetap mengekalkan komposisi kaumnya, iaitu majoritinya orang Melayu. Di sisi Tuan Guru komposisi kaum itu tetap dianggap Kelantan adalah sebuah negeri yang bersifat majmuk yang patut diberi perhatian seadilnya. Apa yang penting, apabila Islam mentadbir keutamaan yang perlu dipamerkan adalah keadilan untuk semua. Rujukan Tuan Guru adalah model kerajaan Madinah pada zaman Rasulullah SAW, kemajmukan yang terlaksananya keadilan sehingga wujudnya keharmonian hubungan antara orang Islam dengan pelbagai suku Yahudi dan Arab Mekah dan Madinah (Muhajirin dan Ansar).

Begitu juga, pendirian Tuan Guru adalah selaras dengan tuntutan Islam kerana di dalam Islam tiada kekerasan dan paksaan sebagaimana firman Allah yang bermaksud:

“Tidak ada paksaan untuk (memasuki) agama (Islam), sesungguhnya telah jelas jalan yang benar dari jalan yang salah.”
(Al-Baqarah: 256)

Malah, Tuan Guru menggalakkan kerjasama dan hubungan bersifat toleransi dan harmoni antara golongan bukan Islam dengan golongan Islam di dalam semua bidang, termasuk bidang perniagaan, saksama tanpa mengira warna kulit dan kedudukan. Keadilan Islam yang menjadi keutamaan, ia menyebabkan masyarakat bukan Islam terus menyokong kepimpinan Tuan Guru. Malah hasratnya agar jabatan/agensi kerajaan turut menjemput masyarakat bukan Islam menghadiri majlis-majlis rasmi berkaitan dengan Islam seperti sambutan Maulidur-Rasul, Tilawah al-Quran dan sebagainya demi merapatkan lagi hubungan antara sosiobudaya masing-masing kaum. Demikian pula sebaliknya orang-orang Islam boleh hadir di majlis-majlis kebudayaan dan adat resam bukan Islam. Atas prinsip inilah Tuan Guru sendiri sentiasa hadir jempunan masyarakat bukan Islam seperti Perayaan Tahun Baru Cina dan majlis keramaian anjuran komuniti Cina, India dan Siam. Malah pernah satu ketika, Tuan Guru sanggup memendekkan waktu (tempoh) mesyuarat parti (PAS Negeri) semata-mata untuk hadir ke majlis bersama sami Buddha di Pasir Mas. Kesemua yang ditunjuk oleh Tuan Guru adalah bagi menggambarkan nilai toleransi Islam yang mengutamakan keharmonian hidup, asalkan tidak bercanggah dengan adab dan akidah Islam.

Amalan toleransi dan keharmonian antara kaum telah dilaksanakan secara rasmi dalam pentadbiran Kerajaan Negeri seperti mana keputusan Majlis Mesyuarat Kerajaan pada 11 November 1990 untuk melantik wakil-wakil kaum dalam beberapa jawatankuasa portfolio Exco Kerajaan Negeri bagi membolehkan masyarakat bukan Islam dan bukan Melayu mempunyai saluran untuk menyuarakan pendapat mereka kepada Kerajaan Negeri. Antara yang awal dilantik ialah Hang Hip Kuan dan Ko Beng Ee mewakili kaum Cina dan Datuk Abdul Rahim Shakh dan S.K.L Mani mewakili kaum India.

Berdasarkan keunikan itulah, maka masyarakat bukan Islam di Kelantan tetap merasai nilai keadilan dan layanan mesra Kerajaan Negeri termasuk hak pendidikan anak-anak. Misalnya Tuan Guru turut memperuntukkan tanah untuk tapak sekolah Cina dan meluluskan hak memiliki tanah untuk pusat aktiviti sosial serta kebebasan beragama. Sebagaimana pembinaan patung Buddha yang besar di Jubakar, Tumpat dan Kampung Balai, Bachok.

Sehubungan dengan dasar kebebasan antara kaum Kerajaan Negeri Kelantan telah meletakkan Tuan Guru sebagai seorang Menteri Besar yang dihormati oleh masyarakat daripada dalam dan luar Kelantan. Keadaan ini telah mengikat kesetiaan rakyat terhadap Kepimpinan Ulamak yang ditonjolkan oleh Tuan Guru. Ia suatu penghormatan kepada seorang ulamak yang memimpin Kelantan.

Hak dan Kedudukan Wanita

Islam adalah agama yang memberi layanan dan penunaian hak yang khusus terhadap wanita. Islam meletakkan taraf wanita bersama-sama di dalam perjuangan Islam seperti juga kaum lelaki. Dalam hal ini, Tuan Guru acap kali mengulangi pendiriannya selaku Menteri Besar untuk menunaikan hak kepada wanita Kelantan, demi kemajuan masa hadapan kaum wanita. Sebagaimana wanita mula dijulung kerana peranannya sebagai ibu, pendidik dan pendorong di dalam Islam pada zaman awal kedatangan Islam, maka Tuan Guru seringkali mengulang-ulang kelebihan wanita di dalam siri tazkirah mahupun ceramah atau ucapan rasminya. Penghayatan taraf wanita di sisi Tuan Guru adalah selari dengan sabda Rasulullah SAW yang bermaksud: “Wanita itu tiang negara, apabila sejahtera ia maka baiklah negara dan apabila binasa ia maka rosaklah negara”.

Oleh kerana itu, Dasar Wanita Negeri Kelantan telah digubal sebagai panduan dalam menguruskan pembangunan kaum wanita. Panduan utama ialah keperluan merujuk kepada aspek syarak di dalam mengatur apa sahaja aktiviti kewanitaan. Tujuannya agar kaum wanita sentisa terkawal daripada perbuatan maksiat atau sebarang diskriminasi. Kaum wanita digalakkan menjalankan aktiviti-aktiviti yang sedia ada, malahan tetap memberi ruang yang cukup baik. Ini dapat disaksikan dalam persekitaran bandar Kota Bharu ramai wanita yang aktif berniaga, khususnya di Pasar Besar Siti Khadijah yang majoriti peniagaanya di situ adalah kaum wanita. Sekaligus mencorakkan pemikiran dan penerimaan masyarakat tentang isu-isu kewanitaan di Kelantan berada pada kedudukan mulia dan dihormati. Realiti keserasian dasar Kerajaan Negeri yang kemudiannya menubuhkan Urusetia Pembangunan Wanita dan Keluarga dengan melantik pengarah dalam kalangan kepimpinan wanita.

Dalam hal yang sama, Tuan Guru membuktikan dengan keputusannya untuk memberi peluang kepada (baca, untuk melihat) pimpinan Muslimat sebagai demokrat yang cergas seperti juga lelaki. Atas

keputusan tersebut Tuan Guru telah melantik Ketua Dewan Muslimat PAS Negeri yang ketika itu adalah Ustazah Kalthom Othman sebagai senator wanita pertama mewakili Kerajaan PAS-Angkatan. Pada era kepimpinan Tuan Guru, antara pimpinan Muslimat yang pernah dilantik sebagai senator ialah Ustazah Jamilah Ibrahim, Ustazah Hunaizah Mohd Nor, Wan Ubaidah Omar, Mumtaz Md. Nawi dan Khairiah Mohamad.

Impaknya, dinamika kepimpinan Muslimat dalam pembangunan politik telah berlaku dengan sebaiknya di Kelantan. Apa yang pasti sunnah Rasulullah SAW yang turut memberi peranan kaum wanita seolah-olah belahan kaum lelaki. Rasionalnya Tuan Guru bersetuju melantik pimpinan Muslimat dalam pentadbiran (demokrat, senator) adalah suatu pengiktirafan terhadap wanita yang merupakan kira-kira 50% daripada jumlah pengundi dan dianggap golongan produktif kepada pembangunan negeri.

Kesimpulan

Secara keseluruhan, daripada legasi kepimpinan Tuan Guru sepanjang menjadi Pesuruhjaya/Al-Mursyidul Am PAS dan Menteri Besar Kerajaan Negeri Kelantan jelas menunjukkan bahawa Tuan Guru seorang pemimpin dan juga ulamak yang karismatik dan berwibawa memimpin dan mentadbir berpandukan ajaran Islam. Pembawaan kepimpinannya berjaya meletakkan Negeri Kelantan bercorak ad-daulah syumul yang merangkumi penerapan akidah, ibadah, akhlak, pentadbiran, kebajikan, keduniaan dan sebagainya. Hakikat ketinggian akhlak kepimpinannya, kini Kelantan muncul sebagai negeri yang disebut menjalankan dasar-dasar Islamis. Berlaku secara terancang teras pentadbiran berpandukan dasar Membangun Bersama Islam. Impaknya telah membawa kepada dominasi Syariah dalam pentadbiran yang mencorakkan akhlak pemimpin dan rakyat. Keutuhan pengurusan kewangan dan kemajuan ekonomi menurut acuan yang tersendiri. Malah dibanggakan, berjaya dalam pendidikan Islam yang mengutamakan perkembangan ilmu dan pembangunan insan yang berpaksikan ketakwaan.

Meskipun di sepanjang kepimpinan Tuan Guru berlaku cabaran legasi kesan amalan 'Persekutuan' yang berbeza dengan kuasa Pusat, namun demokrasi rakyat Kelantan terus mengekalkan dominasi dasar Membangun Bersama Islam sehingga penghujung kepimpinan Tuan Guru pada 2013. Natijah daripada nilai legasi Tuan Guru dapat diertikan sebagai pembuktian kepimpinan yang diolah dengan penuh kejujuran dan

kesungguhan serta keulamakan. Berkat-Nya kini Ustaz Ahmad Yakob meneruskan legasi Tuan Guru bersama ‘Kepimpinan Ulamak’ memimpin parti dan mentadbir Kerajaan Negeri Kelantan secara Islam. Demikianlah kesan legasi Tuan Guru yang mendapat taraf kepimpinan unggul untuk dijadikan suri teladan kepada pimpinan pelapis perjuangan Islam sepanjang zaman.

Rujukan

- Abdul Razak Ghani. 2002. *The Biography of the Honourable Tuan Guru Dato’ Haji Nik Abdul Aziz Nik Mat: The Chief Minister of Kelantan Darulnaim*. Kota Bharu: Kelantan State Information Secretariat.
- Abd. Rahim Anuar dan Azizah Mohd Yusof. 2001. Dasar Membangun Islam dan Pertumbuhan Ekonomi Kelantan. *Kertas kajian Fakulti Ekonomi Universiti Utara Malaysia*. Sintok: Universiti Utara Malaysia.
- Anual Bakri Haron. 2004. Koleksi Ucapan Rasmi II YAB Tuan Guru Dato’ Haji Nik Abdul Aziz Bin Haji Nik Mat Menteri Besar Kelantan. Kota Bharu: Dian Darulnaim Sdn. Bhd.
- Che Samsudin Mohamed Noor. 2019. *Manhaj Tok Guru Dalam Berinteraksi Dengan Al-Quran dan Sunnah*. Kota Bharu: Institut Pemikiran Tok Guru Dato’ Bentara Setia.
- Daniels, Timothy P. 2012. Economics and Ethics in Kelantan, Malaysia dlm. *Hofstra HORIZONS*, Spring 2012: 22-27.
- Dinsman (Pnyt.). 2000. *Sepuluh Tahun Membangun Bersama Islan Kelantan Di Bawah Kepimpinan Ulamak*. Kota Bharu: Pusat Kajian Strategik Negeri Kelantan.
- Jamal Mohd Lokman Sulaiman. 1999. *Bibliografi Tuan Guru Dato’ Haji Nik Abdul Aziz: Seorang Ulama’ serta Ahli Politik Malaysia di Abad ke-20*. Kota Bharu: SULFA Human Resources & Development.
- Kelantan. 1991. *Bibliografi YAB Tuan Guru Hj. Nik Abdul Aziz B. Hj. Nik Mat: Menteri Besar Kelantan*. Kota Bharu: Urusetia Penerangan Kerajaan Negeri Kelantan.
- Kelantan. 1992. *The Biography of YAB Tuan Guru Hj Nik Abdul Aziz Haji Nik Mat: The Chief Minister of Kelantan Darulnaim*. Kota Bharu: The Information Secretariat of Kelantan State Government.
- Kelantan. 2005. *Dasar-dasar Kerajaan Negeri Kelantan Darulnaim*. Kota Bharu: Pusat Kajian Strategik Negeri Kelantan.
- Kelantan. 2010. Seminar Hubungan Muslim-Non Muslim Dalam Konteks Malaysia: Ulasan Buku Prof. Dr. Yusuf Al-Qaradawi “Kedudukan Non Muslim Dalam Masyarakat Islam. Kota Bharu: Pusat Kajian Strategik Negeri Kelantan.
- Kelantan. 2011. *Hudud: Tuntutan Umat dan Tanggungjawab Pemimpin Islam*. Kota Bharu: Urusetia Penerangan Kerajaan Negeri Kelantan.
- Lotfi Ismail. 2000. *Rasulullah: Sumber Inspirasi dan Kekuatan Tuan Guru*. Kota Bharu: Lotfi Ismail.
- Mohammad Yusuf Marlon Abdullah & Ahmad A’toa’ Mokhtar. 2019. Pemikiran Dakwah Tuan Guru Nik Abdul Aziz Nik Mat Terhadap Masyarakat di Kelantan. Persidangan Antarabangsa Tokoh Ulama Melayu Nusantara 2019 ke-3. 22 Oktober.
- Mohd Asri Mat Daud. 2019. *Koleksi Ucapan Rasmi Menteri Besar Kelantan Siri I YAB Ustaz Dato’ Haji Ahmad Bin Yakob (Dato’ Bentara Kanan)*. Kota Bharu: UKMB Resources.

- Mohd Asri Mat Daud. 2019. *Koleksi Ucapan Rasmi Menteri Besar Kelantan Siri 2 YAB Ustaz Dato' Haji Ahmad Bin Yakob (Dato' Bentara Kanan)*. Kota Bharu: UKMB Resources.
- Mohd Azhar Abdullah, et. al. 2015. *Kanun Jenayah Syariah (II) (1993) 2015: Pengenalan dan Hala Tuju*. Tanah Merah: Pondok al-Ulum al-Qamariah.
- Mohd Fadli Ghani (Pnyt.). 2011. *Dua Dekad Kelantan: Membangun Bersama Islam*. Kota Bharu: Pusat Kajian Strategik Negeri Kelantan.
- Mohd Fadli Ghani (Pnyt.). 2018. *Islam Dalam Ketamadunan Kelantan*. Kota Bharu: Institut Pemikiran Tok Guru Dato' Bentara Setia.
- Mohd Saiba Yaacob. 2008. *Koleksi Ucapan Rasmi III YAB Tuan Guru Dato' Haji Nik Abdul Aziz Bin Haji Nik Mat Menteri Besar Kelantan*. Kota Bharu: Dian Darulnaim Sdn. Bhd.
- Nik Abdul Aziz Nik Mat. 2010. *Tekad Bersama Melaksana Hududullah - Perasmian Sambutan Hari Hududullah Negeri Kelantan*. Dlm. *Hukum Hudud: Tuntutan Umat dan Tanggungjawab Pemimpin Islam: Sempena Sambutan 60 Tahun PAS*. 1 Oktober.
- Shahrir Mohd Zain. 1431/2010. *Keunggulan Kepimpinan Tok Guru Nik Aziz*. Dlm. *QIADAH*. Jamadil Akhir 1431 Hijrah. Kota Bharu: Perbadanan Menteri Besar Kelantan.
- Shahrir Mohd Zain. 2011. *Kepimpinan Tok Guru Nik Aziz: Mengikuti Pandangan Sarjana Kepemimpinan Besar Sepanjang Zaman*. Kuala Lumpur: Kaab Enterprise.
- Surtahman Kastin Hasan & Norfdzilah Ahmad. 2004. *Pemikiran Tuan Guru Dato' Hj Nik Abdul Aziz Nik Mat dalam Ekonomi*. *Jurnal Usuluddin*. 10: 69-88.
- Wan Ismail Wan Jusoh. 1999. *Koleksi Ucapan Rasmi YAB Tuan Guru Dato' Haji Nik Abdul Aziz Bin Haji Nik Mat Menteri Besar Kelantan*. Kota Bharu: Dian Darulnaim Sdn. Bhd.
- Wan Nik Wan Yussof. 1995. *Kelantan Dalam Pelbagai Isu Hudud*. Kota Bharu: Urusetia Penerangan Kerajaan Negeri Kelantan.
- Wan Nik Wan Yussof (Pnyt.). 2011. *Perspektif Tok Guru*. Kota Bharu: Pusat Kajian Strategik Negeri Kelantan.
- Wan Nik Wan Yussof. 2013. *Dari Tok Guru Ustaz Ahmad Penerus Kepimpinan Ulama*. Kota Bharu: UKMB Resources.
- Wan Nik Wan Yussof. 2015. *Legasi Tok Guru: Politik dan Dakwah*. Kota Bharu: Pusat Kajian Strategik Negeri Kelantan.
- Wan Nik Wan Yussof. 1437/2016. *Tok Guru – Murabbi yang Mengubah Negeri*. Dlm. *QIADAH*. Rejab-Ramadhan 1437 Hijrah. Kota Bharu: Perbadanan Menteri Besar Kelantan.
- Wan Nik Wan Yussof (Pnyt.). 2017. *Bangkit Selepas Tersungkur: Tiga Dekad PAS Kelantan 1978-2008*. Kota Bharu: Pusat Kajian Strategik Negeri Kelantan.
- Wan Nik Wan Yussof & Nik Najmil Hanif Ab Rahim. 2020. *Membangun Bersama Islam Pembinaan Tamadun Kelantan*. Kota Bharu: Pusat Kajian Strategik Negeri Kelantan.
- Wan Nik Wan Yussof (Pnyt.). 2020. *Tiga Dekad Membangun Bersama Islam Negeri Kelantan*. Kota Bharu: Pusat Kajian Strategik Negeri Kelantan.
- Yusri Yusoff & Wan Nik Wan Yussof. 2017. *PAS Kelantan – Mudik Menongkah Arus Menyokong Pasang*. Kota Bharu: Badan Perhubungan PAS Negeri Kelantan.

SIGNIFIKAN BUDAYA POLITIK MATANG DAN SEJAHTERA (BPMS) DALAM MENANGANI KONFLIK KEPELBAGAIAN KAUM DI MALAYSIA

Latifah Abdul Majid
Fakulti Pengajian Islam UKM
umilm@ukm.edu.my

Mohd Nasir Abdul Majid
Universiti Sains Islam Malaysia
nasirmajid08@usim.edu.my

Wan Siti Norjannah W Sulong
wsnjannah12@gmail.com

Abstrak

Pendekatan relevan dan realistik perlu diterapkan dalam politik bertujuan untuk kesejahteraan masyarakat bukan kepada kepertaian sahaja. Konflik politik yang berbeza latar belakang kaum, agama memerlukan kepada suatu bentuk pendekatan politik yang berkesan. Ketegangan suasana politik dan keadaan masyarakat yang rencam menyebabkan kestabilan negara terjejas bagi menangani kepelbagaian kaum untuk membangunkan masyarakat yang harmoni dan sejahtera. Justeru, ia memerlukan kepada perubahan dari sudut kerjasama parti politik dan kebersamaan matlamat kearah keamanan dan kesejahteraan sejagat. Kajian ini menggunakan reka bentuk analisis dokumen dan dianalisis secara deskriptif. Artikel ini membincangkan signifikan Budaya Politik Matang dan Sejahtera (BPMS) yang diperkenalkan oleh Abdul Hadi, selaku tokoh pemimpin parti politik Islam di Malaysia dalam menangani konflik kepelbagaian bagi mengekalkan kestabilan politik dan keharmonian hubungan. Tegasnya, kematangan berpolitik dalam geografi realiti kemajmukan amat penting dalam memastikan kedaulatan dan keselamatan rakyat negara ini.

Kata Kunci: pemikiran, pendekatan, Abdul Hadi, BPMS, kepelbagaian kaum

Pendahuluan

Islam adalah agama sejagat yang memberikan penekanan terhadap kesejahteraan hubungan antara manusia dan manusia. Bagi menjamin kesejahteraan ini, Islam menitik beratkan kepentingan mengenali satu sama lain (*ta'aruf*) dan saling bekerjasama (*ta'awun*) di atas prinsip keadilan dan kebajikan, serta kesaksamaan kedudukan di sisi Tuhan tanpa mengambil kira jantina, keturunan mahupun harta. Islam juga memperkenalkan konsep masyarakat madani secara sejagat dalam amalan politik, ekonomi dan sosial berteraskan ilmu dan berakhlak tanpa paksaan

dalam perkara agama dan budaya dan saling mengerti antara satu sama lain. Islam berjaya menyelesaikan masyarakat majmuk melalui pendekatan banyaknya titik persamaan dari segi fitrah kemanusiaan dan keperluan hidup bermasyarakat.

Di antaranya ialah memperkenalkan konsep adil terhadap semua yang menjadi ciri ketakwaan dalam ajaran Islam yang meninggikan martabat manusia di sisi Allah. Hal ini sejajar dengan firman Allah SWT dalam Surah Al-Hujurat ayat 13 dan surah Al-Ma'idah ayat 8:

يَا أَيُّهَا النَّاسُ إِنَّا خَلَقْنَاكُمْ مِنْ ذَكَرٍ وَأُنْثَىٰ وَجَعَلْنَاكُمْ شُعُوبًا وَقَبَائِلَ لِتَعَارَفُوا ۗ إِنَّ أَكْرَمَكُمْ عِنْدَ اللَّهِ أَتَقْوَاهُ ۗ
إِنَّ اللَّهَ عَلِيمٌ خَبِيرٌ

Maksudnya: *“Wahai manusia! Sesungguhnya Kami telah menciptakan kamu daripada seorang lelaki dan seorang perempuan, kemudian Kami jadikan kamu berbangsa-bangsa dan bersuku-suku agar kamu saling kenal mengenali, sesungguhnya yang paling mulia diantara kamu di sisi Allah ialah orang yang paling bertakwa. Allah Maha Mengetahui, lagi Maha Teliti.”* (Al-Hujurat: 13)

يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا كُونُوا قَوَّامِينَ لِلَّهِ شُهَدَاءَ بِالْقِسْطِ ۗ وَلَا يَجْرِمَنَّكُمْ شَنَاٰنُ قَوْمٍ عَلَىٰ ءَآلٍ
تَعْدِلُونَ ۗ أَعْدِلُوا ۗ هُوَ أَقْرَبُ لِلتَّقْوَىٰ ۗ وَاتَّقُوا اللَّهَ ۗ إِنَّ اللَّهَ خَبِيرٌ بِمَا تَعْمَلُونَ

Maksudnya: *“Wahai orang-orang yang beriman, Jadilah kamu orang-orang yang sentiasa menegakkan keadilan kerana Allah, lagi menerangkan kebenaran, dan jangan sekali-kali dengan sebab kebencian terhadap sesuatu kaum itu mendorong kamu tidak berlaku adil. Hendaklah kamu berlaku adil (kepada sesiapa jua) kerana sikap adil itu lebih hampir kepada takwa. Dan bertakwalah kepada Allah, sesungguhnya Allah itu Maha Mengetahui dengan mendalam apa-apa sahaja yang kamu kerjakan.”* (Al-Maidah: 8)

Petunjuk wahyu di atas menjadi sandaran dalam nilai keadilan yang diketengahkan oleh Islam dan perlu dilaksanakan oleh semua umat termasuklah pemimpin dan pemerintah. Nilai ukuran kemuliaan manusia yang hakiki ialah taqwa kepada Allah SWT, kepatuhan dan ketaatan kepada-Nya. (Abdul Hadi, 2010). Malaysia merupakan negara yang berbilang kaum, bangsa dan agama. Untuk mencapai kesejahteraan masyarakat maka pendekatan yang dilaksanakan perlu bersesuaian dengan tempat, keadaan dan realiti semasa.

Metodologi

Data kajian ini diperolehi, dinilai dan dianalisis menerusi analisis dokumen meliputi buku-buku, artikel-artikel dan syarahan Abdul Hadi. Selain daripada itu, kajian ini juga merujuk kepada kajian-kajian lepas yang mengkaji tentang pemikiran, sumbangan, pengaruh dan idea Abdul Hadi dalam melaksanakan pendekatan politiknya di Malaysia. Antara buku yang dirujuk *Budaya Politik Matang & Sejahtera: Suatu Penyelesaian, Bicara ini Demi Perpaduan*. Beberapa instrumen turut digunakan dalam kajian ini bagi membantu untuk memperoleh data dengan lebih tepat dan lengkap. Protokol temu bual mendalam telah dilaksanakan bagi tujuan pengumpulan dan pemerolehan data melalui beberapa informan.

Informan utama adalah Abdul Hadi Awang (temu bual 25 November 2019 dan 22 September 2020) serta diikuti beberapa informan yang sentiasa mendampingi atau mengikuti perkembangan beliau dari semasa ke semasa. Kaedah ini dapat memperoleh kefahaman yang meluas dan sempurna dengan cara ‘mendalami’ isi kajian ini. Antara informan yang terlibat adalah seperti berikut: Balachandran G Krishnan (temu bual 30 Disember 2019) dan Fadhli Haji Hassan (temu bual 1 Jun 2016). Data yang diperolehi dianalisis bagi mengenal pasti signifikan BPMS dalam menjamin keharmonian dan kesejahteraan kepelbagaian kaum di Malaysia.

Berpolitik Matang dan Sejahtera

1. Prinsip Berasaskan Petunjuk Syarak

Politik atau siasah merupakan salah satu aspek yang penting dalam Islam. Ini kerana ia memainkan peranan utama dalam membolehkan seluruh syariat Islam dilaksanakan. Tanpa kuasa politik, Islam akan terpicil dan terhad dalam urusan ibadat sahaja, sedangkan hukum-hukum Islam turut melibatkan hal-hal pentadbiran rumah tangga (*tadbir al-manzil*), muamalat, undang-undang, siasah negara dan khalifah. Kerana itu, Islam bukan hanya ibadat, tetapi ia adalah sistem hidup atau ad-Deen. Maka, hal-hal berkaitan dengan politik, pemerintahan, kerajaan, kedaulatan dan kepemimpinan adalah sebahagian daripada Islam itu sendiri. (Mohd Fadli, 2019). Pemerintahan dan siasah merupakan keperluan asas kepada manusia dan sebahagian daripada ajaran Islam. Tidak boleh dipisahkan perkara pemerintahan dengan apa yang telah dinyatakan oleh Islam kerana ianya sabit secara jelas di dalam nas-nas al-Quran, sunnah Rasulullah, amalan para sahabat, dan ditegaskan oleh para ulama di dalam karya, penulisan dan lisan mereka. Pandangan yang memisahkan Islam dan politik adalah sebuah bentuk penyelewangan. (M.Zaidi, 2018).

Abdul Hadi (2018) menekankan bahawa politik merupakan cabang dalam menegakkan negara yang mendaulatkan Islam. Ini merupakan syarat wajib untuk dilaksanakan semua syariat-Nya bagi mencapai rahmat dan adil Allah. Oleh itu, melaksanakan kewajipan tersebut adalah mewajibkan adanya negara yang diperintah oleh Islam yang dinamakan politik. Kewajipan ini termasuk dalam perjuangan Para Anbiya' sama ada mengajak pemimpin negara di zamannya supaya menerima Islam atau Rasul itu sendiri bersama para pengikutnya menukar kerajaan yang menjadikan Islam itu memerintah. (Nur Azizuddin et.al., 2020).

Sejarah kepimpinan Rasulullah SAW di Madinah dijadikan model dan wawasan oleh Abdul Hadi bagi menunjukkan bahawa tiada unsur paksaan dalam nilai hidup masyarakat majmuk. Malah, keterbukaan dalam menerima non-Muslim (kaum Yahudi) di Madinah membuktikan Islam agama yang meraikan toleransi dalam kebebasan beragama selagimana semua rakyat di Madinah patuh kepada Perlembagaan iaitu Piagam Madinah. (Nik Muhammad Zawawi, 2020). Ini terbukti, berlaku perpaduan kaum di negara Islam Madinah. Transformasi negara Islam Madinah dikuatkan lagi dengan termeterainya Piagam Madinah yang dianggap sebagai perlembagaan pertama seumpamanya yang membentuk dasar-dasar penting sebuah negara Islam yang menempatkan penduduk dari pelbagai bangsa dan agama. (M.Zaidi, 2018; Zulfaqir, 2015).

Perubahan politik yang berlaku dalam negara dan global telah membentuk pemikiran Abdul Hadi dalam melaksanakan satu konsep sosiopolitik yang seiring dengan situasi dan keadaan semasa. Oleh itu, agenda perpaduan kaum yang dibawakan oleh Abdul Hadi menerusi BPMS perlu difahami secara tuntas oleh pemimpin dan rakyat dalam negara ini. Menurut Badlihisam (2020), Abdul Hadi merupakan seorang tokoh berkemampuan dalam mengungkapkannya suatu budaya politik baru dalam konteks Gerakan Islam berpandukan rujukan al-Quran dan al-Sunnah.

Pelaksanaan BPMS adalah selaras dengan syarak berpandukan al-Quran dan Sunnah Rasulullah SAW bagi mencapai kemaslahatan manusia dengan petunjuk Allah SWT. Pendekatan yang berubah membentuk sikap yang fleksibel dalam berpolitik dan berdakwah dalam sesuatu perkara yang tiada nas yang tetap. (Nor Haanizawati, 2018). Oleh itu, Abdul Hadi berjihad dengan melaksanakan BPMS bersama Islam. Sikap anjal dan tidak rigid bukan bererti lemah tetapi merupakan kekuatan dalam mempertahankan politik Islam.

Politik itu semestinya bertunjangkan kepada prinsip iaitu Islam dengan beristiqamah dan tidak berganjak daripada dasar dan matlamatnya. Prinsip ini merupakan prinsip pertama dalam BPMS dengan membudayakan politik dari segi pendirian, sikap dan tindakan tersebut berasaskan kepada suatu prinsip yang jelas yang selari dengan syarak. Manakala, prinsip BPMS kedua iaitu politik dakwah dan amar maaruf. Ia merupakan sebuah budaya politik menjuruskan kepada sesuatu tindakan yang bermatlamatkan membawa manusia kepada keindahan dan kesempurnaan dengan cara hidup beragama serta ke arah kebaikan dan mencegah kemungkaran. (Abdul Hadi, 2016).

Seterusnya, BPMS ketiga iaitu politik penyelesaian berasaskan Islam. Penekanan kepada penyelesaian bukan sekadar menimbulkan isu dan permasalahan malah penyelesaian itu berasaskan kepada tuntutan syarak. Mukthar (2019) menyatakan salah satu bentuk penyelesaian mestilah dengan keilmuan yang tinggi, pengalaman yang luas, kecekalan yang jitu serta hubungan kerohanian yang mantap, sesuatu permasalahan dapat ditangani mudah.

Oleh itu, politik utamakan rakyat merupakan BPMS keempat yang menjadikan kepentingan rakyat sebagai keutamaan dalam sebarang keputusan dan tindakan dalam berpolitik mahupun berdakwah. Politik damai dan diplomasi mengambil pendekatan aman dan berdiplomasi dalam menangani sesuatu isu yang timbul dalam masyarakat serta mengelakkan konflik yang berlaku. Jika pendekatan secara paksaan akan menimbulkan ketegangan, walaupun wajib berdakwah dilakukan kepada masyarakat tetapi sikap adil dan memberi hak terhadap semua kaum dan agama kepada masyarakat majmuk dan masyarakat madani. Ini penting untuk diterapkan dalam berdakwah dan berpolitik. Budaya ini merupakan prinsip BPMS kelima. (Abdul Hadi, 2019).

Prinsip BPMS ke-6 adalah politik benar bukan sekadar persepsi menekankan kepada kebenaran dalam politik mahupun berdakwah dan mengelakkan tipu daya dalam menarik sokongan rakyat. Ini kerana, persepsi tersebut semestinya dibentuk daripada fakta dan hakikat sebenar. Ini bermakna, Abdul Hadi mengetegahkan penyelesaian Islam terhadap krisis dalam negara yang meliputi pendidikan, ekonomi dan sosial. Ini dinamakan sebagai BPMS. (Nur Azizuddin et.al., 2020).

Abdul Hadi merupakan tokoh politik yang komited dalam mempertahankan politik negara bagi mencapai keharmonian dan

kesejahteraan rakyat melalui pendekatan *muwajahah silmiyyah* (pendekatan sejahtera) dan aman dalam mencapai matlamat perjuangan. (Badlihisam, 2009). Beliau berpolitik dengan mengamalkan prinsip perdamaian menerusi dialog, muzakarah dan berdebat. Ini sebagai memenuhi misi dakwahnya kepada Muslim dan Non-Muslim. Prinsip perdamaian beliau difahaminya menerusi firman Allah SWT surah Al-Anfal ayat 61:

وَإِنْ جَنَحُوا لِلسَّلْمِ فَاجْنَحْ لَهَا وَتَوَكَّلْ عَلَى اللَّهِ ۗ إِنَّهُ هُوَ السَّمِيعُ الْعَلِيمُ

Maksudnya: “*Dan jika mereka cenderung kepada perdamaian, maka cenderunglah kepadanya dan bertawakallah kepada Allah. Sesungguhnya Dialah Yang Maha Mendengar lagi Maha Mengetahui.*” (Al-Anfal ayat 61)

2. Keadilan dan Kebenaran

Latifah & Mohd Nasir (2020), menjelaskan sesebuah negara yang ingin ditegakkan memerlukan kepada keadilan dan kebenaran. Dengan kata lain tujuan berdirinya suatu negara Islam adalah dengan melaksanakan sistem sosial yang baik, menegakkan keadilan, mencegah segala bentuk kemungkar atau penyimpangan terhadap norma agama dan kehidupan serta sentiasa menganjurkan kepada umat manusia untuk melaksanakan kebajikan sebagai rasionalisasi dari perintah Allah SWT. BPMS ialah sebuah budaya berpolitik yang berasaskan kepada kematangan dalam membuat keputusan dan tindakan, berlandaskan al Quran dan Al Sunnah, sesuai dengan realiti masyarakat, bermatlamatkan kesejahteraan rakyat, kemakmuran negara dan keredhaan Allah SWT. (Nasarudin, 2016).

Sebagai contoh dapat dilihat pada zaman kepimpinan khulafa al-Rasyidin apabila sesuatu keputusan yang penting ingin dilakukan, mereka tidak sewenang-wenangnya membuat keputusan dengan bertuhankan hawa nafsu dan kepentingan peribadi. Malah, mereka lebih mengutamakan proses perbincangan dalam majlis syura agar keputusan yang diputuskan adalah keputusan yang terbaik dan dipersetujui ramai. Perbincangan ini melambangkan konsep matang dalam bermusyawarah sesama ahli pemimpin bagi menjaga kemaslahatan rakyat. (Abdul Hadi, 2016). Oleh itu, pelaksanaan BPMS ini dapat dilihat dengan konsep yang telah dibawa oleh beliau.

Abdul Hadi sebagai presiden sebuah gerakan Islam telah meningkatkan dan memperkasakan lagi keserlahan peranan PAS dalam

membawa pelbagai gagasan sebagai penyelesaian kepada kemelut sosial, ekonomi dan politik rakyat di negara ini. Pelbagai cabaran yang dihadapi terutamanya dalam ‘dunia terbuka tanpa sempadan’ adalah tidak mudah bagi pimpinan PAS memerhati, mengolah dan membuat keputusan-keputusan besar politik negara sambil memastikan setiap langkah yang diambil kesemuanya sentiasa dalam lingkungan syarak agar sempadan dan reda Allah SWT tidak sekali-kali dipertaruhkan. (Latifah et.al., 2019). Malah, hanya dengan keilmuan yang tinggi, pengalaman yang luas, kecekalan yang jitu serta hubungan kerohanian yang mantap, sesuatu permasalahan dapat ditangani mudah. Pendekatan BPMS ditunjukkan oleh firman Allah SWT dalam Surah Fussilat 41, ayat 33-36:

وَمَنْ أَحْسَنُ قَوْلًا مِّمَّنْ دَعَا إِلَى اللَّهِ وَعَمِلَ صَالِحًا وَقَالَ إِنِّي مِنَ الْمُسْلِمِينَ. وَلَا تَسْتَوِى الْحَسَنَةُ وَلَا السَّيِّئَةُ ۗ ادْفَعْ بِالَّتِي هِيَ أَحْسَنُ فَإِذَا الَّذِي بَيْنَكَ وَبَيْنَهُ عَدَاوَةٌ كَأَنَّهُ وَلِيٌّ حَمِيمٌ. وَمَا يُلْقِنَهَا إِلَّا الَّذِينَ صَبَرُوا وَمَا يُلْقِنَهَا إِلَّا لَأُولَئِكَ عَظِيمٌ. وَإِنَّمَا يُنزَعُكَ مِنَ الشَّيْطَانِ نَزْعٌ فَاسْتَعِذْ بِاللَّهِ ۗ هُوَ السَّمِيعُ الْعَلِيمُ.

Maksudnya: “Siapakah yang lebih baik perkataannya daripada orang yang menyeru kepada Allah dan mengerjakan kebajikan serta berkata, ‘Sesungguhnya, aku termasuk dikalangan orang-orang muslim (yang berserah diri)?’ Kebaikan itu tidak sama dengan kejahatan. Tolaklah (kejahatan itu) dengan cara yang lebih baik, sehingga orang yang ada merasakan permusuhan antara kamu dan dia adalah seperti teman yang setia. Dan (sifat-sifat yang baik itu) tidak akan dianugerahkan, kecuali kepada orang-orang yang mempunyai keuntungan yang besar. Dan jika syaitan mengganggu dengan sesuatu godaan, maka mohonlah perlindungan kepada Allah. Sesungguhnya, Dialah yang Maha Mendengar, lagi Maha Mengetahui.”

Abdul Hadi memperkenalkan jenama ini pada 2016 dalam Muktamar Tahunan PAS Pusat. Beliau menegaskan dalam Ucapan Dasar Presiden, “pendekatan politik baharu PAS ke arah “Budaya Politik Matang dan Sejahtera” yang perlu diterjemahkan pada semua peringkat...”. Pada asasnya, BPMS ini bukan politik menghukum tetapi ia budaya politik yang mensejahterakan Malaysia. Ini adalah sebuah budaya politik yang mengutamakan kematangan semua pihak dalam membuat keputusan dan tindakan yang sesuai dengan realiti masyarakat. Seterusnya, berlandaskan al-Quran dan al-Sunnah serta bermatlamat membawa kepada kesejahteraan kehidupan seluruh masyarakat di Malaysia dan kemakmuran negara dengan kerediaan Allah SWT.

BPMS yang diperkenalkan ini mempunyai dua komponen utama iaitu Matang dan Sejahtera. Komponen pertama, Matang merujuk kepada proses yang berlandaskan pemikiran yang matang berpandukan kepada data dan hujah bagi kesemua pihak, khasnya parti-parti politik dan rakyat membuat penilaian, menentukan sikap dan tindakan terhadap sesuatu isu yang timbul di Malaysia. Komponen kedua Sejahtera yang merujuk kepada natijah atau matlamat kepada semua tindakan politik oleh mana-mana pihak iaitu semuanya mestilah ke arah membawa kesejahteraan kepada kehidupan bermasyarakat di negara ini. BPMS menjadi sebuah gagasan baru yang diketengahkan ke dalam masyarakat agar semua pihak menghayati politik yang tidak berpaksikan pengeseran, tetapi berpaksikan perlumbaan membawa kesejahteraan kepada rakyat dan negara. (Abdul Hadi, 2016).

BPMS adalah sebuah penyusunan semula pelbagai gagasan besar yang telah dikemukakan oleh pimpinan-pimpinan PAS sejak awal penubuhannya lagi. Prinsip, sikap dan tindakan yang diambil mereka di sepanjang sejarah, melakarkan pelbagai pendekatan politik dengan wacana masing-masing. Walaupun pendekatan tersebut pelbagai, kesemuanya adalah berlandaskan ajaran al-Quran dan al-Sunnah serta asas-asas syarak yang lain yang diguna pakai mengikut kesesuaian dengan suasana persekitaran mereka.

Abdul Hadi (2018) menegaskan bahawa BPMS merupakan pendekatan yang mewujudkan suasana demokrasi yang sebenar dan tidak bercelaru. Ia merupakan sebuah gagasan penyelesaian kemelut politik negara. Pendekatan yang ditajdidkan dan diperbaharui menjadi lebih tersusun dan menyeluruh bermula tahun 2016, khususnya mendepani situasi politik negara dan krisis antarabangsa pada masa sekarang. Hal ini dipersetujui oleh Balachadran (2019):

Yes, because the politik matang dan sejahtera, correct, that is how we all change so everytime we got to change but without violating... tidak langgar akidah itu penting, that one you cannot but pendekatan, cara is all can change, you know and today you see Tuan Guru that is the time, masa Tuan Guru ketua pemuda is different story of to gather you know so the whole depends on the situation and niat tu penting.

Pendekatan yang berprinsipkan kepada keadilan merupakan antara prinsip politik dalam pentadbiran negara yang dinyatakan dalam al-Quran berdasarkan kepada politik Islam. (Mutiara, 2017). Hasan Bahrom (2001) menjelaskan prinsip politik berdasarkan kepada al-Quran adalah melaksanakan keadilan, menegak kebenaran menghapus kemungkar, merealisasikan syariat dan mewujudkan sistem masyarakat yang aman.

3. Kerjasama Politik

Abdul Hadi menegaskan bahawa konsep ta'awun perlu diserapkan dan difahami oleh masyarakat, bekerjasama dengan sesiapa sahaja atas dasar kebaikan dan kebajikan bukan kejahatan dan keburukan dan kerjasama tersebut bukan bermaksud bergabung. Malah, Nur Ayuni et.al (2018) menyatakan bahawa PAS bekerjasama dengan Parti Tindakan Demokratik (DAP) atas dasar kebaikan dengan syarat parti itu menghormati Islam sebagai agama Persekutuan dan hak-hak masyarakat majmuk lain.

Berpandukan kepada ijtihad semasa dalam hal ini, Abdul Hadi konsisten untuk memilih pendekatan BPMS dengan semua pihak, iaitu dengan bersikap damai terhadap Kerajaan Persekutuan yang memegang tampuk pemerintahan negara dan kesediaan untuk menjalin kerjasama politik dengan semua pihak bagi memastikan Islam memimpin perubahan. Abdul Hadi (2018) menekankan bahawa BPMS menghilangkan ketegangan yang menghabiskan masa dan mewujudkan perpaduan walaupun berbeza pendapat dan pendekatan.

Pendekatan atau strategi semestinya selari dengan keadaan semasa dan yang paling penting ialah kemestian untuk mencapai matlamat pendekatan. Oleh sebab itu, pendekatan dan strategi perlu realistik dan relevan, tidak semestinya mengambil keseluruhan pendekatan yang telah dan pernah dilakukan oleh tokoh terdahulu. Dengan kata lain, pendekatan yang digunakan seiring dengan syariat Islam. Abdul Hadi (2014) menekankan kerjasama politik bukan bermakna kita menyerap masuk ke dalam sistem lain, atau parti lain, sehingga hilang prinsip dan jati diri kita, atau hanya menjadikan ukuran kemenangan semata-mata sebagai matlamat, sehingga menghilangkan dasar parti bagi pelaksanaan Islam. Fadhli Haji Hassan (2016):

Tuan Guru Haji Abdul Hadi Awang telah memperkenalkan politik matang dan sejahtera dalam kaedah baru berpolitik. Ia bermaksud

sepanjang masa berkonfrantasi. Ada masanya boleh bekerjasama dalam perkara yang menguntungkan Islam dan rakyat. Perkara yang mungkar tetap juga ditentang. Ini adalah sebahagian dari Siasah Syariyyah. Nampaknya kaedah ini banyak menampakkan hasil yang positif.

Kerjasama politik (taawun siyasi) berjalan dengan tertubuhnya penubuhan Gagasan Sejahtera yang digagaskan oleh Abdul Hadi bagi meraikan masyarakat majmuk di Malaysia untuk membentuk kesejahteraan dan keharmonian.

Persefahaman politik ini menjadi satu gagasan baharu kepada lanskap politik negara yang menawarkan suatu pilihan yang lebih mantap kepada rakyat dengan menekankan kepada sebuah budaya berpolitik yang membawa kesejahteraan kepada rakyat keseluruhannya. (Abdul Hadi, 2018).

Persefahaman politik di antara PAS-Gagasan Sejahtera turut meraikan bersama parti IKATAN dan Parti Cinta Malaysia (PCM). (Ahmad Fauzi, 2018). Parti ini adalah sebuah parti bebas yang tidak terlibat dalam mana-mana perikatan mahupun bergabung dengan parti politik lain. PCM terbentuk atas dasar cintakan negara Malaysia aman dan damai. Dengan itu, persefahaman politik bagi memperjuangkan kebenaran dan membina sebuah negara yang sejahtera. Pendekatan BPMS ini dapat mengendurkan konflik sesama masyarakat Melayu yang telah lama wujud di negara ini. Ini terbukti kesan-kesan positif yang diperolehi daripada pendekatan ini. Pendirian politik menjauhkan masyarakat Melayu untuk bersengketa. (Zuhdi, 2019).

Abdul Hadi bersikap terbuka untuk berdialog dan menjalin hubungan politik dengan semua pihak di atas prinsip kerjasama seperti piagam muafakat politik. Bentuk kerjasama dengan parti UMNO yang dinamakan MN pada 14 September 2019 (Norshahril, 2019). Menurut Tuan Ibrahim (2020) tujuan penubuhan MN ini adalah untuk menyatukan masyarakat dengan tujuan membuka pintu dakwah secara langsung atau tidak langsung kepada pihak lain dengan matlamat menyampaikan Islam supaya melihat secara langsung ajaran Islam yang diamalkan membawa kebaikan kepada seluruh manusia dan menolak segala kemungkaran. Ini bermakna, pendekatan politik dengan mengukuhkan MN dan perpaduan serta ketepikan perbezaan demi kesatuan ummah. Memetik petikan dalam *Malaymail* bahawa Abdul Hadi (2020) menegaskan sokongan beliau terhadap parti politik, “Kita hanya mahu memperkukuhkan Perikatan Nasional (PN) dan Muafakat Nasional (MN)...”

Ini bermakna, MN merupakan pakatan PAS-UMNO melalui piagam yang ditandatangani kedua-dua parti itu. Sementara itu, PN merupakan gabungan longgar yang diketuai oleh Bersatu yang mentadbir Putrajaya bersama-sama Umno-Barisan Nasional dan PAS, dengan sokongan daripada Gabungan Parti Sarawak. (Ashman, 2020).

Dewan Himpunan Pendokong PAS (DHPP) merupakan salah sebuah entiti di bawah kepimpinan PAS. Dewan ini dianggotai oleh ahli PAS dalam kalangan bukan Muslim. Pengerusi DHPP adalah Dr Balasubramaniam. Dewan ini dikenali sebagai kelab Pendukung PAS (KPP) sebelum di naik taraf sebagai Dewan pada 23 Mei 2010 (Balasubramaniam 2018). Izani (2010) menjelaskan tujuan penubuhan kerjasama selama ini dengan memperjuangkan isu demokrasi, keadilan dan hak asasi manusia, ia telah menarik perhatian dan minat sebahagian masyarakat Cina. Seterusnya, tujuan penubuhan selain daripada faktor dakwah kepada masyarakat Cina ia menjurus kepada memberi penerangan tentang Islam. DHPP merupakan bukti Abdul Hadi meraikan kepelbagaian kaum. Keahlian DHPP dianggotai oleh non-muslim dan juga merupakan salah satu daripada sayap utama PAS.

Abdul Hadi melaksanakan konsep *tahaluf siyasi* iaitu bekerjasama penjanjian politik dalam titik persamaan secara baik tanpa membatalkan prinsip dan meninggalkan matlamat perjuangan bagi mendaulatkan Islam (Nur Ayuni et.al 2018). Manakala, konsep *taawun siyasi* meraikan dalam konsep tolong-menolong bagi menjamin kebajikan dan diharamkan dalam menolong perkara yang berdosa dan permusuhan. (Abdul Hadi, 2019). Kerjasama politik ini menunjukkan bahawa Abdul Hadi sebagai tokoh politik meraikan kepelbagaian kaum dengan pendekatan BPMS bersama masyarakat majmuk di Malaysia untuk negara yang lebih sejahtera dan harmoni.

4. Bertoleransi dan Berdiplomasi

Abdul Hadi memperkenalkan budaya politik damai tanpa perpecahan rakyat, sama ada kalangan umat Islam yang berbeza pendekatan dan rakyat bukan Islam yang berbeza agama dan budaya. Ini kerana, berdakwah dan berpolitik secara matang dan sejahtera untuk menyelamatkan manusia bersama Islam. (Abdul Hadi, 2018).

Pendekatan BPMS ini memberikan pilihan kepada rakyat untuk memilih konsep politik yang benar dan betul. Ini kerana, politik yang melampau membawa kepada permusuhan dan ketidakstabilan social, ekonomi serta kehidupan. (Abdul Hadi, 2018). Masyarakat sering

dimomokkan bahawa politik itu kotor sehingga kepercayaan kepada ahli politik terjejas. Sedangkan, politik kotor itu disebabkan ahli politik yang gagal dalam berpolitik yang berasaskan kepada nilai dan akhlak Islam serta didikan Allah SWT. Dengan sebab ini, Abdul Hadi membawakan gagasan politik berteraskan kepada Islam sebagai panduan politik nilai Islam. Dengan ini, BPMS diperkenalkan dengan dasar Islam dengan memcontohi gaya politik Nabi SAW. Malah, al-Quran dan Sunnah merupakan teras kepada gagasan BPMS. Ini sejajar dengan firman Allah SWT dalam surah Ali Imran ayat 159:

فَبِمَا رَحْمَةٍ مِنَ اللَّهِ لِنْتَ لَهُمْ وَلَوْ كُنْتَ فَظًّا غَلِيظَ الْقَلْبِ لَانفَضُّوا مِنْ حَوْلِكَ فَاعْفُ عَنْهُمْ
وَاسْتَغْفِرْ لَهُمْ وَشَاوِرْهُمْ فِي الْأَمْرِ فَإِذَا عَزَمْتَ فَتَوَكَّلْ عَلَى اللَّهِ إِنَّ اللَّهَ يُحِبُّ الْمُتَوَكِّلِينَ

Maksudnya: “Maka dengan sebab rahmat dari Allah (kepadamu wahai Muhammad), engkau telah bersikap lunak terhadap mereka dan kalaulah engkau bersikap kasar lagi keras hati, tentulah mereka lari dari kelilingmu. Oleh itu maafkanlah mereka, dan pohonlah ampun bagi mereka dan juga bermesyuarat dengan mereka dalam urusan (peperangan dan hal-hal keduniaan) itu, kemudian apabila engkau telah berazam (sesudah bermesyuarat untuk membuat sesuatu) maka bertawakal kepada Allah, sesungguhnya Allah Mengasihi orang-orang yang bertawakal kepada-Nya.”

Ini membuktikan bahawa, Abdul Hadi mengatur strategi dan mengambil inisiatif dengan menjalankan diplomasi dan kerjasama politik bersama parti-parti lain. (Nur Ayuni et. al., 2018). Berteloransi dan berdiplomasi merangkumi dalam prinsip BPMS yang menekankan kepada budaya, social dan ekonomi dan menangani hala tuju budaya politik baharu. (Nor Azizuddin, 2020; Abdul Hadi, 2016).

5. Keadilan Kepada Non-Muslim

Kehidupan hidup dalam masyarakat majmuk memerlukan kepada sikap saling kenal mengenal, hormat menghormati dan bertoleransi dalam aspek kebebasan yang melibatkan hak kemanusiaan bagi mencapai keharmonian dan kesejahteraan sejahat. Malah Islam sendiri mengiktiraf hak kemanusiaan umum antara sesama manusia walau berbilang kaum dan agama sebagaimana firman Allah SWT dalam Surah Al-Isra’ ayat 70:

﴿وَلَقَدْ كَرَّمْنَا بَنِي آدَمَ وَحَمَلْنَاهُمْ فِي الْبَرِّ وَالْبَحْرِ وَرَزَقْنَاهُمْ مِنَ الطَّيِّبَاتِ وَفَضَّلْنَاهُمْ عَلَى كَثِيرٍ مِمَّنْ خَلَقْنَا تَفْضِيلًا﴾

Maksudnya: “*Dan sesungguhnya Kami telah memuliakan anak-anak Adam; dan Kami telah beri mereka menggunakan berbagai-bagai kenderaan di darat dan di laut; dan Kami telah memberikan rezeki kepada mereka dari benda-benda yang baik-baik serta Kami telah lebihkan mereka dengan selebih-lebihnya atas banyak makhluk-makhluk yang telah Kami ciptakan.*”

Kematangan berpolitik tidak bersifat retorik tetapi dipraktik oleh pemimpin PAS di dalam negeri yang diperintah. Contohnya kerajaan negeri Terengganu telah memperuntukan tanah kubur untuk bukan muslim seluas 8.5 ekar di Wakaf Tapai. Manakala, masyarakat Cina diberikan hak memiliki tanah (geran tanah) serta meluluskan tanah seluas 2.5 ekar untuk pembinaan rumah mayat di Kemaman serta pelantikan kepada non-Muslim antaranya Pegawai Khas Hal Ehwal Bukan Islam dilantik kepada Menteri Besar Terengganu, YAB Dato’ Sei Dr. Ahmad Samsuri Mokhtar iaitu Dr Balachadran G Krishnan. (Balachadran, 2019).

Pentadbiran negeri Kelantan juga bersikap demokratik kerana berkerjasama dengan kerajaan pusat dalam menjalankan agenda kesejahteraan rakyat Kelantan. Pimpinan negeri menegaskan kebersediaan berkerjasama bersama kerajaan persekutuan dalam pelbagai isu antaranya pembinaan lebuh raya di Kelantan, isu keselamatan, isu menangani dadah dan sebagainya. Malah, isu lain juga dinyatakan seperti royalti minyak, peruntukan negeri serta memperkasakan undang-undang Islam iaitu RUU 355. Malah, kedudukan non-Muslim juga di iktiraf di Kelantan, Abdul Hadi (2020) menjelaskan, “...ada menteri wanita MCA Ng Yen Yen, dia banyak belajar biasiswanya kerajaan PAS Kelantan, dan dia puji PAS Kelantan...” (Abdul Hadi, 2020).

Kesejahteraan masyarakat non-Muslim juga telah diberikan perhatian utama oleh pentadbiran negeri Kedah. Peruntukan sebanyak 1.5 juta untuk meraikan perayaan dan budaya kaum Cina, India dan Siam. Malah, meluluskan 3 ekar tanah kepada SJK (C) Pumpong dan 3 ekar tanah kepada SJK (T) Sungai Tok Pawang. Melantik YB. S. Manikumar, YB Lim Soo Nee dan YB Tan Chow Kang sebagai Exco Kerajaan Negeri Kedah serta mendapatkan tanah kubur untuk masyarakat India dan Siam di Langkawi.

Kesimpulan

Abdul Hadi memperkenalkan budaya politik damai dengan hasrat mengelak perpecahan rakyat. Pendekatan BPMS bukan sahaja budaya berpolitik yang mengutamakan kematangan semua pihak dalam membuat

keputusan dan tindakan yang seterusnya membawa kepada kesejahteraan kehidupan seluruh masyarakat di negara ini. Pelaksanaan BPMS telah dilakukan di bawah kerajaan negeri yang dimenangi oleh PAS seperti di Terengganu, Kelantan dan Kedah. Tegasnya, pendekatan politik yang dilaksanakan oleh Abdul Hadi ini signifikan dan relevan bagi menjamin keharmonian dan kesejahteraan masyarakat.

Penghargaan

Penghargaan kepada Terengganu Strategic & Integrity Institute (TSIS) geran PP-2019-010 bertajuk Pendekatan Fiqh Siasah Tuan Guru Haji Abdul Hadi Awang dalam Bidang Sosio Politik, Dakwah dan Politik Antarabangsa.

Rujukan

- Abdul Hadi Awang. 2020. Pejabat Presiden PAS Kuala Terengganu, Terengganu. Temu bual 22 September 2020.
- Abdul Hadi Awang. 2019. Pejabat Agung PAS. Kuala Lumpur. Temu bual 27 November 2019.
- Abdul Hadi Awang. 2019. Ucapan Dasar Presiden PAS dalam Muktamar Tahunan PAS ke-65, 2019, "Islam Memimpin Perpaduan". <http://muktamar.pas.org.my/>. Diakses: 3 Januari 2020.
- Abdul Hadi Awang. 2019. *Budaya Politik Matang dan Sejahtera: Suatu Penyelesaian*. Kuala Lumpur: Amar Synergy Enterprise.
- Abdul Hadi Awang. 2018. Budaya Politik Matang dan Sejahtera (BPMS): Berdakwah Bukan Menuduh. <https://berita.pas.org.my/budaya-politik-matang-dan-sejahtera-bpms-berdakwah-bukan-menuduh/>. [30 Oktober 2020].
- Abdul Hadi Awang. 2018. PAS-GAGASAN SEJAHTERA, IKATAN, PCM, DHPP. *Sisipan-2-Malaysia-Sejahtera-bicara-Masyarakat-Majmuk.pdf*. [12/02/2020].
- Abdul Hadi Awang. 2018. Bukan Politik Menghukum, BPMS dalam mensejahterakan Malaysia. <https://malaysiasejahtera.my/wp-content/uploads/2018/03/Sisipan-3-Malaysia-Sejahtera-bicara-Budaya-Politik-Matang-dan-Sejahtera.pdf>. [12/02/2020].
- Abdul Hadi Awang. 2016. PAS: Politik Matang Dan Sejahtera. <https://berita.pas.org.my/pas-politik-matang-dan-sejahtera/>. [12/02/2020]
- Abdul Hadi Awang. 2016. *Ucapan Dasar Presiden PAS dalam Muktamar Tahunan PAS ke-62, "Inilah Penyelesaian Kita"*. <http://muktamar.pas.org.my/>. Diakses: 3 Januari 2020.
- Abdul Hadi Awang, 2014 *Ucapan Dasar Presiden PAS dalam Muktamar Tahunan PAS ke-60*. 2014 "Terus Beristiqamah". <http://muktamar.pas.org.my/>. Diakses: 3 Januari 2020.
- Ahmad Fauzi Abdul Hamid. 2011. A Critical Appraisal Of Parti Islam Semalaysia's (Pas) Opposition-Based Struggle For An Islamic State (Until 2008), Media Syariah, Volume XIII No.1 2011. 83.114.
- Ahmad Fauzi Abdul Hamid. 2018. The Islamist Factor in Malaysia's Fourteenth General Elections. *The Round Table, The Commonwealth Journal of International Affairs*. 107:6. 683-701.
- Ashman Adam. 2020. *As tensions escalate between Umno and Bersatu, PAS' Hadi Awang says focus is on strengthening alliance*. <https://www.malaymail.com/news/malaysia/2020/10/02/as-tensions-escalate-between-umno-and-bersatu-pas-hadi-awang-says-focus-is/1908875>. [30 Oktober 2020].

- Badlihisam Mohd Nasir. 2020. Politik Matang dan Sejahtera Suatu Penyelesaian. *JAUHAR*. 4(2): 52-55.
- Badlihisam Mohd Nasir. 2009. *Dinamisme Gerakan Islam dan Cabaran Semasa*. Shah Alam: Karisma Publications Sdn. Bhd.
- Balachandran G Krishnan. 2019. Fakulti Pengajian Islam Universiti Kebangsaan Malaysia. Selangor. Temu bual, 30 Disember 2019.
- Fadhli Haji Hassan. 2016. Pusat Tarbiyyah Islamiyyah Kelantan, Pengkalan Chepa, Kelantan. Temubual 1 Jun 2016.
- Hasan Bahrom. 2011. Masalah Cita-Cita Politik Dalam Melaksanakan Undang-Undang Islam Di Malaysia. Tesis Sarjana, Jabatan Siasah Syar'iyah, Universiti Malaya.
- Latifah Abdul Majid & Mohd Nasir Abdul Majid. 2020. Reformasi Pendekatan Politik Islam Abdul Hadi di Malaysia. *Tinta Artikulasi Membina Ummah TAMU*. 6(1): 88-98.
- Latifah Abdul Majid, Jaffary Awang, Haziyah Hussin, Muhammad Adib Shamsudin, Mazlan Ibrahim, Najah Nadiah Amran, Mohd Nasir Abdul Majid, Sabri Mohamad, Zuliza Kusrin, Wan Siti Norjannah W Sulong. 2019. Politik Islam di Malaysia: Strategi dan Pendekatan Fiqh Siyasi Abdul Hadi Awang. *Prosiding Simposium Antarabangsa Falsafah Islam Falsafah Islam Dan Kesejahteraan Tamadun. Prosiding SAFI November 2019*. Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia. 102–112.
- Mohd Syakir Mohd Rosdi. 2016. Pemikiran Tahaluf Siyasi Parti Islam SeMalaysia (PAS) dan Implikasinya Terhadap Pembangunan Negara. *Sains Humanika*. 8(2): 19–25.
- M.Zaidi A. Rahman. 2018. Falsafah Politik Islam: Tawaran Islam untuk Kelestarian Ummat Abad ke-21. *Wacana Pemikiran dan Peradaban Ummah ke-10*, 1-19.
- Mohd Zuhdi Marzuki. 2019. *Pas Mengamalkan Bpms Dengan Umno Dan PPBM*. <https://www.malaysia-today.net/2019/02/18/pas-mengamalkan-bpms-dengan-umno-dan-ppbm/>. [30 Oktober 2020].
- Mukhtar Hj Suhaili. 2019. *Tahaluf & Ta'awun: Agenda Memenangkan Islam Kerangka Besar Tawaran PAS*. Wala' dan Taat Penapis Berjemaah. www.tarbawi.my.
- Mutiara Fahmi. 2017. Prinsip Dasar Hukum Politik Islam dalam Perspektif al-Quran. *Jurnal Kajian Ilmu Hukum dan Syariah. Petita*. 2(1).
- Nasrudin bin Hassan. 2016. PAS Menerajui Budaya Politik Matang dan Sejahtera. Vol 1. <http://www.hijau.fm/2016/02/pas-menerajui-budaya-politik-matang-dan.html>. [3 Januari 2020].
- Nor Azizuddin Abdul Manan, Azmah Abdul Manaf, Ahmad Dzulfahmi Muhamad. 2019. Nationalism of Abdul Hadi Awang and Impacts on New Malaysia Politic. 8th International Conference on Multidisciplinary Research. 125-133.
- Nor Haanizawati Mohd Ilyas, 2018. Model Dakwah Parti Islam Se-Malaysia (PAS) di Kota Belud Sabah. Latihan Ilmiah, Fakulti Dakwah dan Komunikasi. Universiti Islam Negeri Ar-Raniry Banda Aceh.
- Norshahril Saat. 2019. The UMNO-PAS Unity Charter and its Impact. 83: 1-7. Researchers at Iseas – Yusof Ishak Institute Analyse Current Events.
- Nur Ayuni Mohd Isa, Zaid Ahmad, Ahmad Tarmizi Talib. 2018. Respon Ahli PAS Terhadap Pilihan Raya dan Kerjasama Politik. *MANU*. 77-90.
- Muhammad Zawawi Salleh. 2020. Sambutan perayaan Deepavali dengan semangat perpaduan. <https://harakahdaily.net/index.php/2020/11/14/sambutan-perayaan-deepavali-dengan-semangat-perpaduan/>. [30/11/2020].

WANITA BERPOLITIK MENDEPANI CABARAN ERA COVID-19: PRAKTIS DEWAN MUSLIMAT PAS

Nuridah Mohd. Salleh
Wahibah Twahir
F.Hani M.Ali
Hanisah Abdul Rahman
I. Syafiqah, Ziyadatina Abd Rahman
Dewan Muslimat PAS Malaysia
dmpp@pas.org.my

Abstrak

Penglibatan wanita Islam dalam politik jelas dipaparkan di dalam al-Quran dan dibuktikan penghayatannya di dalam sirah dan sejarah Islam. Namun, masih ramai yang berpandangan wanita Islam tidak sesuai terlibat dalam politik. Malah penglibatan wanita Islam dalam politik menerusi platform PAS dilihat asing pada pandangan masyarakat Islam di Malaysia. Kertas kerja ini, membincangkan amalan politik sejahtera muslimat menerusi platform PAS respon terhadap kepimpinan YB Dato' Seri Tuan Guru Haji Abdul Hadi Awang dan memaparkan praktis muslimat PAS dalam agenda politik pada era Covid-19. Dapatan diperolehi melalui penelitian dokumentasi terhadap ucapan dasar YB Dato' Seri Tuan Guru Haji Abdul Hadi Awang, ucaptema ketua Dewan Muslimat PAS Malaysia (DMPM), dan laporan-laporan berkaitan agenda politik yang dijalankan oleh Dewan Muslimat PAS sepanjang wabak Covid-19 dan temu bual dalam kalangan pemimpin muslimat PAS. YB Dato' Seri Tuan Guru Haji Abdul Hadi Awang telah menjadi pemimpin sebuah organisasi secara kolektif melibatkan semua entiti di dalam PAS merangkumi DMP sebagai sayap kiri PAS. Muslimat PAS terus memberikan komitmen yang tidak berbelah bahagi kepada beliau dengan menjayakan agenda tarbiah, dakwah siasah sesuai dengan peranan yang dikehendaki oleh parti. Sejak dua tahun kebelakangan, DMP memimpin muslimat dengan agenda 'Islam Memimpin, Wanita Sejahtera' bagi menterjemahkan pemikiran YB Dato' Seri Tuan Guru Haji Abdul Hadi Awang yang mahukan Islam sebagai jalan penyelesaian ummah. Keberadaan wakil muslimat PAS dalam kabinet kerajaan PN dan ahli dewan undangan negeri memperlihatkan muslimat PAS mampu tampil memimpin kaum wanita Malaysia dalam gelombang politik Islam. Peranan muslimat PAS lebih terserlah pada fasa wabak Covid-19 menerusi Kementerian yang diamanahkan, sebagai ahli dewan negara, ahli dewan undangan dan seluruh entiti dalam organisasi DMP setiap peringkat. Setiap usaha muslimat PAS melibatkan masyarakat sewajarnya diberikan sokongan padu oleh kepimpinan negara dan ketua komuniti setempat dalam gelombang politik negara pada hari ini.

Kata kunci: politik, muslimat PAS, YB Dato' Seri Tuan Guru Haji Abdul Hadi Awang, Covid-19

Pendahuluan

Islam adalah ajaran yang dibawa oleh Rasulullah SAW mengandung ajaran yang syumul mencakupi seluruh aspek kehidupan. Ciri khusus Islam ini apabila dihayati secara menyeluruh dan tidak diasing-asingkan terbukti membawa rahmat kepada seluruh alam sebagaimana yang terpapar dalam sejarah ketamadunan Islam sebelum ini. Rasulullah SAW adalah utusan Allah SWT penutup para *mursalin*. Sepanjang hayat baginda menyampaikan dakwah kepada umat manusia dan dalam masa yang sama baginda menjadi ketua pemerintah negara Islam pertama iaitu Madinah. Penglibatan umat Islam dalam aspek politik berpandukan amalan Rasulullah SAW dan ijtihad para ulama merupakan satu tuntutan sunnah apabila diikuti menjadi ibadah dan sangat dituntut bukan sahaja kepada kaum lelaki. Dalam Islam, wanita mempunyai hak dan kedudukan dalam politik. Peranan wanita dalam membangunkan politik negara diakui bermula dari penganugerahan hak bagi wanita untuk menimba ilmu pengetahuan. Oleh sebab itu, dengan adanya ilmu pengetahuan, wanita dapat menyumbang kepada diri, keluarga, masyarakat dan negara untuk memartabatkan agama Islam itu sendiri. (Fatimi, 2017).

Wanita dan Politik Menurut Perspektif Islam

Kaum wanita Islam turut diberikan hak untuk terlibat dalam politik dalam rangka menegakkan kebenaran ajaran Islam dan usaha amar ma'ruf nahi mungkar, sebagaimana firman Allah SWT:

وَالْمُؤْمِنُونَ وَالْمُؤْمِنَاتُ بَعْضُهُمْ أَوْلِيَاءُ بَعْضٍ يَأْمُرُونَ بِالْمَعْرُوفِ وَيَنْهَوْنَ عَنِ الْمُنْكَرِ وَيُقِيمُونَ الصَّلَاةَ وَيُؤْتُونَ الزَّكَاةَ وَيُطِيعُونَ اللَّهَ وَرَسُولَهُ أُولَئِكَ سَيَرْحَمُهُمُ اللَّهُ إِنَّ اللَّهَ عَزِيزٌ حَكِيمٌ

Maksudnya: “Dan orang-orang yang beriman, lelaki dan perempuan, setengahnya menjadi penolong bagi setengahnya yang lain; mereka menyuruh berbuat kebaikan, dan melarang daripada berbuat kejahatan; dan mereka mendirikan sembahyang dan memberi zakat, serta taat kepada Allah dan RasulNya. Mereka itu akan diberi rahmat oleh Allah; sesungguhnya Allah Maha Kuasa, lagi Maha Bijaksana.” (Al-Tawbah 71)

Al-Quran telah menyebut bahawa tidak ada perbezaan martabat, kedudukan dan darjat antara lelaki dan wanita. Ini kerana hak yang diberikan terhadap wanita dan lelaki adalah setaraf di sisi Allah SWT. Hanya ketakwaan kepada Allah SWT yang membezakan hambaNya. Dalam surah Al-Nisa' ayat 1, Allah berfirman:

يَا أَيُّهَا النَّاسُ اتَّقُوا رَبَّكُمُ الَّذِي خَلَقَكُمْ مِنْ نَفْسٍ وَاحِدَةٍ وَخَلَقَ مِنْهَا زَوْجَهَا وَبَثَّ مِنْهُمَا رِجَالًا كَثِيرًا
وْنِسَاءً ۗ وَاتَّقُوا اللَّهَ الَّذِي تَسَاءَلُونَ بِهِ ۖ وَالْأَرْحَامَ ۚ إِنَّ اللَّهَ كَانَ عَلَيْكُمْ رَقِيبًا

Maksudnya: “*Hai sekalian manusia bertaqwalah kepada Tuhanmu yang telah menciptakan kamu dari jenis yang sama dan daripadanya Allah telah menciptakan pasangan dan pada keduanya Allah memperkembangkan biakkan laki-laki dan wanita yang banyak.*”

Al-Quran juga mengetengahkan satu sampel yang jelas bahawa wanita turut diberi peluang mengetuai sebuah pemerintahan yang besar sehingga negara pimpinannya mencapai tahap yang membanggakan. Firman Allah SWT:

إِنِّي وَجَدْتُ أَمْرًا تَمْلِكُهُمْ وَأُوتِيَتْ مِنْ كُلِّ شَيْءٍ وَلَهَا عَرْشٌ عَظِيمٌ

Maksudnya: “*Sesungguhnya aku dapati seorang perempuan memerintah mereka dan ia telah diberikan kepadanya (serba sedikit) dari tiap-tiap sesuatu (yang diperlukan) dan ia pula mempunyai singgahsana yang besar.*” (Al-Naml: 23)

Ayat ini memaparkan perihal seorang wanita yang memerintah sebuah negara dan kerajaan yang hebat. Kepimpinan wanita dalam mencorakkan politik negara dapat dilihat melalui pemerintahan kerajaan Saba’ yang diketuai oleh Ratu Balqis. Kebijaksanaan Ratu Balqis dalam memerintah sebuah kerajaan Saba’ yang besar dan lengkap cukup membuktikan keupayaan wanita dalam memerintah dan mentadbir sebuah negara yang rumit. Kisah ini jelas menunjukkan bahawa wanita juga berwibawa untuk menceburkan diri dalam politik pemerintahan negara.

Dalam sirah Rasulullah SAW telah diceritakan tentang martabat dan kedudukan wanita dalam untuk. Rasulullah SAW amat menyanjungi kaum wanita sehinggakan wanita diberikan peluang untuk memberikan pandangan dan menasihati Rasulullah SAW. Pada zaman Rasulullah, walaupun wanita tidak terlibat secara terus dalam memerintah dan mengurus tadbir negara, namun mereka adalah golongan pertama memberikan kekuatan dan sokongan kepada Rasulullah SAW. Saidatina Khadijah merupakan orang yang pertama membenarkan kenabian Rasulullah SAW dan sebagai sumber kekuatan Rasulullah SAW. Penglibatan wanita dalam peristiwa *Bai’ah ‘Aqabah* menjadi bukti keterlibatan secara langsung wanita dalam usaha menegakkan negara Islam Madinah.

Selain itu, pandangan wanita tidak dipandang remeh oleh Rasulullah SAW dapat dilihat dalam peristiwa peperangan Uhud, Hunaiyn dan Hdaybiyah. Rasulullah SAW amat meraikan pandangan wanita dalam membantu Baginda membuat keputusan tentang kedudukan wanita dalam peperangan. Dalam peperangan Hdaybiyah, pandangan Ummu Salamah membantu Rasulullah SAW membuat keputusan membenarkan kaum wanita terlibat dalam peperangan sebagai pembantu kepada kaum lelaki, bekerja di balik tabir peperangan. Namun, kisah mereka ini cukup membuktikan bahawa wanita juga berperanan dalam mencorakkan politik negara dan bukti pengiktirafan Rasulullah SAW kepada kaum wanita. (Asyanti, 2016).

Pandangan wanita amat penting dalam menentukan dasar sosial yang berkait rapat dengan isu wanita. Sebagaimana yang dilaksanakan oleh Khalifah Umar al-Khattab semasa pemerintahannya, dengan mengambil kira pandangan wanita dalam penentuan kadar mahar dan status wanita apabila ditinggalkan suami. Tindakan Khalifah Umar al-Khattab ini adalah selari dengan kedudukan politik dalam kehidupan dan ia menjadi sebagai tuntutan ibadah kepada setiap muslim. Justeru, wanita perlu diberikan hak untuk membuat keputusan khususnya mengenai isu wanita selagi mana tidak bercanggah dengan hukum syarak.

Kepimpinan YB Dato' Seri Haji Abdul Hadi Awang

Pada hari ini, kehidupan berpolitik masih terus dilihat asing dalam Islam. Pemisahan politik daripada kehidupan umat Islam telah membawa kepada kebekuan minda ummah dan kemunduran tamadun Islam. Atas dasar keimanan kepada konsep Islam adalah *al-Din* dan yang sempurna dan menyeluruh, PAS yang dipimpin oleh para ulama silih berganti sejak awal ditubuhkan pada tahun 1952 terus memberikan komitmen memperjuangkan usaha menegakkan Islam dalam negara yang tercinta ini. PAS sentiasa mempertingkatkan usaha tarbiyah, dakwah dan siasah dalam pelbagai bentuk pendekatan dalam kerangka *muwajahah silmiyyah* agar umat Islam, khususnya dan masyarakat Malaysia umumnya, memahami bahawa tidak wujud sama sekali konsep pemisahan politik, ekonomi dan setiap urusan duniawi kerana inilah petunjuk al-Quran yang dilaksanakan oleh Rasulullah SAW yang menjadi ikutan ummah sepanjang zaman.

PAS sebagai sebuah parti yang berdaftar mengikut lunas undang-undang negara pada hari ini dipimpin oleh YB Dato' Seri Tuan Guru Haji Abdul Hadi bin Awang sebagai presiden yang bertindak selaras dengan

keputusan syura oleh Majlis Syura Ulama PAS dan terikat dengan dasar yang termaktub dalam perlembagaan PAS. Beliau telah memimpin PAS sejak tahun 2002. Ketokohnya begitu terserlah sebagai seorang tokoh ulama haraki dan umara yang berpengalaman luas dalam arena politik serta gerakan Islam di Malaysia dan juga di peringkat antarabangsa. PAS yang dipimpin oleh beliau selama hampir dua dekad bertarung di medan persaingan demokratik berparlimen.

Pengalaman YB Dato' Seri Tuan Guru Haji Abdul Hadi bin Awang dalam arena politik tanah air dapat dibuktikan melalui kerusi pilihan raya yang dimenangi sejak tahun 1982 apabila pernah menjadi Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Rhu Rendang mahupun sebagai ahli Parlimen Marang sehingga kini. Pernah menjawat jawatan Menteri Besar Terengganu yang ke-11 pada tahun 1999 hingga 2004 serta sebagai Ketua Pembangkang Parlimen Malaysia pada tahun 2003 hingga 2004. Kematangan dan ketokohan kepimpinan YB Dato' Seri Tuan Guru Haji Abdul Hadi bin Awang didorong oleh dua tokoh pimpinan Ikhwanul Muslimin yang secara langsung menjadi mentor beliau semasa menuntut di Universiti Islam Madinah iaitu almarhum Sheikh Said Hawwa dan Prof. Dr Muhammad al Wakeel.

Seni politik yang dimiliki oleh YB Dato' Seri Tuan Guru Haji Abdul Hadi bin Awang mewarnai lapangan arena politik negara dan antarabangsa. Kepakaran dan pengalaman luas yang dimiliki oleh YB Dato' Seri Tuan Guru Haji Abdul Hadi bin Awang dalam bidang siyasah syar'iyah telah mendapat pelbagai pengiktirafan sehingga pandangan beliau dipinta oleh tokoh-tokoh besar gerakan Islam di Timur Tengah. Ulama yang tersohor di medan politik dan gerakan Islam antarabangsa ini juga menjadi mediator dalam menguruskan konflik di Aceh, sehingga Gerakan Aceh Merdeka bersetuju untuk memilih jalan damai. Begitu juga konflik di Yaman dan beberapa negara Umat Islam yang lain, sehinggakan jasa beliau terserlah sebagai seorang tokoh pendamai.

Sepanjang kepimpinan YB Dato' Seri Tuan Guru Haji Abdul Hadi bin Awang, beliau telah mengagagakan beberapa agenda yang bersifat futuristik tanpa bertoleransi dalam prinsip asas Islam. Beliau mendokong penerusan risalah Islam yang wajib disambung semula dengan kembali ke pangkal jalan, setelah umat Islam kehilangan kuasa sehingga dijajah tanah air dan pemikiran mereka. Beliau telah mengaplikasikan pelbagai pendekatan dan kaedah dalam memimpin PAS. Kepelbagaian pendekatan

ini diterjemahkan menerusi gagasan pemikiran beliau dalam ucapan dasar setiap tahun sepanjang beliau mengetuai PAS untuk membuktikan PAS bukan sahaja sebagai sebuah parti politik di Malaysia yang berpegang dengan prinsip keislaman malah mampu diterima sebagai sebuah gerakan Islam di peringkat antarabangsa.

PAS berpegang teguh dengan agenda Budaya Politik Matang dan Sejahtera (BPMS) yang diperkenalkan sebelum ini. Pendekatan ini bukan sahaja lebih berkesan terutama dalam masyarakat Malaysia yang bercirikan budaya keras –kasar dan politiking melampau sehingga semua perkara dilihat dalam perspektif negatif dan penuh kebencian, sedangkan rakyat tidak berubah keadaan hidup mereka. Pendekatan ini juga menepati ciri *muwajahah silmiyah* yang menjadi pegangan politik beliau dan lebih menepati sirah perjuangan Islam. Inilah mesej PAS bertujuan menyelamatkan manusia bersama Islam berpegang konsep dakwah *bil hikmah*.

Pemikiran YB Dato' Seri Haji Abdul Hadi Awang tentang Peranan Muslimah

Peranan muslimat dalam dunia mencabar pada masa ini bukan sekadar sebagai penyeri atau pelengkap perjuangan PAS semata-mata. Sebaliknya mereka merupakan sebahagian daripada faktor penting kepada perjuangan PAS. PAS membawa perubahan besar dalam arena politik nasional apabila mengajak penyatuan dan perpaduan politik dengan memperkenalkan konsep bertahaluf sebagai satu bentuk perubahan politik. Pendekatan yang sering diterapkan kepada ahli-ahli PAS adalah menjadi ahli yang taat dan wala' terhadap keputusan parti serta memahami jalur politik semasa. Oleh itu, muslimat PAS haruslah bertindak sebagai badan wanita yang lebih efektif di dalam gabungan politik yang sedia ada melalui Perikatan Nasional (PN) dan Muafakat Nasional (MN). Peringkatnya peranan muslimat PAS dalam lapangan politik nasional adalah sebagai ejen penyatuan dan perpaduan. (Azmi, 2020).

Selaras dengan keberjayaan agenda penyatuan yang digagaskan oleh YB Dato' Seri Tuan Guru Haji Abdul Hadi bin Awang, DMP dengan penuh komited dan proaktif mendokong usaha permuafakatan politik MN dan PN melalui program-program yang dijalankan bersama sayap wanita parti gabungan. Himpunan Wanita Penyatuan Ummah yang diadakan pada 13 September 2019 membawa mesej jelas bahawa muslimat PAS komited memperkukuhkan perpaduan umat Islam melalui forum gabungan

bersama Wanita UMNO. MN dan PN adalah platform yang terbaik disediakan oleh Allah SWT untuk mengungguli perpaduan kerana Islam itu sendiri menyeru kepada *ummatan wahidah*. Kaum wanita yang mengisi 55% bilangan keseluruhan penduduk negara ini mampu mengungguli perpaduan dan terlibat aktif dalam aspek perpaduan yang dapat dipraktikkan menerusi program yang melibatkan rakan wanita UMNO, MCA, dan MIC dan turun bersama mendekati masyarakat berbilang kaum dan agama agar turut serta dalam agenda perpaduan.

Sebagaimana yang ditekankan oleh TGHH melalui ucapan beliau dalam Perasmian Muktamar Tahunan Dewan Muslimat PAS Malaysia kali ke-59, menjadi tanggungjawab muslimat untuk melibatkan diri dalam medan politik dan ilmu bagi memperkasakan ummah dan mempertahankan agama Islam kerana muslimat memainkan peranan di posisi jantung kepada perjuangan parti. Dalam suasana masyarakat yang memerlukan ikon sebagai tanda aras, muslimat yang terlibat dalam gerak kerja dakwah di setiap peringkat haruslah menjadi ikon dalam konteks kepakaran ilmu dan bidang masing-masing. Seterusnya, mengelola dan menawarkan kepakaran serta solusi kepada permasalahan wanita melalui platform parti politik, agensi kerajaan dan badan bukan kerajaan.

Muslimat PAS juga perlu menjadi contoh dalam kehidupan berkeluarga dan bermasyarakat, selain bertindak sebagai agen perubahan ke arah masyarakat dan negara yang berkeperibadian tinggi dan berakhlak mulia kerana wanita adalah pendidik pertama di dalam institusi kekeluargaan. Peranan muslimat PAS sebagai ibu yang mendapat tarbiah dan pendidikan yang disediakan oleh PAS atau yang diperolehi dari pelbagai medium pendidikan di luar sana mampu membentuk generasi muda yang kuat aqidah dan jati diri, dan mudah didekati oleh golongan muda secara keseluruhannya. YB Dato' Seri Tuan Guru Haji Abdul Hadi bin Awang meletakkan keyakinan kepada muslimat PAS mampu mendekati masyarakat merentasi agama dan kaum melalui pelbagai method dakwah dengan menanamkan budaya ilmu dan amal dalam kalangan masyarakat. YB Dato' Seri Tuan Guru Haji Abdul Hadi bin Awang juga melihat perlunya muslimat PAS bersikap cakna dan bertindak dengan isu global terutama berkaitan wanita dan kemanusiaan.

Respons Praktis Politik Muslimat dalam DMPM

Secara statistiknya, wanita merupakan golongan dominasi penduduk dunia dan turut menjadi fenomena di Malaysia. Perbahasan dan pertikaian

mengenai keterlibatan wanita dalam medan politik merupakan permasalahan yang sentiasa berlegar dalam kelompok masyarakat setempat. Hal ini kerana tanggapan negatif yang menganggap wanita adalah golongan yang tidak mampu memberikan sumbangan dari sudut pemikiran dan strategi berpolitik. Pemikiran sebegini dilihat sebagai satu pemikiran kuno yang boleh membawa kepada ketidakadilan terhadap wanita. Pada hari ini, situasi dan gaya pemikiran terhadap kaum wanita telah jauh berubah. Ini kerana wanita telah memberikan sumbangan dalam pembangunan negara menerusi pelbagai aspek termasuklah aspek politik dan dapat dilihat secara meluas sama ada di peringkat negara juga antarabangsa.

1. Muslimat PAS dalam Organisasi PAS

Dewan Muslimat PAS Malaysia (DMPM) adalah salah satu sayap Parti Islam Se-Malaysia (PAS). Segmen wanita yang berfungsi mengikut Perlembagaan PAS Bab 3 Fasal 5 iaitu memperjuangkan dua perkara. Pertama wujudnya di dalam Malaysia sebuah masyarakat dan pemerintahan yang terlaksana di dalamnya nilai-nilai hidup Islam dan hukum-hukumnya menuju keredhaan Allah. Kedua mempertahankan kesucian Islam serta kemerdekaan dan kedaulatan negara Perlembagaan PAS (Pindaan 1987).

Penglibatan kaum wanita dalam Parti Islam Se-Malaysia (PAS) bermula sejak awal penubuhan parti itu, iaitu ketika Mesyuarat Agung PAS kali pertama.[1] Ustaz Zabidi bin Haji Ali telah mengemukakan cadangan untuk menubuhkan Dewan Muslimat PAS dalam Mesyuarat Agung PAS pada tarikh 3 April 1952.[2] Namun, idea penubuhan sayap wanita PAS ini telah pun dicetus sebelum itu lagi, di mana sumber-sumber PAS mendedahkan kepada media tentang rancangan mewujudkan sayap kaum ibu ini pada 30 Januari 1952.[3] Dewan Muslimat yang ditubuhkan sebagai sebuah lajnah (biro) pada peringkat awal ini diketuai oleh Syarifah Rahmah Syed Ahmad al-Mashoor.[4] Syarifah Rahmah ketika itu merupakan Ahli Jawatankuasa PAS Cawangan Bandar Pulau Pinang. Peruntukan di bawah “Aturan dan Peraturan Kecil Dewan Muslimat PAS” telah dirangka untuk membolehkan Dewan Muslimat bergiat secara sah dan tersusun, dan peruntukan ini telah disahkan oleh Jawatankuasa Agung PAS.[5] Walaupun bilangan wanita PAS ketika itu sedikit, namun wanita dilihat sebagai tenaga utama yang penting dalam meneruskan perjuangan parti tersebut. Wanita PAS juga sinonim dengan panggilan “muslimat” sempena nama Dewan Muslimat PAS yang bermaksud wanita Islam.

Selepas itu, penglibatan dan peranan muslimat dalam PAS melebar ke peringkat negeri bermula di Terengganu selari dengan penubuhan Dewan Muslimat PAS Pusat. Selepas PAS memenangi pilihan raya pertama iaitu pada tahun 1959, kerajaan PAS berjaya ditubuhkan pada 29 Jun 1959. PAS telah melantik Haji Mohd Daud Abd Samad sebagai Menteri Besar Negeri Terengganu. Isteri Menteri Besar Terengganu, Hajjah Fatimah binti Ismail secara tidak langsung turut terlibat dalam penubuhan peringkat awal penubuhan Dewan Muslimat Negeri. Dewan Muslimat PAS peringkat negeri Terengganu telah ditubuhkan secara rasmi pada tahun 1973 dan Hajjah Fatimah binti Ismail dilantik menjadi ketua muslimat sehingga tahun 1989.

PAS mengalami proses perubahan mengikut kesesuaian keadaan semasa barisan pimpinan dan ahli dalam PAS menyedari bahawa isu wanita adalah sangat penting dalam politik negara ini. Walaupun secara tidak langsung, PAS seringkali ditohmah kerana menafikan hak-hak wanita. Perubahan ini amat memberangsangkan apabila kepimpinan PAS turut serta memberikan sokongan kepada wanita untuk berada dalam kepimpinan parti yang selama ini dikuasai oleh golongan lelaki. Transformasi kepimpinan PAS pada tahun 1982 dengan penubuhan Majlis Syura Ulama telah memberikan peluang kepada muslimat berada dalam Majlis Syura Ulama menerusi 2 kerusi yang diperuntukkan kepada Dewan Muslimat PAS Pusat (Riduan 2018). Hal yang sedemikian menunjukkan keterbukaan PAS dalam menerima pandangan dan idea mengikut kesesuaian keadaan dan masa.

Sekiranya perkara ini berpanjangan iaitu dengan memberikan kedudukan jawatan kepada muslimat terutama kepada golongan profesional, sedikit sebanyak ia akan memberi kesan jangka panjang kepada politik pimpinan ulama PAS. Dewan Muslimat PAS itu sendiri terdiri daripada golongan cendekiawan dan profesional yang mempunyai kepakaran masing-masing. Perkara yang paling penting bagi muslimat yang menyertai PAS ini ialah mereka mempunyai pegangan agama Islam yang cukup jitu dan kuat serta memahami dengan cukup mendalam peranan mereka sebagai wanita Islam. (Fatimi, 2017).

Bermula Muktamar Tahunan PAS Pusat pada kali-47, muslimat PAS diberikan peluang untuk menjadi perwakilan bagi memilih anggota pimpinan PAS Pusat dan bertanding untuk menjawat jawatan dalam Jawatankuasa Kerja PAS Pusat. Kepimpinan muslimat dalam struktur

organisasi Dewan Ulamak melalui Lajnah 'Alimat menjadi tenaga teras dalam program tarbiyah PAS. Pimpinan muslimat PAS juga diberikan ruang untuk mewakili Dewan Muslimat dalam Majlis Syura dan Ahli Jawatan Kuasa PAS Pusat.

2. Hala tuju Dewan Muslimat PAS

Bagi memperkukuhkan dan menyelaraskan organisasi muslimat PAS di semua peringkat, DMPM telah menyediakan satu pelan tindakan dan terus dibuat penambahbaikan dari masa ke semasa walau pun berlaku perubahan di peringkat kepimpinan DMP Pusat. Ianya sekaligus memimpin dan memandu hala tuju gerak kerja muslimat sehingga ke akar umbi dalam satu jemaah yang besar ini. Keselarasan langkah-langkah ini akan membentuk satu kekuatan dan gelombang yang kuat ke arah menuju visi dan misi DMPM serta akan dapat mencapai matlamat yang disasarkan. Visi DMPM ialah menerajui gerakan wanita yang merangkumi kesejahteraan individu, keluarga dan masyarakat serta kesejahteraan dan keharmonian negara. Sebuah negara yang dirahmati dan diberkati di mana nilai-nilai hidup Islam dan hukum-hakamnya terlaksana menuju keredhaan Ilahi. Manakala, misi DMPM pula adalah:

- a. Membina para amilin dan kepimpinan 'AKIFI ('Alim, Haraki dan Sufi) dengan tanzim pentarbiyahan bersepadu dan pengurusan yang profesional.
- b. Membudayakan sikap politik matang dan sejahtera yang mengutamakan kepentingan Islam dan keharmonian rakyat dalam urusan pentadbiran negara yang berkait dengan hal ehwal wanita.
- c. Membentuk wanita, anggota keluarga dan masyarakat yang matang, berakhlak dengan nilai-nilai murni Islam ke arah kesejahteraan.
- d. Memartabatkan wanita dan peranannya dalam negara serta di persada antarabangsa.

Sebagai sebuah entiti utama bersama Dewan Ulama dan Dewan Pemuda, DMP merupakan sayap kiri PAS yang membawa suara muslimat PAS secara khusus dan memperjuangkan kebajikan dan kepentingan masyarakat umumnya. Perkara pertama yang dititikberatkan oleh DMP ialah menyatukan hati-hati muslimat PAS dalam kalangan penggerak dan pendukung menerusi agenda pentarbiyahan, dakwah dan kebajikan. Pemerkasaan majlis naqibat teras yang mendokong agenda J12k yang diformulasikan oleh TGHH berpandukan hadith Rasulullah SAW di bawah Lajnah Tarbiyah PAS Pusat bagi memastikan program usrah terus berfungsi membangunkan sahsiah AKIFI dan mampu menampilkan

kepimpinan muslimat PAS yang menjadi contoh teladan kepada kaum wanita amnya. Pelbagai jabatan dan badan NGO Dakwah dan Kebajikan, Pendidikan, Kesihatan, Ekonomi dan Undang-undang ditubuhkan bagi menyemarakkan silang fungsi DMP di seluruh negara agar diterima oleh setiap lapisan masyarakat. DMPM telah melalui pelbagai fasa kepimpinan yang memperlihatkan perkembangan terhadap usaha untuk menerangkan dan menghayati Islam sebagai jalan penyelesaian dalam masyarakat.

DMP menetapkan hala tuju dan gerak kerja DMP secara konsisten mendokong pemikiran YB Dato' Seri Tuan Guru Haji Abdul Hadi bin Awang. Pada dua siri muktamar tahun 2019 dan 2020 DMP menterjemahkan pemikiran YB Dato' Seri Tuan Guru Haji Abdul Hadi bin Awang iaitu Sejahtera Bersama Islam (Ucapan Dasar Muktamar 2017) dan Islam Jalan Penyelesaian (Ucapan Dasar Muktamar 2016) menerusi agenda Islam Memimpin, Wanita Sejahtera (Ucapan Dasar Muktamar DMP 2019 dan 2020). 'Wanita Sejahtera' bermakna wanita yang memiliki dan memanfaatkan hak yang diberikan oleh Islam dalam kehidupan secara menyeluruh. Dengan hak tersebut mereka dapat menunaikan tanggungjawab sebagai hamba Allah dan sebagai khalifah di muka bumi ini mengikut fungsi dan peranan masing-masing.

Sebagai seorang manusia, wanita diberikan hak untuk hidup dengan aman, dilindungi di bawah payung syariat Islam. Mereka diberikan hak untuk memiliki harta menerusi pewarisan atau menjalankan sebarang pekerjaan yang sesuai dengan fitrah dan kebolehan yang ada. Tiada sesiapa yang boleh menarik dan mencerooboh hak individu lain tanpa sebab yang munasabah dan diterima syarak. Sebagai makhluk sosial, wanita juga turut diberi ruang seluas-luasnya untuk berada di medan lapangan. Wanita boleh beraktiviti sosial, berorganisasi, berpolitik, berniaga, berhibur, bersukan dan terlibat dalam pelbagai bidang profesional dengan *itqan* (bersungguh-sungguh) mengikut keilmuan dan keinginan masing-masing.

Justeru, DMPM menyedari bahawa hak yang diberikan oleh Islam ini perlu dikongsi bersama seluruh kaum wanita agar semua dapat merasai kesejahteraan yang ditawarkan oleh Islam. Peranan wanita dalam pembangunan keluarga dan masyarakat sangat signifikan dalam memacu kesejahteraan dan kestabilan negara. Apatah lagi, pada hari ini rata-rata kaum wanita terlibat menyumbang kepada kepesatan ekonomi negara sebagai tenaga kerja dalam sektor pendidikan, pengeluaran, perkhidmatan dan sebagainya.

Pendidikan dan wanita sangat sinonim. Wanita merupakan ibu kepada semua manusia, setiap ibu adalah *madrasah ula* (pertama) ummah. Muslimat PAS terus memberi komitmen yang tinggi Selain daripada memberi respon terhadap isu-isu pendidikan negara, DMPM membangunkan modul pendidikan awal kanak-kanak dengan penubuhan TASTI, produk pusat penjagaan bayi dan kanak-kanak berumur bawah 3 tahun dengan modul pendidikan yang berteraskan Asma' ul Husna bagi pembinaan generasi masa depan. Kewujudan Taman Asuhan Tunas Insan-TASTI di seluruh negara telah bertambah kepada lapan buah. Iaitu 3 di Kedah, sebuah masing-masing di Perlis, Selangor, Wilayah Persekutuan, Johor dan Sabah. APSA pula sebuah institusi pendidikan khusus muslimat berkonsepkan pembelajaran dewasa dan sepanjang hayat bersifat jarak jauh disediakan di setiap negeri dalam bentuk latihan pentarbiyahan semi akademik. Kedua-dua ini diselenggara secara profesional dengan pemantauan dan penasihat panel pakar yang berkredibiliti dari insitituti pengajian tinggi awam.

3. Muslimat PAS dalam Pilihanraya

Pilihan raya pertama (pilihan raya tempatan) di Malaysia adalah pada tahun 1955 di George Town, Pulau Pinang yang telah berlaku sebelum Tanah Melayu mencapai kemerdekaan. Penyertaan wanita sebagai calon pilihan raya telah wujud pada pilihan raya yang pertama iaitu pada 19 Ogos 1959. Namun, tidak semua tempat atau negeri ketika itu meletakkan calon wanita. PAS mempunyai pendirian bahawa muslimat boleh menjadi calon pilihan raya. Inilah sikap keterbukaan yang dipegang oleh PAS sehingga hari ini dengan membenarkan penglibatan wanita dalam bidang politik dan pilihan raya. Pada pilihan raya pertama di negeri Terengganu, PAS telah mencalonkan Khadijah Sidek untuk mewakili parti itu dalam Pilihan Raya Umum menerusi kerusi Parlimen. Dan beliau telah memenangi kerusi tersebut iaitu Parlimen Dungun ketika itu. Dasar PAS tentang pencalonan Muslimat telah berubah ekoran keganasan politik yang berlaku dalam Pilihan Raya Umum Ketiga pada 10 Mei 1969 dan atas masalah keselamatan. PAS menanggungkan kebenaran kepada muslimat sebagai calon pilihanraya antara tahun 1969-2004.

Walaupun dalam tempoh penangguhan ini tidak ada muslimat yang menjadi calon PRU tetapi kepimpinan muslimat PAS telah dilantik sebagai Ahli Dewan Negara untuk membawa suara parti dan kaum wanita khusus sejak tahun 1975 sehingga kini. Ada dalam kalangan mereka dilantik melalui lantikan Yang di-Pertuan Agong pada era Kerajaan campuran PAS-BN pada 1975 hingga 1982, ada yang dilantik melalui

DUN Negeri Kelantan dan Terengganu iaitu Hunaizah Mohd. Noor mulai 4 Ogos 1997 - 3 Ogos 2000, Jamilah Ibrahim (PAS) mulai 4 Ogos 1997 - 3 Ogos 2000, Kalthom Othman (PAS) mulai 24 Julai 1991- 23 Julai 1994; dipilih semula mulai 9 Mei 1994 - 8 Mei 1997, Khairiah Mohamed mulai 1 Julai 2015 - 2018, Safinah Jusoh mulai 23 Disember 1999 - 22 Disember 2002, Asmak binti Husin mulai 1 Julai 2018 - 30 Jun 2021 dan Nuridah Mohd Salleh mulai 29 November 2018 - 28 Disember 2021.

Pada 15 April 2001 Dewan Muslimat PAS Malaysia telah mengemukakan kertas cadangan kepada Majlis Syura Ulama dan PAS Pusat agar muslimat dibenarkan semula terlibat sebagai calon pilihan raya. DMPM telah menggariskan lima rasional penglibatan semula Muslimat sebagai calon PAS dalam pilihan raya:

- a. Tiadanya larangan mutlak berdasarkan nas-nas mantap;
- b. Banyak isu wanita yang perlu disuarakan oleh Muslimat PAS dalam forum terbuka;
- c. Meyakinkan masyarakat tentang penghormatan PAS kepada wanita dan memperkasakan kepemimpinan Muslimat PAS;
- d. Pendekatan psikologi terhadap pengundi wanita; dan
- e. Keterbatasan ruang untuk Muslimat PAS memberi sumbangan dalam politik kenegaraan.

Jawatankuasa Kerja PAS Pusat dan dimuktamadkan oleh Majlis Syura Ulamak PAS pada 30 Disember 2001 telah bersetuju mengembalikan semua amalan PAS sebelum ini, iaitu mengharuskan muslimat menjadi calon dalam pilihan raya yang terikat kepada syarat-syarat tertentu. Jawatankuasa Harian PAS Pusat pada 12 Januari 2002 telah memaklumkan kepada Dewan Muslimat PAS Pusat tentang pendirian Majlis Syura Ulamak PAS tersebut, dan Dewan Ulamak PAS Pusat menerbitkan sebuah buku bertajuk 'PAS & Calon Wanita' susunan Ustaz Azizan Abdul Razak pada 2003 untuk menjelaskan dalil-dalil berkait pendirian PAS tersebut. (Mohd Fadli, 2016). Berikut adalah taburan bilangan pemimpin muslimat APS yang dipilih sebagai calon dan taburan bilangan muslimat sebagai Ahli Parlimen, Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) dan Senator bermula tahun 2004 sehingga kini:

Jadual 1: Taburan Bilangan Muslimat sebagai Ahli Parlimen, ADUN dan Senator Tahun 2004 sehingga 2021

Tahun	PRU	Bil Calon PRU	Parlimen	DUN	Ahli Dewan Negara (senator)
2004	PRU-11	16	10	6	
2008	PRU-12	13	8	5	
2013	PRU-13	22	8	14	1
2018	PRU-14	38	10	28	2

Langkah Proaktif Muslimat Pas Era Wabak Covid 19

Penularan wabak Covid-19 di negara ini bermula seawal 25 Januari 2020 selepas pelancong dari China disahkan menghidap wabak itu. Walaupun baru sahaja menerajui kerajaan, namun kerajaan PN tetap meneruskan misi yang sama, iaitu memutuskan rantai wabak Covid-19. Dalam hal ini, PAS sebagai rakan politik dalam PN turun berganding baru menggalas tugas kepimpinan negara sesuai dengan portfolio di bawah kepimpinan Perdana Menteri, Yang Amat Berhormat Tan Sri Dato' Haji Muhyiddin bin Haji Muhammad Yassin. PAS terus konsisten membawa agenda Islam sebagai jalan penyelesaian setiap permasalahan kehidupan manusia dan agenda memperkukuhkan perpaduan.

Muslimat PAS turut menerima impak perubahan ini dengan mandat yang diberikan oleh kerajaan pusat sebagai Timbalan Menteri Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat iaitu YB Datuk Siti Zailah Mohd Yusoff, Ahli Parlimen Rantau Panjang pada PRU-14 dan 2 orang ahli kerusi Dewan Negara yang disandang oleh YB Senator Ustazah Nuridah Mohd Salleh yang dipilih melalui DUN Negeri Terengganu dan YB Senator Ustazah Asmak Husin, Ahli Dewan Negara yang dipilih melalui DUN Negeri Kelantan. Secara kolektif dan holistik, muslimat PAS sebagai sayap kiri PAS melangkah dengan lebih proaktif memimpin wanita menuju kehidupan yang lebih sejahtera sesuai dengan pelan tindakan yang disusun sebelum penularan wabak Covid-19 dalam mendepani perubahan gaya hidup kaum wanita.

1. Gelombang Munajat AKIFI (GMA)

GMA merupakan satu produk Muslimat PAS yang telah diperkenalkan oleh Ketua Dewan Muslimat PAS Malaysia YB Senator Ustazah Nuridah Salleh sebelum PRU ke 14 yang lepas. Ia bertujuan memimpin jentera muslimat bagi menghadapi pilihan raya umum menerusi aktiviti solat hajat berjemaah, bacaan yasin dan munajat sertamemohon pertolongan dan rahmat daripada Allah di samping menghidupkan semangat mujahadah dalam meraih kemenangan dengan niat ikhlas kerana Allah SWT.

Program GMA ini disemarakkan lagi pada era wabak ini dengan membuka penyertaan kepada rakan wanita MN dan PN agar dapat menyeragamkan pelaksanaan Majlis Bacaan Yaasin, Tahlil, Ruqyah dan Munajat selain turut menyemarakkan Majlis Zikrullah secara berkumpulan dalam masyarakat. Pada masa yang sama, program GMA ini dapat membina hubungan ukhuwah Islamiyah dengan masyarakat setempat, khususnya golongan Wanita UMNO dan Dewan Muslimat PAS. Sehingga kini, GMA disemarakkan hampir setiap malam di seluruh negara dengan anjuran dewan muslimat kawasan dan muslimat cawangan dengan penyertaan bersama rakan wanita MN dan kaum wanita setempat. Dengan adanya GMA secara bermodul ini, kaum wanita dibimbing untuk mengamalkan munajat yang berterusan dan kebergantungan kepada Allah dalam menghadapi pelbagai kemelut hidup yang semakin menekan sepanjang pandemik ini.

2. Penubuhan Gerakan Wanita Sejahtera (GWS)

Laporan mengenai keganasan rumah tangga meningkat sejak pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) berikutan penularan wabak Covid-19. Kemelut rumah tangga ini kelihatan semakin kritikal dengan peningkatan kadar perceraian bukan sahaja dalam kalangan pasangan yang baharu berkahwin, tetapi turut melibatkan pasangan pada usia matang atau dalam kalangan warga emas. Selain itu, laporan daripada Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) menunjukkan peratus depresi atau kemurungan yang dihadapi oleh rakyat Malaysia telah meningkat semenjak penularan wabak Covid-19.

Justeru, keupayaan dan kebijaksanaan muslimat PAS ditagih dalam mengawal tekanan emosi dan depresi masyarakat dilihat amat penting untuk membawa pemimpin negara merangka sistem pentadbiran pasca Covid-19. Dewan Muslimat PAS Malaysia (DMPM) telah menubuhkan

Gerakan Wanita Sejahtera (GWS). GWS merupakan satu inisiatif menawarkan khidmat sokongan psikososial secara percuma untuk menjaga kebajikan wanita Malaysia melalui Talian Wanita Sejahtera. Talian Wanita Sejahtera adalah khidmat kaunseling dalam talian yang menyediakan khidmat kaunseling oleh kaunselor berdaftar kepada masyarakat umum yang terdiri daripada pakar dalam bidang kesihatan, guaman dan agama untuk membantu kesejahteraan kaum wanita khususnya untuk.

GWS melalui Muslimat Medikal Team (MusMedik) aktif mengadakan pelbagai bentuk program dan perkongsian kepada wanita sebagai satu medium bagi para wanita mendapatkan bantuan kaunseling atau khidmat nasihat berkaitan kesihatan. Antara pengisian ilmiah yang dijalankan setiap minggu adalah *GWS Live Bersama Doktor Anda* yang bersiaran secara langsung menerusi medium Facebook. Siri *Facebook Live* ini adalah satu inisiatif membina hubungan serta satu usaha memberikan pendedahan dan maklumat berkaitan kesihatan dalam kalangan masyarakat, khususnya wanita. Usaha yang telah dijalankan ini dilihat sebagai suatu respons pantas dan wajar dilakukan oleh muslimat PAS bagi menjaga kebajikan wanita dan masyarakat.

3. Peranan Muslimat PAS dalam meneraju ekonomi Islam

Peluang untuk membina wanita profesional dalam bidang pengurusan kewangan berkemahiran, pengeluar produk berwawasan dan berdaya saing dalam bidang ekonomi dilihat semakin terbuka semasa era Covid-19. Dalam situasi norma baharu hari ini, banyak institusi kekeluargaan khususnya para wanita bergelut dengan cabaran untuk menghadapi situasi sukar kerana pendapatan hidup mereka terjejas. Pelan jana semula ekonomi negara (PENJANA) melalui KPWKM merangkumi pelbagai inisiatif untuk membantu kaum wanita yang terkesan akibat wabak ini. Antara dasar pemulihan ekonomi yang diketengahkan oleh KPWKM adalah Skim Pembiayaan Program TemanNita iaitu satu inisiatif untuk membantu usahawan wanita mendapatkan pembiayaan secara berkumpulan dengan lebih mudah untuk keperluan perniagaan.

Muslimat PAS memainkan peranan dalam mendokong usaha kerajaan untuk pemulihan ekonomi negara melalui program-program yang dijalankan. Antara inisiatif yang dijalankan oleh muslimat PAS adalah program penyerahan borang Bantuan Khas Ibu Tunggal iaitu sebanyak RM300 secara *one-off*. Muslimat PAS bertindak sebagai pemudah cara bagi membantu golongan tersebut dalam memastikan pemberian kerajaan itu sampai kepada sasaran.

4. Pendidikan berterusan sepanjang hayat untuk Muslimat PAS dan wanita Malaysia

Normalisasi baharu dalam kehidupan umat manusia pada era wabak Covid-19 tidak melumpuhkan budaya ilmu dalam kalangan muslimat PAS. Akademi Pengajian Saidatina Aisyah dan badan bukan kerajaan (NGO) Hawa terus memanfaatkan kemudahan media masa untuk memastikan kaum wanita tidak ketinggalan dalam aspek keilmuan. Sepanjang era pandemik ini, TASTI mengambil peluang membuat penambahbaikan modul dan mengenal pasti lompang dalam modul yang dibangunkan sebelum ini bagi memastikan ianya dapat mengatasi kepercanggihan yang berlaku dalam kemelut pengasuhan anak-anak awal usia di pusat-pusat asuhan tajaan swasta pada hari ini. PASTI diibaratkan tatap asas dalam pembangunan pendidikan pra sekolah yang dikendalikan oleh Dewan Pemuda PAS. Muslimat PAS juga menjadi wakil kepimpinan muslimat dalam Majlis Guru PASTI dan pengurusan kurikulum PASTI, SRITI dan SMITI di bawah struktur organisasi Dewan Pemuda. Sepanjang pandemik ini, APSA mengolok langkah proaktif meneruskan khidmat perundingan, latihan dan pengajaran secara dalam talian agar proses pendidikan muslimat PAS tidak terjejas akibat wabak ini.

5. Hak dan kebajikan rakyat sebagai perjuangan utama Muslimat PAS

Wakil rakyat dan senator daripada muslimat PAS sentiasa konsisten memperjuangkan hak dan kebajikan rakyat sama ada di peringkat dewan rakyat dan dewan negara. Penularan wabak Covid-19 memperlihatkan banyak sektor ekonomi yang terjejas serta memberikan kesan terhadap kehidupan ramai rakyat negara ini. Dua orang ahli Dewan Negara yang disandang oleh Ketua DMP, YB Senator Ustazah Nuridah Saleh dan YB Senator Asmak Husin memainkan peranan menyuarakan pelbagai pandangan, cadangan dan sokongan padu berkaitan usaha yang perlu dilaksanakan oleh pihak kerajaan demi memastikan rakyat tidak berhadapan dengan krisis khususnya krisis sosio-ekonomi. Antara usaha yang dilakukan oleh YB Senator Asmak Husin adalah membuka borang aduan rakyat khusus bagi menyelesaikan masalah rakyat sama ada memerlukan tindakan segera atau diperdengar dan dibahaskan di peringkat legislatif.

Di peringkat Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM), YB Datuk Siti Zailah Mohd Yusoff yang membawa suara Dewan Muslimat PAS mengambil peluang yang disusun

di peringkat kementerian untuk mendekati golongan yang terkesan dengan wabak Covid-19. Menerusi Program Turun Padang KPWKM Edisi Negeri Kelantan dengan kerjasama Urus Setia Kebajikan, Pembangunan Keluarga dan Wanita Negeri Kelantan (U-KekWA), pihak kementerian secara langsung turun padang bagi meninjau permasalahan yang dihadapi oleh rakyat. Kementerian melalui Yayasan Kebajikan Negara (YKN) juga telah menubuhkan Tabung Prihatin YKN-JKM Covid-19 bagi menggalakkan syarikat korporat dan orang perseorangan untuk menyumbang kepada rakyat Malaysia yang memerlukan bantuan. Sumbangan ini telah digunakan bagi tujuan membantu golongan B40 dan kumpulan sasar JKM yang kehilangan pendapatan dan terkesan daripada pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP).

Selain itu, kepimpinan muslimat PAS yang menjadi wakil rakyat di peringkat kerajaan negeri pula terus komited menyediakan pelbagai kemudahan dan keperluan untuk rakyat di tempat masing-masing serta mendokong kepimpinan kerajaan negeri yang diketuai oleh pemimpin PAS setelah PRU-14. Di peringkat negeri Kelantan, YB Dato' Hajah Mumtaz MD Nawawi merangka gerak kerja bantuan Covid-19 semasa tempoh PKP dilaksanakan. Pasukan Kerja Bantuan COVID @ Ramadhan ditubuhkan oleh EXCO Kebajikan, Pembangunan Keluarga dan Wanita Kerajaan Negeri Kelantan khusus bagi melicinkan gerak kerja bantuan rakyat semasa bulan Ramadhan. Edaran bahan makanan asasi kering dan makanan iftar kepada masyarakat setempat menjadi fokus utama pasukan ini. Selain itu, bantuan secara *one-off* negeri Kelantan seperti bantuan *Al It'am*, *Kifaalah*, OKU dan bantuan orang miskin turut disalurkan kepada kumpulan sasar yang berkecukupan.

Kesimpulan

Status dan kedudukan kepimpinan muslimat dalam organisasi PAS adalah jelas menunjukkan kaum wanita atau muslimat telah diberi ruang dan peluang yang sama untuk berkhidmat dalam parti. Walaupun muslimat tidak dilantik menjadi ketua tertinggi di dalam organisasi PAS, namun kedudukan muslimat sebagai anggota dalam organisasi di peringkat Majlis Syura, PAS Pusat dan Perhubungan PAS Negeri merupakan satu pengiktirafan kepada kaum wanita. Dewan Muslimat PAS telah melalui pelbagai fasa kepimpinan yang memperlihatkan perkembangan terhadap usaha untuk menerangkan dan menghayati Islam sebagai jalan penyelesaian dalam masyarakat. Berpandukan kepimpinan YB Dato' Seri Tuan Guru Haji Abdul Hadi bin Awang dan pelan tindakan yang jelas dan

terancang, Dewan Muslimat PAS konsisten memimpin kaum wanita dan masyarakat agar kembali kepada penghayatan Islam yang syumul. Menerusi platform politik PAS, muslimat PAS terus mara menyelami denyut nadi masyarakat Malaysia. Mereka turun ke lapangan bagi memberikan kefahaman secara *qudwah bil hal* bahawa kaum wanita Islam mampu memberi impak perubahan kepada negara ke arah yang lebih sejahtera dan meningkatkan sokongan kepada PAS menerusi kepelbagaian agenda yang dilaksanakan oleh muslimat PAS sepanjang penularan wabak Covid-19.

Rujukan

- Abdul Hadi Awang. 2020. Ucapan Dasar Presiden PAS 2020. <http://muktamar.pas.org.my/wp-content/uploads/Ucapan-Dasar-Presiden-PAS-2020-Islam-Memperkukuh-Perpaduan.pdf>
- Abdul Hadi Awang. 2019. Ucapan Perasmian Presiden PAS di Muktamar Tahunan Dewan Muslimat Kali ke-59. <https://web.facebook.com/muktamarpasusat/videos/video-ucapan-perasmian-presiden-pas-di-muktamar-tahunan-dewan-muslimat-pas-kali>
- Abdul Hadi bin Awang. 2020. Ucapan Perasmian Konvensyen Wanita Muda SeMalaysia. <https://web.facebook.com/abdulhadiawang/videos/500711420848943/>
- Abu Bakar Abdullah. 2006. 50 Tahun PAS Terengganu 1956 – 2006. Terengganu: Badan Perhubungan PAS Negeri Terengganu.
- Azmi, Z. 2020. PAS: Permuafakatan politik sebagai tapak integrasi dan peranan wanita. *Malaysian Journal of History, Politics & Strategic Studies (JEBAT)*. 47(3), 428–462.
- Biografi YB Dato' Seri Tuan Guru Haji Abdul HAdi Awang. 2020. <https://www.youtube.com/watch?v=T6zf7ogVvj0>
- BuletinOnline. 2016. Sheikh Abdul Hadi Awang: Sosok Negarawan Yang Diiktiraf Dunia Islam. <https://buletinonline.net/v7/index.php/sheikh-abdul-hadi-awang-sosok-negarawan-yang-diiktiraf-dunia-islam/>
- Dewan Muslimat PAS Pusat. 2001. *Halwa Perjuangan*. Selangor: Trans Creation (M) Sdn. Bhd.
- Fatimi Hanafi. 2017. Penglibatan Wanita Melayu Dalam Pilihan Raya di Malaysia, 1999-2008. Tesis Doktor Falsafah Universiti Malaya.
- Harakahdaily. 2020. Muslimat Bantu Armalah Pohon Penjana. <https://harakahdaily.net/index.php/2020/08/17/muslimat-bantu-armalah-pohon-penjana>
- Harakahdaily. 2020. Muslimat Bawa Insentif Penjana Buat Ibu Tunggal. <https://harakahdaily.net/index.php/2020/08/16/muslimat-bawa-insentif-penjana-buat-ibu-tunggal>
- Jabatan Arkib Dewan Muslimat PAS Pusat. 2006. *Srikandi Mata Rantai Perjuangan*. Kuala Lumpur: Dewan Muslimat PAS Pusat.
- Kementerian Pembangunan Wanita dan Keluarga. 2020. Pelan Jana Semula Ekonomi Negara (PENJANA). <https://www.kpwkm.gov.my/kpwkm/index.php?r=penjana/index>

- Kementerian Pembangunan Wanita dan Keluarga. 2020. Program Turun Padang KPWKM Edisi Negeri Kelantan. 2020. <https://www.lppkn.gov.my/index.php/>
- Mohd Fadhl Ghani. 2016. *Sejarah PAS 1951-1957 Membina Jiwa Merdeka*. Kuala Lumpur: Penerbitan Harakah.
- Mohd Soud Said. 1999. Sejarah Dewan Muslimat PAS dan Sumbangannya Dalam Politik Malaysi: Suatu Kajian di Kuala Terengganu. Tesis Sarjana, Akademi Pengajian Islam. Kuala Lumpur: Universiti Malaya.
- Musmedik Beri Khidmat Kesihatan Secara Atas Talian. 2020. <https://harakahdaily.net/index.php/2020/11/15/musmedik-beri-khidmat-kesihatan-secara-atas-talian/>
- Noor Asyanti Binti Abu Bakar. (2016). Sejarah Kepimpinan Muslimat Parti Islam Se-malaysia (Pas) Di Negeri Terengganu Pada Tahun 1999 Hingga 2004. *MA UPSI* Parti Islam SeMalaysia. PAS Tampil Calon Wanita Berpotensi. <https://berita.pas.org.my/pas-tampil-calon-wanita-berpotensi/>
- Perlantikan Abdul Hadi sebagai duta khas, dimuat turun dari <https://www.astroawani.com/berita-malaysia/pelantikan-abdul-hadi-sebagai-duta-khas-perkukuh-hubungan-diplomatik-tuan-ibrahim-236710>
- Siti Zafrina Mohd Zahari. (2013). Analisis Pensejarahan Penyertaan Calon Wanita Muslim dalam Pilihanraya Umum Dari Tahun 1959-2008 di Semenanjung Malaysia. Tesis Sarjana, Universiti Malaya.
- Sinar Harian. 2019. Wanita UMNO Hadiri Majlis Muslimat PAS. <https://www.sinarharian.com.my/article/13308/BERITA/Politik/Wanita-UMNO-hadiri-majlis-Muslimat-Pas>
- Suruhanjaya Pilihan Raya. 2021. Keputusan Pilihan Raya Umum Parlimen & Dewan Undangan Negeri 1959-2004 dan Keputusan Pilihan Raya Umum tahun 1999. http://semak.spr.gov.my/spr/laporan/5_KedudukanAkhir.php
- Syamimi Amira bt Shamsul Baharin & Najah Nadiyah Amran. 2020. Dakwah Tanpa Sempadan Tuan Guru Haji Abdul Hadi Awang di Era Pandemik COVID-19. <http://www.ukm.my/bicaradakah/wp-content/uploads/2020/11/BD21-8.pdf>
- Warta Negara*. 1952. PAS akan membentuk Cawangan Kaum Ibunya. 30 Januari.

INTEGRASI DAKWAH DAN SIYASAH DALAM PEMIKIRAN TUAN GURU DATO'SERI HAJI ABDUL HADI AWANG

Haziyah Hussin
Pusat Kajian al-Quran dan al-Sunnah
Fakulti Pengajian Islam UKM
haziyah@ukm.edu.my

Najah Nadiah Amran
Pusat Kajian al-Quran dan al-Sunnah
Fakulti Pengajian Islam UKM
najah@ukm.edu.my

Abstrak

Secara umum, istilah 'dakwah siyasah' mendeskripsikan usaha dakwah yang digerakkan di atas platform organisasi politik atau menggagaskan agenda politik sebagai sebahagian daripada *mawdu'*/mesej dakwah. Ia mencirikan sebuah gerakan Islam dan menjadi teras dalam kegiatannya. Kertas kerja ini bertujuan mengetengahkan beberapa aspek pemikiran Tuan Guru Haji Dato' Seri Abdul Hadi Awang berkaitan dengan pendekatan dakwah siyasah. Sehubungan dengan itu, buku dan ucapan dasar beliau sebagai Presiden Parti Islam SeMalaysia (PAS) serta temubual mendalam bersama beliau dijadikan sumber data primer dalam penulisan ini. Selain itu, perbincangan kertas kerja ini juga disandarkan kepada pelbagai karya dan pemikiran pakar dakwah siyasah yang diterbitkan dalam jurnal, buku dan tesis. Kertas kerja ini merumuskan bahawa sisi pandang dakwah siyasah Abdul Hadi dibina di atas manhaj dan sumber al-Quran, Sunnah dan pendirian *salaf al-Salih*. Ia bukan teori yang dikutip daripada kitab-kitab besar warisan semata tetapi cernaan pengalaman yang lama mendepani realiti di lapangan bersama-sama masyarakat dan perjuangan Gerakan Islam.

Katakunci: Dakwah Siyasah, Politik Islam, Abdul Hadi Awang, Gerakan Islam

Pendahuluan

Mengajak manusia mengabdikan diri kepada Allah SWT yang Esa dan mentarbiyah mereka mengikut lunas-lunas Ilahi menjadi teras utama kepada *maqasid* al-Quran. Bahkan, perutusan Nabi Muhammad SAW serta rasul-rasul sebelum baginda adalah membawa risalah yang satu dengan melaksanakan misi dakwah ini. Kewujudan gerakan Islam dengan nama yang pelbagai merupakan penyambung mata rantai perjuangan Rasulullah SAW dalam menanggapi perubahan semasa justeru organisasi dakwah ini terlibat dalam seluruh aspek kehidupan sebagai cerminan agama Islam yang menyeluruh sifatnya. Hal ini sejajar dengan konotasi gerakan Islam yang biasanya dinisbahkan kepada mana-mana kumpulan

yang aktif dalam bidang politik dan sosial serta seruan melaksanakan syariat Islam dalam masyarakat dan negara. Bahkan, itulah hakikat gerakan Islam menurut Badlihisam (2009) iaitu: “mana-mana gerakan yang mengambil Islam sebagai dasar atau ideologi perjuangan, tidak kira sama ada ia berbentuk parti politik, jihad ketenteraan atau dakwah boleh dikategorikan dalam gerakan Islam” asalkan ia memberi penekanan terhadap Islam secara menyeluruh.

Keterlibatan gerakan Islam dalam politik memanifestasikan kesyumulan Islam kerana mengetengahkan konsep politik dalam perspektif Islam sebagai aktiviti mengelola, mengatur dan mengurus kehidupan umat dan bangsa, dengan cara membimbing mereka menuju jalan kemaslahatan umat. Inilah yang dimaksudkan dengan dakwah siyasah atau dakwah politik. Politik adalah sebahagian daripada proses dakwah kerana perubahan masyarakat memerlukan kekuasaan. Ia juga tidak dapat dipisahkan daripada kehidupan masyarakat kerana proses internalisasinya dapat disosialisasikan melalui kegiatan dakwah. Di sinilah dakwah berfungsi sebagai suatu proses yang dinamik dalam mobiliti sosial dan seterusnya mendorong terbentuknya sistem sosial di mana dakwah itu dilaksanakan. (Iyatna, 2016). Sehubungan dengan itu, penglibatan pendakwah dalam politik merupakan tindakan yang dapat mendatangkan kebaikan, faedah dan kepentingan.

Bahkan, dakwah dan politik merupakan satu kesatuan yang tidak dapat dipisahkan kerana kedua-duanya memiliki hubungan yang saling mendukung dan memiliki tujuan untuk kemaslahatan umat dengan menjadikan politik sebagai media agar tujuan dakwah tercapai dengan baik dan berkesan. Kadang-kadang dakwah yang tidak ada sokongan politik tidak akan berhasil sebaliknya dengan adanya sokongan politik, usaha dakwah mudah dilaksanakan dan lebih efektif malah tuntutan agama dapat diimplementasikan. (Suhaimi, 2015; Iyatna, 2016; Ridwan, 2017). Inilah yang ditunjukkan oleh Nabi Muhammad SAW dalam hayat baginda iaitu sebagai rasul dan pendakwah yang diutuskan Allah SWT, kemudian baginda mengintegrasikan dakwah dan politik semasa di marhalah Madinah lalu menjadi pemimpin negara dan pemimpin seluruh umat Islam.

Sehubungan dengan itu, al-Quran menyifatkan dakwah sebagai kerja yang sangat mulia dan mengangkat martabat pendakwah itu pada kedudukan yang tinggi kerana tugas dakwah adalah tugas yang besar,

mengajak manusia ke arah akidah yang benar, mengamalkan syariat Islam dalam segenap aspek kehidupan, melakukan amal kebaikan dan mencegah kemungkaran. Firman Allah Taala dalam surah Fussilat ayat 33:

وَمَنْ أَحْسَنُ قَوْلًا مِّمَّن دَعَا إِلَى اللَّهِ وَعَمِلَ صَالِحًا وَقَالَ إِنِّي مِنَ الْمُسْلِمِينَ

Maksudnya: *“Dan tidak ada yang lebih baik perkataannya daripada orang yang menyeru kepada (mengesakan dan mematuhi perintah) Allah, serta ia sendiri mengerjakan amal yang soleh, sambil berkata: "Sesungguhnya aku adalah dari orang-orang Islam (yang berserah bulat-bulat kepada Allah)!”*

Menurut Ibn Kathir (2005), pendakwah bukan sekadar mengajak individu atau pihak lain untuk mengabdikan diri dan taat kepada Allah SWT tetapi dia sendiri menghayati dan melazimkan dirinya melaksanakan seruan dakwah tersebut.

Kertas kerja ini bertujuan untuk menganalisis pemikiran figura gerakan Islam Malaysia iaitu Tuan Guru Haji Abdul Hadi Awang. Beliau dikenali umum bukan sahaja dalam negara bahkan di peringkat antarabangsa. Penglibatan beliau dalam Gerakan dakwah yang lama iaitu lebih 45 tahun mewajarkan tokoh ini dibahaskan secara ilmiah dan diketengahkan kepada khalayak. Sorotan terhadap sejarah keterlibatan Abdul Hadi dalam kegiatan dakwah dan politik dilakukan bagi melihat hubungannya dengan sudut pandang beliau tentang konsep dakwah dan bagaimana dakwah diintegrasikan dalam kancah politik di Malaysia.

Sejarah Penglibatan Abdul Hadi Awang dalam Dakwah dan Politik

Abdul Hadi Awang sememangnya dikenali umum di peringkat tempatan mahupun di persada antarabangsa, lebih-lebih lagi setelah beliau menerajui kepimpinan PAS. Tokoh yang disegani ini dilahirkan pada 20 Oktober 1947 di Kampung Rusila, Marang, Terengganu. Susur galur keturunannya sama ada di sebelah ayahnya mahupun di sebelah ibunya, semuanya terdiri daripada alim ulama, pendakwah, tokoh masyarakat dan aktivis politik di Terengganu. Moyangnya Haji Abdullah ialah Hakim Mahkamah Hukum Islam di Pengadang Buloh, Terengganu sebelum kedatangan British. Datuk di sebelah ayah, Haji Abdul Rahman bin Haji Abdullah merupakan Penghulu Daerah di Mukim Rusila dan juga seorang ilmuwan yang pernah berguru dengan Sheikh Abdullah Tahir. Datuk di

sebelah ibunya pula, Haji Yusuf terlibat dalam penubuhan cawangan Sarekat Islam di Terengganu semasa era penjajahan British bersama-sama dengan Haji Abdul Rahman Limbong (Abdul Hadi 2020b). Ayahnya, Haji Awang sangat berminat dengan hal ehwal politik dan sering menjadikan rumahnya sebagai tempat perbincangan dan pertemuan tokoh-tokoh politik tanah air seperti Abdul Rahman Limbong, Tok Gajah Semantan, Mat Kilau, Dato' Bahaman, Dr. Burhanuddin al-Helmy dan Dato' Onn Jaafar.

Keadaan ini membolehkan Abdul Hadi mengikuti perkembangan politik tanah air secara langsung di samping memperolehnya melalui media massa seperti radio, surat khabar British iaitu Cermin Malaya, surat khabar zaman Jepun iaitu Cahaya Timur dan Majalah Qalam, serta kitab-kitab arwah datuknya (Abdul Hadi 2020b). Era penjajahan British dan Jepun di Tanah Melayu mengubah corak penentangan masyarakat Melayu daripada penggunaan senjata kepada pemikiran politik justeru ia menghidangkan peluang kepada Abdul Hadi menghadiri ceramah-ceramah politik daripada Dr. Burhanuddin al-Helmy, Dato Asri, Dr. Haji Abbas, Haji Ahmad Fuad, Dato' Onn Jaafar, Profesor Zulkifli Muhammad, Abu Bakar Hamzah dan Hassan Adli. (Muhammad Khalil, 2020).

Keluarganya terlibat dalam Hizbul Muslimin dan PAS. Oleh itu, tidak hairanlah agenda dakwah siyasah sangat dekat dengan jiwa Abdul Hadi lantaran perkembangan awal kehidupannya ditunjangi oleh keluarga berilmu dan kegiatan dakwah selain dilingkungi oleh sosio politik yang subur. Keadaan ini membentuk sikap, perwatakan dan pemikiran beliau. Bahkan semasa di sekolah menengah lagi, beliau sibuk dengan aktiviti dakwah dan politik di kampung dan sudah bergerak aktif menyokong gerakan politik PAS. Ringkasnya, dua faktor yang membentuk pemikiran awal Abdul Hadi tentang dakwah dan politik ialah: (1) latar belakang keluarga dan keterlibatan dalam dakwah dan bidang politik; (2) Senario pergolakan politik Tanah Melayu pada era penjajahan British dan perjuangan menuntut kemerdekaan oleh ulama dan nasionalis Melayu.

Pengajian Abdul Hadi di Universiti Islam Madinah pada tahun 1969 menyuntik pengalaman baharu dalam hidupnya. Kesempatan berada di sana dimanfaatkan sepenuhnya untuk mengenali gerakan Ikhwan Muslimin secara lebih dekat, yang sebelum ini hanya dikenalnya menerusi pembacaan terjemahan beberapa karya Hassan al-Banna. Beliau

berinteraksi secara langsung dengan pimpinan Ikhwan yang berada di Arab Saudi. Pada masa itu, Arab Saudi diperintah oleh Raja Faisal yang melaksanakan dasar terbuka menyebabkan ramai tokoh Ikhwan dari negara luar mendapatkan perlindungan politik di Arab Saudi, antaranya Sheikh Mahmud al-Sawwaf (Iraq), Sheikh Umar Luhhit dan Muhammad Qutb (Mesir) serta Sheikh Sa'id Hawwa (Syria). Abdul Hadi dilantik sebagai naqib kepada pelajar-pelajar dan mengikuti usrah nuqaba' di bawah pimpinan Sheikh Sa'id Hawwa (m.1987). Penumpuan usrah adalah tentang Gerakan Islam. Hubungan Abdul Hadi dengan Syeikh Said Hawwa tidak terhad antara naqib dan anak usrah tetapi hubungan sahabat. Mereka kerap berjumpa di masjid dan rehlah/mukhyyam anjuran Ikhwan Muslimin, malah turut bertukar-tukar fikiran tentang isu umat Islam dan gerakan Islam. Hubungan baik ini berterusan sehingga ke akhir hayat Said Hawwa. (Haziyah, 2014).

Madinah menyediakan platform yang subur untuk Abdul Hadi memahami dan mendalami tentang Gerakan Islam khususnya Ikhwan Muslimin dan politik dunia Islam. Penghijrahannya ke Mesir seusai tamat pengajian di Madinah bagi menyambung pengajian sarjana dalam bidang siyasa Syariah di Universiti Al-Azhar pada tahun 1974 pula membuka peluang untuk meneroka pengalaman baharu tentang gerakan Islam. Mesir adalah tempat tumbuhnya gerakan Islam moden iaitu Ikhwan Muslimin dan kaya dengan karya-karya ulama haraki seperti Hasan al-Banna dan Hasan al-Hudaybi. Penglibatan beliau dalam Persekutuan Melayu Republik Arab Mesir (PMRAM) membolehkannya berinteraksi dengan pimpinan-pimpinan tinggi Ikhwan Mesir iaitu Umar al-Tilmisani (m.1986), Ma'mun Hudaybi (2004), Mustafa Mashyur (m.2002), Mehdi 'Akif (m.2017) dan Dr. Muhammad Badi'. Mereka inilah yang memberi dorongan kepada Abdul Hadi agar beriltizam dengan gerakan Islam. (Abdul Hadi, 2016). Tanpa disangka, hubungan awal ini sangat berfaedah kepada Abdul Hadi semasa beliau berada dalam kepimpinan utama PAS menyertai Ikhwan Muslimin dan gerakan Islam yang lain dalam menangani isu-isu umat Islam antarabangsa seperti konflik di Afghanistan pada 1993.

Setelah sekian lama di perantauan, Abdul Hadi kembali ke tanah air pada tahun 1976 bagi menyumbang khidmat bakti kepada anak bangsa sendiri. Kepulangan beliau pada masa yang tepat kerana negara sedang diwarnai dengan kebangkitan Islam. Beliau terlibat dengan aktif dalam pembinaan kader-kader dakwah menerusi kuliah-kuliah agama khususnya

kuliah tafsir di Masjid Rusila. Abdul Hadi dilantik sebagai Ketua Pemuda PAS Terengganu pada 1976 dan Setiausaha Ranting (cawangan) PAS kampung Rusila, Marang pada 1977. Pada tahun itu juga beliau menyertai ABIM dan diberi mandat menerajui kepimpinan ABIM sebagai Pengerusi Angkatan Belia (ABIM) Terengganu (1977-1978). Beliau meletakkan jawatan dalam ABIM dan perkhidmatan awam (sebagai pegawai Yayasan Terengganu 1977-1978) lalu bertanding dalam PRU 1978.

Bermula dari saat inilah Abdul Hadi menjadi pendakwah *siyasi* yang sebenar. Beliau memenangi kerusi Dewan Undangan Negeri (DUN) Marang yang kemudiannya ditukar kepada DUN Rhu Rendang pada 1986 dan kekal dalam posisi ini sehingga 2018. Dalam PRU 1990, Abdul Hadi memenangi kerusi Parlimen Marang dan menjadi Ahli Parlimen Marang sehingga kini (Riduan 2009). Jelasnya, ketokohan Abdul Hadi bukanlah hasil didikan ABIM secara mutlak kerana tempoh penyertaannya dalam ABIM sangat singkat (1976-1978) sebaliknya beliau sudah mengenali PAS lebih awal malah terlibat aktif dalam gerakan ini semenjak usia remaja. Tarbiyah Ikhwan Muslimin di Madinah dan Mesir juga menyumbang secara signifikan dalam pembentukan karisma, kewibawaan, pemikiran dan keilmuan Abdul Hadi dalam bidang dakwah politik.

Perubahan paradigma PAS dengan kepimpinan ulama pada tahun 1983 menyaksikan Haji Yusof Rawa dipilih sebagai Presiden PAS dan Abdul Hadi pula dipilih sebagai salah seorang Naib Presiden. Manakala, Muktamar PAS pada 1989 melantiknya sebagai Timbalan Presiden PAS di bawah kepimpinan Fadzil Noor. Kedalaman ilmu dan kebijakan siyasahnya sebagai pendakwah *siyasi* secara peribadi diuji dengan isu Amanat Haji Hadi selain beberapa isu umum berkaitan dengan PAS. Dekad ini juga Abdul Hadi bersama pimpinan PAS yang lain mula memperhebatkan aktiviti di platform antarabangsa dengan menggerakkan kerjasama strategik serta penyelarasan pendirian dan tindakan antara PAS dengan gerakan-gerakan Islam di seluruh dunia dalam menangani isu keamanan seperti isu Bosnia dan Herzegovina, Konflik Afghanistan 1993, Krisis Perang Teluk dan Pembebasan Aceh. Setelah diberi mandat sebagai Presiden PAS pada 2002, pemikiran dakwah politik Abdul Hadi lebih terserlah dan diketengahkan kepada dunia melalui ucapan-ucapan dalam persidangan antarabangsa anjuran gerakan Islam di serata negara. Atas kewibawaan beliau inilah, beliau dilantik sebagai Timbalan Ketua Kesatuan Ulama Islam Sedunia (2014-2018).

Secara tuntas, Abdul Hadi memilih Gerakan PAS sebagai platform dakwah atas keyakinan bahawa PAS adalah mata rantai perjuangan Islam yang menyambung usaha dakwah para Rasul serta umat Islam terdahulu. Gerakan Islam ini memperjuangkan Islam melalui wadah tarbiah, dakwah dan politik. Keterlibatan dalam politik juga adalah sebahagian daripada dakwah kerana medan dakwah itu luas. Oleh itu, beliau menyertai Gerakan Islam yang bersifat parti politik bertujuan memastikan dakwah dan Islam dapat dilaksanakan dalam masyarakat. Ia juga suatu peluang untuk menyampaikan mesej Islam secara praktikal serta menterjemahkan wawasan agama dan syariat Allah yang adil kepada seluruh masyarakat (Abdul Hadi 2009). Abdul Hadi turut menegaskan signifikan PAS sebagai sebuah gerakan dakwah yang menyambung perjuangan generasi sebelumnya dalam salah satu ucapan dasar Presiden PAS pada tahun 2012:

Kita juga ingin mempertegaskan bahawa PAS adalah merupakan mata-rantai gerakan Islam yang wujud sejak sekian lama, untuk membawa mesej Islam dengan mempunyai komponen tarbiyah, dakwah dan politik. Kita wujud sebagai satu kesinambungan dari perjuangan menentang penjajah yang dipimpin oleh para ulama terdahulu seperti Sheikh Wan Ahmad Mohd Zain Fathani yang menubuhkan Jami'atul Fathaniyah pada tahun 1873 di Makkah, telah disambung oleh murid beliau seperti Raja Ali Kelana dan Syed Sheikh al-Hadi yang menubuhkan Jami'atul Rusyidiyah di Riau pada tahun 1880. Pengaruh Riau inilah mendorong penubuhan Jami'atul Khairiyah di Betawi pada 1904, sebelum ditubuhkan Sarekat Dagang Islam pada 1905 yang kemudiannya dikenali sebagai Sarekat Islam ketika dipimpin oleh Tjoakro aminoto pada 1912. (Abdul Hadi, 2012).

Perkara yang sama diulang dalam temu bual bila diajukan soalan, kenapa menyertai PAS?

Keyakinan kita bahawa perjuangan Islam yang dibawa oleh PAS menerusi wadah tarbiyah-dakwah-siyasah yang tidak berpisah, membawa mesej Islam yang dibawa oleh para Nabi dan Rasul AS yang dikhatam dan disempurnakan dengan Nabi Muhammad SAW. (Abdul Hadi, 2013).

Abdul Hadi menyifatkan perjalanan hidupnya dalam gerakan Islam dengan kenyataan berikut:

Sepanjang perjalanan PAS sejak ditubuhkan sehingga kini, denai yang kita ikuti adalah penuh dengan ujian dan sarat dengan pengalaman. Kita bermula daripada sifar, kita pernah menjadi pembangkang paling sedikit jumlahnya, kita pernah menjadi kuat, kita pernah menyertai kerajaan pusat dan kita juga sedang memerintah kerajaan negeri. (Abdul Hadi, 2014).

Keterlibatan Abdul Hadi dalam PAS secara istiqamah dari dulu sehingga kini adalah berasaskan ilmu dan kefahamannya yang mendalam tentang kedudukan politik sebagai sebahagian daripada agama Islam, dan pentingnya politik (kekuasaan) dalam menjayakan kerja-kerja dakwah. Matlamat dakwah adalah mengajak manusia beriman dan mengabdikan diri kepada Allah SWT, melaksanakan syariat Islam serta mewujudkan keamanan dan kesejahteraan. Pengalaman beliau dalam gerakan Islam selama lebih 46 tahun ini sangat rencam dan unik untuk ditelusuri secara terperinci khususnya dalam konteks meraikan *waqi'* dalam merancang dan mengoperasikan gerakan Islam secara strategik.

Konsep Dakwah Islam Menurut Abdul Hadi

Menurut Abdul Hadi (2017), dakwah bermaksud menyeru dan mengajak manusia kepada agama Islam dan menegakkannya berpandukan perintah Allah Taala dan petunjuk Nabi Muhammad SAW. Usaha berdakwah boleh dijalankan dalam apa jua suasana sekalipun ketika berhadapan dengan cabaran dan kesulitan. Beliau berpendirian bahawa Islam adalah agama yang mengatur urusan kehidupan dari pelbagai aspek sama ada kerajaan dan rakyat; agama dan negara. Ajarannya pula mencakupi akidah, syariah, akhlak dan sistem hidup. Oleh itu, umat Islam bertanggungjawab menyebarkan dakwah Islam kepada anak watan dan mengajak mereka menerima Islam beramai-ramai. (Abdul Hadi, 2020a). Bahkan, setiap Muslim terutamanya ahli PAS berperanan membawa mesej Islam secara praktikal kepada seluruh manusia dengan berdakwah dan berpolitik bagi menterjemahkan rahmat dan keadilan syariat Allah Taala kepada seluruh alam dan manusia tanpa mengira bangsa, agama dan asal usul mereka, dengan berwawasan dunia hingga akhirat. Pendirian tersebut berasaskan firman Allah Taala dalam surah Al-Anbiya', ayat 107 (Abdul Hadi, 2011) yang bermaksud: "*Dan tidaklah kami utuskanmu melainkan menjadi rahmat kepada seluruh alam*".

Dakwah perlu bermula dengan diri pendakwah sendiri justeru dapat meyakinkan sasaran terhadap dakwah yang disampaikan itu. Pendakwah

perlu berilmu, beramal dan berakhlak dengan Syariat Islam. Dalam temubual bersama Haziyah (2014), Abdul Hadi berpandangan bahawa pendakwah *haraki* bukan sekadar alim tetapi beramal dengan ilmunya dan berjuang, sebagaimana ulama silam. Mereka menulis buku dan berjuang dengan buku (ilmu) yang ditulis, mengajar, dan mendidik murid yang ramai dan pada masa yang sama mereka memimpin gerakan Islam. Hasilnya, buku-buku mereka masih dicetak, dibaca dan dirujuk sehingga kini. Inilah tanda keberkatan ilmu dan perjuangan mereka. Latar belakang Abdul Hadi jelas menunjukkan luasnya pengetahuan dan keilmuannya sama ada yang diperolehinya secara formal atau tidak format serta keterlibatannya secara praktis dalam gerakan dakwah.

Individu pendakwah ini akan menjadi anggota atau ahli yang mewarnai gerakan Islam dan menfungsikannya dalam menyampaikan dakwah. Ketika mengulas pemikiran Said Hawwa dalam bukunya *Jundullah* dan *Durus fi al-Amal al-Islami*, Abdul Hadi menegaskan kewajipan adanya parti Islam dan Gerakan Islam di mana saja ada orang Islam terutama di negara-negara umat Islam yang dijajah dan dimerdeka bagi menjayakan usaha dakwah. Gerakan Islam tersebut mesti bersifat parti yang berjuang untuk mendirikan negara dan mendaulatkan syariat Islam berdasarkan realiti di negara masing-masing. Kepelbagaian gerakan Islam di seluruh dunia perlu diraikan namun penyelarasan antara Gerakan-gerakan ini perlu dilakukan khususnya dalam mendepani isu-isu dakwah sejagat yang melibatkan kemaslahatan umat Islam. Idea ini dicetuskan oleh Sheikh Said Hawwa kepada Abdul Hadi dan beliau diminta untuk berperanan dan merealisikannya. Oleh itu, perhimpunan gerakan-gerakan Islam dunia yang pertama diadakan di Terengganu pada tahun 1989 dan kemudiannya di beberapa negara lain. Semua gerakan Islam walau apa namanya dan di negara mana sekalipun bersetuju melaksanakan pendekatan damai atau *muwajahah silmiyyah* melalui demokrasi di negara-negara yang ada kebebasan, kecuali di negara-negara yang dijajah dengan kekerasan seperti Palestin. (Haziyah, 2014).

Maudu' atau kandungan dakwah adalah Islam yang syumul. Keyakinan ini dipahat dengan tegas dalam Fasal 3 Perlembagaan PAS kerana inilah Islam yang dinyatakan oleh Rasulullah SAW yang membawa rahmat dan keadilan kepada masyarakat majmuk yang bersaudara di atas kemanusiaan yang diisytiharkan oleh Allah SWT. (Abdul Hadi, 2013). Penekanan soal dakwah dan tarbiyah dalam masyarakat diperjelaskan secara konsisten dalam ucapan dasar semasa

Muktamar Tahunan PAS sejak beliau dilantik sebagai presiden. Petikan di bawah menggambarkan hasrat dan pendirian beliau dalam menyampaikan ajaran dakwah Islam kepada masyarakat secara tersusun dan berstrategi:

Maka menjadi tanggungjawab besar kita untuk terus menerus memperkenalkan ajaran Islam secara ilmu kepada seluruh rakyat dengan mengembalikan umat Islam yang jahil kepada Islam, supaya membebaskan diri daripada khurafat politik UMNO bahawa mereka sahaja boleh memerintah. (Abdul Hadi, 2011).

Semua jentera penting parti ini mesti digerakkan bagi membentuk masyarakat Islam yang berilmu dan memahami agama mereka dengan lebih baik menurut sumbernya yang sahih. (Abdul Hadi, 2013).

Abdul Hadi juga menjelaskan kepada masyarakat bahawa isu-isu politik adalah sebahagian daripada agama Islam dan ia dimanifestasikan melalui keterlibatan PAS dalam arus politik negara. Mustafa Ali (2019) menyatakan peranan Abdul Hadi dalam usaha ini:

Kalau kita ambil dari segi perjuangan PAS, dikatakan berdasarkan Islam dan Melayu antara elemen di dalam tu. Saya lihat pada peringkat awal dalam tahun 60-an, dia punya retorik PAS ni lebih banyak Melayu dari Islam sebenarnya, perjuangan Islam tapi sebutan Melayu tu lebih kuat. Maknanya pada masa tu, orang pandang PAS ni politik Islam tetapi tidak dijelaskan politik ini sebahagian daripada Islam, tak ada orang jelas secara detail tapi saya rasa peringkat Tok Gurulah yang menjelaskan perkara ini, menjelaskan politik ini sebahagian daripada Islam dan bawa dalil dia punya itu maknanya lah. (Mustafa Ali, 2019).

Abdul Hadi (2005) menjelaskan bahawa strategi program dakwah dan siyasah dalam PAS bertumpu kepada usaha untuk melebarkan sokongan daripada pelbagai pihak dengan memperjuangkan isu-isu masyarakat selain dari membawa mesej Islam sebagai suatu cara hidup lengkap. Agenda dakwah di atas platform politik perlu menggunakan pendekatan yang lebih peka dan berhikmah terhadap realiti semasa serta demografi rakyat, kebijaksanaan untuk menyusun kepelbagaian pendekatan yang membolehkan PAS memperjuangkan agenda rakyat.

Dakwah Islam menurut Abdul Hadi bertujuan untuk mengembalikan masyarakat kepada ajaran Islam yang sebenar; membebaskan fikrah masyarakat yang hanya percaya bahawa UMNO yang berkuasa dalam pemerintahan dan kerajaan; dan dakwah digiatkan secara kolektif dan tersusun bagi melahirkan masyarakat Muslim yang berilmu dan memahami agama dari sumber yang sahih. Oleh itu, fokus kandungan dakwah yang hendak disampaikan kepada masyarakat mestilah mengenai akidah Islam yang sebenar serta menjelaskan bahawa Islam merupakan ajaran agama yang membawa mesej rahmat dan kemanusiaan untuk semua pihak dalam sebuah masyarakat Malaysia yang majmuk dan berbeza budaya.

Menyentuh tentang sasaran masyarakat ataupun orang yang didakwahkan (*mad'u*), Abdul Hadi (2015) menjelaskan bahawa jurudakwah seharusnya tidak memilih golongan tertentu untuk menyampaikan ajaran Islam. Semua masyarakat harus menjadi sasaran termasuklah masyarakat bandar, luar bandar, orang asal, gelandangan, juga termasuk mereka yang telah berumur dan masih muda. Selain itu juga, masyarakat beragama lain juga haruslah ditumpukan.

...gerak kerja dakwah yang menjadi tugas yang penting di era kepimpinan ulama ini perlulah dipertingkatkan, terutama di luar bandar, kawasan orang asal, kawasan kepadatan penduduk tinggi di pinggir perbandaran, dan di kalangan generasi muda yang disebut sebagai Gen-Y. Bahkan aktiviti dakwah jalanan yang dijalankan juga adalah sangat baik dan perlu diteruskan. Proses dakwah kita mestilah meliputi semua golongan, kerana kita mesti menjadi agen penyelamat ummah. Lantaran itu semua ruang dan peluang yang ada mesti dimanfaatkan semaksima mungkin. Aktiviti dakwah kepada golongan bukan Islam mestilah dipertingkatkan. (Abdul Hadi, 2015).

Dalam konteks masyarakat majmuk di Malaysia yang terdiri daripada pelbagai bangsa dan suku kaum serta agama, hubungan kaum yang harmoni adalah penting bagi kestabilan negara. Oleh itu, cara menghargai orang lain khususnya mereka dalam kalangan bukan Islam tidak seharusnya hanya dilihat bagi mencapai keuntungan politik semata-mata tetapi agenda berdakwah adalah lebih penting dan perlu diberikan perhatian oleh ahli gerakan dakwah seperti PAS.

Kewujudan masyarakat majmuk dalam negara kita ini mestilah diolah oleh PAS supaya ianya memperkuatkan negara kita ini. Oleh yang demikian, kita perlu juga melihat masyarakat majmuk ini dari kaca mata dakwah yang menjadikan mereka sebagian mad'u kita, bukan hanya dari kaca mata politik semata-mata. (Abdul Hadi, 2015).

Jelasnya, Abdul Hadi melihat bahawa masyarakat muslim dan bukan muslim adalah sasaran dakwah yang penting dan perlu diberi perhatian dalam membina kesejahteraan negara. Setiap kelompok ini perlu didekati oleh pendakwah dan Gerakan Islam dengan cara yang berbeza bahkan dengan olahan kandungan yang bersesuaian. Sehubungan dengan itu, pemilihan kaedah ataupun pendekatan bersesuaian adalah perlu bagi memastikan kandungan dakwah dapat disampaikan dengan jelas dan tujuan atau matlamat dakwah dapat direalisasikan. Abdul Hadi menyedari bahawa dalam usaha menyampaikan dakwah, seseorang pendakwah hendaklah mengenali latar belakang dan kepelbagaian bangsa dan agama anggota masyarakat. Selain itu dia tidak boleh sesekali bertindak memaksa orang lain menerima apa yang ingin disampaikan.

Kita hidup dalam rumpun berbagai kaum, bangsa, agama; yang wajib berta'aruf, kerana berasal daripada Adam dan Hawa. Islam membawa konsep tidak ada paksaan dalam agama walaupun diwajibkan berdakwah kepada seluruh manusia, dan wajib berlaku adil terhadap semua, memberi hak menganut agama dan beramal dengan ajarannya oleh penganutnya. Semuanya ini ada kaedah dan feqhnya mengikut Islam. (Abdul Hadi, 2015).

Ringkasnya, usaha menyeru masyarakat ke arah tauhid yang sebenar, pelaksanaan syariat Islam dalam semua aspek kehidupan dan pembaikan yang berterusan demi kesejahteraan sejagat perlu dilaksanakan oleh individu muslim. Dakwah juga perlu dijalankan di atas platform organisasi atau gerakan atau parti Islam bagi momentum yang kuat ke arah penghasilan impak yang berbeza.

Pemikiran Dakwah Siyasah Abdul Hadi Awang

Menurut Abdul Hadi dalam Suhaimi (2015), dalam konteks dakwah siyasah, rujukan kepada al-Quran dan sirah nabi-nabi jelas menunjukkan bahawa tidak ada pemisahan politik daripada dakwah sebagaimana ditegaskan dalam firman Allah SWT dalam surah Ali Imran ayat 104:

وَلْتَكُنْ مِنْكُمْ أُمَّةٌ يَدْعُونَ إِلَى الْخَيْرِ وَيَأْمُرُونَ بِالْمَعْرُوفِ وَيَنْهَوْنَ عَنِ الْمُنْكَرِ ۗ وَأُولَٰئِكَ هُمُ الْمُفْلِحُونَ

Maksudnya: “Dan hendaklah ada di antara kamu satu puak yang menyeru (berdakwah) kepada kebajikan (mengembangkan Islam), dan menyuruh berbuat Segala perkara yang baik, serta melarang daripada segala yang salah (buruk dan keji) dan mereka yang bersifat demikian ialah orang-orang yang berjaya.”

Frasa ‘*yad‘una ila al-khayr*’ - berdakwah kepada kebajikan bermaksud dengan makna seluruh ajaran Islam yang merupakan *mawdu’* dakwah. Islam yang sempurna mencakupi tiga peranan yang besar kepada manusia iaitu menjelaskan tujuan penciptaan manusia dengan matlamat ibadah, khilafah dan amanah. Bagi merealisasikan *mawdu’* ini amar ma’ruf nahi mungkar mesti dilaksanakan, dan kedua-duanya bersambung antara satu sama lain. Kemuncak kepada amar ma’ruf nahi mungkar adalah mendirikan negara yang menegakkan hukum Islam. Di sinilah wujudnya amalan politik dan ia tidak dapat dipisahkan dari dakwah kerana semua nabi bermula Nabi Adam AS hingga Nabi Muhammad SAW menjalankan dwi tugas dakwah dan politik secara serentak. (Suhaimi, 2015; Ridwan, 2017).

Strategi dakwah siyasah dalam PAS dibina oleh Fadzil Noor, Presiden PAS sebelum Abdul Hadi. Beliau bertanggungjawab membina asas dakwah siyasah berteraskan nilai akidah, ikhlas dan keyakinan terhadap perjuangan Islam. Abdul Hadi dalam temubual Suhaimi (2015) mengiktiraf sumbangan Fadzil Noor ini sebagai seorang individu yang memanfaatkan ilmu secara praktikal dalam konteks dakwah politik dengan pendekatan *silmiyah*. Beliau memperkenalkan pemerintahan Islam yang adil kepada orang-orang yang bukan Islam.

Dari sudut aplikasi strategi ini dalam PAS, jelasnya Abdul Hadi meneruskan kesinambungan pemimpin sebelumnya. Namun dari segi roh dakwah siyasah, sejarah pembabitan beliau dalam gerakan Islam menunjukkan bahawa dari awal lagi beliau sudah memilih untuk berdakwah di atas platform politik dan parti politik. Beliau menunjukkan kepada masyarakat sama ada Islam atau bukan Islam secara praktis bagaimana politik itu menjadi sebahagian daripada Syariat Islam dan ulama itu boleh menjadi ahli politik, pentadbir dan ketua negara justeru mereka tidak seharusnya memisahkan diri daripada bidang politik.

Beberapa dimensi pemikiran dakwah siyasah berdasarkan pandangan Abdul Hadi adalah sebagaimana berikut:

1. Ilmu sebagai Sumber Dakwah Siyasah

Abdul Hadi menekankan sumber kepada pemikiran, strategi dan tindakan beliau termasuk gerakan Islam sendiri ialah al-Quran, Hadis Nabi SAW serta sirah baginda dan para sahabat RA. Pada masa yang sama, kefahaman tentang fiqh *al-waqi'* menjadi suatu kemestian dalam menghubungkan antara nas atau dalil dengan perlaksanaan. Beliau menyatakan perkara ini:

Manhaj saya, kita mesti beriman apa yang disebut dalam al-Quran dan Hadis, sama ada kita tahu hikmahnya ataupun tak tahu hikmahnya. Yang kedua, kita mesti memahami dan bertafaquh macam mana nak menterjemahkan al-Quran dan Hadis itu, berkonsepkan Islam sesuai untuk sepanjang masa, zaman dan tempat .(Abdul Hadi, 2016).

Mokhtar Senik (2016) membenarkan kenyataan manhaj Abdul Hadi dengan ulasan mereka sebagaimana berikut:

Manhaj dalam memahami metodologi hadis siyasah. Ana tengok di antara Tok Guru lebih banyak kepada menterjemahkan sirah nabawiyah itu ke dalam kontek siyasah kontemporari sekarang.. supaya ia sejalan dan seiring dengan sirah al-nabawiyah. Di situ Tok Guru guna metodologi dia. (Mokhtar, 2016).

Abdul Hadi percaya bahawa perancangan dan strategi dakwah yang baik dan efektif hendaklah berteraskan ilmu yang bersumberkan al-Quran, hadis-hadis dan sirah Rasulullah SAW. Nasarudin Tantawi semasa mengulas tentang fiqh siyasi Abdul Hadi juga menegaskan perkara ini:

Perkara yang paling penting aspek yang saya lihat ialah dia bertunjangkan ilmu. Ini yang paling penting. Maknanya, perkiraan itu ialah perkiraan ilmu. Sebagai contoh, apabila dia mengeluarkan kenyataan mahu menasihati pemimpin UMNO dan Barisan Nasional, mendapat kritikan hebat, kenapa perlu lagi dinasihati, kenapa perlu lagi maknanya memberi nasihat kepada pemimpin yang zalim dan sebegitu, apabila dirujuk balik Tuan Guru, antara jawapan ataupun buah fikirnya ialah inilah yang diajar oleh Nabi SAW. Sebagai contoh, hadis النصيحة الدين, agama itu nasihat, sahabat tanya Nabi nasihat untuk siapa, nasihat itu untuk Allah, untuk Rasul, untuk Kitab, untuk pemimpin orang-orang beriman dan untuk

keseluruhan orang-orang beriman. Jadi, ertinya tindakan dia itu *based* kepada ilmu, jadi apabila dia bergerak berdasarkan pada ilmu, maka walaupun peringkat awalnya ada pro kontra dan pihak tak berilmu memandang sinis, maka dia benar, dia tetap berada pada tempat yang benar. (Nasarudin, 2016).

2. Pendekatan Damai

PAS komited dalam mempertahankan keamanan negara melalui pendekatan *muwajahah silmiyyah*, pendekatan sejahtera dan aman dalam mencapai matlamat perjuangan. (Badlihisam, 2009). PAS dalam berpolitik, mengamalkan prinsip perdamaian menerusi dialog, muzakarah dan berdebat sebagai memenuhi misi dakwahnya kepada Muslim dan Non-Muslim. Prinsip perdamaian ini dijelaskan dalam firman Allah SWT:

﴿ وَإِنْ جُنْحُوا لِلسَّلَامِ فَأَجْتَحِ لَهَا وَتَوَكَّلْ عَلَى اللَّهِ ۗ إِنَّهُ هُوَ السَّمِيعُ الْعَلِيمُ ﴾

Maksudnya: “Dan jika mereka cenderung kepada perdamaian, maka cenderunglah kepadanya dan bertawakallah kepada Allah. Sesungguhnya Dialah Yang Maha Mendengar lagi Maha Mengetahui.” (Al-Anfal 8: 61)

Komitmen ini dimanifestasikan dalam bentuk pendirian, pemikiran dan tindakan pimpinannya terutamanya Abdul Hadi selaku presiden. Dalam beberapa karyanya, beliau menjelaskan rasional pendekatan ini diutamakan dan dilaksanakan di Malaysia. Antaranya, penyebaran dakwah di negara ini berlaku menerusi kaedah damai tanpa ada penentangan yang serius daripada masyarakat bukan Islam disebabkan kebijaksanaan pendakwah, kefaqihan atau keilmuan serta keikhlasan mereka. (Abdul Hadi, 2020a). Malah, sifat Islam yang selari dengan fitrah dan membawa nilai keamanan, *tasamuh* atau toleransi yang tinggi telah membantu dalam menjayakan usaha para pendakwah. Keberhasilan pendekatan ini telah terbukti di mana Syariat Islam pernah dilaksanakan dalam semua urusan kehidupan masyarakat Muslim negara ini sama ada ibadat, kekeluargaan, hal-hal kemasyarakatan, politik, ekonomi, muamalat, pentadbiran dan jenayah dan lain-lain. Walau bagaimanapun, kedatangan penjajah Barat ke negara ini dan negara-negara lain di rantau ini serta penaklukan mereka menyebabkan paradigma gerakan Islam berubah kepada gerakan yang mendepani penjajah melalui jihad, dakwah, tarbiyah dan pendidikan serta ekonomi. Perjuangan gerakan Islam ini turut disemarakkan lagi pengaruh oleh gerakan Islah dan tajdid yang diterima menerusi aktiviti haji dan jaringan ilmu. (Abdul Hadi, 2020a).

Beliau juga telah menyaksikan pengalaman PAS dalam pentas politik di tanah air yang menjadi gerakan Islam terawal memerintah melalui sistem demokrasi sejak tahun 1959 lagi dan keterlibatan PAS dalam kerajaan campuran Perikatan Nasional dari tahun 1974-1977 serta kerajaan Angkatan Perpaduan Ummah di Kelantan pada tahun 1990. Seterusnya beliau memainkan peranan penting dalam pembentukan Pakatan Rakyat pada tahun 2008 (Abdul Hadi 2012) serta Muafakat Nasional pada 2020. Sepanjang proses tersebut, pelbagai dakwah dijalankan sama ada oleh parti dan juga kerajaan negeri yang diterajui oleh PAS. Bagi beliau, penglibatan PAS dalam pilihanraya merupakan langkah bertanding dengan pihak lawan secara *muwajahah silmiyyah*.

Dalam mendepani sasaran dakwah dan “musuh politik”, Abdul Hadi meletakkan hadis Nabi SAW sebagai panduan:

عَنْ تَمِيمِ الدَّارِيِّ أَنَّ النَّبِيَّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ قَالَ الدِّينُ النَّصِيحَةُ قُلْنَا لِمَنْ قَالَ لِلَّهِ
وَلِكِتَابِهِ وَلِرَسُولِهِ وَلِأُمَّةِ الْمُسْلِمِينَ وَعَامَّتِهِمْ

Maksudnya: Daripada Abu Ruqayyah Tamim bin Aus al-Daari RA, Dia berkata bahawa Nabi SAW bersabda, “Agama adalah nasihat.” Kami bertanya, “Untuk siapa?” Baginda menjawab: “Bagi Allah, bagi kitab-Nya, bagi rasul-Nya, bagi pemimpin-pemimpin kaum muslimin, serta bagi umat Islam umumnya. (Riwayat Muslim)

Dalam hal ini, Nasarudin Tantawi juga mengakui perkara yang sama dan berkongsi bukti aplikasi strategi tersebut:

Sebagai contoh, satu lagi, ialah apabila Tuan Guru hadir Multaqa Alumni Al-Azhar, duduk bersama Dato' Najib, kemudian orang pertikai kenapa boleh duduk sekali dengan Najib sedangkan Najib seorang pemimpin UMNO Barisan Nasional. Saya sendiri pergi tanya Tuan Guru, Tuan Guru kenapa Tuan Guru nak hadir ke? Ya, saya akan hadir. Kenapa? Ada orang bagitahu dia ini seorang pemimpin yang zalim, pemimpin yang banyak skandal apa semua, takkan la Tuan Guru nak pergi dekat dengan dia. Lalu Tuan Guru jawab, anta tak baca ke satu hadis Nabi, Nabi sebut: *كلمة الجهاد أفضل* جاحد سلطان عند الحق. Seafdal-afdal jihad kalimah yang benar di hadapan pemimpin yang zalim. Maknanya, kalau kamu kata dia

zalim pun kita kena pergi untuk menyampaikan kalimah yang benar, lagi kalau dia tidak zalim, lagilah boleh kita menghampirinya untuk memberi dan menyampaikan Islam. Sebab dakwah itu kita kena dekat, kalau kita jauh macam mana kita nak menyampaikan dakwah. Jadi, saya nampak setiap tindakan dia ataupun setiap movement yang dia buat dia bertunjangkan ilmu dia berdasarkan ilmu. Jadi, ilmu itu sama ada sirah yang merupakan manhaj perjuangan Nabi ataupun ayat-ayat suci al-Quran al-Karim. Jadi, ini menjadikan fiqh siyash dia menepati Syariah dan Maqasid Syariah. (Nasarudin, 2016).

Abdul Hadi (2020a) yakin bahawa strategi berdakwah secara *muwajahah silmiyyah* ini dapat memacu perubahan dan mencapai satu gagasan politik Islam yang akan menyatukan kaum di Malaysia ini dengan keadilan sejagat. Dakwah Islam pasti akan tersebar di muka bumi ini sebagaimana dinyatakan dalam riwayat hadis berikut:

عن تميم الداري - رضي الله عنه -، قال: سمعتُ رسول الله - صلى الله عليه وسلم - يقول: «لَيَبْلُغَنَّ هذا الأمرُ ما بلغ الليلُ والنهارُ، ولا يتركُ اللهُ بيتَ مَدَرٍ ولا وَبَرَ إلا أدخله اللهُ هذا الدينَ، بعزٍّ عزيزٍ أو بدُلٍّ ذليلٍ، عزا يُعزُّ اللهُ به الإسلامَ، ودُلًّا يُذلُّ اللهُ به الكفرَ» >

Daripada Tamim al-Dari RA, katanya, “Aku mendengar Rasulullah SAW bersabda, ‘Sesungguhnya perkara ini (agama Islam) akan mencapai apa yang dicapai oleh malam dan siang hari. Allah tidak akan membiarkan suatu kota pun, tidak pula suatu kampung pun melainkan dimasuki oleh agama ini. Agama ini memuliakan orang yang mulia dan menghinakan orang yang hina; ia menjadi mulia karena Allah memuliakannya melalui agama Islam, dan menjadi terhina karena Allah menghinakan orang kafir melaluinya.” (Riwayat Ahmad ibn Hanbal, *al-Musnad*. Hadis ini sahih menurut al-Albani)

3. Berdakwah dalam Masyarakat Majmuk

Dakwah PAS bukan sahaja kepada masyarakat Muslim, bahkan meliputi masyarakat non-Muslim. Itulah konsep dakwah yang hakiki. Secara umumnya, hubungan PAS dengan golongan bukan Islam bermula dalam pembentukan Kerajaan Campuran dan Barisan Nasional pada tahun 1974,

namun belum ada strategi yang jelas sehinggalah Fadzil Noor mengambilalih kepimpinan PAS. Abdul Hadi dalam Suhaimi (2015) menjelaskan peranan dan pengaruh Fadzil Noor dalam konteks dakwah politik yang telah berjaya memecahkan tembok pemisah di antara orang Islam dan orang bukan Islam. Hubungan ini diberi nafas baharu dengan tertubuhnya Majlis Perunding Cina (1985-1986), pelaksanaan *tahaluf siyasi* dalam mewujudkan Barisan Alternatif pada 1999, Kelab Penyokong PAS (2003-2010) dan Dewan Himpunan Pendukung PAS pada 2010 sehingga kini. (Asmak & Mohd. Fadli, 2019).

Menurut Abdul Hadi (2005), strategi program dakwah dan siyasah hendaklah menumpukan kepada usaha untuk melebarkan sokongan. Kejayaan sesebuah parti politik dalam masyarakat majmuk bergantung kepada penerimaan rakyat dan pengundinya kepada isu-isu yang diperjuangkan tanpa mengeneipkan Islam sebagai teras. Oleh itu, agenda dakwah perlu dirangka secara bijak dengan pelbagai pendekatan, lebih peka dan berhikmah terhadap realiti semasa serta demografi rakyat, supaya PAS boleh memperjuangkan agenda yang disepakati bagi memenangi hati rakyat. Penglibatan dan sokongan masyarakat bukan Islam juga penting dalam pembentukan sesebuah negara yang berasaskan kepada Islam. PAS berusaha untuk menerangkan kelebihan sistem Islam dalam mentadbir negara kepada kaum bukan Islam. Usaha membawa orang bukan Islam untuk menerima pemerintahan yang berasaskan Islam ini adalah selaras dengan prinsip demokrasi. Selain itu juga, perancangan dan pelaksanaan program dakwah perlu dijalankan dalam kalangan kaum bukan Islam agar segala salah faham dan tohmahan yang dilemparkan itu akan terlerai.

Hubungan kaum yang harmoni adalah penting bagi kestabilan negara. Oleh itu, masyarakat bukan Islam perlu dihormati, dihargai dan tidak dizalimi. Mereka tidak seharusnya hanya dilihat dalam konteks mencapai keuntungan politik semata-mata. Hal ini bertentangan dengan perspektif dakwah dalam Islam justeru ia perlu diberikan perhatian oleh ahli gerakan dakwah. Kewujudan masyarakat majmuk dalam negara kita ini mestilah diolah oleh PAS supaya ianya memperkuatkan negara kita ini. Oleh yang demikian, kita perlu juga melihat masyarakat majmuk ini dari kaca mata dakwah yang menjadikan mereka sebagian mad'u kita, bukan hanya dari kaca mata politik semata-mata (Abdul Hadi 2015).

Beliau akur, kesan tinggalan penjajah dalam negara telah menghasilkan isu perkauman dalam hubungan masyarakat. Senario tersebut perlu dikikis sebaliknya ia dijadikan sebagai sumber kekuatan bagi negara. Ujar beliau:

Masyarakat majmuk, sengaja diatur oleh penjajah dahulu bertujuan meneruskan masalah perpecahan kaum yang sentiasa diapi-apikan, bagi mengekalkan peluang mereka menjajah lagi secara halus. PAS menerima kepelbagaian masyarakat dalam negara kita ini sebagai jalan untuk saling kenal mengenal dan memperkuat di antara satu sama lain. (Abdul Hadi, 2014).

Dalam mendepani golongan ini, beliau menyarankan agar pendakwah mencari titik persamaan dari aspek fitrah kemanusiaan dan keperluan bagi mengurangkan pertembungan. Kedua-dua perkara ini menjadi asas penting dalam menjaga hubungan antara kaum.

Islam juga memperkenalkan konsep masyarakat madani secara sejagat, dalam amalan politik, ekonomi dan sosial, dengan ilmu dan berakhlak tanpa paksaan dalam perkara agama dan budaya dan saling mengerti. Kita juga sedar bahawa ada perbezaan bangsa dan agama serta pertembungan budaya dan tamadun di antara satu sama lain, tetapi Islam berjaya menyelesaikan masyarakat majmuk melalui pendekatan banyaknya titik persamaan dari segi fitrah kemanusiaan dan keperluan hidup bermasyarakat. (Abdul Hadi, 2014).

Selain itu, Abdul Hadi (2019) menekankan keperluan meneladani sirah Nabi Muhammad SAW dalam menangani hubungan etnik dan kepelbagaian kaum di Malaysia dari tiga dimensi. Pertama, perlunya penyatuan masyarakat Muslim sendiri bagi memperteguhkan kekuatan yang asas. Kedua, mengambil iktibar ketaatan penduduk Madinah yang beragama Islam dan bukan Islam kepada *Sahifah Madinah*. Ternyata masyarakat majmuk di Madinah berjaya dilindungi melalui perlembagaan ini dan janji setia. Ketiga, agenda penubuhan negara Islam Madinah dan juga lain-lain pembukaan (*futuhat*) berfungsi sebagai payung atau *daulah* bagi seluruh masyarakat. Asas ketiga ini penting kerana ia melibatkan kedaulatan sebuah negara.

Kesimpulan

Pendekatan mengintegrasikan usaha dakwah dan kegiatan berpolitik sebagai satu kerangka kerja dinamakan dakwah siyasah. Ia juga

membuktikan kedinamikan dan fleksibiliti sebuah gerakan Islam dalam mendepani cabaran semasa. Pemikiran dakwah siyasah Abdul Hadi terbit daripada manhaj dan sumber al-Quran, Sunnah dan pendirian salaf al-Salih. Ia bukan teori yang dikutip daripada kitab-kitab besar warisan semata tetapi cernaan pengalaman dan perjuangan dalam gerakan Islam lebih separuh abad serta kegiatan di lapangan bersama-sama masyarakat. Keterlibatan Abdu Hadi Awang dalam PAS semenjak dari awal lagi bertilik tolak atas keyakinan bahawa PAS adalah Gerakan Islam yang menjadi mata rantai perjuangan dakwah para Rasul serta umat Islam terdahulu dalam menegakkan Islam secara syumul. Beliau berupaya menonjolkan kewibawaan dan karismatik seorang pemimpin politik Islam, ulama, pendakwah dan pemikir. Oleh itu, pemikiran tokoh ini wajar dianalisis secara ilmiah dan dikongsi dengan masyarakat agar generasi muda dapat meneladaninya.

Penghargaan

Kertas kerja ini adalah sebahagian daripada hasil penyelidikan Universiti Kebangsaan Malaysia di bawah kod PP-2020-005 dan PP-2019-010 yang dibiayai oleh Terengganu Strategic and Integrity Institute (TSIS).

Rujukan

- Abdul Hadi Awang. 2005. Paksi Kebangkitan Perjuangan. Ucapan Dasar Presiden PAS. Muktamar Tahunan PAS ke 51. <http://muktamar.pas.org.my/> [akses pada 1 Februari 2021].
- Abdul Hadi Awang. 2009. Islam Memimpin Perubahan. Ucapan Dasar Presiden PAS. Muktamar Tahunan ke-55. <http://muktamar.pas.org.my/> [akses pada 1 Februari 2021].
- Abdul Hadi Awang. 2011. Membangun Negara Berkeadilan. Ucapan Dasar Presiden PAS. Muktamar Tahunan ke-57. <http://muktamar.pas.org.my/> [akses pada 1 Februari 2021].
- Abdul Hadi Awang. 2012. Negara Berkeadilan Teras Perpaduan. Ucapan Dasar Presiden PAS. Muktamar Tahunan PAS ke-58. <http://muktamar.pas.org.my/> [akses pada 3 Januari 2020]. <http://muktamar.pas.org.my/> [akses pada 1 Februari 2021].
- Abdul Hadi Awang. 2013. Rahmat untuk Semua. Ucapan Dasar Presiden PAS. Muktamar Tahunan ke-59. <http://muktamar.pas.org.my/> [akses pada 1 Februari 2021].
- Abdul Hadi Awang. 2014. Terus Beristiqamah. Ucapan Dasar Presiden PAS. Muktamar Tahunan ke-60. <http://muktamar.pas.org.my/> [akses pada 1 Februari 2021].
- Abdul Hadi Awang. 2015. Beristiqamah Hingga Kemenangan. Ucapan Dasar Presiden PAS. Muktamar Tahunan ke-61. <http://muktamar.pas.org.my/> [akses pada 1 Februari 2021].

- Abdul Hadi Awang. 2016. Temu bual, 30 Mei 2016 di Pusat Tarbiyyah Islamiyyah Kelantan, Pengkalan Chepa, Kelantan.
- Abdul Hadi Awang. 2017. *Islam: Fikrah, Harakah & Daulah*. Shah Alam, Selangor: Dewan Pustaka Fajar.
- Abdul Hadi Awang. 2019. Pejabat PAS Kuala Lumpur. Tembual pada 27 November 2019.
- Abdul Hadi Awang. 2020a. *Mukhtasar Tarikh al-Harakah al-Islamiyyah fi Maliziya*. Cet. 2. Kuala Lumpur: Maktab Ra'is al-Hizb al-Islami Maliziya.
- Abdul Hadi Awang. 2020b. Pejabat Presiden PAS Kuala Terengganu. Temubual pada 22 September 2020
- Asmak Husin, Mohd Fadli Ghani. 2019. Dakwah Parti Islam Se-Malaysia (PAS) dalam masyarakat majmuk dalam Baharom Kassim. et.al. *Menekuni Strategi Dakwah dalam Masyarakat Majmuk*. Shah Alam: Persatuan Ulama Malaysia. 365-390.
- Badlihisam Mohd Nasir. 2009. *Dinamisme Gerakan Islam dan Cabaran Semasa*. Shah Alam: Karisma Publications Sdn. Bhd.
- Haziyah Hussin. 2014. Al-Manhaj al-Haraki fi Tafsir al-Shaikh Sa'id Hawwa, Dirasah Tahliliyyah. Tesis PhD. Universiti Islam Antarabangsa Malaysia.
- Ibn Kathir, Abu al-Fida' Ismail ibn Umar. 2005. *Tafsir al-Qur'an al-Azim*. Kaherah: Dar al-Hadith.
- Iyatna Supriatna. 2016. Dakwah Siyasah (Analisis terhadap Strategi Dakwah Partai Keadilan Sejahtera). Magister (S2) thesis, Universitas Islam Negeri Alauddin Makassar.
- Mokhtar Senik. 2016. Pusat Tarbiyyah Islamiyyah Kelantan, Pengkalan Chepa, Kelantan. Temu bual pada 1 Jun 2016.
- Muhammad Khalil Abdul Hadi. 2020. Temubual pada 20 Januari 2020 di Kuala Terengganu.
- Mustafa Ali. 2019. Temubual pada 4 Disember 2019 di Hotel Primula, Kuala Terengganu.
- Nasarudin Tantawi. 2016. Pusat Tarbiyyah Islamiyyah Kelantan, Pengkalan Chepa, Kelantan. Temubual pada 31 Mei 2016.
- Riduan Mohamad Nor. 2009. *Abdul Hadi Awang Murabbi, Ideologi dan Pemimpin*. Kuala Lumpur: Jundi Resources.
- Ridwan Mubarak. 2017. Strategi dakwah siasyah Partai Persatuan Pembangunan di Jawa Barat. *Jurnal Anida (Aktualisasi Nuansa Ilmu Dakwah)*. 17(1): 19-36.
- Suhaimi Latip. 2015. Sumbangan Fadzil Mohd. Noor dalam dakwah politik. Tesis Sarjana, Universiti Malaya.

PENDIDIKAN MENURUT AL-QURAN DAN SUNNAH DALAM MEMBENTUK PERADABAN UMMAH

Abdul Hafiz Mat Tuah
Yayasan Dakwah Islamiah Malaysia
abdul.hafiz@yadim.com.my

Abstrak

Pendidikan Islam mempunyai kekuatannya yang tersendiri kerana dengannya kita berupaya meletakkan asas yang kukuh dalam pembinaan tamadun manusia yang cemerlang dalam aspek duniawi juga ukhrawi. Dalam al-Quran terdapat banyak ayat yang mengutarakan aspek pendidikan dalam pembinaan tamadun manusia, bahkan penurunan al-Quran itu sendiri bermatlamat untuk mendidik manusia. Begitu juga dengan hadith dan sunnah Rasulullah SAW, banyak daripada riwayat-riwayat Baginda yang menjurus kepada kepentingan pendidikan dalam memperkasakan tamadun ummah dan dikuatkan lagi dengan beberapa contoh tindakan yang Baginda (s.a.w.) laksanakan dalam menggalakkan umat Islam untuk mencintai ilmu pengetahuan. Oleh yang demikian, tulisan ini bertujuan mengupas dan menganalisis beberapa contoh ayat al-Quran dan hadis berhubung dengan pendidikan dalam Islam beserta beberapa contoh daripada tindakan Rasulullah SAW dalam mempromosikan ilmu pengetahuan dalam kalangan umat Islam yang bermatlamat untuk memperkasakan kualiti dan nilai tamadun manusia.

Kata Kunci: Pendidikan menurut al-Qur'an, pendidikan menurut al-Sunnah, Peradaban ummah

Pendahuluan

Pendidikan berupaya memelihara dan memancarkan nilai-nilai asas sesebuah masyarakat dan begitu juga sebaliknya pendidikan juga boleh menjadi punca kekeliruan dalam sesebuah masyarakat. Pendidikan juga dapat membantu pertumbuhan sahsiah dan menyemai serta mengekalkan jati diri seseorang individu. Skop pendidikan dikatakan mencerminkan sikap dan kecenderungan yang wujud dalam sesebuah masyarakat. Demikian juga, pendidikan merupakan elemen terpenting dalam proses tumbesaran dan kematangan seseorang yang dapat melahirkan generasi yang berguna dan berakhlak mulia. Dalam usaha untuk merealisasikan acuan tersebut, pendidikan adalah sangat penting untuk diaplikasikan bagi memantapkan kesemua nilai murni dalam setiap diri individu.

Di samping itu, pendidikan merupakan teras kepada pembangunan sesebuah masyarakat dan negara. Tanpa pendidikan, masyarakat

umumnya akan hidup dalam kemunduran di samping akan menyebabkan keruntuhan moral yang berleluasa. Selaras dengan kepentingannya, maka ianya perlu dijadikan satu agenda penting yang patut dilaksanakan mengikut landasan yang sewajarnya. Dalam konteks pendidikan Islam, pendidikan hendaklah berteraskan al-Quran dan al-Sunnah yang didasari oleh tauhid dan keesaan Allah SWT. Kegagalan untuk meletakkan al-Quran dan al-Sunnah dalam pendidikan Islam akan menyebabkan kegagalan dalam membentuk sahsiah muslim yang komited terhadap tuntutan agama.

Oleh yang demikian, umat Islam masa kini disarankan untuk kembali kepada ajaran Islam yang sebenar dengan menekankan dan menghidupkan semula elemen pendidikan Islam dalam sistem pendidikan kita pada hari ini. Pendidikan boleh diibaratkan sebagai senjata yang sangat ampuh dalam mematahkan serangan ideologi mana-mana pihak yang berusaha untuk menjatuhkan Islam sekaligus membentuk dan mewujudkan manusia yang baik dan bertaqwa yang menyembah Allah dalam pengertian sebenar-benarnya, membina kehidupan duniawinya menurut Syariah (undang-undang Islam) serta mengamalkannya untuk tujuan mengukuhkan keimanannya.

Definisi Konsep Pendidikan

Perkataan pendidikan dalam Bahasa Melayu ialah kata nama terbitan daripada kata akar didik yang membawa maksud jaga, pelihara dan ajar. Perkataan pendidikan juga bersinonim dengan ajaran, latihan, tarbiah, pelajaran, bimbingan, asuhan dan tunjuk ajar. Dalam Bahasa Inggeris, pendidikan disebut sebagai *education* (Simpson dan Weiner, 1989) yang dikatakan berasal daripada cantuman dua kalimah dalam bahasa latin iaitu *e'ex* dan *ducededuc* bererti 'memimpin' yang dapat diinterpretasikan sebagai mengumpul maklumat ke dalam diri bagi membentuk bakat. (Abdullah Ishak, 1995). Dalam bahasa Arab pula terdapat beberapa kalimah yang merujuk kepada pendidikan. Antara kalimah yang selalu digunakan ialah (Rosnani Hashim, 2006; al-Attas, 1979):

- i. *Tarbiyyah*. Kalimah *tarbiyyah* berasal daripada kata dasar 'rabba' (mengasuh, memelihara atau memimpin). Ia juga merujuk kepada proses perkembangan potensi individu, mengasuh atau mendidik untuk menuju kepada satu keadaan yang selesa dan matang. (Halsted, 2004).
- ii. *Ta'lim*. Kalimah *ta'lim* berasal daripada konotasi 'alima (mengetahui, memberitahu, melihat, mencerap, menanggapi). Ia

merujuk kepada proses menyampaikan atau menerima ilmu pengetahuan yang kebiasaannya didapati melalui latihan, arahan, tunjuk ajar atau lain-lain bentuk pengajaran. (Halsted, 2004).

- iii. *Ta'dib* berasal daripada kalimah aduba (memperhalusi, berdisiplin dan berbudaya). Ia merujuk kepada proses pembinaan watak dan pengajaran asas-asas penting untuk hidup bermasyarakat, ini termasuklah memahami dan menerima prinsip yang paling asas sekali iaitu keadilan. (Halsted, 2004; al-Attas, 1979).

Secara umumnya, ketiga-tiga kalimah ini membawa maksud pendidikan tetapi jika diteliti secara lebih mendalam ternyata ketiga-tiga istilah ini membawa maksud yang berlainan. Menurut al-Attas (1992), antara ketiga-tiga kalimah tersebut, kalimah *ta'dib* lebih tepat kerana ia mempunyai makna yang lebih spesifik untuk menggambarkan proses pendidikan manusia berbanding dengan kalimah *tarbiyyah* yang mempunyai maksud yang lebih luas sehingga meliputi haiwan, di samping penekanannya kepada pengasuhan fizikal lebih daripada penyuburan mental dan rohani. (al-Attas, 1992; Rosnani, 2006). Hujahnya diperkuatkan lagi dengan mengambil contoh Rasulullah SAW yang telah menggunakan perkataan *ta'dib* untuk merujuk tentang pendidikan yang diberikan oleh Allah kepada Baginda.

Dalam konteks Islam pula, pendidikan merupakan satu pelajaran atau pendidikan bagi kognitif, fizikal dan roh untuk melahirkan insan yang berperikemanusiaan. Definisi falsafah ini menumpu kepada pembentukan individu sehingga menjadi seorang manusia yang benar-benar sempurna bukan sahaja dari segi pertambahan ilmu bahkan dari segi pembentukan akhlak dan rohani. (Kurshid, 1975). Menurut Thoha (1996), pendidikan Islam adalah pendidikan yang falsafah dan tujuan serta teori-teorinya dibangunkan untuk melaksanakan praktik pendidikan yang didasarkan kepada nilai-nilai Islam yang terkandung dalam al-Quran dan hadis Nabi. Manakala, al-Attas (1992) pula memberikan pengertian bahawa pendidikan Islam adalah usaha yang dilakukan oleh pendidik terhadap anak didik untuk pengenalan dan pengakuan tempat-tempat yang benar dari segala sesuatu dari aturan penciptaan sehingga membimbing mereka ke arah kebaikan.

Walau bagaimanapun, Islam tidaklah melihat pendidikan dari skop yang sempit, ia tidak terbatas kepada pendidikan duniawi semata-mata bahkan meliputi dua lapangan iaitu di dunia dan akhirat. Dalam konteks

ini, Ibn Khaldun (2000) telah membahagikan ilmu kepada dua bahagian yang utama. Pertama, ilmu yang berbentuk fardhu ain yang dituntut ke atas setiap orang supaya mengetahui dan mempelajarinya dalam melaksanakan tuntutan agama seperti ilmu tauhid, fiqh, akhlak, akidah dan sebagainya manakala yang kedua pula ialah ilmu fardhu kifayah iaitu ilmu yang mesti ada pada sekumpulan orang dalam masyarakat tanpa melihat kepada individu tertentu seperti ilmu pertukangan, kemahiran, perniagaan, kedokteran, ekonomi, fizik, astronomi dan sebagainya yang boleh mandatkan manfaat kepada manusia. Ini membuktikan bahawa agama Islam tidak mementingkan pencapaian intelektual yang tinggi semata-mata bahkan perlu dilengkapi dengan kefahaman yang jelas mengenai agama Islam itu sendiri bagi menghasilkan manusia yang cemerlang di dunia mahupun di akhirat.

Jelasnya pendidikan Islam dijadikan sebagai satu proses mengasuh dan mendidik, membela, melatih, menyucikan, memperbaiki, mengawal hawa nafsu, membentuk ketaatan kepada Allah SWT membentuk sikap sopan dan beradab (mempunyai akhlak yang baik) dan memadamkan semua sifat tercela yang ada dalam diri manusia. Semua definisi ini memberikan kefahaman bahawa hampir keseluruhan pendidikan yang dikehendaki dalam Islam ialah merujuk kepada pendidikan rohani manusia selaku hamba Allah di muka bumi ini bagi memancarkan kejernihan akhlak dan budi pekerti yang tinggi selain untuk perkembangan ilmu pengetahuan itu sendiri yang merupakan medium yang amat penting dalam membangunkan ketamadunan manusia yang hidup di dunia ini.

Pendidikan dalam al-Quran

Al-Quran telah diturunkan oleh Allah SWT kepada Nabi Muhammad SAW melalui perantaraan Jibrail AS untuk dijadikan panduan bagi umat manusia. Al-Quran juga diturunkan untuk mendidik manusia khususnya masyarakat Islam dalam menjalani kehidupan di dunia dengan sebaik mungkin kerana mereka yakin adanya hari pembalasan kelak. Al-Quran juga mengajak manusia supaya sentiasa memerhati serta merenungi tanda-tanda kekuasaan Allah yang ada di langit dan di bumi. Alam ini merupakan bahan untuk berfikir, sebagai lembaran buku pengetahuan di samping menjadi bukti bagi kesatuan pentadbiran dan peraturan. (Muhammad Shadid, 1994).

Secara umumnya, proses pendidikan terhadap manusia berlaku sejak azali lagi apabila Allah SWT menciptakan Nabi Adam AS seperti firman-Nya dalam Al-Baqarah ayat 31 yang bermaksud:

“Dan Dia telah mengajarkan Nabi Adam akan segala nama benda dan gunanya, kemudian ditunjukkannya kepada malaikat lalu Dia berfirman, “Terangkanlah kepada-Ku nama benda ini semuanya jika kamu golongan yang benar.”

Ayat ini jelas menggambarkan bagaimana Allah SWT mengajar Nabi Adam segala nama benda yang terdapat di dalam dunia ini yang bakal dihuninya. Tujuan pengajaran ini ialah untuk kemudahan Nabi Adam dan zuriatnya tinggal di dunia sehingga Hari Kiamat. (Ashraf, 1985; Kamarul Azmi & Ab. Halim, 2007). Menurut Mahyuddin (2001), *al-Asma* ialah nama-nama sesuatu benda atau perkara yang mana dengan mengenali atau mengetahui nama sesuatu perkara atau benda merupakan kunci atau asas kepada pembentukan ilmu kepada seseorang manusia. Oleh yang demikian, manusia dipertanggungjawab sebagai khalifah atau pemimpin untuk memakmurkan bumi ini kerana manusia dibekalkan dengan akal yang berpotensi untuk berfikir dan mencari ikhtiar bagi mengatur kehidupan mereka di dunia ini. (Ashraf, 1985).

Sehubungan dengan itu, paradigma pendidikan dalam al-Quran juga tidak lepas dari tujuan Allah menciptakan manusia itu sendiri iaitu penyerahan diri secara ikhlas kepada Pencipta yang terarah kepada tercapainya kebahagiaan hidup di dunia dan akhirat sebagaimana firman Allah dalam surah Al-Zariyyat ayat 56 yang bermaksud:

“Dan (ingatlah) Aku tidak menciptakan jin dan manusia melainkan untuk mereka menyembah dan beribadat kepada-Ku.”

Di samping itu, Islam adalah agama yang amat mementingkan dan menggalakkan umatnya menuntut ilmu. Bahkan al-Quran telah memainkan peranan yang cukup penting dalam pembinaan peradaban Islam agar umatnya terus belajar dan belajar serta sering menyelidiki sesuatu perkara. Perkara ini dibuktikan di dalam wahyu yang pertama diturunkan kepada Rasulullah SAW dalam firman Allah dalam surah Al-Alaq ayat 1-5 yang bermaksud:

“Bacalah (Wahai Muhammad) dengan nama Tuhanmu Yang menciptakan (sekalian makhluk). Dia menciptakan manusia dari sebuku darah beku. Bacalah, dan Tuhanmu Yang Maha Pemurah, Yang mengajar manusia melalui pena dan tulisan. Dia mengajarkan manusia apa yang tidak diketahuinya.”

Ayat ini memberi isyarat dan perintah yang amat jelas dalam bidang pendidikan. Perkataan *iqra'* (bacalah) yang disebutkan oleh malaikat Jibrail AS berulang-ulang kali kepada Rasulullah SAW menegaskan supaya umat manusia belajar, mengkaji dan mencari ilmu. Jika diteliti secara lebih mendalam, ayat ini mendidik dan mengajak orang yang beriman supaya menjadi orang yang berilmu. (Mohd Yusuf, 2002). Petunjuk awal ini jugalah yang telah mendorong Rasulullah SAW menjadikan aspek pembinaan peribadi cemerlang fizikal, mental dan spiritual mendahului segala agenda lain yang bersifat duniawi, material dan pembangunan fizikal. (Zainuddin, 2003).

Berdasarkan ayat ini juga, ulama membuat kesimpulan bahawa belajar atau mencari ilmu itu adalah wajib terutamanya ilmu-ilmu yang berkaitan dengan agama Islam. (Mohd Yusuf, 2002). Kejadian Allah yang sangat luas memerlukan kajian yang mendalam, memerlukan manusia menggunakan akalnya dan memperoleh pengetahuan yang tinggi. Penguasaan ilmu adalah amat dituntut oleh Islam. Justeru itu, Islam mewajibkan setiap umatnya, lelaki atau perempuan menuntut ilmu. Kewajipan ini juga bertujuan supaya umat Islam itu tergolong dalam umat Islam yang cerdas dan terhindar dari kejahilan.

Inilah ayat-ayat pertama yang diturunkan oleh Allah SWT dan ia merupakan rahmat Allah yang terbesar untuk umat manusia. Dalam ayat-ayat permulaan ini, Allah SWT telah memerintahkan Nabi Muhammad SAW supaya membaca dan memperhatikan bukti kebesaran Allah SWT di muka bumi ini serta ayat ini jugalah yang telah menjadi landasan terciptanya pendidikan Islam bagi sekalian umat Islam. (Syahrul Reza, 2008). Selain daripada perintah secara langsung dari Surah al-Alaq, minda dan kesedaran manusia selalu dirangsang dengan pertanyaan retorik firman-firman Allah yang berbentuk "*apakah engkau tidak berakal?*", "*apakah engkau tidak berfikir?*" dan seumpamanya. Menurut Mahyuddin (2001), dalam al-Quran perkataan akal diulang sebanyak 49 kali yang kebanyakannya diungkapkan dalam bentuk perbuatan (*fi'il mudari'*). Dalam ilmu bahasa Arab, ungkapan dalam bentuk ini membawa maksud selalu menggunakan akal dan berfikir. Ini menunjukkan bahawa al-Quran sering merangsang dan menggalakkan manusia supaya menggunakan akal atau berfikir.

Sehubungan dengan itu, manusia juga dilahirkan dalam keadaan yang suci bersih dan tidak mengetahui apa-apa. Pendidikan awal adalah amat penting bagi mencorakkan kehidupan seseorang itu yang bermula dari peringkat kanak-kanak lagi. Firman Allah SWT dalam surah Al-Nahl ayat 78 yang bermaksud:

“Dan Allah mengeluarkan kamu dari perut ibu kamu dengan keadaan tidak mengetahui sesuatupun; dan Dia mengurniakan kepada kamu pendengaran dan penglihatan serta hati (akal fikiran) supaya kamu bersyukur.”

Di samping itu, Allah juga telah menegaskan dalam firman-Nya surah Al-Zumar ayat 9 tentang perbezaan di antara orang yang berilmu dengan orang yang tidak berilmu, bermaksud:

“Katakanlah lagi (kepadanya), ‘Adakah sama orang-orang yang mengetahui Dengan orang-orang yang tidak mengetahui?’ Sesungguhnya orang-orang yang dapat mengambil pelajaran dan peringatan hanyalah orang-orang yang berakal sempurna.”

Dalam ayat ini, jelas menunjukkan bahawa Allah memberikan penghargaan yang cukup tinggi terhadap orang yang berakal, berfikiran dan berilmu pengetahuan. Dalam ayat ini, perkataan *ulul al-albab* dapat diertikan sebagai orang yang berakal atau orang yang mempunyai hati, yakni orang yang mempunyai hikmah dan kebijaksanaan, yang terdiri daripada para ulama’, golongan cendekiawan dan intelektual serta sesiapa sahaja yang menggunakan hati dan akal untuk memerhati dan memikirkan semua kejadian di muka bumi ini. (Mahyuddin, 2001).

Sehubungan dengan itu, dalam al-Quran terdapat juga galakan supaya manusia sentiasa berusaha untuk memperlengkapkan diri mereka dengan ilmu pengetahuan. Sebagai contohnya, firman Allah SWT dalam surah Al-Mujadalah ayat 11 yang bermaksud:

“Allah mengangkat darjat orang-orang yang beriman dan orang-orang yang berilmu beberapa darjat.”

Janji ganjaran di sisi Allah ini merupakan insentif terpenting bagi umat manusia mencari dan menyebarkan ilmu yang mana telah mewujudkan satu budaya ilmu yang universal. Dalam sejarah, umat Islam bersikap terbuka terhadap khazanah ilmu tamadun-tamadun lain tetapi kritis tentang menyebarkan khazanah ilmu tersebut dengan nilai-nilai dan tuntutan Islam. Insentif inilah yang telah menjadi pendorong kepada pemimpin-pemimpin Islam untuk menjadi pelopor dan penaung kepada perkembangan ilmu pengetahuan dan memberikan hak kepada setiap lapisan masyarakat untuk memperkembangkan minat dan kecenderungan mereka terhadap ilmu pengetahuan walaupun tidak semua yang melibatkan diri secara aktif. (Wan Mohd. Nor, 1990).

Menurut Ibn Khaldun (2000), Allah telah memberikan darjat yang tinggi kepada manusia dan membezakan manusia daripada makhluk lain ciptaanNya melalui kemampuan manusia untuk berfikir supaya manusia dapat mengatur segala tindak-tanduknya dengan baik. Al-Ghazali (1939) menyifatkan ilmu pengetahuan adalah ilmu yang mampu meninggikan martabat manusia serta memberi *input* yang berkesan untuk membina kekuatan pada jiwa manusia. Kekuatan inilah yang akan mematahkan keinginan hawa nafsu dan membawa manusia menghampirkan diri (taat) kepada Maha Pencipta. Jelasnya, ilmu pengetahuan bukan sahaja menduduki hirarki terpenting dalam pembangunan manusia dan pembinaan masyarakat secara keseluruhan bahkan menjadi medium utama untuk menggerak manusia melaksanakan fungsi manusia sebagai khalifah di muka bumi Allah ini. Oleh yang demikian, potensi yang dibekalkan oleh Allah SWT kepada manusia ini perlu dibangun, dididik dan dilatih secara seimbang bagi melayakkan mereka memikul tanggungjawab mengurus dan memimpin umat manusia, di samping merancang dan mengatur untuk membangun dan memakmurkan alam ini sesuai dengan kejadiannya sebagai makhluk berakal. (Mahyuddin, 2001).

Umum mengetahui bahawa pengutusan Nabi Muhammad SAW adalah merupakan era baru dalam arena pendidikan, ini termaktub dalam firman Allah SWT dalam surah al-Baqarah ayat 151 yang bermaksud:

“(Nikmat berkiblatkan Kaabah yang Kami berikan kepada kamu itu), samalah seperti (nikmat) Kami mengutuskan kepada kamu seorang Rasul dari kalangan kamu (iaitu Muhammad), yang membacakan ayat-ayat Kami kepada kamu, dan membersihkan kamu (dari amalan syirik dan maksiat), dan yang mengajarkan kamu kandungan kitab (al-Quran) serta hikmat kebijaksanaan dan mengajarkan kamu apa yang belum kamu ketahui. Oleh itu ingatlah kamu kepada-Ku (dengan mematuhi hukum dan undang-undangKu), supaya Aku membalas kamu dengan kebaikan; dan bersyukurlah kamu kepadaKu dan janganlah kamu kufur (akan nikmat-Ku).”

Pendidikan pada era Rasulullah SAW ini agak berbeza dengan yang sebelumnya kerana ia bersumberkan wahyu. Aktiviti pembetulan akidah dan pembersihan kebudayaan yang dijalankan oleh baginda di Mekah adalah proses pertama ke arah pembentukan sebuah tamadun Islam yang

syumul. Program peningkatan tamadun umat Islam ini diteruskan oleh Nabi Muhammad SAW di Madinah dengan memperbanyakkan lagi institusi pendidikan. Baginda telah menjadikan masjid-masjid di sekitar Madinah sebagai pusat pendidikan dan pembelajaran di samping kegiatan-kegiatan lain. (Ismail, 1999).

Tajul Ariffin (2002) menyatakan, untuk menjana kekuatan sesebuah bangsa dan negara, kekuatan agama hendaklah dibina dan dikembangkan di semua peringkat pendidikan. Manakala untuk mencapai matlamat memiliki warganegara yang baik, asas-asas pembinaan manusia haruslah bersepadu dan bermula dengan pembinaan akidah yang benar dan kukuh. Pendapat ini adalah berdasarkan firman Allah dalam surah Al-A'raf ayat 172 yang bermaksud:

“Dan (ingatlah wahai Muhammad) ketika Tuhanmu mengeluarkan zuriat anak-anak Adam (turun temurun) dari (tulang) belakang mereka dan ia jadikan mereka saksi terhadap diri mereka sendiri, (sambil bertanya dengan firman-Nya), ‘Bukankah Aku Tuhan kamu?’ Mereka semua menjawab, ‘Benar (Engkaulah Tuhan kami), kami menjadi saksi,’; yang demikian supaya kamu tidak berkata pada Hari Kiamat kelak, ‘Sesungguhnya kami adalah lalai (tidak diberi peringatan) tentang (hakikat tauhid ini).”

Pendidikan dalam al-Sunnah

Pendidikan dalam Islam mempunyai martabat yang sangat tinggi dan penting sekali dan ia menjadi entiti yang tidak dapat dipisahkan dengan Islam kerana merupakan tuntutan dan kewajipan. Sebagai contoh, Rasulullah SAW sendiri amat menggalakkan masyarakat Islam untuk mendalami ilmu pengetahuan. Banyak daripada program-program pembangunan yang dilaksanakan oleh Baginda bertujuan untuk membangunkan bidang keintelektualan Islam. Hasil galakan daripada Rasulullah SAW, maka dalam jangka masa yang singkat sahaja umat Islam telah melalui transformasi baru dalam bidang ilmu pengetahuan. Mereka bukan sahaja mahir dalam ilmu pengetahuan fiqh, tafsir, tauhid dan sebagainya malah telah menerokai bidang-bidang baru seperti sains, matematik, astronomi, perubatan dan sebagainya. Perkembangan dalam pelbagai bidang keilmuan ini semakin bersemarak khususnya pada zaman pemerintahan Kerajaan Banu ʿAbbas di Baghdad dan Kerajaan Banu Umayyah di Andalus. (Ismail, 1999).

Dari sudut pandangan Islam, mencari ilmu dan mengajarkannya adalah satu kewajipan yang sangat mulia, maka oleh yang demikian mencari ilmu adalah satu kewajipan bagi setiap muslim. Lebih tegas lagi, Islam mewajibkan bagi setiap umat Islam untuk menuntut ilmu sebagaimana sabda Rasulullah SAW yang bermaksud “Menuntut ilmu itu adalah kewajipan ke atas setiap orang Islam.” (Riwayat Ibn Majah)

Sabda Rasulullah SAW ini menunjukkan bahawa kewajipan menuntut ilmu bukanlah eksklusif kepada golongan tertentu sahaja bahkan kewajipan tersebut adalah ke atas seluruh umat Islam. Allah SWT tidak akan mengubah nasib sesuatu kaum itu sehingga mereka berusaha untuk mengubahnya sendiri, dan di antara cara yang terbaik untuk menyelesaikan masalah tersebut adalah dengan ilmu yang boleh didapati daripada proses pendidikan.

Dari perspektif al-Sunnah, kita boleh mengambil contoh daripada beberapa tindakan Rasulullah SAW sebaik sahaja beliau diangkat menjadi Rasul. Ia boleh dibahagikan kepada dua fasa iaitu fasa pertama ketika beliau berada di Kota Mekah dan yang kedua ketika beliau berada di Kota Madinah. Di Kota Mekah baginda telah menyeru kepada agama Allah di samping mendidik mereka yang telah menyahut seruan dakwah Islam. Walaupun secara zahirnya usaha dakwah pada peringkat awal ini kelihatan kurang berjaya sehingga membawa kepada penghijrahan Rasulullah SAW ke Kota Madinah, namun secara hakikatnya ia telah membuktikan kejayaan besar Baginda ke atas orang-orang jahiliyah. Ini kerana Rasulullah SAW berjaya mendidik sebilangan para sahabat dalam tempoh tersebut dan membentuk mereka menjadi sebuah kelompok yang mempunyai keistimewaan dari sudut akidah, budi pekerti serta matlamat hidup. (Muhammad Shadid, 1992). Selain itu, baginda juga telah mengambil inisiatif untuk mengadakan kelas bimbingan dan didikan kepada golongan *musabiqun al-awwalun* di rumah Abi bin Abi al-Arqam. Nabi Muhammad SAW selaku nabi yang terakhir yang diutuskan oleh Allah SWT telah menggunakan pendekatan pendidikan bagi membangunkan Islam sekaligus mencapai matlamat pengutusannya.

Sebagai langkah awal Rasulullah s.a.w telah melantik beberapa orang individu dalam kalangan sahabat baginda untuk menjadi guru, antaranya Abu Ubaidah al-Jarrah dan Ubadah bin al-Samit untuk mengajarkan al-Quran kepada masyarakat Islam. (Awang Yahya, 2004). Pada peringkat ini, pendidikan tidak terfokus kepada persoalan akidah

semata-mata malah menyentuh soal kekeluargaan dan masyarakat, peraturan serta tindak tanduk dalam hidup di samping melaksanakan syariat Islam dalam segenap aspek kehidupan. Maka dengan itu, bidang atau skop pendidikan menjadi bertambah luas selaras dengan meluasnya tujuan serta beragamanya suruhan serta larangan-Nya. (Muhammad Shadid, 1992).

Di samping itu, Rasulullah SAW juga telah memperluaskan fungsi dan peranan masjid sebagai tempat untuk mendapatkan pendidikan. Dalam hubungan ini masjid tidak dilihat sebagai tempat untuk beribadat semata-mata tetapi dilihat juga peranannya yang sepadu dalam pembangunan dan perkembangan ummah. Masjid telah dijadikan sebagai pusat pembentukan muslim yang bertakwa atau dalam erti kata lain masjid dianggap sebagai pusat pendidikan Islam yang terkemuka. Baginda juga telah memilih beberapa orang daripada kalangan orang-orang mukmin yang direkrut khas untuk menjalankan tugas-tugas pendidikan.

Kesimpulan

Pemerhatian terhadap kebangkitan tamadun Islam pada masa lalu tidak menafikan pembangunan dalam bidang pendidikan sebagai asas terpenting kekuatan sesuatu tamadun. Tidak dinafikan juga bahawa ilmu merupakan faktor terpenting dalam menentukan kebahagiaan individu dan kejayaan serta kekuatan sesuatu bangsa atau umat. Kehormatan dan kemuliaan diri, keluarga, bangsa, agama dan negara juga terletak pada kekuatan ilmu setiap individu di dalam masyarakat. Ilmu yang bermanfaat akan menjadikan setiap individu muslim itu maju, berdaya saing dan berkembang di atas landasan syariat. Bagi umat Islam, al-Quran dan Sunnah haruslah dijadikan panduan dalam mendasari pendidikan masyarakat kerana pendidikan dalam Islam mempunyai kaitan dengan aspek jasmani dan rohani serta merupakan suatu bentuk kesatuan yang tidak dapat dipisahkan. Oleh hal yang demikian, pembinaan terhadap kedua-duanya haruslah seimbang supaya dapat mengembalikan kegemilangan peradaban Islam seperti mana yang telah ditunjukkan pada zaman awal Islam.

Rujukan

- Abdullah Basmeih. 2001. *Tafsir Pimpinan Ar-Rahman kepada Pengertian al-Quran*. Kuala Lumpur: Darul Fikir.
- Abdullah Ishak. 1995. *Pendidikan Islam dan Pengaruhnya di Malaysia*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

- Al-Attas, Syed Muhammad Naquib. 1979. Preliminary thoughts on the nature of knowledge and the definition and aims in educations. in al-Attas, S.M.N (penyunting). *Aims and Objectives of Islamic education*, 19-47. London: Hodder & Stoughton.
- Al-Attas, Syed Muhammad Naquib. 1992. *Tujuan dan Objektif Pendidikan Islam*. Samsudin Jaapar (penterjemah.). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Al-Kattani, Abd al-Hay. t.th. *Nizam al-Hukumah al-Nabawiyah al-Musamma bi al-Taratib al-Idariyyah*. Lubnan: Dar al-Kitab al-Arabi.
- Ashraf, S.H. 1985. *New Horizons in Muslim Education*. Cambridge: Hodder and Stoughton, The Islamic Academy.
- Halsted, J. M. 2004. An Islamic concept of education. *Comparative Education*. 40(4): 517-529.
- Ibn Khaldun. 2000. *Mukaddimah Ibn Khaldun*. Terj. Dewan Bahasa dan Pustaka. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Ismail Bakar. 1999. *Sejarah Tamadun Islam*. Kuala Lumpur: Perpustakaan Negara Malaysia.
- Kamarul Azmi Jasmi & Ab. Halim Tamuri. 2007. *Pendidikan Islam Kaedah Pengajaran dan Pembelajaran*. Johor Bahru: Universiti Teknologi Malaysia.
- Kurshid Ahmad. 1975. *Prinsip-Prinsip Pendidikan Islam*. Kuala Lumpur: Angkatan Belia Islam Malaysia.
- Mahyuddin Ashaari. 2001. Pendidikan al-Quran menjana keupayaan berfikir. *Jurnal Pendidikan Islam*. 9(4).
- Mohd. Yusuf Ahmad. 2002. *Falsafah dan sejarah pendidikan Islam*. Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya.
- Muhammad Shadid. 1992. *Metodologi al-Quran dalam Pendidikan*. Osman Khalid (penterjemah). Kuala Lumpur: Bahagian Hal Ehwal Islam Jabatan Perdana Menteri.
- Rosnani Hashim. 2006. Falsafah penyelidikan pendidikan dari perspektif Islam: Konsep dan matlamat. *Jurnal Pendidikan Islam*. 12(1).
- Simpson, J.A & Weiner. E.S.C. 1989. *The Oxford English Dictionary*. 2nd ed. Volume 5. (Dvanda-Follis). Oxford: Clarendon Press.
- Syahrul Riza. 2008. Konsep pendidikan Islam menurut pemikiran Ibn Khaldun: Suatu Kajian terhadap elemen-elemen kemasyarakatan Islam. Tesis Sarjana. Pulau Pinang: Universiti Sains Malaysia.
- Tajul Ariffin Noordin & Nor'Aini Dan. 2002. *Pendidikan dan Pembangunan Manusia: Pendekatan Bersepadu*. Bangi: As Syabab Media.
- Thoha, Chabib H.M. 1996. *Kapita Selekta Pendidikan Islam*. Yogyakarta: Pustaka Pelajar.
- Zainudin Jaffar. 2003. Matlamat dan fungsi penubuhan institusi pengajian Islam, dlm. Suzalie Mohamad (penyunting). *Memahami Isu-Isu Pendidikan Islam Di Malaysia*. Kuala Lumpur: IKIM.

HUBUNGAN QASAS AL-QURAN DENGAN PENDEKATAN DAKWAH: TUMPUAN TERHADAP PEMIKIRAN TAFSIR TUAN GURU ABDUL HADI AWANG

Muhammad Khairi Abdul Azib
Program Sarjana Pengajian Islam (Pengajian al-Quran dan al-Sunnah)
Fakulti Pengajian Islam UKM
muhammadkhairi1994@yahoo.com

Haziyah Hussin
Pusat Kajian al-Quran dan al-Sunnah
Fakulti Pengajian Islam UKM
haziyah@ukm.edu.my

Abstrak

Qasas al-Quran merupakan kandungan al-Quran yang berkaitan dengan penceritaan al-Quran tentang hal ehwal umat terdahulu dan kisah-kisah nabi serta peristiwa yang telah berlaku atau berlaku semasa nuzul al-Quran atau peristiwa yang akan terjadi selepas zaman Nabi SAW. Allah SWT membentangkan *qasas al-Qur'an* bertujuan untuk mengemukakan pengajaran-pengajaran yang dapat diteladani oleh umat Islam dalam konteks semasa. Kertas kerja ini memberi fokus kepada pemikiran Abdul Hadi Awang terhadap *qasas al-Quran* sebagai salah satu sumber dakwahnya. Kajian ini menggunakan reka bentuk kualitatif secara analisis kandungan. Data kajian dikumpulkan menerusi analisis dokumen terhadap rakaman-rakaman tafsir dan beberapa buah buku tafsir Abdul Hadi Awang yang telah diterbitkan. Data-data ini kemudiannya dianalisis secara deskriptif. Kajian ini mendapati Abdul Hadi Awang menjadikan *qasas al-Quran* sebagai sumber pemikiran dakwahnya. Pemikirannya terhadap *qasas al-Qur'an* dalam dakwah dapat dibahagikan kepada dua iaitu mengeluarkan pengajaran dan menghubungkannya dengan isu semasa. Implikasi kajian ini ialah pemikiran Abdul Hadi Awang terhadap *qasas al-Quran* memberi impak kepada penyebaran dakwah dalam jalur politik yang diterajuinya.

Kata Kunci: Abdul Hadi Awang, Pemikiran Dakwah, Politik, *Qasas Al-Quran*, Tafsir Haraki

Pendahuluan

Al-Quran merupakan sumber utama syariat Islam yang mengandungi prinsip-prinsip dan panduan asas dalam pelbagai aspek kehidupan manusia sama ada aspek ketuhanan dan akidah, isu-isu sosial, ekonomi, politik dan sebagainya. Dalam menyampaikan mesej ini, al-Quran menggunakan pelbagai uslub, antaranya penceritaan kisah dan peristiwa silam, peristiwa semasa penurunan al-Quran dan peristiwa yang akan berlaku. Perkhabaran ini bertujuan memberi pelbagai pengajaran kepada

manusia khususnya, umat Islam. (Manna al-Qattan, 2000; Hasan Abbas, 2007). Menurut al-Khalidi (1998), penulisan berkaitan *qasas al-Qur'an* banyak dilakukan oleh ulama dari dulu hingga kini bahkan dari dimensi yang rencam. Kitab *al-Bidayah wa al-Nihayah* oleh Ibn Kathir, *Qasas al-Qur'an* oleh Hasan Abbas dan *Nazarat fi Ahsan al-Qasas* oleh Muhammad Sayyid Wakil antara karya yang memuatkan sumber asas dalam topik ini.

Dalam konteks dakwah dan usaha menangani permasalahan sosial semasa, beberapa kajian dilakukan tentang *qasas al-Quran*. Antaranya Pengajaran daripada kisah Qarun di dalam Surah *al-Qasas* oleh Nor Asiah (2005), *Manhaj al-Jadal* dalam dakwah Nabi Ibrahim AS: Kajian al-Qur'an oleh Wan Akashah (2003), Pendekatan Psikologi Dakwah dalam al-Quran: Kajian terhadap dakwah Nabi Musa AS dan Nabi Ibrahim AS oleh Ahmad Jafri (2011). *Mazahir Tikrar Qissat Musa AS fi al-Qur'an al-Karim* oleh Marisa Musfiroh (2012) dan Pendidikan Luqman al-Hakim: Kajian ayat nasihat dan bimbingan Surah Luqman oleh Azawiah Abdullah (2017). Penulisan ini menandakan kepentingan *qasas al-Quran* dalam konteks kehidupan manusia dan perkembangan ilmu Islam selain menjadi teladan penting dalam menjalankan aktiviti dakwah.

Kupasan tentang *qasas al-Quran* dan kepentingannya dalam konteks dakwah juga diberi perhatian oleh pentafsir khususnya dalam madrasah tafsir haraki. Pengkaji-pengkaji tentang madrasah tafsir ini menemukan suatu kerangka kerja pentafsiran *qasas al-Qur'an* sebagaimana yang digunakan oleh Sayyid Qutb dan Sa'id Hawwa dalam tafsir mereka. Kertas kerja ini bertujuan mengupas kepentingan *qasas al-Qur'an* dan bagaimana pendekatan dakwah boleh diinduksi daripada kisah-kisah ini. Sehubungan dengan itu, tafsiran al-Quran oleh seorang ulama haraki Malaysia iaitu Tuan Guru Haji Abdul Hadi Awang dipilih untuk diketengahkan. Pemilihan ini berdasarkan ketokohan beliau dalam gerakan Islam. (Muhammad Akmal & Haziyah, 2015) dan keterlibatannya dalam mentafsirkan al-Quran secara lisan semenjak 1976. (Nuur Farhana, 2016; Haziyah, 2017). Surah yang dipilih sebagai sampel penelitian ialah surah Al-Saffat, Al-Saff, Al-Hasry, Al-Naba, Yaasin, Al-Munafiqun, Al-Buruj dan Al-Kahfi.

Definisi Qasas al-Quran dan Kepentingannya

Manna Qatan (2000) menyatakan bahawa *qasas al-Quran* merupakan perkhabaran mengenai keadaan umat terdahulu, kenabian yang terdahulu dan peristiwa-peristiwa yang telah berlaku. Pandangan ini dikembangkan oleh Aqidatur dan Ibnu Hajar (2017), bahawa perkhabaran yang akan

berlaku di masa hadapan juga termasuk dalam definisi ini. Pandangan yang lebih umum dikemukakan oleh Hasan Abbas (2007) bahawa *qasas al-Quran* merupakan kisah-kisah yang dipaparkan dalam al-Quran dengan tujuan tersendiri. Pandangan ini disokong oleh Mohd Shahrizal dan Nurazan Mohamad (2014) bahawa kisah-kisah ini memainkan peranan dalam menjelaskan makna dan pengajaran yang dikehendaki oleh Allah SWT untuk dijadikan panduan.

Qasas al-Quran terbahagi kepada beberapa bahagian. Al-Khalidi (1998) membahagikannya kepada dua bahagian iaitu kisah yang diceritakan dalam al-Quran melibatkan para nabi dan yang tidak melibatkan para nabi. Manakala menurut Manna Qatan (2000), peristiwa pada zaman Rasulullah SAW yang diceritakan di dalam al-Quran juga termasuk dalam pembahagian *qasas al-Quran*. Kedua pandangan ini dikembangkan oleh Aqidatur dan Ibnu Hajar (2017) dengan menambah perkhabaran yang akan berlaku pada masa hadapan sebagai salah satu bahagiannya. Oleh itu, dirumuskan bahawa *qasas al-Quran* memiliki empat pembahagian iaitu kisah para nabi dan umat mereka, kisah dahulu kala berkaitan peristiwa-peristiwa dan individu bukan dikalangan para nabi, peristiwa yang berlaku pada zaman Rasulullah SAW dan kisah-kisah berkaitan perkhabaran yang akan berlaku pada masa hadapan.

Tujuan dari penceritaan *qasas al-Quran* ialah untuk menguatkan keimanan Rasulullah SAW dan golongan mukmin, mengalakkan orang-orang muslimin untuk berakhlak mulia dan menjauhi akhlak buruk (Hasan Abbas, 2007), membenarkan usaha dakwah nabi terdahulu, membongkar penipuan ahli kitab, mengemukakan pengajaran-pengajaran yang dapat diteladani oleh umat Islam (Al-Khalidi, 2007) dan sebagai bukti al-Quran merupakan mukjizat dari Allah SWT dan bukan rekaan Rasulullah SAW. Hal ini kerana kisah-kisah dalam al-Quran dapat dibuktikan kesahihannya oleh fakta sejarah dan sains pada hari ini (Aqidator Rofiqah & Ibnu Hajar, 2017).

Kepentingan *qasas al-Quran* dalam dakwah secara khusus dinyatakan oleh al-Khalidi (1998). Menurut beliau, setiap pendakwah perlu menghayati inti pati *qasas al-Qur'an* kerana terkandung dalamnya pelbagai pengajaran untuk menguatkan semangat mereka dalam menyampaikan dakwah terutamanya pada zaman penuh dengan cabaran ini. Pendapat ini disokong oleh Hasan Abbas (2010) yang menyatakan setiap kisah dalam al-Quran meskipun berulang mempunyai pengajaran

yang berbeza-beza untuk menguatkan hati para pendakwah. Oleh itu, ketika berinteraksi dengan *qasas al-Quran*, ulama menggunakan beberapa pendekatan seperti berpandukan kaedah *tafsir bil mathur* (al-Dhahabi 2000), bersandarkan kepada riwayat *israiliyyat*, mengeluarkan pengajaran (al-Khalidi 2007), meluaskan tafsir supaya mencakupi kisah sahabat dan mengemukakan pandangan ulama mengenai sesuatu kisah (Munir al-Ghadbany, 1992).

Pemikiran Dakwah Abdul Hadi Awang bersumberkan Qasas al-Quran

Abdul Hadi menyampaikan tafsir al-Quran menerusi Kuliah Pagi Jumaat di Masjid Rusila, Marang, Terengganu. Kuliah ini merupakan salah satu platform penyampaian dakwahnya (Nuur Farhana 2016). Menurut beliau, kandungan al-Quran menyentuh seluruh aspek kehidupan manusia yang perlu digali untuk dijadikan panduan kepada masyarakat Islam pada hari ini (Abdul Hadi, 2002) tanpa mengira lapisan, umur, taraf pemikiran, fahaman dan pegangan mereka (Abdul Hadi, 1986). Perkara ini menjadi faktor pendorong beliau mentafsirkan al-Quran. Tafsir al-Quran yang disampaikannya berjaya dikhatamkan sebanyak dua kali (Haziyah, 2017).

Dalam masa yang sama, beberapa buah kitab tafsir Abdul Hadi telah diterbitkan. Antaranya ialah *At-Tibyan dalam mentafsirkan al-Quran Surah Luqman* oleh As-Syabab Media (2002), *At-Tibyan dalam mentafsirkan al-Quran Surah al-Fil dan al-Hasyr* oleh As-Syabab Media (2002), *Tafsir At-Tibyan Surah Yasin* oleh Nufair Street (2009), *At Tibyan dalam mentafsirkan al-Quran: Surah as-Saff* dan *At-Tibyan dalam mentafsirkan al-Quran Surah al-Hujurat* oleh Jundi Resources (2011), *Tafsir Surah al-Kahfi* oleh Aisyah Humaira Publications (2014) dan *Tafsir At-Tibyan: Tafsir Surah Al-Baqarah ayat 83-160* oleh Penerbitan Harakah (2014).

Menurut Abdul Hadi (1986), antara *uslub* dakwah yang digunakan oleh beliau dalam menyampaikan dakwah ialah mengkaji dan meneliti kisah-kisah dalam al-Quran. Perkara ini menjelaskan bahawa *qasas al-Quran* adalah sumber penyampaian dakwahnya. Pemikiran beliau terhadap *qasas al-Quran* dalam dakwah dapat dibahagikan kepada dua iaitu mengeluarkan pengajaran dan menghubungkannya dengan isu semasa. Kedua kategori ini adalah untuk merungkai manfaat *qasas al-Quran* dan seterusnya menyampaikan inti patinya kepada sasaran dakwah.

Mengeluarkan Pengajaran

Menurut Abdul Hadi (2006), tujuan Allah SWT menyatakan kisah dalam al-Quran untuk memperingatkan bahawa perjuangan Islam yang dibawa oleh para nabi dan rasul akan berakhir dengan kemenangan walaupun mendapat pelbagai tentangan. Tambah beliau, orang yang bersama dengan perjuangan Islam akan mendapat keselamatan di dunia dan akhirat serta diberi pahala di atas segala kesabaran menghadapi tentangan, kezaliman dan kesusahan. Hal ini menunjukkan bahawa beliau berpandangan *qasas al-Quran* mempunyai pelbagai pengajaran untuk diteladani. Berdasarkan penelitian yang dilakukan, pengajaran yang diketengahkan daripada *qasas al-Quran* berfokus kepada aspek dakwah dan tarbiah iaitu tempoh dakwah yang panjang, bersabar dalam berdakwah, meletakkan pergantungan kepada Allah SWT dan berwaspada terhadap kedahsyatan hari kiamat. Antara contoh pengajaran yang beliau ketengahkan adalah:

1. Tempoh dakwah yang panjang

Abdul Hadi menegaskan bahawa gerak kerja dakwah adalah usaha yang mengambil masa yang lama. Inilah hakikat yang perlu disedari oleh semua pendakwah. Hal ini diterangkan oleh beliau ketika menjelaskan firman Allah SWT:

وَلَقَدْ نَادَيْنَا نُوْحًا فَلَنِعْمَ الْمُجِيبُونَ

Maksudnya: “Dan demi sesungguhnya, Nabi Nuh telah berdoa merayu kepada Kami (memohon pertolongan), maka Kami adalah sebaik-baik yang kabulkan doa permohonan.” (Al- Saffat: 75)

Dijelaskan bahawa Nabi Nuh AS telah berdoa agar diberi kata putus terhadap umatnya yang ingkar kepada Allah SWT. Doa ini diucapkan oleh Nabi Nuh AS setelah 950 tahun menjalankan dakwah. Selain itu, ayat ini untuk mengingatkan Nabi Muhammad SAW bahawa ada dikalangan para nabi lebih lama tempoh dakwahnya. (Abdul Hadi, 2006). Tafsiran ini dikemukakan oleh beliau seperti berikut;

Allah Taala yang memperkenankan doa ini bukan hari ini berdoa esok selalu (makbul). Dop! Allah Taala suruh Nabi Nuh buat bahtera dulu. Kita baca dalam kisahnya dahulu. Buat bahtera, manusia tak rajin tengok bahtera yang besar macam itu. Nabi Nuh buat. Tengah-tengah buat bahtera, hina pula Nabi Nuh. Buat apa perahu atas darat. Buat apa bahtera, guna apalah benda lagu tu. Macam-macam kisahnya. Nabi Nuh dihina. Bukan doa malam ini esok makbul

selalu. Buat bahtera, buat bahtera itu berapa tahun pula. Nabi Musa AS berdoa, Allah Taala berkenankan doa. Perkenan itu dilakukan setelah 40 tahun, setelah 40 tahun. Ini dia. Kerana Allah Taala nak suruh kita berdoa banyak-banyak. Bila berdoa banyak-banyak, boleh pahala banyak-banyak. Kita kalau boleh malam ini baca doa, esok panah litar selalu. Arh panah litar selalu, biar rebah serta merta. Kalau lagu tu, hari-hari orang mati, kalau serah kita lagu tu bakali tinggal kita sorang. Nak marah sikit doa, nak marah sikit sembahyang hajat, marah sikit sembahyang hajat, akhirnya tinggal kita seorang.” (Abdul Hadi, 2006).

2. Bersabar dalam berdakwah

Bersabar dalam berdakwah merupakan keperluan oleh semua pendakwah dalam menyatakan kebenaran Islam. (Abdul Hadi, 1986). Perkara ini dinyatakan oleh Abdul Hadi ketika mentafsirkan ayat ke-18 di dalam surah Yaasin. Ayat ini berkenaan ucapan orang-orang kafir terhadap utusan-utusan Allah SWT dalam kisah Habib An-Najar. Firman Allah SWT:

قَالُوا إِنَّا تَطَيَّرْنَا بِكُمْ لَئِن لَّمْ تَنْتَهُوا لَنَرْجُمَنَّكُمْ وَلَيَمَسَّنَّكُم مِّنَّا عَذَابٌ أَلِيمٌ

Maksudnya: “Penduduk bandar itu berkata pula, ‘Sesungguhnya kami merasa nahas dan malang dengan sebab kamu. Demi sesungguhnya, kalau kamu tidak berhenti (dari menjalankan tugas yang kamu katakan itu), tentulah kami akan merejam dan sudah tentu kamu akan merasai dari pihak kami azab seksa yang tidak terperi sakitnya.’”

Menurut Abdul Hadi (2013b), orang-orang kafir itu merasa sial kerana didatangi oleh para utusan Allah SWT. Mereka menuduh utusan-utusan tersebut menyebabkan perpecahan di kalangan mereka akibat terpengaruh dengan dakwah yang disampaikan oleh para utusan tersebut. Beliau menghubungkan ayat ini dengan ucapan musyrikin Makkah terhadap Nabi Muhammad SAW iaitu:

إِنَّكَ قَدْ آتَيْتَ بِأَمْرٍ عَظِيمٍ، فَفَرَّقْتَ بَيْنَ جَمَاعَتِهِمْ، وَسَفَهتَ بِهِ أَحْلَامَهُمْ وَكَفَرْتَ بِهِ آبَاءَهُمْ

“Kamu wahai Muhammad, kamu membawa satu ajaran yang besar, yang membawa fitnah yang besar, yang membawa keburukan yang besar. Dengan sebab kamulah maka orang ramai menjadi berpecah belah. Dengan sebab kamulah pendapat-pendapat orang tua dipandang bodoh. Dan kamu telah mengkafirkan bapa-bapa mereka.” (Abdul Hadi 2013b).

Itulah ungkapan yang diucapkan oleh musyrikin Makkah sedangkan mereka mengenali Nabi SAW adalah seorang yang amanah, menunaikan janji, baik akhlak dan berbudi tinggi. Mereka sendiri mencemuh dan melabelkan Nabi SAW dengan gelaran penjahat dan sebagainya. Keadaan inilah juga yang bakal dihadapi oleh para pejuang Islam sepanjang zaman. (Abdul Hadi, 2013b). Perkara ini menunjukkan keperluan bersabar dalam berdakwah dengan mengambil iktibar dari *qasas al-Quran*.

3. Meletakkan pergantungan kepada Allah SWT
Keperluan meletakkan pergantungan kepada Allah SWT dijelaskan oleh Abdul Hadi ketika mentafsirkan firman Allah SWT dalam sebahagian ayat 7, surah Al-Hasyar:

وَمَا آتَاكُمْ الرَّسُولُ فَخُذُوهُ وَمَا نَهَاكُمْ عَنْهُ فَانْتَهُوا وَاتَّقُوا اللَّهَ إِنَّ اللَّهَ شَدِيدُ الْعِقَابِ

Maksudnya: “*Dan apa jua perintah yang dibawa oleh Rasulullah (SAW) kepada kamu maka terimalah serta amalkan, dan apa jua yang dilarang-Nya kamu melakukannya maka patuhilah larangan-Nya. Dan bertakwalah kamu kepada Allah; sesungguhnya Allah amatlah berat azab seksa-Nya (bagi orang-orang yang melanggar perintah-Nya).*”

Ayat ini adalah berkaitan kisah pengusiran Bani Nadhir. Abdul Hadi menerangkan bahawa setiap pendakwah perlu bergantung harap kepada Allah SWT dengan bertakwa dan takut kepadaNya sebagaimana berikut:

Maka kita hendaklah bertakwa kepada Allah supaya kita selamat dunia dan selamat akhirat. Bertakwa kepada Allah ini bukan sahaja dalam perkara sembahyang, puasa, termasuklah dalam perkara memerintah negara. Dalam perkara mengendalikan harta negara, mengendalikan daripada sumber-sumber daripada bumi, negara hendaklah dikendalikan dengan bertakwa kepada Allah sebagai mana yang Allah sebut dalam ayat yang kita baca tadi. Jangan harta kekayaan itu berpusing dikalangan menteri-menteri, raja-raja dan pemimpin sahaja. Kalau berpusing dikalangan raja-raja dan pemimpin, rakyat susah maka menteri raja yang pusing harta secara haram ini masuk neraka, dan rakyat yang bodo sokong dengan dia pun masuk neraka juga. (Abdul Hadi, 2011b).

4. Berwaspada terhadap kedahsyatan Hari Kiamat
Pengajaran seterusnya ialah berwaspada terhadap kedahsyatan hari kiamat. Hal ini dinyatakan Abdul Hadi ketika mentafsirkan firman Allah SWT:

وَسَيَّرَتِ الْجِبَالَ فَكَأَنَّهُمْ سَرَابٌ

Maksudnya: “Dan gunung-ganang – setelah dihancurkan – diterbangkan ke angkasa, lalu menjadilah ia bayangan semata-mata seperti riak sinaran panas di padang pasir.” (Al-Naba: 20)

Beliau mentafsirkan ayat ini dengan menerangkan situasi Hari Kiamat agar diambil iktibar oleh sasaran dakwahnya, dalam masa yang sama menegaskan bahawa kisah hari kiamat adalah perkara yang benar dan akan berlaku. Menurutnya:

Bukit habis licing terbang, masa siup sangkakala itu, bukit seperti alang-alang kita tengok di tengah padang yang luas. Ketika hari yang panas macam air padahal bukan air, itulah bukit. Bukit gunung ganang yang hebat-hebat, yang besar-besar hari ini kita tengok. Besar sangat habis tercabut hancur lebur, jadi macam asap, terbang. Bukan macam asap lebih macam asap lagi. Nampak bayang-bayang saja. Dihilangkan oleh Allah SWT. Itulah cerita kiamat cerita yang pasti berlaku. Semua perkara yang Quran sebut adalah perkara yang berlaku. (Abdul Hadi, 2013a).

Kempat-empat pengajaran yang dikemukakan oleh Abdul Hadi ketika mentafsirkan *qasas al-Quran* adalah berfokus kepada aspek dakwah dan tarbiah. Hal ini sesuai dengan seruannya agar para pendakwah mengkaji dan meneliti kisah-kisah dalam al-Quran serta mengeluarkan pengajaran daripadanya. (Abdul Hadi, 1986).

Menghubungkan Qasas Al-Quran dengan Isu Semasa

Abdul Hadi mengaitkan *qasas al-Quran* dengan isu semasa. Isu-isu yang dikemukakan berkisar dalam dua aspek iaitu sikap golongan yang menentang Islam dan kekejaman terhadap umat Islam. Kedua pembahagian ini sangat dekat dengan kehidupan umat Islam. Dalam masa yang sama, isu-isu yang dikemukakan dapat menarik fokus sasaran dakwahnya untuk memberikan perhatian terhadap penyampaiannya (Walter J. Ong, 2002) dan menyedarkan mereka berkenaan situasi dan cabaran-cabaran yang sedang dihadapi oleh umat Islam pada hari ini. (Abdul Hadi, 2002).

1. Sikap golongan yang menentang Islam
Abdul Hadi mengemukakan contoh sikap golongan yang menentang Islam ketika mentafsirkan potongan ayat di bawah:

فَلَمَّا زَاغُوا أَزَاغَ اللَّهُ قُلُوبَهُمْ

Maksudnya: “Maka tatkala mereka menyeleweng (dari kebenaran yang mereka sedia mengetahuinya), Allah selewengkan hati mereka (dari mendapat petunjuk.” (Al-Saff: 5)

Ayat ini ditujukan kepada golongan Yahudi yang terpesong dari petunjuk Allah SWT. Dari mereka ini lahirnya ajaran-ajaran sesat yang pelbagai melibatkan cara hidup dan pemikiran semasa di mana semuanya bertentangan dan untuk melemahkan ajaran Islam. Antaranya Komunis, Kapitalis, Atheis, Heppiesm, Fremeson dan Zionis. (Abdul Hadi, 2011a). Beliau menghuraikan secara terperinci sebagaimana berikut:

Maka, takala mereka terpesong daripada petunjuk Allah. Allah Taala memesongkan hati-hati mereka. Maka dikalangan orang-orang Yahudi ini lahirnya ajaran-ajaran sesat. Ajaran sesat ini direka oleh orang yahudi. Bukan sahaja sembah lembu, termasuklah sembahyang batin, puasa batin, haji batin. Tak payah sembahyang dah pakai niat sahaja. Tak payah gi Mekah, pakai niat sahaja. Tak payah puasa, pakai niat sahaja. Ce kita ambil ikat kaki tangan kita dop bui makan, pakai niat sahaja dop soh makan, boleh dop? Tak boleh! Ada zahir dan ada batin. Tuhan jadikan manusia ini ada roh dan ada jasad bukan macam Malaikat. Anggota zahir yang digerakkan, jadi sembahyang zohir, sembahyang batin, haji zahir, haji batin, nikah zahir, nikah batin ini daripada Yahudi sebenarnya. Yahudi yang membawa ajaran ini, orang yahudi yang menyesatkan orang. Itu ajaran yang mengatakan politik suku ajaran suku, Yahudi juga. Ajaran yang mengatakan sembahyang, puasa, zakat haji, umrah saja Islam, bab memerintah negara, hukum jinayat, ini Yahudi juga. Diantaranya ajaran Komunis, Yahudi juga. Kall Mark itu orang komunis. Ajaran kapitalis, itu Yahudi juga. Adam Smith, salah seorang pemimpin kapitalis, ini juga ialah yahudi. Ajaran atheis yang tak payah kahwin, tolak adanya Tuhan. Yahudi juga. Ajaran yang hidup bebas, heppiesm, ini orang yahudi juga. Semua Yahudi belaka. Nak memuaskan hawa nafsu, termasuklah pengedaran dadah, menggalakkan arak dan pelacuran, ini Yahudi. Semua Yahudi belaka. Di sana ada satu pertubuhan yang dinamakan

Fremeson. Fremeson berkembang dengan Zionis. Zionis ialah satu pertubuhan yang menganggap yahudi adalah bangsa yang terpilih. Semua bangsa lain adalah binatang, rupa manusia. Yahudi yang paling mulia. Mereka mesti berjuang untuk menegakkan negara yahudi yang pernah ditegakkan oleh Nabi Sulaiman AS, maka dibuatnya Fremeson, Fremeson ini ada cabang dia, Lion Club, Lotary Club.” (Abdul Hadi, 2011a).

Pendekatan yang sama digunakannya ketika menerangkan sikap golongan yang menghalang orang-orang Islam menyampaikan kebenaran. Perkara ini dinyatakannya ketika mentafsirkan ayat ke-2 dari surah Al-Munafiqun. Firman Allah SWT:

اتَّخَذُوا أَيْمَانَهُمْ جُنَّةً فَصَدُّوا عَنِ سَبِيلِ اللَّهِ ؕ إِنَّهُمْ سَاءَ مَا كَانُوا يَعْمَلُونَ

Maksudnya: “Mereka menjadikan sumpahnya (atau akuannya) sebagai perisai (untuk menyelamatkan dirinya dan harta bendanya daripada dibunuh atau dirampas), lalu mereka menghalang (dirinya dan orang lain) dari menurut jalan Allah. Sesungguhnya amatlah buruk apa yang mereka kerjakan.”

Sikap golongan yang menghalang orang-orang Islam dari jalan Allah SWT dikaitkan oleh Abdul Hadi dengan perbuatan sesetengah pihak yang tidak memberi tauliah kepada pendakwah untuk mengajar agama. Contoh ini dijelaskan secara terperinci sebagaimana berikut:

Termasuklah hari ini menghalang orang nak mengajar agama. Menghalang orang nak bersyarah agama. Disinilah Sayyidina Ali *karramallahu waj'ah* menunjukkan cara memberi tauliah kepada orang mengajar agama. Sayyidina Ali masa dia jadi khalifah. Patutnya kerajaan jabat agama kena ikut contoh Sayyidina Ali ini, Sayyidina Ali tengok seorang pemuda mengajar di masjid Kufah, orang ramai kerumun sebab dia sedap mengajar. Sudoh dia mengajar, ambil sudah dia mengajar dulu. Sayyidina Ali pun panggil dia, apa dia Islam? Apa dia iman? Apa dia? Apa dia? Dia jawab betul. Sayyidina Ali kata *gi lah* (tak jelas) ngajar, Sayyidina Ali kata, mengajar. Ini dia cara dia mengajar. Bila dia mengajar betul, izin, tak dop bercanggah dengan Islam, ni pergi-pergi ada dop surat kebenaran, dop kira orang ngajar betul ke salah. Orang mengajar betul pun bertindak juga, arh ini munafik ini. Ini munafik, *صَدُّوا عَنِ سَبِيلِ اللَّهِ* menghalang manusia daripada jalan Allah. Menghalang orang mengajar, menghalang orang bersyarah, menghalang orang apa

sahaja. Bahkan di negara yang mengamalkan demokrasi, ini adalah negara orang kafir, bukan negara orang Islam, yang mengamalkan demokrasi. Bila ada rakyat bantah, ada orang ucapan, kalau benda tu betul, dia betul. Dia perbetulkan. Kalau benda tu salah, haa ini mu kata ni salah. Yang betulnya begini-begini, dia tak halang. Mu kena betul hok mu salah ini. Bukan menghalang orang, tidak. Ini halang daripada awal. Haa itu tak kena, ini sifat orang munafik, sifat orang munafiklah menghalang orang daripada mengajar agama, bersyarah agama, menceritakan yang benar, cerita yang betul yang diajar oleh Islam, *بَلِّغُوا عَنِّي وَلَوْ آيَةً* Beritahu daripada aku walaupun satu ayat. Kalau mu tahu se ayat, royak pada orang, satu ayat, tahu dua ayat royak dua ayat. Tahu fardhu ain, mengajar fardhu ain, mengalakkan orang mengajar, mengalakkan orang berdakwah, menggalakkan orang memberi nasihat, inilah negara yang mengamalkan Islam, yang sekat orang mengajar ini masa orang putih. Masa penjajah dulu. Supaya orang jangan lawan dia. Kalau orang tahu agama lawan dia. Kita dah merdeka dah ikut penjajah juga. Ini jadi punoh ini. (Abdul Hadi, 2014a).

2. Kekejaman terhadap umat Islam

Abdul Hadi mengemukakan contoh kekejaman terhadap Islam ketika menafsirkan ayat ke-7 dan ke-8 dari surah Al-Buruj. Firman Allah SWT:

وَهُمْ عَلَىٰ مَا يَفْعَلُونَ بِالْمُؤْمِنِينَ شُهُودٌ. وَمَا نَقَمُوا مِنْهُمْ إِلَّا أَن يُؤْمِنُوا بِاللَّهِ الْعَزِيزِ الْحَمِيدِ

Maksudnya: “Sambil mereka melihat apa yang mereka lakukan kepada orang-orang yang beriman. Dan mereka tidak marah dan menyeksakan orang-orang yang beriman itu melainkan kerana orang-orang beriman itu beriman kepada Allah Yang Maha Kuasa, lagi Maha Terpuji.” (Al-Buruj: 7 & 8)

Ayat ini berkenaan kekejaman Ashab al-Ukhdud yang menyiksa orang-orang yang beriman. Mereka mencampakkan golongan beriman ke dalam parit yang dinyalakan dengan api. Abdul Hadi mengkaitkan perkara ini dengan kekejaman yang dihadapi oleh umat Islam di Bosnia, Sepanyol, Mesir, Syria, Palestine, Afganistan dan Algeria. (Abdul Hadi, 2014b). Beliau menyatakan secara ringkas setiap satu kekejaman yang berlaku di negara-negara tersebut iaitu:

Kisah dalam Quran ni berulang, kita baca kisah sebagaimana saudara kita di Kemboja dibunuh oleh Komunis. Orang Islam di Kemboja, dibunuh oleh Komunis, dibakar direbus dalam air. Di

Bosnia, di Bosnia ni berlaku di akhir zaman. Ini kisah yang sama, di Bosnia. Dan berlaku di negeri Komunis semasa penaklukan Komunis dahulu. Yang sempat berhijrah berhijrah, yang tak sempat dibunuh. Di Sepanyol, ketika jatuhnya Islam di Sepanyol, dibunuhnya orang Islam dan dirata-rata dunia, orang Islam disiksa. Termasuk di negeri orang Islam sendiri, di Mesir, di Mesir, di Syiria, tempat orang mahu kepada Islam, orang mahu kepada Islam, dibunuhnya disiksanya. Ada negeri yang berperang di Palestine, berperang di Syiria, di Afganistan berperang. Kerana musuh masuk menyerang negeri. Nak laksanakan syariat dia boleh terima kalau rakyat menerima pemerintah yang tak laksanakan hukum Islam. Kalau pemerintah tak laksanakan hukum Islam, takpe, sanggup beri bantuan. Bank Dunia boleh beri nak berapa billion. Bila sebut nak laksanakan Islam tak boleh. Di Algeria, bila Parti Islam Algeria menang, menang 70 peratus, tentera rampas kuasa. Pemimpin Islam ditangkap dibunuh. Ini diseluruh dunia, dan media-media menyebarkan berita-berita yang banyak mengarut berita itu. Berita mengarut kita keliru, kerana syarikat berita dikuasai oleh Yahudi, dikuasai oleh puak-puak musuh Islam. (Abdul Hadi, 2014b).

Pendekatan ini turut digunakan beliau ketika menafsirkan ayat ke-8 di dalam surah Al-Saff. Firman Allah SWT:

يُرِيدُونَ لِيُطْفِئُوا نُورَ اللَّهِ بِأَفْوَاهِهِمْ وَاللَّهُ مُتِمُّ نُورِهِ وَلَوْ كَرِهَ الْكَافِرُونَ

Maksudnya: “*Mereka sentiasa berusaha untuk memadamkan cahaya Allah (agama Islam) dengan mulut mereka, sedang Allah tetap menyempurnakan cahayaNya, sekalipun orang-orang kafir tidak suka (akan yang demikian).*”

Usaha untuk memadamkan cahaya Allah SWT bukan sahaja berlaku pada zaman dahulu sebagaimana diceritakan dalam kisah-kisah terdahulu, bahkan turut berlaku pada masa kini. (Abdul Hadi, 1986). Beliau mengemukakan contoh yang berlaku di Asia Barat berkenaan hal ini seperti berikut:

Di Asia Tengah, negeri Tarkumanistan, Tarkumanistan, Tajikistan, Kazasthan, Uzbekistan, negeri-negeri Asia Tengah, Checia dan lain-lain. Ditakluk oleh Komunis di awal abad yang lalu. Setelah Komunis menakluk negeri Asia Tengah, orang Islam disembelih, dibunuh dengan cara yang menakutkan. Ada yang dibawa atas kapal terbang, dibuang dari kapal terbang. Mana Tuhan mu? Campak

begitu je. Arh, dibunuh dengan jentera untuk kemah jalan tu, kereta giling, untuk menakutkan orang Islam. Ada yang berhijrah, yang tak sempat berhijrah, tinggal menyembunyikan Islam. Ada yang dipenjarakan, ada yang dipenjarakan. Tahun 80an komunis jatuh. Setelah komunis jatuh, kita masuk ke sana, masih ada orang muda yang bercakap bahasa arab dengan fasih. Tanya dia belajar bahasa arab di mana, dengan ayah dia. Belajar di rumah. Belajar di rumah. Masjid hidup balik, masjid hidup semula. (Abdul Hadi, 2011a).

Kedua pembahagian yang dikenalpasti iaitu mengeluarkan pengajaran dan menghubungkan dengan isu-isu semasa berkait rapat dengan penglibatan Abdul Hadi dalam dakwah dan politik. Perkara ini juga sinonim dengan cabaran-cabaran yang terpaksa dihadapi oleh gerakan Islam. (Abdul Hadi, 1982).

Kesimpulan

Tujuan Allah SWT membentangkan *qasas* dalam al-Quran adalah untuk mengemukakan pengajaran-pengajaran yang dapat diteladani oleh umat Islam. Oleh itu, pendakwah perlu menjadikan *qasas* khususnya kisah-kisah para nabi dan umat mereka sebagai salah satu sumber dalam merangka pendekatan dan strategi dakwah. Sebagai seorang ulama haraki, Tuan Guru Haji Abdul Hadi Awang mengentengahkan *qasas al-Quran* sebagai salah satu sumber dakwahnya. Beliau mengerahkan buah fikiran untuk mengekstrak inti pati *qasas al-Quran* untuk disampaikan kepada sasaran dakwahnya dengan mengeluarkan pengajaran dan menghubungkannya dengan isu-isu semasa. Pengajaran yang dikeluarkan oleh beliau berkisar tentang dakwah dan tarbiah iaitu tempoh dakwah yang panjang, bersabar dalam berdakwah, meletakkan pergantungan kepada Allah SWT dan berwaspada dengan kedahsyatan hari kiamat. Isu-isu semasa yang dikemukakan pula adalah berkenaan sikap golongan yang menentang Islam dan kekejaman mereka terhadap Islam. Natiujahnya, Abdul Hadi merupakan seorang tokoh gerakan Islam yang menyebatkan penggunaan *qasas al-Quran* sebagai sumber dakwah sesuai dengan kedudukannya sebagai salah seorang ulama yang terlibat dengan gerakan Islam. Hal ini dilakukan oleh beliau agar *qasas al-Quran* dapat dihayati dan difahami dengan baik oleh masyarakat Islam pada hari ini dan generasi akan datang.

Penghargaan

Makalah ini adalah sebahagian hasil penyelidikan di bawah geran UKM PP-2020-005 "Pembukuan Tafsir Tuan Guru Dato' Seri Haji Abdul Hadi Awang" yang dibiayai oleh Terengganu Strategic and Integrity Institute (TSIS).

Rujukan

- Abdul Hadi Awang. 1982. Kepentingan Berjama'ah. Dlm. Ya'qub Muhammad Hussin (Penyunting). *Islam: Fikrah, Harakah & Daulah*. Shah Alam: Dewan Pustaka Fajar.
- Abdul Hadi Awang. 1986. *Uslub Da'wah*. Dlm. Ya'qub Muhammad Hussin (Penyunting). *Islam: Fikrah, Harakah & Daulah*. Shah Alam: Dewan Pustaka Fajar.
- Abdul Hadi Awang. 2002. *At-Tibyan dalam mentafsirkan al-Quran: Surah Luqman*. Bandar Baru Bangi: As-Syabab Media.
- Abdul Hadi Awang. 2006. Tafsir Surah As-Saffat. Dlm. Kuliah Online. 2016. <https://t.me/kuliahonline> [akses pada 30 Jun 2020].
- Abdul Hadi Awang. 2011a. Tafsir Surah as-Saff. Audio rakaman Kuliah Jumaat Abdul Hadi Awang.
- Abdul Hadi Awang. 2011b. Tafsir Surah al-Hasyr. Audio rakaman Kuliah Jumaat Abdul Hadi Awang.
- Abdul Hadi Awang. 2013a. Tafsir Surah an-Naba'. Audio rakaman Kuliah Jumaat Abdul Hadi Awang.
- Abdul Hadi Awang. 2013b. *Tafsir Surah Yasiin*. Kuala Lumpur: Galeri Buku Harakah.
- Abdul Hadi Awang. 2014a. Tafsir Surah Al-Munafiqun. Audio rakaman Kuliah Jumaat Abdul Hadi Awang.
- Abdul Hadi Awang. 2014b. Tafsir Surah Al-Buruj. Dlm. Terengganu kini. 2020. Himpunan Kuliah Jumaat Mingguan Masjid Rusila. <http://bit.ly/terengganukini> [akses pada 30 Jun 2020].
- Abdul Hadi Awang. 2019. *Tafsir Surah al-Kahfi (Quran surah ke 18)*. Kuala Lumpur: Akademi Pengajian Saidatina Aisyah Publication.
- Aqidatur Rofiqoh & Ibnu Hajar Ansori. 2017. Kisah-kisah (qasas) dalam al-Quran Perspektif I'jaz. *QOF*. Jil. 1 (1).
- Hasan Abbās. 2007. *Muḥadārāt fī 'Ulūm al-Quran*. Jordan: Darul Nafā'is.
- Hasan Abbās. 2010. *Qaṣas al-Quran al-Karīm*. Jordan: Darul al-Nafā'is.
- Haziyah Hussin. 2017. Sumbangan Tuan Guru Dato' Seri Haji Abdul Hadi Awang dalam peradaban tafsir di Malaysia. Kertas kerja Persidangan Antarabangsa Islam dan Tokoh, 21 November 2017 di Bilik Senat UKM.
- Al-Khalidi, Solah Abd al-Fattah. 2007. *Ma'a al Qasas as-Sabiqun fī al-Quran*. Damsyik: Darul Qalam.
- Manna^c al-Qattān. 2000. *Mabāhith fī Ulūm al-Qurān*. al-Qāhirah: Maktabah Wahbah.
- Muhammad Akmal Mukhtar & Haziyah Hussin. 2015. Elemen haraki di dalam Tafsir Surah al-Kahf oleh Abdul Hadi Awang. Dalam Zul Izzi Ismail, Siti Fatimah & Siti Hafizah (suntingan). *Prosiding Kolakium Antarabangsa Jejak Warisan Ilmu Islam (JEWARIS 2015) Malaysia – Brunei*: 38-48.
- Mohd Shahrizal Nasir & Nurazan Mohmad Rouyan. 2014. Qisah Qur'aniyyah dalam Surah al-Khafi Menyерlahkan Pengajaran (Ibrah) dan Fadilat Surah. *'Ulum Islamiyyah Journal*. 14: 131-156.
- Nuur Farhana. 2016. Sumbangan Tuan Guru Abdul Hadi kepada Penubuhan dan Perkembangan Maahad Darul Quran. Tesis Sarjana Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Walter J. Ong, 2002. *Orality and literacy*. New York: Routledge, Tylor & Francis Group.

PERSPEKTIF AHLU SUNNAH WAL JAMA'AH TERHADAP SERUAN BOIKOT PRODUK PERANCIS SEBUAH PENDEKATAN TEOLOGIS

Fharis Romanda, B.A.
Program Sarjana Bahasa dan Sastra Arab
Fakulti Adab dan Ilmu Budaya
Universitas Islam Negeri Sunan Kalijaga, Yogyakarta, Indonesia
fharisromanda@gmail.com

Abstrak

The phenomenon of harassment, one of the symbols of Islam that occurred in France, has shocked Muslims worldwide. Muslims have made several responses related to this phenomenon as an act of defending religion. One such phenomenon is the boycott of French products. Furthermore, Muslims in this world consist of many groups, one of which is *Ahlu Sunnah wal Jama'ah*. *Ahlu Sunnah wal Jama'ah*, as the majority Muslim group in the world, also played an important role in the boycott of French products. Boycott is a phenomenon that has also occurred in Islamic history. For this reason, this phenomenon can serve as the basis for the validity of the current boycott carried out by the Muslim *Ahlu Sunnah wal Jama'ah* to boycott French products. In addressing this phenomenon, this paper uses the theological approach of *Ahlu Sunnah wal Jama'ah*. The thought of *Ahlu Sunnah wal Jama'ah*, which is known to have a moderate understanding of Islam, is expected to be able to provide solutions to problems that occur related to the boycott.

Kata kunci: Ahlu Sunnah wal Jama'ah, boikot, Produk Perancis

Pendahuluan

Akhir-akhir ini, dunia digemparkan oleh berita pelecehan terhadap Islam. Kasus tersebut diawali dengan pemberitaan dibunuhnya Samuel Paty, seorang guru sejarah di Perancis yang menunjukkan karikatur Nabi Muhammad SAW. Pembunuhan tersebut diketahui dilakukan oleh seorang pemuda dari Chechnya yang menganggap bahwa karikatur tersebut adalah bentuk dari pelecehan terhadap Nabi Muhammad.

Kejadian tersebut memancing Presiden Perancis, Emmanuel Macron, untuk berstatmen menanggapi kejadian penggambaran karikatur dan pembunuhan. Sebagaimana dilansir di banyak media, Ia menyatakan bahwa Perancis adalah negara yang mendukung kebebasan berpendapat bagi setiap warga negaranya. Penggambaran karikatur adalah salah satu bentuk dari kebebasan berpendapat, dan sebagai kepala negara, ia tetap akan terus konsisten membela dan menjamin hak-hak kebebasan

berpendapat di negaranya. Adapun terkait kasus pembunuhan, Macron berpendapat bahwa perbuatan tersebut merupakan tindakan terorisme yang harus diperangi. Ia juga mengaitkan kejadian tersebut dengan radikalisme dalam Islam dan menyatakan bahwa Islam adalah agama yang tengah mengalami krisis.

Hal ini tentu semakin menyulut api kemarahan umat muslim sedunia sehingga menimbulkan berbagai respon di kalangan umat muslim. Salah satu respon yang dilakukan oleh umat muslim dunia saat ini adalah dengan menggemakan seruan boikot terhadap produk-produk Perancis. Pada awalnya seruan-seruan tersebut digemborkan oleh beberapa masyarakat di Timur Tengah. Di Turki, Presiden Recep Tayyip Erdogan secara resmi mengajak untuk melakukan pemboikotan. Hingga pada tanggal 30 Oktober 2020, Majelis Ulama Indonesia (MUI) juga ikut menghimbau pemboikotan produk-produk Perancis melalui pernyataannya Nomor: Kep-1823/DP-MUI/X/2020.

Makalah ini akan membahas tentang bagaimana perspektif teologi Islam *Ahlussunah wal jamaah* dalam memandang seruan boikot tersebut. Tujuan dari pembahasan ini diantaranya adalah agar setiap muslim *Ahlu Sunnah wal Jamaah* mampu menghadapi dan merespon seruan tersebut secara bijaksana dan sesuai dengan perspektif teologi Islam *Ahlu Sunnah wal Jamaah*.

Pendekatan Teologis

Pendekatan teologis adalah salah satu metode yang dapat digunakan dalam memahami agama. Secara harfiah, pendekatan ini dapat diartikan sebagai upaya memahami agama dengan menggunakan kerangka ilmu Ketuhanan yang bertolak dari satu keyakinan bahwa wujud empirik dari suatu keagamaan dianggap sebagai yang paling benar dibandingkan dengan lainnya. (Rozali 2020).

Mengenai karakteristik pendekatan teologis, (Siti Zulaiha 2017) mengutip dari tulisan Hardy yang berjudul “Pendekatan Teologis-Normatif Dalam Kajian Studi Islam” menyebutkan bahwa pendekatan ini memiliki ciri-ciri sebagai berikut:

- i. Loyalitas terhadap diri sendiri, yaitu lebih bersifat subjektif, menganggap keyakinan diri sendiri paling benar dan orang lain dianggap kurang benar;

- ii. Komitmen terhadap apa yang diyakini. Individu yang berkeyakinan terhadap sebuah kebenaran, maka ia akan rela memperjuangkan apa yang diyakininya;
- iii. Dedikasi atau bersemangat tinggi dalam pengamalan ritual dan pengembangan keyakinannya Dalam Islam, terma ilmu teologi juga disebut dengan ilmu aqidah atau ilmu tauhid. Ilmu tersebut berfokus membahas tentang kajian fundamental keyakinan Islam atau pokok keimanan.(Dhamiriyyah, 1999) Kemudian dalam memahami esensi keilmuan ini, umat Islam terbagi menjadi beberapa sekte atau golongan. Diantara golongan-golongan tersebut adalah *Ahlu Sunnah wal Jamaah*.

Sekilas Tentang *Ahlu Sunnah Wal Jamaah*

Dalam istilah *Ahlu Sunnah wal Jamaah*, terdapat dua sifat bagi *ahlu* atau pemeluknya, yaitu *as-Sunnah* dan *al-jamaah*. (Dhamiriyyah 1999). *Sunnah* bermakna segala yang datang dari Rasulullah SAW, baik perbuatan, perkataan, maupun *taqrir*. Maka, setiap orang yang berpegang teguh dengannya dapat disebut sebagai *Ahlu al-Sunnah*. Adapun makna *al-jamaah* secara etimologi adalah perkumpulan manusia. Sedang secara epistemologinya adalah *firqah* atau *thaifah* atau umat yang berkumpul dan terikat dengan sebuah *manhaj* dan sebuah tujuan. Mereka tidak terpecah belah dalam keyakinannya. (Iwaji, 2017).

Ahlu Sunnah wal Jamaah juga menyandarkan pemahamannya kepada pemahaman para sahabat dan para pengikutnya hingga hari kiamat. Selain terma *Ahlu Sunnah wal Jamaah*, terdapat terma lain yang digunakan sebagai penyebutan *firqah* ini, di antaranya: *assawad al-a`dzam*, *ma ana wa ashabi* dan *al-jamaah*. Penyebutan-penyebutan tersebut dapat diartikan semua umat Islam yang mengikuti jejak Rasulullah SAW dan sahabatnya RA yang merupakan mayoritas umat Islam setiap masa. (Rabbani, 2019).

Salah satu karakteristik *Ahlu Sunnah wal Jamaah* adalah *washatiyah* atau moderat. *Washatiyah* berarti bersikap adil dan seimbang di antara dua sisi, *ifrath* (berlebihan atau terlalu kencang dalam beragama) dan *tafrith* (meremehkan atau menganggap mudah dalam beragama) Mereka berpegang teguh pada al-Quran, Sunnah, dan apa yang telah menjadi konsensus para pendahulu. (Dhamiriyyah, 1999).

Dalam kitab *Lawami` al-Anwar al-Bahiyah wa Sawathi` al-Asrar al-Atsariyah* karya Syaikh Abu al-Aun as-Safarini al-Hanbali (w.1188H) disebutkan bahwa *Ahlu Sunnah wal Jamaah* terdiri dari 3 kelompok yaitu *al-Atsariyah* yang diimami oleh Ahmad bin Hanbal, *Al-Asy`ariyah* yang diimami oleh Abu Al-Hasan al-Asy`ari, dan *al-Maturidiyah* yang diimami oleh Abu Manshur Al-Maturidi. (al-Hanbali, 1982). Maka, setiap muslim yang berimam dengan tiga imam tersebut atau *bermanhaj* sesuai dengan *manhaj* mereka disebut *Ahlu Sunnah wal Jamaah*.

Pengertian Boikot dan Sejarahnya dalam Islam

Dalam KBBI, boikot berarti bersekongkol menolak untuk bekerja sama (berurusan dagang, berbicara, ikut serta, dan sebagainya). (*Kamus Besar Bahasa Indonesia (KBBI)*, 2020) Dalam bahasa Arab boikot bisa diartikan dengan *al-muqatha`ah* atau *al-hishar al-iqthisady*. Rouza Fakriza dan Ridwan Nurdin dalam “Pengaruh Religiusitas Terhadap Boikot dengan Loyalitas Merek sebagai Variabel Moderasi pada KFC Banda Aceh” mengutip Garrett (1987) yang mengatakan bahwa boikot adalah penolakan bersama untuk melakukan bisnis dengan orang atau perusahaan tertentu, untuk mendapatkan konsesi atau untuk mengeluh tentang tindakan atau praktik tertentu oleh orang atau perusahaan (Fakriza & Nurdin 2019). Boikot dilaksanakan oleh salah satu pihak yang merasa dicerca oleh pihak lainnya. Maka dapat disimpulkan dari pengertiannya, tujuan boikot adalah agar pihak yang diboikot menyadari kesalahan yang telah dilakukannya.

Kemudian pada prakteknya, boikot dapat dilakukan dalam skala kecil maupun besar. Contoh dalam skala kecil misalnya boikot antar pedagang, atau perusahaan. Sedang dalam skala besar misalnya boikot perdagangan antar negara. Dalam kajian muamalah Islam, pada dasarnya seorang muslim diperbolehkan bermuamalah kepada siapa saja termasuk dengan orang kafir. Muamalah tersebut disandarkan dari firman Allah surah Al-Mumtahanah, ayat 8:

لَا يَنْهَىٰكُمْ اللَّهُ عَنِ الَّذِينَ لَمْ يُقَاتِلُوكُمْ فِي الدِّينِ وَلَمْ يُخْرِجُوكُم مِّن دِيَارِكُمْ أَن تَبَرُّوهُمْ وَتُقْسِطُوا إِلَيْهِمْ ۗ إِنَّ اللَّهَ يُحِبُّ
الْمُقْسِطِينَ

Maksudnya: “Allah tidak melarang kamu berbuat baik dan berlaku adil terhadap orang-orang yang tidak memerangimu dalam urusan agama dan tidak mengusir kamu dari kampung halamanmu. Sesungguhnya Allah mencintai orang-orang yang berlaku adil.”

Merujuk dari hadist, Rasulullah SAW juga pernah membeli makanan dari seorang Yahudi sebagaimana diriwayatkan Aisyah RA:

عَنْ عَائِشَةَ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهَا أَنَّ النَّبِيَّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ اشْتَرَى مِنْ يَهُودِيٍّ طَعَامًا إِلَى أَجَلٍ وَرَهْنَهُ دِرْعَهُ.

Daripada Aisyah RA bahwa Nabi SAW membeli makanan daripada orang Yahudi yang akan dibayar beliau pada waktu tertentu di kemudian hari, dan beliau menjaminkannya (gadai) dengan baju besi. (Riwayat Bukhari)

Maka, dari kedua-dua dalil di atas, dapat ditarik kesimpulan bahwa melakukan kegiatan perekonomian dan perdagangan dengan kaum kafir adalah diperbolehkan kecuali jika mereka memerangi Islam. Dalam surah Al-Mumtahanah ayat 8 sendiri ditegaskan beberapa syarat dalam melakukan hubungan dengan kaum kafir yaitu:

- i. Selama kaum kafir tidak memerangi umat muslim dalam urusan agama;
- ii. Kaum kafir tidak mengusir umat muslim dari tempat tinggalnya.

Sejarah Islam telah mencatat bahwa kejadian pemboikotan pernah dilakukan oleh sahabat Thumamah bin Atsal RA sebagai salah satu bentuk pembelaan terhadap Islam. Sebagaimana diriwayatkan, Thumamah RA adalah seorang penguasa di Yamamah yang awalnya belum masuk Islam dan membenci Rasulullah SAW serta pernah berniat untuk membunuh beliau. Dikisahkan pada suatu hari ia hendak melaksanakan umroh ke Makkah dan akan mempersembahkannya untuk sesembahan berhala di sekitar Kaabah. Namun ketika sampai di Madinah, dia ditawan oleh sahabat dan diikat di salah satu tiang di masjid Nabawi. Setelah mendapat laporan akan adanya seorang tawanan, Rasulullah SAW beranjak menemuinya dan mengetahui bahwa tawanan tersebut adalah Thumamah, seorang penguasa di Yamamah. Selama masa tawannya, Thumamah RA diperlakukan begitu baik oleh Rasulullah SAW hingga membuatnya kagum terhadap Rasulullah SAW dan memutuskan untuk masuk Islam. (Al-Asqolani, 2011)

Setelah masuk Islam, Thumamah RA meminta izin kepada Rasulullah SAW untuk melanjutkan perjalanannya untuk berumroh ke

Mekkah. Rasulullah SAW memberikan izin untuk umrah dan mengajarnya untuk berumroh sesuai dengan syariat Islam. Pada saat sampai di Makkah, Thumamah RA bertalbiyah hingga membuat geger kafir Quraisy di Makkah ketika itu. Thumamah sebagai penguasa Yamamah, sebelumnya telah memiliki hubungan perdagangan dengan kaum Quraisy Makkah. Setelah menyelesaikan umrohnya, ia menyerukan untuk memboikot pengiriman gandum kepada kaum Quraisy di Makkah hingga mereka beriman kepada Allah dan Nabi Muhammad SAW. Boikot yang dilancarkan oleh Thumamah RA terbukti menyulitkan kehidupan kafir Quraisy di Makkah hingga mereka menyurati Rasulullah SAW agar memerintahkan Thumamah RA menghentikan boikotnya. (Al-Asqolani, 2011).

Boikot Sebagai Respon Pelecehan Nabi Muhammad

Sebagaimana dijamin pada pasal 18 dalam Kovenan Internasional PBB tentang Hak-Hak Sipil dan Politik, setiap manusia di dunia ini berhak untuk meyakini keyakinan yang diyakininya. (Rights, 2020). Islam sebagai salah satu agama di muka bumi ini, telah menjadi agama terbesar kedua. Menurut lembaga survey PEW Research Center, persentase pemeluk Islam pada tahun 2015 adalah 24,1% dari penduduk bumi atau setara dengan 1,8 miliar manusia. (Hacket & McClendon, 2017). Maka berdasarkan fakta yang ada, fenomena karikatur satire yang diperlihatkan oleh Samuel Paty dan majalah Perancis Charlie Hebdo telah melukai 1,8 miliar manusia penduduk bumi ini. Terlebih hal tersebut juga melanggar konvenan internasional PBB terkait kebebasan dalam berkeyakinan.

Dalam agama Islam, menggambar karikatur Nabi merupakan salah satu bentuk pelecehan terhadap agama. Di Indonesia sendiri, MUI dalam Keputusan Rapat Kerja Majelis Ulama Indonesia tanggal 24 Rajab 1396 H/21 Juli 1976 M tentang film *The Message* jelas menyatakan keharaman penggambaran Nabi dalam bentuk apapun. Pengharaman tersebut juga sudah menjadi *ijma` sukuti* ulama muslim sedunia (MUI 1988). Tak cukup pada kasus karikatur, pernyataan yang diungkapkan Presiden Emmanuel Macron yang justru malah melindungi sang pembuat karikatur juga semakin mengobarkan api kemarahan umat Islam.

Dalam Islam penghormatan kepada Baginda Nabi adalah bahagian dari keimanan seorang muslim sebagaimana diriwayatkan dalam sebuah hadist:

قَالَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ: لَا يُؤْمِنُ أَحَدُكُمْ حَتَّىٰ أَكُونَ أَحَبَّ إِلَيْهِ مِنْ
وَلَدِهِ وَوَالِدِهِ وَالنَّاسِ أَجْمَعِينَ

Rasulullah SAW bersabda, “Tidak seorang pun di antara kalian beriman (dengan iman yang sempurna) sampai aku (Nabi Muhammad SAW) lebih dicintainya daripada anaknya, orangtuanya, dan seluruh umat manusia.” (Riwayat Muslim)

Dalam menunjukkan ekspresi kecintaan dan pembelaan kepada *kanjeng* Nabi, seorang muslim sudah selayaknya menunjukkannya dengan cara yang baik, tidak menimbulkan kekerasan, dan tetap memperhatikan kemaslahatan umat. Selain itu, pengekspresian yang tidak anarkis juga merupakan sarana dakwah Islam sebagai agama yang lemah lembut *rahmatan lil `alamin*. Dalam surah Al-An`am ayat 108, Allah berfirman:

وَلَا تَسُبُّوا الَّذِينَ يَدْعُونَ مِنْ دُونِ اللَّهِ فَيَسُبُّوا اللَّهَ فَيَسُبُّوا اللَّهَ عَدْوًا بِغَيْرِ عِلْمٍ كَذَلِكَ زَيَّنَّا لِكُلِّ أُمَّةٍ عَمَلَهُمْ ثُمَّ إِلَىٰ رَبِّهِمْ مَرْجِعُهُمْ فَيُنَبِّئُهُمْ بِمَا كَانُوا يَعْمَلُونَ

Maksudnya: “Dan janganlah kamu memaki sesembahan yang mereka sembah selain Allah, karena mereka nanti akan memaki Allah dengan melampaui batas tanpa dasar pengetahuan. Demikianlah, Kami jadikan setiap umat menganggap baik pekerjaan mereka. Kemudian kepada Tuhan tempat kembali mereka, lalu Dia akan memberitahukan kepada mereka apa yang telah mereka kerjakan.”

Dalam ayat tersebut, Allah melarang umat muslim untuk mengejek sesembahan kaum musyrikin agar mereka tidak balik memperolokan Allah SWT. Artinya, ketika seorang muslim melakukan pembelaan terhadap keyakinan dan junjungannya, ia dilarang untuk menggunakan *uslub* yang anarkis dan melakukan aksi terorisme. Demikian supaya tidak terjadi rusaknya citra Islam dengan penisbatan tindak terorisme tersebut kepada Islam sebagaimana para musyrik menjelekkan Allah tanpa ilmu.

Dalam tafsirnya, Imam Sya`rawy mengatakan terkait ayat tersebut bahwasanya ayat tersebut mengajarkan bagaimana cara berdakwah dengan lemah lembut. Beliau mengumpakan ketika ada seorang pembeli ingin membeli sebuah barang dari seorang penjual, namun sikap penjual tersebut justru tidak baik kepada si pembeli, maka akibat buruknya sikap sang penjual, pembeli justru akan membatalkan pembelian dari penjual

tersebut meskipun barang yang dijualnya memiliki kualitas yang bagus dan memilih untuk mencari penjual yang lain. (al-Sya`rawy, 1991).

Ketika menyikapi penistaan-penistaan yang terjadi, umat Islam dituntut untuk bijak dalam meresponnya. Anarkisme dalam merespon penistaan yang terjadi, dipandang tidak layak karena dapat merusak citra umat Islam pada saat ini. Umat Islam patut mencontoh apa yang telah dilakukan oleh Thumamah RA. Dari kisah boikot yang dilakukan oleh Thumamah RA, dapat diambil pelajaran bahwa boikot perdagangan merupakan salah satu cara yang sah dalam Islam untuk melawan kaum non-muslim yang melakukan perlawanan terhadap umat muslim. Boikot merupakan salah satu bentuk untuk berjihad dengan harta sebagaimana diintisarikan dari sabda Nabi yang diriwayatkan Abu Dawud dengan *isnad* yang shohih:

عن أنس رضي الله عنه أن النبي صلى الله عليه وسلم قال: "جاهدوا المشركين بأموالكم وأنفسكم وألسنتكم"

Dari Anas RA, Rasulullah SAW bersabda, "Berjihadlah kalian melawan kaum musyrikin dengan harta, diri, dan lisan kalian."

Perspektif Ahlu Sunnah Terhadap Seruan Boikot

Dalam *Ahlu Sunnah wal Jamaah* patuh pada *ulil amri* merupakan hal yang wajib. Dalil-dalil taat kepada pemimpin yang digunakan baik dari al-Quran dan hadits oleh *Ahlu Sunnah wal Jamaah* antara lain:

يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا أَطِيعُوا اللَّهَ وَأَطِيعُوا الرَّسُولَ وَأُولِي الْأَمْرِ مِنْكُمْ فَإِن تَنَزَعْتُمْ فِي شَيْءٍ فَرُدُّوهُ إِلَى اللَّهِ وَالرَّسُولِ إِن كُنتُمْ تُؤْمِنُونَ بِاللَّهِ وَالْيَوْمِ الْآخِرِ ۚ ذَلِكَ خَيْرٌ وَأَحْسَنُ تَأْوِيلًا

Maksudnya: "Hai orang-orang yang beriman, taatilah Allah dan taatilah Rasul (Nya), dan ulil amri di antara kamu. Kemudian jika kamu berlainan pendapat tentang sesuatu, maka kembalikanlah ia kepada Allah (al-Quran) dan Rasul (sunnahnya), jika kamu benar-benar beriman kepada Allah dan hari kemudian. Yang demikian itu lebih utama (bagimu) dan lebih baik akibatnya." (Al-Nisa: 59)

وعن أبي هريرة رضي الله عنه قال: قال رسول الله صلى الله عليه وسلم: "مَنْ أَطَاعَنِي فَقَدْ أَطَاعَ اللَّهَ، وَمَنْ عَصَانِي فَقَدْ عَصَى اللَّهَ، وَمَنْ يُطِيعِ الْأَمِيرَ فَقَدْ أَطَاعَنِي، وَمَنْ يَعْصِ الْأَمِيرَ فَقَدْ عَصَانِي"

Daripada Abu Hurairah RA, Rasulullah SAW bersabda, “Barang siapa yang taat kepadaku berarti ia telah taat kepada Allah dan barangsiapa yang durhaka kepadaku berarti ia telah durhaka kepada Allah, barang siapa yang taat kepada amirku (yang muslim) maka ia taat kepadaku dan barang siapa yang maksiat kepada amirku, maka ia maksiat kepadaku.”

Imam al-Qadhi Ali bin Muhammad ad-Dimasyqi (w. 792H) dalam kitab *Syarh Aqidah Thahawiyah* menyebutkan bahwa berdasarkan dalil-dalil di atas, maka hukumnya adalah wajib bagi seorang muslim untuk menaati peraturan ulil amri selagi tidak memerintahkan untuk berbuat kemaksiatan. (al-Dimasyqi, 2015). Senada dengan ad-Dimasyqi, al-Imam Nawawi (w.676H) ketika menjelaskan makna hadist di atas juga berpendapat akan wajibnya taat kepada pemerintah selama tidak memerintahkan kepada kemaksiatan. (An-Nawawi, 2010).

Adapun tentang siapakah *wali amr*, beberapa ulama menyebutkan pendapat terkait siapakah *wali amr*. Al-Imam Ibnu Jarir al-Thabari *rahimahumallah* (w.310H) menyebutkan beberapa pendapat terkait ulil amr dalam tafsir ayat 59 dari surat An-Nisa. Beliau menyebutkan bahwa Ibnu Abbas dan beberapa ulama lainnya berpendapat ulil amr adalah *fuqoha* (ahli fiqih) dan *ahlu din* (agama). Sebagian juga berpendapat bahwa ulil amr adalah *ulul aql* dan *ilmi*. Namun pada akhirnya Ibnu Jarir al-Thabari menyatakan bahwa, “Pendapat yang paling benar terkait siapakah *ulil amri*, mereka adalah para *umara* dan pemimpin, disebabkan kebenaran berita dari Rasulullah agar taat kepada para imam dan pemimpin dalam hal yang dituntut ketaatan di dalamnya dan bermaslahat bagi kaum muslimin.” (Al-Thabari, 2003).

Dari pendapat al-Thabari terkait *ulil amr*, maka dalam konteks kasus boikot, ulil amr yang dimaksud peneliti adalah sebagaimana yang dimaksud Al-Thabari, yaitu pemerintah. Kemudian terkait dengan aksi boikot, dengan merujuk dari dalil-dalil di atas, maka para penyeru aksi boikot hendaknya tidak *overlap* dalam menyuarakan seruannya. Sebagai implementasi ketaatan kepada *ulil amri*, para penyeru boikot hendaknya dapat melakukan musyawarah dan bekerjasama dengan *ulil amri* atau pemerintah terkait aksi tersebut. Pemerintah sebagai pemegang otoritas dan pelaksana kerja sama dagang dengan Perancis memiliki peranan penting dalam pemboikotan ini. Hal ini dikarenakan juga hanya kapasitas pemerintah yang mampu menjalankan secara maksimal aksi

boikot ini. Selain itu, pemerintah juga lebih mengetahui kemaslahatan dan konsekuensi yang akan dialami para pelaku usaha lokal yang terkait dengan produk Perancis.

Kesimpulan

Dari pemaparan masalah di atas, maka dapat disimpulkan bahwa:

1. Respon *Ahlu Sunnah wal Jamaah* dalam menghadapi pelecehan haruslah dilakukan dengan *laa ifrath wa la tafrih* yaitu dengan tetap meyakini kasus yang terjadi merupakan tindak pelecehan terhadap agama dan dengan mekspresikan pembelaannya dengan cara yang baik, dan tidak anarkis.
2. Boikot merupakan salah satu cara yang pernah dicontohkan untuk membela Islam oleh sahabat Thumamah RA dan diketahui oleh Rasulullah SAW. Dengan demikian, boikot merupakan cara yang non-anarkis, sah dan diakui oleh Islam.
3. Pelaksanaan boikot hendaknya dilakukan dengan tetap menjaga kemaslahatan bersama. Pada pelaksanaannya, seorang muslim *Ahlu Sunnah wal Jamaah* harus mengikuti apa yang diinstruksikan oleh pemerintah selaku *ulil amri* karena merekalah yang mengetahui kemaslahatan warga negaranya.

Rujukan

- Al-Asqolani, A.-H. A. bin A. bin H. 2011. *Fathu Al-Baari bi Syarhi Shohih Al-Bukhori*. Dar Thaibah.
- Al-Dimasyqy, A.-I. A.-Q. A. bin A. bin M. bin A. A.-'Izz. 2015. *Syarh Al-Aqidah Al-Thahawiyah*. Resalah Publisher.
- Al-Sya`rawy, M. M. 1991. *Tafsir Sya`rawi Khawatiri Haula Al-Quran Al-Karim*. Akhbar Al-Youm.
- Al-Thabari, A. J. M. bin J. 2003. *Tafsir Al-Thabari Jami` Al-Bayaan an Ta`wil Aay Al-Qur`an*. Dar Hijr.
- Al-Hanbali, A. A.-A. A.-S. 1982. *Lawami` Al-Anwar Al-Bahiyah wa Sawathi` Al-Asrar Al-Atsariyah*. Muassasatu Al-Khafiqin wa Maktabatuha.
- An-Nawawi, A.-I. M. A. Z. Y. bin S. 2010. *Al-Minhaj Syarh Shohih Muslim bin Al-Hajjaj*. Dar Al-Faiha.
- Dhamiriyah, U. J. 1999. *Madkhal Lidasati Al-Aqidah Al-Islamiyyah*. Maktabtu Al-Sawadi Li At-Tawzi.
- Fakriza, R., & Nurdin, R. 2019. Pengaruh religiusitas terhadap boikot dengan loyalitas merek sebagai variabel moderasi pada KFC Banda Aceh. *Jurnal Ilmiah Mahasiswa Ekonomi*. 4(1): 206–216. <http://www.jim.unsyiah.ac.id/EKM/article/view/9068>
- Hacket, C., & McClendon, D. 2017. *Christians remain world's largest religious group, but they are declining in Europe*. <https://www.pewresearch.org/fact-tank/2017/04/05/christians-remain-worlds-largest-religious-group-but-they-are-declining-in-europe/>

- Iwaji, G. 2017. *Firqah Mu'ashirah Tansibu ila Al-Islam wa Bayan Mauqifi Al-Islam minha*. Al-Daar Al-Ashriyah.
- Kamus Besar Bahasa Indonesia*. 2020. <https://kbbi.web.id/boikot>
- Majlis Ulama Indonesia. 1988. *Hukum Memerankan Nabi/Rasul dan Orang Suci dalam Film*. <http://mui.or.id/wp-content/uploads/files/fatwa/12.-Hukum-Memerankan-Nabi-Rasul-dan-Orang-Suci-Dalam-Film.pdf>
- Rabbani, M. I. 2019. Tauhid Ahlussunnah wal Jama'ah; antara Imam al-Asyari dan Ibn Taymiyyah. *Tasfiyah*. 3(1): 1. <https://doi.org/10.21111/tasfiyah.v3i1.2979>
- Rights, U. N. H. 2020. *International standards on freedom of religion or belief*. <https://www.ohchr.org/en/issues/freedomreligion/pages/standards.aspx>
- Rozali, M. 2020. *Metodologi Studi Islam Dalam Perspectives Multydisiplin Keilmuan*. PT Rajawali Buana Pusaka.
- Siti Zulaiha. 2017. Pendekatan metodologis dan teologis bagi pengembangan dan peningkatan kualitas guru MI. *Ar-Riyah : Jurnal Pendidikan Dasar*. 1(01): 45–64.

PERANAN WANITA DALAM MASYARAKAT MENURUT PERSPEKTIF TUAN GURU DATO' SERI HAJI ABDUL HADI BIN AWANG

Najah Nadiah Amran
Pusat Kajian al-Quran dan al-Sunnah
Fakulti Pengajian Islam UKM
najah@ukm.edu.my

Abstrak

Suatu ketika dahulu kaum wanita dikongkong dan disekat untuk berperanan secara aktif dalam lapangan masyarakat. Ini disebabkan oleh tradisi dan pegangan segelintir masyarakat yang menganggap mereka sebagai kelas kedua. Namun dengan pengutusan Nabi Muhammad SAW, martabat dan peranan wanita diiktiraf. Kertas kerja ini bertujuan meninjau pendirian seorang tokoh gerakan Islam dan pemimpin politik Malaysia mengenai peranan dan fungsi wanita dalam masyarakat. Tokoh tersebut ialah Tuan Guru Dato' Seri Haji Abdul Hadi bin Awang (TGHHA). Rekabentuk kajian adalah secara kualitatif melalui kajian ke atas dokumen iaitu teks ucapan dasar beliau sebagai Presiden PAS. Analisis kandungan digunakan bagi mengkategorikan dan menghuraikan peranan wanita yang dikutip dari petikan teks tersebut. Dengan menggunakan kerangka wahyu dan teori sosiologi, pengkaji menyenaraikan sembilan peranan khusus kaum wanita dari perspektif tokoh. Peranan wanita tersebut didapati selari dengan pedoman wahyu dan berguna bagi golongan wanita khususnya Muslimat PAS bagi membuat pelan tindakan. Kajian mencadangkan agar pendirian tokoh dikaji dengan lebih komprehensif dengan meninjau ucapan, tulisan, tafsiran serta kandungan ceramah dan pidato beliau dalam acara dan majlis rasmi yang lain.

Katakunci: Abdul Hadi Awang, Dewan Muslimat, Wanita, Ucapan Dasar

Pendahuluan

Sejarah mencatatkan bahawa golongan wanita mengalami kesukaran dan kongkongan dalam kehidupan. Contohnya mereka dipandang sebagai golongan kelas kedua, objek perhiasan, boleh diwarisi oleh ahli keluarga lelaki dan tidak dibenarkan belajar dalam sistem pendidikan formal. (Rosma Shafira, 2018). Teori barat berkaitan dengan peranan sosial dan gender menjelaskan bahawa segelintir masyarakat beranggapan bahawa terdapat perbezaan dari aspek fizikal, tingkahlaku dan tindakan antara seorang individu yang berlainan jantina yang menyebabkan kedudukan dan peranan mereka menjadi berbeza. (Eagly, Wood & Diekman, 2000; Wood & Eagle, 2002; Blackstone, 2003). Hasilnya, mereka berpandangan tugas dan peranan wanita dan lelaki dalam unit keluarga, masyarakat ataupun institusi berbeza. Oleh itu terdapat keputusan dan keadaan

tertentu di mana mereka menghalang golongan wanita mempertingkatkan kebolehan dan potensi, menetapkan kadar upah berbeza mengikut jantina dan menyekat wanita untuk kenaikan pangkat atau terajui kepimpinan.

Bagaimanakah Islam mengiktiraf peranan wanita? Sejauh manakah mereka berperanan dalam masyarakat? Apakah fungsi mereka? Objektif artikel ini untuk meninjau pendirian seorang tokoh gerakan Islam di Malaysia mengenai peranan dan bentuk-bentuk peranan wanita dalam masyarakat. Tokoh yang dipilih ialah YAB Tuan Guru Dato' Seri Haji Abdul Hadi bin Awang iaitu Presiden Parti Islam Se-Malaysia.

TGHHA dilahirkan pada 20 Oktober 1947 di Kampung Rusila, Terengganu. Beliau dibesarkan oleh keluarga yang aktif dalam penglibatan dakwah, masyarakat dan politik. Beliau mendapat pendidikan di Terengganu dan di Timur Tengah iaitu di Universiti Madinah pada tahun 1969 dan Universiti al-Azhar pada tahun 1974. Sekembalinya beliau ke Malaysia pada tahun 1976, beliau aktif sebagai pemimpin pemuda PAS (1977) dan pemimpin ABIM Terengganu (1977-1978). Beliau bertanding dalam pilihanraya pada tahun 1978. Dalam PAS, beliau dilantik sebagai Naib Presiden pada tahun 1983, Timbalan Presiden Pas pada tahun 1989 dan seterusnya sebagai Presiden pada tahun 2002.

Kajian mengenai pemikiran dan pendirian beliau terhadap peranan dan fungsi wanita dalam masyarakat penting kerana beliau merupakan pemimpin utama bagi gerakan dakwah dan politik di peringkat nasional. Secara khususnya, kaum wanita atau Muslimat merupakan pendukung dan pengundi kepada Parti tersebut. Kajian ini berbentuk analisis dokumen dengan menumpukan kepada himpunan teks ucapan dasar beliau sebagai presiden PAS dari tahun 2009 sehingga 2020. Sumber teks ucapan tersebut dimuat-turun dari [<http://muktamar.pas.org.my/category/ucapan-dasarucaptama/>] laman sesawang rasmi Muktamar PAS. Tumpuan dan analisis kandungan dilakukan pada petikan teks yang menyentuh tentang peranan wanita secara umum dan Muslimat PAS secara khusus. Teks disalin secara verbatim, disusun dan disaring dengan tema bersesuaian dalam bentuk jadual. Kerangka wahyu dan Teori sosiologi yang berkaitan peranan wanita digunakan bagi menonjolkan pendirian tokoh.

Kerangka Wahyu dalam Menjelaskan Peranan Wanita dalam Masyarakat

Islam mengiktiraf golongan lelaki dan perempuan sebagai makhluk Allah yang menerima tanggungjawab, perintah dan balasan dosa dan pahala yang setimpal dengan setiap perbuatan. Wanita mempunyai peranan yang

sama seperti lelaki dalam melaksanakan tuntutan beragama dan beribadat. Oleh itu, sesiapa jua boleh melakukan perkara-perkara bermanfaat baik kepada diri, keluarga dan masyarakat. Selain itu wanita mempunyai taklif yang sama dalam perkara mengajak orang lain kepada kebaikan dan menolak kemungkaran. Antara sumber wahyu yang menjadi kerangka dalam kertas kerja seperti berikut:

- a. Lelaki dan perempuan yang beramal soleh mendapat ganjaran daripada Allah.
“Sesiapa yang beramal solih dari kalangan lelaki dan perempuan dan dia beriman sesungguhnya kami akan menghidupkannya dalam kehidupan yang selesa dan baik, kami balas amalan mereka dengan ganjaran yang baik di atas apa yang mereka lakukan.” (Al-Nahl: 97).
- b. Lelaki dan wanita berpeluang melakukan ketaatan.
“Sesungguhnya lelaki-lelaki Islam serta wanita-wanita Islam, lelaki-lelaki yang beriman serta wanita-wanita yang beriman, lelaki-lelaki yang taat serta wanita-wanita yang taat, lelaki-lelaki yang benar serta wanita-wanita yang benar, lelaki-lelaki yang sabar serta wanita-wanita yang sabar, lelaki-lelaki yang merendah diri (kepada Allah) serta wanita-wanita yang merendah diri (kepada Allah), lelaki-lelaki yang bersedekah serta wanita-wanita yang bersedekah, lelaki-lelaki yang berpuasa serta wanita-wanita yang berpuasa, lelaki-lelaki yang memelihara kehormatannya serta wanita-wanita yang memelihara kehormatannya dan lelaki-lelaki yang banyak menyebut nama Allah serta wanita-wanita yang banyak menyebut nama Allah, Allah telah menyediakan bagi mereka keampunan dan pahala yang besar.” (Al-Ahzab: 35)
- c. Lelaki dan wanita saling bergandingan dalam amar makruf nahi mungkar.
“Orang beriman lelaki dan wanita, mereka adalah saling menjadi penolong, mereka saling menyuruh melakukan kebaikan dan saling menegah kemungkaran. Mereka mendirikan sembahyang dan mengeluarkan zakat, serta taat kepada Allah dan Rasul-Nya. Mereka itu akan diberi rahmat oleh Allah, Sesungguhnya Allah Maha Kuasa lagi Maha Bijaksana.” (Al-Tawbah: 71)

- d. Cita-cita dan wawasan wanita mendapat perhatian Allah.
“(Ingatlah) ketika isteri Imran berkata, ‘Tuhanku! Sesungguhnya aku nazarkan kepada-Mu anak yang ada dalam kandunganku sebagai seorang yang bebas (dari segala urusan dunia untuk berkhidmat kepada-Mu semata-mata), maka terimalah nazarku; sesungguhnya Engkaulah Yang Maha Mendengar, lagi Maha Mengetahui.’” (Ali ‘Imran: 35)
- e. Wanita harus mengambil tanggungjawab bekerja dan berkhidmat di lapangan.
“Dan ketika beliau (Nabi Musa) sampai di telaga air negeri Madyan, beliau dapati di situ sekumpulan orang-orang lelaki sedang memberi minum (binatang ternak masing-masing) dan beliau juga dapati di sebelah mereka dua perempuan yang sedang menahan kambing-kambingnya. Beliau bertanya: ‘Apa yang kalian berdua sedang lakukan?’ Mereka menjawab: ‘Kami tidak memberi minum (kambing kami) sehingga pengembala-pengembala itu membawa balik binatang ternak mereka; dan bapa kami sudah tua.’” (Al-Qasas: 23)
- f. Wanita berkemampuan memimpin masyarakat dan negara
“Raja perempuan itu berkata, ‘Wahai para pembesar! Berilah pertimbangan dalam perkaraku (ini); aku tidak pernah memutuskan sesuatu perkara sebelum kamu hadir memberi pendapat dan mempersetujuinya.’ Mereka menjawab, ‘Kita memiliki kekuatan dan keberanian yang luar biasa (untuk berperang) tetapi keputusan berada di tanganmu; maka pertimbangkanlah apa yang akan engkau perintahkan.’” (Al-Naml: 32, 33)
- g. Wanita menjadi contoh teladan masyarakat.
“Dan Allah membuat perbandingan kepada kaum yang beriman iaitu isteri Fir’aun yang berkata: Tuhanku binakan untukku sebuah rumah di syurga biarlah aku bersama-Mu dan selamatkan aku daripada kejahatan Firaun dan golongan yang zalim. Dan juga Maryam binti Imran seorang wanita suci yang kami tiupkan ruh ke dalam rahimnya tetapi dia tetap membenarkan ayat-ayat Allah dan kitab-kitab-Nya dan dia termasuk di kalangan wanita yang sentiasa berasa cukup dengan apa yang ada.” (Al-Tahrim: 11-12)

- h. Setiap lelaki dan wanita bertanggungjawab
 “Dari Abdullah Ibnu Umar RA dari Nabi SAW, bahawa baginda bersabda, ‘Ketahuilah, setiap kalian adalah pemimpin, dan setiap kalian bertanggung jawab atas apa yang dipimpinya. Seorang pemimpin yang memimpin rakyat akan bertanggung jawab atas rakyatnya, seorang laki-laki adalah pemimpin atas keluarganya, dan dia bertanggungjawab atas mereka semua, seorang wanita juga pemimpin atas rumah suaminya dan anak-anaknya, dan dia bertanggung jawab atas mereka semua, seorang hamba adalah pemimpin atas harta tuannya, dan dia bertanggung jawab atas harta tersebut. Setiap kalian adalah pemimpin dan akan bertanggung jawab atas kepemimpinannya.” (Muslim, Hadith No: 3408)

- i. Wanita terlibat sebagai petugas di barisan hadapan
 Sebuah hadis yang diriwayatkan oleh Rubai’ binti Muawwiz mengisahkan penglibatan mereka:
 Daripada Rubai’ binti Muawwiz berkata bahawa kami telah bersama Rasulullah SAW terlibat dalam peperangan dengan tugas menyediakan minuman, merawat tentera yang cedera dan membawa pulang jenazah mereka ke Madinah. (Bukhari, Hadith No: 2882)

- j. Islam mengiktiraf kedudukan wanita sebagai ibu
 Abu Hurayrah RA melaporkan, “Seseorang datang kepada Rasulullah SAW seraya berkata, ‘Wahai Rasulullah, siapakah insan yang paling berhak untuk aku berbakti?’ Nabi SAW menjawab, ‘Ibumu!’ Orang tersebut (kembali) bertanya, ‘Kemudian siapa?’ Nabi SAW menjawab, ‘Ibumu!’ Orang tersebut bertanya (lagi), ‘Kemudian siapa pula?’ Baginda menjawab, ‘Ibumu.’ Orang tersebut bertanya (kembali), ‘Kemudian siapa lagi?’ Nabi SAW menjawab, ‘Kemudian ayahmu.” (Bukhari, Hadith No. 5971)

Wanita yang menjadi contoh dari al-Quran dan hadis menunjukkan bahawa mereka terlibat secara langsung di medan sosial seperti bekerja menyara keluarga (Puteri Nabi Syuaib), khidmat masyarakat (Maryam), kepimpinan negara (Balqis), pertahanan negara (Rubai binti Muawwiz). Berdasarkan sumber al-Quran dan hadis di atas, jelaslah bahawa wanita diiktiraf sebagai hamba Allah yang mulia dan diberikan tanggungjawab, peluang dan kebenaran untuk memberikan sumbangan dan melaksanakan peranan masing-masing dalam lapangan masyarakat.

Kepelbagaian Teori dalam Memahami Peranan Wanita dalam Masyarakat

Peranan merujuk kepada tugas atau pekerjaan yang dilakukan oleh seseorang bagi menjayakan sesuatu (*Kamus Dewan*). Tugas pula bermaksud kewajipan sesuatu kerja atau tanggungjawab yang mesti atau perlu dilaksanakan sama ada ia dari arahan atau perintah pihak yang lebih berautoriti atau kesedaran sendiri. Dalam kajian berkaitan peranan individu tertentu dalam masyarakat, pengkaji lepas sering merujuk kepada beberapa teori dalam sosiologi yang berkaitan tingkahlaku dan peranan sosial tertentu. Teori ialah satu set idea yang saling berkaitan dalam menghuraikan satu fenomena. Ia diperolehi dari satu proses menfomulasi secara sistematik. Antara teori tersebut adalah teori struktural fungsional, teori konflik, teori pertukaran sosial, teori feminis, teori ekologi, teori sistem dan teori perkembangan. (Fatimah, 2018).

Pengkaji dalam bidang Pengajian Islam pula merujuk ayat-ayat al-Quran, hadith Nabi Muhammad dan pandangan sarjana dan pemikir Muslim sebagai landasan teori. Contohnya, untuk memahami mengenai sesuatu isu yang berlaku, mereka merujuk kepada ayat tertentu dalam al-Quran dan meninjau pandangan *mufassir*. Analisis terhadap dapatan kajian diterangkan berpandukan keterangan ayat. Contohnya dalam kajian peranan guru al-Quran wanita (Rosma Shafira, 2018), isu aurat wanita Islam daripada perspektif golongan Liberal dan belia Muslim (Anis Sakinah, 2018) dan kajian tentang kesan ikhtilaf kepada kesejahteraan keluarga (Nurulain Mazelan, 2019) menjadikan ayat al-Quran, hadith, pandangan tokoh serta teori-teori sosiologi bagi memahami peranan, faktor dan kesan kepada sampel kajian. Hasilnya, pengkaji-pengkaji dapat memahami hal atau isu berkaitan dalam ruang lingkup kajian, masyarakat dan kaitannya dengan perkembangan dan persekitaran.

Teori pertama yang ingin disentuh dalam kertas kerja ini untuk memahami peranan wanita dalam masyarakat ialah teori struktural fungsional atau teori fungsionalisme. Teori ini menghuraikan bahawa setiap individu dalam keluarga, masyarakat, organisasi mempunyai fungsi tertentu. Setiap unit dalam keluarga dan masyarakat dan oragnaisasi tersebut mempunyai pengaruh dan saling mempengaruhi. (Fatimah, 2018). Teori struktural fungsional boleh digunakan untuk memahami fungsi atau tugas tertentu wanita dalam masyarakat serta meninjau sejauh manakah ada hubungan atau pengaruh tertentu yang mempengaruhi mereka dalam melaksanaan tanggungjawab dalam keluarga atau masyarakat. Andaian

asas bagi teori ini adalah setiap unit sama ada dalam keluarga, masyarakat, institusi terbina dari bahagian yang saling berinteraksi serta secocok untuk bekerjasama bagi menjalankan tugas serta setiap bahagian saling mempertahankan kewujudan dan keseimbangan. (Fatimah, 2018). Teori ini berguna untuk menganalisis pendirian TGHHA yang menjelaskan tentang fungsi dan bentuk kerjasama dan sumbangan kaum wanita dalam PAS secara khusus dan masyarakat umumnya.

Secara tradisi, peranan wanita dilihat dari pelaksanaan fungsi atau peranan ekspresif dalam rumah seperti mengasuh dan menjaga keluarga, manakala peranan lelaki dipandang dari pelaksanaan dan penglibatan mereka dalam pekerjaan luar rumah. Fungsi di sini ditinjau dari aspek sumbangan iaitu sama ada ia positif atau negatif. (Eagly, 1987; Ridgeway, 2001; Fatimah, 2018). Dalam teks ucapan dasar TGHHA, terdapat kenyataan berkaitan fungsi dan peranan ekspresif wanita dalam membentuk dan mendidik generasi. Kestabilan dan kesejahteraan dalam masyarakat bergantung kepada keupayaan setiap keluarga menjalankan fungsi dan sumbangan masing-masing.

Teori kedua pula adalah teori konflik. Teori ini digunakan untuk memahami konflik dalam sesuatu perhubungan yang tidak dapat dielakkan contohnya apabila berlaku persaingan untuk berkuasa, menguasai atau ingin mendapatkan sumber-sumber tertentu. (Fatimah, 2018). Asas teori ini adalah dari sifat tabii manusia yang suka bersaing. Oleh itu, dalam menganalisis sesuatu keadaan dalam perhubungan sosial, teori konflik digunakan sebagai alat untuk memahami perubahan yang terjadi ataupun sikap tidak bekerjasama serta tingkahlaku-tingkah laku tertentu yang dipamerkan. Kerangka teori ini boleh digunakan untuk meninjau usaha Muslimat PAS bersaing meraih kepercayaan masyarakat. Khususnya apabila agenda dakwah dan perubahan yang dibawakan mempunyai perbezaan dengan pendekatan dan pendirian pihak-pihak lain.

Teori ketiga adalah Teori Pertukaran Sosial. Teori ini menghuraikan peranan dan perlakuan seseorang individu berdasarkan hasil. Ini kerana kebiasaannya dalam perhubungan keluarga, organisasi atau sosial, seseorang individu akan berusaha memaksimumkan faedah dan meminimalkan kerugian. (Fatimah, 2018). Kerangka teori ini berguna untuk memahami faedah-faedah yang diperolehi oleh masyarakat dan PAS hasil dari usaha dan peranan yang dimainkan oleh wanita umumnya dan Muslimat PAS khususnya.

Teori keempat untuk memahami peranan wanita boleh menggunakan Teori Sistem contohnya Teori Sistem Keluarga. Teori Sistem Keluarga meninjau individu dalam keluarga sebagai satu sistem atau bahagian tertentu yang saling berhubung dan berfungsi untuk mempertahankan unit keluarga atau dalam konteks yang lebih besar teori Sistem Masyarakat di mana setiap keluarga saling berhubung dan berperanan untuk mempertahankan dan menjaga kesejahteraan masyarakat. (Fatimah, 2018). Dalam teori sistem, apabila satu bahagian atau unit-unit tertentu dalam sistem tersebut tidak berfungsi atau gagal berfungsi ia memberikan kesan kepada keseluruhan sistem. Dalam teks ucapan tersebut dapat dikenalpasti dan difahami peranan wanita apabila TGHHA menjelaskan bahawa kaum wanita berperanan sebagai benteng atau sistem pertahanan ummah dalam mengelakkan ancaman, anasir serta serangan pemikiran yang menggugat akidah dan sahsiah keluarga.

Teori kelima yang berguna untuk memahami peranan wanita ialah dengan teori feminis. Teori ini mengangkat pandangan dan perasaan wanita yang berbeza daripada pandangan dan perasaan pihak lelaki. Konsep yang disentuh oleh Teori Feminis antaranya berkaitan ketidaksetaraan dan kuasa tindakan. (Fatimah, 2018). Oleh itu dalam meneroka peranan wanita, teori feminis mengangkat dan mengutamakan pendirian serta perasaan wanita yang berbeza dari pendirian lelaki. Selain dari lima teori yang disenaraikan ada banyak lagi teori sosial lain yang boleh dirujuk dan diteroka bagi memahami peranan wanita dalam masyarakat.

Perbincangan teori sosial akan tempang jika meninggalkan teori perubahan sosial Ibnu Khaldun. Ini merupakan teori berkaitan perubahan dan hubungan sosial. Menurut Ibnu Khaldun setiap manusia secara tabiatnya merupakan makhluk yang bersosial. (Abdurrahman, 2014). Mereka hidup dan dikelaskan berdasarkan status material dan kuasa. Contohnya kedudukan teratas dalam kedudukan sosial terdiri daripada raja atau pemerintah yang memiliki kekayaan manakala golongan yang paling bawah terdiri dari mereka yang tidak mempunyai apa-apa. Bagaimanapun Ibnu Khaldun berpendirian bahawa tahap kebahagiaan atau kualiti kehidupan tidak dapat diukur dengan kebendaan kerana ramai yang mempunyai kekayaan namun fakir kebahagiaan dan begitulah sebaliknya.

Perwatakan dan pembawaan generasi bergantung kepada peradaban dan pendidikan orang tua. Kebiasaan anak lelaki mewarisi pembawaan

bapa. Manakala anak perempuan mengikut pembawaan ibu. (Abdurrahman, 2014). Selain itu, Ibnu Khaldun menjelaskan bahawa persekitaran dan iklim setempat mempengaruhi masyarakat, gaya hidup, fungsi, emosi dan kegiatan. Teori ini berguna untuk memahami hasrat TGHHA bahawa kaum wanita mempunyai pengaruh tertentu secara domestik dalam keluarga dan juga di pentas masyarakat sebagai aktivis parti, pengundi, pendidik, pemimpin dan penyelesaian masalah ummah.

Analisis Teks Ucapan Dasar

1. Penekanan Peranan Wanita dalam Teks Ucapan Dasar

Kajian ini telah menganalisis 12 teks ucapan TGHHA sebagai Presiden PAS yang disampaikan semasa Muktamar Tahunan PAS dari tahun 2009 - 2020. Secara umumnya, teks ucapan beliau mempunyai fokus tertentu selari dengan tema muktamar Agung PAS. Ayat al-Quran dan hadis-hadis digunakan sebagai asas dan hujah. Dalam setiap ucapan dasar, beliau menjelaskan hala tuju, tema muktamar, pendirian, kritikan, idea, rekomendasi serta motivasi dan saranan kepada ahli-ahli PAS untuk melaksanakan perancangan dan tindakan. Beliau juga menyentuh isu dalam jemaah, isu Kepimpinan di peringkat nasional dan juga kedudukan orang Islam dan negara-negara Islam di pentas antarabangsa.

Aspek peranan wanita dalam keluarga, parti dan masyarakat disentuh secara langsung dalam petikan yang menyentuh peranan Dewan Muslimat PAS secara umum dan khusus. Berikut merupakan ringkasan maklumat penekanan tentang peranan wanita secara khusus dalam ucapan dasar beliau semasa muktamar PAS. Daripada tempoh kajian ini, didapati hanya pada tiga tahun muktamar iaitu 2012, 2016 dan 2017 penekanan tentang wanita dan Muslimat PAS tidak dinyatakan secara khusus.

Pengkaji mendapati teks keseluruhan teks ditujukan secara umum kepada seluruh ahli PAS tanpa menyebut pengkhususan kepada Dewan Ulama, Dewan Pemuda, Dewan Muslimat dan lain-lain seperti ucapan dasar beliau pada tahun-tahun yang lain.

Jadual 1: Teks Ucapan TGHHA Mengandungi (/) Penekanan Mengenai Peranan Wanita dalam Masyarakat

Tahun	Ada	Tiada	Catatan
2009	/		Tema: Islam Memimpin Perubahan
2010	/		Tema: Islam, Adil Untuk Semua
2011	/		Tema: Membangun Negara Kebajikan
2012		X	Tema: Negara Kebajikan Teras Perpaduan
2013	/		Tema: Rahmat Untuk Semua
2014	/		Tema: Terus Beristiqamah
2015	/		Tema: Beristiqamah Hingga Kemenangan
2016		X	Tema: Inilah Penyelesaian Kita
2017		X	Tema: Sejahtera Bersama Islam
2018	/		Tema: Islam Memimpin
2019	/		Tema: Islam Memimpin Perpaduan
2020	/		Tema: Islam Memperkukuhkan Perpaduan

2. Kepelbagaian Bentuk Peranan Wanita dalam Masyarakat

Berdasarkan analisis kandungan keseluruhan teks-teks ucapan tersebut, pengkaji melakukan pengkelasan peranan secara tematik dan mendapati terdapat sembilan sub-tema mengenai peranan wanita dalam masyarakat yang boleh dikeluarkan. Susunan sub-tema mengenai peranan tersebut adalah berdasarkan kekerapan penekanan kepada peranan tersebut dalam teks ucapan beliau.

Jadual 2: Analisis Sub-tema Mengenai Peranan Wanita dalam Masyarakat dalam Ucapan Dasar TGHH

	Sub-Tema	Teks Ucapan Dasar (Tahun)	Kerangka Wahyu	Teori Sosiologi
1	Penggerak Aktiviti Kebajikan Masyarakat	2009; 2010; 2011; 2013; 2015; 2018	Surah al-Nahl 16: 97 Surah al-Ahzab 33: 35 Surah al-Qasas 28:23 Surah al-Taubah 9:71	Teori Struktural Fungsional; Teori Pertukaran Sosial; Teori Perubahan Sosial Ibnu Khaldun
2	Pendidik	2009; 2011; 2014; 2018; 2019	Muslim, Hadith No: 3408	Teori Struktural Fungsional; Teori Perubahan Sosial Ibnu Khaldun
3	Petugas dan Peraih Undi dan Sokongan Kepada PAS	2009; 2011; 2018; 2019	Surah al-Nahl 16: 79	Teori Struktural Fungsional; Teori Konflik
4	Penjaga akidah dan sahsiah ummah	2010; 2011; 2020	Surah al-Taubah 9:71 Muslim, Hadith No: 3408	Teori Sistem
5	Pemimpin masyarakat	2010; 2011; 2014	Surah an-Naml 27:32,33	Teori Sistem, Struktural Fungsional
6	Pendakwah	2010; 2009; 2013	Surah al-Taubah 9:71	Teori Struktural Fungsional; Teori Pertukaran Sosial; Teori Perubahan Sosial Ibnu Khaldun

7	Pejuang agama Islam	2020	Bukhari, Hadith No: 2882	Teori Struktural Fungsional
8	Penyelesai masalah	2015	Surah an-Naml 27:32,33	Teori Sistem; Teori Pertukaran Sosial; Teori Perubahan Sosial Ibnu Khaldun
9	Contoh teladan	2015	Surah al-Tahrim ayat 11-12	Teori Pertukaran Sosial

3. Penggerak Aktiviti Kebajikan Rakyat

Peranan golongan wanita yang paling kerap ditekankan oleh TGHHA dalam ucapan dasar presiden adalah sebagai aktivitis yang menggerakkan masyarakat dengan aktiviti-aktiviti kekeluargaan dan kebajikan. Mereka hendaklah menyantuni golongan yang memerlukan seperti ibu tunggal, kanak-kanak, remaja dan anak-anak yang tidak dibela. Sebagai aktivis, golongan wanita harus menggerakkan rumah-rumah perlindungan, pusat kebajikan dan bimbingan akhlak:

Dewan Muslimat perlu mendepani pelbagai isu masyarakat dan menyentuh hati nurani rakyat, melalui aktiviti kebajikan dan kekeluargaan. (TGHHA, 2018).

Pemuda dan pemudi dalam parti, mestilah sentiasa beristiqamah meneruskan gerakerja kebajikan dan kemasyarakatan, sehingga mampu menjadi contoh yang dikagumi oleh masyarakat. (TGHHA, 2015).

Muslimat juga mestilah mampu turun padang menyantuni ‘golongan kurang bernasib-baik’ dari keluarga bermasalah, armalah, wanita-wanita, remaja dan anak-anak terbiar. Muslimat mestilah memberikan ‘khidmat kebajikan’: kesedaran keluarga bahagia agar ‘golongan kurang bernasib-baik’ ini mendapat penjagaan dan perlindungan sewajarnya daripada seluruh ahli keluarga, penguasa, suami, penjaga dan masyarakat. (TGHHA, 2011).

Gejala sosial dan penindasan remaja, wanita dan kanak-kanak menjadi isu utama di dalam negara kita. Oleh itu sudah sampai

masanya Dewan Muslimat mengambil inisiatif dan berperanan mendepani isu-isu penindasan wanita, remaja dan kanak-kanak secara proaktif menerusi penubuhan sebuah institusi kekeluargaan dan kemasyarakatan...bertujuan untuk menangani gejala keruntuhan akhlak...dan memberi pendidikan mengawal dan menyekat merebaknya kemungkaran ini. (TGHHA, 2010).

4. Pendidik

Dalam konteks peranan wanita sebagai pendidik masyarakat, pengkaji mendapati ada tiga bidang yang ditekankan oleh TGHHA kepada golongan wanita iaitu penglibatan mereka dalam pembangunan insan, bimbingan kemahiran dan pendidikan fikrah siasah.

Dewan Muslimat berperanan besar dalam menentukan ... kejayaan membina kualiti insan dalam negara. (TGHHA, 2018).

Kaum wanita adalah pendidik keluarga secara langsung, mereka melahirkan umat berwibawa daripada keluarga yang soleh. Kita menghadapi zaman serangan pemikiran masuk ke dalam rumah dan keluarga laksana banjir yang sukar disekat. Sudah tiba masanya muslimat menyertai jihad fardu ain yang disebut dalam kitab feqah, kerana bahaya serangan pemikiran adalah lebih besar kesannya kepada masyarakat. (TGHHA, 2011).

Muslimat juga wajar menubuhkan pertubuhan kebajikan seperti Asrama Perlindungan bagi 'golongan kurang bernasib-baik' dengan menyediakan pendidikan dan pengajian agama di samping pelajaran akademik, pusat setempat sebagai tempat pengaduan, pusat rujukan dan khidmat nasihat bagi sebarang masalah dan pusat vokasional wanita bagi memberi kemahiran dan tunjuk-ajar sebagai jalan bagi membuka peluang kerjaya untuk meneruskan kehidupan dan mata pencarian. (TGHHA, 2011).

Muslimat ... mestilah lebih memahami 'psikologi-politik' penduduk bandar dan luar bandar serta pengundi atas pagar terhadap perjuangan kita...ke arah menarik mereka sebagai pengundi PAS...sehingga mereka bersedia menjadi ahli PAS dengan konsep meramaikan kawan bukannya lawan... Dewan Muslimat ... menerapkan elemen 'pendidikan politik' di kalangan generasi muda ...bagi menarik minat terhadap politik sebagai perintah agama yang

tidak boleh dipisahkan, serta memahami hak dan tanggungjawab berpolitik sejak di usia muda, seterusnya mendaftar dan menjadi pengundi yang matang dalam PRU ke-15 nanti. (TGHHA, 2019).

5. Petugas dan Peraih Sokongan Kepada PAS

Kaum wanita merupakan penyumbang kepada undi yang menentukan siapakah yang menerajui kepimpinan negara. Oleh itu, TGHHA menggesa Dewan Muslimat khususnya memainkan peranan aktif bagi menarik sokongan masyarakat agar berpihak kepada PAS dalam pilihanraya umum.

Undi kaum Hawa tiada bezanya dengan undi kaum Adam. Peranan mereka juga sudah meluas ke lapangan masyarakat, maka mereka tidak boleh melepaskan diri daripada Jihad bagi mempertahankan Islam yang sudah menjadi fardhu 'ain selepas fardhu kifayah dalam keadaan biasa. Muslimat memerlukan petugas yang berwibawa untuk menarik sokongan rakyat dan kelompok atas pagar, di samping menjadi benteng aqidah dan akhlak Islam dalam institusi keluarga dan masyarakat. (TGHHA, 2020).

Dewan Muslimat berperanan besar dalam menentukan kuasa politik dan kejayaan membina kualiti insan dalam negara. Penganjuran aktiviti mesra-wanita dalam lapangan kemahiran, minat dan riadah boleh dijadikan wadah untuk mendekatkan PAS kepada golongan wanita. (TGHHA, 2018).

6. Penjaga Akidah dan Sahsiah Ummah

Berdasarkan kenyataan dalam tiga ucapan TGHHA dalam muktamar, beliau melihat wanita berperanan sebagai satu sistem yang kukuh yang dapat menjadi benteng ummah dari gejala dan anasir buruk yang boleh mengganggu-gugat fikiran, akhlak dan akidah masyarakat khususnya generasi muda.

[isu yang perlu ditangani oleh Dewan Muslimat PAS] Cabaran terkini kaum Wanita ialah menjadi sasaran tersebarnya pengaruh musuh Islam yang menghilangkan syakhsiah umat. Kesan dan pengaruh musuh Islam itu sudah memasuki ke dalam rumah dan fikiran yang mempengaruhi keluarga dan masyarakat... (TGHHA, 2020).

7. Pendakwah

